

عائشة ولسياسة

Ketokohan  
**AISYAH**  
**DALAM**  
**POLITIK**

OLEH SA'ID AL-AFGHANI

Terjemahan  
Abu Tobariya Al-Hafiz & Abu 'Izzat Al-Shanafi



# **KETOKOHAN AISYAH DALAM POLITIK**

**Oleh:**  
Sa'id Al-Afghani

**Terjemahan:**  
Abu Tobariya Al-Hafiz & Abu 'Izzat Al-Sahafi

**PUSTAKA JIWA SDN. BHD.  
KUALA LUMPUR  
2005**

**Judul Asal:** *Aisyah Wa Siyasa*

**Karangan:** Sa'id Al-Afghani

**KETOKOHAN AISYAH DALAM POLITIK “*Aisyah Wa Siyasa*”**

Cetakan Pertama: 2005

© Hakcipta Terpelihara: **Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.**

**ISBN: 983-9395-49-1**

**Penerbit: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.**

P.O Box No. 12359

No. 18, Jalan Kovil Hilir

51100 Kuala Lumpur

Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan dengan cara yang boleh dipergunakan semula ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu dari **PUSTAKA JIWA SDN. BHD.** Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

**Penyunting:**

Aznida Binti Mohd Nor

**Perunding Penerbitan:**

Dzulkifli Abdul Kudus

**Dicetak oleh:**

عَائِشَةُ وَ سِيَاسَةُ  
لِسَعِيدِ الْأَفْغَانِي

**KETOKOHAN AISYAH  
DALAM POLITIK**


**Penterjemah:**

**Abu Tobariya Al-Hafiz & Abu 'Izzat Al-Sahafi**

Penglibatan kaum wanita dalam kehidupan adalah seusia dengan kewujudan dunia. Bermula dari Hawa, isteri Nabi Adam a.s. yang telah berjaya mempengaruhi suaminya sehinggalah hari kiamat kelak, sejarah wanita dalam berbagai bidang akan terus berlalu dan mewarnai rencah kehidupan, termasuklah dalam bidang politik dan pemerintahan. Buku ini cuba menyingkap sejarah *Ummul Mukminin* Aisyah binti Abu Bakar r.a. dari segi peranan dan penglibatan beliau dalam politik. Semoga pembaca dapat mengambil iktibar sama ada yang bersifat positif atau negatif terhadap penglibatan kaum wanita dalam politik. Sesungguhnya buku ini sangat sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat, khususnya ahli akademik yang menceburi bidang politik dan juga ahli politik yang terdiri daripada kaum wanita.








# KETOKOHAN AISYAH DALAM POLITIK

Oleh:  
Sa'id Al-Afghani

Terjemahan:  
Abu Tobariya Al-Hafiz & Abu 'Izzat Al-Sahafi

**Peringatan:** Sebarang kekeliruan dalam penterjemahan hendaklah dirujuk semula pada buku asal di dalam Bahasa Arab yang bertajuk, "*Aisyah wa Siyash*."





*"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuksu darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."*

(Al'Alaq: 1-5)





## **KANDUNGAN**

◆	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
◆	<b>MENGENALI SAYYIDATINA AISYAH R.A. DENGAN LEBIH DEKAT</b>	<b>11</b>
◆	<b>AISYAH R.A. DALAM KEPIMPINAN</b>	<b>16</b>
◆	<b>BAB 1: SEKILAS GAMBARAN ZAMAN PEMERINTAHAN KHALIFAH UTHMAN BIN AFFAN R.A.</b>	<b>21</b>
→	<b>FASAL PERTAMA</b>	<b>24</b>
	<b>(A) AISYAH R.A DAN UTHMAN BIN AFFAN R.A</b>	<b>24</b>
	<b>(B) PUNCA PERBALAHAN ANTARA AISYAH R.A DAN UTHMAN BIN AFFAN R.A</b>	<b>30</b>
→	<b>FASAL KEDUA</b>	<b>42</b>
	<b>(A) KECERDIKAN SAYYIDINA UTHMAN BIN AFFAN R.A DALAM BERHUJAH</b>	<b>42</b>

(B) AISYAH BINTI ABU BAKAR R.A DAN PERISTIWA TERBUNUHNYA KHALIFAH UTHMAN BIN AFFAN R.A	51
→ FASAL KETIGA	60
(A) ANALISA KE ATAS FITNAH TENTANG PENGLIBATAN AISYAH BINTI ABU BAKAR R.A	60
(B) IBN SABA' DENGAN SEGALA KEJAHATAN DAN HASUTANNYA	67
→ FASAL KEEMPAT	75
(A) MENJAWAB TOHMAHAN TERHADAP KESALAHAN-KESALAHAN AISYAH R.A	75
♦ BAB 2: KEDUDUKAN AISYAH PADA ZAMAN PEMERINTAHAN ALI BIN ABI TALIB R.A HINGGA PERANG JAMAL	89
→ FASAL PERTAMA	91
(A) HUBUNGAN ANTARA ALI DAN AISYAH PADA MASA LALU	91
→ FASAL KEDUA	102
(A) PENDIRIAN DAN SIKAP AISYAH TERHADAP PERLANTIKAN ALI R.A	102

→ FASAL KETIGA	118
(A) PERJALANAN AISYAH KE BASRAH: SATU KESEPAKATAN PARA SAHABAT TERKEMUKA	118
(B) NASIHAT UMMI SALAMAH R.A KEPADA	122
(C) PASUKAN UNTA (AISYAH) DI HAUD	131
→ FASAL KEEMPAT	141
(A) PERTEMUAN KHALIFAH ALI R.A. DENGAN PASUKAN UNTA	141
→ FASAL KELIMA	155
(A) MUSLIHAT POLITIK PASUKAN UNTA DAN SERANGANNYA	155
(B) SURAT	157
(C) PERJALANAN DAN PERWAKILAN	162
(D) AISYAH R.A. MENDUDUKI BASRAH	167
(E) BUTIR-BUTIR PERJANJIAN DAMAI	179
(F) PEPERANGAN JAMAL DI MIRBAD TAMAT	180



→	<b>FASAL KEENAM</b>	<b>183</b>
	<b>(A) PENDUDUKAN PASUKAN UNTA DI BASRAH, PERJALANAN KAAB BIN SYUR KE MADINAH</b>	<b>183</b>
	<b>(B) KEPULANGAN KA'AB BIN SYUR DAN KEENGGANAN UTHMAN BIN HANIF DALAM MENEPATI PERJANJIAN</b>	<b>185</b>
☛	<b>BAB 3: PERANG JAMAL: SATU FITNAH YANG BESAR</b>	<b>205</b>
→	<b>FASAL PERTAMA</b>	<b>207</b>
	<b>(A) PERJALANAN KHALIFAH ALI R.A. KE KUFAH: TENTANG SURAT DAN PERJALANANNYA</b>	<b>207</b>
	<b>(B) PERJALANAN DAN PERWAKILAN ALI R.A. KE KUFAH</b>	<b>214</b>
	<b>(C) PEMECATAN ABU MUSA AL-ASY'ARI SECARA PAKSA</b>	<b>229</b>
→	<b>FASAL KEDUA</b>	<b>232</b>
	<b>(A) PERJALANAN ALI MENUJU PASUKAN UNTA DAN RAKYAT BASRAH</b>	<b>232</b>
	<b>(B) MENUJU PERDAMAIAN</b>	<b>241</b>

<b>(C) KHALIFAH ALI R.A. TIBA DI BASRAH</b>	<b>245</b>
<b>(D) AHLI POLITIK BERHIMPUN</b>	<b>254</b>
<b>(E) PENGKHIANATAN DAN KEJAHATAN YANG       DIPELOPORI OLEH ABDULLAH BIN SABA'</b>	<b>259</b>
<b>→ FASAL KETIGA</b>	<b>265</b>
<b>(A) TIPU MUSLIHAT ATAU KEPENTINGAN       TER TENTU DAN PEPERANGAN       FITNAH: MENGADAKAN SESUATU YANG       TIDAK WUJUD</b>	<b>265</b>
<b>(B) PEPERANGAN</b>	<b>266</b>
<b>(C) KEKALAHAN PASUKAN UNTA DAN       BERAKHIRNYA PEPERANGAN</b>	<b>287</b>
<b>→ FASAL KEEMPAT</b>	<b>299</b>
<b>(A) MANGSA-MANGSA YANG GUGUR</b>	<b>299</b>
<b>(1) ZUBAIR BIN AWWAM R.A.</b>	<b>299</b>
<b>(2) THALHAH BIN UBAIDILLAH R.A.</b>	<b>303</b>
<b>(3) MANGSA-MANGSA YANG LAIN</b>	<b>305</b>

-> FASAL KELIMA	312
(A) HARI-HARI TERAKHIR AISYAH R.A. DI BASRAH	312
(B) PERDAMAIAN DI ANTARA KEDUA BELAH PIHAK	317
◆ BAB 4: PERISTIWA SELEPAS PERANG JAMAL	321
-> FASAL PERTAMA	323
(A) MENGASINGKAN DIRI ADALAH SATU AKTIVITI YANG BIJAK	323
-> FASAL KEDUA	337
(A) PERDAMAIAN DI ANTARA PENYOKONG	337
◆ BAB 5: KEHIDUPAN POLITIK AISYAH SELEPAS PERANG JAMAL	349
-> FASAL PERTAMA	353
(A) POLITIK AISYAH BINTI ABU BAKAR R.A.	353
-> FASAL KEDUA	364
(A) SIAPAKAH PEMBUNUH MUHAMMAD BIN	

<b>ABU BAKAR?</b>	<b>364</b>
<b>(B) HUJR BIN 'ADI (SEORANG HAKIM YANG ADIL) DIBUNUH</b>	<b>373</b>
<b>(C) HUKUMAN KE ATAS HUDBAH BIN HUSRAM</b>	<b>386</b>
<b>(D) PERPISAHAN</b>	<b>389</b>
<b>(E) MUAWIYAH R.A. DI RUMAH AISYAH R.A.</b>	<b>399</b>
<b>◆ BAB 6: AISYAH DALAM PERPISAHAN</b>	<b>411</b>
<b>→ FASAL PERTAMA</b>	<b>413</b>
<b>(A) ANGGAHAN UMUM TERHADAP KEHIDUPAN AISYAH R.A.</b>	<b>413</b>
<b>→ FASAL KEDUA</b>	<b>422</b>
<b>(A) ANGGAHAN UMUM TERHADAP PEN-YOKONG AISYAH BINTI ABU BAKAR R.A.</b>	<b>422</b>
<b>→ FASAL KETIGA</b>	<b>440</b>
<b>(A) ANGGAHAN KOMUNITI (MAZHAB) MUSLIMIN TERHADAP PERANAN AISYAH R.A.</b>	<b>440</b>
<b>(I) PENDIRIAN AHLUSSUNAH</b>	<b>441</b>



<b>(II) PENDIRIAN KHAWARIJ</b>	<b>455</b>
<b>(III) PENDIRIAN GOLONGAN MURJI'AH</b>	<b>456</b>
<b>(IV) PENDIRIAN GOLONGAN MUKTAZILAH</b>	<b>457</b>
<b>(V) PENDIRIAN GOLONGAN SYIAH</b>	<b>460</b>
<b>(VI) PENDAPAT SEORANG MUJTAHID SYIAH MASA KINI</b>	<b>480</b>
<b>♦ PENUTUP DAN KESIMPULAN</b>	<b>492</b>
<b>♦ INDEKS</b>	<b>502</b>
<b>♦ RUJUKAN</b>	<b>504</b>

## PENDAHULUAN

**S**unnah Allah, merupakan fitrah manusia seperti perwatakan, kasih-sayang, berfikir serta kemampuan merangka imaginasi.

Hakikat perbezaan antara lelaki dan wanita adalah sesuatu yang abadi menurut tafsiran *hikmah kauniyah* atau proses alam yang menuntut aktiviti munasabah di dalam bidang masing-masing.

Dari segi fungsi, lelaki dan wanita mempunyai hak dan kewajiban masing-masing, walaupun secara *struktural* mempunyai rasa memberontak yang mana adakalanya membawa kesan kepada kekacauan dan kerosakan. Di antaranya seperti kemudharatan yang tidak dapat dielakkan. Ini kerana adanya persamaan dalam bentuk pemikiran atau *fanatisme* aliran.

Dalam pandangan Islam, permasalahan ini sekaligus akan membawa hikmah iaitu sudah sebatu dan tidak boleh berubah walaupun masyarakat, tamadun malah negara telah berubah di mana adakalanya akan menyebabkan ianya bertentangan antara satu dengan yang lain.

Seperti yang sedia maklum, wanita merupakan ratu sesebuah rumah tangga. Peranan wanita seperti menjaga dan mengasuh anak, melayan suami, mengurus rumah tangga dan sebagainya tidak sepatutnya dipandang remeh

atau menjadi bahan hinaan.

Bagaimanapun perubahan yang dinamik boleh berlaku dimana ia tidak keluar dari sistem kaedah positif dalam pandangan Islam. Sesungguhnya menyebar kesesatan tidak akan tersentuh oleh pusingan zaman, di mana kebudayaan boleh membawa kepada kesesatan. Hal itu sehingga mencemar pandangan mata dan menolak manfaat.

Salah satu dakwaan atau tuntutan yang dimaksudkan ialah adanya kepemimpinan tentera, pentadbiran masyarakat, pemerintahan dan politik yang kononnya menjadi monopoli dan otoriti oleh hak lelaki semata-mata seperti juga keadaan ibu yang mempunyai hak kewanitaannya yang sifatnya sebatan dan abadi, umpamanya melahirkan dan membelai anak dengan penuh kasih-sayang.

Pada ahli sejarah mempunyai banyak keterangan atau fakta tentang kepimpinan seorang wanita dalam urusan politik dan pentadbiran negara. Walaupun tidak dibentangkan seluruh keterangan tersebut dengan topik di atas, namun ia boleh didapati secara umum dan menyeluruh.

Perkara ini sangat menyokong isu-isu wanita pada zaman moden, apatah lagi bagi golongan terpelajar yang terdidik untuk menjaga kestabilan kuasa, kelangsungan adat dan undang-undang dan kesinambungan kepimpinan dalam struktur pemerintahan yang telah dimainkan oleh wanita.

Kemudian dia mengadakan penelitian ke atas peranan wanita secara terperinci dan teliti satu demi satu, maka boleh jadi hal itu akan manemui satu reaksi umpama air mengalir, di mana majoriti wanita seperti itu akan dikecam dengan pandangan negatif di negara manapun mereka

berada.

Sebenarnya urusan pentadbiran politik memerlukan pemikiran intensif, kenyataan yang benar, lembut, kesabaran mendalam dan rasa simpati terhadap pencegahan yang diarahkan kepada hawa nafsu.

Jika gagal berbuat demikian, maka akibatnya semua yang tersebut itu akan menyukarkan kedudukan wanita malah kedudukan orang lelaki. Berbagai isu kemasukan wanita dalam dunia politik adalah dua perkara yang menghiasi perjalanan sejarah yang tidak menghairankan lagi. Ianya tidak akan terpisah kecuali kemampuan wanita itu sendiri dalam mengatur isu dengan cara bijaksana.

Dengan demikian sebaik sahaja wanita ini sudah bertindak ke tahap yang tertinggi atau maksima, maka sesuatu yang bukan bidangnya dengan berbagai pengalaman, seharusnya diletakkan kepada ketidakmampuan dirinya sendiri.

Sejarah *Arus* (tokoh wanita) adalah sebuah data yang berjaya dihimpun dalam sejarah, ia adalah seorang ratu yang memerintah dengan penuh kasih sayang dan bijaksana.

Terdapat kenyataan yang berkembang sejak sekian lama yang sentiasa mengenepikan wanita seperti menyifatkan wanita hanyalah sekuntum bunga berbau harum. Namun kami (penulis) sangat kagum dengan isu di atas, tertarik dengan peraturan yang menyokong peranan wanita dan dapat dilihat dalam satu pertandingan di Oxford.

Ketika itu seorang peserta bertanya apakah boleh seorang



wanita memegang jawatan sebuah institusi Kerajaan? Saya (penulis) tidak mampu menggambarkan musibah yang telah dilakukan kerajaan Inggeris dalam pentadbirannya yang dipimpin oleh salah seorang dari segolongan wanita. Kongres tersebut berlangsung di Donald Street, Nombor. 10  
(1)

Saya (penulis) mengilustrasikan kongres itu yang dilaksanakan oleh para wanita yang mempunyai kerjaya dalam dunia politik bermula dari wartawan, ahli parti, birokrat, ahli parlimen dan orang yang mempunyai kepentingan dengan mereka seperti para pengusaha.

Pandangan sempit mengakibatkan rasa permusuhan terhadap *kemaslahatan* wanita, menghembuskan api permusuhan, kekacauan, penghinaan bahawa lelaki telah mengambil alih peranan mereka, sama ada menjadi pengusaha, ahli politik dalam sesuatu parti serta tidak lepas dari berbagai kes yang kesannya menjurus kepada kekacauan.

Di kalangan wanita, ada yang menjadi ahli parlimen, dimana salah satu di antaranya saling melakukan tuduhan dalam mencapai tujuannya.

Kekejian dilontarkan kepada lawan sesama wanita sehingga mengakibatkan rosaknya rumah mereka dan menjadikan kaum lelaki dan anak-anak dalam pengembaraan di tempat mereka sering bersembang serta penginapan mewah.

---

1- Lihat Majalah *Al-Risalah*, m/s 369

Ketika mereka terbabit dalam urusan politik, maka urusan rumah tangga mereka terabai. Padahalnya sudah pasti akan kembali kepada diri sendiri dengan satu soalan apakah kita (dalam kontes tersebut) menemui mithali dalam masyarakat? Tentunya kita sebagai umat Islam berharap agar dijauhkan dari keburukan ilustrasi tersebut.

Saya berdoa kepada Allah s.w.t semoga dijauhkan dari segala kekacauan yang menimpa kanak-kanak, saudara-mara, isteri, para ibu, dimana apabila mereka terbabit dalam dunia politik maka wanita akan terjebak (kerana hilang fungsi sebagai wanita) dan kebimbangan ini menurut hemat penulis adalah pendapat orang-orang yang secara realitinya tidak suka bahkan memusuhi wanita yang berpolitik, kerana aturan sosial seperti ini tidak akan terhiasi oleh keluhuran budi serta kemuliaan wanita.

Masyarakat seperti ini tidak akan mampu melahirkan rumah-tangga *sakinah*, masyarakat seperti ini tentunya adalah masyarakat yang rugi, kerana rumahtangga sudah hancur, udara segar dan bau semerbak kasih sayang telah pudar dari sebuah rumah tangga.

Masyarakat Barat seperti Amerika dan Eropah sudah lama membawa wanita ke dalam kancah politik malah kelompok intelektual dimana manusia memperbaiki pranata sosial apabila dipegang oleh wanita yang sudah melampaui batas-batas semulajadinya.

Aspek *historis* dunia Barat bukanlah suatu yang sengaja diada-adakan dalam perjalanan umat manusia, penulis berkeyakinan bahawa isu ini tetap satu, sama ada negara itu mengalami kemunduran dalam politik atau lemah dalam aturan masyarakat bukan kerana persoalan wanita dalam

berpolitik.

Buku ini lebih banyak mengandungi contoh dalam aspek sejarah, dalam persoalan ini mungkin terdapat aplikasi tidak baik seperti penyertaan wanita dalam politik itu sering diclakwa sebagai buruk, sedangkan semua itu tidak terlepas dari peranan lelaki. Di sini penulis hanya berusaha untuk mencari *kemaslahatan* dan kebaikan umat Islam. Sejak permulaan Islam masyarakat Arab sendiri telah mengadakan semula kajian tentang hikmah sebagaimana hadis yang pernah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w yang bermaksud

*“Tidak akan berjaya apabila sesuatu persoalan diserahkan pada wanita.”<sup>(2)</sup>*

Hadis ini benar, tetapi jangan silap bahawa pandangan itu dikaitkan dengan persoalan sesuatu yang tertentu dan dengan persoalan lain tidak ada hubung kaitnya. Jikalau melihat sketsa politik yang terjadi dalam *jihad* Islam, maka kita akan menemui persoalan yang kompleks, kerana pada hakikatnya ketika itu tidak ada seorang pun yang akan menghalang kaum wanita untuk turut serta ber*jihad*. Oleh itu kedudukan lelaki dan wanita dalam hal ini adalah sama.

Cuma wanita bergantung pada bidang yang dikhaskan sendiri, iaitu lelaki bertugas untuk berperang manakala wanita untuk mengubati pasukan yang luka (sebagai perawat), memberikan pertolongan seperti memberi minum, makan, mandi, menjahit luka-luka parah, bahkan

---

2- *Musnad Abu Daud Al-Thulaisiy*, m/s 118 dan *Musnad Ahmad*, m/s 5/35

wanita pada waktu itu mampu memberi sumbangan terhadap sesebuah peperangan ketika wanita mendapatkan indikasi tidak baik, maka wanita akan membantu seperti mengadakan pertahanan, menghunus pedang malah berperang.

Sesungguhnya wanita Arab adalah sangat mulia, itu tidak dapat dinafikan. Wanita mempunyai persamaan dengan lelaki dari segi keberanian, keikhlasan dan lain-lain. Demikian juga ketika zaman jahiliyah, peranan wanita juga berada di peringkat tinggi. Wanita dalam sebuah peperangan banyak bertugas mengubati, memberi pertolongan, memberi minum, malah turut sama berperang seperti lelaki.

Ketika Islam datang, peranan wanita seakan-akan berkurang. Para wanita seakan terleka dengan kesenangan, kesombongan dan mengambil agama yang lebih sempurna. Wanita sepatutnya bersyukur kepada Allah s.w.t dalam bentuk tindakan praktikal, kerana sebelumnya wanita sering berada dalam keadaan tertindas dan menjadi hamba abdi oleh lelaki. Tetapi ini semua berubah setelah datangnya Islam, kerana mereka ikut berperang di medan pertempuran dalam menegakkan suatu kebenaran, mempertahankan agama Allah s.w.t dan rasulNya.

Dengan demikian wanita dapat disamakan dengan lelaki, sama ada dalam nilai keluhuran, malah dalam tugas-tugas yang mustahak, ini jelas bukan sesuatu yang dapat dianggap remeh.<sup>(3)</sup>

---

3- *Ibid*, m/s 37

Terdapat data sejarah bahawa Rasulullah s.w.t sering membawa wanita untuk ikut berperang, tentu ini tidak mengurangkan nilai dalam diri wanita. Satu contoh, wanita ditugaskan untuk berperang dan ditugaskan dibahagian perubatan iaitu mengubati, memberi minum, memberi makan, menyediakan pakaian bagi pasukan perang, malah adakalanya mereka juga ikut berperang.

Didalam buku *Thabaqat Ibn Sa'ad* disebutkan bahawa Ummu Imarah binti Ka'ab adalah seorang saksi dalam perang Uhud beserta suaminya bernama Huzaih bin Amr dan anak lelakinya. Ceritanya, pada waktu tengahari ia menunggang kuda bersama pasukan perang dengan tujuan untuk mengubati pasukan terluka, tetapi setelah perang berkecamuk ia terpaksa ikut bertempur. Ia mengalami dua belas luka, terkena tombak dan tusukan pedang.<sup>(4)</sup>

Kejadian ini terus menghiasi wanita setelah wafatnya Rasulullah s.a.w, penulis mempunyai banyak nama tentang wanita sebagai syahidah, Nasibah Sofia, Khulah binti Azur, kesemuanya tewas dalam peperangan melawan Rom, bahkan sampai kepada peperangan suci (salib) Umi Hakim juga terbunuh dengan tujuh luka, ketika mengiringi pasukan Khalid bin Said bin Ash.

Imam Thabari menyebut peranan wanita ini yang dipetik dari isteri Himam bin Haris Al-Nakha'i berkata: "*Aku dengan Saad bin Abi Waqash telah menyaksikan perang suci. Ketika kami selesai berperang kami diserang oleh pihak*

---

4- Thabaqat Ibn Sa'd, pada saat pemerintahan Khalifah 'Umar bin Khattab abad 14 H.

*lawan, maka kami segera mengambil tongkat besar yang pada ketika itu tidak satu pun Muslimin boleh aku tolong dan tidak satu pun orang musyrik mampu aku bunuh, tetapi aku terus bertempur mengajak pemuda yang masih kecil untuk berperang bersama-sama melawan pihak lawan."*

Ketika isu ini bergolak, diadakan pemisahan bahagian, saya sendiri telah memaparkan dengan panjang lebar peranan mereka dalam berbagai kelompok sehingga sejarah sendiri tidak akan dilupakan oleh kesombongan wanita, ini terbukti oleh kabilah-kabilah Al-Nakha'l, sesuai dengan apa yang dikemukakan oleh At-Tabari "Ada tujuh ratus wanita yang tidak mempunyai suami dalam kabilah dan seribu wanita pada saat perang mempunyai suami, sedangkan kabilah Al-Nakha'i itu sendiri sudah terkenal dengan keluarga muhajirin."<sup>(5)</sup>

Rasulullah s.a.w sendiri dalam hidupnya banyak meminta wanita untuk *berjihad* dan berkumpul serta meminta pandangan mereka dalam berbagai persoalan, sehingga tidak hairan juga dipraktikkan oleh khalifah-khalifah Rasulullah bahkan setelah kekhalifahan Rasul berakhir.

Ini terbukti dengan peranan wanita dalam ilmu pengetahuan terus dikembangkan, tetapi ada sebahagian golongan mengelirukan fakta tersebut, seperti Najdah bin Amir Al-Khururi pernah mengutus surat kepada Ibn Abbas yang bertanya sama ada Rasulullah s.a.w berperang mengajak para wanita? Pernahkah mereka terkena lemparan lembing, Ibn Abbas menjawab "Ya, Rasulullah

---

5- *Tarikh At-Tabari*, Jilid I, m/s 82

s.a.w pernah berperang bersama-sama wanita. Sebahagian mereka bertugas mengubati mereka yang terluka, mereka juga diberi *ghanimah* (rampasan perang) seperti lelaki."<sup>(6)</sup>

Setelah dihuraikan tentang keluarnya wanita bersama lelaki untuk berperang itu ketika masa penaklukan, ekspedisi perang itu sendiri masih menjadi *fardhu kifayah* bagi lelaki. Perkara ini dapat disimpulkan bahawa apabila terjadi sebaliknya, seperti adanya musuh menyerang ke dalam negara Islam atau penjajahan terhadapnya, maka di sini jihad tidak hanya menjadi *fardhu kifayah* bagi lelaki tetapi sudah meliputi semua kaum Muslimin tidak kira lelaki atau perempuan, bahkan ada *ijtihad* dari *fuqahak* dalam keadaan tersebut bahawa wanita mempunyai kewajipan untuk keluar ikut berperang, walaupun tidak mendapat izin dari suaminya. Oleh itu, tidak ada peminggiran salah satu pihak tentang kewajipan harus diletakkan pada wilayah sama, ertinya lelaki dan wanita, orang merdeka atau hamba sahaya.

Sesungguhnya, dalam bidang politik terdapat berbagai kecurangan dan perkara-perkara sulit, di sinilah wanita diharamkan apabila ianya berbuat kekacauan di tengah masyarakat. Tetapi apabila masalah *jihad*, tentu masalahnya sudah jelas dalam erti wanita mempunyai hak dan kewajipan.<sup>(7)</sup>

---

6- *Taisir Al-Wushul*, Jilid I, m/s 230

7- *Syarah Zumailiy 'ala Matniy Kanziy*, Jilid III, m/s 241

## MENGENALI SAYYIDATINA AISYAH R.A. DENGAN LEBIH DEKAT

**A**isyah binti Abu Bakar r.a. dilahirkan setelah roh kenabian tumbuh dalam lingkungan rumah orang tuanya iaitu Abu Bakar As-Sidiq r.a. yang juga sebagai orang paling mengerti tentang sejarah Quraisy, silsilah (*nasab*) dan perhitungan hari.

Aisyah r.a. kemudian berhijrah ke Madinah dan dididik oleh Rasulullah s.a.w ketika masih kecil. Aisyah r.a. sangat fasih dalam melafazkan teks wahyu, berjaya menyalurkan berbagai ilmu pada masa akan datang. Beliau terkenal dengan dedikasi dan kepandaianya. Aisyah r.a. banyak terhias oleh petunjuk Nabi s.a.w yang mana ia sendiri sangat tekun dalam urusan agama dan ibadah.

Nabi s.a.w mendidiknya dengan berbagai ilmu bahkan mengajaknya bersama-sama dalam berbagai medan pertempuran. Aisyah r.a. adalah wanita paling banyak memaparkan sejarah Nabi s.a.w dan umat Islam sepertimana ianya sangat mengerti tentang sistem bangsa Arab Jahiliyah pada ketika itu.

Sebelum Nabi s.a.w wafat, Baginda menjadikan Aisyah sebagai pakar rujukan hujah, juga dijadikan tempat berlindung para pembesar sahabat dan para pemuda yang hendak mencari ilmu melalui fatwa-fatwa Aisyah r.a..



Ramai pengkaji sejarah memaklumkan bahawa keilmuan Aisyah telah mencapai puncak kematangan berkaitan berbagai persoalan agama, sama ada masalah Al-Quran, Hadith, Tafsir, *Fiqh* serta mampu menyampaikan kepada para sahabat yang tersebar di penjuru negeri tentang hadis-hadis hukum sehingga mereka menjadi rujukan pelajar dan perawi hadis selanjutnya.

Beliau tetap tinggal di Madinah kerana di sana kedudukannya sangat penting sebagai pusat sumber hadis dan kampung ilmu. Ketika para sahabat mempunyai masalah pelik, maka para sahabat bertanya sebagaimana 'Umar bin Khattab r.a. bertanya kepada Aisyah tentang segala persoalan hukum wanita dan amalan Nabi s.a.w dalam urusan rumah tangga. Tiada satupun dari kalangan wanita yang mampu menandinginya.

Ketika ada riwayat sampai kepada Aisyah dan tidak sesuai dengan pandangannya, tanpa segan Aisyah memperbaikinya, menerangkan apa yang tersimpan di dalamnya sehingga hal ini menjadi benar.<sup>(8)</sup> Dari itu orang yang masih ragu dalam sesebuah riwayat boleh bertanya secara langsung kepada Aisyah, tetapi apabila tempatnya jauh maka dia mengirim surat kepadanya.

Dari sinilah reputasi dan kehebatan Aisyah dalam keilmuan sangat terkenal, ia menjadi rujukan para pembesar sahabat seperti Abu Bakar, Umar, Abdullah bin Umar, Abu Hurairah, Ibn Abbas, Zubair bahkan ada satu riwayat mengatakan bahawa Aisyah menghuraikan satu perempat syariat

---

8- *Musnad Ahmad*, m/s 6-9

Islam seperti yang dikatakan Al-Hakim dalam kitab *mustadraknya*.<sup>(9)</sup>

Inilah budaya cerdas yang diperolehi dari rumah Rasulullah s.a.w dan juga sesuatu yang diperolehi dari rumah bapanya Abu bakar adalah pengetahuan yang sangat luas dalam bidang informasi, syair, adat dan tradisi bangsa Arab, *Silsilah (nasab)* Arab dan riwayat Qasidah sebanyak 60 bait.<sup>(10)</sup>

Informasi ini tersiar ke segenap penjuru dunia Islam, ia menjadi wanita yang tidak ada tandingannya sama ada oleh lelaki mahupun wanita. Penulis akan cuba memaparkan salah satu sahaja tentang sejarah perjalanan *intelektual* beliau iaitu:

Riwayat Abu Buraidah dari bapanya berkata tiada satu pun hadis menjadi persoalan kami, sahabat Rasulullah s.a.w yang ditanyakan kepada Aisyah kecuali mendapatkan keterangan benar.<sup>(11)</sup>

Imam Al-Zuhri mengatakan seandainya ilmu pengetahuan manusia seluruh wanita mukminah dijadikan satu maka nescaya ilmu Aisyahlah lebih luas.

Imam Masruq berkata: "Demi Allah aku telah menyaksikan pembesar sahabat Muhammad s.a.w bertanya kepada Aisyah tentang masalah *Fara'id* (Ilmu pembahagian harta pusaka).

---

9- *Pengantar Kritik atas kitab Imam Zarkasyi*  
10- *Sejarah Khusus Aisyah*, m/s 85  
11- *Ibid*, m/s 82

Urwaah bin Zubair berkata kepada Aisyah: "Aku tidak hairan lagi tentang engkau sebagai isteri Nabi Allah, puteri Abu Bakar, kepandaianmu dalam bidang syair, tetapi pengetahuanmu tentang ilmu perubatan itu dari mana datangnya? Apa hakikatnya? Mendengar sanjungan itu Aisyah menepuk bahu Urwah (sebagai satu tindakan rendah diri) ia berkata:

"Wahai Urwah, di akhir hayatnya, Rasulullah s.a.w terkena penyakit, banyak utusan orang Arab memberikan ubat kepadanya, aku pun ikut mengubatnya sehingga ketika aku sakit aku ubati sendiri. Apabila orang lain sakit, aku juga mengubatnya, aku mendengar cara itu dari khalayak ramai maka aku mencubanya."

Urwah berkata aku telah lama berkawan dengan Aisyah, aku tidak berjumpa seorang pun mengaguminya dalam isi ayat yang diturunkan kepada Nabi mengenai kewajipan-kewajipan, sunnah, syair hitungan hari bangsa Arab, hukum, pengubatan lain-lain.

Sya'bi berkata bahawa Aisyah berkata: "Aku telah meriwayatkan terhadap orang yang tinggal di rumah sebanyak 1000 rumah." Ketika ia meriwayatkan hal ini, ia sangat kagum terhadap kepandaian Aisyah, ia berkata pasti perkiraan kalian ini adalah adab kenabian.<sup>(12)</sup>

Pemaparan ini merupakan upaya penggambaran bahawa ketika itu Aisyah tidak dapat ditandingi oleh sesiapaupun. Kita boleh bayangkan kehebatannya dalam kitab ini di

---

12. *Ibid*, m/s 100, 76, 77 dan m/s 97

mana tidak cukup dengan kekaguman, kita tidak perlu memerlukan bukti-bukti yang konkrit mengenai perkara itu kerana ia sudah tersebar luas di kalangan ahli sejarah. Di sini cukup dengan dua bukti iaitu: Pertama, Muawiyah dan kedua, Ahmab bin Qais sebagai Gabenor Basrah yang juga menjadi kakitangan Muawiyah.<sup>(13)</sup>

Ketika menjadi khalifah pada akhir jawatannya, Muawiyah r.a. pernah memasuki kota Basrah dan berpidato di sana, dia berkata, "Demi Allah, aku tidak pernah mendengar orang lebih pintar dari Aisyah selain Rasulullah s.a.w."

Ahmab bin Qais merupakan kepala suku Bani Tamim suku Arab ketika itu berkata: "Aku telah mendengar pidato Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali dan khalifah-khalifah sesudah mereka, kesemuanya itu tidak mampu menandingi pidato Aisyah r.a."<sup>(14)</sup>

Allah telah mengurniakan Aisyah sifat kesempurnaan, yang mana tidak pernah diberikan untuk sekalian manusia. Mereka sepakat mengatakan bahawa Aisyah adalah pemimpin wanita Arab.

Aisyah sentiasa melakukan amalan-amalan yang sangat berguna bagi kepentingan masyarakat, sehingga jika dia seorang lelaki, nescaya dia layak menjadi khalifah. Bahkan seandainya Abu Bakar As-Siddiq, bapanya mendapat kelebihan, maka ia hanya terletak pada gelaran khalifah.<sup>(15)</sup>

---

13- *Tahzib Tarikh Ibn Al-Asakir*, jilid IV, m/s 417 dan jilid VII, m/s 23

14- Op. Cit., m/s.89

15- Ibn Hayyan, *Al-Imta' Wa Al-Mu'anisah*, jilid III, m/s 199

## **AISYAH R.A. DALAM KEPIMPINAN**

**A**isyah r.a. adalah wanita yang mendapat sokongan kepimpinan dari kebanyakan sahabat khasnya golongan wanita tanpa sebarang kekerasan. Ianya mampu membuka mata kaum wanita, lemah-lembut dalam menggapai sesuatu.

Beliau memiliki nama baik dan kerjaya yang sangat tinggi di dalam bidang keilmuan, sastera agama sehingga boleh dikatakan mencapai puncaknya.

Perkara ini disebabkan kedudukan Aisyah sebagai guru bagi sahabat dalam urusan ilmu agama. Sudah menjadi kebiasaan *khulafa' Ar-Rasyidin* dimana mereka selalu menjaga rumah Aisyah, bermesyuarat dengannya, bertanya berbagai persoalan dan menjadikan pendapatnya sebagai rujukan mereka. Aisyah r.a. sebagai jambatan emas untuk menghubungkan antara kepentingan rakyat dan para pemimpinnya. Beliau memberi nasihat apabila ada kesalahan dalam periwayatan hadis yang diriwayatkan mereka atau sesuatu hukum yang mereka putuskan.

Kepada Aisyahlah para pembesar sahabat merujuk persoalan, pengagungan masyarakat terhadap kedudukan wanita sesuai dengan selengkapnya, sehingga banyak perkara menjadi jelas terutama dalam keberaniannya yang

penuh dengan sopan santun.

Aisyah merupakan salah seorang isteri Nabi Muhammad s.a.w yang telah disebutkan keluhurannya oleh Allah s.w.t dalam Al-Quran. Aisyah membaca ayat Al-Quran ketika perang berkecamuk selama empat belas kali, sama ada dalam keadaan senang atau susah sehingga orang mukmin yang mendengarnya tersentuh dan menimbulkan rasa hormat yang sangat tinggi kepadanya sebagai wanita pendamping Rasulullah dalam suka mahupun duka.

Aisyah sangat sabar hidup bersama Rasulullah s.a.w. Dalam kesulitan hidup menghadapi berbagai cabaran, Aisyah menghilangkan usaha meringankan derita yang dialami oleh Rasulullah s.a.w apabila menyebarkan dakwah Allah.

Rumahnya sering dinaungi oleh turunnya wahyu, rahmat serta hidayah selama hidup Rasulullah s.a.w. Ketika Rasulullah s.a.w wafat ke hadrat Tuhan, rumahnya tetap dijadikan tempat persinggahan umat Islam dengan berbagai keperluan bermula dari belajar, meminta fatwa, meminta perlindungan atau hanya sekadar ingin bertemu.

Di sinilah terbukti peranan Aisyah mampu menunjukkan jalan orang dalam kesulitan, mengajar orang bodoh, melayan tetamu dan membantu orang-orang yang memerlukan. Manusia yang berbeza pendapat pada ketika itu mampu disatukan olehnya, orang-orang selain khalifah menghormati Aisyah ibarat menghormati ibunya sendiri.

Sesungguhnya Allah s.w.t telah memuliakannya pada tempat yang sangat luhur. Dia diberikan keluasan di dalam menangani sistem sosial masyarakat dalam dakwah-

dakwah suci lain di mana kedua perkara itu diakui oleh semua umat Islam.

Dengan demikian pangkat yang berbeza ini hanya boleh ditandingi oleh para Nabi dan Rahmat Allah dengan umat ini. Umur Aisyah dipanjangkan oleh Allah s.w.t setelah Rasulullah wafat agar ia berfungsi sebagai wanita ulama yang dapat menyampaikan sunnah Nabi kepada umatnya, melebihi urusan wanita sehingga kebijaksanaan Nabi dalam urusan rumah tangga dapat diketahui oleh umat Islam melaluinya.

Dari beliau jugalah mereka banyak meriwayatkan hadis sehingga jika beliau tidak ada, maka hadis akan musnah. Rumahnyanya berfungsi sebagai tempat pendidikan, pintu-pintunya terbuka lebar bagi lelaki mahupun wanita tanpa ada perbezaan walau sedikitpun.

Berkat Rahmat Allah, isteri Nabi itu secara keseluruhannya telah menghasilkan sejarah selama lebih kurang lima puluh tahun kepada masyarakat, seolah-olah wahyu tidak pernah putus ibarat matahari yang terus memancarkan sinar kewahyuan tanpa sebarang halangan kegelapan.

Barangsiapa merujuk kepada ibu di atas, ia akan berjaya memperolehi pembukuan hadis, lebih dalam rangka *musnad-sanad*. Mereka akan melihat hadith-hadith yang diriwayatkan oleh ibu sekalian Mukminin tersebut dalam bilangan yang banyak.

Rumahnya juga bertukar fungsi menjadi tempat pendidikan ilmu *Fiqh*, Hadith, Tafsir, Sejarah para perawi yang pada mulanya dalam kebingungan, kini berlumba-lumba mengejar kejayaan. Boleh dikatakan riwayat yang

disampaikan oleh Aisyah telah mencapai satu perempat syariat Islam. Inti sesuatu perkara yang diriwayatkan oleh ibu mukmin itu merupakan perkara yang sangat mulia.

Ibn Qayum Al-Jauziyah telah menyatakan keutamaan beliau yang di antaranya Aisyah dengan Fatimah, ia berkata tidak diragukan lagi bahawa Aisyah adalah wanita paling pandai, paling bermanfaat bagi umat ini, ia telah memberikan ilmu kepada umat ini yang tidak pernah diberikan oleh wanita lain.

Hakam yang merupakan guru Ibn Taimiyah juga menghuraikan keutamaan yang ada pada Aisyah dan Khadijah, Hakam berkata, "Pengaruh Aisyah terjadi pada saat akhir Islam dalam membawa agama kepada umat dan menghasilkan berbagai keilmuan, Aisyah tidak boleh ditandingi oleh Khadijah mahupun selainnya."

Jika Aisyah telah menempati kedudukan tersebut, sama ada dalam keilmuan, Adab, Balaghah, maka orang mendengarnya akan terleka. Dia adalah wanita yang sangat tekun dalam beribadah, bermula dengan puasa, solat, membaca Al-Quran, memberi sedekah sehingga aktivitiya sering diiringi dengan puasa. Dia tidak segan memberi sedekah tujuh puluh ribu dirham kepada orang lain.

Aisyah sendiri terabai keperluannya. Dia hanya membelanjakan wangnya sebesar tujuh ribu dirham untuk membeli sepotong daging sebagai juadah berbuka puasa.

Pada waktu lain, Aisyah rela menyedekahkan wangnya sebanyak tujuh puluh ribu sedangkan bajunya yang koyak hanya ditampal (tidak membeli baju baru). Jika Aisyah



sudah diletakkan pada peringkat tersebut, tidak syak lagi dan sangat tepat bahawa data-data Aisyah diukir dan dikekalkan oleh sejarah laksana pokok berbuah yang pernah dikeluarkan oleh Islam dalam dunia wanita.

Kemudian saya (penulis) tidak bermaksud memaparkan kesempurnaan peribadi Aisyah secara menyeluruh. Oleh kerana itu, di samping saya mengharap redha Tuhan untuk dijadikan ilmu bermanfaat, saya bermaksud memaparkan inisiasi persoalan di atas sehingga mudah dijangkau oleh pembaca semua.

Oleh kerana ceteknya pengetahuan yang ada pada diri saya untuk membincangkan perkara di atas dari segi politik, akhirnya saya berdoa kepada Allah s.w.t untuk diberikan daya usaha yang kuat dan diharapkan dapat terlepas dari kesalahan.

Telah disebutkan bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w diganti oleh Abu Bakar dan seterusnya Umar, Aisyah sama sekali tidak memainkan peranan politik. Untuk itu dalam buku ini saya hanya mulakan sejak terbentuknya pemerintahan Uthman bin Affan r.a. Walaupun demikian saya mencuba menerangkannya secara ditil dan terperinci.



# 1

**SEKILAS GAMBARAN ZAMAN  
PEMERINTAHAN KHALIFAH UTHMAN BIN  
AFFAN R.A.**



**S**eperti yang sedia maklum, sehingga pemerintahan Abu Bakar dan Umar, Aisyah sama sekali tidak melakukan aktiviti politik, kerana kedua khalifah tersebut masih dipandang mampu menegakkan demokrasi sosial politik pada pandangan Aisyah sebagai cendekiawan.

Bagaimana keadaan wanita ketika itu? Aisyah r.a. dalam konteks ini masih berada pada kedudukan yang serupa dengan kedudukan isteri-isteri Nabi s.a.w yang lain, iaitu terhad kepada periwayatan dan penyampaian hadis Rasulullah s.a.w.

Abu Bakar dan Umar serta sahabat lain banyak bertanya kepada Aisyah tentang pelbagai persoalan yang pelik, di sinilah peranan Aisyah. Dengan daya intelektual yang dimiliki, Aisyah ditempatkan sebagai pemimpin keagamaan. Ertinya sahabat Nabi sentiasa merujuk kepada beliau apabila menghadapi berbagai masalah.

Demikian juga orang ramai dan masyarakat yang ingin meminta fatwa, sekurang-kurangnya harus datang menemui serta merujuk perkaranya kepada Aisyah terlebih dahulu.

Ketika awal pemerintahan Uthman bin Affan, Aisyah masih dalam kedudukan seperti sediakala, Aisyah berfatwa, meriwayatkan hadis, mengembangkan ilmu pengetahuan dan tidak terpengaruh oleh aktiviti politik. Pada masa yang sama, Uthman sering dijadikan isu oleh masyarakat. Isu-isu itu sengaja ditimbulkan oleh penghasut dan pengkhianat agama. Situasi ini terus berlanjutan sehingga akhir pemerintahannya.

Setelah itu barulah Aisyah terpengaruh setelah situasi sosial

politik berubah, ketika itu Aisyah sudah bergerak untuk mengadakan gerakan atau sebagai parti pembangkang yang sentiasa menyampaikan kritik dan perbaikan kepada kerajaan yang berkuasa.

Saya (penulis) melihat bahawa ketika itu Uthman merasa geram terhadap Aisyah yang mula terbabit dalam politik. Tanpa disedari, Aisyah tertipu serta terpedaya oleh keadaan sehingga melahirkan fitnah baru. Pada dasarnya, Aisyah kurang suka dengan peranan tersebut sehingga tidak hairan apabila akhirnya dia terjebak dalam kekacauan. Setelah itu Aisyah merasa sangat menyesal atas tindakannya.

Saya (penulis) menunjukkan data-data bahawa Aisyah telah memulakan gerakan baru di mana perkara tersebut pada zaman pemerintahan Abu Bakar dan Umar tidak pernah dilakukan. Secara terang-terangan Aisyah memasuki bidang politik dan menentang '*policy politik*' Uthman yang banyak merombak para menteri.

Aisyah dengan beraninya mengemukakan pendapatnya secara terang-terangan sehingga pada ketika itu timbul perselisihan yang serius, di mana Aisyah sendiri tidak menyedari bahawa akan muncul berbagai kepentingan politik tertentu. Sungguh *dilematis* lembaran sejarah umat Islam, iaitu terjadinya perang dan terbunuhnya khalifah Uthman bin Affan di tangan para pengacau dan pelampau.

## **FASAL PERTAMA**

### **(A) AISYAH R.A. DAN UTHMAN BIN AFFAN R.A.**

Sebelum penulis menjelaskan perbezaan-perbezaan yang

terjadi antara Aisyah dan Uthman, saya cuba untuk mengemukakan akar permasalahan yang menjadi punca secara jernih dan bersih. Saya sudah membincangkan bahawa sebelum Uthman menjadi khalifah, keduanya mempunyai hubungan yang sangat mesra dan erat tanpa pertentangan.

Hubungan tersebut disebabkan Aisyah sangat menghargai dan menaruh rasa hormat kepada Uthman sebagai sahabat yang sentiasa bersama-sama dengan amalan Rasulullah s.a.w, sama ada kedudukannya sebagai sahabat, mahupun kemurahan yang diberikan Uthman kepada Islam ketika masih dalam tahap awal penyebaran dakwah.

Berkenaan perkara ini, saya (penulis) mengajak pembaca untuk meneliti bukti-bukti yang benar, di antaranya adalah maklumat bahawa rasa cinta Rasulullah s.a.w kepada Uthman adalah sangat besar. Uthman mempunyai semangat dan usaha yang bersungguh-sungguh dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat selagi perkara itu dapat dilaksanakan.

Aisyah menjadikan ukuran terhadap amalan Rasulullah s.a.w kepada Uthman kerana Nabi s.a.w sangat mencintai, menghormati bahkan malu kepada Uthman. Ini juga menambah kecintaan isteri-isteri Rasulullah s.a.w kepada Uthman dalam melakukan ihsan kepada masyarakat.

Seorang lelaki mendatangi Aisyah dan bertanya “Wahai Aisyah, salah seorang hambamu mengucapkan salam dan menyampaikan aduan mengapa banyak masyarakat yang mencela kepimpinan Uthman.” Aisyah menjawab, “Aku berdoa semoga Allah s.w.t melaknat mereka yang telah

melaknat Uthman, demi Allah s.w.t, ketika aku duduk bersama Rasulullah s.a.w di mana baginda s.a.w menyandarkan bahunya kepadaku ketika itu, *maka pada* saat itulah turun Jibrail membawa wahyu dan Nabi bertanya kepada Uthman, Wahai Uthman, tulislah apa yang telah aku terima ini.”

Sungguh jelas bahawa Allah tidak mungkin menjadikan keadaan tersebut di mana ada Rasulullah s.a.w dan Uthman kecuali diberkati dan dimuliakan oleh Allah s.w.t<sup>(16)</sup>

Daripada Sa'id bin Ash meriwayatkan bahawa Abu Bakar meminta izin kepada Rasulullah s.a.w, manakala dia sedang berbaring di atas selimut Aisyah. Rasulullah s.a.w memberi izin setelah keperluannya selesai, maka dia pun segera pergi. Perkara yang sama juga pernah dialami oleh Uthman.

Namun ketika yang meminta izin itu adalah Uthman, dia berkata kepadaku, “Wahai Aisyah, rapikan pakaianmu, ambilkan hidangan lalu kamu segera masuk ke dalam.” Aisyah bertanya kepada Rasulullah, “Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat tuan bangun ketika Abu Bakar dan 'Umar bertamu, sedangkan tuan bangun ketika yang bertamu itu Uthman.”

Maka Rasulullah s.a.w menjawab, “Itu aku lakukan kerana Uthman adalah orang yang pemalu dan aku khuatir, Uthman tidak boleh menyampaikan maksudnya.” Pada riwayat lain disebutkan bahawa ketika itu tanggapan

---

16- *Musnad Ahmad*, Jilid VI, m/s 250

Rasulullah s.a.w kepada Aisyah sebagai berikut “Aisyah, ingatlah, engkau harus malu kepada orang di mana malaikat sendiri malu kepadanya.”<sup>(17)</sup>

Aisyah meriwayatkan pada suatu ketika, Uthman bertamu kepada Nabi s.a.w dan meminta kebenaran untuk masuk, lalu Nabi s.a.w memberi izin dan ia segera masuk. Ketika itulah Nabi s.a.w bermunajat kepada Allah s.w.t dan setelah selesai Nabi s.a.w bersabda kepada Uthman, “Wahai Uthman, sesungguhnya Allah *Azza Wa Jalla* telah memberimu baju *gamis* dan apabila orang-orang munafik hendak melepaskanya, janganlah engkau melepaskan meskipun diberi kedudukan yang tinggi.

Nabi s.a.w mengulanginya hingga tiga kali dalam sabda beliau. Menurut riwayat Aisyah bahawa Rasulullah s.a.w pernah memanggil Uthman r.a. dan ia menghampirinya lalu berkata dengan berbisik kepadaku, “Jauhlah dari sini wahai Aisyah.”

Ketika peperangan terjadi (pengepungan terhadap Uthman) bulan Zulhijjah tahun 35 H, orang-orang yang mengepung (pemberontak) bertanya kepada Uthman “Wahai *Amir Al-Mukminin* apakah tuan tidak berniat melakukan perlawanan senjata? Uthman menjawab tidak, kerana Rasulullah s.a.w telah berjanji kepadaku dan aku sebagai orang yang sabar terhadap diri akan mematuhi.”

Uthman mendatangi rumah Aisyah dan bertanya tentang

---

17- *Ibid*, m/s 155



Rasulullah s.a.w, Aisyah menjawab, beliau s.a.w sedang bermusafir mencari rezeki untuk keluarganya, kerana sudah tujuh hari dapurnya tidak keluar asap, Uthman r.a. berkata kepada Aisyah, "Wahai Aisyah kalau keadaannya begini mengapa kamu tidak menceritakannya kepadaku"

Selepas itu dia pergi dan datang dengan membawa makanan dan daging kambing disedekahkan kepada isteri-isteri Nabi Muhammad s.a.w.

Rasulullah s.a.w bertanya: "Apa ini wahai Aisyah?" Aisyah menjawab: "Ini adalah pemberian Uthman." Rasulullah s.a.w berkata: "Seadanya, hantarkan juga kepada isteri-isteri yang lain." Aisyah menjawab: "Semuanya telah dibahagi sama rata wahai Rasulullah." Mendengarkan itu Rasulullah s.a.w berdoa kepada Allah s.w.t, "Ya Allah ya Tuhanku, janganlah Engkau lupakan perkara ini kepada Uthman."<sup>(18)</sup>

Saya (penulis) tidak menemui adanya sesuatu yang ditujukan kepada Uthman seperti apa yang ditujukan kepada Aisyah sama ada jauh ataupun dekat yang lari dari penafsiran semula, kecuali para isteri Nabi s.a.w ketika Nabi s.a.w wafat. Mereka meyeru Uthman agar pergi kepada Abu Bakar bertanyakan tentang harta pusaka dari Rasulullah s.a.w, lalu Aisyah berkata kepada mereka, bukankah Rasulullah s.a.w bersabda, "Keluarga kita tidak boleh mendapatkan harta pusaka, sehingga apa yang ditinggalkan dikategorikan sebagai harta sedekah."

---

18- *Ansab Al-Asrab*, Jilid V, m/s 8

Adanya fakta sejarah menunjukkan bahawa di antara para isteri Rasulullah s.a.w dengan Uthman terjalin hubungan yang baik, perkara tersebut nampak dari amalan mereka yang menaruh kepercayaan kepada Uthman sebagai orang tengah yang diutus untuk mengurus harta pusaka kepada Khalifah Abu Bakar sebaik sahaja Nabi s.a.w wafat.<sup>(19)</sup>

Suatu masa musim haji, Uthman pernah mengerjakan haji bersama para isteri Nabi s.a.w ketika masih dalam pemerintahan Umar. Demikianlah sikap hormat isteri-isteri Nabi s.a.w dalam haji kepada beliau, tetapi mereka meminta izin sebagai penguasa wilayah, maka dia tidak mengizinkannya dan berkata aku akan memberi izin kepada kamu sekalian setelah tahun depan dan ini bukan merupakan pendapatku.

Ketika mereka bersiap-siap untuk mengerjakan haji, Umar mengutus Uthman bin 'Affan dan 'Abdullah bin 'Auf bagi mendampingi isteri-isteri Nabi s.a.w. Salah seorang di antara keduanya berada di sampingnya dan seorang lagi menjaga mereka dari arah belakang, lalu Umar berkata "Apabila mereka sudah letih dalam haji, maka berehatlah di pintu Sa'ab, sehingga aman dari gangguan." Lalu memerintahkan kepada keduanya apabila suasana di Baitullah (Mekah) sudah tenang, tidak seorang pun akan tawaf bersama isteri Nabi s.a.w kecuali sesama wanita.

Ketika pemerintahan Umar sudah goncang, perlakuan isteri-isteri Nabi s.a.w mula melampaui batas, iaitu

---

19- *Al-Islam Wa Al-Mar'ah*, m/s 98. *Riyad Al-Nadharah*, Jilid II m/s 23

menyuruh mereka meminta tuntutan warisan tetapi Umar tetap menghormati mereka. Ini semua dilakukan kerana dalam diri mereka terdapat nilai-nilai sosial yang sangat besar.

Setelah perjalanan politik diambil-alih oleh Khalifah Uthman, ia pun mengerjakan haji bersama isteri-isteri Nabi s.a.w sama seperti yang dilakukan oleh Umar sebelumnya. Pada ketika itu yang menjadi pengawal adalah Abdullah bin 'Auf dan Sa'id bin Zaid. Mengikut kajian saya (penulis) di sinilah akhir hubungan mereka dan awal kemunculan benih-benih perbalahan.

#### **(B) PUNCA PERBALAHAN ANTARA AISYAH R.A. DAN UTHMAN BIN AFFAN R.A.**

Nampak pada diri Aisyah r.a. masih menyimpan rasa hormat yang sangat besar kepada Uthman sama ada pada zaman Rasulullah s.a.w mahupun setelah zaman kedua khalifah berikutnya. Namun ketika pemerintahan dipegang Uthman, muncullah benih-benih gejolak perbezaan di antara mereka.

Salah satu sebabnya adalah tindakan politik yang dilakukan Uthman terhadap sebahagian sahabat yang mulia tanpa membuat penilaian atau usul periksa terlebih dahulu. Apatah lagi tindakan yang diambil oleh khalifah tersebut bukan kerana kesalahan mereka dalam menjalankan pemerintahan.

Inilah punca yang mendorong Aisyah untuk melakukan aksi pembangkangan terhadap pemerintahan Uthman r.a. dengan cara yang sangat melampau.

Perubahan sikap Aisyah ini merupakan respon aktif, di mana pada awalnya dirinya memuliakan dan menghormati Uthman namun dalam satu perkembangan selanjutnya, ternyata Uthman dipandang oleh Aisyah sebagai lengah dan melalaikan kewajiban sebagai khalifah dan di dalam *sosio-politik*nya terdapat kesan negatif terhadap rakyat yang lemah.

Muhammad bin Abu Bakar r.a, saudara kandung Aisyah sangat geram terhadap Uthman ketika terlibat dalam kes perselisihan tersebut. Muhammad bin Abu Bakar berusaha dengan sekuat tenaga untuk mempengaruhi duta Mesir dan dikatakan ketika itu apabila dosa-dosa diperbuat oleh seseorang maka tidak salah apabila ia dikenakan hukum *hudud* termasuk terhadap Uthman.

Usaha yang dilakukan sangat mempengaruhi rakyat kerana kewibawaan ayahnya. Selanjutnya timbullah kes yang menampakkan kurang senang terhadap duta Mesir Abdullah bin 'Ubay dan ia segera berkirim surat kepada Uthman yang isinya sebagaimana berikut, "Sesungguhnya Muhammad bin Abu Bakar dan Abdullah bin Ubay telah menampakkan rasa dengki mereka kepadaku."

Uthman menjawab, "Mengenai Muhammad bin Abu Bakar, aku akan menyerahkan kepada Aisyah sebagai Ummu Al-Mukminin sedangkan Abdullah bin 'Ubay akan aku ambil tindakan sendiri kerana dia termasuk anak saudaraku, sehingga aku mempunyai kewajiban untuk mendidiknya menjadi tokoh Quraisy."<sup>(20)</sup>

---

20- *Ansab Al-Asrab*, Jilid II, m/s 50

Saya (penulis) memberi ulasan bahawa kepatuhan yang dilakukan isteri-isteri Nabi s.a.w kepada Uthman termasuk penghormatan Aisyah adalah tidak merenggangkan hubungan di antara keduanya sehingga kedua-duanya berusaha untuk saling merebut simpati rakyat.<sup>(21)</sup>

Di sini pula saya mengulas tentang kedudukan gerakan Aisyah dalam menentang Uthman. Inisiatif pertama tidak disedari oleh Aisyah sehingga beliau terperangkap dengan fitnah iaitu perlawanan politik Uthman terhadapnya.

Umar bin Khattab r.a. sangat memuliakan Aisyah daripada isteri-isteri yang lain dalam satu kedudukan yang lebih terhormat berkait dengan kedudukannya di zaman Rasulullah s.a.w. Sumbangan Aisyah dalam meriwayatkan berbagai hadis lebih banyak daripada mereka. Jika dikira, seluruh isteri Nabi s.a.w mempunyai dua belas ribu nilai kemuliaan sedangkan perkara ini dimiliki oleh Aisyah secara personaliti.<sup>(22)</sup>

Ketika Uthman menjadi khalifah, usaha yang dilakukan adalah mengurangkan imej yang dilakukan Umar sebelumnya dan dengan sekuat tenaga ia berupaya untuk memberikan penilaian yang buruk terhadap peribadi Aisyah. Perkara ini terbukti dengan ucapan Uthman dan Aisyah membangkangnya. Pada mulanya Aisyah berucap:

“Vahai sekalian umat Islam, ini adalah jubah Rasulullah s.a.w, kepimpinan yang tidak pernah diubah kecuali setelah

---

21- Ibn Taimiyyah, *Minhaj Al-Sunnah*, jilid II m/s 200

22- *Tarikh Al-Ya'qubiy*, jilid II, m/s 175

Uthman.”

Reaksi Uthman pula ialah:

“Ya Allah jauhkanlah dariku tipu daya mereka, kerana tipu daya mereka berkesan terhadapku.”

Di sini jelas bahawa Uthman tidak melakukan tindakan politik kecuali setelah adanya serangan dari pihak lain.

Walaupun Aisyah tidak berhati-hati melakukan gerakan pembangkangan, manakala Uthman tidak segan-segan melakukan reaksi dengan kedudukannya sebagai khalifah dan tetap berupaya untuk membela orang-orang yang menentanginya.

Proses perselisihan masih dalam peringkat sama-sama benar dan logik untuk menuju pintu *islah*. Akan tetapi bagi pihak yang mempunyai kepentingan tertentu, hal ini digunakan sebagai komoditi politik untuk mengadakan gerakan pembangkangan yang lebih melampau. Perkara ini nampak dalam kenyataan tokoh masyarakat ketika itu di antaranya:

Perwakilan Mesir mengadakan tentang duta Mesir bernama Abdullah bin Ubay, namun di dalam menanggapi perkara itu Uthman memberi amaran perwakilan tersebut dengan Abdullah bin Ubay tidak mahu melakukan pembetulan terhadap aktiviti politiknya, lebih kejam lagi, sampai hati ia membunuh perwakilan Mesir tersebut.

Perkara ini mengakibatkan kesan yang lebih teruk sebanyak tujuh puluh orang Mesir mengadakanunjuk perasaan menuju ke Madinah dan memusatkan perhatiannya di sekitar masjid yang dijadikan tempat

beribadah para sahabat Rasulullah s.a.w.

Ahli tunjuk perasaan mengadukan tindakan Abdullah bin Ubay sebagai duta di Mesir. Namun dalam menangani tunjuk perasaan tersebut, Uthman tidak peduli malah memberikan amaran. Melihat itu Aisyah segera masuk campur sebagai orang tengah. Dia berkata:

“Wahai Uthman, para sahabat Rasulullah s.a.w ini meminta kepada saudara untuk memecat Menteri Besar tuan di Mesir, tetapi tuan tidak mahu, sedangkan Menteri Besar tuan telah melakukan pembunuhan ke atas salah seorang di antara mereka. Oleh itu, adalah baiknya tuan memenuhi permintaan dan tuntutan mereka.”<sup>(23)</sup>

Salah satu yang menjadi tuntutan ahli penunjuk perasaan adalah tentang tindakan politik Uthman yang telah memecat Sa'd bin Abi Waqqas r.a. sebagai duta di Kufah, Sedangkan dia adalah salah seorang sahabat Nabi s.a.w yang dijamin masuk syurga dan menggantinya dengan saudara susuannya yang bernama Walid bin 'Uqbah, seseorang yang tingkah lakunya penuh dengan emosional.

Ahli demonstrasi dari Kufah menuntut tentang amalan Walid bin 'Uqbah yang tidak pernah menjalankan tugasnya sebagai duta dengan cara yang benar. Mendengar pengaduan itu Uthman r.a. memberi amaran kepada mereka dengan sesuatu hukuman. Merasa tidak puas hati, ahli demonstrasi berjumpa Aisyah dan menceritakan hal yang terjadi di antara mereka dengan Uthman, mendengar

---

23- *Al-Aqd Al-Farid* , jilid III, m/s 80 (Cetakan Mesir Tahun 1928)

itu Aisyah berkata dengan lantang, "Sungguh benar-benar Uthman telah mengabaikan kewajibannya."<sup>(24)</sup>

Menurut Imam Al-Ghuladiri bahawa Aisyah dan Uthman r.a. saling berbalah dan Uthman berkata, "Apa kedudukanmu di sini? Bukankah Puan sudah mengetahui bahawa kedudukan Puan hanya di rumah." Setelah kejadian itu masyarakat memperkatakan satu dengan yang lainnya dan mereka saling berbisik. "Jika ada orangnya, siapalah yang lebih mulia daripada Aisyah r.a." Sifat geram terlukis apabila mereka melempar selipar terhadap Uthman." Inilah awal peperangan sesama kaum Muslimin setelah Rasulullah s.a.w wafat.

Saya (penulis) tidak ingin memaparkan riwayat-riwayat yang disampaikan oleh sahabat Al-Aghani dalam meneliti alasan yang mendorong adanya sifat geram dan cacian yang dilakukan Uthman.

Setelah itu, Aisyah mengeluarkan kenyataan bahawa dibenar melakukan perlawanan fizikal terhadap Uthman. Menurut Abu Faraj Al-Ashfahani, gelombang demonstrasi yang datang dari Kufah semakin meluas, di mana mereka menuntut duta untuk Kufah yang bernama Walid bin 'Uqbah untuk segera dipecat dari jawatannya tetapi Uthman mengecam, "Apakah setiap orang di antara kamu geram dan sakit hati terhadap dutanya dan harus ditempuh dengan cara-cara yang batil? Jika itu yang kalian lakukan, maka aku tidak segan mengambil tindakan ke atas kamu."

---

24- *Tarikh Al-Ya'qubi*, Jilid II, m/s 203



Lalu mereka meminta perlindungan kepada Aisyah, Uthman pula mendengar dari bilik dengan suara sangat kuat dan bernada ancaman: "Awat orang-orang Iraq dan demonstrasi tersebut akan dilindungi apabila sudah berada di rumah Aisyah." Lalu Aisyah mengangkat selipar Rasulullah s.a.w dan berkata: "Wahai Uthman engkau telah meninggalkan jejak orang yang mempunyai selipar ini (Rasulullah s.a.w)."

Mendengar pembelaan tersebut mereka mendatangi masjid dan salah seorang di antara mereka berkata, "Engkau sungguh tepat wahai Aisyah."

Salah seorang antara mereka berkata, "Apa hubungan persoalan ini dengan wanita." Perdebatan ini menimbulkan perselisihan di antara mereka, bahkan saling melempar seliparnya. Seorang perwakilan daripada sahabat Rasulullah s.a.w berkata kepada Uthman, "Wahai saudaraku, bertaqwalah kepada Allah s.w.t dan janganlah engkau menanggungkan persoalan serta pecatlah saudaramu yang menjadi duta itu dari wilayah mereka." Akhirnya, Uthman memenuhi tuntutan tersebut dengan memecat dutanya tadi.<sup>(25)</sup>

Aisyah telah menjadi saksi akhir memberikan jalan keluar dalam tindakan politik khalifah dengan memberikan alasan yang logik untuk memecat duta yang telah diadukan oleh turjuk perasaan tersebut.

Sangat penting dimaklumkan bahawa tidak sepatutnya diucapkan oleh seorang khalifah seperti apa yang telah

---

25- *Al-Aghaniy*, jilid IV, m/s 178

dikatakan Uthman, iaitu, “Apakah setiap di antara kalian membenci dutamu lantas dilucut jawatan dengan cara yang batil?”

Catatan sejarah ini adalah satu usaha untuk mengurangkan hasutan. Ini berkait dalam konteks pergerakan yang mungkin mempunyai kepentingan tidak baik dan berusaha untuk meracuninya. Jelas kenyataan Uthman tersebut dikaitkan dengan situasi ketika itu adalah suatu tindakan yang sangat tepat dan dibenarkan.

Perlucutan jawatan terhadap Walid bin 'Uqbah yang sebelumnya menjadi pengganti Sa'd bin Abi Waqqas r.a. membawa kesan yang mendalam terhadap rakyat Kufah sehingga menyebabkan Hasyim bin Uqbah bin Abi waqqas dipukul dan rumahnya dibakar. Rakyat kufah mengadu perkara ini kepada Uthman dan menuntut untuk ditegakkan hukum ke atas apa yang telah menimpa Hasyim.

Lalu 'Umar bin Sa'id bin Abi Waqqas (saudara sepupu Hasyim) menyalakan api di rumah Sa'id, namun perkara ini segera dihentikan oleh Aisyah, tentu sahaja perkara ini sangat berbeza dengan penyelesaian yang dicadangkan oleh Uthman sebagai khalifah.

Penyelesaian ini disokong Uthman meskipun terjadi perselisihan yang sangat serius di antara keduanya, namun masih terdapat nilai positif tersendiri bagi mereka. Ketika itu Uthman menjadi orang yang pertama bergembira di atas penyelesaian tersebut tetapi persoalannya tidak terbatas kepada tindakan politik.<sup>(26)</sup>

---

26- Ibn Asakir, *Al-Tahzib*, Jilid VI, m/s 135

Satu kejayaan Uthman adalah mengusahakan manfaat masyarakat setelah mengadakan mesyuarat bersama para pembesar sahabat Nabi s.a.w iaitu mengumpul dan membukukan Al-Quran yang masih tersebar diberbagai wilayah.

Setelah mendapat persetujuan dari para pembesar sahabat, beliau melakukan pembakaran terhadap *mushaf-mushaf* yang lain dan masyarakat mempunyai satu panduan dalam teks wahyu. Ini merupakan satu tindakan yang patut dipuji kerana mampu menjadikan satu pedoman yang mula bertebaran di segenap tempat.

Namun di tengah upaya tersebut, muncul fenomena yang lain. Sahabat yang sangat mulia yang bernama Ibn Mas'ud r.a. tidak mahu mengirimkan *mushafnya* kepada Uthman dan juga Abdullah Ibn Amir tidak mahu mendengar seruan khalifah.

Uthman sangat geram dan menyuruh Ibn Mas'ud dibuang daerah. Apabila dikaji dari satu aspek, tindakan politik tersebut sangat tepat, kesepakatan hasil mesyuarat umat Islam secara umum tidak boleh digugat oleh unsur-unsur yang bersifat individu sekiranya membawa kepada kesesatan.

Namun pada aspek yang lain tindakan Uthman yang geram tersebut telah membuat Ibnu Mas'ud keluar dari barisan umum.<sup>(27)</sup>

---

27- *Tarikh Al-Ya'qubi*, jilid II, m/s 197

Tidak beberapa lama kemudian, Ibn Mas'ud datang ke Madinah dan masuk ke masjid sedangkan Uthman sedang berceramah di hadapan orang ramai. Ahli sejarah mencatat bahawa sebaik sahaja ia datang, terus Uthman menyindirnya dengan mengatakan, "Ingat kamu dan berwaspadalah terhadap ubat-ubat yang kotor."

Imam Al-Buladiri menambah dengan kenyataan barangsiapa yang menjamah makanan Ibn Mas'ud, maka orang itu akan muntah dan buang air besar. Ibn Mas'ud menyampuk, "Aku sebagai sahabat Rasulullah s.a.w sejak dari perang Badar, dalam Bai'ah Ridwan, melihat bahawa hak dan kuasa Aisyah telah diketepikan (tidak disertakan dalam jawatankuasa penyusunan *Mushaf* Al-Quran), inilah yang membuat aku geram dan tidak menyambut panggilan Khalifah Uthman."

Tidak berapa lama, terdengar suara panggilan dari salah satu bilik, "Wahai Uthman, apakah engkau berkata seperti ini kepada sahabat Rasulullah?" Sebaik sahaja terdengar seruan tadi, Uthman menarik kaki Ibn Mas'ud r.a sehingga jatuh dan kedua tulang rusuknya patah. Melihat kejadian itu Aisyah sangat geram.<sup>(28)</sup>

Demikian perbalahan yang dilakukan Aisyah terhadap amalan yang tidak sepatutnya berlaku dan menghairankan semua orang yang melihat kejadian itu dimasjid. Uthman sangat keras dan sanggup menghina Ibn Mas'ud, malah tanpa segan mencela secara halus orang-orang kaya seperti yang dilakukan kepada Ibn Mas'ud.

---

28- *Ansab Al-Asrab*, jilid V, m/s 47

Keburukan ini terus berlanjut kepada sahabat lain iaitu 'Imar bin Yasa', 'Imar juga menentang politik Uthman ketika beliau menggunakan kewangan negara untuk perhiasan isterinya (meskipun harta tersebut adalah harta ditemui yang disimpan di Baitul Mal, tetapi masyarakat sudah terlanjur merasakan dan menilai kezuhudan 'Umar sebelumnya).

Ketika itu Uthman memanggil 'Imar dan mencaci-maki, memukul hingga ia pingsan seperti yang disampaikan Al-Ghuladiri, setelah itu 'Imar disuruh pergi oleh Uthman. Lalu 'Imar mendatangi rumah Ummi Salamah, salah seorang isteri Nabi s.a.w. Dia tidak peduli waktu solat Zohor, Asar dan Maghrib sehingga membuat Ummi Salamah geram kepadanya.

Berita ini sampai kepada Aisyah sehingga membuatnya geram dan keluar dengan membawa seurat rambut Rasulullah s.a.w, baju dan selipar. Lalu baginda berkata Aisyah kepadanya: "Wahai Uthman sungguh cepat engkau telah melupakan sunnah Nabimu. Lihatlah, ini adalah rambut, baju dan seliparnya yang tidak pernah berubah."

Mendengar itu Uthman menjadi sangat geram dan orang-orang yang ada di dalam masjid menjadi gempar hingga berkata tidak tentu arah dan tujuan. Orang-orang yang ada di dalam masjid berkata "*Subhanallah....Subhanallah*, orang yang sangat terkejut dan terpegun ketika itu adalah Amr Ibn 'Ash.<sup>(29)</sup>

---

29- Dari kitab yang sama dapat diambil data-data ilmiah yang menyebutkan bahawa Amr Ibn 'Ash sangat marah dan geram terhadap 'Uthman kerana ia telah dipecat dari jawatannya di Mesir.

Perselisihan ini terus berlanjut dan Aisyah menuntut perubahan terhadap pembantu Uthman kerana banyak menimbulkan masalah dan banyak keluar dari nilai-nilai kesopanan, keseimbangan dan tanggungjawab yang sebenar. Menurut riwayat ini, orang yang sangat membangkang terhadap Uthman adalah Thalhah, Zubair, Muhammad bin Abu Bakar dan Aisyah.

Kaum Muhajirin dan Ansar tidak mahu terlibat dalam persoalan ini. Aisyah bercakap dengan suara tinggi sambil membawa rambut, selipar dan baju Rasulullah s.a.w dan berkata, "Wahai Uthman engkau telah melupakan sunnah-sunnah Nabimu."

Manakala Uthman berada di keluarga Abi Kuhafah (keluarga besar Aisyah) menerima Aisyah dengan tidak menentu.<sup>(30)</sup> Ini adalah sikap yang timbul dari personaliti Aisyah sebagai rakyat.

Diharap pembaca dapat memahami dengan cermat dari konteks ini bahawa orang yang tidak mahu memberi perlindungan terhadap Islam dan mengkhianati Rasulullah s.a.w dan sahabat-sahabatnya patut disayangi, kerana perkara ini boleh dilakukan seorang wanita.

Aisyah sendiri di mata rakyat adalah sebagai Ummu Mukminin yang paling agung dan dicintai Rasulullah s.a.w. Ketika orang-orang yang berada di dalam masjid mendengar suara Aisyah yang sangat tinggi dengan membawa selipar, rambut dan baju Rasulullah s.a.w menjadi sangat kagum dengan keberaniannya.

---

30- *Al-Bad'u Wa Al-Tarikh*, jilid V, m/s 205

Menurut riwayat lain Aisyah tidak berada di dalam masjid, dia bercakap dari tingkap rumahnya: "Ini sunnah bagi Rasulullah s.a.w yang tidak pernah diubah, tetapi sekarang Uthman telah berani mengubah sunnahnya."

Pengaruh yang ditimbulkan oleh Aisyah kepada masyarakat adalah sebagai usaha mempertahankan hak, jadi saya (penulis) menyatakan bahawa perubahan ini telah ada di dalam peribadi itu secara semula jadi adalah sesuatu yang tidak berlebihan atau perkara yang tidak menghairankan. Perkara ini membawa kesan kepada Uthman pada hari-hari berikutnya yang terus diselimuti rasa bimbang dan rasa serba salah pada diri sendiri.

Pada pandangan saya, perkara ini merupakan kemunduran rakyat Madinah. Ia membuktikan bahawa sebilangan kecil mereka masih memberi sokongan politik kepada Uthman dan pada akhirnya ketika keadaan terlalu merbahaya, maka ketika itulah tiba-tiba Uthman dibunuh oleh orang yang melakukan huru-hara dan pemberontakan.

## **FASAL KEDUA**

### **(A) KECERDIKAN SAYYIDINA UTHMAN BIN AFFAN R.A. DALAM BERHUJAH**

Seperti yang sudah dimaklumkan bahawa salah satu faktor pendorong bagi orang ramai untuk mengadakan pemberontakan terhadap Uthman adalah kerana penolakan yang dilakukan oleh beliau terhadap tuntutan mereka pada sebahagian duta dan perlakuan yang tidak sepatutnya dari Khalifah Uthman terhadap sahabat-sahabat yang mempunyai kedudukan yang mulia dan terhormat.

Perkara ini dipandang sebagai satu tindakan yang kurang wajar. Di sinilah akar permasalahan yang paling utama. Penolakan yang dilakukan Uthman ke atas tuntutan mereka, seperti mana yang disepakati oleh ahli sejarah bahawa perkara ini mempunyai kesan kepada pembaharuan agama, menganggap perlunya dilakukan *kemaslahatan* umat Islam dengan segera.

Pemborosan kewangan negara meskipun hal ini ditentang oleh Uthman dengan cara yang baik, pada pandangan saya (penulis) adalah boleh diselesaikan dengan cara damai (*islah*). Pada pandangan saya (penulis) bahawa pemberontakan mereka sebenarnya tidak tertumpu kepada persoalan tersebut, tetapi murni pada kekhalifahan Uthman. Tidak terlalu berlebihan sekiranya hal tersebut adalah disifatkan sebagai pemberontakan terhadap Islam.

Untuk itu saya (penulis) ingin memaparkan kepada pembaca secara panjang lebar pada huraian berikutnya. Sesungguhnya *target* mereka bukanlah damai, tetapi rusuhan yang akan dikobarkan apinya di dalam masyarakat.

Hal itu akan jelas bagi orang yang mempunyai pandangan luas terhadap persoalan yang dibawa oleh pemberontak tersebut. Hal tersebut tidak akan selesai. Oleh yang demikian, marilah kita beristighfar kepada Allah s.w.t

Ketika para penghasut ini datang ke Madinah yang dipimpin oleh puak Sabiiyun yang secara zahirnya *amar ma'ruf nahi mungkar*, namun hakikatnya sengaja membuat fitnah dan huru-hara. Khalifah Uthman menghantar dua wakil yang bukan dari golongan bani 'Umayyah yang terkenal dengan pandangan yang luas dan jiwa yang tenang, bagi



menerangkan kepada orang ramai tentang persoalannya.

Malangnya kedua orang tersebut juga menyimpan dendam kepada Uthman. Sebaik sahaja kedua orang itu berjumpa dengan pemberontak, mereka mengadu kepada kedua perwakilan itu tentang persoalan di antara mereka yang pada hakikatnya mereka sendiri menolaknya. Mereka tidak mengadu bahawa mereka terlibat dalam kes tersebut.

Kedua perwakilan tersebut dengan penuh keikhlasan memberi nasihat supaya bersabar terhadap kebenaran dan pada masa yang sama juga mengharap serta mendesak agar Uthman tidak menjatuhkan sebarang tindakan undang-undang ke atas mereka.

Di bawah ini petikan dialog di antara mereka:

"Wahai saudara-saudara rakyat Madinah, siapa di antara kamu sekalian yang terbabit dalam pemberontakan ini? Mereka menjawab, "Tiga golongan," Apakah ada yang lain? Tanya kedua perwakilan itu." Mereka menjawab, "Tidak." "Kalau begitu, mengapa kalian masuk campur dalam persoalan ini." Seterusnya mereka menjawab, "Kami hanya berupaya mengingatkan Uthman terhadap tindakan politiknya yang menyesatkan hati rakyat, lalu kami akan segera kembali kepada mereka. Setelah itu kami akan keluar dengan berpura-pura menjadi jemaah haji dan seterusnya kami akan mengepung Uthman, apabila ia tidak mahu mengubah kebijaksanaan dan tindakannya, maka kami akan membunuhnya."

Anehnya, setelah persoalan ini berselang satu tahun sesuai dengan kesepakatan mereka, sedangkan Uthman belum sempat melakukan pembetulan, boleh dilihat betapa jahat

dan busuknya tukang-tukang fitnah yang sering mengobarkan api permusuhan rakyat terhadap kerajaan (Khalifah Uthman) dengan cara-cara batil yang tidak logik dan tidak dapat dipertanggungjawabkan sama sekali.

Setelah itu kedua perwakilan tersebut pulang dan mengkhabarkan kedudukan persoalannya. Mendengar perkara itu Uthman ketawa dan berkata, "Ya Allah selamatkanlah mereka, kerana jika Engkau tidak menyelamatkan mereka, tentu mereka akan binasa."

Uthman menyangka bahawa perkara itu adalah tindakan dari kesalahan masyarakat yang hanya boleh diubah dengan kebenaran dan nasihat. Untuk itu dia mengarahkan kepada seluruh rakyat Kufah dan Basrah sebagai puak penentang untuk berkumpul di masjid Madinah.

Uthman menyuruh seseorang untuk azan bagi mengumandangkan solat berjemaah dan mereka pun solat bersama-sama. Para sahabat Rasulullah s.a.w berkumpul untuk ikut bersama mereka. Penduduk negeri tersebut duduk di sekeliling mimbar dan didampingi oleh sahabat Nabi s.a.w untuk mendengarkan ucapan Uthman.

Tidak berapa lama, Uthman naik ke atas mimbar. Seperti biasa, sebelumnya ia memuji kepada Allah s.w.t dan menjelaskan kepada masyarakat tentang berbagai persoalan, tetapi kedua perwakilan yang diutus tersebut berdiri dan mengusulkan agar orang yang ada di dalam masjid itu dibunuh, kerana pada hakikatnya mereka hanya menyampaikan fitnah dan kekacauan.

Uthman menjawab: "Tidak, aku akan memaafkan dan menerima mereka dengan lapang dada serta memaparkan

seadanya, aku tidak akan membenarkan seorang pun untuk melakukan pembunuhan tersebut, kecuali sesuai dengan peraturan yang ada atau mereka nyata kafir.”

Lalu dengan kejujurannya, Uthman menerangkan persoalan yang pada hakikatnya perkara itu akan menjadi pendorong bagi mereka untuk memberontak kepadanya dan berkata: “Orang tersebut telah mengingatkan persoalan yang mereka hadapi seperti kamu sekalian, kecuali mereka mendesak kepadaku untuk menyelesaikan sesuatu yang orang itu sendiri tidak mengetahui akar persoalan.”

Mereka berkata: “Apakah solat boleh disempurnakan pada waktu perjalanan, sedangkan hal itu tidak mungkin untuk disempurnakan.”

Uthman menjawab, “Sesungguhnya aku hanya menyempurnakan kedua hal tersebut terhadap wilayah-wilayah yang didiami oleh keluargaku, bukankah begitu?” Mereka menjawab, “Ya.”<sup>(31)</sup>

Beliau bertanya lagi, “Mengapa kamu sekalian melakukan larangan dan membangkang?” Uthman menyambung dengan ucapan “Aku bersumpah akan melakukan seperti yang telah dipraktikkan khalifah sebelumnya. Allah s.w.t tidak pernah memberikan larangan kepada seorangpun kecuali dengan kaedahNya. Sesungguhnya keluargaku tidak pernah menggunakan wang umat Islam, aku sendiri adalah orang Arab yang mempunyai banyak kambing dan

---

31- *Tarikh At-Tabari* (Terbitan Leiden tahun penerbitan 1879)

unta dan kami sedekahkan semua dan sekarang aku tidak mempunyai apa-apa, kecuali kedua unta yang aku gunakan untuk berhaji ini, bukankah demikian?" Mereka menjawab "Ya."<sup>(32)</sup>

Mereka bertanya, "*Mushaf* Al-Quran itu banyak jenisnya, mengapa engkau cuba jadikan satu?" Uthman menjawab "Bukankah Al-Quran datang daripada seorang (Nabi) dan aku hanya mengikutnya, bukankah seperti itu?" Mereka menjawab, "Ya."<sup>(33)</sup>

Mereka bertanya, "Mengapa tuan menerima Hakam yang pernah dihalau Rasulullah s.a.w?" Uthman menjawab: "Sememangnya Rasulullah s.a.w pernah mengusirnya dari Madinah, tetapi selepas itu Rasulullah melakukan pembetulan terhadap perbuatan-perbuatannya, bukankah demikian?" Mereka menjawab, "Ya."<sup>(34)</sup>

Mereka bertanya, "Mengapa tuan melakukan pembaharuan?" Uthman menjawab: "Aku tidak pernah melakukan sebarang pembaharuan kecuali mendapat

- 
- 32- Catatan tambahan yang ditemui pada Ibnu Asakir. *Al-Tamhid Wa Al-Bayan* dalam sub judul tragedi kematian Uthman, m/s 193.
- 33- Ini adalah aspek sejarah terjadinya pembukuan Al-Quran tepatnya ketika terjadi perbezaan bacaan teks-teks di kalangan Huffaz Mesir
- 34- Yang dimaksud Hakam di sini adalah Hakam bin Abi Ashbin 'Umayyah bin Abdi Syamsi Al-Quraisy dan statusnya sebagai orang tua Marwan bin Hakam sekaligus sebagai bapa saudara kandung Uthman bin Affan yang masuk Islam pada masa Panaklukkan Mekah dan tinggal di Madinah. Namun kerana perlakuannya yang sering membuat hati Nabi s.a.w tidak senang, maka dia pernah dihalau dari Madinah (baca dibuang daerah). Namun setelah Abu bakār berkuasa, dia dibebaskan semula dan hidup dengan bebas.

persetujuan daripada rakyat. Masyarakat juga melaksanakan kebijaksanaan aku dan jika kamu tidak percaya tanyalah mereka, bukankah Rasulullah s.a.w juga pernah melakukan perkara yang paling baik daripada aku mengenai kes 'Usamah, bukankah seperti itu?" Mereka menjawab, "Ya."<sup>(35)</sup>

Mereka bertanya "Bagaimana dengan tindakan saudara terhadap Abi Suraih." Uthman menjawab, "Aku memberikan sesuatu kepada Abi Suraih dan masih dalam batas-batas hukum Allah s.w.t, iaitu aku memberikan satu perlima harta rampasan kepada Suraih tidak lain dengan akad jual-beli seharga lima ratus ribu dan dimasukkan di Baitulmal dan Abu Bakar dan 'Umar pernah melakukan hal yang serupa, bukankah demikian?" Mereka menjawab "Ya."

Mereka bertanya, "Mengapa tuan terlalu melebihkan ke uarga tuan sendiri?" Uthman menjawab, "Aku memang mencintai saudara aku, tetapi masih dalam batas hak-hak mereka, dalam erti aku memberikan mereka dari wang dan harta sendiri dan aku sama sekali tidak pernah menyalahgunakan amanah iaitu harta umat Islam untuk kepentingan diri sendiri, keluarga apatah lagi orang lain.

Engkau hendaklah maklum bahawa sejak zaman Rasulullah, Abu Bakar dan Umar, aku tidak malu menderma semua hartaku sehingga aku sekarang menjadi orang yang tidak mempunyai apa-apa. Sekarang apa yang kamu

---

35- Soalan-soalan yang dikemukakan oleh rakyat Mesir tentang keberadaan Abdullah bin Amir.

sekalian hendak menuntut terhadap keluargaku dan sesuatu yang memang menjadi hak keluargaku.”<sup>(36)</sup> “Demi Allah lebih harta bendaku, aku dermakan kepada seluruh negara dan tidak satu pun yang melekat kepadaku, kecuali satu perlima, yang itu aku tidak gunakan dan tetap berada di tangan umat Islam. Aku tidak pernah menghamburkan wang negara, apatah lagi lebih dari itu, malah aku tidak makan kecuali hartaku sendiri.”<sup>(37)</sup>

Mereka bertanya, “Mengapa tuan menyedekahkan sebahagian tanah kepada orang lain.” Uthman menjawab “Tanah itu adalah bentuk kerjasama antara kaum muhajirin dan ansar ketika zaman penaklukan. Dari hal itu menjadi persengketaan di antara mereka, maka aku menjual tanah tersebut dan hasilnya aku simpan di dalam Baitulmal dan ini juga melalui persetujuan mereka. Aku sama sekali tidak mempunyai kuasa untuk mengurus hal itu dan ianya masih berada pada kekuasaan kedua belah pihak tersebut.”

Ucapan dan hujah Uthman yang memang benar dan bernas ini dapat diterima oleh para pendengar kecuali orang-orang yang memang mempunyai niat busuk iaitu membuat huru-hara dan mengadakan pemberontakan sehingga gerakan pembangkangan mereka bukan untuk Allah s.w.t dalam mendapatkan suatu kebenaran.

Mereka sebenarnya mempunyai tipu-daya dan fitnah yang

---

36- *Tarikh At-Tabariy*, jilid III, m/s 385

37- Mengikut catatan ilmiah Ibn 'Asakir terbukti bahawa Uthman Bin Affan pernah bersumpah tentang harta bendanya yang hanya diperuntukkan untuk kepentingan Bani 'Umayyah (Etniknya) dan bukan untuk Islam

terselindung dalam baju mereka. Tidak hairan apabila pidato dan ucapan Uthman tidak memberi kesan terhadap perubahan mereka. Sememangnya tujuan utama mereka adalah mengobarkan fitnah. Adapun selain daripada mereka merasa tenang dan menerima hujah Uthman.

Mereka adalah orang-orang yang berada pada garis kebenaran. Lebih lanjut, rakyat Madinah menuntut kepada Uthman agar membunuh golongan perosak tersebut sebagai ubat kepada tipu daya yang telah mereka sebar, namun Uthman menolak selagi mereka masih boleh berbuat baik.

Uthman tetap lemah-lembut terhadap mereka bahkan mambiarkan mereka menghirup udara segar sebagaimana asalnya. Sesudah itu mereka mengadakan perjumpaan sulit untuk melakukan serangan yang kedua kalinya pada tahun akan datang setelah usaha pertamanya gagal. Mereka tetap berupaya untuk menurunkan Uthman dari jawatan khalifah, bahkan jika perlu membunuhnya.

Seiring dengan kejadian di atas, iaitu ancaman dan ugutan yang telah dihembuskan orang-orang yang ingin memberontak malah membunuh Uthman, saya (penulis) yakin bahawa tidak mungkin disabitkan Aisyah ke atas kes pembunuhan Uthman seperti yang telah dikatakan oleh sebahagian ahli sejarah sebelumnya.

Tidak ada jalan lain bagi saya di dalam mengkaji kes-kes tersebut sehingga saya mempunyai inisiatif untuk melakukan kajian perbandingan terhadap sejarah Aisyah pada huraian selanjutnya.

**(B) AISYAH BINTI ABU BAKAR R.A. DAN PERISTIWA TERBUNUHNYA KHALIFAH UTHMAN BIN AFFAN R.A.**

Saya juga mengkritik terhadap berbagai pendapat. Salah satunya adalah dibentangkan oleh Sa'id bin Musayad yang secara terburu-buru membawa kes ini pada fakta yang sebenar. <sup>(38)</sup>

Ibn Syihab Al-Zuhri mencabar Sa'id bin Musayad agar menghuraikan peristiwa kes pembunuhan Uthman secara ditil sekiranya ia memang ahli sejarah yang pakar, seperti tentang siapa sahaja yang terbabit dan mengapa majoriti sahabat Rasulullah s.a.w menghina beliau?

Ibn Sa'id menjawab: "Uthman benar-benar terbunuh dalam keadaan teraniaya dan orang yang teraniaya sungguh berbuat zalim serta orang yang menghinaanya terdesak oleh suatu keadaan." Aku bertanya lagi, "Bagaimana peristiwa pembunuhan itu berlaku?"

Ia menjawab: "Ketika Uthman memegang kuasa kekhalfahan, ramai sahabat Rasulullah s.a.w yang tidak memberi sokongan disebabkan Uthman sangat mencintai rakyat. Beliau memerintah selama dua belas tahun, melantik pejabat baru dari golongan Bani Umayyah yang sama sekali bukan sahabat Rasulullah s.a.w dan orang-orang tersebut pada umumnya dibenci oleh sahabat Rasulullah s.a.w sehingga tidak hairan mereka memberontak kerana Uthman

---

38- Diambil daripada Kitab *Al-Aqdul Al-Farid* yang akan saya bincangkan lebih lanjut pada huraian kemudian.



tidak mahu mengubah tindakan politiknya.”

Hujah yang diberikan Uthman terhadap tuduhan yang terakhir, iaitu tentang pejabat baru yang dilantik dari keturunan Bani Umayyah adalah memang benar. Namun beliau tetap berpesan dan menggesa mereka agar tetap bertaqwa kepada Allah s.w.t walaupun jawatan mereka tidak dilucutkan.

Abdullah bin Suraih menjadi duta untuk Mesir, ia menjalankan pemerintahan selama dua tahun, rakyat Mesir datang kepada Uthman mengadu dutanya kerana dia telah melakukan banyak pelanggaran.

Pada awal sebelumnya, Uthman telah meminta saranan dan nasihat kepada Ibn Mas'ud, Abu Dzar dan 'Imar bin Yasar, golongan Huzail dan Zahrah yang juga penyokong Uthman sedangkan golongan Ghaffar, penyokong dan orang yang benci kepada Abu Dzar tetap menyokong Uthman, akan tetapi puak yang terakhir ini, iaitu puak makhsum sangat benci terhadap Uthman berkaitan dengan tingkah laku 'Imar bin Yasar.

Ketika para pemberontak dari Mesir ini datang kepada Uthman, beliau segera mengirim surat dan memberi amaran keras kepada dutanya, tetapi Ibn Abi Suraih yang waktu itu sebagai duta Mesir tidak mengendahkan teguran Uthman. Dia terus memukul dan membunuh utusan Uthman. Ekoran daripada kejadian itu, seramai tujuh ratus orang penduduk Mesir melakukanunjuk perasaan di Madinah.

Mereka berhenti di masjid dan mengadu masalahnya kepada para sahabat Rasulullah s.a.w tentang tingkah laku

Ibn Suraih. Ketika itu salah seorang sahabat yang bernama Thalhah bangkit dan bercakap dengan nada yang tinggi kepada Uthman, malah turut diiringi dengan ucapan Aisyah.

Thalhah r.a. berkata: "Wahai Uthman, engkau sekarang berhadapan dengan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w dan mereka meminta kepada tuan agar segera memecat Menteri Besar Mesir itu, tetapi tuan tidak mengendahkan sedangkan Menteri Besar itu menjadi lebih kejam, iaitu membunuh salah seorang dari utusan. Sekarang tuan segeralah menggantikan tempatnya."

Di tengah-tengah kebisingan dan perhimpunan orang ramai terdapat Ali bin Abi Talib r.a, beliau bertindak sebagai jurucakap mereka. Sahabat Ali r.a. berkata: "Wahai Uthman, engkau mesti mengganti duta tuan yang juga kerabatmu, kerana dia berani mengalirkan darah saudaranya. Untuk itu tuan mesti segera memecatnya dan mengambil tindakan undang-undang (hukum Syariat), kerana hal itu satu hak keadilan yang mesti ditegakkan!"

Khalifah Uthman r.a. menjawab: "Sekarang tentukanlah sendiri tentang siapa yang paling layak untuk aku lantik menjadi Gabenor Mesir bagi menggantikannya?"

Mendengar itu, rakyat segera menunjuk Muhammad bin Abu Bakar dan dipersetujui oleh Uthman. Maka dilantiklah Muhamad bin Abu Bakar sebagai Gabenor baru untuk Mesir. Setelah itu ia dikawal oleh golongan Muhajirin dan Ansar bagi melihat perkembangan penduduk Mesir dan Gabenor yang telah digantinya.

Setelah tiga hari perjalanan dari Madinah mereka bertemu dengan seorang hamba sahaya berkulit hitam di atas unta,

tingkah lakunya aneh dan mencurigakan. Dia memukul tanah seakan-akan ada sesuatu yang hendak dicari, lalu sahabat Nabi s.a.w bertanya: "Mengapa engkau seperti orang yang mencari-cari sesuatu dan nyanyuk, ceritakanlah kepada kami."

Hamba yang berkulit hitam itu menjawab, "Aku adalah hamba kepada *Amirul Mukminin* (Uthman) yang diperintahkan untuk berjumpa dengan Gabenor Mesir." Lalu mereka berkata: "Yang bersama kami ini adalah Gabenor untuk Mesir yang baru dilantik." Hamba itu berkata: "Bukan ini yang aku maksudkan!"

Melihat gerak geri hamba yang mencurigakan itu, Muhammad bin Abu Bakar menghampiri dan bertanya: "Siapakah sebenarnya engkau?" Dia menjawab: "Aku adalah hamba *Amirul Mukminin* (Uthman), aku juga hamba kepada Marwan." Kata Hamba Uthman.

Muhammad bin Abu Bakar bertanya lagi: "Engkau diutus untuk menemui siapa?" Dia menjawab: "Gabenor Mesir." Muhammad bertanya lagi: "Untuk apa?" Dia menjawab: "Untuk menyampaikan surat ini." Muhammad bertanya: "Apakah kamu membawa surat?" "Tidak." Jawabnya.

Lalu mereka memeriksa tetapi tidak menemui sesuatu pun, kecuali ubat kering yang dibungkus dengan kain lusuh. Tidak setakat itu, mereka terus menggeledah dan menemui sesuatu setelah membuka bungkusan tersebut dan ternyata di dalamnya terdapat surat Uthman yang ditujukan kepada Abu Suraih.

Kaum Muhajirin dan Ansar yang mengiringi perjalanan Muhammad bin Abu Bakar segera membuka surat tadi dan

ternyata isinya adalah seperti berikut: “Jika Muhammad bin Abu Bakar, *wa fulan wa fulan* sudah sampai, maka bunuhlah mereka segera dan batalkan perjanjian mereka, engkau tetap dalam kedudukan asal sehingga ada arahan lebih lanjut dari aku dan orang-orang yang membangkang engkau. Engkau hendaklah dimasukkan ke dalam penjara dan tentu hal ini mendapat sokongan dari aku Insya Allah.”

Sebaik sahaja membaca tulisan dalam surat tersebut, mereka terkejut dan ingin kembali semula ke Madinah. Setelah Muhammad bin Abu Bakar kembali ke Madinah dan berjumpa Ali, Thalhah, Zubair, Sa'id dan sahabat-sahabat lain. Setelah mereka sampai, apa yang ada pada hati mereka hanyalah dendam dan geram terhadap Uthman ditambah dengan orang-orang yang memang benci kepada Ibn Mas'ud, Imar dan Yasar dan Abu Dzar, sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w pada saat itu sangat marah dan bising melihat isi surat tersebut.

Lalu rakyat segera mengepung Uthman dan mendapat sokongan dari Muhammad bin Abu Bakar, Bani Tamim dan lain-lain, juga dibantu oleh Thalhah bin Ubaidillah. Tetapi Aisyah mengecam tindakan mereka. Melihat hal tersebut Ali segera mengutus Thalhah, Zubair, Sa'id, Imar dan sahabat-sahabat yang lain untuk berhimpun bagi menemui Uthman dengan membawa surat dan hamba tadi.”

Lalu Ali r.a. bertanya: “Wahai Uthman apakah ini hamba tuan?” Dia menjawab: “Ya.” Ali bertanya: “Apakah ini untamu?” Uthman menjawab: “Ya.” Ali bertanya lagi: “Apakah ini Cop (mohor khalifah) milikmu?” Dia menjawab: “Ya.” Ali meneruskan, “Kalau begitu, tuanlah yang telah menulis surat ini?” Uthman menjawab: “Tidak, aku bersumpah demi

Allah, demi Allah aku tidak menulis surat ini dan tidak menyuruh hamba ini serta tidak memerintahkannya pergi ke Mesir.”

Adapun Cop tersebut, mereka sepakat bahwa ianya diperoleh dari Marwan, hingga akhirnya meminta kepada Uthman untuk menghadirkan Marwan, akan tetapi Uthman menolak. Marwan ketika itu sembunyi di rumahnya.

Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w itu sangat geram dan kesal melihat tingkah laku Uthman dan mereka tahu bahwa tidak mungkin Uthman bersumpah palsu. Lalu para pemberontak tersebut mengeluarkan amaran yang isinya adalah sebagaimana berikut:

*“Kami tidak menjamin keselamatan Uthman, apabila beliau tidak mahu mendatangkan Marwan kepada kami sehingga dengannya kami dapat menguji dan membuktikan kesahihan isi dari surat ini. Bagaimana mungkin mengadakan pembunuhan terhadap sahabat-sahabat Rasulullah tanpa alasan yang jelas. Jika ini adalah tulisan Uthman, maka kami berhak melucutkan beliau, namun bila ini adalah tulisan Marwan maka kami akan menunggu perkembangan berikutnya.”*

Lalu mereka tetap mengepung rumah tersebut dan Uthman tetap seperti pendirian asalnya dengan menolak menghadirkan Marwan bagi mengelakkan adanya pembunuhan terhadapnya. Rakyat mengepung Uthman dan memutus saluran air minum yang diperlukan oleh khalifah.

Uthman bertanya: “Apakah di antara kalian ada Ali.” Mereka

menjawab: "Tidak," Uthman bertanya lagi, "Apakah ada Sa'd?" Mereka menjawab: "Tidak." Lalu Uthman diam dan kemudian berkata: "Apakah tidak ada orang yang boleh menyampaikan hal ini kepada Ali sehingga kami boleh minum?"

Setelah disampaikan kepada Ali, Ali segera mengirim Uthman dengan tiga *geriba* (tempat air/susu yang diperbuat dari kulit) yang penuh dengan air minum. Air tersebut baru sampai kepada Uthman setelah melalui tokoh-tokoh Bani Hasyim dan Bani Umayyah. Setelah maklumat sampai kepada Ali bahawa Uthman hendak dibunuh, maka dia segera berkata bahawa yang sebenarnya diharapkan itu adalah Marwan.

Bagi mengelakkan kes pembunuhan terhadap Uthman, Ali r.a. berkata kepada dua orang anaknya Hasan dan Husain: "Wahai anakku, pergilah kamu berdua dengan pedangmu untuk menjaga pintu rumah Uthman dan janganlah memberi peluang kepada orang-orang yang hendak bertemu Uthman."

Hal yang serupa juga dilakukan oleh Zubair dan Thalhah, keduanya menyuruh anak-anaknya untuk turut mengawal Uthman, tidak ketinggalan pula-sahabat yang lain, bagaimanapun mereka tetap meminta kepada Uthman untuk menghadirkan Marwan.

Dari tengah perhimpunan orang ramai itu terdapat seseorang yang cuba melemparkan anak panah, tetapi dapat ditahan oleh Hasan, meskipun akhirnya terluka dan mengalami pendarahan di pintu itu. Panah tersebut juga mengenai Marwan yang bersembunyi di rumah dan juga terkena Muhammad bin Thalhah, malah melukakan

khadam Ali.

Melihat kejadian itu Muhammad bin Abu Bakar khuatir Bani Hasyim geram dan memberontak dengan terlukanya Hasan dan Husain. Lalu Muhammad bin Abu Bakar dibawa oleh kedua orang rakannya dan mereka berkata kepadanya, "Jika Bani Hasyim datang dan melihat darah yang ada pada Hasan dan Husain, tentu hal ini akan membatalkan rancangan kita semula. Tetapi rancangan kita ini adalah naik ke rumah tersebut lalu membunuhnya tanpa diketahui oleh seorang pun."

Lalu Muhammad bin Abu Bakar dan kedua rakannya naik ke rumah tersebut melalui rumah salah seorang penduduk Ansar. Menurut satu maklumat rumah itu adalah rumah Muhammad bin Hazm Al-Anshari. Mereka memasuki rumah Uthman dan disana tidak seorangpun kecuali isterinya yang bernama Nailah binti Farafishah dan *mushaf* yang telah dibukukan yang terletak di biliknya.

Tindakan mereka itu tidak diketahui oleh orang-orang yang berada di rumah tersebut dan setelah sampai Muhammad segera memegang janggut Uthman, maka Uthman bertanya kepadanya: "Wahai saudaraku, lepaskanlah janggutku, kerana seandainya bapamu melihat tindakanmu ini maka dia akan meletakkan kamu pada pihak yang salah."

Mendengar kata-kata itu, dia melepaskan tangannya dan mengedipkan salah satu matanya kepada kedua rakannya sebagai isyarat untuk membunuh Uthman. Tanpa membuang masa, kedua orang tersebut mendatangi Uthman ibarat pemburu yang membawa anak panah dan lembing, lalu membunuhnya.

Setelah itu mereka lari terbirit-birit keluar dari rumah dan ketika itu isteri Uthman menjerit dan berkata, "Aduh, Amir Al-Mukminin telah terbunuh."

Hasan dan Husain yang sejak semula menjaga rumah dan juga yang lainnya segera berlari menuju kepada Uthman dan mendapati Uthman sudah dalam keadaan tersebeli. Mereka dengan kesal membantingkan badan dan menangis. Pada mulanya, Ali, Thalhah, Zubair dan Sa'id dan penduduk Madinah menyangka bahawa Uthman masih dalam keadaan selamat dan aman. Tetapi sebaik sahaja mereka mendengar bahawa Uthman terbunuh, maka Ali dengan geram bertanya kepada kedua anaknya: "Wahai anakku, bagaimana Uthman boleh terbunuh?" Sedangkan kalian menjaga kedua pintunya."

Setelah itu Ali mengangkat tangannya dan menampar Husain dan memberikan pukulan ke dada Hasan. Muhammad bin Thalhah dan Abdullah bin Zubair mengecam tindakan Ali tersebut.

Mendengar itu Ali keluar dengan perasaan penuh geram, kerana ia melihat mengapa Thalhah melakukan pembelaan terhadap Hasan dan Husain dan dia berkata kepada Ali: "Wahai Ali apa alasanmu sampai engkau berani memukul Hasan dan Husain dalam perkara ini?"

Ali menjawab: "Kamu dan mereka sama-sama dilaknat oleh Allah s.w.t, *Amirul Mukminin* telah terbunuh sedangkan kamu semua tidak memberikan sebarang alasan yang jelas!"

Thalhah menjawab, "Andaikata Uthman menyerahkan Marwan kepada rakyat, nescaya dia tidak akan



terbunuh.”<sup>(39)</sup>

Setelah itu, Ali keluar lalu pulang ke rumahnya dan ditemui oleh sahabat-sahabat Nabi Muhammad s.a.w dan lainnya. Ali dalam keadaan gementar, mereka berkata kepadanya: “Sekarang yang layak menjadi Amir Al-Mukminin adalah Ali bin Abu Talib r.a.” Ali bin Abi Talib menjawab: “Selagi tidak ada persetujuan *ahlal-Badr*, maka hal itu tidak mungkin. Barangsiapa yang mempersetujuinya, maka dia berhak menjadi khalifah.”

Mereka menjawab: “Tetapi sekarang ini tidak seorang pun *ahlal-Badar* yang menyokong saudara. Oleh kerana itu, kami tetap berkeyakinan bahawa tuanlah yang paling utama dan sekarang hurlurkanlah tangan tuan untuk kami *ba’iat* bersama-sama.”

### FASAL KETIGA

#### (A) KAJIAN KE ATAS FITNAH TENTANG PENG-LIBATAN AISYAH BINTI ABU BAKAR R.A.

Saya (penulis) ingin membawa sidang pembaca melihat

---

39- *Ibid.* Jilid III, m/s 72-79. Secara ringkas dalam kitab terbitan Mesir ini disebutkan bahawa ketika Sayyidina Ali bertanya kepada seorang wanita tentang siapa yang telah membunuh ‘Uthman, wanita itu menjawab tidak tahu. Namun terdapat dua orang misteri bersama Muhammad bin Abu Bakar yang disyaki sebagai otak peristiwa ini yang telah bertanggungjawab terhadap terbunuhnya ‘Uthman, akan tetapi setelah hal ini ditanyakan kepada Muhammad bin Abi Bakar, maka iapun membenarkan hal tersebut namun dia sendiri tidak tahu secara pasti identiti keduanya disebabkan semua itu bermula dari perhimpunan orang ramai (perhimpunan haram) yang melakukan pemberontakan atau tunjuk perasaan.

*paradigma* lama dengan secara dltil, penjelasan yang lebih luas untuk mengaitkan penglibatan Aisyah pada kedudukan yang sebenar.

Saya (penulis) tetap berusaha sekuat tenaga untuk membuka tabir tersebut sesuai dengan fakta sejarah dan *ijtihad* saya (penulis) serta pemahaman saya terhadap peristiwa tersebut. Saya ingin mengkritik malah jika perlu akan melakukan *i'jaz* (melemahkan) hujah-hujahnya.

Puak penghasut dan perosak dari tiga penghasut. Dalam buku saya (penulis) ini memang tidak ada tafsiran yang lebih *komprehensif* tentang hal itu, tetapi yang menjadi titik fokus adalah pemaparan penglibatan Aisyah dalam masalah Uthman dan dalam konteks tersebut telah banyak penjelasan atau tafsiran yang saya anggap memadai.

Semoga para pembaca sama dengan persepsi saya dimana beranggapan bahawa peranan Aisyah dalam membuat suasana yang damai adalah paling besar.

Keikhlasan ini semoga tidak terkekang oleh hikmah bahkan rendah diri yang disebabkan *fanatisme* golongan. Perlu dimaklumkan bahawa ada dorongan yang tidak dirasakan Aisyah bahawa ia telah ditolak dan diserang oleh berbagai kekuatan sehingga tidak mampu menolak.

Semua ini tidak akan membawa kita kepada kebenaran meskipun dari sumber maklumat dan pembacaan. Apatah lagi dalam memberikan pengertian, kita masih terbatas oleh niat jahat sama ada daripada golongan dan parti yang banyak menyelimuti maklumat tersebut, kerana banyak orang yang terbabit dalam hal itu terlibat dalam permainan politik yang tidak asing dalam pandangan masyarakat,

dalam erti mereka boleh menokok-tambah sesuatu dengan hal yang tidak sebenarnya.

Dalam hal ini saya (penulis) mengemukakan saksi sejarah yang banyak sekali ditemui termasuk salah satunya dalam kitab *Nahju Al-Balaghah* karya Ibn Al-Hadid, seperti yang sedia maklum bahawa sebelumnya Aisyah keluar dan membawa baju Rasulullah s.a.w dan berkata: "Ini adalah baju Rasulullah s.a.w yang tidak pernah diubah hingga sekarang Uthman berani mengubah sunnah yang diwariskan Nabi s.a.w."

Dalam konteks ini Ibn Abi Hadid dan orang-orang yang meriwayatkan tentang permasalahan di atas, hanya meletakkan hal ini sebagai usaha Aisyah dan kata-kata kesatnya yang memang sudah tersimpan dalam diri Aisyah, Ibn Abi Hadid berkata:

"Aisyah mengeluarkan salah satu baju Rasulullah s.a.w dan berkata kepada orang-orang yang berada di sekitar rumah itu, ini adalah baju Rasulullah yang tidak pernah diubah, sedangkan Uthman telah berani mengubah sunnahnya."

Pada pendapat saya (penulis), ini merupakan jawapan yang lemah, apabila ditujukan kepada Ali bin Abi Talib ketika mengalahkan Aisyah dalam debat sebagai pihak yang terbabit dengan Uthman, sedangkan Ali di tempat yang benar datang tanpa ada kepentingan. Anehnya para penyampai riwayat dalam hal ini sama sekali tidak menambahkan bahawa kenyataan tersebut muncul dari inisiatif Aisyah secara tiba-tiba.

Yang terakhir ini menurut saya adalah sangat sesuai

dengan kes tersebut sehingga tidak benar bila dikatakan Aisyah terbabit, yang paling bercelaru lagi adalah dua karya dari seorang pengarang yang tetap secara *subtansinya* mengalami perbezaan.<sup>(40)</sup>

Ia mengatakan bahawa orang yang pertama sekali memberikan panggilan Uthman dengan nama *Na'thar* adalah Aisyah, *Na'thar* adalah panggilan seorang lelaki Yahudi yang mukanya sama dengan Uthman. Kerana janggutnya sama panjang seperti Uthman, Aisyah mengatakan, "Bunuhlah *Na'thar* dan semoga Allah s.w.t membunuhnya."

Ibn Hadid memberikan huraian tambahan bahawa ketika maklumat pembunuhan ini sampai kepada Aisyah, beliau berkata semoga Allah s.w.t menjauhkan *Na'thar* dan itu semua disebabkan oleh tangannya sendiri.<sup>(41)</sup>

Pada pendapat saya, kenyataan ini tidak mempunyai asas yang kuat yang telah dilontarkan oleh para pembisik yang mempunyai daya kritik dan juga yang disampaikan oleh para penyokong Syiah yang memang pada hakikatnya mereka menyimpan dendam dan permusuhan, misalnya Al-Ghuladiri di mana dia meriwayatkan bahawa Abdullah bin Abbas bertemu Aisyah yang pernah berhubungan dengan Uthman pada musim haji yang pada suatu tempat Aisyah berkata kepada Ibn Abbas: "Wahai Ibn Abbas, Allah s.w.t telah memberimu daya fikir yang tinggi dan pengetahuan yang luas. Oleh kerana itu, kamu mempunyai

---

40- Ibn Abi Hadid, *Syarah Nahj Al-Balaghah*, jilid II, m/s 76

41- *Ibid*, jilid III, m/s 290

kewajipan untuk menolak kehadiran si pelampau ini (Uthman) dari orang ramai”.

Dalil ini menunjukkan bahawa sejak dahulu para perawi tersebut di dalam meriwayatkan persoalan di atas banyak dipengaruhi oleh kepentingan mereka daripada melakukan keterbukaan secara benar<sup>(42)</sup>.

Pada hakikatnya permusuhan terhadap Uthman sama sekali tidak ada dalam hati rakyat Madinah mahupun lainnya, kecuali masalah peribadi dan golongan yang ditimbulkan orang-orang yang masuk Islam dengan tidak ikhlas dan serta tidak mahu berhenti di dalam melakukan tipu daya dan fitnah di dalam Islam.

Permasalahan ini semakin memberatkan Uthman. Uthman dikepung dan tidak dibenarkan mengambil air, lalu diminta tolong kepada Ali, Thalhah, Zubair dan Aisyah serta isteri-isteri Nabi s.a.w yang lain.

Di antara mereka yang memberi tindak balas awal adalah Ali dan Ummi Habibah puteri Abi Sufyan, dia datang dengan menunggang keldai yang penuh dengan muatan bekalan, namun di tengah jalan dia dihadang oleh salah seorang pemberontak, malah muka keldainya dipukul dan berkata: “In adalah wasiat daripada Bani Umayyah terhadap Uthman, tidak ada salahnya aku bertemu dan bertanya kepada Uthman mengapa hingga menimbulkan fitnah yang banyak menelan harta anak yatim dan janda?”

---

42- *Ansab Al-Asrab*, jilid V, m/s 75

Mereka menjawab: "Engkau adalah penipu, bahkan bukan hanya sekadar itu, mereka mengarahkan Ummi Habibah kembali semula dan memotong tali keldainya dengan pedang. Dia terdesak di tengah-tengah perhimpunan orang ramai dan hampir sahaja terbunuh jika tidak segera menyelamatkan diri ke rumah."

Imam Al-Ghuladiri mengatakan bahawa Uthmanlah yang memerintahkan Marwan dan Abdullah bin Attak untuk bertemu Aisyah ketika hendak melakukan haji dan berkata kepadanya: "Wahai Aisyah, jika engkau bangkit dan memberikan pertolongan, nescaya Allah akan menjauhkan saudari dari Uthman." Lalu Aisyah menjawab: "Aku bersumpah haji ini untukku dan bukan untuk yang lainya."<sup>(43)</sup>

Mendengar perkara tersebut, Marwan terus pergi. Menurutny, Marwan sempat mengucapkan syair: "Hanguskanlah Ali terhadap sebuah pemerintahan, kerana jika engkau berbelit-belit dalam persoalan ini, sungguh engkau telah berundur di belakang."

Mendengar ucapan itu, Aisyah geram, dia berpaling dan berkata: "Wahai Marwan, aku sangat sayang, demi Allah Uthman bagaikan karung bagiku dan aku akan kuat untuk memikulnya meskipun aku harus lemparkan ke lautan."

Saya (penulis) yakin, jika maklumat itu benar, maka ia menjadi indikasi atau kayu pengukur bahawa Aisyah tidak boleh disamakan dengan Uthman.

---

43- *Ansab Al-Asrab*, jilid V, m/s 75

Saya (penulis) tidak menafikan adanya kemungkinan bahawa dalam kenyataannya, Aisyah menzahirkan rasa bencinya kepada Marwan dan dia sendiri memang seorang yang tamak dan berperangai buruk. Kegeraman dan kebodohan juga timbul dari orang yang paling bodoh.

Aisyah melanjutkan untuk berhaji dan tidak peduli terhadap apa yang menimpa Uthman yang digenangi darah dan proses ini berlangsung beberapa hari.

Satu yang saya (penulis) anggap bijak sebelum saya berpindah dalam memaparkan peranan Aisyah setelah wafatnya Uthman adalah menerangkan faktor yang boleh *dinisbatkan* kepada Uthman tentang adanya kehendak tidak baik, ia tidak boleh terlepas dari orang Muslim seorang pun, tetapi mengapa mereka tidak mengadakan mesyuarat terhadap musibah Uthman.

Saya tidak sepakat dengan beberapa pendapat ahli sejarah tentang perkara-perkara yang menghalang sebahagian sahabat untuk melakukan mesyuarat, seperti Ali, Zubair dan Aisyah. Pada pandangan saya, ini termasuk dalam kategori kedua yang akan dibincangkan.

Adapun sebab berlakunya sesuatu kekacauan, fitnah dan berkobarnya api kebencian adalah bencana yang sudah dirancang dengan rapi sebelumnya yang hanya dilakukan oleh iblis.<sup>(44)</sup>

---

44. Data-data yang paling terkenal tentang kematian Uthman adalah satu kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh Sa'id bin Abi Waqqas bahawa kes pembunuhan Uthman tidak terlepas dari tiga tokoh iaitu Aisyah, Thalhah dan Zubair.

Apa yang menghairankan ialah para ahli sejarah pada umumnya tidak peka dan membincangkan pertubuhan politik yang jahat itu menjadi perkara penting dan perlu dikaji.

Maka di sini saya putuskan bahawa faktor-faktor yang mereka sebutkan itu tidak akan mengurangkan masyarakat kelas bawah dari menganggap masalah yang masih dengan syak dan keraguan telah banyak melahirkan isu-isu salah, bahkan saya mempunyai pandangan bahawa perkara itu tidak akan timbul ke permukaan apabila tidak didorong oleh kepimpinan Abdullah bin Saba', lebih jauh dari itu, saya (penulis) sangat percaya bahawa semua fitnah di atas tidak akan terjadi tanpa adanya peranan yang dimainkan oleh Ibn Saba'.

### **(B) IBN SABA' DENGAN SEGALA KEJAHATAN DAN HASUTAN**

Abdullah bin Saba' adalah seorang Yahudi. Ibunya tergolong Sauda' sehingga ia terkenal dengan sebutan Sauda'. Dia masuk Islam pada zaman Uthman dan melakukan pengembaraan ke berbagai negara Islam bermula dari Hijaz, Kufah, Basrah, Damsyik dan Mesir sehingga semuanya pernah dijelajahi.

Dia melakukan propaganda dan menyebarkan hasutan terhadap rakyat untuk membangkang para pemimpinnya dan juga menyebarkan isu di antara mereka yang tujuannya adalah menimbulkan kekacauan dan kerosakan pada masyarakat yang sudah aman damai.

Dia seorang yang sangat cerdas, mempunyai wawasan yang jauh dan luas. Malangnya semua potensi itu



digunakan untuk membuat kerosakan. Dia juga pandai mencetuskan isu-isu canggih yang bertujuan melahirkan fitnah, bahkan ia mampu mengesan dengan cepat terhadap keadaan dan kewujudan masyarakat.<sup>(45)</sup>

Saya (penulis) mempunyai keyakinan yang kuat bahawa Abdullah bin Saba' adalah salah satu agen dari pertubuhan ransia yang bernama *Talmudiyah*. Tugasnya ialah memecah-belahkan negara Islam. Pertubuhan ini bekerja di bawah naungan kerajaan Rom untuk mengembalikan wi ayah-wilayahnya yang telah jatuh ke tangan umat Islam, seperti Mesir dan Syiria serta negara-negara lain yang ada di laut tengah.

Suatu yang mengagumkan yang tidak pernah (penulis) jumpa adalah kecerdasannya yang sungguh luar biasa di bidang yang berbeza-beza dari segi agama, politik dan peperangan.

Dia berusaha untuk mengaburkan akidah umat Islam dari akarnya dengan cara berbuat dusta dengan kaum Muslimin seperti dua keyakinan iaitu kembali kepada taubat dan wasiat. Satu perkara yang membuatkan saya sentiasa berpegang-teguh adalah tentang teks-teks ajarannya yang pernah dikemukakan oleh Imam At-Tabari iaitu Isa akan kembali dan akan mendustakan Muhammad s.a.w. Dia memetik sepotong ayat iaitu:

إِنَّ الَّذِي فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لَرَأْدُكَ إِلَىٰ مَعَادٍ

---

45- Ibn Asakir, jilid V, m/s 428

*“Sesungguhnya Allah yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) Al-Quran (wahai Muhammad) sudah tentu akan menyampaikan engkau lagi kepada apa yang engkau ingini dan cintai.”*

(Al-Qasas: 28:85)

Oleh yang demikian, Muhammad s.a.w lebih berhak kembali semula iaitu hidup semula daripada Isa. Sebelumnya dia juga menyebarkan di tengah masyarakat tentang isu-isu tersebut dan berkata: “Sesungguhnya Nabi ada seribu dan Nabi itu adalah wasiat dari satu ke lainnya sedangkan Ali adalah wasiat Muhammad dan Muhammad adalah Nabi yang paling akhir dan pewaris yang paling akhir.”

Setelah usahanya berjaya, dia memfokuskan pada bidang politik dan berkata: “Barangsiapa di antara kamu telah berbuat zalim terhadap seseorang, maka orang tersebut tidak berhak mendapat wasiat Rasulullah s.a.w dengan mengganti wasiatnya dan menangani masalah umat. Umar telah dilucut jawatan dengan tidak sah kerana mati terbunuh, sedangkan dia adalah wasiat Rasulullah. Oleh itu, bangkit dan sebarlanlah *Amar Makruf Nahi Mungkar* dengan memberi pandangan terhadap fenomena dalam masyarakat yang tertumpu pada persoalan ini.”<sup>(46)</sup>

Fitnah ini terus meracuni pemikiran dan hati umat. Ia tidak dapat membendung dan mengendalikan mereka, banyak golongan umat Islam yang termakan propaganda tersebut

---

46- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 378

berpecah-belah, bermula dari Hijaz yang masyarakatnya sudah bercerai-berai menuju ke Syam. Syam pada ketika itu berada di bawah pemerintahan Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang lebih jauh terdedah kepada bahaya-bahaya tersebut.

Mereka tidak sanggup mengadakan pencegahan untuk membendung percikan kerosakan tersebut. Mengikut Imam At-Tabari, propaganda dan fitnah yang dilakukan oleh Ibn Sauda' tidak membuahkan hasil kepada masyarakat Syria (Syam) sehingga mereka menghalau Ibn Sauda' dan dia melarikan diri ke Mesir.

Namun pada hakikatnya, dia berjaya menanam benih yang menggerakkan Mu'awiyah sebagai pemimpin yang mampu menundukkan rakyat Syam terhadap rancangan sulit Ibn Sauda', Mu'awiyah r.a. sudah mula terpengaruh. Dia ingin untuk menuntut bela kematian Uthman seperti yang diriwayatkan oleh Abu Dzar.

Menurut At-Tabari ketika Ibn Sauda' sampai di Syam. Dia berjumpa dengan Abu Dzar dan berkata: "Wahai Abu Dzar apakah engkau tidak kagum kepada Mu'awiyah di mana dia berkata bahawa harta itu adalah milik Allah dan barangsiapa yang memakannya, maka pada hakikatnya dia makan kepunyaan Allah."

Dengan itu, dia berupaya mengeliru dan menghapuskan umat Islam. Lalu Mu'awiyah ditegur oleh Abu Dzar: "Wahai Mu'awiyah, apa yang mendorongmu mengubah kata-kata bahawa harta umat Islam menjadi harta Allah." Mu'awiyah menjawab: "Wahai Abu Dzar, semoga Allah s.w.t memberkati tuhan, bukankah kita ini hamba Allah. Oleh itu, harta adalah harta Allah, makhluk adalah makhluk Allah dan semua

persoalan juga persoalan Allah.”

Abu Dzar berkata: “Jangan engkau berkata sedemikian.” Abu Dzar mengumpulkan orang-orang miskin dan kaya Syam sebagai langkah berjaga-jaga atas tindakan Mu’awiyah yang akan mengumpulkan rakyat Syam.<sup>(47)</sup>

Saya (penulis) sangat kagum dengan kecerdikan Ibn Sauda’, firasatnya yang peka dan pengamatan yang luas terhadap sosial masyarakat. Seperti mana yang sedia maklum, dia mampu mempengaruhi orang-orang Syam dan dengan adanya tulisan ini semoga orang-orang yang menyokong Abu Dzar akan mendapat kebahagiaan.

Masyarakat baru terpengaruh setelah adanya perselisihan antara Abu Dzar dan Mu’awiyah, dari sini Ibnu Sauda’ dapat melihat siapa yang memihak kepadanya dan memusuhinya, sebuah pengalaman sosial di dalam mengkaji watak-watak sosial mereka sehingga dengan demikian Ibn Sauda’ juga berjaya menyebarkan maklumatnya.

Dalam menyebarkan virus-virus keburukan, Ibn Sauda’ terus melakukan hasutan di tengah umat Islam dan terus melakukan fitnah terhadap apa yang menjadi sandaran

---

47- *Ibid*, m/s 335. Analisa sejarahnya itu diperkuat oleh Ibn Asakir yang diambil dari As-Sya’bi bahawa orang yang pertamakali berdusta atas nama Allah dan Nabinya adalah Abdullah bin Sauda’. Ia dalam sejarah hidupnya seringkali menghina Abu bakar dan Umar dan kenyataan ini sempat membuat resah pada Sayyidina Ali dan masyarakat sekitarnya.

bagi agama dan negara mereka.<sup>(48)</sup>

Dengan tipu daya Ibn Sauda', negara Rom yang telah memasukkan politik kotor (menerusi *figur* Ibnu Sauda') banyak mengambil keuntungan, kerana pada zamannya nanti kekuatan Islam semakin berkurang dan tidak mampu mengadakan perluasan wilayah Islam.

Orang yang mempunyai kepentingan jahat dengan situasi tersebut akan melakukan tindakan licik, keji dan hina kerana seandainya usaha Ibn Sauda' ini berjaya, maka sangat mudah untuk menundukkan lawan dari angkatan tentera, semangat Nasionalisme sehinggalah orang-orang cerdik pandai akan mudah terpengaruh.<sup>(49)</sup>

Apa yang jelas dalam konteks kemenangan ini, meskipun Ibn Sauda' tidak boleh mempengaruhi atau menghasut rakyat Syam secara keseluruhan, namun beliau masih berupaya untuk menghasut Abu Darda'. Tetapi beliau dengan cepat memahami muslihat dan penipuan yang dilakukan oleh manusia dan bertanya: "Siapa engkau, demi Allah s.w.t, aku tetap beranggapan bahawa engkau adalah orang Yahudi."

Abdullah bin Saba' juga mendatangi Ubadah bin Shamad dan berjaya menghasutnya dan membawa kepada Mu'awiyah dengan berkata: "Wahai Mu'awiyah, inilah orang yang diutus oleh Abu Dzarr kepadamu."

---

48- Ibn 'Asakir, *Tahzib Tarikh Damsyiq*, jilid VII, m/s 430

49- *Tarikh At-Tabari*, jilid III m/s 379

Hatim bin Jabalah adalah seorang pencuri ketika para tentera kembali dari medan perang, secara sembunyi-sembunyi ia memisahkan diri dari barisan dan terus mengikut jejak yang telah dilalui. Lalu ia membuat kerosakan penduduk bukan Muslim dan mengambil apa sahaja yang ia mahukan lalu kembali semula.

Setelah berlaku peristiwa tersebut orang Muslim mengadu kepada Uthman, lalu beliau mengutus surat kepada Abdullah bin Amir yang ketika itu menjadi Gabenornya, "Wahai Abdullah, penjarakan Hatim bin Jabalah dan orang-orang yang serupa denganya dan jangan bebaskan mereka sebelum bertaubat." Setelah itu, dia pun dipenjara dan tidak dibenarkan keluar daripada penjara tersebut.

Orang yang membuat kekacauan dan seterusnya menghembuskan pemberontakan kepada Uthman, Abdullah bin Saba' juga pernah datang kepadanya ketika dia ke Basrah. Ketika dia bercampur dengan orang ramai, dia sekali gus menyebarkan pandangannya dengan lemah lembut, namun tidak diterima oleh masyarakat.

Bagaimana pun ramai anggota masyarakat yang terpedaya dan menjadi pengikut malah mengagungkannya. Setelah itu, dia bertanya siapa yang menjadi Gabenor mereka. Abdullah bin Amir yang menjadi Gabenor bertanya kepada Abdullah bin Saba', "Siapakah engkau?" Dia menjawab bahawa dirinya adalah seorang Kristian yang sangat kagum terhadap Islam dan tertarik dengan kebaikan Gabenor.

Abdullah bin Amir berkata: "Perkara itu tentang keadaan dan sikapmu yang tidak pernah sampai ke telinga. Oleh itu, cepatlah angkat kaki dan pergilah dari sini!" Kemudian Ibn Saba' menuju ke Kufah dan dihalau oleh orang Kufah.

Selepas itu dia menuju ke Mesir.

Ramai penulis beranggapan bahawa perbalahan masyarakat membawa kepada permusuhan sehingga dengan mudah keadaan mereka terdedah kepada berbagai fitnah dan hasutan bermula sebaik sahaja sebelum Amr bin Ash dipecat dari jawatan.

Abdullah bin Saba' sempat bertanya kepadanya dengan tujuan menabur benih fitnah seperti berikut, "Apa yang engkau perolehi? Ingatlah aku akan memberikan lelaki Quraisy yang sama darjatnya dengan kita." Dengan tawaran (hasutan) ini mereka terpengaruh dan semakin mudah dipengaruhi oleh berbagai api fitnah dan hasutan.

Dengan perlahan-lahan, akhirnya mereka termakan dengan benih-benih fitnah itu. Ibn Sauda' (Abdullah bin Saba') akhirnya tinggal di Mesir bersama-sama dengan pemberontak dan sering mengadakan beberapa perjumpaan sulit dengan para pemimpin mereka untuk tetap mengadakan pemberontakan.

Saya (penulis) ingin memetik pandangan At-Tabari dan Ibnu Asakir seperti yang telah sidang pembaca membacanya sebelum ini, iaitu mereka terus bergerak dalam masalah ini yang dimulakan dengan membungkus (fitnah dan hasutan ini) dengan *Amar Ma'ruf* dan *Nahi Mungkar*.

Muslihat dan tentangan ini terus dikobar di pelbagai negara yang tetap menjaga rahsia dengan *Amar Ma'ruf Nahi Mungkar* ini tidak terdedah terutama di negara Mesir sebagai pusat mereka, sedangkan wilayah-wilayah lain terus mengadakan hubungan dengan Mesir sebagai pusat pergerakan.

Mereka mempunyai niat jahat tertentu sehingga tidak hairan jika terdapat sebahagian daripada penduduk Mesir berkata: "Mungkinkah kita akan selamat dari hasutan mereka, sedangkan fitnah tersebut telah pun dihamburkan dan ternyata berkesan ke atas penduduk Madinah?"

Kaum Muslimin terus bersepakat dan memusatkan perhatian mereka kepada Thalhah, Zubair, Ali dan Aisyah. Ibn Sauda' juga terus berusaha menyebarkan fitnah dengan berbagai cara terhadap wilayah tersebut, sehingga tidak ada apa yang dilakukan walau sedikit pun, melainkan mempunyai niat busuk untuk menghancurkan negara dan pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin hingga kiamat.

## **FASAL KEEMPAT**

### **(A) MENJAWAB TOHMAHAN TERHADAP KESALAHAN AISYAH R.A.**

Pada pendapat saya, adalah satu kebaikan memaparkan apa yang telah berkembang di tengah-tengah masyarakat, di mana ramai yang menyampaikan tohmahan bahawa pembunuhan Khalifah Uthman r.a. tidak terlepas dari peranan Aisyah.

Mereka melemparkan perkara ini kepada Aisyah hanya kerana dikaitkan dengan beberapa kenyataan Aisyah yang sebenarnya tidak lebih kepada satu teguran, nasihat dan kritik terhadap beberapa tindakan politik Uthman. Bahkan ada sesetengah golongan menuduh Aisyah sememangnya ada niat untuk membunuh Uthman dan menyifatkannya sebagai kafir, *wal lyazu Billah*.

Aisyah r.a. dianggap mengadakan hasutan ke seluruh



penjuru negeri untuk membunuh Uthman yang seterusnya menghendaki pembai'atan terhadap Thalhah bin Ubaidillah sebagai khalifah. Persoalan inilah yang ingin penulis bentangkan kepada pembaca dengan lebih jelas dan terperinci sebagaimana huraian di bawah:

1. Mengenai anggapan bahawa masyarakat melemparkan tanggungjawab kepada Aisyah r.a. kerana beliau pernah mengatakan, "Bunuhlah Uthman kerana dia telah kafir."<sup>(50)</sup> Sesungguhnya penolakan terhadap tuduhan mereka yang dikaitkan dengan kenyataan Aisyah tersebut adalah tidak benar, kerana ketika itu keadaan Aisyah tidak stabil iaitu beliau sedang dalam keadaan geram. Meskipun Ibn Hadid banyak membincangkan persoalan di atas, tetapi di sini saya mempunyai banyak bukti untuk membenarkan pendapat saya bahawa Aisyah tidak terbabit. Masyarakat juga menganggap Aisyah terlibat dalam pembunuhan Uthman berkaitan dengan kenyataan beliau: "Uthman sungguh celaka dan semoga Allah s.w.t menjauhkan dia dengan amalannya sendiri."<sup>(51)</sup>

Untuk menumpukan kajian pada *figur* Aisyah ini tentu saya tidak boleh terkecuali dalam menyifatkan pembohongan maklumat di atas dengan sesuatu yang sengaja diada-adakan oleh pihak tertentu, dengan alasan iaitu dengan mengambil kira keintelektualan dan

---

50- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 477 dan lihat dalam kitab *Minhaj As-Sunah* oleh Ibn Taimiyyah jilid II, m/s 88, dijelaskan ianya telah banyak menyeleweng data-data akademik secara sengaja.

51- *Syarah Nahjul Balaghah*, jilid II, m/s 76

ketaqwaan Aisyah sendiri, maka tidak mungkin apabila kenyataan tersebut murni lahir dari hati sanubari Aisyah.

Dalam persoalan ini, Imam At-Tabari dan Imam Ibn Umi Kilab serta orang-orang yang sependapat dengan mereka mengatakan bahawa kenyataan “Bunuhlah Uthman kerana dia kafir diucapkan beliau ketika ada maklumat bahawa Ali akan dibai’at menjadi khalifah. Seterusnya Aisyah berkata: “Untuk apa aku membai’atnya? Ali menjawab: “Mengapa puan menolak sedangkan puanlah yang memulakannya.” Lalu Ali menyampaikan syair:

*“Engkaulah yang memulakan dan engkaulah yang menghembuskan anginnya. Engkau juga yang menjadikan hujan. Engkau juga yang pernah memerintahkan untuk membunuh Uthman dan berkata kepada kami bahawa dia telah kafir. Apakah kami melepaskan pembunuhannya dari tangan engkau? Sedangkan orang-orang yang membunuh Uthman itu adalah satu persoalan yang panjang, yang tidak akan berubah selama kami masih diterangi oleh matahari dan rembulan.”<sup>52)</sup>*

2. Masyarakat juga melemparkan tohmahan pembunuhan ini kepada Aisyah, kerana dikaitkan dengan tulisan, iaitu seruannya yang tersebar di seluruh negeri. Athur salah seorang pemimpin pemberontak mendatangi Aisyah

---

52- *Ibid*. Pada halaman yang sama. Di dalam sub judul tersebut terdapat ulasan saya tentang keenggan Aisyah untuk ikut serta dalam perliantikan (Pembaitan) Ali sebagai khalifah keempat.

dan berkata kepadanya: “Wahai Ummu Al-Mukminin bagaimana pendapat puan tentang orang ini (Uthman)?” Soalan tersebut sampai ketika Uthman dikepung dan Aisyah pada hakikatnya sudah tahu apa yang dimaksudkan dengan soalan yang dikemukakan oleh Athur tersebut meskipun dia tidak menjelaskanya.

Lalu Aisyah mematahkan perangkap yang dimaksudkan oleh Athur dan menjawabnya dengan jelas: “*Na’uzu billah*, jika aku menyuruhmu untuk mengalirkan darah umat Islam, membunuh khalifahnya dan menghalalkan darah mereka. Athur menjawab: “Puan telah menulis surat kepada kami sehingga apabila terjadi perang di antara rakyat, maka bagaimana puan boleh mencegah kami?”<sup>(53)</sup>

Dengan fakta ini, semoga pembaca tidak lupa bahawa perkara ini sebenarnya merupakan fitnah dan hasutan politik jahat Ibn Sauda’ (Abdullah bin Saba’) dalam memutarbelitkan maklumat yang berkembang di dalam masyarakat dan masyarakat pada hakikatnya sudah mengetahui persoalan ini, namun malangnya ia ibarat awan tebal yang hanya menunggu masa untuk hujan.

Imam Al-Ghuladiri menyebut tentang perkataan Aisyah ketika Uthman terbunuh iaitu, “Kamu semua telah meninggalkan Uthman seperti baju yang kering dan terlepas dari kotoran, lalu kalian membunuhnya seperti membunuh kambing Masrukh.”

---

53- *Ansabu Al-Asrab, jilid V, m/s 101*

Kemudian terdengarlah perkataan dari salah seorang pemberontak, "Ini adalah perbuatanmu yang murni kerana puanlah yang menyeru masyarakat untuk mengadakan perhimpunan haram dan tunjuk perasaan kepada Uthman."

Lalu Aisyah bersumpah: "Demi Allah, Tuhan yang dipercayai umat Islam dan diingkari oleh orang kafir, aku tidak pernah menulis hitam putih seperti di atas sehingga aku duduk di tempatku ini." A'mas berkata, "Pada hakikatnya, mereka yang menulis tetapi mereka *menisbat* dan menuduh Aisyah."<sup>(54)</sup>

3. Mereka menuduh Aisyah, kerana dialah yang mengajak untuk membunuh Uthman dan ingin melantik Thalhaf bin Ubaidillah sebagai khalifah. Berhubung perkara ini saya (penulis) mempunyai dua bukti yang bertentangan dengan perkara di atas. Bukti yang pertama berkaitan dengan sebelum pembunuhan Uthman dan bukti yang kedua pula sesudah pembunuhan Uthman.

Seperti yang anda baca sebelumnya bahawa Aisyah meninggalkan Madinah ketika Uthman dikepung dan beliau sedang menunaikan ibadat haji di Mekah dan ketika itu Uthman memerintahkan dua orang sahabat untuk mengiringi beliau.

Menurut At-Tabari, ketika itu Ibn Abbas berada di Silsil iaitu satu tempat yang sudah hampir dengan Madinah. Kemudian beliau berkata kepadanya, "Semoga Allah s.w.t

---

54- *Aqd Al-Farid*, jilid 3, m/s 83

memberikan petunjuk kepadamu, kerana engkau telah diberi lidah yang mampu menolong Uthman dari kepungan pemberontak.”

Aisyah r.a. mengetahui tentang tindakan mereka yang telah banyak mengobarkan api dan mengalirkan penyebaran fitnah dalam permasalahan ini ke seluruh wilayah negara Islam. Saya melihat bahawa Thalhah bin Ubaidillah memang mempunyai peranan penting ke atas Baitul Mal dan memegang kuncinya.

Ibn Abbas r.a. berkata: “Wahai ibu, jika sesuatu yang membimbangkan (pembunuhan) itu menimpa Uthman, maka tidak ada pilihan lain kecuali Ali dilantik sebagai khalifah. Aisyah menjawab: “Bagaimana kamu ini, aku tidak bermaksud untuk mengajar dan mendebatmu.”<sup>(55)</sup>

Dari fakta ini, saya (penulis) sama sekali tidak mempunyai prasangka bahawa Aisyah hendak melantik Thalhah menjadi khalifah sebaik sahaja Uthman dipecat dari jawatan atau terbunuh. Demikian juga (penulis) berpendapat bahawa terdapat bukti yang kuat tentang perkara ini, iaitu ketika dia mengadakan sesi dialog dengan Ibn Abbas, bahawa dia adalah dari Bani Hasyim untuk segera melantik Thalhah.

Dengan demikian, sangkaan yang sangat jauh dan kecil sekali untuk dikatakan bahawa Aisyah ingin melantik Thalhah bin Ubaidillah. Apatah lagi tidak ditemui hingga kini terdapat bukti kuat yang menunjukkan bahawa Aisyah terlibat dalam pembunuhan Uthman sehingga ia

---

55- Lihat *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 434

berkeinginan untuk melantik Thalhah sebagai khalifah.

Perlu (*penulis*) jelaskan bahawa keterlibatan Aisyah itu hanyalah setakat menuntut adanya perubahan pada pejabat dan kakitangan Uthman r.a. dan perbaiki kesalahan yang telah dilakukan. Pada masa yang sama Uthman sendiri sangat menghargai teguran dan kritikan Aisyah dan para pembesar sahabat yang lain.

Pada masa-masa berikutnya tuntutan tersebut dipenuhi (salah satunya adalah perlantikan Muhammad bin Abu Bakar sebagai Gabenor Mesir yang baru walaupun hal itu tergendala kerana terperangkap dengan fitnah iaitu kes peristiwa hamba Uthman yang membawa surat rahsia ke Mesir tanpa mengetahui siapa penulisnya).

Semoga saya tidak salah faham bahawa Aisyah tidak terlibat terhadap tragedi pembunuhan Uthman, malah dia sangat menghormatinya melebihi orang-orang yang dekat dengan Uthman dari kalangan para pembesar sahabat seperti Thalhah dan Zubair.

Sememangnya beliau lebih suka kepada usaha pelucutan jawatan Uthman dan inilah maklumat yang pada pandangan saya adalah paling kuat seperti yang diriwayatkan oleh At-Tabari. Dengan demikian, orang yang boleh memandang akar persoalan tersebut tentu akan menemui kejernihan.

Tetapi barangsiapa yang ingin terkeliru dan menjadi sesat, maka saya sarankan membaca karya-karya Ibn Hadid, kerana karya tersebut lebih banyak mengandungi keclaruan.

Ketika pembaca tidak menemui cerita yang tak ubah seperti

dongeng (hiburan) pada tulisan At-Tabari, maka hendaklah membaca tulisan Ibn Hadid. Salah satu contohnya ialah Ibn Hadid menggambarkan ketika Uthman terbunuh sebagai makhluk yang teraniaya, seakan-akan digambarkan adanya wanita yang menari di tengah *maktam* (tempat berhimpun orang ramai kerana bersukacita).

Kesemuanya dilakukan atas rasa gembira terhadap apa yang akan diperolehi oleh Thalhah iaitu jawatan khalifah. Perkara ini dapat dibuktikan sebaik sahaja berita pembunuhan ini sampai kepada Aisyah, maka beliau berkata, "Semoga Allah menjauhkan Uthman (dari rahmatNya) kerana amalan dan perbuatannya sendiri."

Aisyah mempunyai harapan tinggi bahawa persoalan (jawatan khalifah) akan jatuh kepada Thalhah. Beliau berkata sambil menunjukkan jarinya kepada Thalhah: "Bagaimana kamu ini, wahai singa dan wahai sepupuku, haruskah aku menyuruh unta untuk bangkit, demi Allah bapamu sendiri tentu akan memandang amalan-amalan Thalhah itu."

Sebaik sahaja sampai kepadanya maklumat tentang pembai'atan Ali, maka dia menjadi putus asa, lalu berkata, "Mereka tidak mampu menolak persoalan khalifah ini cengan cinta selama-lamanya."<sup>(56)</sup>

Cerita-cerita yang telah meracun masyarakat seperti ini tentu tidak akan terlepas dari kepentingan-kepentingan dan puak tertentu. Seperti yang (penulis) lihat sekarang

---

56- Syarah Nahjul Balaghah jilid II m/s 76

berkaitan aktiviti politik dan aktiviti pemerintah dalam erti mereka akan menyokong riwayat-riwayat itu selagi menguntungkan komuniti atau kumpulannya.

Dengan demikian apa yang *dinisbatkan* kepada Aisyah oleh Ibn Hadid itu iaitu cerita-cerita dongeng seperti mana di atas, tidak mungkin timbul dari seseorang meskipun dia masih kanak-kanak, apatah lagi jika dikaitkan dengan kecerdikan dan aktiviti politik Aisyah.

Mudah-mudahan pembawa riwayat di atas tidak menjejaskan kehormatan dan maruah Aisyah yang mempunyai keperibadian yang taqwa, cerdik dan alim. Aisyah di mata Ibn Hadid digambarkan sebagai wanita yang berada di dalam hospital dan sakit jiwa yang tidak mungkin disembuhkan dalam waktu yang singkat.

Salah satu fitnah dalam kes pembunuhan Uthman ini adalah tentang apa yang pernah diucapkan oleh Sa'ad bin Abi Waqas r.a. bahawa Uthman dibunuh oleh sekumpulan pakatan sulit kerana sesuatu yang dicabut oleh Aisyah, diasah oleh Thalhah, diracuni oleh Ali dan diarahkan oleh Zubair dan dia (Uthman) sendiri diam (iaitu tidak membela diri).<sup>(57)</sup>

Jika pembaca berfikir dengan tenang dan logik terhadap faktor-faktor yang menjadi punca berlakunya fitnah ini, dengan mengambil kira kepentingan yang tersembunyi dari pandangan masyarakat. Semuanya itu adalah tindakan yang telah dilakukan oleh Ibn saudā' (Abdullah bin Saba')

---

57- *Al-Aqd Al-Farid*, jilid III, m/s 84



maka apa diucapkan oleh Sa'ad bertentangan dengan realiti yang telah berlaku.

Dengan ucapan yang disampaikan oleh Sa'ad itu menggambarkan kedudukan mereka terdesak, maka sebahagian persoalan tidak timbul kecuali setelah 10 tahun atau kalau boleh saya katakan setelah 100 tahun.

Salah seorang daripada mereka adalah puak Umawiyiyin sebagai keluarga besar Uthman dan Mu'awiyah sebagai tokohnya.<sup>(58)</sup> Mereka sangat gembira terhadap apa yang telah disampaikan oleh Sa'ad, bahkan pada pandangan saya segala pendapat dan tindakan mereka ini mendapat pembenaran dari kenyataan Sa'id yang juga sebagai salah seorang ketua dalam barisan mereka dan sangat berpengalaman.

Marwan menemui sahabatnya beserta Aisyah menuju ke Basrah untuk menuntut darah Uthman. "Ke manakah kamu hendak pergi untuk menolong pasukan unta (Aisyah), bunuhlah mereka dan segeralah kalian kembali ke tempat masing-masing dan janganlah kalian membunuh sesama sendiri!"

Mereka menjawab, "Tetapi tujuan kita adalah mencari pembunuh Uthman." Pembaca akan melihat sesudah itu mereka mengatakan bunuhlah Thalhah, Zubair dan bunuh Aisyah.<sup>(59)</sup>

---

58- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 472 dan Ibn Khaldun jilid II, m/s 100

59- Imam Mubarrad, *Al-Kamil* (terbitan Leiden ) m/s 101

Jika anda tidak peka terhadap petunjuk, faktor dan aktiviti yang tersembunyi tersebut, maka anda akan melihat keempat *figur* di atas sebagai faktor kedua yang tidak ada hubungan dengan nasihat yang bersifat geram daripada kecintaan yang telah dilanggar.

Seperti yang sedia maklum, Aisyah tidak terlibat dalam penyebaran berbagai surat ke seluruh daerah dan di sana terdapat orang-orang yang dikunjungi dan ditentukan di mana merekalah yang sebenarnya telah memunculkan kesepakatan mereka sendiri.

Seperti mana maklum bahawa Aisyah tidak pernah menyuruh melakukan pembunuhan terhadap Uthman atau usaha yang menjurus kepadanya, apatah lagi dia tidak merasa bimbang dengan terbunuhnya Uthman yang dikaitkan dengan ucapan yang pernah keluar daripadanya, dia berkata, "Semoga aku menjadi orang yang lupa sebelum persoalan Uthman ini terjadi dan demi Allah, apa yang aku harapkan hanyalah seperti itu. Seandainya aku suka untuk membunuh, maka aku akan membunuh."<sup>(60)</sup>

Penulis akan mengaitkan riwayat ini dengan riwayat Ibn Abd Rabbah, di mana dikatakan bahawa Mughirah bin Syu'bah masuk dan ditanya oleh Aisyah, "Wahai Abu Abdullah, jika engkau melihat aku pada waktu perang Jamal, maka engkau akan melepaskan unta aku sehingga sebahagiannya sampai kepadaku."

Mughirah menjawab, "Demi Allah kalau bererti puan suka

---

60- *Ansab Al-Asrab* jilid V, m/s 101

sebahagian itu membunuh puan sendiri." Aisyah bertanya lagi, "Mengapa engkau berkata seperti ini? Mughirah menjawab: "Kerana boleh jadi itu sebagai balasan terhadap pembunuhan Uthman yang telah puan rancangan."

Aisyah berkata: "Demi Allah, aku tidak pernah berkata dernikian, seperti yang diketahui oleh Allah bahawa aku ingin membunuhnya? Allah Maha mengetahui ketika aku menginginkan dia dibunuh lalu aku juga dibunuh, dilempar dan dilanggar. Seandainya dia tahu aku ingin membunuhnya lalu aku juga dibunuhnya."<sup>(61)</sup>

Aisyah sangat sedih dan geram dengan terbunuhnya Uthman. Aisyah sangat benci pada saudara kandungnya iaitu Muhammad bin Abu Bakar yang terbabit dalam pembunuhan itu, bahkan telah melakukan dosa.

Pada sebelah malam, dengan marah dan geram Aisyah memanggil saudaranya dan orang-orang yang disyaki terbabit dalam pembunuhan Uthman bahawa ia sangat hiba dan menyesal di atas pembunuhan Uthman dan berkata, "Semoga Allah s.w.t membunuh orang yang telah berdosa membunuh Uthman, mengalirkan darah Budail secara keji dan pergi ke rumah A`yun bin Tamim dengan mudah."

Astur telah melemparkan tombaknya yang belum dipanggang. Mereka menjawab, "Demi Allah tidak ada seorang pun daripada mereka yang tidak terlepas dari ucapan Aisyah."<sup>(62)</sup>

---

61- *Al-Aqd Al-Farid*, jilid III, m/s 83

62- *Ibid*, jilid V m/s 102

Saya (penulis) sama sekali tidak bermaksud untuk menunjukkan Aisyah terlepas dari kebimbangan berlakunya pembunuhan itu yang juga sebagai kesan dari seruannya yang sangat keras, kerana memang Aisyah tidak terjebak dalam kepentingan seorang pun dalam persoalan itu.

Kegeramannya terhadap kes pembunuhan Uthman, pada pandangan saya sudah cukup untuk dijadikan hujah bahawa beliau tidak terlibat dalam pembunuhan tersebut. Apa yang benar bahawa beliau sama sekali tidak terlibat dalam pembunuhan Uthman kerana beliau sudah meninggalkan Uthman ketika Uthman dikepung oleh pemberontak dan orang yang tidak sepakat dengannya lalu menuju ke Mekah.<sup>(63)</sup>

Ketika di kepung, Uthman menyuruh mengambil air dan diambikan oleh salah seorang isteri Nabi s.a.w iaitu Ummi Habibah, bahkan ketika itu, dia sendiri hampir terbunuh. Marwan datang kepada Aisyah sambil berkata: "Wahai ummu Mukminin, jika puan bangkit maka puanlah yang paling berhak untuk mengawasi orang ini (Uthman)."

Permintaan Marwan adalah sebagai permohonan perlindungan kepada Aisyah. Jika Aisyah memenuhi permintaan itu maka akan bermanfaat untuk keselamatan Uthman, tetapi ia tetap selamat atas keberadaannya

---

63- Analisa ini di perkuat oleh utusan (jawapan) yang pernah dikirim oleh Uthman kepada Ali tentang tuduhan-tuduhan negatif masyarakat mengenai dirinya yang telah terlibat dalam praktik rasuah dan nepotisme (suku-sakat) dalam pemerintahannya, ini menurut Imam khudari.

sendiri, meskipun dia diikuti oleh saudaranya sendiri (Muhammad bin Abu Bakar) yang juga salah seorang yang ingin menjatuhkan Uthman untuk pergi ke Mekah, tetapi dia tetap menolaknya.

Sebenarnya rasa geram Aisyah keluar dari niat yang suci tanpa sebarang kepentingan. Aisyah seperti yang lainnya juga hanya menginginkan Uthman memperbaiki sistem pentadbiran yang sememangnya mendapat banyak kritikan dari para sahabat besar.

Manakala persoalan darah Uthman, tidak menggugat keputusan Aisyah walaupun dia dikaitkan dengan peristiwa tersebut, malah dia tidak terfikir untuk membunuh Uthman.

Apa yang jelas dalam percaturan politik dan aliran tertentu tetap ada fitnah yang tidak sihat. Dari maklumat di atas jelaslah bahawa *paradigma* semula sudah tidak dapat dijadikan pegangan. Demikian pula kekacauan akan terbantah dengan sendirinya serta pokok permasalahan yang sebelumnya tertutup oleh fitnah tertentu.

%%%%%%%%%

# 2



**KEDUDUKAN AISYAH PADA ZAMAN  
PEMERINTAHAN ALI BIN ABI TALIB R.A.  
HINGGA PERANG JAMAL**



**A**li dilantik sebagai khalifah yang mempunyai berbagai kesan tersendiri terhadap tanggapan rakyat yang akhirnya menimbulkan isu yang membelakangkan kerajaan. Selama memerintah, Ali berhadapan dengan gelombang fitnah, ibarat percikan api di tengah malam.

Rasa kurang senang terus tertumpu pada diri Aisyah. *Qudrah Iradah* Tuhan masih semula jadi. Sejak Ali dilantik sehingga terbunuh, Aisyah terus-menerus dibelenggu oleh api fitnah. Kaum Khawarij terus-menerus melancarkan pemberontakan demi menuntut pemerintahan yang sah.

Semangat yang berkobar-kobar terus muncul dan perdebatan dalam negeri terus berkembang. Masalah dalaman tidak henti-henti menimpa ke atas diri Khalifah Ali. Perpecahan berlaku akibat tidak mendapat jalan keluar dan penyelesaian. Jika permasalahan tidak terlalu banyak campur tangan, nescaya corak pemerintahan Ali menjadi lebih kukuh dan akan membawa kepada pentadbiran yang lebih baik.

## **FASAL PERTAMA**

### **(A) HUBUNGAN ANTARA ALI DAN AISYAH PADA MASA LALU**

Sebelum membincangkan masalah yang terjadi antara Ali dan Aisyah, lebih baik penulis membentangkan serba sedikit hubungan antara keduanya sebelum Khalifah Ali r.a. memerintah. Sikap penulis adalah merendahkan diri dan sentiasa berbaik sangka terhadap riwayat-riwayat yang baik.

Di sini penulis membentangkan data sejarah tentang



perbezaan pendapat antara Aisyah dan Uthman di mana ia sangat memuliakan, mencintai bahkan menghormati Uthman.

Tetapi hal itu berbeza ketika zaman kekuasaan Ali. Aisyah tidak memberikan saranan mahupun nasihat kepada Ali. Apabila (penulis) lihat secara umum, hubungan yang terjadi di antara keduanya sangat renggang dan tidak mesra.

Melihat sejarah 30 tahun sebelum Ali dilantik menjadi khalifah di mana titik awal perubahan yang mendorong Aisyah ditemui, keduanya dipertemukan dan mereka tidak mampu untuk melepaskannya dan ia bukan dari masalah yang berkaitan dengan perwatakan personal Aisyah yang keras dan tidak pernah bergoyah.

Secara umum pasangan isteri-isteri Rasulullah s.a.w, Aisyahlah yang lebih dicintai oleh Nabi s.a.w, terbukti dengan rumahnya yang paling mewah. Adapun isteri yang lain memiliki rumah biasa. Sejak mula, Ali dan isterinya Fatimah puteri Nabi s.a.w berusaha untuk mengurangkan rasa cinta Nabi terhadap Aisyah dengan cara mencari simpati dari isteri Nabi yang lain dan kalau boleh yang tidak disukai Aisyah.

Ahli sejarah meriwayatkan bahawa suatu hari isteri Nabi s.a.w berkumpul di rumah Ummu Salamah, kerana menemui suatu fakta yang menandakan adanya kelebihan tentang kecintaan Nabi s.a.w kepada Aisyah. Isteri-isteri baginda memaki Aisyah. Nabi s.a.w yang menyaksikan peristiwa tersebut menegahinya, namun isterinya tidak mahu mengalah.

Nabi s.a.w mengajar tentang hikmah *Qisas* adil dalam

menghadapi permasalahan tersebut. Lebih lanjut, Nabi s.a.w membenarkan Aisyah untuk memaki balik isteri-isterinya yang memaki dirinya. Ummu Salamah sangat geram, lalu mengadukan perkara tersebut kepada Ali dan Fatimah. Ali dan Fatimah membela Ummu Salamah dan menyalahkan sikap Aisyah.

Ummu Salamah setia dalam barisan Ali hingga ke akhir hayatnya. Ummu Salamah berkata "Aisyah mencaciku dan mencaci kamu berdua. Ali geram apabila mendengar aduan itu dan menyuruh Fatimah menemui Rasulullah s.a.w, "wahai Fatimah, pergilah engkau kepada Nabi s.a.w dan katakan padanya bahawa Aisyah telah mencaci-maki kami." Fatimah menemui ayahnya (Rasulullah) dan menceritakan perkara tersebut dan Nabi s.a.w menjawab: "Aisyah adalah mutiara ayahmu wahai anakku dan menjadi kekasih yang memiliki Kaabah."

Jawapan Rasulullah s.a.w tidak memuaskan Ali dan mendorongnya untuk bertanya kepada Rasulullah s.a.w "Wahai Nabi s.a.w apakah tidak cukup bagi tuan sekarang ini bahawa Aisyah telah mencaci kami sehingga Fatimah menemui tuan ya Rasulullah, tindakan yang sama terus berulang tetapi Aisyah tetap tidak mempedulikan mereka."<sup>(64)</sup>

Perlu diingat bahawa perselisihan itulah yang dijadikan alat untuk meminggirkan Aisyah.<sup>(65)</sup> Kecintaan Aisyah di sisi Rasulullah s.a.w sangat luar biasa, walaupun tidak dikurnia

---

64- lihat kitab *Al-Samtus Samin*, m/s 35

65- *Ibid*, m/s 37-38 dan kitab *Siyar Al-Nubula'*, jilid II, m/s 23

keturunan. Nabi s.a.w juga sayangkan puterinya Fatimah dan menaruh perhatian kepada Ali. Peribadi baginda penuh kesederhanaan, bangga dengan kehadiran dua cucunya iaitu Hasan dan Husain.

Walaupun Rasulullah s.a.w membawa misi suci menyebarkan dakwah, tetapi tidak boleh sesuka hati mengkaitkan sebab terjadinya permusuhan antara Aisyah dan Ali yang sangat serius.

Penulis mempunyai anggapan bahawa kedudukan Ali dalam masalah keluarga merupakan sesuatu yang semula jadi, yang pada umumnya sering terjadi antara suami dan isteri.

Suatu hari, Ali menghampiri Aisyah lalu mengungkapkan segala perasaannya kepada Aisyah. Pada pandangan (penulis) Aisyah berada pada kedudukan benar yang datang daripada sifat kerasnya. Seandainya Allah tidak melunakkan hati Nabi s.a.w dan Aisyah, maka ia akan menyingkir dari hadapan Ali ketika dia membaca Al-Quran sehingga sekarang.

Orang-orang Munafik dan pemimpin Yahudi dari rakyat Madinah dengan pantas membuat pakatan sulit yang menimbulkan fitnah yang tidak terbuka sebagai ubat dari apa yang telah merobek hati mereka bermula dengan benci kepada Islam dan jatuhnya negeri Madinah kepada Islam, tetapi dalam menghadapi gangguan mereka, Nabi s.a.w menerimanya dengan penuh kesabaran.

Hikmah kebijaksanaan Nabi s.a.w tersebut juga tidak terlepas dari kes peristiwa Aisyah dan keinginan para perghasut sehingga Allah mengutus Nabinya terhadap

permasalahan rakyat dengan kawalan wahyu.

Dengan kawalan wahyu, Nabi s.a.w menyuruh Ali bin Abi Talib dan Usamah bin Zaid untuk berpisah dengan keluarganya. Kedua-duanya melaksanakan, malah memuji Rasulullah s.a.w terhadap apa yang diajarkan kepadanya iaitu melepaskan ikatan keluarga dan berkata kepada Nabi s.a.w: "Wahai Rasulullah s.a.w, semua itu tidak lain adalah perbuatan yang baik.

Satu jawapan yang muncul tanpa difikirkan sebelumnya, tetapi ketika Ali mengemukakan usul kepada Rasulullah iaitu agar baginda menceraikan Aisyah: "Wahai Rasulullah, semoga Allah tetap melapangkanmu, wanita selain Aisyah masih ramai, jika tidak percaya, sila tanya kepada Jariyah." Ia tidak berhenti di sini sahaja, bahkan Ali pergi kepada Jariyah lalu memukulnya dengan keras: "Kamu mesti membenarkan Rasulullah s.a.w dalam masalah ini."

Jariyah berkata: "Tidak, kerana bagi aku jodoh mereka satu kurnia yang baik." Perkara ini sesuai dengan apa yang diriwayatkan oleh At-Tabari.<sup>(66)</sup>

Ali mensyaki bahawa perkara ini akan membawa kesan positif pada diri Rasulullah s.a.w, kerana dia menyifatkan perangai Aisyah yang disangka buruk dan berbuat aniaya. Seandainya baginda mengikut saranan Ali, maka ia akan membawa kepada kesan yang tidak baik iaitu dari satu aspek ia akan menghancurkan kehidupan Aisyah dan dari segi yang lain akan membuat rakyat sakit hati kepada Nabi s.a.w.

---

66- *Nahjul Balaghah*, jilid II, m/s 457

Fenomena ini menjadikan Nabi s.a.w berdukacita sepanjang hidupnya yang tidak dilupakan oleh seorang pun.

Ringkasnya, salah satu kelembutan Allah s.w.t kepada Nabi s.a.w dan keluarganya adalah berpalingnya baginda terhadap sikap Ali. Perkara ini telah pun (penulis) sebutkan sebelumnya tentang peribadi Aisyah seperti mana yang dipetik dari kitab *Siyar A'lam Al-Nubala'*.

Saya (penulis) yakin bahawa sikap Ali ini muncul akibat perselisihan antara isteri Nabi s.a.w sehingga Ali mencadangkan idea tersebut. Ini kerana beliau adalah orang yang mulia dan memandang aspek kes peristiwa cacian tersebut. Tetapi Allah sebagai Zat yang Maha Mengetahui ke atas kes atau peristiwa yang diturunkan.

Saya (penulis) ingin membawa pembaca untuk melihat kepada inti permasalahan yang terjadi antara Ali dan Aisyah, kerana kebencian sering membayangi hubungan keduanya sepanjang masa dan masalah seperti itu tidak pernah dilupakan sebelum ada usaha dari peribadi itu sendiri.

Aisyah sendiri tidak pernah melupakan kes tersebut dalam menzahirkan kelembutannya yang dalam pandangan Ali ini ibarat debu halus. Peristiwa yang pernah dibangkitkan Ali menyesak hati Aisyah. Bertahun-tahun kedudukannya sebagai intelektual, tanpa disedari terbukti mampu memberi kejayaan kepada umat Islam.

Itulah Aisyah yang mendapat tempat sebagai wanita cemerlang. Saya (penulis) menemui adanya maklumat bahawa hari-hari berikutnya, tidak ada yang tumbuh dari

Aisyah kecuali keinginan untuk bergerak sehingga berlakulah perang Jamal setelah selang tiga puluh tahun sebagaimana tersebut dalam syair:

*“Sesungguhnya masalah yang masih kecil, tentu apabila dibiarkan akan menjadi besar.”*

Ibn Hadid meriwayatkan kes peristiwa yang terjadi antara Aisyah dan Ali yang tidak pernah saya temui pada rujukan yang (penulis) ragukan tentang perkara itu jauh dari peribadi Aisyah yang mempunyai keperibadian sebagai pendidik.

Ketika Aisyah keluar dari rumah Ali dan sebaik sahaja Ali dilantik, maka Ummu Salamah mengingatkan kes peristiwa ini kepada Aisyah seperti yang ada dalam *Syarah Nahju Al-Balaghah*, Ummu Salamah berkata kepada Aisyah: “Apakah engkau masih ingat ketika sama-sama berada di hadapan Rasulullah s.a.w, hidangan daging itu kurang mencukupi, ketika Ali dipanggil oleh Rasulullah s.a.w, dia menyambutnya. Ketika itu engkau ingin menyerang keduanya tetapi aku berjaya menegahinya. Jika begitu kamu telah melanggar dengan menyerang mereka dan kamu pulang dalam keadaan menangis dan aku bertanya kepadamu: Apa yang terjadi padamu wahai Aisyah?”

Engkau menjawab: “Aku menyerang mereka berdua kerana sedang berbincang” dan engkau berkata kepada Ali: “Bukankah aku membolehkan satu hari dari Rasulullah dalam satu minggu? Bagaimana engkau wahai Ali mengganggu hari-hari kami?” Rasulullah s.a.w menerima Ali dan ketika itu Ali sungguh geram dan mukanya merah, lalu Rasulullah s.a.w berkata: “Wahai Aisyah, masuklah kamu ke dalam, demi Allah tidak satu pun yang membuat

Allah geram sama ada keluargaku mahupun orang lain kecuali ia telah keluar dari iman." Lalu engkau pergi dalam keadaan menangis dan geram, Aisyah menjawab: Ya, aku masih ingat."

Apa yang jelas maksud dari konteks ini adalah penetapan status kafir terhadap orang yang marah kepada Ali bin Abi Talib r.a.<sup>(67)</sup>

Ketika ayah Aisyah iaitu Abu Bakar As-Sidiq dilantik sebagai khalifah, Ali tidak segera berangkat malah menegah orang-orang Bani Hasyim, hal ini berlangsung sehingga enam bulan dan setelah isterinya Fatimah meninggal barulah Ali mahu membai'atnya.

Di sini jelaslah bahawa Aisyah juga tidak sehaluan dengan orang-orang yang tidak membai'at ayahnya dan dia memandang ayahnya lebih berhak menjadi khalifah, kerana itu dia terus menyokongnya.<sup>(68)</sup>

Tidak ada salahnya apabila ia pergi pada suatu tempat yang bernama Fada' yang telah diserahkan Nabi pada masa hidupnya, dimana tempat itu sebagai tempat mencari makan bagi memberi belanja seharian kepada keluarganya

---

67- *Ibid*, m/s 78

68- Disebutkan oleh At-Tabari bahawa pernah Fatimah dan Abbas mendatangi Abu Bakar untuk mengambil harta pusaka mereka dari Nabi, tetapi ditolak oleh Abu Bakar kerana didasarkan pada Hadith Nabi yang bermaksud "Kami tidak mewariskan dan apa-apa yang kami tinggalkan itu telah menjadi sedekah. Dengan seponatan, penolakan itu membuat Fatimah tidak rela bahkan tercatat ia tidak bertegur sapa lagi dengan Abu Bakar hingga ajal menjemputnya. Dan untuk lebih jelasnya silakan lihat *Shahih Bukhari-Muslim* Jilid V, m/s 139

dan melayan tetamunya selama hidup baginda s.a.w dan selebihnya diberikan kepada orang-orang fakir.

Ketika Rasulullah s.a.w wafat dan kepimpinan terletak di tangan Abu Bakar, maka Fatimah datang kepadanya untuk menuntut bahagian harta pusaka, namun ditolak oleh Abu Bakar, kerana beliau mendengar sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: "Kami adalah Pengikut Nabi yang tidak boleh diwarisi sesuatu dan apa yang ditinggalkan oleh kami adalah sedekah."

Namun Fatimah bersikap tidak mahu menerimanya malah memarahi Abu Bakar. Demikian juga yang dilakukan oleh Ali dan Abbas. Di sini, pembaca boleh mengesan bahawa setiap isteri Nabi Muhammad s.a.w menuntut harta pusaka dari Rasulullah s.a.w, tetapi ketika disekat oleh Aisyah dengan hadith yang diriwayatkan oleh ayahnya, mereka membenci dan melecehkan Aisyah.

Inilah masalah yang menguatkan perbezaan antara Ali, Fatimah dan Aisyah. Pada pemerintahan Umar, Ali merayu Aisyah agar harta pusaka diberikan tetapi tidak dibenarkan juga.<sup>(69)</sup>

Ada bukti sejarah yang cukup kuat untuk mengeluarkan Aisyah dari kedudukannya, kerana terbabit dengan sikap yang sering membuat Ali terpinggir. Sebelum (penulis) membahas tentang perang Jamal, (penulis) akan menerangkan penyokong Aisyah agar dapat menjadi kata kunci dari peristiwa ini. Ia diharapkan menjadi lampu yang menerangi perbincangan berikutnya.

---

69- Ibn Salam, *Kitab Amwal*, m/s 11



Pertama: Riwayat yang disampaikan oleh Atha' bin Yasar ketika seseorang mendatangi Ali dan 'Imar. Ketika itu Aisyah ada di situ, maka Aisyah berkata: Aku tidak akan memberikan sebarang komen tentang Ali di hadapan kamu, tetapi masalah 'Imar aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: "Apabila dihadapkan dua pilihan, maka amrillah yang terbaik."<sup>(70)</sup>

Kedua: Pendirian Aisyah tentang ketiadaan wasiat Nabi, ketika ia ditanya: "Wahai Aisyah apakah Rasulullah pernah berwasiat tentang kekhalifahan?" Aisyah menjawab: "Nabi s.a.w sering berada di bilikku untuk urusan penting dan sentiasa bercakap denganku, baginda pernah tersenyum di kamarku dan aku sendiri tidak tahu maknanya, lantas bila masanya Nabi s.a.w mempunyai peluang untuk berwasiat kepada Ali r.a.?"<sup>(71)</sup>

Ketiga: Riwayat yang sampai kepada Aisyah seperti yang dirwayatkan oleh At-Tabari di mana Aisyah pernah berkata: "Ketika sakit Rasulullah semakin teruk, baginda memanggil semua isteri-isterinya untuk meminta izin dirawat di rumahku, lalu mereka membenarkan izin, lalu Nabi keluar di antara dua orang keluarganya yang salah seorang darinya adalah Fathar bin Abbas, ia terus dipapah kedua kaki dan kepalanya dipusing sehingga baginda masuk ke rumahku.

Menurut riwayat Abdullah bin Abbas ditanya sesuatu soalan kepadanya dengan pertanyaan, "Wahai Aisyah apakah

---

70- Musnad Ahmad, jilid VI, m/s 113

71- Ibn Said, *Thobaqat*, jilid 8, m/s 49 dan kitab *Ijabah*, m/s 86-172

engkau tahu yang seorang lagi?" Aisyah menjawab: "Tidak, apakah ia adalah Ali? Aisyah tidak meneruskan kata-katanya walaupun pada hakikatnya ia boleh meneka."<sup>(72)</sup>

Setelah perang Jamal selesai dan masalah antara keduanya menjadi baik semula, Aisyah tetap tidak mahu membuka rahsia tentang orang selain Fathar bin Abbas tersebut.

Ahli sejarah mengatakan bahawa ketika berita tentang pembunuhan Ali sampai kepada Aisyah. Aisyah berkata dengan menyampaikan kenyataan yang menyerupai syair sebagaimana berikut: "Ia membuang tongkatnya dan tak akan pernah diubah lagi seperti perlindungan orang-orang musafir, maka ditanyakan kepadanya, tentang siapa yang membunuh Ali maka ia menjawab: Ya, aku mempunyai bukti jelas, sesungguhnya budak yang ada di perut bumi itu pun akan memberitahu kematiannya."

Ahli sejarah mengatakan bahawa Zainab binti Abi Salamah yang ketika itu hadir lalu menyampuk, "Apakah puan pernah berkata perkara ini tentang Ali?" Ia menjawab: "Aku lupa dan jikalau aku lupa maka ingatkanlah aku."<sup>(73)</sup>

Beberapa maklumat yang diketahui menerusi riwayat seperti yang dihuraikan di atas, pembaca boleh membayangkan bagaimana hubungan kedua tokoh penting tersebut sebelum tercetusnya perang Jamal.

---

72- *Tarikh At-Tabari*, jilid II, m/s 433

73- *Ibid*, jilid IV, m/s 115

Bagaimanapun kewajipan kita sebagai *Ahlussunnah* adalah sentiasa *Husnuzan* kepada para sahabat besar apatah lagi terhadap mereka yang dikhabarkan ada janninam masuk syurga oleh Rasulullah s.a.w. *Wallahu A'lam*.

## FASAL KEDUA

### (A) PENDIRIAN DAN SIKAP AISYAH TERHADAP PERLANTIKAN ALI R.A.

Marilah kita semak beberapa kes dan peristiwa yang berkaitan dengan lebih terperinci. Seperti yang kita sedia maklum bahawa Aisyah sudah meninggalkan Madinah ketika Uthman dikepung oleh pemberontak.

Marwan tidak mampu menghadirkan Aisyah ke Madinah bagi menenteramkan suasana dan menghalang serangan pengacau. Seandainya ketika itu beliau berpeluang menyampaikan nasihat kepada pengacau, nescaya mereka akan menurut sehingga khalifah yang sudah tua ini boleh diselamatkan.

Namun apa yang terjadi, dia enggan bertindak demikian dan meneruskan perjalanan hajinya. Setelah hajinya selesai, dia masih tinggal di Mekah untuk umrah bulan Muharram.<sup>(74)</sup>

Uthman telah pun terbunuh dan Ali r.a. dibai'at menjadi khalifah pada 5 haribulan Zulhijjah.

---

74- Lihat *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 454

Selang beberapa ketika antara berlakunya pembunuhan dan perlantikan pemimpin yang baru itu diambil peluang oleh para pegacau untuk melarikan diri ke Mekah yang sebahagian besarnya adalah Bani Umayyah (sebagai Pengikut Uthman).

Aisyah menerima berita tentang apa yang telah terjadi dari mereka. Mereka menceritakan bahawa masalah ini adalah murni, masalah para pengacau dan mereka mahu khalifah hidup tetapi tidak seorang pun antara mereka yang menerimanya.

Dalam suasana ini, Aisyah sangat sedih terhadap pembunuhan Uthman dan yakin bahawa para pemimpin dan pembesar sahabat yang ada di Madinah waktu itu tidak mampu menjadi orang tengah antara pemberontak dan khalifah.

Perkara ini boleh disifatkan sebagai sesuatu yang membahayakan keadaan umat Islam. Lalu dia berkata sebagai melahirkan rasa bimbangannya sebagaimana berikut: "Ini betul-betul satu penipuan dan pengkhianatan yang terjadi akibat pengingkaran perbaikan damai."

Setelah selesai mengerjakan umrahnya, dia segera pulang ke Madinah dan berjumpa dengan seorang lelaki dari golongan Laiz (satu pengikut yang ada kedekatan) di mana ia sangat lemah lembut pada pengikut tersebut di suatu tempat yang bernama Saraf. Orang yang dimaksudkan adalah Abid bin Abi Salamah yang keturunannya sampai kepada Ummi Kilab melalui ibunya. Aisyah bertanya: "Bagaimana sikapmu?" Orang itu terpegun dalam keadaan geram.

Aisyah bertanya: "Musibah ini menimpa ke atas kalian semua atau hanya kami sahaja?" Orang itu menjawab: "Kami tidak tahu bagaimana Uthman terbunuh, apa yang kami tahu adalah pemberontak seramai 80 orang." Aisyah terperanjat dan bertanya: "Apa yang mereka lakukan seterusnya?" Orang itu menjawab: "Rakyat Madinah telah sepakat memba'at Ali dan masalahnya telahpun dianggap selesai."

Aisyah bertanya lagi: "Bagaimana masalah (pembunuhan) ini selesai? Jika begitu, aku mesti melakukan sesuatu tindakan sekarang! Demi Allah Uthman terbunuh secara aniaya dan aku akan menuntut darahnya. Orang itu menjawab: "Demi Allah orang yang pertama kali mengarahkan (menjadi punca tentang) hal ini adalah puan sendiri, kerana puan pernah berkata bunuhlah Uthman kerana dia sudah kafir." Aisyah berkata: "Mereka hanya menuntut agar Uthman bertaubat, tetapi bagaimana ia mesti dibunuh dan perkataanku yang terakhir adalah lebih daripada yang pertama."

Orang itu menjawab: "Puanlah segala puncanya, hembusan angin dan hujan. Andalah yang menyuruh agar membunuh Uthman kerana pernah berkata ia sudah kafir dan kedudukan kami ketika itu adalah menurut perintah Arda sebagai suatu perintah, sebagai bukti atap rumah kami belum jatuh dan matahari dan bulan belum mati dari peredarannya."

Rakyat terus melantik orang yang dianggap mempunyai kemuliaan yang mampu mengangkat kemuliaan dan memihak pada rakyat bawah. Baju perang sudah kering dan tidak ada seorang pun yang boleh mengubah orang yang sudah dilantik.

Lalu Aisyah berpatah balik ke Mekkah tanpa mengeluarkan perkataan apapun sehingga ia sampai di pintu masjid dan ketika ia hendak ke Hijir, Aisyah didatangi orang ramai dan jadilah satu perhimpunan, pada masa itulah Aisyah berucap kepada mereka:

“Hadirin sekalian! para pengacau dari berbagai penjuru Mekah dan Madinah, kelmarin berkumpul dan menuduh aku terlibat dalam pembunuhan Uthman. Tipu muslihat dan usaha telah dirancang sebelumnya, masalah ini tidak akan menyelesaikan masalah lain. Mereka mengikut dan melepaskan *islah* di antara mereka sendiri. Ketika mereka tidak berjaya menemui hasil dan halangan, mereka bimbang dan bergerak menuju permusuhan sehingga sudah tidak sesuai lagi antara perkataan dengan perbuatan mereka.”<sup>(75)</sup>

Dengan Demikian mereka berani menumpahkan darah yang haram, menghalalkan wilayah yang haram, mengambil harta yang haram dan menghalalkan bulan yang haram. Demi Allah s.w.t, satu jari Uthman adalah lebih baik daripada penjuru bumi ini.

Kamu sekalian mencari selamat sendiri, sedangkan yang lainnya menjadi ketakutan bahkan diusir dan dihalau. Demi Allah s.w.t, jikalau benar orang yang kalian syak itu bersalah, maka ia harus dilucut jawatan, ibarat terlepasnya emas atau baju dari kotorannya dan kamu mesti melucutkan jawatannya sebagaimana baju meninggalkan kotoran pada airnya.<sup>(76)</sup>

---

75- *Al-Imamah Wa Siyasah*, m/s 42

76- *Al-Imta' Wa Mu'ansah*, jilid III, m/s 199

Ucapan ini sebagai tanda yang jelas untuk melakukan pembangkangan terhadap pemerintahan Ali bin Abi Talib r.a. dan sekali gus sebagai seruan agar tidak mengadakan pembai'atan terhadap Ali.

Penulis mengemukakan masalah bagi orang yang memberi maklum balas kepada Aisyah dan kedudukannya di hadapan Ali. Aku akan memilih ketua suku-suku utama seperti Thalhah, Zubair dan sebahagian ketua suku-suku gclongan Bani Umayyah yang juga menjadi pengikut setia Uthman. Thalhah berkeinginan menjadi khalifah sejak dia menjadi jawatankuasa yang dibentuk atas wasiat Umar.

Ahli jawatankuasa tersebut seramai 6 orang. Apabila yang terpilih itu adalah Uthman, ramai yang membangkang antaranya ialah Thalhah yang sekali gus menjadi pelopor pemberontak. Para pemberontak berpusat di Madinah, Thalhah bercita-cita menjadi khalifah menggantikan Uthman apabila berjaya kelak, maka Uthman akan diucutkan jawatan atau dibunuh.

Sebaik sahaja Uthman dalam dikepung dan semakin genting, Thalhah segera menguasai Baitul Mal dan mengambil kuncinya seakan-akan ia sudah sah menjadi khalifah (cerita ini mengikut riwayat At-Tabari) di mana ketika itu Uthman dikepung oleh rakyat.<sup>(77)</sup>

Perbuatan Thalhah membuat Uthman sangat geram dan marah. Uthman meminta bantuan Ali dengan alasan sesama keluarga dan saling percaya antara satu sama lain. Ali menerimanya dengan memberikan bantuan kepada

---

77- *Balaghah An-Nisa'*, m/s 14

Uthman dan berkata: "Bantuan akan segera datang kepada tuan." Bukti ini sudah cukup untuk membenarkan kesungguhan Ali bin Abi Talib r.a.

Ali keluar menuju ke masjid dan bertemu dengan Usamah bin Zaid yang sedang duduk di hadapannya serta mengajak untuk bersama-sama menemui Thalhah. Ketika Ali dan Usamah bin Zaid sampai ke rumah Uthman, maka Ali dan Usamah bin Zaid terjumpa Thalhah berada di tengah-tengah perhimpunan rakyat. Ali berkata: "Wahai Thalhah! apa maksudmu dalam persoalan ini? Thalhah menjawab: "Wahai Aba Hasan! Aku juga tidak tahu bagaimana boleh berlaku begini."

Mendengar jawapan Thalhah itu, Ali pergi tanpa melanjutkan percakapan berikutnya dan menuju ke Baitul Mal: "Buka pintu ini!" Penjaga pintu tidak mampu untuk membukanya. Ali berkata: "Pecahkan pintunya dan keluarkan seluruh harta yang ada di dalamnya." Lalu Ali memberikan semua harta itu ke tengah-tengah rakyat yang sedang berhimpun (mungkin untuk tujuan agar mereka bersurai dan meninggalkan tempat).

Maklumat berikutnya menyebut bahawa Thalhah seorang diri di rumahnya duduk termenung dan diselubungi oleh perasaan menyesal. Ketika berita itu sampai kepada Uthman, dia sangat gembira dan bangga kerana luka di hatinya telah terubat. Setelah keinginannya tidak berjaya, Thalhah menemui Uthman untuk meminta maaf dengan berkata: "Wahai *Amir Al-Mukminin* aku bertaubat kepada Allah dan kerana itulah Allah menghalang niatku." Lalu Uthman menjawab: "Demi Allah! Engkau tidak datang bertaubat, tetapi hanya berleher besar sehingga Allahlah yang menghukummu wahai Thalhah!"



Ketika Ali dibai'at, ternyata Thalhah bersikap sangat dingin dan lambat membai'atnya dan menyuruh penyokong Astur (ketua suku wanita), An-Nakhai (rakyat Basrah) untuk datang membai'at Ali. Thalhah geram kepada mereka apabila mereka tidak mahu mendengar kata-katanya seperti rakyat Mesir yang juga marah terhadap Ali.

Mereka mendatangnya dengan menghunus pedang dan berkata kepada mereka: "Aku terpaksa membai'atnya." Mendengar itu Astur (ketua suku wanita) sangat geram dan menghunus pedang: "Demi Allah, kamu mahu membai'at atau aku pukul kedua matamu itu." Kemudian Thalhah naik ke mimbar dan membai'at Ali.

Itu bukti bahawa Thalhah dan Zubair akhirnya berbai'at juga walaupun mereka enggan sebelumnya. Tetapi pada saat itu tidak boleh melayaninya kerana terbabit dengan berbagai masalah yang harus segera diatasi.<sup>(78)</sup>

Demikian juga Zubair berdepan dengan masalah yang hampir sama dengan Thalhah walaupun dia tidak memiliki keinginan untuk menjadi khalifah. Zubair mengkritik untuk membela darah Uthman dan menyokong rakyat untuk memberontak kepada Ali yang kemudian pemberontak dari Kufah memberikan sokongan terhadap pemikirannya.

Mereka sepakat dengannya, iaitu apabila terjadi sesuatu, dialah yang akan dilantik menjadi khalifah. Namun sebelum keinginannya timbul, dia terhalang dengan masalah lain yang memaksa untuk membai'at Ali dan Zubair serta menuntut kepada Ali untuk jawatan Gabenor di wilayah

---

78- Syarah Balaghah An-Nisa', m/s 73

Kufah, tetapi ia ditolak oleh Ali dan Thalhah.

Bani Umayyah terlepas daripada masalah tersebut. Kekuatan pemberontak itu semakin kuat pada waktu Uthman terbunuh dan Ali dilantik menjadi khalifah. Bani Umayyah merupakan pengikut setia yang paling bimbang terhadap wilayah mereka sehingga membuat mereka bercerai-berai dan banyak yang melarikan diri ke Mekah untuk melawan pemerintahan Ali serta menemui Mu'awiyah di Syria yang juga pengikut setia Uthman. Mereka segera meninggalkan wilayah mereka dengan membawa apa yang mereka boleh bawa dari harta, pedang dan kelengkapan lain.

Pembaca tentu mengetahui bahawa Aisyah menuntut darah Uthman dan tidak peduli dengan amaran dan nasihat daripada isteri-isteri Nabi s.a.w yang lain. Aisyah mengumpulkan rakyat dan tidak sedar bahawa di sekitarnya ramai orang yang berbagai sifat, ada yang sangat tamak, pembela fanatik Ali dan juga orang yang benci kepimpinan Ali.

Aisyah telah terperangkap, iaitu mengadakan perubahan tuntutan menegakkan had-had keadilan. Dia keluar bersama-sama rakyat Hijaz menuju Iraq untuk berperang kerana di dalamnya para penghasut yang selalu menyebarkan titik kedengkian banyak bertebaran.

Rakyat menjadi berpecah-belah, tiada ketenangan dan masa depan yang jelas. Ekoran suasana seperti ini, ramai rakyat yang melakukan *Ta'jiz* (melakukan usaha melemahkan pemerintahan yang sah).

Ahli sejarah menceritakan pandangannya secara berbeza-

beza, salah seorang ialah Imam At-Tabari adalah seperti berikut:

“Setelah Thalhah dan Zubair (berbai’at kepada Ali) beberapa orang sahabat berkata: “Wahai Ali, kami tetap mengharap tuan menegakkan keadilan kerana rakyat itu ada yang terbabit dalam kes pembunuhan Uthman dan sekarang dengan bebas mereka melepaskan diri.”

Ali berkata: “Wahai saudara-saudaraku! Aku bukannya tidak tahu apa yang kalian ketahui, tetapi bagaimana aku harus bertindak terhadap rakyat yang menguasai dan aku sendiri tidak mampu menguasai mereka? Rakyat memberontak dan mendapat sokongan dari pengikut setia dan dibantu oleh ahli sekerja Arab. Kalian dan mereka adalah keluarga kalian, di mana masalah ini dibebankan kepada rakyat, apakah kalian boleh melayan apa yang mereka inginkan?”

Mereka menjawab: “Tidak.” Ali meneruskan ucapannya: “Demi Allah s.w.t, sesungguhnya pendapat aku seperti pendapat kalian, insya Allah, kerana rakyat sedang mengalami masalah. Pengikut Ali sepakat dengan apa yang ketua-ketua suku sepakati. Oleh kerana itu, bertenanglah kalian semua tentang urusan ini dariku dan lihatlah apa yang akan terjadi, lalu segeralah kamu semua kembali pulang ke rumah masing-masing.”

Situasi seterusnya diburukkan oleh orang-orang Quraisy dengan membangkitkan kemarahan rakyat, akibat larinya pengikut setia Umayyah. Sebahagian kecil kaum yang berpecah belah itu berkata: “Demi Allah, jika masalah ini semakin teruk dan kami tidak mampu untuk memberikan bantuan kepada mereka, maka kita menuntut hukum yang

kelas, tidak boleh menanggukannya dan mempercayai bahawa Ali mempunyai kemampuan tentang urusan itu serta kita tidak mendapati suku Quraisy yang lebih hebat daripada Ali.”

Ketika perkara ini disampaikan kepada Ali, dia terus bangkit memuji dan bersyukur kepada Allah serta menyebut kelebihan mereka, keperluan dan pandangan rakyat serta pandangannya kepada selain mereka. Sokongan rakyat kepada pemerintahan Ali adalah satu perkara yang memberikan pahala.

Ali menyuruh memberi amaran agar rakyat tetap melakukan aktiviti masing-masing. Beliau berkata kepada seluruh rakyat: “Wahai rakyat sekalian! Dengarkan wahai orang-orang Badwi, pulanglah ke rumah masing-masing, di mana asal negeri kalian.”

Tindakan ini sebagai langkah pencegahan pada pengikut pemberontak dari jauh yang menuntut darah Uthman. Namun para pemberontak lebih cerdik, mereka segera keluar dari rumah masing-masing diikuti orang-orang Badwi.

Thalhah, Zubair dan sahabat-sahabat yang lain menemui Ali, di mana ramai pemuda yang tetap menuntut bela atas kematian Uthman. Maka Ali berkata kepada mereka: “Bunuhlah pemberontak selain daripada kalian.” Amaran ini membuat mereka takut untuk menuntut bela atas kematian Uthman secara terang-terangan dan mereka tahu bahawa ketika itu dan seterusnya mereka tetap tidak mampu menuntut balas atas kematian Uthman. Mereka membuat perumpamaan seperti berikut:

“Seandainya wargaku tetap taat, maka aku akan menyuruh

mereka satu perintah yang boleh menakluk adat.”

Mendengar itu, Thalhah berkata dengan suara yang tinggi: “Tinggalkan aku, kerana aku akan pergi ke Basrah dan mereka tidak akan menyerang kamu kecuali aku berada di atas kuda.”

Zubair juga mempunyai sikap yang sama: “Tinggalkanlah aku kerana aku akan pergi ke Kufah dan mereka tidak akan menyerang engkau kecuali aku di atas kuda.”

Dengan demikian, Ali mengetahui perkara yang sedang berkecamuk dalam diri Thalhah dan Zubair: “Baiklah, aku akan perhatikan dengan serius tentang perkara itu.”

Seperti yang sedia maklum bahawa dalam keadaan ini Ali sangat tersepit dari berbagai aspek. Ali sedar tidak adanya perpaduan rakyat tentang hal itu sehingga Ali mengeluarkan inisiatif secara teori untuk ditujukan kepada Thalhah dan Zubair serta penyokongnya.

Saya (penulis) akan melihat permasalahan Thalhah, Zubair dan Aisyah serta penyokongnya. Kelihatan Ali terlalu cuai dengan menggantikan beberapa menteri dan melucut jawatannya yang terdiri dari pengikut setia Uthman. Nasihat yang pernah diberikan oleh sepupunya sendiri iaitu Ibn Abbas tetap tidak mengubah keadaan menjadi baik.

Pembai’atan atas diri Ali boleh dikategorikan pada sistem hukum bukan pada sistem politik secara praktikal. Ekoran dari kebijaksanaan itu, maka permasalahan semakin meluas yang mengarah kepada kekacauan dan berakhir dengan pemberontakan.

Data ini dirujuk dari literatur sejarah Arab. Walaupun demikian, dia dianggap sebagai tindakan yang zalim. Jika tidak, kenapakah mereka memberontak pemerintahan Uthman.

Cadangan yang ditawarkan oleh golongan yang bijak pandai seperti Ibn Abbas, Mughirah dan selain mereka berdua sama sekali tidak mampu menembus dada Ali bin Abi Talib. Ali tetap dengan pendiriannya iaitu menggantikan para Gabenor sebelumnya seperti mengutus Sahal bin Hanif untuk wilayah Syiria yang menggantikan Mu'awiyah.

Jawatan itu sebelumnya diserahkan kepada Ibn Abbas tetapi hal itu ditolaknyanya oleh Muawiyah. Ali mengutus Ubaidillah bin Abbas ke Yaman dan Uthman bin Hanif ke Basrah serta Ikram bin Syihab ke Kufah. Ubaidillah ke Basrah dan Kufah diperintah oleh Thalhah dan Zubair sehingga masalahnya dianggap selesai oleh suku Quraisy setelah Ali tidak memberikan keduanya, iaitu Thalhah dan Zubair memegang sebarang jawatan dalam pemerintahan.

Zubair menuntut agar ditempatkan di Iraq dan Thalhah di Yaman tetapi apa yang terjadi, Ali tidak mengendahkan saranan Ibn Abbas, malah terperanjat dengan usul itu dan memberi alasan kepada Ibn Abbas sebagaimana berikut:

“Bagaimana kamu ini! Bagi rakyat Iraq, kedua orang itu hanya sekadar lelaki dan harta sehingga tidak mungkin dapat menjaga rakyatnya sedangkan keduanya dengan tamak cenderung memperlakukan orang bodoh dan memukul orang yang lemah serta membangunkan pemerintahan dengan kekuatan. Seandainya aku memerintahkan seseorang yang berbahaya atau bermanfaat, maka samalah aku mengerjakan apa yang

dilakukan oleh Mu'awiyah terhadap rakyat Syiria. Jika mereka berdua menampakkan kelembutan di hadapan aku untuk sesuatu wilayah, maka aku akan pertimbangkan.”<sup>(79)</sup>

Orang-orang yang dilantik oleh Ali itupun berangkat ke negeri yang telah ditentukan. Adapun Gabenor Syam iaitu Sahal bin Hanif, apabila hampir sampai di daerah Tabuk, dia dihalang oleh seorang penunggang kuda dan berkata: “Jika orang yang menyuruh tuan adalah Uthman, maka teruskanlah, tetapi jika selainnya maka segeralah kembali.”

Akhirnya dia kembali menemui Ali. Gabenor Yaman adalah Ubaidillah bin Abbas dan ketika sampai di Yaman ia menemui Gabenor sebelumnya iaitu Yu'la bin Umayyah yang keluar dengan seluruh rakyatnya, harta dan segala bekalan menuju ke Mekah. Gabenor Basrah adalah Uthman bin Hanif dan ketika dia masuk Basrah tanpa ada semangat yang berkobar-kobar. Sedangkan Gabenor Mesir memasukinya dengan cara sembunyi sehingga sebahagian rakyat masih tetap dan ada yang sudah berpindah ke tempat lain.<sup>(80)</sup>

Sebelum menyelesaikan masalah lain, apa yang mustahak bagi Ali adalah Syam di mana setelah kembalinya Gabenor baru yang hendak ditempatkan di wilayah tersebut, dia segera mengirim perwakilan untuk menemui Muawiyah dan mengarahkan agar Muawiyah segera membai'at Gabenor yang baru.

---

79- Abdul Wahhab An-Najjar, *Tarikhu Khulafa' Ar-Rasyidin*, m/s 375

80- Ibn Said, *Thabaqat*, Jilid V, m/s 337

Muawiyah menolaknya dan perwakilan itu ditahan sehingga satu waktu yang lama yaitu hingga ke bulan Safar. Apa yang lebih tragis, ia mengirim surat kepada Ali yang dicop dan digulung untuk segera dibawa ke Madinah.

Kedua utusan itu (utusan Muawiyah dan utusan Ali) tiba di Madinah pada awal bulan Rabiul Awal. Setelah mereka memasuki kota itu, Habsyi yang menjadi utusan Mu'awiyah segera membuka *thumar* (gulungan kertas surat) dan membacanya di hadapan seluruh yang hadir sehingga mereka tahu bahawa Muawiyah adalah orang yang tidak membai'at Ali.

Kemudian dia menemui dan menyerahkan surat itu kepada Ali. Ali membaca surat itu sehingga selesai sambil melepaskan cincinnya dan bertanya kepada utusan itu: "Bagaimana sikapmu?" Dia bertanya balik kepada Ali: "Apakah keselamatanku dijamin?" Ali berkata: "Ya, dijamin kerana utusan dilindungi dan tidak boleh dibunuh."

Dia berkata: "Menurut pandanganku, aku akan memaksa mereka dengan kekuatan (Qisas)." Ali bertanya: "Daripada siapa?" Dia menjawab: "Orang yang melukai tuan, di mana terdapat sekitar 60.000 orang tua sedang meratapi Uthman sebagai harta pusaka mereka yang dipakaikan kepada Uthman ketika berada di atas mimbar masjid Damaskus Syiria."

Ali bertanya: "Apakah mereka menuntut darah Uthman dariku sedangkan aku telah banyak membantu Uthman. Ya Allah, aku minta agar dilepaskan dari darah dan pembunuh Uthman yang sebenarnya dalam keadaan selamat?" Ketika utusan itu hendak pergi, dia bertanya lagi: "Apakah aku dijamin selamat?" Namun ketika dia keluar



dari tempat pertemuannya dengan Ali ada penghasut yang menjerit dengan nyaring: "Ini adalah anjing dan utusan dari anjing! Bunuhlah dia. Wahai orang yang bengkok, pengacau! Aku bersumpah demi Allah bahawa aku akan membalas kalian dengan 40.000 askar khusus dan lihatlah berapa banyak askar berkuda jantan."

Para tokoh politik semakin bingung untuk menyakiti utusan tadi tetapi boleh dicegah oleh Munzir dan mereka berkata kepadanya: "Diamlah kamu!" Dia menjawab: "Aku tidak akan berdiam diri demi rakyat, dirimu tidak akan selamat selamanya dan apa yang mereka cabar akan segera datang menemui." Rakyat menjawab: "Diamlah kamu!" Munzir menjawab: "Sangat sedikit kes peristiwa yang selama ini dibimbangkan oleh mereka. Demi Allah, perbuatannya segera selesai dan akan hilang bersama-sama dengan hembusan angin."

Para penghasut tidak pergi meninggalkan tempat itu sehingga kehinaan sampai pada diri mereka. Di sini jelaslah bahawa kenyataan yang disampaikan oleh utusan tadi menggambarkan sikap Muawiyah yang berani tidak membai'at Ali walaupun diancam dengan kekerasan. Sikap mereka akan membalasnya dengan perkara yang serupa. Ini berpunca dari tuntutan terhadap tindakan hukum ke atas pemberontak terbabit yang diambil pada kes peristiwa pembunuhan Uthman.<sup>(81)</sup>

Ketika Muawiyah menyatakan penolakannya terhadap pemerintahan Ali, para pembesar dan dewan pemberi nasihat Ali, menuntut kepada Ali namun tidak dilayan.

---

81 - *Aqd Al-Farid*, Jilid III, m/s 88

Tawaran Hasan untuk diam serta pemberian kenikmatan rakyat, suasana bebas tapi Muawiyah tidak peduli. Rakyat tidak memberi kerjasama terhadap Muawiyah dan tidak selaras kepada Ali? Apakah Muawiyah melakukan reaksi dengan cara damai atau perang.

Salah seorang kepercayaan Muawiyah ialah Ziyad bin Hamdalah yang datang dan duduk di sampingnya sambil ditegur oleh Ali: "Bergabunglah wahai Ziyad." Ziyad bertanya: "Untuk apa wahai *Amir Al-Mukminin*? Ali menjawab untuk menyerang Syam. Ziyad dengan lemah lembut membuat perumpamaan orang yang tidak banyak bekerja akan melahirkan sesuatu yang sia-sia dan hanyalah khayalan belaka.

Ali menjawab seakan-akan Dia tidak sepakat: "Bilakah hati yang cerdas dan halus ini akan teguh, sedangkan dia sendiri terus dikepung oleh perbuatan zalim." Ziyad terus keluar dan menemui rakyat yang sedang menunggunya: "Bagaimana sikapmu?" Ziyad menjawab: "Perang wahai saudara-saudara." Dengan jawaban itu mereka tahu apa yang dimaksudkan olehnya dan mereka tidak perlu menunggu amaran daripada Ali.<sup>(82)</sup>

Setelah itu, Ali segera menyiapkan segala perlengkapan perang, antaranya ialah askar dan bendera. Ali menyerahkan bendera itu kepada anaknya, iaitu Muhammad bin Hanafiyah dan menyerahkan kepimpinannya kepada Abdullah bin Abbas, memberi kepercayaan kepada naibnya Maisarah dan melantik Aba

---

82- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 464-465

Laili bin Umar bin Jarrah (anak saudara lelakinya iaitu anak Abi Ubaidah bin Jarrah) salah seorang dari sepuluh sahabat yang dijamin masuk syurga sebagai orang yang berada di barisan hadapan dan dia juga mengarahkan Qasim bin Abbas agar menjaga Madinah serta menyiapkan pasukan cadangan bila-bila masa diperlukan.

Ali didatangi Thalhah dan Zubair untuk mengadakan perjumpaan di Mekah dan mereka berkata: "Wahai Amir Al-Mukminin, izinkanlah kami untuk pergi umrah dan apabila kami sudah selesai mengerjakannya, maka kami akan segera kembali membantu tuan dan jikalau tuan membenarkan, maka kami akan mentaati tuan. Ali menjawab: "Boleh dan Demi Allah umrah yang kalian kehendaki, lakukanlah dengan baik!"

### **FASAL KETIGA**

#### **(A) PERJALANAN AISYAH KE BASRAH: SATU KESEPAKATAN PARA SAHABAT TERKEMUKA**

Secara umumnya apa yang telah dibentangkan adalah nampak jelas. Sekarang kita fokus pula pada tajuk asal iaitu, cerita Aisyah yang telah kita tinggalkan sebelum ini dimana Aisyah berucap di tengah perhimpunan rakyat Mekah yang memberi sokongan pada tuntutan ke atas darah Uthman sebelum sesuatu terjadi.

Ucapan tersebut telah didengar oleh Bani Umayyah dan orang-orang yang membenci Ali. Ia ibarat air hujan yang turun di tanah gersang. Setelah Aisyah selesai memberi ucapan politiknya, orang pertama yang menyetujuinya adalah Abdullah bin Amir Al-Hadrami yang juga sebagai wai Mekah pada pemerintahan Uthman, dia berkata:

"Terimalah Aisyah sebagai orang pertama yang menuntut pembunuhan Uthman. Perkara ini disebut ketika ia pulang dari Madinah, "Apa yang engkau tuntut wahai Ummu Al-Mukminin, Aisyah menjawab: "Aku hanya menuntut darah Uthman yang telah dibunuh dengan zalim, masalah ini tidak akan berhenti dan yang paling bertanggungjawab adalah para pengacau. Oleh itu, tuntutlah darah Uthman di mana kalian tentu akan memuliakan Islam."

Bani Umayyah yang ada di Hijaz yang sebelum ini merendah diri, kini mula mengangkat kepala. Setelah Thalhah dan Zubair sampai di Mekah, Aisyah bertanya, "Apa yang berada di belakangmu?" Thalhah menjawab, "Yang berada di belakang kami adalah orang-orang yang lari dari Madinah, terdiri daripada para pengacau dan orang Badwi. Kami berpisah dengan orang-orang Hiyali, di mana mereka tidak tahu akar permasalahan sebenar dan taat dengan cara batil.

Aisyah berkata, "Berbincanglah kalian sesuatu masalah, lalu bangkitlah menentang para pengacau itu, "Seterusnya Aisyah bersyair:

*"Seandainya rakyatku menyokong secara sembunyi-sembunyi, tentu aku akan menyelamatkan mereka dari tangan-tangan Hubal (anak patung yang dijadikan Tuhan )."*

Orang itu pun duduk mengadakan mesyuarat: "Kemanakah mereka hendak membawa kumpulannya." Aisyah mahu agar Thalhah dan Zubair meneruskan perjalanannya ke Madinah untuk menangani masalah pengacau dan orang-orang Badwi serta menuntut orang yang telah membunuh Uthman, di mana dengan cara terburu-buru mereka

melantik Ali r.a. sebagai khalifah.

Dengan demikian ia telah memecah-belahkan pemerintahan Ali sebelum ia mempunyai kekuatan. Kita pergi sahaja ke Syam, tetapi tidak dibenarkan oleh Bani Umayyah kerana mereka memandang Syam sebagai sebahagian wilayahnya, sedangkan Aisyah memberi mereka alternatif lain.

Masalah itu diurus oleh Muawiyah, kerana dikhuatiri akan timbul kerosakan. Dengan data maklumat ini jelas kelihatan tar da adanya peletakan batu asas terhadap pemerintahan Umayyah atau raja Umayyah secara lebih rasmi. Jelas kelihatan kritik yang ditujukan kepada Ali, Thalhah dan Zubair juga orang Madinah dan Iraq dengan cara mengadu sesama sendiri.

Abdullah bin Amir berkata, "Sesungguhnya orang-orang yang mengekalkan ideanya adalah telah cukup bagimu untuk memandang Syam." Dengan demikian mereka berupaya untuk menjauhkan Syam dan Muawiyah dari cengkaman pengacau.

Kemudian mereka bertanya kepada Abdullah tentang masalah tersebut. Seperti yang engkau ketahui bahawa dia adalah Gabenor Basrah, ke manakah tujuan kita? Dia menjawab, "Kita ke Basrah, kerana di sana aku mempunyai petugas yang juga berorentasi kepada pihak Thalhah. Muawiyah! Semoga Allah s.w.t memburukkan dirimu, engkau bukanlah orang yang mahukan perdamaian atau peperangan dan janganlah engkau bertindak seperti Muawiyah dan engkau cukup bagi kami untuk membenarkan pengikut-pengikut yang telah terjebak dalam perpecahan."

Ini adalah inisiatif yang dibangkitkan oleh golongan Umayyah. Ibn Amir yang telah dilucutkan jawatan oleh Ali sebagai Gabenor Basrah disarankan untuk tetap di sana dan tidak membai'at Ali serta menunggu kes seperti yang dilakukan oleh Muawiyah.

Inilah pemahaman yang dijadikan jawapan mereka kepada Ibn Amir. Rakyat sepakat meninggalkan Madinah kerana di sana sudah tidak ada orang yang mampu memberikan bantuan. Tujuannya ke Basrah kerana rakyat Basrah dan Kufah mempunyai pandangan yang sama dengan Thalbah dan Zubair. Rakyat sepakat untuk pergi ke Basrah, melarang Aisyah pergi ke Madinah dan berkata, "Wahai Ummu Al-Mukminin, tinggalkanlah Madinah kerana orang yang bersama kami tidak mampu menandingi askar mereka yang berada di Madinah (pengacau), bergabunglah bersama kami untuk pergi ke Basrah."

Orang-orang di sana akan menyangka kita berbai'at kepada Ali dan bangkitkanlah kepada rakyat Mekah dan berdoa. Jika Allah s.w.t menghendaki pindaan dalam masalah ini seperti yang engkau kehendaki, kita bersyukur tetapi jika tidak, maka kita berusaha untuk menghindari masalah tersebut sehingga Allah s.w.t mewujudkan apa yang Dia kehendaki.

Bani Umayyah menganggap perkongsian ini sama ada dengan membawa harta, kerana Gabenor Yaman iaitu Ya'la bin Umayyah ketika dilucutkan jawatannya oleh Ali, dia juga meninggalkan kampungnya, membawa seluruh harta yang berjumlah 600 unta dan 600.000 dirham wang serta askar yang memberi perlindungan.

Harta tersebut diwakafkan. Demikian pula Ibn Amir

menyalurkan hartanya di Mekah. Seseorang berseru, "Sesungguhnya Ummu Mukminin, Thalbah, Zubair dan sesiapa yang ingin memuliakan Islam, memerangi kaum pengacau untuk menuntut bela ke atas Uthman. Jika mereka tidak mempunyai kenderaan dan persiapan, maka harta ini sebagai persiapan dan hadiah percuma."

Be-bekalkan 600 orang lelaki yang menunggang kuda dan jumlah mereka mencapai 1000 orang. Ya'la bin Umayyah memberi sumbangan 400.000 dinar dan askar sebanyak 70 orang sehingga Abdullah bin Amir memperolehi harta yang sangat banyak dan ketika mereka sampai di Mekah, jumlah mereka mencapai 3000 orang seperti yang diceritakan oleh Imam At-Tabari.<sup>(83)</sup>

#### **(B) NASIHAT UMMI SALAMAH R.A. KEPADA AISYAH R.A.**

Seperti sedia maklum bahawa Ummi Salamah lebih cenderung berpihak kepada Ali dan ia bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. Perkara ini terbukti dengan perlakuan Ali yang sering mengunjungi Ummi Salamah ketika terjadi perselisihan antara Ummi Salamah dan Aisyah.

Ternyata dia menyokong Ali sepanjang hidupnya. Ketika Aisyah hendak keluar menuju barisan Ali, Ummi Salamah cuba menasihatinya. Ummu Salamah berhubungan baik dengan Ali, sehingga gerakan politiknya mencapai ke puncak dengan mengarahkan anaknya berperang

---

83- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 470

bersama-sama Ali dan Ummu Salamah. Dia berkata kepada Ali tentang anaknya seperti berikut:

"Wahai *Amir Al-Mukminin*, jika aku tidak melanggar perintah Allah s.w.t dan kamu tidak menerima anak ini dariku, maka nescaya aku akan keluar bersama saudara untuk berperang, ini adalah anak Umar. Demi Allah s.w.t, ini merupakan penghormatanku kepada Ali. Dia akan keluar bersama saudara dan menjadi salah satu *syahid* saudara. Lalu dia keluar dan terus bersama dengannya."

Semua fakta ini sudah jelas, juga bantuan yang diberikan kepada Ali. Namun yang menjadi kebimbangan (penulis) adalah kenyataan Ibn Hadid tentang perbincangan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w di mana pada hakikatnya diucapkan oleh Ummi Salamah kepada Aisyah yang berusaha untuk menghalang Aisyah keluar.

Sehingga jelas bahawa apa yang telah ditujukan kepada Aisyah adalah tidak benar. Menjadi kewajipan bagi (penulis) untuk mengatakan apa yang telah disampaikan oleh Ibn Hadid itu. Ummi Salamah berkata kepada Aisyah: "Wahai Aisyah, kelmarin puan menyerang (mengkritik) Uthman dan berkata yang bukan-bukan, mencabarnya dan tidak ada namanya Uthman di sisimu kecuali gelaran 'Na`thal', sedangkan puan tahu tentang kedudukan Uthman di hadapan Rasulullah s.a.w, apakah puan ingat itu semua?"

Aisyah menjawab, "Ya, aku ingat." Ummi Salamah bertanya lagi, "Apakah puan masih ingat ketika ia diterima?" Aisyah menjawab: "Ya, aku ingat." Aku akan mengingatkan lagi dimana aku dan kamu bersama-sama Rasulullah s.a.w, engkau yang membasuh mukanya sedangkan aku yang



menyiapkan makanan bagindaberupa *haisa'*.<sup>(84)</sup>

Melihat makanan itu Nabi s.a.w terkejut dan mengangkat kepalanya sambil berkata: "Rambutku! Adakah seperti bulu rorna yang menjadi jilatan anjing?" Mendengar itu, tanganku yang asalnya menceduk makanan, aku angkat dan berkata: "Aku, semoga dijauhkan Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w dari perbuatan itu." Dia menghampiri belakangku dan Nabi s.a.w berkata: "Jagalah kamu wahai puteri Umayyah dan jagalah kamu juga wahai Humaira, aku ini hanya mengingatkan puan."

Aisyah berkata: "Ya, aku juga akan mengingatkan engkau wahai Umami Salamah, bahawasanya aku menolak kepimpinan Ali itu merupakan kesepakatan (dari beberapa sahabat besar) untuk menolaknya." Umami Salamah menjawab: "Untuk apa engkau keluar setelah itu?" Lalu Aisyah menjawab: "Aku keluar hanya untuk mengadakan *islah* di antara rakyat dan aku mengharapkan pahala dari Allah s.w.t" Umami Salamah berkata lagi: "Itukah sikap dan pendirianmu."<sup>(85)</sup>

Saya (penulis) beranggapan jika ini benar bahawa sebahagian *konteks* di atas boleh dijadikan sebagai rujukan. Adapun riwayat-riwayat yang sudah tidak diragukan lagi adalah sama dengan riwayat sebelumnya yang banyak dikaji dalam literatur sejarah, sastera dan bahasa. Untuk itu, penulis harus membentangkan kepada pembaca.

---

84- Dalam tradisi Arab dikenal dengan sebutan makanan Hais yang berfungsi sebagai makanan tambahan.

85- *Syarah Nahj Al-Balaghah*, jilid II, m/s 78

Ummi Salamah menemui Aisyah ketika hendak pergi ke wilayah Basrah dan berkata kepadanya: "Aisyah, engkau adalah bintang pujaan hati Rasulullah s.a.w dan umatnya, penutup rambutmu akan menconteng kehormatan Rasulullah s.a.w, lembaran Al-Quran telah dikumpulkan, jadi jangan dipisahkan, kamu adalah wanita mandul, jadi jangan terlalu berkeinginan."

"Apa yang berada di belakang umat ini adalah Allah s.w.t, di mana seandainya Rasulullah s.a.w membataskan kamu, maka nescaya kamu tidak berguna, malah Rasulullah s.a.w melarangmu jika tiang Islam ini bengkok maka tidak mungkin disiapkan oleh perempuan, jika dipatahkan maka tidak diperbetulkan oleh perempuan."

Wahai pujaan wanita yang pipinya selalu kemerah-merahan, aku tak mungkin berkata jika Rasulullah s.a.w tidak berkata tentangmu di padang pasir: Kamu adalah lelaki yang melompat ke tempat lain. Kepada Allah, kamu berkeinginan, maka sekarang kamu telah melanggar janji. Jika aku berjalan seperti yang kamu lakukan (politik) lalu aku disuruh masuk syurga, nescaya aku malu bertemu dengan Muhammad s.a.w sebagai penghinaan dan halangan yang telah dilakukan oleh Ali. Untuk itu, jadikanlah kesucianmu di rumah dan letakkan penghalang di dalam kuburmu sehingga kamulah yang akan membacakan talkin.

Apa yang mustahak adalah aku akan mentaatimu dalam melakukan apa yang telah Allah wajibkan dan aku menyokongmu dalam menegakkan agama Allah. Jika aku mengingatkanmu, maka janganlah kamu menerkam seperti yang dilakukan oleh pelukis dalam menemui realiti.

Aisyah menjawab: "Apa yang dihadapkan itu memang

sebagai amaran yang baik darimu tetapi masalahnya tidak seperti yang kamu syaki. Tentu satu kewajipan apabila aku memberikan jalan bagi dua puak yang saling menyerang. Jika aku berdiam diri maka tidak berdosa tetapi jika aku ke uar, maka aku diikuti.”

Inilah dialog yang terjadi di antara Aisyah dan Ummi Salamah. Kes itu sangat hampir kepada kebenaran dan jauh dari keraguan. Dialog itu penuh dengan kata-kata mutiara di mana berisi pesanan yang ditujukan oleh Ummi Salamah kepada Aisyah untuk berhenti dari menceburi bicang politik dan kembali tenang seperti asal. (Penulis) bentangkan secara umum apa yang disampaikan oleh Ummi Salamah walaupun diragukan kebenarannya.<sup>(86)</sup>

Hari Nahib (nama tempat yang menjadi sempadan antara Najed dan Tihamah)

Nafsu serakah sentiasa bertujuan untuk memecah-beuhkan Islam yang telah dikehendaki kesempurnannya oleh Allah s.w.t Mereka tidak henti-henti berusaha mengobarkan kebencian antara masyarakat Islam antara satu dengan lain. Mereka berpura-pura menolong Islam dengan berbagai cara sambil memporak-perandakan kaum Muslimin. Sebahagian terus menghembuskan racun-racun fitnah dan keji dengan cara yang sangat halus.

Isteri-isteri Nabi Muhammad s.a.w enggan kembali ke Madinah bersama Aisyah. Ketika Aisyah dikelirukan oleh Thalhaf, Zubair dan Bani Umayyah, pengikut setia Aisyah

---

86- Imam Zamahsyari, *Al-Fa'iq*, jilid I, m/s 290

segera ingin kembali ke Madinah kecuali Hafsah dan Hafsah berkata kepada Aisyah: "Sikap aku sama dengan Aisyah dan aku akan keluar bersamanya ke Basrah." Kedua wanita itu bersahabat sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w walaupun dilarang oleh saudara lelakinya yang bernama Abdullah bin Umar untuk bersahabat rapat dengan Aisyah. Namun sebaliknya dia menyarankan agar bersikap sama terhadap isteri-isteri Nabi s.a.w yang lain.

Setelah dilarang oleh saudara lelakinya, Hafsah pun memaklumkan kepada Aisyah dan berkata: "Wahai Aisyah! sesungguhnya Abdullah telah menghalang aku untuk bergabung denganmu." Aisyah menjawab: "Semoga Allah mengampuni perbuatan Abdullah bin Umar."<sup>(87)</sup>

Aisyah keluar dari Mekah bersama rakyat yang hatinya dipenuhi oleh rasa kecewa dan benci terhadap pengkhianatan yang dilakukan oleh Hafsah. Abdullah bin Zubair menoleh ke arah rumah itu sambil berteriak: "Aku tidak menemui orang seperti engkau yang terang-terangan tidak mencari kebaikan dan tidak lari dari keburukan."<sup>(88)</sup>

Thalhah dan Zubair diikuti oleh isteri-isteri Nabi yang lain dalam suasana lemah dan lesu ketika itu tidak ada yang boleh dilihat lebih banyak tangisan terhadap Islam dan dinamakan dengan hari *Nahib*.

Setelah penyokong Aisyah, Thalhah dan Zubair ini lengkap, mereka segera keluar dengan sekitar 3000 pasukan. Para

---

87- *Al-Imamah Wa Siyasah*, jilid I, m/s 99

88- Ibn 'Asakir, *Al-Tahdib*, jilid VII, m/s 409

pemimpin mereka tidak takut dengan jumlah pasukan lawan yang lebih besar. Sebahagian besar mereka terdiri daripada Bani Umayyah yang telah diselubungi oleh perasaan takut.

Saya (penulis) sejak sekarang mengajak para pembaca untuk mengingati Darul-Muhkam (hari pembalasan) menuntut Uthman tetapi di dalamnya terdapat beberapa kepentingan Bani Umayyah sendiri yang di antaranya memang menaruh rasa benci dan dendam terhadap pemerintah yang berkuasa ekoran pembunuhan yang menimpa Uthman.

Sebagai maklumat bahawa isteri Nabi s.a.w kembali pulang dari wilayah Iraq, maka Said bin Ash iaitu salah seorang perintis Bani Umayyah menemui Marwan bin Hakam dan sahabat-sahabat yang lain berkata: "Kemanakah kalian hendak pergi dan tuntutan orang-orang yang berada pada pasukan unta itu (yang dimaksud ialah Thalhah, Zubair dan Aisyah), bunuhlah mereka dan kembalilah ke rumah kalian. Marwan menjawab tetapi yang menjadi tujuan kita untuk dibunuh adalah pembunuh Uthman.

Para pemimpin politik dan agama berkumpul di wilayah Auwthas (wilayah Khaibar) yang dihadiri oleh Said bin Ash, Mughirah dan Syu'bah.

Diriwayatkan bahawa Said berkata kepada Aisyah: "Wahai Aisyah kemana kamu hendak pergi? Aisyah menjawab. "Ke Basrah" Said berkata: "Untuk apa pergi ke sana? Aisyah menjawab: "Untuk menuntut darah Uthman." Said berkata, "Bagaimana engkau menuntut darah Uthman, sedangkan orang yang membunuh Uthman kini berada

bersamamu.”

Setelah itu Said memandang dan berkata kepada Marwan: “Kamu juga hendak pergi ke mana?” Marwan berkata: “Ke Basrah.” “Untuk apa?” Tanya Said lagi. Marwan menjawab: “Untuk menuntut darah Uthman.” Said berkata: “Bagaimana kamu menuntut darahnya sedangkan orang yang membunuhnya bersama engkau (yang di maksudkan adalah Thalhah dan Zubair), merekalah yang telah membunuh Uthman tetapi setelah ia selesai mereka berkata: “Kita akan membayar darah dengan darah dan dosa dengan taubat.”

Mughirah bin Syu'bah berkata: “Wahai sekalian umat! Jika kalian pergi bersama ibumu, maka kembalilah Aisyah dalam keadaan baik, jika kalian benci pada Uthman maka pemimpin kalianlah yang membunuh Uthman. Jika kalian memberontak kepada Ali maka jelaskanlah apa yang kalian tuntutan darinya, Apakah Allah s.w.t akan menguji kalian dengan dua fitnah dalam satu tahun?”

Pada waktu berikutnya, Said pergi ke Yaman, Mughirah ke Taif dan keduanya tidak menyaksikan perang Jamal berikutnya.<sup>(89)</sup>

Said sememangnya ingin membidas perbuatan Bani Umayyah. Saya (penulis) tidak mengatakan bahawa Said terbabit dalam kes tersebut dan hal ini berbeza dengan Thalhah dan Zubair. Said berkata, “Jika kalian kalah dalam medan peperangan, kepada siapakah permasalahan ini

---

89- *Ibid, Al-Imamah Wa Siyasah*

er gkau serahkan? Percayalah kepadaku."

Salah seorang di antara mereka menjawab: "Salah seorang di antara kami menjadi pilihan rakyat." Said bertanya lagi "Apakah rakyat akan menjadikan kalian sebagai putera Uthman, walaupun kalian menuntut bela ke atas darah Uthman?"

Mereka menjawab: "Tidak, tetapi kami akan memanggil ketua suku muhajirin dan menjadikan mereka sebagai harapan anak-anak mereka." Said berkata: "Aku tidak setuju apabila aku harus keluar dari golongan Abdi Manaf dan setelah itu dia keluar bersama yang lain.

Mughirah bin Syu'bah adalah salah seorang perintis Suku Arab yang hadir ketika dan berkata "Sikap yang benar adalah yang disampaikan Said, barangsiapa yang hadir disini cerdik, maka segeralah pulang." Inilah yang menjadi penyebab lemahnya semangat terhadap askar ketika itu dan akhirnya menjadi tanggungjawab Marwan serta menjadi beban baginya. Untuk hal ini saya akan terangkan pada bab berikutnya.

Ketika rakyat sudah pulang dari Mekah dan jarak mereka telah jauh, tibalah waktunya untuk mendirikan solat. Marwan mengumandangkan azan dan setelah selesai, ia menghampiri Thalhah dan Zubair lalu berkata "Kepada siapakah aku harus menyerahkan masalah ini dan mengumandangkan azan sebagai petanda solat?"

Abdullah bin Zubair berkata: "Kepada Abu Abillah bin Zubair demikian juga yang dikatakan oleh Muhammad bin Thalhah." Setelah tipu dayanya berjaya, Aisyah tidak mengutus kepada Marwan dan dia berkata kepada Marwan

“Apa tugasmu, apakah engkau hendak memecah-belahkan masalah ini sehingga putera saudara perempuanku berani melakukan solat?”

Abdullah bin Zubair tetap melaksanakan solat bersama mereka. Mu'az bin Ubaidillah berkata, “Demi Allah, seandainya kita berjaya, maka semua akan terkena fitnah di mana masalah khalifah bergantung kepada Zubair dan Thalhah, hal itu jelas tidak mungkin berlaku.”

### **(C) PASUKAN UNTA (AISYAH) DI HAUD<sup>90</sup>**

Aisyah menunggang unta yang sangat kuat yang terkenal dengan nama 'Asykar. Unta itu adalah pemberian dari Yu'la bin Umayyah berharga lapan puluh dinar, sehingga peperangan yang dipimpin Aisyah dinamakan dengan perang Jamal. Nama peperangan ini dikaitkan dengan unta yang ditunggangi oleh Aisyah.

Dalam konteks ini ahli sejarah banyak menceritakan berbagai peristiwa seperti yang akan saya huraikan dengan merujuk kepada sumber yang kuat.

Al-Arani seorang pemilik Unta berkata, “Ketika aku akan mendekati untaku, ada seorang penunggang kuda bertanya kepadaku, “Wahai pemilik unta, apakah saudara tidak menjual unta saudara.” Aku menjawab, “Ya.” Dia bertanya, “Berapa?” Aku menjawab, “Seribu dirham.” Dia bertanya, “Apakah kamu gila, tidak patut unta sebegini

---

90- Haub adalah satu tempat strategi yang berada di pertengahan wilayah antara Madinah dan Basrah



di ual dengan harga seribu dirham.“ Aku menjawab, “Ya, memang, itulah harga untaku.”

Lalu dia bertanya, “Bagaimana keadaan unta itu?” Aku menjawab, “Aku tidak akan menjual unta kepada siapa pun.” Dia berkata: “Jika engkau tahu siapakah yang sebenarnya hendak aku tuju, nescaya kamu akan berbuat baik.” Aku bertanya, “Kepada siapa?” Dia menjawab “Kepada ibumu.” Aku menjawab, “Ibu aku ada di rumah dan dia sama sekali tidak ingin ke mana-mana.” Dia berkata “Yang aku maksud adalah Ummu Al-Mukminin, iaitu Aisyah.” Aku menjawab, “Jika begitu ambil sahaja tanpa wang sedikit pun.” Dia menjawab, “Tidak, tetapi marilah kita sama-sama pergi dan aku akan memberimu unta yang sangat mahir dan tambahan wang dirham.”

Al-Arani berkata, “Setelah aku pulang, aku diberi ganti unta yang sangat mahir dan tambahan wang kira-kira sebanyak empat ratus atau enam ratus dirham.” Lalu ia berkata kepadaku, “Wahai saudara yang mulia, apakah saudara mengetahui jalan-jalan khas?” Aku menjawab “Ya, aku adalah orang yang mampu menunjukkan jalan kepada manusia.”

Dia berkata: “Jika begitu, mari kita pergi bersama-sama.” Kami pergi bersama-sama mereka dan merentasi lembah tempat air, mereka bertanya kepadaku dan setelah sampai kepada tempat yang bernama Haud, maka anjing yang ada disana menggonggong dan mereka bertanya “Apakah nama lembah ini?” Aku menjawab: “Lembah Haud.”

Mendengar itu Aisyah berteriak dengan suara lantang dan memukul belakang untanya dan ia berkata:

*“Demi Allah s.w.t, aku adalah orang yang memiliki anjing yang mampu memberi petunjuk, oleh kerana itu kembalikanlah diriku, kembalikanlah diriku dan kembalikanlah diriku.” Sehingga menjelang keesokan hari datanglah Zubair kepada Aisyah dan berkata, “Selamat, selamat demi Allah, Ali telah dapat menjejaki kalian.”*

Kemudian mereka pergi dan sempat mencaki-maki diriku.

Tetapi ahli sejarah bermula dari Imam Mas’ud dan Ibn Hadid menjadikan kes di lembah Haud ini sebagai maklum balas yang sempurna dan memberikan gambaran sebagaimana berikut:

“Aisyah minta dipulangkan semula dan ia mengatakan apa yang baru sahaja dikatakan kepadanya “kembalikanlah aku kepada perlindungan Rasulullah s.a.w, kerana aku sudah tidak berniat lagi untuk meneruskan perjalanan.” Zubair berkata: “Demi Allah, ini adalah tempat Haud dan aku telah silap memberi maklumat kepada puan wahai Aisyah.” Sedangkan pada ketika itu, Thalhah berada di tengah-tengah rakyat dan bersumpah bahawa tempat itu bukan tempat lembah Haud dan ia disaksikan oleh sekitar lima puluh orang dari orang-orang yang bersama-sama dengannya.

Itu adalah sumpah palsu yang pertama tercatat dalam sejarah Islam. Ternyata apa yang dikehendaki Allah telah pun terbukti.<sup>(91)</sup>

---

91- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 470. Dalam hadith yang diceritakan oleh Imam ‘Arani adalah sekali gus membincangkan tentang keluarnya Ali.

Kes ini menjadikan Aisyah teringat kepada pesanan Rasulullah s.a.w, iaitu sebaik sahaja pasukan unta sampai di lembah Haud. Riwayat dibentangkan oleh Ibn Hadid. Riwayat Ibn Hadid dan Ibnu Mas'ud dalam konteks ini secara umum sukar diterima kebenarannya bagi para pengkritik dengan dua alasan.

Pertama: Kefanatikan dua orang tersebut dan sokongannya kepada pihak Ali yang secara nyata tidak boleh dibantah. Seandainya Ali munculkan permasalahan itu, nescaya dia adalah orang yang paling ingkar dan ketaksuban itu sendiri menjadi penghalang yang sangat kuat, kerana hal itu banyak memalingkan ahli sejarah dari fakta sebenar dan terhadap apa yang telah menutup mata tentang keburukan riwayat itu sendiri secara sengaja atau tidak.

Perkara itu terjadi kerana dalam konteks itu terkandung sifat kefanatikan atau sesuatu yang membangkitkan permusuhan dari dekat mahupun jauh.<sup>(92)</sup>

Kedua: Asal-usul maklumat itu sendiri jauh dari kebenaran terhadapnya. Ada dua perkara yang menjadi kajian iaitu perubahan keagungan Asykar (unta Aisyah) tidak cukup untuk mentertawakan terhadap kedudukan Aisyah dan tidak adanya bukti untuk merubah racun ini ke dalam fikiran manusia dengan kecerdikan mereka.

Demikian juga saksi-saksi itu berkumpul dan bersumpah

---

92- *Muruj Al-Zahab*, jilid II, m/s 5. *Imamah Wa Siyasa* jilid I, m/s 56 dan *Syarah Nahjul Balaghah* jilid II m/s 492

kepada Allah s.w.t bahawa tempat asal bukan lembah Haud sedangkan Aisyah menyakininya dan mahu berpatah balik dari tempat tersebut. Lebih teruk dari semua itu diriwayatkan bahawa Thalhah yang juga salah seorang dari sepuluh sahabat yang dikhabarkan masuk syurga tidak mampu menahan diri sehingga terpaksa melakukan sumpah palsu. Dua alasan ini sudah memadai untuk melemahkan riwayat yang disampaikan oleh Ibnu Mas'ud atau Ibnu Hadid.

Dari segi kritik luaran atau dalaman, maka layak (penulis) mengambil riwayat melalui pakar hadis dalam masalah ini dan saya anggap ia asing bagi orang yang telah belajar kaedah-kaedah hadith kerana mereka tidak mampu menilai asal-usul ini dan memelihara barakah. Tetapi saya tidak tahu apa faedah mereka belajar hadith ketika mereka tidak mampu mematangkan dalam amalan praktikalnya.

Sebahagian ulama hadis, pakar hadith dalam sejarah Tamadun Arab yang merupakan bantuan bagi para sejarawan dalam kaedah-kaedah yang benar menetapkan bahawa riwayat dari penyokong itu sama sekali tidak diterima dalam memberikan bantuan kepada pengikutnya dan juga perlu kajian dan usul-periksa untuk menyesuaikan dengan kehendaknya serta permusuhan terhadap satu pengikut yang sering dihembuskan.

Dengan demikian, Ibn Hadid dan Mas'ud bukan orang yang boleh dipercayai dalam masalah ini, sama ada masalah Ali mahupun Aisyah. Akan tetapi masalah ini bukan masalah mereka berdua dan pada hakikatnya saya (penulis) juga mempunyai hujah untuk membentangi kes lembah Haud melalui berbagai rujukan sama ada yang dianggap kuat dan sahih dari segi bahasa, sejarah dan hadis.

Misalnya yang ditemui dari segi bahasa adalah dalam kitab Faiqnya *Imam Zamahsyari* (juzuk 1/190) atau dalam kamus *Maddad*.

Dari segi sejarah pula, apa yang disampaikan oleh A:-Tabari mahupun Mas'ud di mana hal itu sudah dibentangkan sebelumnya, terdapat dalam Kutub *Al-Hadith Wa Ar-Rijal* seperti Isti'abnya Ibn Abd Al-Barr mahupun *Siyar A'lam Al-Nubala'* karya Imam Zahabi (juzuk 2/ 60 & 82). Dalam Musnad Imam Ahmad ada berbunyi: "Eagaimana di antara kalian yang selalu digonggong oleh anjing-anjing lembah Haud."

Teks yang termaktub dalam *Siyar A'lam Al-Nubala'* karya Imam Az-Zahabi adalah sebagai berikut: "Apakah pemilik unta ini (Aisyah) telah banyak pembunuh yang dibunuh di sisi Aisyah dan Aisyah selamat daripada musibah yang hampir menimpanya.

Adapun yang termaktub dalam Kitab *Zamahsyari* adalah sebagai berikut: "Apakah pemilik unta ini (Aisyah) telah berjalan atau keluar sehingga ia digonggong oleh anjing-anjing Haud." Hadith ini banyak sekali disebutkan dalam berbagai rujukan (sumber).

Imam Az-Zahabi menetapkan status hukum hadis di atas sebagai hadith yang kedudukan *isnadnya* adalah sahih. Saya (penulis) menghubungkan pendapat tadi dengan sesuatu yang didapati dalam *Siyar Al-Nubala'* iaitu sebagai berikut:

"Secara umum di dalam hadith terdapat sesuatu kemusykilan yang diketepikan oleh pakar hadis yang memberikan darjat sahih terhadap hadis di atas. Ini kerana

dalam lembah Haud terdapat orang yang sangat benci kepada Aisyah iaitu Salimi puteri Malik Firasiyyah sebagai pemberi maklumat. Dia adalah wanita yang dikaitkan fitnah dengan Rasulullah. Dia adalah wanita yang pernah murtad dan dibunuh dalam perang Riddah bersama dengan Thalimah Al-As'adi.

Yang sangat disayangkan adalah sebahagian para perawi yang masih menggunakan kisah ini. Kalaupun ini memang benar kepada Aisyah yang rela pada sifat kefanatikan. Adapun yang ditetapkan oleh Imam Yaakubi adalah sangat penting untuk tidak dilupakan kedudukannya.

Saya telah bantangkan pada bahagian lain tentang apa yang telah diriwayatkan oleh Imam Az-Zahabi yang pada pendapatku sangat tinggi darjat *isnadnya* iaitu: "Jika hadith ini tidak sahih, maka ini adalah sebahagian dari tipu daya yang diselitkan oleh peletak dasar hadith yang dipengaruhi oleh adanya tuntutan *fanatisme* golongan."<sup>(93)</sup>

Hubungkait yang saya bantangkan dalam *Siyar A'lam Al-Nubala'* merupakan sebahagian daripada keutamaan pakar hadith yang telah menyifatkan bahawa hadis tersebut adalah sahih.

Mereka sendiri tidak mempunyai kepentingan dalam pengukuhan itu kerana imam Az-Zahabi, seorang cendekiawan yang *Huffaz* dan ahli hadith pada zamannya tidak menyifatkannya sebagai sahih. Hal ini boleh difahami dari perkataannya sendiri: "Ia tidak mengeluarkan hadis itu."

---

93- *Siyar Al-Nubula'*, jilid II, m/s 80-97

Di sini saya akan menambah dua cadangan: Pertama, seandainya berita itu benar, maka Aisyah akan segera pulang dan bukan kebetulan menemui urusan yang menjerumuskan wilayah yang membawa nasib buruk.

Kedua: Sanad Imam Az-Zahabi dalam hadith ini harus dihentikan kepada Ibn Abbas kerana Ibn Abbas adalah orang yang terjebak dalam perjalanan politik tertentu. Ia adalah salah seorang penyokong kuat Ali dan sering menyebarkan permusuhan terhadap Aisyah tentang perbezaannya dengan Ali.

Semoga perkara ini dapat dijadikan satu pertimbangan sekiranya *nisbat* hadith kepadanya benar sebagai orang yang lemah lembut dan menutup mata terhadap fakta yang sebenarnya menyokong politik tertentu.

Untuk itu saya (penulis) perlu bertanya: Apakah Ibn Abbas hadir di kalangan isteri-isteri Nabi ketika hadith ini dibacakan? Sedangkan saya dengan membabitkan *sanad* pada terhentinya riwayat dan masalahnya di satu segi dan pada segi lain adalah sulitnya penerangan masalah itu sendiri, memutuskan ia adalah tidak hadir.

Bagi orang yang berpendirian bahawa Ibn Abbas hadir maka ia harus mengemukakan bukti sebagai hujahnya. Secara spesifik lagi, perkataan mereka (mata rantai sahabat boleh dijadikan hujah adalah tidak mempunyai alasan yang cukup kerana kedudukan Ibn Abbas serta isteri-isteri Nabi dalam hadith di atas adalah tidak tersusun sehingga penetapannya perlu teks yang jelas sebagai rujukan.

Walaupun saya tidak menyebutkan apa yang termaktub

dalam hadith yang diriwayatkan Zamahsyari '*rambutku*' macam mana ini dilakukan oleh pembeli unta yang terdidik yang berjalan sehingga ia digonggong oleh anjing (Haud) adalah orang yang menjauhkan diri dari *Balaghah Nabawiyyah* (retorika hadith) bagi orang-orang yang banyak meriwayatkan hadith.

Saya tidak tahu bagaimana orang-orang yang mempunyai ilmu dalam bidang hadis tentang *matan* mahupun *sanad* tidak menjajarkan peringkatnya? Kadangkala hal ini jelas bagi para pembaca seperti yang sedia ada sebelumnya serta mendorong saya untuk berada pada wilayah keraguan.

Hadith akhir yang *dinisbatkan* kepada Rasulullah s.a.w yang saya lihat dalam konteks kes perang Jamal adalah hadith dari Abu Bakrah yang maksudnya: "Apakah yang mencegahmu untuk tidak membunuh kesabaranmu dalam perang Jamal?" Dia menjawab: "Saya mendengar Rasulullah s.a.w berkata: Suatu saat kaumku akan hancur apabila dipimpin oleh perempuan dan pemimpin mereka ada di syurga."

Imam Mudaqiq berpendapat bahawa di antara jawapan dan pertanyaan sangat jauh jaraknya. Ketika ada kaum yang rosak kesabarannya tidak diperangi oleh golongan yang lain, maka jawapan yang logik bagi orang yang tidak ingin berperang di antara pihak yang berselisih adalah yang mengasing dan menjauhkan diri dari fitnah dan masalah-masalah yang menjurus kepadanya seperti yang dilakukan oleh sebahagian besar sahabat yang mempunyai catatan sejarah yang baik seperti Abdullah bin Umar.

Peninjauan daripada hadith itu adalah: Apakah semua



barisan tentera Jamal itu disifatkan sebagai perosak kecuali Aisyah? Jawapannya adalah tidak, kerana di dalamnya terdapat Thalhah dan Zubair yang keduanya telah dipastikan masuk syurga oleh Rasulullah s.a.w dan juga orang-orang *Badariyun* (orang yang pernah menyertai perang Badar) dari golongan Muhajirin dan Ansar yang kesemuanya keluar dari negara untuk mengagungkan had-had Allah s.w.t walaupun sememangnya cendekiawan dalam pasukan Aisyah sangat sedikit.

Ini adalah bukti yang cukup untuk menolak kebenaran hadith tentang hari perang Jamal apabila *dinisbatkan* kepada Rasulullah s.a.w seperti anggapan sebahagian ahli sejarah tersebut.

Aisyah bersama pasukannya meninggalkan tempat itu dan bergerak ke gunung Auwthas menuju Basrah sebagai tindakan untuk mengelakkan dari bertembung dengan pasukan Ali. Aisyah menuju kota Basrah sebelum berperang dengan sesiapa pun.

Ia memulakan perjalanannya pada waktu malam dan Aisyah terus menuju ke arah kanan dan melewati Munqadir (satu tempat yang merupakan perjalanan ke Mekah dari wilayah Yamamah) atau Wasit (nama sebuah desa di Yamamah) ataupun Fallujah (satu kota di negeri Yamamah) di mana salah satu di antara mereka sampai di Basrah pada tahun yang sangat subur atau musim bercambah dan Aisyah bersyair:

*“Tinggalkanlah negara yang penuh dengan kezaliman. Jikalau sudah membaik semula dan di dalamnya terdapat sumber-sumber air dan dilihat perjalanan yang menakutkan, maka pilihlah olehmu*

*penghidupan dan gembalakanlah olehmu baik secara nyata atau tidak di dalam negeri Dhimar (satu desa di antara Najed dan Yamamah) yang penuh dengan curah hujan.*"<sup>(94)</sup>

(iaitu sebuah kitab yang menghuraikan selok-belok kebaikan yang pernah menghiasi perjalanan sejarah hidup Aisyah sehingga menjadi bermakna bagi komuniti sekitarnya khususnya umat Islam).

## **FASAL KEEMPAT**

### **(A) PERTEMUAN KHALIFAH ALI R.A. DENGAN PASUKAN UNTA**

Saya (penulis) telah meninggalkan perbincangan tentang Ali yang bersiap sedia menyerang Syam untuk mencari akar permasalahan tersebut. Terdapat maklumat tentang bangkitnya rakyat Mekah untuk menuntut darah Uthman adalah kerana sokongan Aisyah, Thalhah dan Zubair.

Terdapat juga maklumat yang tidak diketahui asal usulnya tentang kebangkitan rakyat Madinah yang memberikan sokongan: "Sesungguhnya Allah s.w.t pasti menjadikan orang yang menzalimi umat ini menjadi umat yang akan diampuni dan penuh dengan *maghfirah* dan Allah s.w.t pasti menjadikan orang yang mempunyai pendirian untuk menegakkan masalah itu menjadi orang yang beruntung dan selamat. Tetapi barangsiapa yang tidak melapangkan

---

94- Abu Mansur bin Ibn Abd. Rahman bin 'Asakir, Kitab '*Arba'in fi manakib Ummahat Mukmin*

dengan kebenaran, maka ia akan melakukan perkara tersebut dengan cara yang batil.”

Thalhah dan Zubair sangat geram dengan sistem pemerintahan ketika itu dan menyeru rakyat untuk melakukan *rekonsiliasi* (menyerupai majlis rundingan yang melibatkan seluruh tokoh-tokoh yang berpengaruh) dan bersabar terhadap apa yang ditakuti akan menimpa rakyat.

Thalhah, Zubair dan Bani Umayyah memutuskan dalam masalah mereka, di mana mereka menjadikan Basrah sebagai titik sasarannya, maka Ummu Al-Fadhal Binti Haris menyewa seseorang untuk tujuan tertentu bagi menyembunyi dan memaparkan Ali dengan kitabnya. Dalam kitab *Ummi Fadhal* itu terdapat keterangan tentang Ali secara jelas.<sup>(95)</sup>

Maklum balas yang buruk tentang rakyat Madinah, Muhajirin dan Ansar adalah ungkapan yang mewarnai perpecahan dan selalu memecahkan tongkat (sebagai tonggak berdirinya bangsa) juga terdapat pemulauan terhadap orang yang ikhlas, bahkan para pengacau itu dinilai sebagai orang yang paling buruk, kerana orang yang menuntut darah Uthman hanyalah orang yang inginkan kekuasaan.

Setelah mereka menemui kegagalan, mereka menempuh cara lain untuk medapat kepuasan hati. Salah satunya adalah nasihat dari satu aspek dan aspek lain pula adalah ancaman. Asytar, salah seorang pemimpin mereka dari Madinah pernah mengutus surat kepada Aisyah ketika dia berada di Mekah. Adapun surat itu berbunyi seperti berikut:

*“Wahai Aisyah engkau adalah khemah yang*

*diletakkan di atas unta Rasulullah s.a.w dan beliau memerintahkan puan agar tetap tinggal di dalam rumah dan jika engkau melakukan perkara itu maka itu baik bagimu. Jika kamu mengabaikannya, maka kamu telah mengambil keburukanmu dan membuang tudungmu.. dan kamu menerangkan pada rakyat dengan rambut pengetahuanmu yang telah membunuhmu itu akan mengembalikanmu ke rumah dan tempat yang diredhai Tuhanmu.”*

Aisyah menjawab surat tersebut yang isinya:

*“Kamu adalah orang Arab yang pertama menyalakan api fitnah dan menghasut untuk berdiri pada pengikut yang mengingkari Imam atau pemimpin terbabit dalam kes pembunuhan khalifah dan aku tahu bahawa kamu tidak akan mampu mengalahkan Allah s.w.t sehingga Allah s.w.t akan memberi bencana kepadamu dengan tuntutan terhadap khalifah yang telah dianiaya. Suratmu telah sampai kepadaku dan aku faham isinya dan Allah s.w.t akan mencukupkanmu dan orang-orang yang sepadan denganmu dalam kezaliman, Insya Allah.”<sup>(96)</sup>*

Ali merasa risau dan kasihan terhadap situasi berpecah-belah dan menyifatkan hal itu lebih merbahaya daripada masalah Muawiyah.

Keburukan mereka lebih genting kerana mereka

---

96- Syarah Nahj Al-Balaghah, jilid II, m/s 80

menghasut kepimpinannya, untuk itulah ia berkeinginan untuk menemui mereka dan bukan menyerang mereka. Ia berkata ketika keluarnya rakyat kepada Ali. Jika mereka berbuat hal ini maka sistem umat Islam akan menjadi hancur dan rosak serta mereka tidak akan jumpa tempat bantuan dan pemaksaan.

Rakyat Madinah merasa berat hati terhadap apa yang digerakkan Ali kepada mereka untuk menyerang Thalhah, Aisyah dan Zubair tetap menganggap suatu dosa besar tentang perang sesama mereka, tetapi Ali tidak mempedulikan mereka dan kurang elok dalam mengenal pasti ketaatan mereka terhadap dirinya.

Beliau berucap: "Sesungguhnya akhir masalah ini adalah tidak pernah diperbaiki kecuali sudah baik dari awalnya dan kalian semua telah mengetahui hukum Tuhan terhadap orang yang lalai di antara kamu. Oleh itu, tolonglah Allah s.w.t nescaya Allah akan menolong kamu dan akan memperbaiki masalahmu."

Tetapi kebanyakan rakyat tidak mahu bergerak bersama Ali dan yang keluar bersamanya hanya enam hingga tujuh orang *Badariyin* iaitu orang yang pernah berperang dalam perang Badar.

Orang pertama yang menyambut seruan Ali adalah Abu Qatadah, seorang sahabat Rasulullah s.a.w berkata kepada Ali: "Wahai *Amir Al-Mukminin*, Rasulullah s.a.w telah menyerahkan pedang ini kepadaku dan aku menyarungkannya sejak lama, tetapi tiba-tiba aku harus mengeluarkan terhadap orang yang berlaku zalim yang tidak mempedulikan tipu daya.

Jika tuan gembira menerimaku maka terimalah aku. Demikian juga yang dilakukan oleh Ziad bin Handhalah beserta pengikutnya. Hal ini telah dibentangkan kepada para pembaca pada bab Ummi Salamah dan anaknya.<sup>(97)</sup>

Ali berniat untuk sama-sama berperang dengan orang yang menyokongnya dan menjadikan Sahal bin Hanif (atau Tamam bin Abbas menurut riwayat At-Tabari) sebagai pejabat sementara di Madinah dan Qasim bin Abbas di Mekah.

Terus ia keluar ke Syam dengan segala kelengkapannya. Ia diiringi oleh rakyat Kufah dan Basrah dan penyokong yang lain sekitar 700 orang dan ia berharap boleh mencapai sasaran bersama mereka sehingga boleh membuahkan hasil.

Lalu ditemui oleh Abdullah bin Salam dan dia melarang pemergian Ali dan berkata: "Wahai Amir *Al-Mukminin*, janganlah engkau keluar dari Madinah, demi Allah s.w.t, jika engkau keluar maka tuan tidak akan kembali kepadanya dan tidak akan mampu mengembalikan kekuasaan Islam selama-lamanya."

Mereka akhirnya keluar dengan cepat menentang kaum itu dan ketika mereka sampai di Ribdah<sup>(98)</sup> (salah sebuah desa di Madinah) maka Ali sedar bahawa mereka melalaikannya. Apa yang mustahak bagi mereka adalah

---

97- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 467 dan Ibn Athir, *Al-Kamil*, jilid III, m/s 93

98- Satu desa yang jauhnya dari Madinah sekitar 3 mil dan berdekatan dengan wilayah Iraq

masalah mereka sendiri iaitu khuatir apabila mereka pergi ke Kufah, di sana ada penyokong dan harta pengikut Ali.

Ketika Ali yakin mereka pergi ke Basrah, ia menjadi tenang dan boleh tinggal di Ribdah untuk menyelesaikan masalahnya. Dia tidak dapat menyembunyikan kebahagiaannya dengan pemergian mereka ke Basrah dan meninggalkan Kufah serta dia berkata kepada Ibn Abbas: "Di Kufah terdapat ketua suku Arab dan rumah-rumah mereka. Rakyat Kufah adalah orang yang paling aku suka." Ibn Abbas menjawab, "Sesungguhnya orang yang membahagiakan tuan, nescaya akan memburukkan aku.

Di Kufah terdapat khemah-khemah besar yang dihuni oleh perintis Arab di mana jumlah mereka tidak setanding dengan rakyat yang keluar. Di antara mereka masih terdapat orang yang ingin mencapai sesuatu yang pada hakikatnya tidak boleh diperolehi. Jika demikian hasutan akan dibangkitkan pada orang yang telah memperolehi tujuannya sehingga ia boleh memenang dan memecah-belahkan." Lalu Ali menjawab sebagai hujah terhadap kebijakannya.

Masalahnya kepentingan politik dan kekuasaan berada pada orang yang memang taat dan benar, maka kebaikan terlihat pada zaman sebelum mahupun sesudahnya. Jika sesama rakyat, aku akan memaafkan dan menolong mereka sehingga jika perkara itu diterima, ia merupakan kebaikan bagi mereka tetapi jika tidak, mereka telah memaksa kami untuk meluruskan mereka dan tentu keburukan akan menimpa orang yang sememangnya melakukan keburukan. Melihat sikap Ibn Abbas, masalah itu hanya boleh dicapai oleh perasaan rasa sukarela.

Masalah umat Islam serta cahaya hidayah tidak menembus sanubari para pemimpin suku, yang membingungkan masalah rakyat tidak diketahui, sama ada mereka telah melakukan salah atau benar? Demikian pula dengan fitnah. Jika ia diterima, maka amat sukar untuk dikenal pasti kebenaran daripada kekeliruannya.

Jika pembaca seorang pemimpin, maka ia akan dapat membuka tabir gelap yang menyelimuti kebenaran masyarakat dan menerangkan tentang misteri kebaikan. Saya (penulis) menerangkan kepada pembaca tentang hukum orang yang mati syahid dalam kejadian Ribdah.

Saya sepakat dengan apa yang dikemukakan oleh At-Tabari bahawa apa yang telah terjebak tentang kebingungan sama ada yang bersifat umum mahupun khusus juga akan menimpa para pemimpin mereka. Thariq bin Syihab berkata:<sup>(99)</sup>

“Kami keluar dari Kufah untuk berbincang apabila terdengar khabar pembunuhan Uthman. Ketika kami sampai pada Ribdah menjelang Subuh, ketika sebahagian yang lain berkata kepada yang lainnya, aku bertanya: “Apakah ini?” Pemimpin suku menjawab: “Semua ini kerana tindakan yang diambil *Amir Al-Mukminin*, saya bertanya lagi, “Apa yang terjadi padanya?” Ia didahului Thalhah dan Zubair sehingga dia keluar untuk menentang keduanya kerana kedua orang tersebut (Thalhah dan Zubair) telah mengabaikannya. Beliau keluar (memeranginya) agar keduanya tidak menjejaskan pemerintahannya. Aku

---

99- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 477



berkata *Inna lillah wa inna ilaihi rajiun*, apakah aku mendatangi Ali untuk membunuh kedua orang ini dan Aisyah? Atau menentangnya? Sungguh ini sangat berat bagiku. Lalu aku keluar menemuinya dan aku solat dalam keadaan gelap gelita. Ketika selesai solat, dia didatangi oleh anaknya, Hasan dan berkata kepadanya:

“Ayahku! Sungguh aku telah mengingatkan tuan, tetapi tuan tidak mempedulikannya dan tunggulah esok, tuan akan dibunuh dan tidak seorang pun yang akan menolong engkau.”

Ali menjawab: “Sesungguhnya engkau tetap diuji oleh ujian jiran tetanggamu, apa yang engkau sarankan kepadaku sehingga aku tidak mempedulikan sarananmu?”

Hasan menjawab: “Aku telah menyarankan engkau untuk keluar dari Madinah ketika Uthman dikepung dan dibunuh sehingga engkau tidak ada di sana dan aku telah menyarankan agar engkau tidak dilantik sebelum datangnya perwakilan dari pelbagai negeri dan Arab serta persetujuan seluruh negeri.

Aku juga menyarankan kepada engkau untuk tetap berada di rumah ketika kedua lelaki ini melakukan kekacauan sehingga semua menjadi tenang kerana apabila menimbulkan kekacauan, maka tanggungjawabnya bukan kepadamu, malah kamu melanggar apa yang aku sarankan.”

Ali menjawab: “Wahai anakku, ketika kamu menyarankan aku untuk keluar dari Madinah ketika Uthman dikepung, demi Allah s.w.t, aku juga akan dikepung seperti dia. Sarananmu agar aku dilantik dengan persetujuan seluruh rakyat negeri, maka hal itu adalah persoalan rakyat

Madinah. Aku sendiri susah untuk melepaskan masalah itu. Adapun sarananmu terhadap masalah Zubair dan Thalhah keluar, maka aku menganggap perkara itu merupakan perbuatan yang melemahkan Islam.”

“Demi Allah s.w.t, aku tidak boleh dipaksa selagi aku memerintah, apalagi mengurangi kebijaksanaan yang seharusnya dilaksanakan. Adapun sarananmu agar aku tetap di rumah, bagaimana pula dengan sesuatu yang telah menjadi kewajipanku? Atau siapa yang menghendakiku? Apakah aku harus menjadi seperti binatang buas yang sering dikepung? Jika aku tidak memandang masalah yang telah menjadi kewajipanku dan tidak menyokongku, lalu siapa lagi yang memandangnya? Maka tahanlah wahai anakku.”<sup>(100)</sup>

Hujah-hujah Khalifah Ali yang dikemukakan kepada anaknya ini adalah usaha untuk bersikap terbuka terhadap ketiga kebijaksanaannya. Nasihat anaknya tidak berguna baginya. Ini juga bukan kekerasan dalam ucapan khalifah terhadap sesuatu yang berkaitan dengannya.

Al-Marhum Abdul Wahab An-Najjar setelah memetik sikap At-Tabari mengenai perdebatan antara Ali dan Hasan, dia berkata: “Seakan-akan dalam masalah ini, Ali mengulang perkataan Uthman yang bunyinya seperti berikut: Aku tidak akan melepas baju yang telah dikenakan oleh Allah s.w.t padaku. Ini adalah alasan yang tidak diterima oleh orang yang menolaknya dan menolak umat Islam atau itu adalah alasan negara yang terjajah. Tidak ada kebebasan bagi

---

100- *Ibid*, m/s 473

mereka untuk mengikuti umat atau bangsa yang dengan seclar dan sengaja menghalalkan negaranya dan berusaha mengawal kehidupannya.<sup>(101)</sup>

Dari berbagai aspek jawapan itu bukanlah pembenaran, iaitu:

Pertama: Di sana terdapat perbezaan yang sangat besar antara kes Ali dan kes Uthman. Uthman dilanda masalah akibat terdapat berbagai aduan yang disebabkan oleh sikap dan tindakan para Gabenor yang tidak berakhlak mulia dan pemberontak mampu mengalahkannya sehingga masalahnya semakin meluas.

Jika dia dilucut jawatan, di sana masih ada harapan untuk memadam berbagai gejala dan memperbaiki keadaan. Adapun Ali tidak seorang pun berkaitan dengan kesalahan atau kecenderungan hukum atau penyimpangan dan pengaruh sehingga orang-orang yang tidak mahu membai'atnya berupaya untuk membelinya dengan menuntut darah Uthman.

Ini kerana permusuhan mereka adalah kepada orang yang membunuh Uthman bukan Ali. Jika Ali dilucutkan jawatan, maka masalahnya menjadi semakin rumit dan pelik, menambah masalah yang ada dan memecahkan berbagai kepadatan kaum Muslimin. Tidak syak lagi bahawa perlucutan jawatan Ali adalah lari dari kewajipan, lari dari barisan dan dosa hukumnya. Ketika itu, Ali bukanlah orang yang gila harta atau kuasa.

---

101 - Abd. Wahhab An-Najjar, *Tarikh Al-Islam*, m/s 414

Kedua: Jika dipaksa setiap kepala pemerintahan untuk mengadakan tindakan hukum terhadap orang yang menyerang pemerintahannya atau keluar dari barisannya maka tidak ada waktu kecuali diganti dengan yang lain, kerana keadaan tidak terlepas dari orang yang bertolak belakang dan orang yang memusuhi kepala pemerintahan. Hal ini apabila dia bersikap adil.

Ketiga: Hujah-hujah Khalifah yang diibaratkan dengan suara negara yang dijajah adalah paling jauh dari kebenaran dan menyimpang dari fakta sebenar. Kerana negara yang dijajah selalu teraniaya oleh penjajah yang zalim.

Ketua pemerintahan adalah pemegang amanah di mana ia mempunyai kewajipan untuk menegakkannya. Dia berhujah dengan perantukan yang terjadi dan masalah yang menjadi kewajipan yang menuntut untuk bangkit bagi mewujudkan rasa aman, damai dan keadilan.

Lalu Ali dalam seluruh masalahnya sehingga saat itu tetap dituntut untuk melaksanakan kebenaran dan menegakkan perkara yang hak. Sekiranya didapati tindakannya yang terlalu cepat dalam melucut jawatan Muawiyah dan Gabenor yang telah dilantik Uthman yang lain adalah disifatkan suatu tindakan yang tidak mencerminkan kebijaksanaan politik, kerana kebijaksanaan itu seharusnya diperhitungkan dalam konteks politik bukan hukum semata-mata, sehingga jelas seperti yang menjadi ketetapan bahawa melucut jawatan mereka adalah merupakan hak dan tidak ada kesenangan baginya sama ada dalam agama mahupun amanah untuk tetap mengekalkan jawatan mereka, walaupun sesaat kecuali memberi tekanan situasi yang sama-sama sulit. Ini yang tidak dilakukan oleh Ali.

Apabila seseorang melakukan kesalahan politik, maka itu tidak berarti ia tidak mempunyai pandangan ke depan tentang politik itu sendiri.

Inilah fenomena yang sering saya (penulis) lihat di dalam menyifatkan kewujudannya, maka ramai orang yang berkecimpung dalam sejarah yang saya lihat pada saat ini telah *memojokkan* Ali dengan kelengahan politik yang membabitkan pelucutan jawatan Muawiyah dan membutakan Ali dari perjalanan politik dan kebijakannya yang pernah dia tempuh dalam urusan pemerintahan, sedangkan Ali banyak melakukan cara yang dilalui oleh Abu Bakar dan Umar.

Ketika gelombang rakyat dari Madinah yang menuju Ribdah ingin mendatangi Ali dan berusaha menyempurnakan masalahnya dan keluar menuju Zulqari. Dia membawa diri ke Kufah sebelum mendapat sokongan rakyat. Di sini saya (penulis) kembali melihat hadith yang dikemukakan oleh Imam Al-Arabi sebelumnya dan marilah kita mendengar kisahnya hingga selesai.

“Aku menyingkir dan berjalan dengan berhati-hati. Ketika itu aku bersama Ali dengan disertai sekitar 300 penunggang kuda dan dia bertanya kepada mereka: Wahai penunggang kuda, setelah aku mendatangnya dia bertanya lagi, di mana kamu letakkan itu? Aku menjawab: Aku letakkan di suatu tempat ini dan ini. Ini adalah untanya dan aku menjual untaku kepadanya.”

Dia bertanya: “Apakah dia menaiki untanya? Aku menjawab: “Benar, aku berjalan bersama mereka sehingga sampai di lembah Haud dan digonggong oleh anjing dan ia berkata begini-begini. Ketika aku menemui

permasalahan mereka, maka aku pelanting jauh dan mereka meneruskan perjalanan.”

Ali bertanya apakah kamu boleh menunjukkan jalan ke Zulqarin? Aku menjawab: “Aku sering menunjukkan jalan kepada orang.” Ia berkata jika begitu marilah pergi bersama-sama kami. Lalu kami pergi bersama sehingga sampai ke Zulqarin. Kemudian Ali memerintahkan kedua unta tuannya untuk diambil oleh pemiliknya lalu pindah setelah menyerahkan unta itu. Dia berjalan mendaki dan melunjurkan kedua kakinya.

Dia memuji Allah s.w.t dan berselawat kepada Nabi s.a.w sambil berkata: “Aku sudah mengetahui apa yang telah dilakukan oleh rakyat dan perempuan ini. Dia dihampiri Hasan yang sedang menangis dan ditanya oleh Ali: “Kamu diuji oleh cubaan jiran tetangga?”

Hasan menjawab: “Aku telah menyarankan engkau tetapi tuan tidak memperdulikannya dan sekarang engkau akan dibunuh oleh musuh yang sulit yang tidak akan ada penolongmu lagi.” Dia menjawab: “Rakyat itu telah berbuat seperti yang telah kamu perintahkan kepadaku.”

Hasan berkata: “Aku telah menyarankan kamu ketika Uthman diberontak oleh rakyat agar tidak menerima bai’at sebelum dipilih oleh pembesar-pembesar Arab, kerana merekalah yang memutuskan perkara dan bukan kamu. Tetapi kamu tidak memperdulikan aku dan aku menyarankan kamu agar tetap di Madinah dan mengutus orang yang menyokongmu ketika wanita ini dan rakyat berbuat sesuatu.”

Ali menjawab: “Demi Allah s.w.t, kamu benar, tetapi wahai

anakku, aku tidak ingin seperti singa yang berlumuran darah kerana Nabi s.a.w telah meninggal dan aku tidak menemui orang yang lebih berhak dariku. Rakyat melantik Abu Bakar dan aku juga melakukannya, rakyat melantik Uthman bin Khattab setelah Abu Bakar dan aku dihadapkan pada enam panah ketika Uthman dilantik dan aku juga melantiknya.

Lalu rakyat mendatangi Uthman dan membunuhnya. Kemudian mereka mendatangi dan melantik aku sebagai rasa taat tanpa ada paksaan sehingga aku akan memerangi orang yang membangkangku bersama penyokongku sehingga akhirnya Allahlah yang menjadi hakim di antara kami, kerana Dialah Zat Yang Maha Bijaksana.

Ali ingin melempar salah satu anak panahnya kepada Kinanah. Ali mengutus surat kepada Aisyah agar menasihati dan menjadikan uzur baginya. Lalu kamu telah keluar dari rumahmu sebagai tindakan yang melanggar Allah s.w.t dan RasulNya, apakah kamu menuntut sesuatu yang menurut kamu benar dan kamu hendak melakukan *islah* di tengah rakyat?

“Sampaikanlah kepadaku apakah boleh wanita menjadi pemimpin tentera perang? Lalu kamu menuntut darah Uthman kerana dia seorang lelaki keturunan Bani Umayyah sedangkan kamu wanita keturunan Thim bin Murrah?

Sungguh demi umurku yang hendak kamu uji dan perjalananmu kepada maksiat merupakan dosa yang paling besar daripada pembunuhan Uthman. Apa yang menyebabkan kamu geram dan bergerak, bertaqwalah kepada Allah s.w.t. Wahai Aisyah, pulanglah ke rumah kamu, sambunglah tabirmu dan wassalam.”<sup>(102)</sup>

Aisyah menjawab dengan ringkas: "Wahai Ibn Abi Talib, permasalahan telah terlepas dari cercaan dan saya tidak akan mentaatimu selama-lamanya dan hukumlah terhadap apa yang kamu hukumi, wassalam."

Ali mengutus surat kepada Thalhah dan Zubair yang jawabannya seperti berikut: "Wahai Ali, kamu telah pergi menuju ke sebuah perjalanan yang bukan wilayahmu, kamu tidak pulang dan dalam diri kamu ada sesuatu kepentingan, maka teruskanlah masalah. Kamu tidak rela apabila kami tidak berada dalam ketaatan kepadamu dan kami tidak akan mentaatimu selama-lamanya, maka putuskanlah apa yang menjadi keyakinanmu."<sup>(103)</sup>

## **FASAL KELIMA**

### **(A) MUSLIHAT POLITIK PASUKAN UNTA DAN SERANGANNYA**

Sekarang kita bersama Aisyah yang menjadi pemimpin para pengikut yang menjadi penentang kerajaan yang memberontak, kedudukannya dekat dengan Basrah, kita akan melihat kebolehan dan muslihat yang dijalankan oleh Aisyah. Seruannya sampai ke segenap penjuru untuk mendapatkan sokongan sehingga memenuhi ajakannya.

Kita akan menyentuh dengan mendalam pagar yang telah dirancang dan dibenteng oleh hujah Aisyah: "Bagaimana

---

102- *Al-Imamah Wa Siyasa* m/s 62

103- *Ibid*, m/s 1-55 dan dapat di lihat pada kitab *Jamharatul rasa'il 'Arabi*, m/s 1-379



ia membuat perlantikan dengan bilangan otak orang-orang Arab khususnya rakyat Basrah. Aisyah beserta penyokongnya tidak mampu mengemukakan dalil dan hujah untuk melemahkan pasukan Ali, bahkan kelemahan itu akan kembali terhadap penyebaran yang dihembuskan kepada orang yang telah keluar dari kepimpinannya.

Dalil itu terus bersemadi di antara penentang Aisyah dari se uruh rakyat Basrah yang pandai bermuslihat, ahli agama yang pandai berdebat yang menghadapi hanya satu wanita yang mulia ini untuk menyerang teka-teki dan pertanyaan terhadap kewajipan para pemberontak yang berkaitan dengan pembai'atan khalifah dan mentaatinya.

Mulai sekarang saya (penulis) akan meluaskan fikiran pembaca agar pembaca mampu memikirkan kekuasaan yang selalu disampaikan dengan pasang-surutnya sesuatu perjalanan dan surat serta percakapan mengenai konteks di atas.

Di akhirnya pembaca akan mendapat kesimpulan yang jelas dan mampu menunjukkan fitnah ini dan juga mendapati hukum yang benar dalam masalah tersebut. Kes-kes dan peristiwa, satu persatu akan saya bentangkan dengan bahasa yang cermat dan sederhana.

Ketika pasukan unta Aisyah berada di pinggir Basrah dan hendak bergerak, mereka dihadang oleh Amir bin Abdullah At-Tamimi dan berkata, "Wahai Ummu Al-Mukminin, semoga Allah s.w.t menunjukkan jalan kepada puan di mana engkau telah memimpin rakyat dan kamu tidak menghantar satu surat pun di antara mereka dan apakah kamu boleh mencukupkan mereka,"  
Kemudian dia teringat satu masalah yang jauh darinya dan

berkata: "Kamu telah datang kepadaku dengan satu penyelesaian dan kamu adalah orang yang soleh." Dia menjawab: "Segeralah kamu menemui Ibn Amir kerana dia mempunyai banyak pengalaman."

Kemudian Mereka menemui rakyat sehingga kamu menghadapinya dan mereka mendengarkan apa yang kamu sampaikan. Aisyah mengutus surat dan menyelidik ke Basrah dan rakyat pun datang. Mereka mengutus surat kepada ketua-ketua suku dari kalangan rakyat Basrah untuk menerima ajakan mereka dan menunggu jawapan sebelum bergerak ke Basrah.

Apa yang terjadi ketika itu adalah perjalanan dan pembentukan utusan-utusan. Saya (penulis) memulakan dalam Kitab ini untuk menetapkan jawapan-jawapan sehingga rakyat dapat melihat fitnah yang sebenarnya ini.

## **(B) SURAT**

### **1. Surat Thalbah dan Zubair kepada Ka'ab bin Syur:**

"Kamu adalah hakim yang dilantik oleh Umar bin Khattab, ketua suku rakyat Basrah dan Yaman, kamu juga geram terhadap penganiayaan Uthman maka kamu perlu geram apabila dia dibunuh, wassalam."

Ka'ab bin Syur menjawab:

"Aku geram kerana apabila Uthman disakiti, diisukan dengan cara kekerasan. Apabila Uthman dibunuh dengan cara penganiayaan, maka apa kekuasaan kamu dan dia. Apabila dia dibunuh dengan cara penganiayaan maka selain kamu adalah lebih berhak, masalahnya

menjadi pelik bagi orang yang menyaksikannya dan juga orang yang jauh darinya.<sup>(104)</sup>

2. Surat Thalhah dan Zubair kepada Munzir bin Jarud:

“Seterusnya, ayahmu adalah ketua suku jahiliyah dan Islam. Solatmu lebih baik dari solat ayahmu, membunuh Uthman bagimu adalah lebih baik atau geram juga lebih baik, wassalam.”

Munzir menjawab:

“Aku tidak dipertemukan oleh orang yang baik tetapi aku lebih baik daripada orang yang buruk. Aku menuntut hak Uthman adalah sama antara sekarang dan kelmarin dan itu sama seperti saya tunjukkan kepadamu, maka biarkanlah ia. Lalu bila masanya kamu menumbuhkan ilmu dan pandangan ini.”

3. Surat Thalhah dan Zubair kepada Ahnaf bin Khais:

“Kamu adalah utusan Umar, utusan Munzir dan orang Iraq yang paling bijaksana dan kamu telah menerima musibah Uthman dan aku telah memberikan bukti yang jelas, wassalam.”

Ahnaf menjawab:

“Sebelum kamu, aku tidak menerima maklum balas yang tepat kecuali pembunuhan ke atas Uthman. Sekarang kamu memberikan bukti kepadaku, jika bukti

---

104- *Ibid*, m/s 1-47

itu benar, maka aku akan menemuinya tetapi apabila tidak maka di antara aku dan kamu sudah tidak ada yang boleh dipercayai lagi.”

**4. Surat Aisyah kepada Zaid bin Syauhan:**

“Dari Aisyah binti Abu Bakar Ummu Al-Mukminin, isteri Rasulullah s.a.w kepada Zaid bin Syauhan. Apabila kamu menerima suratku ini maka tolonglah selesaikan masalahku ini tetapi jika tidak, biarkanlah rakyat tidak menolong Ali.”

Zaid menjawab:

“Daripada Zaid bin Syauhan untuk Aisyah binti Abu Bakar dan isteri Rasulullah s.a.w. Sebaiknya puan tidak memanjangkan permasalahan ini dan pulang ke rumahmu. Jika tidak maka aku adalah orang pertama yang akan memerangimu.”

Di sini ada riwayat kedua tentang jawapan Zaid yang lebih sempurna daripada riwayat At-Tabari dan inilah teks asalnya:

“Salam kepadamu wahai Aisyah, Allah s.w.t memerintahkanmu dengan suatu perkara dan memerintahkan aku dengan suatu perkara juga. Allah memerintahkanmu untuk tetap di rumah dan Allah memerintahkanku untuk memerangi rakyat agar tidak terhasut oleh fitnah, tetapi puan melanggarnya bahkan menulis surat yang melarang saya dari apa yang telah diperintahkan. Maka perintahmu bagi saya tidak patut ditaati dan tidak pantas untuk dijawab, wassalam.”<sup>(105)</sup>

Lalu Aisyah menulis surat kepada Ahnaf bin Khais dan Shabarah bin Saiman.<sup>(106)</sup>

5. Di sini juga terdapat orang selain Aisyah, Thalbah dan Zubair yang mengirim surat secara rahsia terhadap orang yang nyata memberikan bantuan kepada mereka dan melemahkan kedudukan Ali. Mereka adalah Bani Umayyah yang keluar bukan untuk menyokong Thalbah, Zubair dan Aisyah, tetapi mereka cuma ingin melemahkan pemerintahan Ali.

Mereka berjaga-jaga agar masalah mereka tidak terdedah oleh kesamaran. Secara jelas ia boleh diketahui bahawa di Damsyik, Muawiyah bin Abi Sufyan melakukan tindakan kasar kepada mereka. Salah seorang adalah Saad bin Abi Waqqash yang juga merupakan salah seorang sahabat yang telah dikhabarkan masuk syurga.

Anggota perang suci dan salah satu anggota dari Dewan Syura terbabit kerana ia tidak mengambil tindakan dalam masalah ini. Selain itu ia diyakini telah bergerak melawan pemerintahan Ali. Dia menulis surat kepada Ali dengan jelas tetapi ada sebahagian yang masih dirahsiakan. Jika pembaca memahami konteks itu, maka pembaca akan memandangnya dengan fikiran yang bijaksana. Surat ini adalah seperti berikut: "Rakyat yang paling berhak menolong Uthman adalah

---

105. *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 492

106. *Jamharat Al-Rasa'il 'Arabi*, m/s 1-379 dan *Al-Akdul Farid*, jilid III, m/s 93

Dewan Syura Quraish yang telah memilih dan melantiknya, Thalhah dan Zubair telah membantunya dan mereka satu barisan dalam masalah ini dan orang yang sama dalam pandangan Islam. Ianya dikhuatirkan oleh Ummu Al-Mukminin. Oleh itu, janganlah kamu memaksa apa yang mereka relakan dan menolak apa yang mereka terima.”

Said menulis surat kepada Muawiyah:

“Dalam Dewan Syura tidak seorang pun memilih Umar kecuali orang-orang yang menghendaknya menjadi khalifah. Juga tidak seorang pun orang yang lebih berhak kecuali atas persetujuan kami, sedangkan Ali tidak. Dia dipilih bukan melalui kami. Manakala Thalhah dan Zubair, seandainya mereka berada di rumah maka hal itu lebih baik. Biarlah Allah yang mengampunkan dosa Ummu Al-Mukminin.”<sup>(107)</sup>

Muawiyah telah membawa kebijaksanaannya ke dalam jurang yang tidak bertanam dan dia tidak takut terhadap penjelasan yang telah disalahgunakan dan tipu daya Said. Padahal hakikatnya Said tetap berpandu kepada pengalaman sebelumnya kerana ia adalah orang yang berkecimpung dalam politik dan Muawiyah tidak takut terhadap apa yang mereka sembunyikan.

Salah satu pendapat dalam perantikan Umar, anggota Dewan Syura tidak diisi kecuali yang menyokong Umar. Kenyataan tadi memastikan Muawiyah untuk

---

107- *Tarikh Al-Yaaqubi*, jilid II, m/s 217

menyiapkan dirinya. Sedangkan kritikan tentang peranan Zubair dan Thalhah serta Aisyah bukanlah perkara yang perlu dibimbangkan.

Penjelasan Said mampu membunuh tipu daya Muawiyah yang sekali gus membuka aib dari apa yang sebenarnya ada dalam tujuan Muawiyah.

Dalam rujukan ini (penulis) akan bantangkan kepada pembaca tentang parti Bani Umayyah yang menggunakan kempen ke atas kes pembunuhan Uthman dan tujuan yang ditumpukan, sama ada dalam jangka masa pendek mahupun panjang. Hal itu dilakukan secara rahsia dan tanpa disedari dan dikesan oleh orang ramai.

Banyak rujukan sejarah yang saya petik. Apa yang menghairankan saya adalah peranan Muawiyah yang begitu samar dan di dalamnya terdapat berbagai tujuan dan kepentingan tertentu kepada rakyat. Kesungguhan Muawiyah dalam menyembunyikan maksud yang tidak baik itu mampu menyelamatkan dirinya dalam lembaran sejarah buat selama-lamanya.

### **(C) PERJALANAN DAN PERWAKILAN**

1. Rakyat Basrah menerima surat dari golongan Aisyah di pinggir kota Basrah. Uthman bin Hanif memanggil Gabenor Basrah yang dilantik oleh Ali iaitu dua orang yang pertama adalah Imran bin Hasyim dalam urusan umum, yang kedua adalah Abu Aswad Ad-Du'ali secara khusus. Ia mengutus kedua orang itu untuk menemui Aisyah. Ia berkata kepada mereka, "Temuilah wanita ini, tanyakan maksudnya dan orang-orang yang bersamanya." Mereka keluar dan melarang Aisyah

serta penyokongnya ketika berada di Huffair.<sup>(108)</sup> Mereka akhirnya meminta izin kepada Aisyah dan Aisyah mengizinkannya. Mereka mengucapkan salam lalu bertanya kepada Aisyah: "Wahai Aisyah, kami diutus oleh Gabenor kami untuk bertanya maksud perjalanan puan, apakah engkau boleh mengatakan kepada kami?"

Aisyah menjawab: "Kami tidak bermusafir dengan masalah yang dirahsiakan dan ditutup kebenaran, maklumat yang aku terima bahawa pengacau dari berbagai penjuru negeri dan perintis kabilah telah berani memerangi kehormatan Rasulullah s.a.w, menceritakan hadis tentangnya dan mereka disokong oleh para penyokong ahli hadis. Mereka menerima laknat Allah dan RasulNya beserta dengan pembunuhan Uthman tanpa kebenaran dan alasan yang jelas.

Mereka telah menghalalkan darah yang haram sekali gus menumpahkannya, mereka merampas harta yang haram, menghalalkan negara yang haram dan bulan yang haram, mengoyak-ngoyak daging dan urat, menghuni negeri yang rakyatnya benci kepada mereka, mendatangkan mudarat, tidak bertaqwa, sedangkan rakyat negeri ini (Madinah) tidak berkuasa dan tidak berdaya untuk melarangnya bahkan mereka sudah tidak merasa aman lagi.

Untuk itulah aku keluar di tengah-tengah umat Islam untuk menerangkan apa yang sebenarnya mereka bawa kepada rakyat Islam dan penyelesaian yang saya

---

108- Nama empangan air yang terletak 4 kilometer dari Wilayah Basrah.



tawarkan adalah yang terbaik bagi mereka iaitu *islah* (damai).

Beliau meneruskan penjelasannya:

“Tidak ada kebaikan dari keselamatan bagi mereka kecuali orang yang telah memerintahkan bersedekah, perbaiki dan *islah* di antara rakyat. Aku akan menegakkan *islah* dari orang yang telah diperintahkan oleh Allah dan RasulNya sama ada orang itu kecil ataupun besar, lelaki atau perempuan. Inilah kebijaksanaanku (*ijtihadku*) untuk menegakkan kebaikan kepada kamu sekalian dan melarang kemungkaran serta mendorong kalian untuk melakukan perubahan terhadap kemungkaran itu sendiri.”

Kedua orang itu akhirnya beredar dan menemui Thalhah serta bertanya, “Wahai Thalhah, apa tindakanmu?” Dia menjawab: “Menuntut darah Uthman.” Kedua orang itu bertanya lagi, Apakah kamu tidak melantik Ali?” Dia menjawab: “Ya, saya. Dengan tekad di atas bahu, saya akan tetap menuntut selagi Ali tidak mampu mendamaikan antara kami dan pembunuh Uthman.”

Kedua orang itu pun pergi dari Thalhah dan bertanya kepada Zubair, namun mereka menemui jawapan yang sama seperti jawapan Thalhah. Lalu mereka menemui Aisyah dan berdamai dengannya. Maka Aisyah berdamai dan berkata kepada Imran:

“Wahai Abu Aswad, waspadalah kamu terhadap hasutan yang akan menjerumuskanmu kepada api neraka (Jadilah kamu sekalian kaum yang bersaksi

hanya kepada Allah dengan adil dan janganlah kalian memutuskan satu kes ke atas suatu kaum kecuali dengan keadilan. Berlaku adillah, kerana keadilan itu mendekati taqwa), maka Aisyah menunjukkan kebaikan kepadanya.”

Utusan itupun akhirnya kembali kepada Uthman bin Hanif dan dengan cepat Abu Aswad mempercepatkan langkah Imran dan berkata kepada Uthman bin Hanif: “Wahai Ibn Hanif, telah didatangkan kepadamu maka segeralah kamu pergi dari sini. Mereka saling membunuh, berkemaslah, bersabarlah dan tunjukkanlah kepada rakyat yang telah disakiti dan yang telah termakan fitnah.”

Uthman berkata: *‘Inna lillaahi wa innaa ilaihi raaji’uun*, (Sesungguhnya semuanya milik Allah dan akan kembali kepadanya) roh Islam dan Tuhan pemilik Kaabah ini, maka lihatlah olehmu di mana kepalsuan yang kamu sebar.

Imran menjawab: “Demi Allah s.w.t, ia akan bertempur melawanmu dengan hebat sehingga tidak ada baki yang ada pada dirimu.” Uthman berkata: “Maka buruklah wahai Imran.” Dia menjawab: “Saya adalah orang yang selalu duduk.” Uthman berkata: “Saya tetap melarang mereka sehingga akhirnya ada perintah dari *Amirul Mukminin*.” Imran menjawab: “Tetapi Allah akan menghukummu.” Setelah itu Imran segera pulang ke rumahnya, demikian juga Uthman tetap berniat melarang mereka untuk bergerak ke Basrah.

2. Dalam perjalanan ini ada riwayat yang lebih penting dari yang disampaikan oleh At-Tabari yang merupakan

perjalanan kedua yang diceritakan oleh Abu Aswad Ad-Da'uli sebagai salah seorang perwakilan dimana di dalamnya terdapat huraian yang sangat bererti.

Abu Aswad berkata: "Aku dan Imran bin Hasyin diutus oleh Uthman bin Hanif untuk menemui Aisyah dan kami berkata: "Wahai *Ummu Al-Mukminin*, sampaikanlah kepada kami apa tujuanmu, adakah sikap puan itu disahkan oleh Rasulullah atau hanya inisiatifmu (*ijtihadmu*) sendiri?"<sup>(109)</sup>

Aisyah menjawab: "Sikap ini muncul ketika Uthman terbunuh. Aku memang banyak mengkritik Uthman kerana tindakannya yang keras (dia memukul dengan tali pecut dan kes *masahah* hak iaitu tempat duduk Rasulullah yang diletakkan di atas kuda yang digunakan oleh Uthman secara peribadi dan kes Said dan walid).

Tetapi kalian memusuhinya, menghalalkan tiga perkara yang haram darinya iaitu keharaman negara, keharaman bulan haram dan keharaman darah yang haram, setelah kami menghirupnya lalu kami menggesanya agar dia bertaubat, tetapi bagaimana kalian menzaliminya sehingga apakah kami cepat geram kepada kalian kerana permasalahan tali pecut Uthman, lalu kami tidak geram kerana Uthman terhadap pedangmu?"

Aku menjawab: "Bukan masalah kamu, pedang kami, tali pecut Uthman dan larangan Rasulullah s.a.w untuk

---

109- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 479-480

menyuruhmu tetap diam tinggal di rumah, tetapi kerana kamu telah mempengaruhi rakyat. Aisyah bertanya: "Apakah ada orang yang akan memerangiku atau ada orang yang berkata selain seperti yang aku katakan? Aku menjawab: "Ya."

Aisyah bertanya: "Siapa yang melakukan itu? Apakah Zanim bin Amir? Apakah kamu wahai Imran boleh mengatakan kepadaku?"

Ia menjawab: "Tidak, saya tidak boleh mengatakan kepada kamu, baik ataupun buruk, berteriaklah sesuka hatimu!"<sup>(110)</sup>

Aisyah berdoa: "Ya Allah s.w.t, bunuhlah orang yang menyakiti Uthman sebagai Qisas, lemparlah Astar dengan salah satu anak panahMu dan peluklah 'Imar kerana ia telah menjaga Uthman. Penulis menambah bahawa Aisyah berkata kepada Abu Aswad: "Wahai Abu Aswad, aku telah mendengar khabar bahawa Uthman bin Hanif mahu memerangiku!" Abu Aswad berkata: "Demi Allah, kerana kes pembunuhan Uthman itu akan mengambil-alih dirinya sebagai ketua-ketua suku."<sup>(111)</sup>

#### **(D) AISYAH R.A. MENDUDUKI BASRAH**

Dokumen atau surat-surat bersejarah di atas dan juga beberapa perwakilan, bukan menjadi masalah besar bagi

---

110- *Balaghah An-Nisa'* m/s 12 dan *Aqd Al-Farid*, jilid III, m/s 98

111- Imam Jafid, *Al-Bayan Wa Tabyin*, jilid II, m/s 209-210 dan dapat di lihat di *Al-Imamah Wa Siyasah*, jilid I, m/s 51

perbaikan sebagaimana yang ditawarkan oleh Aisyah. Walaupun demikian, Basrah yang penuh dengan penyokong Aisyah ini dikatakan bahawa Uthman bin Hanif sebagai Gabenor yang dilantik Ali bin Abi Talib r.a. merasa cemas terhadap permasalahan Aisyah.

Sebagai langkah berjaga-jaga, maka ia menolak kedudukan Aisyah untuk berdiam diri di Basrah. Ternyata Gabenor itu tidak boleh menunjukkan sikap murah hati terhadap Aisyah.

At-Tabari meriwayatkan bahawa Hisyam bin Amini masuk dan berkata kepada Uthman bin Hanif: "Wahai Uthman, masalah ini akan membawa kepada keburukan daripada yang kamu benci, kerana ini adalah perpecahan yang tidak boleh dibaiki dan dipaksa.

Oleh kerana itu, bermurah hatilah kepada mereka sehingga akhirnya ada sebarang keputusan (arahan) daripada Khalifah Ali r.a. dan jangan menyekat mereka. Ternyata Uthman bin Hanif tidak mempedulikan saranan Hisyam tersebut."

Lalu Uthman memanggil semua rakyat dan memerintahkan untuk berjaga-jaga dengan menghunus pedang dan berkumpul di masjid. Uthman akhirnya menerima mereka dan ingin mengetahui fikiran mereka, lalu salah seorang masuk ke tengah-tengah rakyat dan mempengaruhinya.

Ia berkata: "Wahai semua hadirin, saya adalah Khais bin Aqdiyyah Al-Hamisi. Bagi pendatang, jika mereka datang untuk mencari perlindungan maka mereka pun dibenarkan menghuni wilayah yang burung pun merasa aman di dalamnya.

Tetapi jika mereka datang untuk menuntut darah Uthman, maka kita bukanlah orang yang membunuh Uthman. Ikutlah sarananku dan paksalah mereka kembali semula kepada wilayah asalnya.”

Aswad bin Surai' Al-Sa'di berdiri dan berkata: “Apakah mereka menyangka bahawa kami adalah pembunuh Uthman? Tetapi jika mereka datang kepada kami untuk menuntut balas atas pembunuhan Uthman, maka mintalah kepada orang lain. Jika mereka keluar dari negaranya seperti yang saya sangka, maka siapakah yang akan melarang mereka? Rakyat atau negara?”

Mendengar perkara itu, rakyat berpaling darinya sehingga Uthman tahu bahawa Basrah memberi sokongan kepada mereka. Dengan serta-merta, dia menghuraikan perhimpunan itu.

Aisyah beserta penyokongnya sampai di tempat yang bernama Mirbad.<sup>(112)</sup> Kemudian mereka masuk dan menunggu Uthman serta orang-orangnya keluar. Rakyat Basrah hendak mengeluarkan Aisyah yang akhirnya bertemu dan berkumpul bersamanya di tempat mereka dengan penuh dukacita.

Thalhah berucap ketika akan sampai di Mirbad dan ia

---

112- Mirbad adalah satu tempat di wilayah Basrah yang pada masa sebelumnya dijadikan tempat transaksi jual beli unta (sebagaimana lazimnya pasar bagi masyarakat Arab baik sebelum mahupun sesudah Islam) namun pada perkembangan selanjutnya menjadi tempat orang ramai yang banyak dihuni oleh para pujangga.

didampingi oleh Zubair dan Uthman bin Hanif sebagai Gabenor Basrah. Sebelumnya Thalhaf memuji Allah s.w.t lalu memuji Uthman kerana jasa baiknya dalam mentadbir wilayah. Thalhaf juga menyeru untuk menuntut darah Khalifah Uthman dan berkata:

“Sesunggguhnya perkara itu adalah perbuatan yang dimuliakan oleh Allah s.w.t. Menuntut darah Uthman yang te ah teraniaya adalah salah satu sunnah Allah yang mesti ditegakkan. Jika kamu semua melakukan perkara ini, maka ianya benar dan jika kamu tinggalkan, maka kalian tidak mungkin menegakkan kekuasaan dan mengabaikan sistem peraturan yang ada.”

Lalu ucapan tersebut disambung oleh Zubair bin Awwam r.a. seperti berikut:

“Orang yang berada disisi kanan Mirbad itu berkata: Mereka berdua adalah orang yang dipercaya dalam berkata benar dan menyuruh kepada kebenaran. Orang yang berada di kiri Mirbad juga berkata: Mereka berdua adalah orang yang berkata khianat, dosa dan batil dan mereka memerintahkan perbuatan yang batil pula dimana mereka membai'at, datang dan berkata seperti apa yang telah mereka katakan sebelumnya yang selalu membuat kotor dan penyakit yang terus membawa kepada perselisihan.”

Dengan serta-merta Aisyah berucap dengan suara yang sangat lantang seperti suara wanita yang sangat agung. Sebelumnya dia memuji Allah dan berkata: “Rakyat telah menutup mata terhadap kes pembunuhan Uthman dan tertipu oleh para pengikut setianya.”

Mereka mendatangi di Madinah dan minta petunjuk

kepadaku tentang apa yang patut mereka lakukan. Mereka mendengar dengan baik tentang sarananku untuk melakukan perdamaian di antara mereka, maka aku menemui dalam hal itu kebebasan dan kejujuran serta dusta yang mereka selitkan dari apa yang diperlihatkan.

Setelah mereka gigih mengumpulkan kekuatan mereka lalu mengejek Uthman dan mengepung rumahnya. Mereka telah menghalalkan darah, harta dan wilayah yang haram, tanpa alasan yang jelas. Maka sebetulnya kita hendaklah mencari dan menangkap pembunuh Uthman serta segera menegakkan hukum Allah.” Aisyah meneruskan bacaan ayat Al-Quran yang berbunyi:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ  
يَدْعُونَ إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّى  
فَرِيقٌ مِّنْهُمْ وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

(ال عمران ٢٣)

*“Tidakkah engkau pelik memikirkan (wahai Muhammad) terhadap sikap orang-orang (Yahudi) yang telah diberikan sebahagian dari Kitab Taurat, mereka diseru kepada Kitab Allah supaya Kitab itu dijadikan hakim (mengenai perkara-perkara yang timbul) di antara mereka. Ahli-ahli satu puak dari mereka berpaling ingkar sambil menolak (seruan dan hukum Kitab Allah itu).”*

(A-li ‘Imraan: 3: 23)

Rakyat bercampur-baur dan panyokong Uthman bin Hanif pula terpisah menjadi dua. Pengikut yang pertama berkata:



*"Demi Allah Aisyah adalah benar dan datang dengan membawa kebaikan." Pengikut yang lain pula berkata: "Demi Allah kalian adalah orang yang bohong dan kami tidak mengerti apa yang kalian ucapkan."*

Akhirnya mereka saling mencaci-maki dan menyalahkan antara satu sama lain.

Saya (penulis) mempunyai data-data yang lebih lengkap mengenai tujuan mereka keluar, yang saya petik dari Imam Ibn Hadid. Ia banyak menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan mereka keluar, iaitu selain menuntut darah Uthman bin Affan, juga menghendaki perletakan jawatan Ali bin Abi Talib dan segera diadakan pemilihan khalifah.

Ketika kekacauan timbul akibat dari kenyataan yang diucapkan oleh Thalhah dan Zubair, maka Aisyah berteriak dengan suara yang tinggi dan berkata, "Wahai rakyat sekalian! Janganlah kalian banyak berbicara, segeralah diam." Setelah mereka diam, Aisyah segera berkata: "*Amir Al-Mukminin* (Uthman) telah diganti dan sebelum dia melakukan taubat, dia telah dibunuh secara kejam."

Kami tidak puas hati hanya kerana dia menggunakan tali pécut untuk memukul. Cara pemerintahannya keanak-anakan dan terlalu kasar. Mereka membunuhnya dengan cara haram, pada bulan yang haram dan negara yang haram seperti menyembelih unta. Ingatlah bahawa orang Quraisy telah menikam dengan anak panahnya dan menyumbat mulutnya dengan tangan dan pembunuhannya terhadap Uthman sama sekali tidak mempunyai pengaruh dan tidak menemui tujuannya.

Ingatlah! Demi Allah, itu merupakan cubaan yang akan mengingatkan orang yang tidur dan membangunkan orang yang sedang duduk dan jelas mereka digerakkan oleh orang yang tidak mempunyai belas kasihan dan selalu menawarkan seksaan yang amat pedih.

Wahai para hadirin, dosa Uthman itu bukanlah sesuatu yang menghalalkan darahmu yang boleh dihisap seperti kain yang sedang dicuci. Lalu kalian memusuhi dan membunuhnya setelah dia bertaubat dan keluar dari dosa-dosanya.

Kemudian kalian melantik Uthman tanpa bermusyawarah dengan rakyat dan ia merupakan kenyataan geram dan pemaksaan. Kalian menemuiku geram kepadamu kerana tali pecut Uthman dan mulutnya. Lalu apakah aku tidak geram kerana Uthman akibat pedangmu?

Ingatlah bahawa Uthman telah dibunuh dengan kejam, oleh itu tuntutlah siapa yang membunuh Uthman. Jika kalian telah menemui mereka maka bunuhlah dan serahkan masalah ini kepada Dewan Syura untuk diambil tindakan seperti orang yang telah membunuh Umar dan janganlah sampai orang yang berpakatan sulit dengan pembunuh Uthman duduk dalam Dewan Syura itu.<sup>(113)</sup>

Aisyah menyampaikan seruan ini di kalangan penyokong Uthman bin Hanif. Ketika Aisyah menemui hal itu, dia

---

113- Lihat pada *Syarah Nahjul Balaghah*, jilid II m/s 499 dan pada *Al-Imamah Wa Siyasah* jilid I, m/s 60

segera turun ke padang dan diikuti oleh orang-orang yang menentang Uthman bin Hanif sehingga akhirnya sampai di Mirbad, tepatnya pada tempat penyamakan kulit.

Penyokong Uthman bin Hanif saling berlawanan sehingga salah seorang lebih cenderung membela Aisyah, sedangkan yang lain tetap bersama Uthman bin Hanif. Uthman beserta penyokongnya menuju ke deretan yang berdampingan dengan masjid, iaitu di sebelah kanan tempat penyamakan dan mengumpulkan rakyat di hadapan masjid tersebut.

Demikianlah, ucapan Aisyah ternyata mampu menjadikan mereka terpisah menjadi dua golongan yang berlawanan antara satu sama lain. Semoga para cendekiawan yang mempunyai fikiran yang luas mampu membuka mata terhadap tuduhan tersebut dengan cercaan, penyelewengan dan kekacauan setelah banyaknya darah yang mengalir akibat perselisihan ini. Sehingga mereka mampu bergerak dari nasihat yang jelas dan kuat untuk mengadakan penolakan yang tidak mempengaruhi perjalanan intelektual mereka kelak.

Para pembaca hendaknya memperkecil terhadap sesuatu yang sengaja dibangkitkan oleh mereka kepada Aisyah dan penyokongnya. Imam At-Tabari menyebutkan bahawa Jar'iyah bin Hudamah As-Sa'di menerima saranan Aisyah dan berkata:

“Wahai *Ummu Al-Mukminin*, demi Allah s.w.t, pembunuhan Uthman bin Affan lebih mudah (ringan) daripada kamu keluar dari rumahmu dengan menaiki unta yang dilaknat dan mendatangkan berbagai persenjataan ini. Puan mempunyai perutup dan kehormatan dari Rasulullah s.a.w, maka

kuatkanlah penutup itu dan ketatkanlah kehormatanmu itu, kerana barangsiapa berperang denganmu maka ia juga membunuhmu. Jika kamu mendengar sarananku, maka pulanglah ke rumahmu dan jika mengabaikannya, maka mintalah pertolongan kepada orang lain.”

Seorang pemuda dari Bani Said menemui Thalhah dan Zubair serta berkata: “Wahai Zubair, engkau adalah penolong Rasulullah s.a.w dan engkau wahai Thalhah adalah penjaga Rasulullah s.a.w dan saya menemui bersama ibu kalian, apakah kalian datang dengan isteri kalian? Mereka menjawab: “Tidak.” Dia berkata lagi: “Jika begitu aku bukan golonganmu, lalu segera menyingkir dan berkata dalam syairnya:

*“Kalian telah menolong isteri kalian dan memajukan ibu kalian, ini merupakan kesedaran yang sangat sedikit bagi umur kalian. Ia diperintah dengan berjalan akhir di dalam rumahnya. Ia mencintai yang dibinasakan oleh pukulan. Anak-anaknya bermaksud memerangi selainnya dengan pahala, dosa dan pedang. Agar pagarnya telah dikuak oleh Thalhah dan Zubair orang yang memberi maklum balas dari mereka.”<sup>(114)</sup>*

Seorang pemuda berada di sisi Muhammad bin Thalhah (Muhammad adalah lelaki yang ahli ibadah), pemuda itu bertanya kepada Muhammad: “Sampaikanlah kepadaku siapa pembunuh Uthman itu? Muhammad menjawab : “Baik, pembunuh Uthman itu adalah terdiri daripada tiga

---

114- Ibn ‘Asakir, *At-Tahdib*, jilid V, m/s 359

golongan yang mengikut tiga orang tokoh. Pertama, Aisyah, kedua Thalhah dan ketiga Ali bin Abi Talib. Pemuda itu ketawa dan berkata: "Saya tidak ingin tersesat." Lalu dia menemui Ali dan berkata dalam bentuk syair:

*"Saya bertanya tentang orang yang merosak,  
yang ada di Madinah yang belum di kubur.  
Ia menjawab tiga golongan.  
Apakah mereka membunuh Uthman dan berilah  
contoh,  
Yang pertama adalah orang yang ada di sisi Aisyah,  
Kedua adalah penunggang unta merah.  
dan ketiga adalah Ali bin Abi Talib.  
Sedangkan kami terus menderita dengan penyakit,  
Saya berkata, saya telah benar terhadap orang-  
orang pertama dan kedua dan salah dalam orang  
ketiga yang semerbak."*

Masalah ini terhenti dalam konteks di atas kerana penyokong Aisyah sama sekali tidak ingin berperang, tetapi orang yang memulakan kejadian ini dan memulakan peperangan adalah golongan Uthman bin Hanif (boleh jadi sebahagian besar mereka adalah orang yang terlibat dalam pembunuhan Uthman).

Kedua pengikut yang berselisih ini telah diusir kepada puncak masalah ketiga, iaitu tentang Hakim bin Jabalah, salah seorang penyokong Uthman dan mempunyai pakatan sulit dalam pembunuhan beliau dan telah menimbulkan fitnah yang mencetuskan peperangan.

Bersamaan dengan ini pengikut Aisyah berusaha melarang dan menjauhi pertentangan. Mereka menyebarkan anak panahnya dan melarang pengikut Hakim tetapi sebelum

Hakim selesai ia telah memerangi mereka dan golongan Aisyah tetap melarangnya kecuali yang membahayakan mereka. Hakim tetap melakukan hasutan dan mengobarkan fitnah kepada mereka serta berkata: "Aisyah adalah orang Quraisy dan dia akan mengembalikan Aisyah pada sarangnya."

Kemudian mereka berperang di jalan yang rata dan salah seorang pengikut yang penuh dengan nafsu ini terus menyerang dengan membabi buta. Mereka melemparkan batu ke arah pengikut yang lain. Aisyah mengarahkan penyokongnya untuk mencari tempat perlindungan sehingga akhirnya mereka sampai di tanah perkuburan Bani Mazin dan mereka tinggal di sana. Menjelang waktu malam, Uthman pulang ke rumahnya dan rakyat kembali ke kabilah masing-masing.

Abu Jurba' (Salah seorang anak Uthman bin Malik bin Amru bin Tamim) datang kepada Aisyah, Thalhah dan Zubair dan menunjukkan tempat yang aman bagi mereka. Setelah meminta ditunjukkan arah, mereka mengikut arahan yang ditunjukkan.

Mereka melintasi kubur Bani Mazin dan mengambil jalan pintas Basrah dari arah Jabalah sehingga akhirnya sampai di tempat yang bernama Zabuq. Mereka datang ke kubur Bani Hasyim dan Aisyah berjaya ditangkap di Dar Ar-Rizqi dan mereka menginap sambil bersiap. Setelah pagi mereka sudah ada di tepi Dar Ar-Rizqi.

Pagi itu secara halus Uthman bin Hanif menolak mereka agar bergerak ke Basrah. Sedangkan Hakim bin Jabalah mencaci Aisyah sambil memegang anak panah. Dia ditanya oleh seseorang: "Siapakah orang yang kamu caci seperti

yang aku dengar ini? Dia menjawab: "Aisyah."

Lelaki itu bertanya lagi: "Wahai anak Qabbalih, bagaimana kamu berkata seperti ini pada *Ummu Al-Mukminin*?" Apabila mendengar itu, tanpa membuang masa Hakim terus memanahkan tombak ke arah dada orang tersebut lalu meninggal.

Setelah itu ia bertemu dengan seorang wanita dan bertanya: "Siapakah orang yang kamu paksa ini?" Ia menjawab: "Aisyah." Wanita itu bertanya lagi: "Wahai anak Qabbalih, bagaimana kamu berkata seperti ini kepada *Ummu Al-Mukminin*? Mendengar ucapan itu, ia terus membunuh wanita itu dan beredar dari tempat itu.

Ketika mereka sudah berhimpun, mereka terus berperang dengan penuh semangat dan dahsyat di Dar Ar-Rizqi bermula dari terbit matahari sehingga siang. Mangsa yang tewas sebahagian besar adalah dari pasukan Uthman bin Hanif, sedangkan mangsa yang luka atau cedera adalah seimbang di antara kedua pasukan tersebut.

Aisyah menyeru agar berhenti dari pertempuran, namun tidak dihiraukan oleh mereka sehingga akhirnya mereka ditimpa bencana yang sangat buruk. Golongan Aisyah berteriak menuntut perdamaian dan akhirnya mereka bersetuju.

Mereka mengadakan perjanjian dan menulis surat untuk melantik wakil dari pihak masing-masing dan pergi ke Madinah untuk bertanya kepada rakyat di sana tentang pembai'atan Thalhah dan Zubair kepada Ali bin Abi Talib r.a. Jika kedua orang itu tetap tidak mahu, Uthman bin Hanif akan mengeluarkan dan menghalau mereka dari Basrah.

Tetapi jika mereka bersedia, maka yang mesti keluar dari Basrah adalah Thalhah dan Zubair.

Akhirnya, perdamaian ditegakkan sambil menunggu maklum balas dari wakil-wakil dan kedua pasukan itu pun mematuhi kesepakatan perdamaian mereka. Inilah isi perjanjian yang dimaksudkan:<sup>(115)</sup>

#### **(E) BUTIR-BUTIR PERJANJIAN DAMAI<sup>(116)</sup>**

*Bismillahirrahmanirrahim*: Perjanjian ini dibuat oleh Thalhah, Zubair dan orang Mukmin yang menyokongnya dengan Uthman bin Hanif.

1. Uthman akan menegakkan perdamaian yang telah disepakati dan begitu juga Thalhah serta Zubair akan menegakkan perjanjian damai yang telah dipegang sehingga kedua belah pihak aman dan utusan mereka Ka'ab bin Syur datang dari Madinah.
2. Antara kedua belah pihak tidak boleh ada yang cedera sama ada di masjid, pasar, sungai dan di laut sehingga akhirnya Ka'ab datang membawa sesuatu berita.
3. Jika utusan sudah kembali dan keadaan rakyat menentang Thalhah dan Zubair, maka keputusan berada di tangan mereka berdua. Jika Uthman berkehendak, maka ia boleh keluar menemui tujuannya dan boleh masuk bersama mereka berdua.

---

115- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 481-483

116- *Aswaqul 'Arabi fi Al-Jahilyyah Wal Islam*, m/s 347 dan *Syarah Nahjul Balaghah*, jilid II, m/s 500



4. Apabila utusan kembali bahawa kedua orang itu tidak ditentang, maka keputusan berada di tangan Uthman. Jika Thalhah dan Zubair setuju, maka ia boleh berbai'at kepada Ali atau keluar mencari tujuannya sendiri.
5. Orang Mukmin adalah sahabat bagi orang yang beruntung dari kedua orang itu.

#### **(F) PEPERANGAN JAMAL DI MIRBAD TAMAT**

Dengan demikian, selesailah peperangan yang terjadi di Mirbad yang terkenal dengan 'perang Jamal Mirbad kecil'.

Ahli sejarah, Syeikh Abd Wahab An-Najjar menghubungkan setelah memetik petikan dari At-Tabari bahawa: "Dari peristiwa yang telah dibentangkan tadi jelas bahawa masalah itu tidak ditokok-tambah oleh mana-mana penyokong kecuali pelanggaran yang dilakukan oleh Ali."

Kedadaan berubah tanpa sistem dengan alasan Uthman bin Hanif yang menjadi Gabenor di negeri itu tidak diperintahkan untuk melakukan perjanjian dengan salah sebuah kumpulan orang Islam. Perjanjian tersebut tidak berpihak padanya dengan cara pemberian syarat yang membawa kepada kehancuran negara.

Lelaki itu telah melakukan sesuatu yang bukan kewajipannya. Jika terjadi sesuatu, dia tidak mampu melindungi sikap rakyat Basrah. Dia memiliki keinginan agar mereka taat kepada Ali bin Abi Talib. Pada pihak lain, Thalhah, Zubair dan Aisyah hanya ingin menegakkan had atau hukum keadilan di depan mata Imam (Ali), iaitu tuntutan ke atas darah Uthman bin Affan. Ia tidak

seharusnya melakukan gerakan kecuali taat kepada Imam.

Mereka adalah umat yang bertelingkah dan berbantah-bantah tanpa ada pemimpin. Barangsiapa yang mempunyai bai'at di bahunya, maka ia telah keluar dari Imamnya. Umumnya, bahwa rakyat menunggu satu kesepakatan yang mesti segera diadakan dalam satu perbincangan.

Salah satu kebingungan dalam pendapat ini adalah dibolehkan Hakim bin Jabalah untuk memulakan peperangan tanpa ada arahan dari pemimpinnya. Sedangkan melarang dianggap sebagai langkah positif bagi menjamin keamanan dan perdamaian.”<sup>(117)</sup>

Saya (penulis) berkata bahawa ketua-ketua suku Basrah banyak mengemukakan alasan seperti yang dibentangkan oleh ahli sejarah tersebut. Bahkan sebahagian mereka memandang penjelasan terhadap pakatan sulit mereka dalam kes pembunuhan Uthman bin Affan.

Pendapat itu tidak menjadi senjata yang mampu menembus aturan atau sistem rakyat bahkan yang ada pada masa lalu hanyalah berupa penyampaian yang tidak benar, terdorong oleh nafsu dan propaganda mereka sebagai sebahagian dari paradigma tertentu.

Saya (penulis) tidak tahu bagaimana kewibawaan Uthman bin Hanif (sedangkan dia sebagai Gabenor yang mempunyai tanggungjawab ke atas keselamatan rakyat

---

117- *Syarah Nahj Al-Balaghah*, jilid II, m/s 501 dan *Tarikh Al-Islam*, m/s 397

Basrah) dalam menahan gejolak sehingga menunggu arahan dan keputusan Ali bin Abi Talib.

Sedangkan rakyat semakin membaik seperti rakyat Basrah yang ingin menghuni Basrah dan menuntut pengawal orang-orang yang berada di Madinah untuk menuntut bela terhadap darah Uthman bin Affan.

Akan tetapi Imam At-Tabari akan memberi jalan keluar iaitu pemikiran yang membantah apa yang telah disampaikan oleh ahli sejarah di atas tentang Uthman bin Hanif. At-Tabari menetapkan bahawa Gabenor ini telah mengutus surat kepada Ali sejak awal, tetapi rakyat pada ketika itu sudah tidak boleh menanggung masa lalu mempercepatkan pertempuran senjata dalam peperangan.

Uthman telah berkata kepada mereka ketika datang ke Basrah: "Apa yang kamu inginkan dari sahabat-sahabatmu? Mereka menjawab: "Kami tidak menemui dalam masalah itu orang yang lebih utama bagi kami dan mengerjakan apa yang semestinya dikerjakan."

Uthman berkata: "Sesungguhnya lelaki ini adalah (Ali bin Abi Talib) telah memerintahkan kepadaku dan aku telah menghantar surat tentang apa yang kamu tuntutan kepadanya untuk tidak mempengaruhi rakyat sehingga akhirnya aku memperoleh jawapan darinya. Lalu mereka diam dan selang dua hari mereka bangkit dan mengadakan perang kepadanya."

Ketika berlaku fenomena ahli sejarah An-Najjar berkembang dan menyalahkan Uthman, maka saya memetik satu fakta sejarah yang menyatakan usaha-usaha untuk menyatukan seluruh rakyat dalam satu pandangan? Adakah selain Iraq

dalam catatan sejarah yang sangat panjang ada seorang pemimpin atau Gebenor pada hari itu.”

Jika dikaji akar permasalahan ini, satu yang boleh ditunjukkan pada Uthman adalah ketiadaan jawapan Imam dalam syarat perdamaian ketika pasukan unta Aisyah menuntutnya. Posisi Uthman secara hukum lebih kuat daripada diletakkan ke dalam permusuhannya.

Seandainya ia berbuat, nescaya ia akan menerima apa yang dia inginkan tetapi boleh jadi dia merasa lemah walaupun terdapat kekuatan yang didorong oleh kekuatan Aisyah. Penulis tahu bahawa itu tidak boleh dianggap ringan terhadap golongannya yang telah bertemu dengan Aisyah.

Dikaji dari aspek intelektualnya, dia tidak pernah memberikan kebijaksanaan itu sehingga masalah dikembalikan kepada rakyat Madinah di mana mereka tidak menjadikannya sebagai acuan atau rujukan lain, melainkan imam. Inilah salah faham yang telah mencemar pembai'atan dalam melemahkan perang Ali di negeri Iraq ketika itu. <sup>(118)</sup>

## **FASAL KEENAM**

### **(A) PENDUDUKAN PASUKAN UNTA DI BASRAH, PERJALANAN KAAB BIN SYUR KE MADINAH**

Ka'ab bin Syur menuju ke Madinah untuk mengesan dan mengenal pasti apakah tumpuan dan tujuan Aisyah. Di hari Jumaat yang cerah itu rakyat Madinah menyambutnya dan

---

118- *Tarikh At-Tabari*, jilid III, m/s 486

dia berucap pada perhimpunan rakyat seperti berikut: "Wahai rakyat Madinah, aku adalah utusan negara Basrah untuk kalian semua, apakah rakyat melakukan tekanan dan paksaan kepada dua orang ini (Thalhah dan Zubair) untuk membai'at Ali atau keduanya membai'atnya sendiri?"

Soalan tersebut tidak ada sebarang jawapan dari seorang pun kerana takut diserang. Bagaimanapun, akhirnya salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w, iaitu Usama bin Zaid yang dari awalnya diam kerana takut, memberikan jawapan: "Demi Allah s.w.t, keduanya membai'at (melantik) Khalifah Ali r.a. dalam keadaan terpaksa."

Kemudian Tamam bin Abbas, seorang Gabenor Madinah yang dilantik oleh Ali mengadu hal ini kepada Ali, lalu Sahal bin Hanif dan rakyat yang lain menendang Usama sehingga nyaris tersungkur. Seandainya Suhaib bin Hanan dan Abu Ayyub Al-Ansari yang merupakan sahabat Rasulullah s.a.w tidak meleraikannya. Ini kerana mereka bimbang Usama akan dibunuh, maka dikatakanlah kepadanya: "Ke tepilah kalian semua."

Setelah peristiwa itu, mereka pun beredar ke tepi. Suhaib membawa Usama masuk ke dalam rumahnya dan berkata: "Kamu sendiri tahu bahawa *Ummu Amir* adalah orang yang bodoh dan sebaiknya kamu tidak diam sahaja?" Usama menjawab: "Tidak, demi Allah, saya tidak berpendapat bahawa masalah ini dibangkitkan begitu sahaja dan saya bersungguh-sungguh akan mempertahankan sikap dan pendirian saya ini."

Ketika maklumat dari peristiwa di Madinah ini sampai ke telinga Khalifah Ali r.a, beliau sangat geram dan menganggap sikap Uthman bin Hanif sebagai Wali Basrah

adalah tidak baik. Oleh kerana itu, dia berhak melarangnya dari mereka. Lalu dengan nada memberi amaran, beliau menghantar surat kepada Uthman seperti berikut:

“Demi Allah, keduanya tidak dipaksa untuk menempuh jalan sendiri terhadap satu pengikut melainkan kepada rakyat keseluruhan. Jika keduanya berniat hendak melakukan pemecatan, maka tidak ada alasan bagi mereka, tetapi jika mereka menghendaki yang lain maka saya akan mempertimbangkannya.”

Dengan pulangnya Ka'ab, timbul masalah di antara kedua belah pihak di mana Thalhah dan Zubair telah melakukan pengkhianatan dan pelanggaran terhadap perjanjian damai sebelumnya dan telah melakukan hasad dengki terhadap diri mereka.

Salah seorang darinya adalah Muhammad bin Thalhah sebagai orang yang zuhud dan ahli ibadah telah berdiri di masjid dekat Gabenor Basrah iaitu Uthman bin Hanif dan ia khuatir terhadap polis (penjaga Baitul Mal) yang telah menangkapnya apabila ia datang ke masjid selain untuk melakukan solat. Thalhah dan Zubair berkata kepada Uthman: “Ini adalah pelanggaran yang pertama”<sup>(119)</sup>

### **(B) KEPULANGAN KA'AB BIN SYUR DAN KEENGGANAN UTHMAN BIN HANIF MENEPATI PERJANJIAN**

Ka'ab pulang ke Basrah dan menyampaikan kepada rakyat tentang apa yang menjadi jawapan rakyat Madinah. Sebagai

---

119- *Syarah Nahj Al-Balaghah*, jilid II, m/s 500

keputusan dari kesepakatan kedua belah pihak, maka Thalhah dan Zubair serta orang-orangnya mengarahkan Uthman bin Hanif untuk keluar dari Basrah.

Ini adalah permintaan yang sah dan mereka tetap menuntut isi perdamaian itu untuk ditepati. Namun apa yang terjadi, Uthman bin Hanif tidak menepatinya di mana hal ini terlibat dengan nada ancaman yang ada pada surat Ali yang ditujukan kepadanya. Ini membangkitkan bantahan dalam masalah ini terhadap Ali secara pribadi dan bukan kepada Uthman. Ini terbukti dengan kenyataan Ali seperti yang disebutkan di atas.

Kemudian Uthman mengemukakan alasannya kepada Thalhah dan Zubair dengan surat yang isinya seperti berikut: "Ini masalah lain dan di luar kes kita." Setelah itu, Thalhah dan Zubair mengumpulkan semua ketua suku pada suatu malam yang sangat dingin. Mereka menuju ke masjid dan menangguhkan solat Isyak, tetapi Uthman bin Hanif datang lambat.

Orang yang menjadi imam adalah Abdurrahman bin Atab. Mereka dijaga ketat oleh polis dengan membawa pedang dan diletakkan di tengah-tengah mereka. Setelah pasukan Jamal hadir, mereka membunuhnya dengan kejam. Mereka menangkap Uthman bin Hanif untuk diserahkan kepada Zubair dan Thalhah.

Setelah sampai, mereka sepakat mencarik wajah Uthman bin Hanif sehingga hanya tinggal sehelai rambut. Thalhah dan Zubair mengirimkannya kepada Aisyah dan menunggu jawabannya.

Aisyah merestui mereka membunuh Uthman. Aisyah

dimaklumkan oleh salah seorang perempuan dan berkata: "Wahai *Ummu Al-Mukminin*, semoga engkau diberi hidayah tentang masalah Uthman ini dan engkau menjadi sahabatnya semata-mata kerana Rasulullah s. a. w."

Aisyah memanggil utusan itu sambil berkata: "Tahanlah dia dan jangan dibunuh." Utusan itu berkata: "Seandainya aku tahu engkau memanggilku dalam masalah ini, nescaya aku tidak akan kembali." Mujasi bin Mas'ud berkata kepada mereka: "Bunuhlah Uthman dan cabut janggutnya." Orang ramai pun memukulnya sebanyak 40 kali, merobek kepala dan janggutnya serta kedua alis matanya, lalu memenjarakannya.

Setelah itu, Thalhah dan Zubair berucap: "Wahai rakyat Basrah, bertaubatlah kalian dengan peristiwa alahan kerana sesungguhnya yang kami kehendaki adalah mencela Uthman bukan membunuhnya, tetapi kehodohan dan murah hati telah menyelubungi rakyat sehingga mereka membunuhnya."

Rakyat menjawab soalan Thalhah dengan berkata: "Wahai Thalhah, suratmu yang datang kepada kami tidak seperti ini." Zubair bertanya: "Apakah kalian mendapat surat dariku tentang masalah Uthman?" Lalu Zubair menceritakan kisah pembunuhan Uthman, apa yang terjadi kepadanya dan menerangkan keburukan Ali. Namun di tengah ucapannya itu dia dibantah oleh seorang lelaki yang juga salah seorang keturunan Abi Qais dan berkata: "Wahai saudaraku, berhentilah dari bercakap dan berilah kami peluang untuk berbicara."

Abdullah bin Zubair bertanya: "Apa yang ingin kamu katakan?" Lelaki itu berkata: "Wahai golongan Muhajirin,



kalian adalah orang pertama yang mengikut Rasulullah s.a.w dan kerana itu kalian lebih berhak.”

Kemudian manusia yang lain mengikut jejakmu dalam menerima Islam. Setelah Rasulullah s.a.w wafat, kalian melantik salah seorang di antara kalian. Demi Allah, apa yang menjadi kes kalian semua kami relakan dan kami ikut. Semoga Allah memberikan berkat dalam kepimpinannya. Setelah beliau (khalifah pertama) wafat dan salah seorang di antara kalian dilantik menjadi khalifah berikutnya walaupun tanpa mesyuarat, kami tetap rela dan menyokongmu.

Setelah khalifah itu meninggal, maka pilihlah salah satu dari enam orang yang juga jawatankuasa yang dibentuk oleh Umar dan kalian telah sepakat memilih Uthman dan melantiknya tanpa mesyuarat, namun akhirnya mengingkari dan membunuhnya tanpa mesyuarat pula.

Kalian melantik Ali tanpa mesyuarat, apakah yang mendorong kalian untuk memberontak dan membunuhnya? Apakah hanya kerana mencari harta rampasan perang atau pekerjaan yang tidak dibenarkan? Atau perbuatan yang boleh dijadikan alat untuk kalian mengingkarinya sehingga kami bersama-sama kalian? Jika tidak kerana apa?”

Kemudian mereka sangat susah hati di atas kematiannya dan takut dengan adanya tuntutan balas dari keluarganya. Keesokan harinya mereka menyerang Ali serta para penyokongnya dan mereka berjaya membunuh 70 orang.

Kejadian ini melibatkan dua pengikut sama ada penyokong Ali mahupun Aisyah. Tiada yang lebih menghairankan orang yang berkata seperti perkataan orang tersebut atau yang terjadi kepadanya daripada masalah Thalhaf

sebelum atau sesudah pembunuhan Khalifah Uthman.

Ada kalanya dalam perkataan lelaki tersebut adalah perkataan yang benar tetapi juga bukan merupakan sesuatu yang dapat merubah kebangkitan rakyat yang sangat buta. Rakyat serta orang ini mampu mengalahkan 70 orang dan membawa kesan tersendiri, sehingga lebih bertambah marah dalam diri mereka. Tidaklah menghairankan apabila sesudahnya perkara ini membuat Ali dan pengikutnya marah.

Kemudian penyokong Aisyah dalam suatu malam berada di dalam Dar Ar-Rizqi. Mereka mengadakan jamuan makan malam yang dihidangkan oleh rakyat tempatan. Zubair dan anaknya disediakan hidangan khas. Abdurrahman bin Abu Bakar menjaga Baitul Mal setelah adanya perpecahan di antara mereka.

Setelah itu, pengikut yang saling berjiran dengan Basrah ini tidak mempunyai masalah yang pasti bahkan saling menunjuk kekuatan di antara keduanya. Tentu merupakan kesan negatif bagi kelompok yang lebih kecil untuk menegakkan keadilan terhadapnya.

Thalhah dan Zubair serta penyokongnya telah menguasai Baitul Mal dan orang-orang yang tidak sefahaman dengan mereka diliputi oleh rasa dendam dan takut, hingga mengumpulkan penyokong yang saling membara.

Melihat keadaan itu keduanya menghantar surat kepada Aisyah yang isinya seperti berikut: "Hakim bin Jabalah menjadi pemimpin golongan Abd Al-Qais yang telah menyokongnya. Orang-orang yang keluar daripada mereka adalah terdiri daripada golongan Rabi'ah.

Ketika mereka sampai di Dar Ar-Rizqi, hakim berkata: "Saya bukan saudara Ali apabila saya tidak menyokongnya." Dia terus mencela Aisyah dan ketika didengar oleh seorang yang menjadi penyokongnya, maka dia berkata: "Wahai putera yang buruk, apakah kamu lebih utama darinya? Mendengar scalan itu, dia menyakiti serta membunuh wanita itu seperti dalam peperangan sebelumnya dan mereka berkata: "Engkau telah melakukan aniaya seperti kelmarin dan apakah kamu akan memperbanyak hal ini sekarang? Demi Allah, kami akan menolakmu sehingga Allah membatasimu. Setelah itu, mereka meninggalkan Hakim seorang diri."

Hakim serta penyokongnya yang terdiri dari golongan Bakar bin Wa'il dan Abd Al-Qais berjalan menuju Dar Ar-Rizqi dan didatangi oleh Abdullah bin Zubair dan bertanya: "Wahai hakim apa yang terjadi denganmu?" Hakim menjawab: "Saya hendak menikmati hidangan ini dan berniat agar kalian mengasingkan Uthman yang telah menegakkan kes ini sesuai dengan apa yang kalian tulis sehingga mampu mengutamakan Ali."

"Demi Allah, seandainya aku menemui rakan setia, nescaya aku akan menyampaikan kepadamu, kepada mereka tentang masalah yang aku sokong sehingga akhirnya aku membunuh orang yang kalian bunuh."

"Jika kalian menyokong maka darah kalian halal bagi kami kerana kalian telah membunuh saudara sendiri. Apakah kalian takut kepada Allah dan apa yang menghalalkan kalian mengalirkan darah?" Zubair menyampuk dan berkata: "Darah Uthman."

Hakim bertanya: "Apakah orang yang kalian bunuh itu jelas

orang yang membunuh Uthman? Apakah kalian tidak takut kepada perbuatan dosa kepada Allah?”

Thalhah menjawab: “Aku tidak akan memberimu makanan ini dan kami tidak akan mengetepikan masalah Uthman bin Hanif sehingga akhirnya ia melepaskan Ali.” Hakim menjawab: “Sungguh demi Allah, kamu adalah hakim yang adil dan ketahuilah olehmu semua.”

Lalu dia berkata kepada penyokongnya: “Aku sudah tidak syak lagi tentang peperangan mereka dan barangsiapa yang masih ragu segeralah menyingkir.” Ketika pasukan unta menemui kes Hakim dan penyokongnya, maka Aisyah berkata: “Kalian jangan membunuh kecuali terhadap orang yang memerangimu dan barangsiapa yang bukan pembunuh Uthman, maka hindarilah dari kami.”

“Ini kerana kami hanya inginkan pembunuh Uthman dan bukan orang lain.” Setelah itu Hakim menyampaikan kenyataan secara terbuka tentang bermulanya peperangan dan ia tidak peduli terhadap seruan itu. Thalhah dan Zubair segera berkata: “*Alhamdulillah* kepada Zat yang telah mengumpulkan para pembela kami dari Basrah. Ya Allah, jangan Engkau tinggalkan seorang pun daripada mereka dan bunuhlah mereka.”

Maka terjadilah peperangan sengit yang sangat dahsyat di antara mereka. Mereka memilih empat pengikut yang masing-masing mempunyai pemimpin yang terdiri daripada pengikut Uthman iaitu Hakim di depan Thalhah, Zuraih di depan Zubair, Ibn Muhlis di depan Abdurrahman bin Atom, Harqus bin Zahir di depan Abdurrahman bin Haris bin Hisyam.

Kemudian Thalhah menghadapi Hakim yang disokong oleh

300 tentera. Hakim yang ketika itu sedang menghunus pedang berkata: "Aku akan menyapu mereka dengan bersih, memukul pemuda yang bermuka masam yang hidup berputus asa dan yang mempunyai bulu cantik."

Salah seorang memotong kaki Hakim. Hakim merangkak dan mengambil potongan kakinya lalu melemparkan kepada sahabatnya. Kaki itu terkena tubuh sahabatnya, lalu tersungkur. Kemudian membunuhnya dan ketawa sambil berkata dalam bentuk syair:

*"Ambillah dan jangan sia-siakan nya kerana aku masih mempunyai tangan dan aku boleh memanaskan dengan lututku, aku berkata kepada kakiku ketika ada masalah yang menimpaku, wahai kaki, kamu tidak akan aku sia-siakan kerana aku masih mempunyai tangan."*

Ketika mengatakan hal kepada Hakim yang berdiri dengan sebelah kaki dan pedangnya tetap digunakan untuk menebas mereka dan berkata: "Aku akan menentang kedua orang ini, Thalhah dan Zubair kerana telah melantik Ali dan berjanji taat kepadanya." (Namun) lalu mereka berperang menuntut darah Uthman. Mereka itu berbeza dengan kami, kerana kami adalah pemilik sah wilayah ini. Ya Allah, mereka berdua sama sekali tidak inginkan Uthman.

Ada seseorang yang berteriak, wahai orang yang buruk, bagaimana kamu berkeluh kesah ketika ditimpa bencana Tuhan dengan perkataan baik yang timbul darimu atau sahabat-sahabatmu dengan apa yang telah kamu kerjakan terhadap khalifah yang teraniaya dan apa yang menyebabkan kamu memisahkan rakyat. Apa yang

menyebabkan kamu mengalirkan darah dan harta? Semoga Allah menimpakan balaNya ke atasmu. Bangkitlah beserta orang yang telah menyokong kalian.”

Setelah kekuatannya pulih, dia segera bersyair semula:

*“Aku tidak akan membunuh Ali dengan telanjang,  
kerana akan membuat rakyat lari dan kebinasaan  
tidak akan membuka aibnya.”*

Kemudian seorang lelaki yang terluka kerana terkena tusukan tombak datang padanya ketika dia sedang menyandarkan kepalanya di atas mayat yang dibunuhnya dan bertanya, “Wahai Hakim apa yang terjadi padamu? Hakim menjawab, “Aku telah dibunuh.” Dia bertanya lagi, “Siapa yang membunuhmu?” Hakim menjawab, “Bantalku.” Lalu dia membawa 70 orang yang terdiri dari golongan Abd Al-Qais yang terbunuh semuanya.

Setelah terbunuhnya Hakim, pasukan unta (Aisyah) berniat membunuh Uthman bin Hanif sebagai langkah kedua dan ia segera berkata kepada mereka, “Apa yang kalian kehendaki, ingat! Sahal bin Hanif adalah Gabenor Madinah, jika kalian membunuhku, maka ia menolongku.” Tidak hairan apabila mereka segera menarik balik keinginan untuk membunuhnya kerana takut kehilangan sokongan di Madinah dan marah kepada orang-orang yang ada di Basrah dari golongan Ansar.

Lalu Aisyah mengutus seorang pemimpin wanita untuk menyingkirnya agar ia segera pergi dan tidak menghukumnya. Seramai 70 orang itu segera pergi dan menyingkir Uthman bin Hanif yang telah memerangi Uthman bin Affan dari golongan yang diasingkan. Mereka

tahu bahawa mereka tidak mempunyai tempat lagi di Basrah.

Dalam kejadian ini Hakim, anak dan saudaranya yang mengiringinya turut terbunuh, begitu juga Zuraih dan orang yang menyokongnya. Namun yang terlepas dari pembunuhan ini adalah Haris bin zahir dan segera ia mencari perlindungan kepada rakyatnya.

Di sini Aisyah memerintahkan apa yang telah mereka lalaikan untuk melakukan solat bersama rakyatnya yang dipimpin oleh saudaranya iaitu Abdullah bin Zubair. Sedangkan di Basrah, orang yang menjadi kepercayaan Zubair dan Thalhah sedang melakukan tunjuk perasaan dengan mengatakan, "Ingatlah, barangsiapa dari golongan kalian yang memerangi Madinah hendaklah datang kepada kami bersama-sama mereka."

Setelah didatangkan, mereka yang datang seperti anjing, mereka membunuh dengan kejam dan tidak seorang pun dari rakyat Basrah yang terlepas kecuali Harkus bin Zahir kerana penyokongnya dari golongan Bani Sa'id melarangnya.

Pasukan unta masih belum cukup dengan apa yang mereka lakukan dan ingin menambah korban (mangsa), malah mereka ingin melakukan qisas akibat terbunuhnya Uthman terhadap semua yang bermaksud ke Madinah agar tidak seorang pun yang tinggal dari mereka.

Lalu mereka segera menuju sasaran Ali yang mengharapkan Aisyah dalam kedudukan berkecuali. Jika (saya) sebagai penulis tidak mengatakan dia pemimpin pasukan unta, maka ia telah melarang salah satu dari

golongan Bani Sa'id tetapi tidak dilayan oleh Thalhah dan para penyokongnya.

Mereka tidak berlemah-lembut terhadap golongan Bani Sa'id kerana dianggap sebagai penyokong Uthman dan mereka berkata, "Kami akan menyingkirkan." Ini membuat golongan Bani Abd Al-Qais dan Bani Sa'id menjadi marah terhadap pembunuhan salah satu di antara mereka dalam kejadian itu. Orang-orang yang lari kepada mereka (yang dianggap berlawanan dengan Bani Sa'id) sebagai pengikut yang lebih cenderung untuk membela Ali.

Suasana semakin bercelaru dan sangat keruh sebaik sahaja Zubair dan Thalhah menyarankan rakyat untuk melaksanakan hak-hak mereka. Mereka berdua mengagungkan orang-orang yang patuh dan taat (tentunya dari golongan mereka sendiri). Manakala mereka singkirkan keutamaan dari golongan Abd Al-Qais, maka mereka mulakan dari golongan Abd Al-Qais dan Bakar bin Wail segera pergi ke Bait Mal dan rakyat menyokong serta membenarkan tindakan itu.

Kemudian mereka keluar sehingga sampai ke barisan Ali. Demikianlah sejarah kekuatan yang menjadi kekuatan tambahan bagi golongan Ali.

Adapun Aisyah yang sudah tidak boleh dinafikan faktanya dalam politik dan berusaha untuk merubah gaya politiknya bagi menarik minat orang yang tidak berubah simpatinya. Ia berupaya untuk membuat ganti rugi sahabat-sahabat yang telah berpaling dan berpihak kepada Ali dengan keadaan geram bahkan menarik sokongan ke barisannya dari ketua-ketua suku, walaupun yang telah berpaling tadah dari politiknya.



Di tengah-tengah kejadian ini, ia terus berucap ketika berada di Basrah dan didampingi oleh Ahnaf bin Qais, Musa, Thalhah dan para ketua-ketua suku Arab lainnya. Kemudian dia berkata:

*"Sebenar-benarnya aku mempunyai kewajipan umum dan hak memberikan amaran yang dibenarkan oleh semua orang kecuali yang melakukan maksiat kepada Allah.*

*Rasulullah s.a.w telah memegang sisi di antara kedua leherku, urat nadi, dahi, bahu dan aku adalah salah seorang di antara isterinya. Kerana penjagaan Allah telah menjagaku dari segala sesuatu dan segala kesempitan. Denganku dibezakan keimanan dan kemunafikan serta melaluiku kalian dimudahkan dalam sebutan ayah.*

*Ayahku adalah urutan yang kedua dari dua dan keempat dari empat orang Islam dan orang pertama didengar dengan sebutan As-Siddiq (dipercaya). Nabi s.a.w telah merestuinnya dan ia tumbuh menjadi seorang khalifah. Ketika tali agama ini menghadapi cubaan, ia segera memperbaikinya di antara kalian semua. Dia membasmi kemunafikan dan menumpas kemurtadan yang berleluasa serta memadamkan propaganda yang dilancarkan oleh orang Yahudi.*

*Sekarang kalian hanya melihat musuh dengan mata dan hanya mendengar jeritan tangisan. Sekarang perbaikilah perpecahan dan tambahlah aliran air ini dan cabutlah dari sarangnya serta keluarkan*

*simpanan yang dipendam ini sehingga akhirnya Allah s.w.t merendahkan apa yang menjadi sasaran operasi orang munafik dan dengan cerdas memerangi orang-orang Musyrik.*

*Ia adalah ayahku, beliau orang yang menyingkap malam dalam menolong Islam, pemaaf terhadap orang-orang jahiliyah yang jauh dari memukul pinggul, menggosok penyakit yang ada di rusuknya atau serangga perempuan dan tetap dalam jalan orang-orang yang terdahulu.*

*Semoga Allah melindungiku dari cacian orang yang sering menghembuskan api fitnah dan memecah isi yang ada dalam Al-Quran. Adapun permasalahan yang aku hadapi (sama sekali aku tidak mencari dosa dan mengobarkan fitnah yang kalian pendam). Ingatlah! Aku menuntut darah khalifah yang teraniaya adalah kerana 4 faktor:*

- 1- Kerana kehormatan Islam*
- 2- Kerana kehormatan Khalifah*
- 3- Kerana kehormatan sahabat*
- 4- Kerana kehormatan bulan Haram (bulan-bulan yang diharamkan berperang). Barangsiapa yang menolakku kerana alasan yang jelas dan benar maka aku akan menerimanya, tetapi bila tidak maka aku akan memeranginya. Maka akan jelaslah siapa yang berlaku zalim terhadap orang yang dizalimi dan akibat yang ditimbulkan bagi orang-orang yang bertaqwa kepada Allah (saya berkata dengan*

*penuh kejujuran, adil dan hujah-hujah yang logik dan semoga Allah melimpahkan rahmatNya kepada Muhammad yang dijadikan sebagai pemimpin terbaik bagi umat Islam).*”

Ucapan yang bernas dan bersemangat itu dijawab oleh Ahnaf: “Aku adalah orang yang memohon budi baikmu dan apabila dianggap kasar ke atasmu untuk tidak sakit hati kepada Ali dan apakah kamu pada zaman Nabi s.a.w pernah keluar rumah untuk tujuan seperti ini?”

Dia menjawab: “Tidak.” Dia ditanya lagi: “Apakah pada zaman Nabi s.a.w puan pernah luput dari kesalahan?” Dia menjawab: “Tidak.” Ahnaf berkata: “Puan memang benar, Allah s.w.t meredhai untuk tinggal di Madinah tetapi puan tidak mahu pergi ke Basrah. Allah s.w.t memerintahkan puan untuk tetap tinggal di rumah NabiNya, tetapi puan pergi ke rumah yang penuh dengan kemarahan dan kekasaran. Ingatlah wahai *Ummu Al-Mukminin!* Apakah puan mendahulukan perang atau perdamaian?”

Beliau menjawab: “Perdamaian.” Kemudian dia berkata: “Demi Allah, jika aku telah mendahulukan tetapi di antara mereka hanya bunyi selipar dan batu kerikil yang menjadi jalan penyelesaiannya, maka apakah tidak pantas apabila pedang berada di bahu mereka? Sesuatu yang sebelumnya tidak dijangka, akhirnya timbul dari dirinya yang terlepas dari kawalan.”

Beliau r.a. berkata lagi: “Sopan santun Ahnaf telah terkubur dan mereka dijadikan untuk menyerangku dan aku hanya mengadu kepada Allah tentang kederhakaan anak-anakkku.”

Thalhah dan Zubair akhirnya berdiri dan dibai’at oleh rakyat

Basrah. Mereka berdua diminta untuk menjelaskan kes sebelum kesimpulan penyempurnaan pengantar kata-kata Aisyah. Diriwayatkan oleh At-Tabari bahawa ketika mereka dibai'at, Zubair berucap sebagaimana berikut:

*“Ingatkah kamu ketika aku berangkat menuju kepada Ali bersama 1000 pasukan berkuda, sama ada siang atau malam aku hanya akan membunuh Ali sebelum ia menyerang kami? Tetapi tidak seorang pun mahu menerimanya. Lalu dia berkata: “Ini tidak lain adalah fitnah yang disebarkan olehnya kepada kami.”*

Akhirnya mereka hanya berdua bersama-sama dengan penyokongnya dan tidak seorang pun rakyat Basrah yang menerimanya kecuali Harqus bin Zahir. Mereka menulis surat yang menjadi kes kepada rakyat Syam dan Madinah juga Yamamah dan Kufah. Di sini tidak ada maksud untuk membentangkan secara keseluruhan tetapi saya (penulis) akan memberi catatan secara umum tentang isi surat yang telah dikirim oleh Aisyah kepada rakyat Kufah serta utusan mereka yang isinya seperti berikut:

*“Amma ba`du, Aku hanya mengingatkan kalian kepada Allah dan Islam. Tegakkanlah Kitab Allah sesuai dengan apa yang ada di dalamnya, bertaqwalah kepada Allah, berpegang teguhlah dengan tali Allah dan hiduplah kalian bersama Kitabnya. Aku pergi ke Basrah hanya kerana ingin mengajak kalian kepada Kitab Allah dengan melaksanakan perintahNya dan yang menjawab seruan orang-orang yang soleh, sedangkan orang-orang yang tidak mempunyai niat baik hanya menyambut kami dengan pedang. Mereka menjawab: “Tentu kami akan mengikutimu tentang Uthman yang hanya merupakan usaha mereka untuk mensia-*

siakan peraturan Allah. Pada dasarnya mereka melencong, bersaksi dengan kekafiran dan mereka berkata kepada kami dengan mungkar. Oleh kerana itu kami akan membacakan kepada mereka ayat yang berbunyi:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ  
يُدْعَوْنَ إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّى  
فَرِيقٌ مِّنْهُمْ وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

(آل عمران ٢٣)

*"Tidakkah engkau pelik memikirkan (wahai Muhammad) terhadap sikap orang-orang (Yahudi) yang telah diberikan sebahagian dari Kitab Taurat, mereka diseru kepada Kitab Allah supaya Kitab itu dijadikan hakim (mengenai perkara-perkara yang timbul) di antara mereka. Ahli-ahli satu puak dari mereka berpaling ingkar sambil menolak (seruan dan hukum Kitab Allah itu)."*

(A-li 'Imraan: 3: 23)

Sebahagian mereka mengikut aku dan di antara mereka mengkhianatiku, aku akan meninggalkan mereka dan masalah itu. Salah seorang dari mereka sesuai dengan sikapnya yang pertama dan tidak mampu melarang hal itu dari meletakkan pedang di antara sahabat kami dan Uthman bin Hanif hanya menyangka mereka akan membunuhku sehingga Allahlah yang akan melarangku melalui orang-orang yang soleh. Tentu tipu daya mereka akan kembali kepada mereka sendiri.

Aku telah tinggal selama 22 hari di mana kami terus

mengajak untuk kembali kepada Kitab Allah dan menegakkan peraturannya agar menahan darah dari ditumpahkan dan bukan menghalalkan darahnya. Tetapi mereka tidak mahu dan mereka memberi alasan dengan sesuatu peristiwa yang telah berlalu dan kami bersedia menerimanya.

Mereka takut serta rugi dan Allah tetap akan mengumpulkan kekuatan yang membela darah Uthman. Aku mamimpin mereka tetapi tidak seorang pun yang selamat kecuali hanya seorang. Kami dibantu oleh Allah dan dijaga dari mereka melalui Amir bin Mursyid, Mursyid bin Qa'is dan ketua-ketua suku golongan Mursyid.

Mereka sepakat untuk rela kecuali terhadap para pembunuh Uthman bin Affan sehingga akhirnya Allah s.w.t sahaja yang akan mengembalikan haknya. Janganlah kalian bermusuhan dengan pengkhianat, jangan menegah mereka dan janganlah kalian rela terhadap orang-orang yang masih mempunyai kewajiban kepada Allah sehingga kalian terjebak dalam golongan pengikut yang berbuat zalim.”

Aisyah juga menghantar surat kepada ketua-ketua suku mereka dengan menyebut namanya yang isinya seperti berikut:

“Tegahlah rakyat sama ada dalam menolong mahupun membelakangi mereka dan duduklah dalam rumah kalian, kerana mereka tidak rela terhadap apa yang mereka lakukan kepada Uthman bin Affan. Berpisahlah dari kumpulan rakyat itu dan bersumpahlah kepada Kitab Allah dan Sunnah sehingga mereka bersaksi kepada kami tentang apa yang kami perintahkan dan kami mendorong

kepada mereka untuk menegakkan kitab Allah dan peraturanNya dengan kekafiran dan juga mereka berkata mungkar kepada kami.”

Tetapi ucapan tersebut boleh dibantah dan diagungkan oleh orang yang soleh dan mereka berkata: “Apa yang menyebabkan kalian rela dalam membunuh khalifah sehingga kalian keluar kepada isteri Nabimu, apakah ia menyuruhmu dengan sesuatu yang benar untuk membunuhnya, sahabat-sahabat Nabi dan pemimpin-pemimpin umat Islam?

Mereka dan Uthman bin Hanif serta para penyokongnya menyangka bahawa orang yang mengikut mereka adalah orang hodoh dan kumpulan pengacau suku bangsa sehingga kami akan memisahkan mereka dari khemah. Kebiasaan itu berlangsung selama 36 hari di mana kami terus mendorong mereka pada kebenaran dan jangan merubah antara kami dan kebenaran.

Mereka ditimpa rasa dingin ketika diserang dengan beberapa alasan tetapi mereka tetap tidak mengetahui kebenaran dan tidak sabar akan hal itu sehingga di akhir malam, mereka mengintai untuk membunuh kami, sedangkan orang yang memerangi mereka terlepas begitu sahaja. Mereka tidak marah sebelum mereka sampai di pintu kami yang ditunjukkan oleh pengintai kepada kami.

Lalu dengan cara menyerang mereka menemui pintu kami yang di antaranya adalah `Amir bin Mursyid, Mursyid bin Qais, Yazid bin Abdullah bin Mursyid, pengikut Mursyid dan ketua-ketua sukunya dan mereka saling mengepung.

Mereka bertemu dengan pengikut umat Islam dan mereka

membunuhnya. Allah s.w.t telah mengumpulkan hati rakyat Basrah dari apa yang telah ditancapkan oleh Zubair dan Thalbah kepada mereka. Kemudian jika kami membunuh dengan alasan menuntut bela, maka sesungguhnya kami hanya mempertahankan diri.

Peristiwa ini terjadi pada tarikh 15 haribulan Rabi'ul Awal tahun 36 Hijrah. Pada bulan Jamadil Awal, Ubaid bin Ka'ab menyatakan bahawa dari surat Aisyah ini menjelaskan bahawa mereka tidak terlibat dalam gerakan pengacau dan mereka bersiap-sedia menyerang Aisyah.

Saya (penulis) tidak akan membincangkan persiapan ini kecuali sesuai dengan apa yang telah ada dalam suratnya dan apa yang dibawa oleh penyokongnya ke negara Syam. Menurut maklumat Imam At-Tabari isi surat itu adalah seperti berikut:

“Kehendak rakyat Basrah telah membeli’at kami dan kami melemahkan dan membelakangi keburukan mereka, tetapi mereka menolak kami dengan pedang dan mereka berkata: “Kami mengambil *Ummu Al-Mukminin* sebagai taruhan untuk menyuruh dan memerintahkan kepada kebaikan dan Allah s.w.t memberikan mereka Sunnah umat Islam secara perlahan-lahan.”

Rakyat itu dihiasi oleh sukacita dalam pendudukan mereka terhadap Basrah dan kejayaan mereka dalam mengusir dan menghalau Gabenor serta membunuh mereka yang membunuh Uthman. Dengan tergesa-gesa Aisyah menyangka bahawa masalah ini akan berakhir dengan sempurna sehingga ia melupakan kegembiraannya dengan mengirim surat kepada Hafsah binti ‘Umar di Madinah yang isinya seperti berikut:



*“Amma ba`du, aku akan mengkhabarkan padamu bahawa Ali telah sampai di Zu Al-Qarin dan ia diliputi dengan perasaan takut terhadap perlawanan penyokong kami. Dia berada di atas kuda sehingga jika kamu maju, maka akan terluka dan jika mundur juga akan terluka.”*

%%%%%%%%%



**3**

**PERANG JAMAL:  
SATU FITNAH YANG BESAR**



## FASAL PERTAMA

### (A) PERJALANAN KHALIFAH ALI R.A. KE KUFAH: TENTANG SURAT DAN PERJALANANNYA

**K**ita teruskan lagi kisah pemerintahan Khalifah Ali setelah menghuraikan panjang lebar tentang penyelesaian persoalan sekitar pasukan unta (Aisyah dan penyokongnya) sejak keluar dari Mekah dan berjaya menguasai Basrah dengan segala propagandanya ke berbagai penjuru negeri.

Pembaca tentu sedia maklum bahawa Khalifah Ali keluar dari Madinah untuk menyerang pasukan unta. Mereka tinggal di Ribdah setelah perjalanan mereka tiba di Basrah bukan di Kufah kerana mereka takut tinggal di Kufah. Ketika perisik mereka mengetahui tentang tujuan itu, maka Ali menyatakan: "Sesungguhnya penduduk negeri Basrah lebih mencintai diriku kerana di sana terdapat tokoh-tokoh bangsa Arab dan para intelektual."

Ketika Ali berada di Ribdah, Ali ditemui oleh utusan suku-suku yang terdiri dari suku Tha'iy, iaitu Bakar bin Wa'il dan Asad, di mana kelompok ini pada mulanya adalah komuniti yang menyokong pembelaan, namun seterusnya menentang beliau setelah Ali keluar dari tempat itu.

Mereka layak mendapat pujian serta kehormatan. Ketika kelompok itu mendatangi Ali, sambil mencari muka menyatakan: Ini adalah kelompok Tha'iy yang mendatangi di antaranya adalah kelompok yang ingin keluar berperang bersama-sama denganmu dan kelompok yang akan menyelamatkan serta melindungi dirimu. Ali menjawab: "Semoga Allah membalas kalian dengan

kebaikan dan memuliakan orang yang berjuang daripada orang yang duduk-duduk sahaja dengan mendapat pahala yang besar.”

Setelah penyokong Aisyah masuk menemuinya, dengan serta-merta Ali berkata: “Apa yang kalian perlihatkan kepadaku?” Penyokong Aisyah menjawab: “Kami memperlihatkan dengan apa yang kamu suka.” Ali menyatakan: “Semoga Allah membalas kalian dan sungguh kalian masuk Islam dengan selamat, memerangi kaum murtad dan menyerahkan sedekah kalian kepada umat Islam.”

Mendengar itu salah sebuah kelompok Tha’iy yang bernama Sa’id bin Ubaid bangkit dan berkata: “Wahai *Amir Al-Mukminin*! Sesungguhnya sebahagian dari manusia itu mulutnya mengucapkan sesuai dengan apa yang ada dalam hatinya dan demi Allah semua yang kami temui dalam hati kami adalah gambaran yang ada dalam lisan kami dan kami akan terus berhati-hati dan hanya kepada Allah sahaja kami memohon pertolongan hidayah.”

Di sini aku akan menjelaskan kepada kamu sama ada yang bersifat rahsia mahupun yang umum. Aku akan membunuh musuhmu dalam seluruh negeri. Aku melihat kebenaran dalam dirimu yang tidak pernah aku temui pada orang lain yang sezaman denganmu kerana keutamaan dan kekerabatanmu.”

Ali menjawab: “Sungguh sesuai lisanmu dengan apa yang ada dalam hatimu.”

Motivasi untuk berjaya timbul dari peribadi Ali, ibarat memburu haiwan sehingga semangatnya bertambah kuat

setelah berjaya melawan Muawiyah dan Aisyah dalam pasukan Jamal. Setelah kembali ke Madinah, dia segera mendapatkan apa yang diinginkan, mulai daripada haiwan sebagai kenderaan, senjata dan jawatan kekuasaan dan selanjutnya berucap di hadapan rakyatnya yang mana isinya seperti berikut:

“Sesungguhnya Allah s.w.t telah memuliakan kita dengan Islam, meninggikan kita dan menjadikan kita bersaudara dengan Islam setelah kehinaan dan kebencian. Dengan itu masyarakat menjadi tenang dengan apa yang dikehendaki oleh Allah iaitu Islam sebagai agama mereka, kebenaran di pihak mereka dan Al-Quran menjadi panduan mereka hingga akhirnya Uthman mendapat bencana melalui tangan orang-orang yang telah dipujuk rayu oleh syaitan untuk memecah-belahkan umat ini, sehingga umat ini akan berpecah seperti umat sebelumnya.”

“Aku memohon kepada Allah dari keburukan yang akan terjadi dan kalian sudah mengetahuinya sendiri. Oleh itu, pertahankanlah agama kalian, mintalah hidayah atas pertolongan Nabimu s.a.w dan ikutlah sunnahnya. Apa yang telah disampaikan oleh Al-Quran, kalian hendaklah tetapkan dan jauhi apa yang dilarang serta relakan kepada Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama, Muhammad s.a.w sebagai Nabi kalian dan Al-Quran sebagai peraturan dan panduan hidup.”

Ali merasa senang hati dengan apa yang disaksikan di Ribdah ketika banyaknya masyarakat yang menyokong gerakan politiknya, tetapi ketika ia hendak keluar dari wilayah Ribdah salah satu pendukungnya yang bernama Rifa'ah bin Rafi' bangkit dan berkata (dalam bentuk dialog).

Adapun dialognya adalah seperti berikut:

Rifa'ah: "Wahai *Amir Al-Mukminin*, apa yang tuan inginkan?  
dan ke mana engkau akan membawa kami?"

Ali: "Apa yang kami inginkan adalah perdamaian, itupun  
jika mereka mahu menerima."

Rifa'ah: "Jika mereka tidak mahu menerimanya?"

Ali "Kami akan tanyakan alasannya dan kami memberikan  
hujah tentang perlunya kebenaran serta sifat sabar."

Rifa'ah: "Jika mereka tidak mahu?"

Ali "Kami memanggil mereka, kami nasihati tentang apa  
yang mereka lalaikan kepada kami."

Rifa'ah: "Jika mereka merasa lalai dan tidak merasa  
meninggalkan kita?"

Ali "Kami perlu menapis mereka."

Rifa'ah: "Baiklah, jika tuan demikian."

Dialog tersebut menunjukkan bahawa, tanpa disedari Ali telah mendedahkan rahsia kebijaksanaan politiknya yang sepatutnya dirahsiakan, seperti yang pembaca sedia maklum, perkara mustahak ini merupakan amalan terpuji dan murah hati tetapi di sebalik itu adalah sistem pentadbiran yang sudah terkoyak-koyak sehingga mudah diketahui musuh.

Al-Hujjaj bin Ghaziah Al-Anshari berdiri sambil berkata:

“Sungguh aku telah rela kepadamu seperti kamu rela kepada kami dengan suatu kenyataan. Lalu Al-Hujjaj bin Ghaziah Al-Anshari bersyair yang berbunyi:

*“Dia akan mencapainya sebelum lalai. Larilah dan namakanlah bersama kami seperti suara. Aku tidak peduli terhadap diriku meskipun harus mati.”*

Demi Allah, aku akan membantu (Allah) seperti yang Dia berikan kepadaku, iaitu gelaran Ansar (penolong Allah).

Di dalam pasukan Ali, terdapat orang yang betul-betul menolong secara murni dan hatinya penuh dengan kerinduan untuk bertemu dengan orang-orang yang tidak sealiran dengannya, sehingga gigi dan pedangnya lebih dijaga daripada mengalirkan darah.

Akan tetapi, ini hanya terjadi ketika dia berada di Ribdah dan Basrah bersama-sama dengan Uthman bin Hanif yang telah dicabut rambut dan janggutnya dan berkata kepada Ali: “Wahai *Amir Al-Mukminin*, sewaktu tuan menyuruhku, aku masih dalam keadaan berjanggut tetapi sekarang ketika mendatangi tuan, aku bagaikan seorang pemuda (tanpa janggut).”

Ali menjawab: “Kamu telah mendapat pahala dan kebaikan kerana orang yang memimpin masyarakat sebelumku adalah dua orang lelaki yang mengamalkan kitab Allah. Ketika mereka dipimpin oleh orang yang ketiga mereka berkata dan mengerjakannya. Lalu dibai’at oleh Thalhah dan Zubair dan keduanya membatalkan bai’at kepadaku dengan mengumpulkan orang ramai.”

Apa yang paling meninggalkan kesan padaku adalah



sckongan rakyat kepada Abu Bakar dan Umar serta penolakan mereka kepadaku. Demi Allah, mereka berdua telah mengerti bahawa aku bukan orang yang seperti itu. Ya Allah, halalkanlah apa yang mereka sepakati dan janganlah Engkau benci terhadap apa yang mereka putuskan serta keburukan yang mereka lakukan.

Khalifah Ali memberi syarahan di Zu Al-Qarin kepada para penyokongnya: "Inilah orang yang setia daripada kalanganku dalam keadaan berjanggut tetapi pulang dalam keadaan tidak berjanggut."

Setelah selesai dan keluar dari Ribdah bersama 760 pasukan, dipimpin oleh Abu Laili bin Umar bin Jarrah pembawa bendera adalah Muhammad bin Hanifah dan di sebelah kanannya Abdullah bin Abbas dan sebelah kirinya adalah Umar bin Abi Salamah. Dalam ekspedisi itu, Ali menunggang unta berwarna merah yang diheret oleh kuda sambil bersyair:

*"Berjalanlah dengan burung Ababil dan anjurkanlah perjalanan ini, ketika perjalanan ini sudah dikehendaki maka berkatalah tentang kebaikan hingga mereka menemui dan menyesuaikan kebaikan yang telah diperangi oleh Thalhah dan Zubair."*

Ali menuju Zu Al-Qarin, dalam perjalanannya, ia kurang mendapat maklumat tentang peristiwa yang berlaku, lebih-lebih lagi maklumat tentang rakyat Kufah yang sangat mustahak baginya. Imam At-Tabari meriwayatkan bahawa Ali bertanya kepada Amir bin Mathar (salah satu puak Syaiban) tentang peristiwa yang terjadi, lalu Amir bin Mathar memaklumkan kepada Ali.

Ketika ditanyakan tentang Abu Musa, ia menjelaskan: "Sekiranya yang diinginkan adalah perdamaian maka Abu Musa akan menyokongnya tetapi jika yang diinginkan peperangan maka Abu Musa tidak menyokongnya."

Ali menyatakan: "Apa yang aku inginkan hanyalah perdamaian hingga akhirnya ikut bersamaku lagi." Dia menjawab: "Aku telah memaklumkan dengan sebenar-benar maklumat." Mendengar penjelasan itu Ali terdiam.

Ketika kes yang terjadi di Basrah dan kes yang menimpa Uthman bin Hanif sampai kepada Ali, beliau bangkit lalu berucap kepada rakyat yang menjadi penyokongnya: "Ya Allah, selamatkanlah aku dari pembunuhan umat Islam yang dikobarkan oleh Thalhah dan Zubair serta selamatkanlah kami daripada mereka."

Peristiwa peperangan pasukan unta ditentang keras oleh Hakim bin Jabal dan pengikutnya yang memberontak atas nama khalifah dan Hakim bin Jabal menyatakan sikapnya: *Allahu Akbar*, apa yang menyelamatkan aku tentang Thalhah dan Zubair, jika pemberontakan mereka benar atau menyelamatkan mereka? Lalu Hakim bin Jabal membaca ayat yang berbunyi:

مَا أَصَابَ مِنْ مُّصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ  
إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّن قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى

ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٢٢﴾

(الحديد ٢٢)

*"Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya, sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah."*

(Al-Hadiid: 57: 22)

Seterusnya Hakim bin Jabal menetap di Zu Al-Qarin dalam usaha menyelesaikan persoalan bagi mencapai kemuafakatan pendapat di antara puak-puak yang bertelingkah.

## **(B) PERJALANAN DAN PERWAKILAN ALI R.A. KE KUFAH**

1. Surat Ali r.a. kepada penduduk Kufah, ketika ia berada di Ribdah.

*"Bismillahirrahmaanirrahiim, amma ba'du. Seterusnya saya telah menawarkan kepada kalian tentang apa yang saya tahu bermula dari kecintaan dan kesenangan kalian kepada Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang mendatangiku dan menolongku maka ia telah menyahut kebenaran dan menerapkan apa yang menjadi fakta sebenar."*

Beliau juga mengirim surat dari Ribdah kepada mereka kerana telah lari dan keengganan untuk menolongnya. Orang yang memberi amaran kepada mereka adalah Muhammad bin Abu Bakar dan Muhammad bin Abu Ja'far, yang isinya sebagaimana berikut:

*"Saya telah menawarkan kepada kalian di berbagai penjuru dan menolongmu apa yang terjadi, oleh kerana itu jadilah*

kalian sebagai penolong agama Allah dan bangkitlah bersama-sama kami. Itu semua kerana hanyalah perdamaian yang kami tempuh untuk mengembalikan umat ini ke dalam tali persaudaraan.

Barangsiapa menyukai dan mengamalkan perkara ini, maka tentu ia suka akan erti kebenaran. Barangsiapa yang membencinya, maka ia telah membenci dan mengaburkan kebenaran itu sendiri.”

Setelah dua utusan itu sampai di Kufah, keduanya datang kepada Abu Musa dan menyerahkan surat Ali dan meminta agar rakyat menyokong Ali. Tetapi permintaan kedua orang tersebut tidak mendapat sambutan.

Dalam ucapannya yang tidak sihat itu rakyat dan para cendekiawan Kufah datang menemui Abu Musa, di mana mereka meminta petunjuknya dalam persoalan yang baru ini dengan berkata: “Wahai Abu Musa, bagaimana pendapatmu tentang kebijaksanaan keluar ini?” Abu Musa menjawab: “Sama seperti kelmarin dan tidak hanya orang yang telah menghina Ali r.a. adalah kebijaksanaan yang ia tempuh tetapi seperti yang kalian lihat dan terdorong oleh dua faktor iaitu:

Pertama, wawasan akhirat dan yang kedua, murni mencari harta dunia. Oleh itu, pilihlah dengan cermat.

Dengan demikian, usaha kedua utusan itu tidak membuahkan hasil dan tidak mampu mempengaruhi seorang pun sehingga mereka menjadi marah kepada Abu Musa.

Namun hal ini disambut oleh Abu Musa dengan

kenyataannya: “Demi Allah, bai’at terhadap Uthman masih terpicul di bahu dan bahu sahabat kalian berdua. Jika peperangan ini tidak terdesak oleh kecemasan, nescaya kami tidak akan memerangi siapa pun kecuali para pembunuh Uthman yang sebenar.”

Di sini jelaslah bahawa sikap Abu Musa sama dengan Thalhah dan Zubair. Ini kerana secara logik, tindakan hukum tidak dapat diterapkan dan rakyat tidak mempunyai pemimpin yang dapat diikuti. Jika ada pemimpin, selalunya persoalan diselesaikan dengan cara-cara mesyuarat yang mampu mendapatkan kesepakatan dan kemufakatan atau nasihat. Kedua utusan itu akhirnya pulang ke Zu Al-Qarin menemui Ali r.a. untuk menyampaikan maklumat yang telah diterimanya.

Ketika jawapan Abu Musa yang dibawa oleh Muhammad bin Abu Bakar sampai, Ali dengan serta-merta berkata: “Aku akan memecat beliau dari jawatannya dan Asytar telah aku tetapkan sebagai penggantinya.”

Lalu Ali mengutus Hasyim bin ‘Uqbah ke Kufah untuk membangkitkan semangat rakyat sebagai langkah kedua untuk menyampaikan surat kepada Abu Musa yang isinya seperti berikut: “Aku telah mengutus Hasyim untuk membangkitkan umat Islam kepadaku dari sisimu.” Secara khusus dia berkata: “Aku tidak memerintahmu dalam persoalan ini kecuali untuk menjadikan kamu sebagai penyokongku dalam hal kebenaran.”

Ketika utusan dan surat ini sampai kepada Abu Musa, dengan serta-merta dia memanggil Saib bin Malik Al-Asy’ari untuk memberikan pendapat dan berkata: “Wahai Malik apa pendapatmu?” Malik menjawab: “Aku

berpendapat sebaiknya engkau menurut apa yang ada di dalam surat itu.” Abu Musa menjawab: “Tetapi aku tidak sepakat tentang perkara itu.”

Abu Musa tetap kukuh pada sikap dan pendirian asalnya sehingga utusan dan surat tersebut tidak mendapat sebarang jawapan darinya. Keadaan ini mendorong Hasyim untuk mengirim surat kepada Ali yang isinya seperti berikut: “Aku telah mengadap Abu Musa Al-Asya’ari yang sangat angkuh dan susah serta penuh dengan kedengkian dan kebencian.

Ketika Ali melihat kegagalan dalam kedua usaha itu dan ia menunggu jawapan dari Kufah, maka kedudukan Abu Musa dalam persoalan ini sangat tersepit. Lalu Ali mencela Asytar An-Nakha’i yang telah menyarankan kepadanya untuk tidak ikut konspirasi menurunkan Abu Musa. Ali berkata: “Wahai Asytar, kamu adalah sahabatku, persoalan tentang Abu Musa, maka ia dalam kedudukan penentang kerajaan yang sah. Oleh itu, pergilah kamu bersama Abdullah bin Abbas dan perbaikilah apa yang telah rosak.”

Abdullah bin Abbas dan Asytar menuju ke Kufah dan mereka meminta tolong kepada Abu Musa untuk membangkitkan penduduk Kufah. Tetapi usaha itu tidak merubah sikap Abu Musa, malah ia mengumpulkan seluruh penduduk untuk memberi ingatan kepada mereka agar tidak terjebak oleh propaganda Ibn Abbas.

Ketika masyarakat berkumpul, Abu Musa berucap yang isinya seperti berikut: “Wahai para penduduk, sesungguhnya para sahabat Rasulullah s.a.w yang telah menyertainya dalam berbagai negeri adalah lebih mengetahui kepada Allah dan RasulNya daripada orang

yang tidak menyertainya. Ini kerana kami mempunyai rasa tanggungjawab dalam memikul amanah kebenaran, maka kepadamulah kami akan memenuhinya.”

Bagi pendapat yang pertama, kalian semua hendaklah tidak takut berada dalam kekuasaan Allah dan janganlah kalian berani menentangnya. Pendapat yang kedua, hendaklah kalian mengambil pendapat orang Madinah yang telah mendahuluiimu.

Mereka adalah orang yang lebih mengerti terhadap orang yang diperbaiki oleh kepimpinan dan janganlah kalian memaksa untuk campur tangan. Jika ini terjadi, maka fitnah ini sangat keras di mana orang yang tidur lebih baik daripada orang yang sedar, orang yang sedar lebih baik daripada orang yang duduk, orang yang duduk lebih baik daripada orang yang berdiri dan orang yang berdiri itu lebih baik dari orang yang pergi menunggang kuda.

Oleh kerana itu, jadilah kalian sebagai tokoh-tokoh Arab, sarungkan olehmu pedang, buanglah kotoran, potonglah tali anak panah dan tempatilah orang yang teraniaya dan tertindas hingga persoalan ini menjadi lebih baik dan fitnah ini menjadi terdedah.

Usaha ini juga tidak berjaya. Tawaran dengan lemah-lembut dan sebarang alasan tidak berguna ketika dihadapkan kepada perlawanan Abu Musa yang menentang khalifahnyanya. Sikap itu mendorong Ali untuk mencari ubat yang lebih mujarab kerana ia tahu bahawa sikap berlapang dada telah menyesakkan sahabat mereka, seperti yang terpahat dalam syair:

*“Tidak ada kebaikan dalam sikap bijaksana, apabila*

*sikap itu, tidak mampu menundukannya dan hanya sekadar diwarnai dengan kekotoran.”*

Usaha dialog yang ketiga ini diperkuat oleh Ali r.a. dengan menugaskan anaknya, Hasan dan 'Imar bin Yasar untuk memecat jawatan Abu Musa dari wilayah Kufah dan diganti oleh Qardhah bin Ka'ab Al-Ansari disertai surat pemecatan kepada Abu Musa yang isinya seperti berikut:

*“Amma Ba'du, selanjutnya, aku telah memberi maklum balas terhadap sikap engkau yang tidak cenderung untuk membabitkan diri dalam persoalan ini yang Allah sendiri tidak menjadikan hal yang menegahmu menjadi orang yang menolak perintahku. Aku telah mengutus Ka'ab bin Yasar dan Hasan untuk menyebarkan kepada rakyat dan aku juga telah menjadikan Qardhah bin Ka'ab sebagai Gabenor menggantikan engkau. Wahai orang yang tercela dan hina dan apabila kamu tidak meletakkan jawatanmu, maka aku telah menyuruhnya membuangmu. Ini kerana membuang adalah tindakan yang akan memotong kepandaianmu.”*

Nampaknya Abu Musa tidak mahu dilucut dari jawatan Gabenor secara rela. Ia dilucut dari jawatan sebagai Gabenor setelah harta bendanya dirampas, tempat kerjanya dikuasai dan ia hampir diserang.

Dua perwakilan itu akhirnya masuk ke masjid. Abu Musa dan mereka berdua serta yang lainnya saling menjelaskan persoalan hingga ke akar umbi dan saling berbalah untuk mengalahkan satu sama lain dengan berbagai hujah. Ketika itulah sikap Abu Musa lebih lentur meskipun tidak merubah sikapnya terhadap rakyat.

Orang yang pertama datang kepada dua perwakilan itu



adalah Masyruk bin Ajda' dan ia mengadap 'Imar bin Yasar.

'Imar adalah salah seorang yang terbabit dalam kes fitnah terhadap Uthman dan ia serta-merta mengucapkan salam dan berkata: "Wahai tuan, sedarlah, mengapa kalian membunuh Uthman?" Dia menjawab: "Kerana Uthman telah mencela tujuan kami dan memukul penduduk kami." Lalu dia berkata: "Demi Allah, kalian tidak akan diseksa seperti apa yang ditimpa kepada kalian. Apabila kalian bersabar tentu akan lebih baik."

Ketika Abu Musa hendak menyingkir, ia ditegah oleh Hasan dan dihadapkan kepada 'Imar sambil berkata: "Wahai tuan yang telah sedar, apakah engkau memusuhi orang yang tidak sepakat dengan khalifah kemudian menghalalkan dirimu beserta dosa? 'Imar menjawab: "Aku tidak akan mengajar dan kamu jangan memburukkan saya."

Mereka akhirnya menerima Abu Musa dan berkata: "Mengapa kamu menapis rakyat dan kami? Demi Allah, kami hanya mengharapkan perdamaian dan tidak ada yang ditakuti oleh *Amir Al-Mukminin* walau apa pun bentuknya."

Abu Musa menjawab: "Demi ayah dan ibuku, kamu adalah benar. Tetapi orang yang meminta petunjuk itu harus melindungi: Aku mendengar Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud:

*"Sesungguhnya akan berubah menjadi fitnah dimana orang yang duduk lebih baik daripada orang yang berdiri, orang yang berdiri lebih baik daripada orang yang berjalan dan orang yang berjalan lebih baik daripada orang yang menunggang kuda untuk pergi berperang. Semoga*

Allah menjadikan kita semua bersaudara dan mengharamkan harta serta darah kita semua. Lalu Ibn Mas'ud membaca ayat yang berbunyi:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ  
بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ  
مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ

رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

(النساء ٢٩)

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.”

(An-Nisaa': 4: 29)

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا  
فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا

عَظِيمًا ﴿٩٣﴾

(النساء ٩٣)

*"Dan sesiapa yang membunuh seorang Mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, dia kekal di dalamnya, Allah murka kepadanya dan melaknatnya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar."*

(An-Nisaa': 4: 93)

'Imar menjadi marah dan memaki hamun terhadap perkataan Abu Musa. 'Imar berdiri dan berkata: "Wahai semua rakyat, apa yang dikatakannya hanya bersifat khusus iaitu kalian yang duduk lebih baik dari yang berdiri." Mendengar itu salah seorang dari Bani Tamim ikut berdiri dan berkata: "Diamlah wahai saudara! Kelmarin kamu bersama pengacau dan sekarang memaki pemimpin kami."

Peringkat Zaid bin Sauhan dan rakyat lainnya mulai marah dan ingin beredar dari tempat duduknya tetapi dihalang oleh Abu Musa hingga akhirnya Abu Musa naik ke atas mimbar dan kemarahan rakyat terkawal serta situasi kembali tenang.

Zaid bin Sauhan berhadapan dengan Hamar hingga akhirnya Zaid bin Sauhan berdiri tepat di pintu masjid yang di tangganya terdapat surat Aisyah untuknya dan untuk penduduk Kufah yang isi suratnya adalah sebagaimana berikut:

*"Amma ba'du.* Wahai rakyat sekalian, tetap dan diamlah di rumahmu kecuali si pembunuh Uthman bin Affan sahaja."

Ketika Zaid bin Sauhan selesai membaca surat tersebut, maka dengan serta-merta dia naik marah dan rasa geram sambil berkata: "Aisyah diperintah dengan satu perkara dan aku juga diperintah dengan satu perkara, dia diperintah

untuk tetap tinggal di rumah dan kami diperintah untuk berperang menghapuskan fitnah. Jadi, persoalan kami sesuai dengan yang diperintahkannya. Ia menyikap tentang apa yang telah diperintahkan kepada kami.

Sabas bin Ruba'i berdiri sambil berkata kepadanya: "Wahai Pak Cik Zaid bin Sauhan, kamu telah menyembunyikan kebenaran dan semoga Allah memutuskan rahmatNya ke atasmu. Kamu telah khianat kepada *Ummu Al-Mukminin* dan semoga Allah membunuhmu. Demi Allah Aisyah hanya diperintah dengan perintah Allah untuk menegakkan perdamaian di antara manusia. Kerusuhan semakin berleluasa di tengah-tengah rakyat."

Selanjutnya Abu Musa segera menenangkan suasana dan berucap kepada mereka yang isinya sebagaimana berikut: "Wahai rakyat sekalian, percayalah kepadaku, kalian adalah pemimpin Arab yang dijadikan tempat berlindung daripada orang-orang yang teraniaya dan dijadikan tempat rujukan bagi orang-orang yang takut."

"Kami adalah kumpulan sahabat Rasulullah s.a.w yang lebih mengerti tentang apa yang kami dengar bahawa jika fitnah dihadapi (dilawan) maka ia akan serupa dan apabila ia dibelakangi ia akan jelas. Ini kerana fitnah itu sebagai pemecah-belah ibarat ubat sakit perut yang bergerak ke kanan dan kiri, ke depan dan belakang."

"Kadangkala ia tenang dan tidak diketahui dari mana datangnya. Kelmarin ia telah disebarkan oleh orang-orang yang bijaksana. Oleh kerana itu, sarungkanlah pedangmu, lembingmu dan anak panahmu serta patahkanlah ia. Tetaplah di rumahmu sebagai tindakan yang selamat dari mara bahaya orang Quraisy, kerana mereka hanya menghendaki

keluar dari rumah seperti hijrah dan terpisahnya dari ahli ilmu dengan hawa nafsu yang hanya dapat diperbaiki dan dikumpulkan kembali perpecahan tersebut.”

“Jika ianya dikerjakan, maka akan melebar namun apabila dibiarkan ia akan merisaukan seperti minyak yang ditumpahkan ke dalam kulit yang telah disamak. Mintalah nasihat dan penerangan kepadaku dan janganlah minta kegelapan kepadaku.”

“Taatlah kepadaku, nescaya agama dan duniamu akan selamat, lautan fitnah ini akan menjadi surut dan terhurai dari buihnya.”

Sambil mengangkat tangannya yang terpotong Zaid berdiri dan berkata: “Wahai Abdullah bin Qais (nama panggilan Abu Musa) kembalikan Furat dari sumbernya dan kembalikan seperti asal. Jika engkau mampu melakukan hal itu, maka kamu mampu melaksanakan apa yang kamu mahu. Buanglah apa yang bukan menjadi bahagianmu dan dia membaca ayat Al-Quran seperti berikut:

الْم ﴿١﴾ أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا  
وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ  
فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ



(العنكبوت ٢-١)

*"Alif, Laam, Miim. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman," sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta."*

(Al-Ankabuut: 29: 1-3)

Oleh itu, pergilah kalian kepada Amir Al-Mukminin nescaya akan mendapatkan kebenaran!" Ucapan yang bersejarah ini mampu mempengaruhi rakyat dan menambah kekuatan penyokong Ali r.a. walaupun pimpinannya hanya beberapa orang sahaja.

Selanjutnya ucapan lain adalah Qa'Qa' bin Amr yang menyatakan secara lantang: "Bagimu semua, aku ini adalah penasihat dan atas rasa kasihan aku serta rasa cintaku kepada kalian semua bercakap atas kebenaran."

Adapun yang disampaikan oleh Abu Musa adalah benar jika disokong dengan adanya bukti. Manakala apa yang disampaikan oleh Zaid, maka janganlah kalian ambil manfaat, kerana Zaid bin Sauhan tidak akan melepaskan seorang pun daripada belenggu fitnah dan terus menyebarkan racun kebinasaan dan penyakit permusuhan (Zaid bin Sauhan terbabit dalam fitnah semasa Khalifah Uthman).

Kenyataan jernih ini berasal dari pandangan rakyat, kebebasan yang ditegah oleh orang zalim dan memuliakan

orang yang teraniaya. Jadi Ali tetap bertanggungjawab terhadap kebijaksanaan dan Ali melantangkan doa menyeru kepada kedamaian.

Oleh itu, pulanglah dan jadilah kamu sebagai orang yang memberikan penyelesaian yang baik serta saksi sejarah dalam persoalan itu.

Penyokong Ali menerima nasihat Qa'Qa' bin Amr lalu pergi kepada Syaiban dan berkata: "Wahai rakyat, persoalan politik ini tetap memerlukan pemimpin yang mampu menolak orang zalim, memuliakan yang teraniaya dan menyatupadukan seluruh rakyat."

"Ali adalah pemimpin kalian yang mengajak untuk melihat apa yang terjadi di antara kedua sahabatnya. Ali adalah orang yang diberi amanah untuk umat ini, ahli dalam bidang agama dan barangsiapa yang bangkit untuk menolongnya, maka kami akan berjalan bersamanya."

'Imar menjawab dengan ucapan yang ketika itu Hasan bangkit berdiri di atas mimbar sehingga 'Imar lebih tinggi darinya: "Benar Aisyah pergi ke Basrah, dia adalah isteri Nabi kalian di dunia hingga akhirat, tetapi Allah menguji kalian untuk mengetahui apakah kalian patuh kepada Ali atau kepada Aisyah?"

'Imar meneruskan ucapannya: "Ali adalah anak kepada bapa saudara Rasulullah s.a.w yang menyuruh kalian untuk pergi kepada isteri Nabi dan kepada Thalhah dan Zubair. Aku bersaksi bahawa Aisyah adalah isteri Nabi di dunia hingga akhirat. Lihatlah dan lihatlah dalam kebenaran serta berperanglah bersamanya."

Seorang lelaki memberi tindak balas terhadap ucapan 'Imar dengan berkata: "Wahai bapa Ya'qdhān! Sesungguhnya kebenaran akan menyinari orang yang disaksikan oleh Aisyah terhadap orang yang tidak disaksikannya."

Ketika inilah Hasan yang dari tadi berdiri ikut berkata: "Tegahlah daripada puak kami wahai 'Imar! Kerana perdamaian adalah milik orang-orang yang ahli dalam menanganinya. Hasan meneruskan ucapannya untuk membakar semangat rakyat:

"Wahai hadirin sekalian! Laksanakanlah perintah pemimpin kalian dan berjalanlah menuju arah saudara kalian kerana kelak akan ditemukan dengan siapa yang menuju ke arah perkara itu kerana akan diikuti oleh orang yang ahli dalam meleraikan perselisihan dengan lebih cepat dan lebih baik akibat yang ditimbulkan. Patuhilah ajakan dan mata kami dengan memandang apa yang telah diuji kepada kita serta bertolak ansurlah di antara kalian dan relakanlah apa yang telah terjadi."

Tokoh dan pemimpin rakyat menyambut positif. Disusuli dengan tindakan Tha'iy datang kepada Ali atas perintah 'Adi bin Hatim, Hindun bin 'Amr dan Hijr bin 'Adidan, rakyat yang lain bergerak dan mereka berkata baik hingga akhirnya orang-orang yang tidak sudi dengan salah seorang perwakilan iaitu 'Imar bin Yasar mereka tolak dengan tidak terhormat dan mereka hanya mengikut jejak yang disampaikan oleh Hasan.

At-Tabari memaparkan riwayat bahawa rakyat dari puak suku 'Adi datang kepada 'Imar bin Yasar sambil bertanya "Bagaimana pendapatmu?" 'Imar bin Yasar menjawab, "Menunggu yang akan dilakukan oleh rakyat." 'Imar bin



Yasar lalu menceritakan bahawa Hasan berdiri dengan ucapan politiknya: "Kami telah memba'iat orang ini dan mengajak melakukan yang terbaik dengan peristiwa besar ini, kami akan melihatnya dan kami adalah orang yang tetap mengikuti perkembangan dan tetap menunggu."

Hindun bin 'Imar berkata, "Sesungguhnya *Amir Al-Mukminin* telah mengajak dan mengutus perwakilannya kepada kita dan ditemui oleh anak lelakinya. Oleh itu, dengarlah perkataannya dan tegahlah perintahnya, pergilah kalian menuju kepada pemimpin kalian, lihatlah bersamanya dalam persoalan ini dan tentukanlah dengan pendapat kalian sendiri."

Hijr bin 'Adi bangkit dan berkata: "Wahai hadirin sekalian, patuhilah apa yang diperintahkan oleh *Amir Al-Mukminin*, pergilah dengan lapang dada meskipun berat, bersama-sama dengan kami kerana kami bersama kalian."

Pada saat itulah Asytar berdiri dan memberi ulasan dari aspek kehidupan jahiliyah, Islam dengan kesenangannya dan juga menerangkan tentang Uthman. Tetapi sebelum dia selesai, Asytar dibantah oleh Al-Amiri dengan berkata, "Diamlah wahai orang yang dibusukkan oleh Allah, kamu seperti anjing kesepian dan terus menggonggong."

Rakyat geram dan akhirnya Al-Amiri bangkit dan berkata, "Demi Allah, kita tidak usah dibebankan oleh seorang yang menyebut salah seorang daripada umat kita dan Ali adalah orang yang telah menerima. Terimalah apa yang saya ceritakan ini."

Hasan berkata: "Benar apa yang dikatakan orang tua ini." Hasan menerangkan kepada khalayak ramai, "Wahai

hadirin sekalian, sesungguhnya kami bertolak pagi dan barangsiapa yang di antara kalian bertolak bersama kami secara terang-terangan, maka keluarlah melintasi air.”

Lalu Hasan bertolak bersama 9000 pasukan dengan 6000 pasukan bertugas yang membawa gandum sebagai bekal perjalanan mereka dan 2800 pasukan lainnya bertugas membawa air dan tiap-tiap tujuh orang dipimpin oleh seorang pemegang arahan.

### **(C) PEMECATAN ABU MUSA AL-ASY'ARI SECARA PAKSA**

Kronologi kes ini berlangsung seperti yang pembaca ketahui dari beberapa pembacaan. Terdapat seorang lelaki yang bernama Abd Al-Khair mendebat Abu Musa mengenai kedudukannya dan bertanya apakah kedua orang ini (yang dimaksud adalah Thalhah dan Zubair) termasuk orang yang membai'at Ali?

Abu Musa menjawab: “Ya.” Dia bertanya lagi, “Apakah Ali telah berbuat sesuatu yang membatalkan bai'atnya sendiri?” Abu Musa menjawab, “Aku tidak tahu.” Dia berkata: “Wahai Abu Musa, aku akan meninggalkanmu hingga akhirnya kamu mengetahuinya.”

Apakah sidang pembaca tahu siapa yang keluar dari fitnah ini? Sesungguhnya jika dikaji, ada empat puak iaitu: Pertama: Ali yang berada di tengah-tengah Kufah. Kedua: Thalhah dan Zubair. Ketiga: Muawiyah yang berada di Syam (Syiria) dan yang keempat adalah puak lain yang berada di Hijaz, di mana dalam puak yang terakhir ini tidak terdapat *fa'i* (harta rampasan perang) mahupun memerangi musuh.

Abu Musa berkata, "Mereka adalah orang yang terbaik dan perkara tersebut adalah merupakan fitnah." Abd Al-Khair bertanya: "Wahai Abu Musa! Kamu telah terkena racun dari tipu daya yang sesat dan menyesatkan."

Ini adalah ketetapan pendapat yang ada dalam sikap Abu Musa, meskipun akhirnya dia harus menanggung dosa daripada perbuatannya. Rakyat yang sudah terbakar, ramai yang memihak kepada Ali dan ketika itu tidak ada perlawanan yang begitu keras.

Asyfar meminta kepada Ali r.a. untuk meneruskan apa yang telah dipropagandakan oleh 'Imar dan Hasan dengan berkata bahawa, "Penduduk Mesir adalah yang paling taat kepadaku dan jika aku mendahului rakyat, maka aku mengharap agar mereka tidak membangkang aku walau seorang pun dan ia meyakinkan kepada Ali bahawa kebenaran sentiasa bersama rakyat."

Kemudian Abu Musa pergi ke Kufah. Rakyat awam pada ketika itu sedang berhimpun di dalam Masjid Jami' (yang terdapat di tengah-tengah kota). Ketika Abu Musa berhujah ingin mengajak orang yang berada di masjid untuk mengikutnya dengan berkata, "Kalian semua, ikutlah ke istana," dan akhirnya mereka sampai di istana yang telah dipenuhi oleh rakyat. Setelah masuk Abu Musa sedang menyampaikan ucapan di hadapan rakyat Basrah:

"Wahai hadirin sekalian! Ini adalah fitnah yang sangat buta dan menyesatkan di mana bau-baunya telah dijinakkan, Orang yang tidur di dalamnya masih lebih baik daripada orang yang duduk."

Pembaca telah sedia maklum sebelumnya. Dengan begitu,

kesabaran puak Ali r.a. telah hilang dan waktu itu Hasan berkata, "Ketepilah kamu dari perbuatan kami (tariklah dirimu dari jawatan pemerintahan yang sah) dan turunlah dari mimbar kami kerana kamu sudah tidak mempunyai kuasa apa pun."

'Imar berkata, "Allah akan menolong terhadap orang yang bersusah-payah dan menyingkirkannya." Ketika rakyat berada di masjid, dua orang penyokong Abu Musa berteriak: "Wahai Abu Musa, ini adalah Asytar yang masuk ke istana dan berusaha mengeluarkan dan memukul kami."

Abu Musa keluar dan menuju ke istana tetapi dengan serta-merta dihalang oleh Asytar yang berkata, "Pergilah kamu dari istana ini, kerana kamu sudah tidak mempunyai kuasa lagi dan semoga Allah mengeluarkan kamu kerana kamu adalah salah seorang dari orang-orang munafik selamanya."

Abu Musa berkata: "Jelaskan kepadaku tentang belenggu kegelapan ini." Dengan serta-merta dia menjawab, "Ini adalah bahagianmu dan jangan engkau menerangkan di gedung istana yang gelap ini."

Rakyat masuk dan merampas harta milik Abu Musa, tetapi segera dicegah oleh Asytar dan mengeluarkan mereka dari dalam gedung itu dengan berkata: "Aku telah mengeluarkannya (yang dimaksudkan adalah Abu Musa)." Kemudian dia menghentikan aksi rakyat dan berjaya meleraikan kerusuhan.

## FASAL KEDUA

### (A) PERJALANAN ALI MENUJU PASUKAN UNTA DAN RAKYAT BASRAH

Penyokong yang terdiri daripada rakyat Kufah mendatangi Ali r.a. yang sedang berada di Zu Al-Qarin dan menerima sokongan. Salah seorang daripadanya adalah Ibn Abbas.

Khalifah Ali r.a. sangat gembira dan memuji mereka. Akhirnya Ali berucap kepada penduduknya. Ucapan beliau seperti berikut: *"Alhamdu Lillahi Rabb allamiin wa Sallallahi Ala Sayyidina Muhammad Khatamin Nabiyyin wa Akhir Al-Mursalin. Amma Ba'du*, sesungguhnya Allah s.w.t telah mengutus Muhammad s.a.w kepada dua kelompok secara menyeluruh, tetapi manusia terjebak dalam perbezaan."

"Orang Arab masih menghuni rumah mereka dan menganggap mereka lemah terhadap apa yang ada di persekitaran, sehingga dengan datangnya Nabi Muhammad s.a.w, kerosakan-kerosakan dapat diperbaiki, nilai-nilai sosial dapat dibendung, perpecahan dapat diislahkan kembali, keadaan menjadi aman, pertumpahan darah dapat ditahan dan dendam, dengki, sesak dada dapat dihilangkan."

"Allah s.w.t menjadikan jalannya yang disyukuri, perbuatannya yang diredhai, dosa dapat diampuni dan tempatnya di sisi Allah menjadi mulia."

Tetapi diuji oleh musibah yang menimpa umat Islam lebih-lebih lagi sanak-saudaranya. Lalu melantik Abu Bakar untuk menggantikan kepimpinannya (dalam mentadbir negeri) yang direstui oleh umat Islam.

Setelah itu digantikan pula oleh Umar. Uthman yang pada giliran berikutnya cenderung kepada kalian dan kalian cenderung kepadanya. Maka terjadilah apa yang terjadi di mana kalian mendatangi dan membunuhnya, lalu kalian mendatangi dan berkata: "Jika kita saling membai'at, maka aku menjawab, "Tidak."

Aku menggenggam tangan erat-erat dan membukanya lebar-lebar. Aku mencegah kalian dengan secukupnya tetapi kalian menarik dan berkata: "Kami tidak rela kecuali denganmu dan tidak sepakat kecuali hanya kepadamu." Namun hairannya, kalian meninggalkanku seperti meninggalkan unta yang sedang kebingungan menunggu masa haidnya, hingga akhirnya aku menyangka kalian sebagai pembunuhku dan satu di antara kalian saling berperang."

Kalian membai'atku, demikian juga yang dilakukan Thalhah dan Zubair kepadaku. Mereka minta izin kepadaku untuk mengerjakan umrah dan pergi ke Basrah, sekali gus memerangi umat Islam di sana diikuti oleh orang lain yang seumpamanya.

Mereka berdua tahu bahwa aku tidak seperti yang lalu. Jika Allah s.w.t menghendaki, aku pun akan berkata, "Ya Allah, mereka berdua telah memotong keluargaku, membai'atku dan mengumpulkan musuh-musuhku. Ya Allah jangan Engkau hukum apa yang telah mereka lakukan tanpa disadari dan menghujani keburukan terhadap apa yang mereka lakukan."

Ali menerangkan sikapnya kepada penyokongnya, kedudukannya dalam sebuah peperangan dan kemahuannya untuk melakukan perdamaian. Kemudian

beliau berkata kepada mereka: "Wahai rakyat Kufah! Kalian telah menghimpun kekuatan dan menceraai-beraikan kumpulan mereka hingga akhirnya kalian dapat mewarisi harta warisan mereka."

"Kalian menjadi kaya dengan bahagian kalian dan secara jelas menyatakan permusuhan kepada mereka. Kalian telah mengajakku untuk bersama-sama menyaksikan saudara-saudara kami dari Negeri Basrah. Jika mereka kembali, maka itulah yang kami kehendaki dan jika mereka tetap bersikap keras, maka kita akan mengubati mereka sekali gus menerangkan perbuatan aniaya mereka sendiri."

"Kami tidak akan mengajak perdamaian kecuali di dalamnya terdapat kerosakan-kerosakan, insya Allah tidak ada pertolongan kecuali daripada Allah."

Ini lah yang telah dilakukan oleh seorang lelaki soleh yang bercita-cita dan berusaha untuk memperbaiki segala yang terjadi pada zaman pemerintahannya.

Sesuai dengan huraian At-Tabari bahawa ketika Ali berada di Zu Al-Qarin, dia disokong oleh 6200 pasukan selain yang bertugas membawa air (sebagai bekalan dalam perang) yang jumlah mereka lebih daripada 2000 pasukan.

Kabilah Abdul-Qa'is yang ketika itu keluar dari wilayah Basrah merasa sangat geram terhadap pasukan unta (pasukan Aisyah). Seperti yang diketahui bahawa penyokong berada di persimpangan yang ada di antara Basrah dan Zu Al-Qarin. Pasukan Ali menunggu untuk bergabung yang jumlahnya sekitar 1000 pasukan.

Penulis akan memaparkan bagaimana ekspedisi yang

dilakukan oleh pasukan Ali terhadap pasukan unta, iaitu seperti berikut:

“Ali memperbaharui kebijaksanaannya untuk melakukan perdamaian lebih lanjut dengan cara mengutus perwakilan yang bernama Al-Qa’Qa’ bin Amr (salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w) sebagai orang tengah yang mengatur perjanjian damai di antara Ali dengan mereka (pasukan unta yang dipimpin oleh Aisyah).

Salah satu yang menjadi butir kenyataannya disampaikan kepada duta adalah sebagai berikut: “Wahai Ibn Hanzalah, temuilah kedua orang ini dan panggillah mereka berdua kepada masyarakat dan muliakanlah mereka dalam puak.”

Seruan tersebut tidak disahut dan dia meninggalkan perjalanannya untuk memutuskan persoalannya sesuai dengan pendapatnya. Dia mendapat petunjuk dalam penilaian pendapatnya. Dengan demikian, dia berkehendak untuk dipercayai.

Lalu ia ditanya oleh Al-Qa’Qa’, “Bagaimana kamu menyelesaikan suatu masalah di antara keduanya tanpa ada wasiat dariku?” Al-Qa’Qa’ menjawab: “Aku akan menemui mereka sesuai dengan perintahmu, jika ada persoalan di antara mereka di luar, maka aku akan *berijtihad* dan menyampaikan kepada mereka sesuai dengan apa yang aku lihat.”

Ali berkata: “Kamu benar.” Lalu Al-Qa’Qa’ pergi ke Basrah dan bertanya kepada Aisyah, “Wahai ibunda! Apakah yang layak aku lakukan untukmu di negeri ini?” Aisyah menjawab: “Wahai anakku yang layak adalah berbuat kedamaian masyarakat.” Al-Qa’Qa’ berkata lagi: “Wahai



Aisyah! Hantarkanlah aku kepada Thalhah dan Zubair agar erigkau mendengar kenyataanku dan mereka berdua." Kemudian Aisyah menghantar Al-Qa'Qa'.

Al-Qa'Qa' bertemu mereka berdua dan berkata: "Aku telah bertanya kepada *Ummu Al-Mukminin* apa yang hendak aku lakukan kepadanya, Aisyah berkata: "Kedamaian masyarakat." Al-Qa'Qa' meneruskan kata-kata: "Lalu bagaimana pendapat kalian berdua? Apakah kalian sepakat atau tidak?" Thalhah dan Zubair menjawab: "Ya, kami sepakat."

Al-Qa'Qa' bertanya, "Sampaikanlah kepadaku bagaimana bentuk perdamaian yang dimaksudkan? Demi Allah, jika aku mengetahuinya nescaya aku akan berdamai, tetapi jika tidak maka perdamaian tidak akan terlaksana."

Thalhah dan Zubair berkata: "Para pembunuh Uthman, jika ditinggalkan (tidak diberikan hukuman), maka telah meninggalkan Al-Quran, akan tetapi jika mereka dikenakan hukuman maka telah menghidupkan Al-Quran."

Al-Qa'Qa' berkata lagi, "Kalian berdua telah membunuh para pembunuh Uthman yang terdiri daripada orang-orang Basrah dan sekarang sebelum kalian membunuh mereka lebih dekat daripada pendirian itu: "Kalian telah membunuh 600 orang lelaki dan hanya seorang yang luput daripada cengkaman maut itu." Ini membangkitkan kemarahan 6000 orang yang lain yang kemudiannya memulaukan kalian dan mengeluarkan dari persekitaran masyarakat.

"Kalian menuntut orang yang terlepas daripada pembunuhan itu (Harkus bin Zahir) tetapi berjaya dicegah oleh 6000

orang tersebut sehingga jika kalian meninggalkan mereka, maka kalian telah khianat ke atas kenyataan sendiri. Jika kalian membunuh mereka dan orang-orang yang telah memulaukan kalian, maka kalian berada di atasnya dan faktor yang telah menyebabkan persoalan ini adalah lebih besar dari yang aku pandang bahawa kalian telah membenci dan melarang pembai'atan di negeri ini, sehingga tidak hairan apabila mereka berkumpul untuk memerangimu dan aku tidak menolong seorang pun di antara mereka dan ini sama dengan penghasut peristiwa dan memang dilakukan oleh orang-orang yang melakukan dosa besar.”

Aisyah bertanya: “Apa yang kamu tanyakan?” Al-Qa’Qa’ menjawab yang di dalam kenyataan tersimpan pandangan ke depan, nasihat dan hikmah yang sangat banyak yang bunyinya seperti berikut: “Urat persoalan ini adalah ketenangan tetapi mengapa ketika ketenangan wujud, masih terjadi kebimbangan? Jika kalian melantik kami, maka itu adalah tanda kebaikan, kasih sayang yang sama rata dan memenuhi tuntutan orang ini serta merupakan keselamatan bagi orang ini.”

“Tetapi jika kalian tidak membai’at, maka ini adalah tanda-tanda kesesatan, kaburnya persoalan, hilangnya tuntutan sehingga tidak hairan apabila Allah memberikan kekuatan sehingga mereka dapat mencapai titik keselamatan. Mereka menjadi kunci kebaikan seperti kedudukan kalian.”

Janganlah kalian menentang kami kerana sebuah ujian juga menentangnyanya sehingga terjadi perbalahan di antara kami dan kalian. Aku bersumpah demi Allah, bahawa aku tidak akan berkata dalam persoalan ini, aku tidak akan mengajak kalian terbabit di dalamnya serta aku bimbang tidak akan mencapai kesempurnaan sebelum Allah

mencabut *iradah*nya dari umat ini yang rezekinya sangat sedikit. Allah menurunkan apa yang akan diturunkannya, kerana persoalan yang terjadi ini bukan atas kehendak takdir, bukan seperti persoalan yang lain, bukan persoalan pembunuhan seseorang terhadap seseorang, bukan persoalan puak dan kabilah mana pun.”

Kebijaksanaan yang telah keluar dari Al-Qa’Qa’ ini adalah cermin dari hati yang cemburu dan keikhlasan yang sudah retak, di mana biasanya mempengaruhi pendengar yang terdiri daripada Aisyah, Thalhah, Zubair dan orang luar di mana mereka berkata: “Ia dan kamu benar. Oleh itu, pergilah dan apabila kamu sudah sampai pada Ali dan ia sepakat atas pendapatmu, maka persoalan ini dianggap selesai.”

Akhirnya, tamatlah usaha itu dengan baik, penuh dengan keikhlasan, ancaman yang halus dan kejayaan dalam mencapai kemuncaknya.

Utusan dari Basrah yang terdiri daripada puak Tamim dan Bakr-Qa’Qa’ dengan kesepakatan yang telah dibawanya diterima oleh Ali di Zu Al-Qarin: “Bagaimana mana mereka ingin mengetahui pendapat orang-orang ahli Kufah? Alasan apa yang menggerakkan rakyat? Rakyat juga ingin menyampaikan keterangan kepada mereka tentang perdamaian yang telah disepakati dan juga tidak terjadi peperangan yang selalu dibimbangkan.”

Ketika pasukan Kufah dan Basrah bertemu, maka pasukan Kufah berkata seperti apa yang mereka katakan kepada Ali.

Terdapat perbezaan antara pasukan Basrah dan Kufah.

Menurut catatan At-Tabari yang berjaya aku dapatkan, disebutkan bahawa perkara itu dimulakan oleh pendapat salah seorang utusan dan ia masih utuh hingga sekarang. Ia menceritakan bagaimana peristiwa-peristiwa lalu dengan menyimpulkan inti persoalan itu. Saya (penulis) akan memaparkan peristiwa tersebut kepada pembaca sesuai dengan yang apa disampaikan oleh At-Tabari.

Sekarang (Penulis) memfokuskan kepada Ali. Ali mengucapkan salam dan bertanya kepadanya tentang persoalan ini, dia berkata: "Rakyat memusuhi orang ini (Uthman bin Affan) sedangkan pada waktu itu, aku tidak masuk campur dan mereka membunuhnya."

Setelah itu, mereka mengadu kepadaku, kalaulah bukan kerana takut kepada agama, maka aku tidak akan menjawab mereka. Kedua-dua orang ini (Thalhah dan Zubair) terbabit dalam pembai'atan, maka aku memegang janji mereka dan mengizinkan mereka melakukan umrah.

Thalhah dan Zubair menemui Aisyah. Thalhah dan Zubair rela terhadap apa yang tidak halal dan tidak melakukan perdamaian. Lalu aku mengikutnya agar tidak terjadi perpecahan dalam Islam, sama ada secara peribadi mahupun keseluruhan."

Thalhah berkata kepada penyokongnya: "Demi Allah, aku tidak ingin memerangi mereka kecuali mereka memerangiku lebih dahulu dan aku tidak keluar ke medan perang kecuali untuk melakukan perdamaian.

Kemudian penyokong Ali berteriak kepada kami, "Berbai'atlah kamu semua, wahai penyokongku walaupun aku tidak bersedia membai'atnya, kaumku telah mengutus

hal ini kepadaku tetapi aku tidak melakukan apa pun hingga akhirnya aku kembali kepada mereka.” Ali berkata: “Jika mereka tidak melakukan bai’at?” Thalhah menjawab: “Aku tidak akan melakukannya.”

Thalhah berkata: “Apakah kamu melihat bahawa mereka telah mengirim perisik kepadamu, aku kembali kepada mereka dan memaklumkan tentang tepian sungai dan masalah air sedangkan mereka telah cenderung merasa haus dan dahaga. Apakah kamu tidak membuat itu?”

Lantas Zubair berkata: “Kamu telah meninggalkan mereka dan bertolak kepada tepian sungai dan tempat air.” Dia menjawab, “Hulurkanlah tanganmu, demi Allah aku tidak kuasa untuk mencegah dan akhirnya membai’atnya.” Ali berkata: “Apa yang kamu dengar dari Thalhah dan Zubair?” Zubair berkata: “Aku membai’atmu dengan cara terpaksa, sedangkan Thalhah dengan sebuah syair, isinya menerima untuk membai’at.” Bunyinya seperti berikut:

*“Ingatlah bahawa puak Bakr telah mengirim utusan  
dan puak Ka’ab tidak mendapatkan kesempatan.  
Orang bahagia lalu pulang menutupi kalian, di mana  
mereka mempunyai kelebihan.”*

Ali berkata: “Bukan demikian adanya, tetapi apakah kamu tidak tahu akan guru Sam’an di mana aku menolak orang yang mempunyai penyakit sakit kepala. Fikirannya lalai dengan perang hingga terjadi dan dia meminta orang yang tidak terbabit bertanggungjawab. Wahai pencuri! Tahanlah kematian puak Bakr dan apa yang ada di antara kamu dari pertahanan.”

Ali pergi hingga ke tepi bandar Basrah, manakala Thalhah

dan Zubair menggali parit. Penyokong kami yang terdiri dari penduduk Basrah berkata kepada kami, "Apa yang kalian dengar tentang maksud dan perkataan mereka?" Ali berkata: "Kami keluar untuk perdamaian bukan untuk berperang."

## **(B) MENUJU PERDAMAIAN**

Al-Qa'Qa' kembali menemui Ali dengan membawa jawapan Thalhah, Zubair dan Aisyah. Al-Qa'Qa' diiringi pasukan keselamatan serta mengumpulkan semua data yang ia perolehi. Ali berucap dengan memuji Allah s.w.t, berselawat kepada Nabi s.a.w dan mengingatkan sistem Jahiliyah dengan kesan buruknya dan mengingatkan Islam penuh kebahagiaan.

Ali r.a. menyebut tentang rahmat Tuhan bagi umat dengan adanya pemimpin setelah Nabi s.a.w dan orang-orang sesudahnya. Ali mengatakan bahawa apa yang telah terjadi pada umat ini adalah tidak lepas daripada tangan yang sengaja mencari kebendaan dan dengki terhadap orang yang telah dikurniakan rezeki olehNya, hendak mengembalikan persoalan ini pada akarnya semula.

Hanya Allahlah yang menguasai persoalan dan menerapkan apa yang menjadi kehendakNya. Kemudian Khalifah Ali r.a. berkata: "Ingatlah! Esok pagi aku akan bertolak dan kalian juga ikut sama. Ingatlah bahawa orang yang menjadi penyokong Uthman tidak boleh membawa sesuatu pun dan kami tidak perlu kepada orang-orang yang bodoh."

Dari kemahuan yang positif ini tercermin perdamaian yang telah tersimpan dalam hati puak pasukan unta (Aisyah),

tidak dengar dari siapakah yang mula mengajak perang. Adalah satu kebaikan, jika saya (penulis) bentangkan kepada para pembaca tentang perbincangan Zubair dengan wakil Ali untuk menggambarkan keikhlasan kaum itu dalam memberi tindak balas perdamaian itu sendiri.

Abu Jurbah berkata kepada Zubair: "Pendapat yang benar adalah hendaknya, kamu sekarang mengirim 1000 pasukan berkuda untuk menghalang Ali atau kita mendatangnya pagi-pagi sebelum pasukannya bertambah banyak."

Zubair menjawab: "Itulah yang aku maksudkan dengan di depan, di mana rakyat berperang melawan Ali, wahai Abu Jurbah, kami tahu persoalan perang akan berlaku tetapi mereka adalah orang-orang yang seperjuangan dengan kita. Persoalan ini belum terjadi sebelumnya, di mana orang yang tidak dipertemukan oleh Allah dengan suatu alasan, maka di hari Kiamat alasan itu akan terputus."

"Ia diperkuat bahawa persoalan ini telah dipecahkan secara bersama-sama melalui perwakilan mereka dan aku sendiri mengharap perdamaian itu wujud di antara kita, oleh kerana itu bersabarlah."

Sabrah bin Zaiman berkata: "Wahai Thalbah dan Zubair, berilah peluang kepada kami tentang orang ini, kerana menghindari perang itu lebih baik daripada bertambah berkecamuknya peperangan."

Zubair berkata: "Wahai Sabrah! Kami dan mereka adalah sama-sama Muslim, sedangkan tuntutan terhadap Uthman ini adalah persoalan yang tidak terjadi sebelumnya yang tersurat dalam *nas* Al-Quran mahupun Al-Hadith dan ini

benar-benar kes murni. Satu kaum berpendapat bahawa tidak layak apabila digerakkan hari ini. Mereka adalah Ali dan para penyokongnya. Sedangkan kami bersepakat bahawa hal itu ketika ini tidak dapat ditangguhkan.”

Ali r.a. berkata: “Inilah tentang kesepakatan mereka untuk melakukan kejahatan dan itu lebih baik daripada kejahatan-kejahatan lain, sedangkan di antara kaum Muslimin telah ada peraturan tentang tuntutan sesuatu yang lebih bermanfaat dan lebih mengena.”

Ka'ab bin Sur akhirnya menerima apa yang ingin dilakukan oleh Thalhah, Zubair dan para penyokongnya untuk bersegera merealisasikan perang. “Wahai Ka'ab persoalan yang terjadi di antara kita dan saudara-saudara kita adalah persoalan *syubhat*.”

“Tidak, demi Allah tidak seorang pun daripada sahabat Nabi sejak Allah mengutusnyanya yang mengambil keputusan tentang suatu perkara kecuali kami telah diberitahu kedudukan permasalahannya hingga akhirnya peristiwa ini terjadi.”

Mereka sebenarnya tidak tahu, mereka menerima atau menolaknya? Kerana sesuatu yang baik di mata kita sekarang ternyata jelas ia baik di mata saudara-saudara kita. Jika hari esok ternyata buruk bagi kita dan baik bagi mereka, maka kami akan menyampaikan alasan kepada mereka dengan *dalil* yang tidak pernah mereka temui, sedangkan mereka juga akan berbuat seumpamanya.

Apa yang kami harapkan hanyalah kedamaian dan itu pun jika mereka menerimanya, akan tetapi jika tidak maka satu-satunya jalan adalah harus diberikan ubat yang mampu



menghanguskan mereka.

Dalam persoalan itu para tokoh di antara kedua pihak saling merebut simpati rakyat. Sebenarnya (penulis) akan memberikan bukti tentang kelompok Ali seperti kelompok Aisyah yang telah kami paparkan di atas, di mana isinya kelompok Ali pun dengan rasa ikhlas menghendaki realisasi perdamaian.

Ada tetamu dari kelompok masyarakat Kufah yang bertanya kepada Ali tentang kebijaksanaan mereka, maka Ali menjawab satu tujuan yang melandasi kami iaitu perdamaian dan adanya penjelasan. Dengan ini semoga Allah cenderungkan umat ini kepadaku, menghentikan rasa permusuhan mereka dan mentaatiku.

Tetamu itu bertanya, “Jika mereka tidak mentaati kita?” Ali menjawab, “Kita harus meninggalkan mereka terhadap apa yang mereka tinggalkan kepada mereka.” Dia bertanya lagi, “Jika mereka tidak meninggalkan kita?” Ali menjawab, “Kita harus menjauhkan diri daripada mereka.” Dia bertanya lagi, “Apakah mereka juga mempunyai persoalan yang sama?” Ali menjawab: “Ya.”

Abu Salamah Ad-Dalani bangkit dan berkata: “Apakah kamu berpendapat bahawa mereka mempunyai dalil dalam menuntut bela darah Uthman, jika mereka menghendaki Allah meredhainya.” Dia menjawab, “Ya, Abu Salamah bertanya lagi, “Bererti *argumentasi* yang kamu punya sama dalam menambahkan persoalan itu.” Dia menjawab: “Benar.”

Ali ditanya tentang pembunuh kedua belah pihak jika perdamaian kelak tidak boleh dicapai, maka jawapan Ali

adalah: "Aku hanya berharap orang-orang yang telah terbunuh dari puak kita mahupun mereka, semoga hatinya dibersihkan oleh Allah dan dimasukkan ke dalam nikmat syurga."

Ketika terjadi perbalahan, Ali semakin bimbang akan bertambah ramai rakyat yang keras kepala. Ali berusaha menenangkan hati rakyat. Ali r.a. lalu berucap: "Wahai rakyat sekalian, tahanlah dirimu, tangan dan mulutmu dalam persoalan mereka kerana mereka adalah bersaudara. Bersabarlah terhadap apa yang terjadi pada kalian dan waspadalah untuk mendahului kami. Kata orang bijak pandai yang dimusuhi keesokan harinya adalah orang yang dimusuhi hari ini."

Pertentangan tokoh dari kedua belah pihak itu merupakan perlaksanaan dalam mencapai perdamaian dan menjauhi peperangan dengan satu tujuan menerima suasana keselamatan dan taat kepada Allah s.w.t.

### **(C) KHALIFAH ALI R.A. TIBA DI BASRAH**

Ali bersama pasukannya tiba di Basrah dan di tengah perjalanan, dia disambut oleh sekumpulan rakyat yang ingin bergabung bersamanya. Ketika belum bertolak ke Basrah, mereka didatangi oleh orang-orang yang menyokongnya dan bilangan mereka mencapai 20,000 orang.

Orang yang memegang bendera adalah anak beliau yang bernama Muhammad Ibn Hanafiah. Dia didampingi oleh Hasan di sebelah kanan dan di sebelah kiri adalah Husain. Khalifah Ali r.a. memerintahkan Hakim bin Salam untuk menjadi orang tengah (perhubungan awam) dengan masyarakat lain dan dia berkata: "Jika kalian tidak sepakat

terhadap apa yang diusulkan oleh Al-Qa'Qa' bin Amr maka tahanlah. Marilah kita berikrar untuk menangani dan melihat persoalan ini."

Ia dijawab oleh puak pasukan Aisyah: "Kami memang tidak sepakat terhadap usul Al-Qa'Qa' dan cepatlah berundur." Pasukan Khalifah Ali berundur hingga akhirnya beliau berada di sebelah Thalhah dan Zubair yang keduanya berada di Zabuqah (nama tempat)."

Demikian pula yang dilakukan oleh Mudir dan penduduk Yaman di mana mereka tidak mengadu bahawa persoalan ini akan lenyap begitu sahaja dan sulit untuk mencapai kata sepakat. Penduduk Basrah berpecah-belah, satu kelompok menyokong Zubair (kelompok yang sangat kuat), satu kelompok yang memihak kepada Ali dan kelompok yang lainnya berada pada sudut berkecuali dan tidak ingin memerangi salah satu di antara keduanya.

Kelompok yang terakhir ini di antaranya adalah Ahnaf bin Qais, salah seorang perintis negeri Basrah yang paling cerdik dan berbahaya seperti yang telah kamu baca pada huraian di atas. Demikian juga para pembaca telah mengetahui bahawa Ahnaf serta puak Bani Sa'id bersiap-sedia untuk mencegah berlakunya perkara-perkara negatif pada Harqus bin Zahir.

Pada hakikatnya mereka tidak ingin mengadakan peperangan dengan salah satu kelompok yang bertelingkah. Mereka menghadap Ali dan Ahnaf bertanya pada Ali: "Wahai Ali, rakyat di Basrah mengatakan kepadamu bahawa apabila esok pagi kamulah yang membunuh para pemimpin dan menawan para wanita mereka."

Ali mengemukakan soalan kepadanya: “Apakah ada selain aku yang mengkhawatirkan kalian dan tidak ada yang menghalalkan kecuali orang yang telah kafir? Apakah kamu tidak mendengar firman Allah s.w.t yang berbunyi:

لَسْتُ عَلَيْهِمْ بِمُصِطِرٍ إِلَّا مَنْ تَوَلَّى وَكَفَرَ

(الغاشية ٢٢-٢٣)

*“Bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu). Akan tetapi sesiapa yang berpaling (dari kebenaran) serta ia kufur ingkar.”*

(Al-Ghaasyiyah: 88: 22-23)

Sedangkan mereka adalah orang Islam dan apakah kamu telah menahan orang-orangmu dariku?”

Ahnaf menjawab: “Ya, benar. Pilihlah salah satu dari kami, apakah kami sendiri bersamamu atau kami akan menahan 10,000 pedang darimu.”

Ali bertanya: “Bagaimana dengan sahabat-sahabatmu yang telah dilucutkan?” Ahnaf menjawab: “Salah satu keselamatan yang diberikan oleh Allah s.w.t ialah memerangi mereka.” Ali berseru: “Cegahlah orang-orang yang mampu kamu mencegahnya.”

Lalu Ahnaf pergi dan dihalang oleh salah seorang penyokongnya yang bernama Hilal bin Waqi’ dan bertanya: “Bagaimana pendapatmu.” Ahnaf menjawab: “Kamu sendiri bagaimana?”

Hilal berkata: “Membantu Aisyah, apakah kamu akan meninggalkan aku sedangkan kamu adalah tuanku?” Ahnaf

berkata lagi: "Aku menjadi tuanmu esok pagi ketika kamu telah dibunuh." Hilal pula berkata: "Layakkah demikian." Ahnaf menjawab: "Aku adalah tuan yang bermaksiat sedangkan kamu pemuda yang taat."

Ahnaf berkata: "Wahai keluarga Zaid, ketepilah kalian dari persoalan ini dan biarkanlah kedua kelompok itu saling berbalahan (Ahnaf mahukan kebenaran dan kesalahannya nampak jelas).

Munjab bin Rasyid berdiri dan berkata: "Wahai keluarga Ribab, janganlah kalian membiarkan persoalan ini dan ikutlah bersaksi terhadap hujah mereka, rakyat pun akhirnya menyetujuinya."

Abu Jurba' berkata: "Wahai keluarga Amr, janganlah kalian mengelak dari persoalan ini dan biarkanlah mereka berhujah dengan logik."

Dari sini Ahnaf menyisih ke tempat yang bernama Wadissaba (nama tempat yang banyak binatang buas), ia diikuti oleh Bani Sa'id. Sedangkan Munjab pergi kepada tokoh Bani Ribab dan Bani Dabbah untuk memberikan bantuan pada Aisyah.

Demikian juga yang dilakukan oleh Abi Jurba' pada tokoh Bani Amr. Sedangkan Hilal bin Waqi' menemui kelompok Hamdalah.

Dengan demikian, terlihatlah puak-puak yang sudah berpecah-belah mengikut kelompok masing-masing iaitu sebahagian pergi berperang, sedangkan yang lain memilih untuk berpindah ke tempat lain yang lebih aman. Sehingga akhirnya kelompok Assad, iaitu kelompok yang paling kuat

juga memberikan pertolongan kepada Aisyah. Di dalamnya terdapat orang yang cenderung memilih untuk berpindah ke tempat lain yang lebih aman dan menyendiri untuk mencari keselamatan diri.

Ka'ab bin Syur menemui Sarah bin Saiman tokoh kelompok Assad bagi menasihatinya dengan berkata seperti berikut: "Apabila masyarakat saling berbalahan, maka kita tidak dapat menilainya. Ini kerana pendapatnya ibarat laut yang dituangkan, kerana itu turutilah kata-kataku ini. Janganlah kamu terbabit, menyingkirlah bersama rakyat kerana aku bimbang perdamaian tidak akan tercapai dan yang ada di belakang hanyalah titisan darah."

"Hanya dengan meninggalkan tempat yang besar ini bagi mengelakkan pertumpahan darah dan apabila mereka berdamai, maka hanya perdamaian yang ingin kami capai tetapi jika keduanya berperang, maka kami harus menjadi orang tengah di antara mereka esok harinya."

Sabrah dengan *konsisten* berpendirian sebagaimana yang dikatakan: "Aku bimbang sesuatu yang berasal dari fahaman Nasrani akan menyelimut kamu (Ka'ab pada masa jahiliyah adalah orang Nasrani) apakah kamu menyuruhku untuk menjauhkan diri dari perdamaian dan menghina Aisyah, Thalhah dan Zubair."

"Jika mereka menolak perdamaian itu sendiri dan haruskah aku meninggalkan untuk menuntut darah Uthman, tidak demi Allah, aku tidak akan melakukan itu selama-lamanya."

Rakyat Yaman akhirnya sepakat dan ini meninggalkan kesan pada ajakan Ka'ab untuk menyingkir menjadi sia-sia. Dalam seruannya itu terdapat pengaruh terhadap

Aisyah, kerana kedudukannya lebih kuat dari perintis-perintis yang lain.

Sebenarnya mereka akan membantu Aisyah ketika terpaksa dan mereka mempunyai maksud yang sangat luas, menjaga kedudukan Aisyah dan menegakkan hak-haknya. Imran bin Husain, tokoh Bani Adi mengirim perwakilan untuk memerintahkan rakyatnya berada di masjid mereka dan dia berkata seperti berikut:

“Aku diutus kepada kalian oleh Imran bin Husain, sahabat Rasulullah s.a.w di mana ia mengucapkan salam kepada kalian dan bersumpah kepada Allah bahawa ia sebagai orang Habsah (Ethiopia) yang telah dipotong hidungnya mengembara untuk menjauhkan diri hingga ke puncak gunung dan akhirnya menemui ajal, adalah lebih disukai daripada melempar anak panah kepada salah satu di antara dua kelompok yang bertelingkah.”

“Apakah kamu memandang kenyataan ini yang sangat kuat pengaruhnya sebagai petunjuk yang telah merubah peranan kaumnya? Ingatlah, bahawa tokoh itu bangkit dan berkata kepadanya: “Sesungguhnya sekali-kali kami tidak akan meninggalkan apa yang telah diwariskan oleh Rasulullah s.a.w sedikit pun selama-lamanya. Ini diucapkan oleh tokoh yang berpengalaman, bijak terhadap pemuda dan kanak-kanak.”

Lihatlah bagaimana perkara itu sangat berpengaruh pada diri Aisyah. Ramai masyarakat termasuk Ali yang mengadu kepada Aisyah dan ia berkata: “Ini telah menjadi cubaan dari masyarakat telah menjadi tenang, ramai dan saling bekerjasama antara satu sama lain. Kerana terdorong oleh rasa ingin menciptakan kedamaian, Yuklin bin Munniyyah

menjadi orang tengah untuk menanganinya. Thalhah bertugas menarik perhimpunan dan Aisyah sendiri menjadi pemimpinnya.”

Penulis berpendapat bahawa banyak para cendekiawan yang telah menyelewengkan fakta dengan membuang keburukan sebelum terjadinya perang sehingga mereka tidak menemui keselamatan.

Thalhah dan Zubair yang sememangnya berniat menuntut bela darah Uthman juga sangat ikhlas dalam menerima suasana perdamaian ketika mereka bingung dalam menghadapi persoalan itu. Iaitu mereka tidak rela untuk menangkap pembunuh Uthman dalam waktu terdesak.

Hal itu adalah kerana mereka bimbang berlakunya pertumpahan darah yang kelak mereka berdua harus bertanggungjawab di hadapan Allah s.w.t, sedangkan keinginan mereka sangat kuat untuk segera bertaubat kepada Allah s.w.t dalam urusan hak Uthman yang telah diremehkan.

Tidak seorang pun yang dapat mencegah keduanya dari kesalahan kerana keduanya telah berada pada kedudukan bingung dalam menghadapi pembunuh itu. Masyarakat sudah mendengar dari mereka tentang petunjuk yang menyebabkan kebingungan itu.

Kisah ini sebahagiannya telah anda baca, manakala yang selainnya akan dipaparkan kemudian. Sudah waktunya anda berfikir tentang kebingungan yang telah merasuk mereka berdua.

Seseorang berkata kepada Zubair: “Wahai Abdullah! Apa



yang menjadi persoalan bagimu sekarang? Kamu telah mensia-siakan Khalifah Uthman r.a. hingga akhirnya dia terbunuh dan sekarang engkau ingin menuntut bela darahnya?"

Zubair menjawab: "Aku telah membaca ayat pada zaman Nabi s.a.w, Abu Bakar dan Umar iaitu satu ayat yang berbunyi:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً  
وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

(الأنفال ٢٥)

*"Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksaNya."*

(Al-Anfaal: 8: 25)

Aku tidak merasa ada orang yang lebih tahu dalam urusan itu hingga akhirnya terjadilah apa yang seharusnya terjadi. Kebingungan Thalhhah lebih parah daripada Zubair. Ia ditanya oleh Al-Qamah bin Waqqas Al-Laisi: "Wahai Abu Muhammad! Aku berpendapat bahawa apa yang paling disukai adalah tempat yang telah terkoyak, sedangkan karnu memukul dadamu dengan janggutmu sendiri?"

Thalhhah menjawab: "Wahai Al-Qamah! Terangkan kepada orang lain bahawa kami hanya memiliki satu tangan di antara orang selain kita. Dengan begitu tentu kita akan

menjadi gunung yang diperbuat daripada besi yang menuntut salah satu di antara kita sendiri, kerana hanya ada satu kata dariku, iaitu darahku harus tumpah dalam menuntut darah Uthman.”

Al-Qamah berkata: “Kembalilah wahai Muhammad bin Abdullah kerana kamu masih mempunyai tanggungan keluarga, jika sesuatu terjadi terhadapmu.”

Thalhah menjawab: “Aku tidak senang mencegah seseorang yang takut terhadap persoalan ini.”

Kemudian Al-Qamah menghampirinya, “Jika kamu bangkit dan terjadi sesuatu, maka kamulah yang mesti menanggung keluargamu.”

Thalhah berkata: “Aku tidak suka bertanya kepada seseorang tentang persoalannya!”

Perhatikan! Bagaimana fitnah merasuk orang-orang itu hingga akhirnya terlepaslah sesuatu nasihat ikhlas. Terdapat satu kata mutiara yang patut dicontohi dan diteladani iaitu: “Fitnah itu kejam, jika dihadapi akan menjadi kabur dan jika diremehkan akan menjadi jelas.”

Seandainya seseorang yang mampu melepaskan fitnah setelah masalah terjadi yang di dalamnya telah banyak nasihat dan peringatan-peringatan yang bermanfaat, nescaya hal itu akan menghapuskannya dari mereka sebagai ubat yang mujarab.”

Masyarakat kini hanya menunggu bagaimana merealisasikan perdamaian selanjutnya. Di antara mereka telah bertebaran dan berlegar di sekitar perwakilan dan

kelompok mereka sudah terbahagi menjadi tiga kumpulan di mana sesuatu yang terjadi di antara Thalbah dan Zubair dengan Ali akan saya huraikan.

#### **(D) AHLI POLITIK BERHIMPUN**

Khalifah Ali r.a. bertolak dari Zawiyah untuk bertemu Thalbah, Zubair dan Aisyah. Mereka pula bertolak dari Firdhah untuk menemui Ali. Akhirnya mereka bertemu di kediaman 'Ubaidillah bin Ziad.

Aisyah tinggal di dalam masjid Huddan yang dikuasai oleh kelompok Assad. Dalam dada hanya ada satu hasrat iaitu ingin segera melaksanakan pertempuran. Ketika itulah Aisyah berucap di hadapan mereka yang isinya adalah:

*"Amma ba'du, kita semua bangkit untuk menuntut darah Utman yang telah menggunakan tongkat pemukul, fitnah dan membuat suasana semakin panas, yang mana kalian hanya mencaci-maki sahaja. Ketika kalian menghisapnya laksana baju yang dicuci. Oleh kerana itu, kalian telah menanggung darah yang haram, demi Allah jika boleh menanganinya maka kalianlah orang yang layak melepaskannya dan bertaqwa kepada Allah s.w.t."*

Ketika dua kelompok saling berbalah-balahan. Zubair keluar menunggang kuda yang ditutup kepalanya dengan membawa sebilah pedang. Menurut riwayat At-Tabari, ia terjadi pada pertengahan bulan Jamadil Akhir tahun 36 Hijrah. Ketika ditanya kepada Ali ini adalah Zubair, dia menjawab: "Dia (Zubair) adalah orang yang paling layak untuk mengingati Allah s.w.t."

Lalu Thalbah dan Ali keluar menemuinya. Ketika semakin

mendekat dan leher unta mereka saling bersentuhan, maka Ali berkata: "Demi umurku, kalian berdua telah mengadadad pedang dan para tokoh ke hadapanku, jika hal itu kerana ada uzur maka segeralah kalian bertaqwa kepada Allah, apakah aku bukan saudara kalian berdua dalam agama di mana kalian haram ke atas darahku dan aku juga haram ke atas darah kalian? Adakah sesuatu yang lebih halal daripada darahku?"

Thalhah menjawab: "Apakah kamu mengumpulkan rakyat untuk menyokong Uthman?" Ali menjawab: "Wahai Thalhah! Kamu telah menuntut darah Uthman dan semoga Allah melaknat pembunuh Uthman. Wahai Thalhah, kamu datang dengan kasih sayang Rasulullah s.a.w dan kalian saling berperang serta menyembunyikan kasih sayang itu di dalam rumah! Apakah kamu membai'atku!"

Thalhah menjawab: "Aku membai'atmu tetapi di atas bahuku diletakkan sebilah pedang (maksudnya adalah kerana dipaksa)." Ali bertanya kepada Zubair, "Sesuatu apakah yang datang kepadamu?" Zubair menjawab: "Kamu dan aku tidak melihat, kamu dalam persoalan ini sebagai seseorang yang ahli dan tidak pantas memerintah kami."

Ali bertanya lagi: "Apakah aku bukan orang yang mahir setelah Uthman? Kita sama-sama dari kabilah Bani Abdul Mutalib hingga anakmu yang bernama Ibn Sau'. Oleh kerana itu, pisahkanlah apa yang terjadi di antara kamu."

Sebetulnya di sini banyak kenyataan Ali yang telah diriwayatkan oleh ahli sejarah. Di antaranya adalah seperti berikut.

"Wahai Zubair, apakah kamu masih ingat ketika kamu

bersama Rasulullah s.a.w di kalangan Bani Ghanam di mana Rasulullah s.a.w melihatku lalu aku dan kamu sama-sama tersenyum kepadanya. Engkau berkata bahawa anak Abu Talib tidak meninggalkan cahaya, lalu Rasulullah s.a.w bertanya kepada kamu biarkanlah ia tidak bercahaya tetapi jika kamu memerangnya maka kamu adalah orang yang berlaku zalim.”

Zubair menjawab: “Meskipun engkau telah mengingatkan peristiwa yang telah menimpaku ini, tetapi demi Allah aku tidak akan memerangimu selama-lamanya.”

Para ahli sejarah juga memaparkan fakta bahawa sebelum terjadinya peperangan, Ali berkata kepada Thalhah dan Zubair agar mereka bersumpah tentang (sokongan mereka kepada Aisyah) atas nama Allah s.w.t dan RasulNya untuk menjawab empat persoalan seperti berikut:

1. Apakah kamu tahu terhadap orang Quraisy yang lebih mulia dariku di sisi Allah s.w.t dan RasulNya, Islamku sebelum seluruh manusia menganut agama Islam dan pertolonganku kepada Rasulullah s.a.w dengan pedang dan lembing sangat besar?
2. Aku tidak terbabit dalam pembunuhan Uthman.
3. Aku tidak pernah memaksa seseorang untuk menyokongku (membai'atku).
4. Aku bukanlah orang yang paling baik dalam memberikan sebarang komen ke atas kes pembunuhan Uthman dan pada kalian berdua.

Mendengar empat soalan di atas, Thalhah menjadi sangat

marah, namun Zubair menjawab dengan nada halus. "Sesungguhnya perhimpunan itu diharapkan boleh menjadi sarana atau *wasilah* bagi wujudnya *islah* atau perdamaian antara kedua belah pihak."

Ali kembali kepada pasukannya dan berkata kepada mereka, "Sesungguhnya Allah telah memberikan janjiNya kepada Zubair untuk tidak memerangi kalian."

Thalhah dan Zubair akhirnya kembali kepada pasukan mereka, lalu mereka berdua memberikan kuasa kepada salah seorang utusan. Pada malam hari, Ali mengutus Abdullah bin Abbas untuk menemui Thalhah dan Zubair serta Ali berpesan padanya:

"Temuilah Zubair dan jangan engkau temui Thalhah, kerana Zubair adalah orang yang lembut sedangkan Thalhah adalah orang yang keras kepala, di mana dia selalu menggunakan kekerasan dalam menyelesaikan masalah."

Khalifah Ali juga berpesan lagi: "Sampaikanlah kepadanya salamku dan katakan bahawa sepupumu berkata kepadamu di Hijaz bahawa kamu mengetahuiku, tetapi di Iraq kamu mengingkariku lantas apa yang menjadi perbezaan dalam semua perkara ini?"

Zubair r.a. yang ketika itu menundukkan kepala dan meletakkan tapak tangannya di atas tanah dengan sertamerta mengangkat kepalanya dan berkata: "Besok pagi mushaf-mushaf akan diangkat di hadapanmu dan dengan begitu apa yang kamu halalkan, adalah halal bagi kami dan apa yang kamu haramkan adalah haram juga bagi kami."

Sementara itu, Thalhah hendak beredar namun dia segera dihalang oleh Zubair dan dia pun datang kepada Zubair meskipun dengan perasaan marah.

Seterusnya Thalhah berkata: "Katakanlah kepadanya tertang apa yang disepakati antara kita tentang khalifah dan darah khalifah, berkumpulnya tiga kelompok, menyendirinya satu kelompok yang lain, wanita yang telah diperlakukan dengan baik, perundingan keluarga dan tersebarnya mushaf-mushaf yang kamu halalkan adalah halal juga bagi kami dan apa yang kamu haramkan, haram juga bagi kami."

Thalhah dan Zubair mengutus Muhammad bin Thalhah kepada Ali r.a. dan bersetuju terhadap seluruh kesepakatan secara zahir dan batin selain yang dilakukan oleh orang-orang yang berkongsi khianat dalam membunuh Uthman.

Khalifah Ali juga mengutus tokoh-tokoh dari penyokongnya, dernikian juga yang dilakukan oleh Thalhah dan Zubair untuk menyepakati apa yang telah menjadi kemahuan bersama iaitu perdamaian. Mereka berkumpul pada tengah malam yang selama ini belum pernah mereka lakukan.

Demikian juga yang dilakukan oleh orang-orang yang menuntut keadilan ke atas pembunuhan Uthman. Mereka mengadakan pertemuan untuk membuat rundingan pada malam hari bagi menghindari sebarang situasi yang disalahgunakan oleh mana-mana pihak untuk memutarbelitkan fakta dan mengobarkan api fitnah.

### **(E) PENGKHIANATAN DAN KEJAHATAN YANG DIPELOPORI OLEH ABDULLAH BIN SABA'**

Kedua belah pihak telah sepakat untuk berdamai dan ini disepakati oleh semua pihak kecuali satu kelompok yang memang bertujuan untuk menyalakan api permusuhan.

Mereka adalah penyokong-penyokong Ibn Saba' yang memang berkumpul untuk menyalakan api dari berlakunya pembunuhan Khalifah Uthman. Mereka merasa tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun dan sukar dikesan jika berselindung di sebalik tujuan menolong Ali atau memusuhinya kerana Ali tidak akan tinggal diam untuk menegakkan hukum setelah persoalan ini selesai dan memungkinkannya untuk memperolehi kesempatan.

Demikian juga yang terjadi pada kelompok Aisyah di mana jika kebangkitan mereka tidak akan meninggalkan seorang pun daripada orang-orang yang telah berkongsi membunuh Uthman. Kerana matlamat mereka hanyalah membalas pembunuh Uthman di mana juga mereka berada.

Ibn Sauda' dan Khalid bin Muljam telah menyusun rapi kelompoknya, di antaranya adalah Alba' bin Haizim, Adi bin Hatim, Salim bin Tha'labah, Suraih bin Aufa dan Asytar dan puak-puak yang memang simpati terhadap Uthman.

Mereka berunding dan berkata: "Demi Allah, Ali adalah orang yang paling mengerti tentang kitab Allah s.w.t, dia adalah salah seorang yang menuntut dan mencari pembunuh Uthman dan lebih dekat terhadap persoalan ini."



Ia berkata seperti yang telah dibincangkan sebelumnya dan kebanyakan orang yang memihak kepadanya adalah pembunuh Uthman. Lantas bagaimana ia memandang suatu kaum dan apabila kaum itu sendiri menyembunyikanya serta bagaimana pula *eksintesi* minoriti kita berada di tengah-tengah mereka yang majoriti? Demi Allah, kalian adalah orang yang dikehendaki dan kalian tidak akan menemui keselamatan.”

Asytar menjawab: “Mengenai Thalhah dan Zubair, kita semua telah mengerti persoalan mereka, tetapi masalah Ali, kita tidak mengerti persoalannya hingga sekarang. Pendapat masyarakat yang berlegar di tengah-tengah kita hanyalah satu. Jika mereka berdamai, maka taruhannya acalah darah kita. Kerana itu, marilah kita mencampakkan Ali dan menemukannya dengan Uthman serta kita kembalikan fitnah dan mengobarkannya semula.”

Ibn sauda' menjawab: “Pandanganmu sangat buruk. Wahai pembunuh Uthman, kalian orang Kufah yang ketika itu berada di Zu Al-Qarin berjumlah 2,500 orang, sedangkan Al-Qa'Qa' bin Amr dengan pasukannya yang berjumlah 2,500 orang juga akan melakukan serangan kepada kalian. Untuk itu hentikan segala kelemahan yang ada.”

'Alba' bin Haizim berkata: “Marilah kita menjauhkan diri daripada mereka dan meninggalkannya jika mereka sedikit, maka yang lebih menonjol adalah permusuhan tetapi jika bilangan mereka ramai maka mereka akan menuntut untuk berdamai dengan kalian. Tinggalkanlah mereka dan pulanglah kalian ke negeri masing-masing hingga akhirnya ada orang yang betul-betul membantu kamu dalam persoalan ini dan cegahlah masyarakat umum dari terbabit.”

Ibn Sauda' berkata: "Pendapatmu juga sangat buruk kerana dengan cara ini kamu tidak mampu memberikan jiwa yang merdeka kepada masyarakat dan seandainya apa yang engkau katakan itu benar, maka segala sesuatu akan mencelakakan dirimu."

Adi bin Hatim berkata: "Demi Allah, aku rela dan tidak memaksa, aku hanya kasihan dengan orang-orang yang telah menyimpang dari pembunuhan Uthman yang menjadi tajuk dalam kes ini kerana jika demikian, maka akan terjadi apa yang seharusnya terjadi dan masyarakat hanya menjadi penonton."

"Sedangkan kita semua sudah mempunyai kelengkapan yang terdiri dari bekalan dan pedang. Jika kalian memulakan kami pun akan memulakannya dan jika kalian menahan kami pun akan menahan."

Ibn Sauda' berkata: "Pendapatmu itu amat bagus." Salim bin Tha'labah berkata: "Barangsiapa yang hanya menghendaki kehidupan dunia, maka aku tidak menghendaki perkara itu dan aku bersumpah demi Allah, jika hari esok aku bertemu dengan mereka maka aku tidak akan pulang ke rumahku dan jika aku masih hidup apabila bertemu dengan mereka, maka aku tidak diberi umur yang panjang dan aku bersumpah kepada Allah s.w.t bahawa kalian telah memecah-belahkan umat ini dengan pedang yang persoalan mereka hanya diselesaikan dengan pedang juga."

Ibn Sauda' berkata: "Pendapat ini sungguh hebat dan luar biasa." Suraih bin A'ufa berkata: "Kalian telah bosan menghadapi persoalan ini sebelum kalian keluar dan janganlah menanggukuhkan persoalan kalian yang mesti

diselesaikan segera dan janganlah kalian terburu-buru menyelesaikan persoalan yang seharusnya ditangguhkan. Kami hanyalah rakyat biasa dan kami tidak tahu apa yang akan dilakukan oleh rakyat kepada kami pada hari esok ketika mereka menemui hal itu.”

Ibn Sauda’ menjawab: “Wahai rakyat sekalian, sesungguhnya kemuliaan kamu terletak pada percaturan sosial masyarakat. Oleh itu, buatlah seperti biasa kepada mereka. Jika hari esok rakyat bertemu, maka peperangan akan berkecamuk dan janganlah kalian beranggapan bahawa apabila kalian bersama seseorang yang tidak menemui halangan daripada harus mencegah dan Allah menjadikan Adi, Thalhah, Zubair dan orang-orang yang setuju terhadap apa yang kalian benci dalam keadaan sibuk, maka pandanglah pendapat itu dan pecah-belahlah kerana rakyat tidak mungkin melakukan hal itu.”

Saya (penulis) berdoa semoga Allah melaknat Ibn Sauda’ kerana saya melihatnya tidak lebih dari syaitan yang telah diadikan dari bara api neraka. Apa yang menjadi pandangannya hanyalah hasutan fitnah dan kala jengking dan hembusan-hembusan itulah yang dirundingkan oleh penyokongnya.

Kecerdikannya digunakan untuk memfitnah dan mengobarkannya secara besar-besaran. Bagaimana keluarga yang terpengaruh oleh kecurangan pendapatnya sehingga hanya ada kata buruk yang layak bagi Ibnu Sauda’ iaitu dia adalah orang yang memecah-belahkan persatuan, penfitnah dan pemusnah umat.

Setelah kejahatan yang telah dipaparkan ini, bagaimana berubahnya pendirian penyokongnya yang telah memecah-

belahkan pendapatnya. Memandangkan tidak secepat Buraq, sesuai dengan apa yang dipaparkan oleh para ahli sejarah iaitu tentang majlis orang-orang kafir Quraisy yang berada di Dar Al-Nadwah (satu lembaga peradilan dalam masyarakat jahiliyah) di mana mereka bersepakat untuk membunuh Nabi Muhammad s.a.w.

Ketika itu juga mereka telah diilhamkan oleh iblis yang berubah bentuk sebagai Syeikh Najdi. Setiap kali ada seseorang yang berpendapat tentang Muhammad s.a.w, maka ia akan menyesatkan dan tidak membukanya bahawa pendapat itu mengarah pada kerosakan hingga akhirnya ia mampu melemahkan setiap pendapat kaum.

Lalu mereka bertanya: "Bagaimana pendapatnya?" Dia menjawab, "Kalian harus memilih seorang lelaki dari setiap suku yang telah dididik untuk memberi hukuman berupa sebat di mana akhirnya mereka berkumpul dan memukul Muhammad s.a.w beramai-ramai sehingga setiap puak akan terlepas dari darah Muhammad s.a.w."

Tindakan ini bagi mengelakkan dari balas dendam Bani Hasyim, mereka pasti tidak akan mampu memerangi masyarakat Arab secara keseluruhan. Apakah kejahatan itu tidak sama dengan kesepakatan semula seperti yang mereka katakan dalam majlis ini?

Bukankah kalau begitu Ibn Sauda' sememangnya iblis yang berupa manusia secara nyata? Saya memohon ampun dari dosa kepada Allah dari dipengaruhi iblis seperti itu! Demi Allah s.w.t, dia adalah orang yang paling mengalahkan umat ini dan menghancurkannya daripada iblis. Apa yang lebih tragis adalah dalam dirinya hanyalah terdapat tindakan untuk mengada-ada dan tipu daya yang

menyesatkan.

Saya bimbang terhadap orang-orang yang menuduh iblis ini adalah anak dari anak-anak Ibnu Sauda'. Ibnu Sauda' baru yang sering menyemburkan racun fitnah, tipu daya dan fitnah yang berasal daripada orang Yahudi di mana mereka sama dengan peranan yang dilakukan oleh Syeikh Najdi sebagai penengah yang sebenarnya terdapat inti segala muslihat. Lalu yang patut dilontarkan dalam persoalan adalah: Apakah ada rakyat yang berkumpul untuk menolong Uthman selain daripada Ibn Sauda'?

Apakah seseorang yang menipu mereka sama dengan perkataan yang disampaikan kepada mereka untuk mencari sokongan ke atas ajakannya, apakah darah Uthman hanya boleh diselamatkan dengan perang saudara?

Apakah mangsa yang mati syahid yang berjumlah puluhan ribu yang terdiri dari sahabat Muhajirin dan Ansar dan para tabi'in ada usaha dan tindakan yang diada-adakan terhadap umat ini?

Sejak itu hingga sekarang umat Islam masih terjebak dalam kebahagiaan di atas kesengsaraan yang lain yang dihembuskan oleh Ibnu Sauda' baru dalam memecah-belahkan rakyat dan negara Islam.

Allah s.w.t telah menciptakan umat ini supaya tidak terpedaya lagi oleh mereka kecuali mereka berjaya terhadap apa yang mereka kehendaki sehingga Allah s.w.t memutuskan persoalan yang telah terjadi.

## **FASAL KETIGA**

### **(A) TIPU MUSLIHAT ATAU KEPENTINGAN TERTENTU DAN PEPERANGAN FITNAH: MENGADAKAN SESUATU YANG TIDAK WUJUD**

Ketika malam yang gelap telah datang, tanpa disedari anggota dewan persuratan telah menzahirkan suatu kesepakatan rahsia di mana mereka akan membalas setiap apa yang membahayakan mereka dan mengangkat senjata untuk menunjuk kekuatan.

Akhirnya mereka sepakat membawa pedang dan setiap rakyat Basrah dan orang yang sefahaman dengan mereka setelah sepakat untuk menuntut bela. Masyarakat dihasut dengan menjemput Thalhah dan Zubair untuk bertanya:

“Apa ini?” Mereka menjawab, “Kami datang kepada penduduk Kufah pada malam hari. Mereka berdua berkata telah mengetahui bahawa Ali tidak mampu menyelesaikan persoalan tersebut hingga akhirnya menumpahkan darah, haram menjadi halal dan ia sendiri tidak mentaati kami.”

Mereka terus bergerila. Di dalam perjumpaan-perjumpaan sulit dan mengutus Abu Rahman bin Harith Bin Isa untuk menjaga sisi kanan dan Abdurrahman bin Attab Bin Asid di sisi kiri dan mereka tetap dalam sikap mereka. Penduduk Basrah menghalang orang-orang yang melalui sempadan untuk dikembalikan kepada pasukan mereka.

Ali mendengar suatu maklumat di mana orang-orang yang menjadi penyokong Ibn Sauda' yang telah melakukan perjumpaan sulit telah menjadikan seseorang sebagai perisik untuk memperolehi maklumat yang mereka inginkan

ketika dia bertanya apakah ini?

Perisik itu menjawab: “Kami tidak datang kecuali kaum itu mendatangi kami dan kami akan mengembalikan mereka kepada asalnya, hingga akhirnya kami tetap menemui kaum itu berjalan di atas kaki untuk mempengaruhi kami dalam menuntut rakyat.”

Khalifah Ali berkata kepada pengawal kanannya, “Wahai pengawal, ke marilah kamu. Demikian pengawal yang berada di sebelah kiri, kalian sudah tahu bahawa Thalhah dan Zubair tidak terbabit dalam pembunuhan Uthman, hingga akhirnya terjadi pertumpahan darah dan penghalalan sesuatu yang haram melainkan mereka berdua tidak taat kepadaku.”

Sedangkan penyokong Ibn sauda' tidak melakukan fitnah hingga akhirnya peperangan membawa mereka ke wilayah Khandaq. Kemudian mereka membunuhnya hingga perang selesai. Ali berucap di hadapan rakyat: “Wahai rakyat sekalian, tahanlah dan jangan sampai terjadi sesuatu!”

Pendapat mereka di dalam menghadapi fitnah itu adalah tidak terjadinya perang hingga akhirnya persoalannya menjadi jelas di mana mereka meminta kelompok lain untuk menerangkan alasan-alasannya. Setiap ketua dari kedua belah pihak menyarankan untuk tidak membunuh mahupun melukai salah satu pihak.

## **(B) PEPERANGAN**

Ka'ab bin Syur adalah seorang Hakim di wilayah Basrah datang kepada Aisyah dan berkata: “Wahai Aisyah tinggalkanlah tempat ini kerana masyarakat hanya inginkan

berlakunya peperangan dan semoga Allah s.w.t tetap memberikan jalan perdamaian bagi kamu.”

Penyokong Aisyah memakai perlengkapan perang. Mereka menyediakan seekor unta dan mengirimkannya kepada Aisyah r.a. Ketika ia keluar dari rumahnya dan mendengar suara pengacau itu, dengan serta-merta dia berhenti. Dia segera berkata: “Apakah ini?” Mereka menjawab, “Hiruk-pikuk pasukan?” Aisyah bertanya lagi: “Baik atau buruk?” Mereka menjawab: “Buruk.”

Aisyah bertanya: “Pihak manakah di antara kedua belah pihak yang mengacau itu?” Jawabnya, “Pasukan yang berjaya dipukul mundur.” Ketika mendengar takdir, para pasukan Aisyah berkata, “Janganlah kalian terlalu banyak berteriak kerana pada akhirnya akan mengakibatkan hilangnya semangat!”

Pasukan di antara kedua belah pihak tidak hanya terdiri daripada masyarakat awam dan para pengacau, tetapi juga terdiri dari para Qari’, Hakim dan pakar hukum Islam di mana mereka terbahagi menjadi dua, satu kelompok bersama Ali r.a. sedangkan kelompok lain bersama Aisyah. Apa yang paling mengharukan adalah setiap kelompok saling menyalahkan hujah-hujah dan ingin agar peperangan tidak terjadi sebelum akar permasalahannya menjadi jelas hingga akhirnya persoalan itu memberikan suatu keuzuran antara Allah s.w.t dengannya.

Kedua-dua kelompok itu masing-masing mengutus wakil yang di dalam tangannya terdapat mushaf Al-Quran, namun akhirnya dua wakil itu telah terbunuh.

At-Tabari menyatakan bahawa Ali dengan mushaf di



tangannya, mengelilingi dan berkata kepada sahabat-sahabatnya, "Siapakah di antara kalian yang berani memegang mushaf ini dan isinya di mana jika tangannya dipotong, dia akan memegang mushaf itu dengan tangan yang lain dan jika masih dipotong lagi, maka dia akan mencekam mushaf itu dengan giginya sedangkan ia terbunuh?"

Seorang pemuda dari Kufah berdiri dan menjawab, "Saya ahlinya mushaf." Lalu Ali memberikan kepadanya dan berkata, "Siapa yang mengambil mushaf ini bagi mengajak mereka kepada isi Al-Quran, meskipun ia akan terbunuh."

Pemuda itu menjawab: "Saya." Mushaf itu akhirnya diberikan padanya dan ketika Ali bertanya kali ketiga pemuda itu tetap menjawab saya. Setelah diberikan Ali berkata, "Berikanlah ini kepada mereka dan katakanlah bahawa ini sejak awal hingga akhir tetap menjadi persoalan di antara kita dan hanya Allahlah yang akan menjadi hakim atas darah kita."

Pemuda itu akhirnya membawa dan mengajak mereka tetapi tidak diterima ajakannya. Mereka memotong tangan kanannya. Ketika ia menggenggam mushaf dengan tangan kirinya dan mengajak mereka, tetapi mereka memotong pula tangan kirinya. Kemudian mendekap ke dadanya sedangkan darah terus mengalir di atas jubah itu. setelah mereka melempar anak panah mereka lalu membunuhnya dan Ali berkata, "Sekarang memerangi mereka adalah halal dan merupakan pilihan yang tepat bagi kalian."

Dengan terbunuhnya pemuda itu perangpun dimulakan. Di sebelah kanan Ali terdapat Hasan dan sebelah kiri terdapat Husain, sedangkan pemegang benderannya

adalah Muhammad bin Hanafiah.

Menurut pengarang kitab, *Al-Aqdul Al-Farid* mengatakan: "Sebagai tambahan atas riwayat Imam At-Tabari, bahawa 'Imar bin Yasar menunggang kuda, Muhammad bin Abu Bakar berdiri sebagai pengawalnya dan Abdullah bin Abas sebagai pelindung."

Ada pun pasukan Basrah berkuda dipimpin oleh Thalbah, pasukan yang berjalan kaki dipimpin oleh Muhammad bin Zubair, sedangkan bendera perang dibawa oleh Abdullah bin Hakim bin Hizam. Tempat pertemuannya berada berhampiran dengan kediaman Ubaidillah bin Ziyad dan peperangan ketika itu bermula pada waktu siang hingga berakhir ketika hampir mendekati waktu Asar.

Pasukan Aisyah kalah setelah terbunuhnya pemuda itu dan penguasaan medan oleh pasukan Ali pada hari itu juga. Zubair berkata: "Wahai rakyat sekalian, aku adalah Zubair, marilah kalian bersamaku. Demikian juga yang dikatakan hambanya yang membenarkan sanjungan Rasulullah kepada tuannya."

Zubair r.a. membenarkan kata-kata itu sekiranya pasukan Ali membebaskan dan tidak membunuhnya ketika mereka tahu bahawa ia bersalah hingga akhirnya 'Imar yang terlibat dalam peperangan itu menarik anak panahnya, tetapi dengan serta-merta Zubair bertanya, "Apakah kamu ingin membunuhku wahai bapa Yaqzan?" Dia menjawab: "Tidak wahai Abdullah." Zubair lalu mengasingkan diri ke Wadi As-Saba' (hal ini akan saya terangkan secara terperinci pada bab orang-orang yang terbunuh)."

Ia diikuti oleh para penunggang kuda dan rakyat lain. Ketika

penunggang kuda itu tahu bahawa rakyat lain juga mengikut Zubair, maka mereka dengan serta-merta memisahkan diri dan berkata: "Wahai Zubair, engkau akan ditinggalkan oleh mereka."

Pada awal peperangan, Thalhah tercedera dan dia sempat bertemu dengan Al-Qa'Qa' seperti yang (pembaca) ketahui bahawa Al-Qa'Qa' adalah termasuk penyokong kuat Khalifah Ali. Thalhah pun berkata: "Wahai hamba Allah kemarilah kamu dan bersabarlah. Lalu ia bertanya "Wahai bapa Muhammad bin Zubair, engkau telah terluka dan kamu mempunyai alasan yang jelas dalam apa yang kamu kehendaki, oleh kerana itu masuklah kamu ke dalam rumah."

Thalhah menjawab: "Wahai anak muda! masuklah dan bantulah aku ke suatu tempat. Ia menuju ke Basrah dengan diikuti oleh pemuda itu dan kedua orang lelaki. Rakyat terus berperang, sedang Thalhah dan Zubair menghindar - dan pada siang hari pasukan Aisyah telah kalah serta mereka menerima kekalahan itu dan mereka ingin pergi menuju ke Basrah.

Ketika mereka melihat pasukan berundur dan Aisyah dikelilingi oleh kabilah, mereka segera kembali seperti ketika bertemu. Kembali pada persoalan baru dan Rabi'ah berhenti di Basrah. Di antaranya terdiri dari pasukan kanan dan kiri.

Orang-orang yang penuh dengan keberanian itu mengelilingi pasukan Aisyah. Setiap mereka mengambil tali kekang unta, tidak dinaiki dan ternyata sudah mati maka puak yang lain datang mengikatnya kembali, dilindungi dan terus dipertahankan dan bernyanyi dimana Pasukan unta

ditebus dan ketika itu yang terbunuh sekitar 70 orang Quraish. Kedua puak terus dilanda konflik yang berkepanjangan ketika keduanya saling menyerang. Berkobar api peperangan, bertambah adanya persoalan baru.

Pasukan pengawal kanan Ali akhirnya bertemu dengan pasukan kiri Kufah dan terjadilah perang yang dahsyat. Rakyat dengan saksama tetap melindungi Aisyah dan mereka sebahagian besar berasal dari puak Bani Dhabbah dan Assad dimana mereka berteriak kepada Ali, "Berikanlah kepada kami sunnah Abu Bakar dan Uthman."

Ketika peperangan berlangsung, Aisyah mengatur strategi baru, jika selamat maka peperangan berhenti untuk sementara waktu. Tetapi jika tidak, maka yang mesti dilakukan adalah bertempur hingga ke titisan darah yang penghabisan.

Ia berkata kepada Ka'ab bin Syur yang menjadi pemimpin untanya: "Wahai Ka'ab! Tinggalkanlah unta ini dan angkatlah kitab Allah dan ajaklah mereka kepada apa yang telah menjadi ajaran di dalamnya!" Lalu dia memberikan Ka'ab sebuah mushaf, dengan serta-merta dia membawanya ke tengah-tengah umat yang bertelingkah di mana Ka'ab berdo'a kepada Allah s.w.t agar tidak berlaku pertumpahan darah yang lebih banyak.

Setelah itu, dia membuang kekang kudanya, perisai dan baju perangnya sehingga dia mengajak mereka agar kembali kepada kitab Allah dan menghentikan peperangan. Ia berada di tengah-tengah kaum penyokong Ibn Sauda' yang terbabit dalam gejolak orang.

Mereka terus mengobarkan api peperangan setiap kali perang hendak reda kerana takut perjanjian damai kembali dicapai. Oleh kerana itu, mereka tetap maju ke medan perang dan Ali sebenarnya tahu akan maksud mereka itu.

Ketika Ali mencegahnya, mereka tidak mahu. Ketika mereka melihat Ka'ab yang membawa mushaf, mereka melepaskan anak panah dan membunuhnya. Kemudian mereka cuba melepaskan anak panahnya ke arah Aisyah yang membuatnya berteriak, "Wahai puak Baqiah! Sambil meninggikan suaranya, ingatlah kalian kepada Allah dan perhitungan amal nanti di hari akhirat." Mereka tetap tidak mahu berhenti kecuali terus berperang.

Pada awalnya Aisyah berseru: "Wahai rakyat sekalian! Laknatlah orang yang telah membunuh Khalifah Uthman r.a. dan para pengikutnya." Aisyah berdoa dan meninggikan suara mendoakan rakyat Basrah. Ketika Ali mendengar doa itu, Ali berkata, "Suara apa ini?" Mereka menjawab "Aisyah dan mereka sedang berdoa dalam melaknat para pembunuh Uthman dan pengikutnya."

Ali menerimanya dengan doa yang pada saat itu beliau dijaga oleh Muhammad bin Hanafiah di sebelah kanan dan Ibnu Abbas di sebelah kiri. Seterusnya beliau berkata, "Ya Allah! Laknatlah para pembunuh Uthman di tanah rata, gunung, darat dan lautan yang luas."

Aisyah mengutus Abdurrahman bin Attab dan Abdurrahman bin Haris untuk tetap pada kedudukan masing-masing dan ia tetap memberi sokongan kepada rakyat ketika melihat pasukan hanya inginkan Aisyah dan jangan sekali-kali menghalang rakyat yang lain.

Ketika kabilah Basrah sudah tiba, maka kabilah Kufah serta-merta berteriak keras hingga menjadikan Khalifah Ali gemetar. Dengan perasaan yang tidak menentu, ia mengikut anaknya iaitu Muhammad yang sedang membawa bendera perang dan dia berkata, "Bawalah ini." Kemudian berundur.

Khalifah Ali ingin mengambil bendera yang dipegang oleh Muhammad. Puak kabilah Kufah yang juga turut berjaga menghadapi pasukan Aisyah. Sementara pasukan tetap tidak berbuat apa pun. Pasukan Ali yang tidak dikawal oleh kabilah yang lain merasa simpati terhadap peperangan yang mula berkecamuk dengan dahsyatnya.

Di antara mereka adalah Zaid bin Shauhan, ia bukan puak kabilah yang bergabung yang sedang menggenggam bendera pasukan kiri Kufah dan pada saat itu dia ditanya oleh seseorang, "Jauhlah kamu dari puakmu, apa kuasamu dengan peristiwa ini? Apakah kamu tidak tahu bahawa kabilah itu termasuk kudamu? Unta (Aisyah) termasuk di antara kamu? Mati adalah selainnya?" Zaid menjawab: "Mati adalah lebih baik daripada hidup dan hanya mati yang aku inginkan." Bendera itu dilemparkan dan diambil oleh saudaranya yang bernama Saihan. Dengan demikian maka perang pun bermula.

Ketika Imam Ali melihat peristiwa itu, maka ia segera mengutus Yaman dan Rabi'ah untuk mengumpulkan orang-orang yang ada. Berdirilah lelaki dari puak Bani Abdul Qa'is dan berteriak kepada pasukan Aisyah: "Kami mengajak kalian untuk kembali kepada kitab Allah *Azza wa Jalla*." Mereka menjawabnya: "Bagaimana mungkin orang yang tidak menegakkan perintah Allah dan membunuh Ka'ab bin Syur itu mengajak kepada kitabNya?"

Lalu dia dilempar dengan lembing oleh Rabi'ah dan terbunuh. Ketika Muslim bin Abdullah Al-'Ajili berada di sampingnya, maka ia segera membunuhnya dan terjadilah pertempuran yang hebat antara kedua pihak sama ada dari puak Kufah mahupun Basrah.

Imam Ali melihat bahawa puak Kufah akan mengalahkan puak Basrah dan akan diimbang oleh puak Basrah yang mana terjadilah serang-menyerang antara kedua puak. Mati itu tidaklah mudah diliputi oleh kelalaian, orang yang lalai akan menemuinya dan tidak akan mudah ditinggalkan oleh orang yang Mukmin.

Lalu perang itu meletus dengan dahsyatnya. Tokoh setiap kabilah itu mempunyai hubungan kerabat yang terdiri dari hubungan sepupu, namun malangnya mereka harus saling membunuh.

Para ahli sejarah beranggapan bahawa Ali mengatakan pada Asytar Al-Nakha'i pada perang Jamal itu, "Bawalah." Lalu dia membawa kepada sahabat-sahabatnya yang terdiri dari penduduk Yaman dan menerangkan kepada orang di sekitarnya, lalu dia berkata kepada Hasyim bin Ucbah yang ketika itu berada di sisinya, "Bawalah."

Kemudian ia membawa kepada kabilah-kabilah itu dan menerangkannya. Para ahli sejarah mengatakan bahawa Ali berkata, "Bagaimana kalian dalam memandang pasukan yang menyokongku?"

Peperangan itu hampir menemui titik akhir pada pertengahan hari. Peperangan yang hampir berhenti itu dipengaruhi oleh ketidakterlibatan Thalhah dan Zubair.

Bagaimanapun setelah keduanya menyaksikan pada awal peperangan, maka tergeraklah dalam hati mereka untuk ikut sama. Pada waktu berikutnya ketika peperangan itu bertambah panas dan semua pasukan melakukan pertempuran fizikal sehinggalah akhirnya Muhammad bin Hanafiah tidak mampu melihat bendera pasukan Ali kecuali hanya tombak dan bapanya berkata: "Majulah kamu, jika tidak kamu tidak akan mempunyai ibu."

Ia terlambat tetapi masih sempat berkata, "Aku hanya menemui pasukan yang berada di hujung tombak." Lalu Ali melepaskan bendera daripada tangannya dan berkata dengan syair:

*"Kamu adalah orang yang mampu menipuku  
tentang kebaikan. Wahai rakyat sekalian,  
sesungguhnya kehidupan yang disediakan untuk  
mati adalah lebih baik memerangi putera-putera  
kita."*

Kedua pasukan itu akhirnya saling berperang dengan sangat dasyat sebagai gambaran dari apa yang ada di dalam hati mereka, termasuk penduduk Yaman. Sepuluh pasukan Ali yang terdiri dari penduduk Kufah juga terbunuh di mana lima orang yang berasal dari penduduk pendatang Hamdan dan selebihnya berasal dari Yaman. Ketika Yazid bin Qais melihat hal itu, dia berkata dengan serangkap syair:

*"Wahai diri, kamu telah hidup dan telah cukup,  
sekarang tidak ada zaman yang tersisa selain  
kamu."*

Abdullah bin Hakim bin Hazm, pembawa bendera pasukan



unta yang berasal dari orang Quraisy bertemu dengan Abi bin Hatim. Mereka berdua ibarat dua haiwan jantan. Pasukan Ali merosakkan mata Abdullah lalu membunuhnya.

Hal itu dilakukan setelah matanya terkena penyakit lalu dia mencungkilnya. Pihak yang berperang berhenti setelah ada teriakan dari Kummah: "Wahai rakyat sekalian, berpalinglah kalian ketika kesabaran telah selesai dan pertolongan telah diberikan iaitu berbuat baiklah terhadap semua puak dan tinggalkanlah medan perang."

Peperangan tercetus dengan dahsyatnya. Pasukan dari kedua belah pihak telah hilang kesabaran. Terdapat beberapa potong tangan dan kaki yang sudah tidak dikenal pasti siapa pemiliknya. Demikian juga tangan Abdurrahman bin Attab.

Peperangan bertambah panas dan dahsyat, hingga akhirnya pasukan dari Kufah kembali ke nurani hatinya. Pasukan kiri Basrah juga membara dalam hati mereka, demikian juga pasukan Kufah. Aisyah lebih ghairah dalam memberi sokongan moral dan membakar semangat pasukannya serta menguji keberanian mereka.

Dia berkata kepada pengawal yang berada di sisi kirinya, "Siapa mereka?" Shabrah bin Saiman menjawab: "Mereka adalah kelompok Azak." Dia berkata: "Wahai suku Ghassan, sekarang waspadalah akan kulitmu yang telah aku dengar, lalu bersyair:

*"Penduduk Ghassan harus menjaga, pemberian dan kemudahannya."*

Dia berkata kepada pengawal yang berada di sebelah

kanannya, siapa mereka? Mereka menjawab: "Suku Bakr bin Wa'il. Kalian sesuai dengan apa yang dikatakan seseorang. Mereka datang kepada kami seperti besi, penuh kemuliaan sebagaimana dilakukan oleh Bakr bin Wa'il."

Kemudian mereka berperang dengan lebih dahsyat lagi dari yang sebelumnya. Aisyah menoleh kepada puak yang berada di sekitarnya dan bertanya, siapa mereka? Mereka menjawab, "Bani Naji." Dia berkata: "Bagus! Ini adalah pedang orang-orang Abthahiliyah (pahlawan-pahlawan) dan orang-orang Quraisy, gunakanlah hingga akhirnya boleh ditebus."

Lalu dia di kelilingi oleh Bani Thabbah, "Sokongan untuk kalian sama seperti tajamnya batu-batu kerikil." Hingga ketika bilangan mereka berkurang, Bani Adhi memberikan pertolongan kepada mereka dan Aisyah bertanya, "Siapa mereka?" Mereka menjawab: "Bani Adhi telah membantu kami."

Dia berkata: "Pemimpin pasukan unta tidak akan seimbang sebelum membunuh Bani Thabbah di sekitarmu." Mereka menghadapi pemimpin unta, memukul tanpa sadar, tidak melampaui batas hingga hal itu bertambah banyak dan bercampur-baur di antara kedua belah pihak baru mereka berkata: "Rakyat tidak akan kalah atau pasukan menjadi takut."

Pasukan Ali dan pasukan unta tetap bersemangat sesuai hati mereka dan masing-masing diliputi oleh rasa benci yang mendalam.

Dari hati yang ditunjukkan dengan keikhlasan berperang,

muncullah ahli *Fiqh* yang sangat agung di sisi Aisyah. Dia adalah Amr bin Yasrib sebelum Ka'ab bin Syur. Dia pemimpin pasukan unta setelah terbunuhnya Ka'ab bin Syur.

Lalu dia bersyair:

*"Wahai ibuku, isteri Nabi s.a.w,  
Isteri yang penuh berkat dan hidayah,  
Kami adalah Bani Thabbah murni yang tidak akan  
terpecah,  
Hingga kami dapat melihat syaitan-syaitan itu,  
Yang hanya menimbulkan kekacauan dan  
keresahan."*

Ketika Ali menawan pasukan unta dengan orang-orang yang dipercayai olehnya, maka Hindun bin Amr Al-Muraghi berjaya diusir tetapi ditolak oleh Ibn Yasrib. Ketika kedua orang itu berlaga akhirnya Ibn Yasrib berjaya membunuhnya, begitu juga yang terjadi pada Syaihan bin Syauman, Alba' bin Haisyam dan Sha'sha' yang kesemuannya berjaya dibunuh oleh Ibn Yasrib. Lalu dia bersyair:

*"Saya adalah penyokong orang yang diingkari Ibn  
Yasrib,  
Pembunuh Alba' dan Hindun sebagai pasukan unta,  
Dan Ibn Syauman sebagai penyokong Ali."*

'Imar memanggilnya: "Kamu telah menikmati umurku penuh pelihara dan tanpa dasar. Kalau kamu memang orang benar, keluarlah dari puak ini kepadaku."

Lalu Ibn Yasrib menyerahkan tampuk kepimpinannya

kepada salah seorang Bani Adhi ketika berada di tengah-tengah pasukan Aisyah dan Ali. Dia bertanya: "Siapa orang yang ingin maju? Ketika ada orang yang maju dia membunuhnya dan ketika ada yang lain maju dia pun membunuhnya dan bersyair:

*"Aku berjaya membunuh mereka tetapi aku belum melihat Ali,  
Andaikata aku ingin, aku akan memasukkannya ke dalam mulut,  
Aku membunuh mereka tetapi aku belum melihat bapanya Hasan,  
Ini sudah cukup untuk mengubati rasa susah yang menyelimuti,  
Kamilah yang akan menyelesaikan persoalan hingga keakar umbinya."*

'Imar bin Yasar yang pada ketika itu berumur sembilan tahun maju ke hadapannya, ketika itu tubuhnya kurus membawa pedang dengan susah dan sarungnya disarungkan di atas ketiakanya. Dia membawa selabut yang digantungkan.

'Imar adalah orang yang paling kecil menghadapi Ibn Yasrib. Ketika dia keluar, rakyat memintanya untuk kembali dan berkata: "Demi Allah ini tidak seimbang dan harus dicari kesepadanannya." Lalu dia berdepan dengan Amr Ibn Yasrib dan berjaya menyingkirkan perisainya yang diperbuat daripada kulit dan menyarungkan pedangnya kembali.

'Imar berjaya memukul dan mambentangkan serta menginjak dengan kedua kakinya lalu memotongnya dan meletakkannya. Pasukan Ali melontarnya dengan batu

hingga akhirnya dia terbunuh. Setelah itu, mereka membawanya kepada Ali dan Ali berkata, "Diamlah kamu di sini, aku telah menjauhkan tiga puak yang mukanya berjaya kamu pukul dengan pedangmu." Lalu Dia memerintahkan untuk membunuhnya dan inilah satu persoalan yang membuat Ali tersisih kerana seharusnya ia mencegah dari perbuatan keji itu.

Ketika Ibn Yasrib terbunuh dan meninggalkan permusuhan, Ali keluar dan berteriak: "Siapakah yang mahu maju lagi?" Mendengar itu, 'Imar bersembunyi, maka nampaklah salah seorang penyokong Ali yang bernama Rabi'ah Al-Aqli yang sangat nyaring suaranya keluar dan berkata dengan syair seperti berikut:

*"Wahai Ibu! Kami tahu ibu adalah orang yang paling derhaka,  
Seorang ibu seharusnya memberi makan dan mengasihi anak-anaknya,  
Apakah kamu melihat berapa ramai orang yang berani telah tampil dan tangannya dipotong dan dimusuhi?"  
Keduanya saling menyerang, kasar dan meninggalkan dunia."*

Lalu ada seorang lelaki Bani Dabbah yang bernama Mari'i yang sangat kuat berdiri di tempatnya dan memecahkan pedang dengan tangannya seperti mengoyak sesuatu dan bersyair seperti berikut:

*"Kami adalah Bani Dabbah penyokong pasukan unta,  
Kami akan menyambut kematian ketika dia turun kepada kami,*

*Jika ajal sudah dekat, maka kematian tidak akan  
hilir mudik kembali,  
Bagi kami kematian lebih manis daripada madu,  
Kami mendengar kematian Uthman melalui  
tumbuh-tumbuhan yang kecil,  
Ali adalah pengganti yang sangat buruk,  
Jika kalian meminta keadilan atas Uthman, maka  
itu tidak akan mungkin,  
Di mana ada lembah dan puncak gunung yang  
dapat mengembalikan tanggungjawab kepada  
kami.”*

Ketika pasukan Aisyah bersyair, Amir bin Haris sebagai penyokong Ali menjawabnya dengan syair pula sebagai lawan kepada mereka iaitu seperti berikut:

*“Kami telah membunuh Uthman di antara orang-  
orang yang banyak terbunuh,  
Bagaimana mungkin kami akan mengembalikan  
kepadamu sedangkan itu sudah kering,  
Kami memukul dadanya kerana ia melarikan diri  
dari hukum-hukumnya di mana ia seperti berhala  
Lata dan Uzza,  
Yang hanya mementingkan harta rampasan, namun  
buruk dalam praktiknya,  
Jadi tidak hairan apabila Allah menggantikannya  
dengan yang lebih baik,  
Kami adalah orang-orang yang maju tanpa  
memihak sebelah mana pun,  
Yang bersedia untuk mengadakan perang yang  
penuh dengan kebatilan itu.”*

Bani Dhabbah yang berada di sekeliling Aisyah itu menjadi panas, lalu mereka memukul pemimpin-pemimpin pihak

lawan sebagai bukti pembelaan mereka terhadap Aisyah hinggalah akhirnya lafaz *Lailaha illa Allah* memenuhi kerongkong mereka. Ketika salah seorang daripada mereka iaitu Amir bin Ahlab Ad-Dhabbi terbunuh, maka seorang pasukan dari pihak Ali ketika melihat luka-luka itu segera lari lintang-pukang sambil bersyair seperti berikut:

*"Ibuku telah menyuruhku maju ke medan  
pertempuran,  
kami akan mematuhi melalui pertimbangan yang  
matang,  
Pertolongan Ibn Dhabbah kepada Aisyah dan  
penyokongnya sudah tersebar,  
Ketaatan kami kepada orang Quraisy adalah satu  
kejahilan,  
Pertolongan kami terhadap penduduk Hijaz juga  
satu kehodohan,  
Ketaatan kami terhadap Bani Tim bin Murrah adalah  
suatu kecelakaan,  
Kerana mereka adalah orang-orang penghasut."*

Seorang lelaki bertanya kepadanya: "Wahai Abdullah ucapkanlah *Lailahaa illa Allah*, dia menjawab ibumu telah mewasiatkan hal itu dan apakah kamu menyuruhku untuk putus harapan? Ketika maut datang aku bertanya dan kamu telah menerimanya. Oleh kerana itu, hampirlah dan perdengarkanlah kepadaku."

Dia datang menghampirinya dan berkata: "Kamu berasal dari mana?" Lelaki itu menjawab, "Dari Kufah." Seketika itu, dia dilukakan dan dipotong telinganya dan dikatakan "Jika kamu telah menemui ibumu, katakan bahawa yang berbuat ini adalah Amir bin Ahlab Ad-Dhabbi."

Jelas betapa sakitnya penderitaan sebagai gambaran dari isi hatinya yang mendalam. Ketika itu, ramai penduduk Basrah yang terus bersyair di sekeliling Aisyah di mana salah satunya adalah seperti berikut:

*“Apakah kamu mendengar dan menyokong Ali  
sebelum urusan hukuman yang berat itu  
ditegakkan,  
Sedangkan ia menghina isteri-isteri Nabi.”*

*Wahai ibu hiduplah kamu dan jangan merantau,  
Makanlah, kerana anak-anakmu yang akan  
mematahkan takaran,  
Uthman bin Affan telah memberi tahu kematiannya  
kepadamu,  
Ka’ab bin Syur adalah orang yang membuka baju  
besi itu.”*

Kelompok Fardi tetap menolong tuannya dan kelompok Assad tetap sebagai kelompok yang sangat murah hati dalam menolong.

Imam At-Tabari menjelaskan dahsyatnya peperangan itu dari Al-Qa’Qa’. Sebelumnya (penulis) tidak pernah melihat peperangan yang lebih dahsyat dari peperangan ini di mana mereka saling menghancurkan hingga seandainya ada seseorang yang melintas di tengah-tengah, nescaya dia akan terbunuh.

Mereka saling melempar batu-batu besar hingga hancur dan saling menyerang dengan tombak hingga menikam diri mereka hingga seandainya ada kuda yang lalu di tengah-tengah, tentu ia akan terkena lemparan tombak.



Salah seorang daripada saksi yang melihat mengatakan bahawa dahsyatnya peperangan itu, dia mendengar suara mereka yang saling memekakkan telinga.

Saksi sejarah yang lain menyatakan bahawa kebanyakan mereka yang melarikan diri daripada peperangan dan ketika itu Aisyah seorang diri di atas unta merah dan tali kekangnya juga merah, tidak seorang pun yang menyerupai batu-batu yang dilemparkan kecuali seperti serangan haiwan yang sangat buas dan ganas.

Aisyah r.a. berada di tengah-tengah penyokongnya. Di antara mereka tidak seorang pun yang memegang tali pecut kenderaan kecuali orang yang bertugas membawa bendera dan orang-orang yang terkenal dan mengerti identiti pasukan unta. Dia dengan menyebut keturunannya dengan berkata kepada Aisyah bahawa dirinya adalah Fulan anak Fulan.

Imam At-Tabari memetik riwayat dari salah sebuah sejarah dengan berkata: "Demi Allah, jika mereka memerangi pasukan unta nescaya mereka akan mati dengan membawa kesengsaraan dan penyokong Ali yang mencuba melemparkan lembing atau anak panah, nescaya dia akan dibunuh atau dibebaskan."

Pembaca tentunya mengetahui tentang apa yang bergelora dalam hati rakyat ketika itu, bahawa Adi bin Hakam ketika datang kepada mereka, kedua matanya dicungkil dan disiksa sebagai peringatan untuk orang lain. Masyarakat mengikut arahan pasukan unta dan ramai daripada mereka yang terbunuh.

Sambil mengikut arahan Muhammad bin Thalhah

berkata: "Wahai ibu, lewatkan aku dengan perintahmu." Aisyah menjawab: "Aku memerintahkan kamu jika meninggalkan medan perang menjadi baik seperti anak Adam yang lain." Kemudian dia bertolak dan tidak seorang pun yang menyokongnya kecuali orang yang berkata: "*Hamim la yansurun* lalu dia dikelilingi oleh pasukan Ali dan salah seorang di antara mereka melemparkan anak panah sambil berkata dengan syair seperti berikut:

*"Masyarakat telah bercerai-berai dengan ayat-ayat  
Tuhannya,  
Hanya sedikit orang Islam memandang sebagai  
suatu yang menyakitkan,  
Bajunya telah koyak dengan tusukan anak panah,  
Dia membanting kedua tangannya dalam keadaan  
jatuh,  
Hal itu laksana penyakit demam yang selalu  
mengingatkanku,  
Yang sebelumnya tidak berada pada tempatnya,  
Apabila kamu tidak mengikuti Ali dan orang yang  
tidak mengikut Ali tentu akan menyesal."*

Abdullah bin Zubair memegang tali pecut dan ketika ia diam dia ditanya oleh Aisyah siapa kamu? Dia menjawab saya adalah Abdullah putera saudara perempuanmu. Aisyah menyuruhnya agar menyanyikan Qasidah tentang kematian.

Ini diucapkan kerana bimbang sesuatu yang telah menimpa Abdurrahman bin Attab, Aswad bin Ubay dan tokoh-tokoh yang lain yang telah terbunuh juga akan menimpa Zubair. Ketika itu Abdullah terkena 37 luka akibat serangan yang sangat dahsyat. Zaid ditanya ketika peperangan selesai dengan kenyataannya demi Allah kamu hanya selamat

dengan keagungan yang terseksa pada dirimu dan kamu telah melihatnya dengan jelas.

Pada dirinya jelas kelihatan 19 bekas pukulan selain lemparan lembing dan orang-orang yang sepadan dengannya sangat banyak. Zubair membenarkan peristiwa itu dengan katanya sebagai berikut, "Sungguh sebelumnya aku tidak pernah melihat peperangan ini salah satu dari tindakan kami yang lari dari kacau-bilau ibarat gunung hitam."

Ibni Zubair sangat bimbang untuk berjumpa dengan Asytar. Ini kerana dia mendengar kata-kata Asytar, "Zubair adalah orang yang tidak suka Aisyah keluar, sedangkan aku memohon kepada Allah untuk tidak dipertemukannya." Ini ditafsir oleh seseorang dengan katanya, "Ini tanda Asytar salah, adalah satu padang sahara dari sesuatu yang ditemukannya."

Ketika bertemu dengan Asytar, keduanya saling berhadapan muka dan berkelahi. Sebaik sahaja Asytar mendapat peluang, dengan pantas dia memukul kepalanya dan berkata: "Ketika Ibn Zubair hendak menyerang kakiku dengan tombak, maka aku berkata ini adalah tindakan jahat dan kamu tidak akan selamat apabila memotongnya? Apakah kamu pembunuhnya? Ketika tangannya sudah menggenggam gagang tombak dan mukaku berhadapan dengannya, maka aku mengetahui bahawa dia adalah salah seorang yang dihormati."

Mereka berkelahi dan masing-masing berusaha untuk saling mengalahkan dan merobohkannya. Para ahli sejarah menjelaskan bahawa Abdullah bin Zubair berteriak kepada para penyokongnya, "Mereka dan Malik membunuhku."

Malik adalah nama panggilan Asytar. Abdullah lebih baik kehilangan nafas terakhirnya jika membunuh Asytar dan menyingkirkan penyokong-penyokong Ali kerana dianggap sebagai suatu yang sangat berbahaya.

Pada dasarnya terdapat kelompok Ali yang sangat besar dan jika bilangan mereka diketahui oleh pasukan unta nescaya ia akan membunuhnya dengan keji seperti yang telah mereka lakukan.

Ibnu Zubair berkata: "Mereka dan Asytar telah membunuhku sedangkan aku bermaksud baik kepadanya tetapi rakyat tidak tahu hal tersebut. Seandainya mereka dan Aisyah mengetahuinya, nescaya ia akan berusaha menyelamatkannya sehingga tidak terjadi pertempuran fizikal."

### **(C) KEKALAHAN PASUKAN UNTA DAN BERAKHIRNYA PEPERANGAN**

Kedua belah pihak telah bertempur, peperangan semakin sengit dan memuncak, kesemuanya terus berlindung dengan kesabaran sebagai penahan diri. Ali bin Abi Talib memekikkan, "Wahai kaum Muhajirin, sekarang pedang yang akan menjadi penyelesaian."

Ali membawa gantungan pedang dan memukulnya sehingga bengkok lalu berkata: "Kalian jangan mencaci-makiku tetapi caci-makilah orang ini, lalu dia menegakkan atau mengembalikan yang lain dan ini dibenarkan oleh syairnya seperti berikut:

*"Aku menyaksikan perang Jamal,  
dan aku menjadi muda meskipun tidak membabitkan*

*diriku,  
Ia merupakan fitnah yang paling hebat yang  
menimpa umat Islam,  
Kerana mampu mengoyak-ngoyaknya,  
Untanya terlambat dan tertinggal di rumahnya,  
Sedangkan dia tidak berusaha meninggalkan unta  
itu.”*

Rakyat terus melindungi Aisyah sehingga ramai yang gugur di sekelilingnya.

Seperti yang dibentangkan sebelumnya bahawa mereka mencari kematian sebagai suatu nilai yang terbaik hingga dikatakan mati tidak akan menghentikanmu daripada memimpin pasukan unta kerana mati tetap bersamamu dan ada di sarungmu. Banyak syair-syair yang berkembang pada saat itu, salah satunya adalah yang dikatakan oleh penduduk Basrah seperti berikut:

*“Wahai pasukan yang telah tersalib imannya!  
Bangkitlah kalian,  
Dan mintalah pertolongan kepada Tuhan yang  
pemurah,  
Aku mendatangiimu dengan maklumat yang  
beragam tentang Ali,  
Di manakah orang-orang yang telah membunuh  
Uthman bin Affan,  
Kembalikanlah dia (Uthman) seperti semula. Wahai  
Tuhanku!  
Turunkanlah pertolongan kepada Uthman,  
Dan bunuhlah mereka dengan kekuatan dan  
kekuasaanMu.”*

Syair ini dijawab oleh salah sebuah pasukan dari Kufah

seperti berikut:

*"Pedang dan berbagai negeri tidak mahu mengembalikannya,  
Agar Uthman dikembalikan seperti semula,  
Dan itu sama dengan mahluk Tuhan yang lainnya.  
Itu semua terjadi kerana dia telah melaksanakan hukum syaitan,  
Memecah-belah kebenaran dan cahayanya sendiri sehingga,  
Tidak hairan apabila gelas kematian itu terminum oleh dirinya,  
Yang telah melakukan penganiayaan."*

Salah seorang penyokong Aisyah juga menjadi panas dan menjawabnya dengan syair:

*"Wahai ibu! Kedekatan kami telah cukup bagimu,  
Jika masa mengambil tali kekang itu,  
Mereka akan menahannya dan sekarang di sekelilingmu,  
Telah terdapat orang-orang yang siap-sedia,  
Melakukan serangan dari berbagai penjuru.  
Sedangkan kota akan diramaikan,  
Dengan derup orang-orang yang melarikan diri,  
Orang-orang yang mempunyai kekuasaan sedikit sekali,  
Yang tersungkur dan puak kelompok Bani Assad,  
Tidak mempunyai kesan debu dalam derap kaki mereka."*

Didapati pengulas yang lain juga ikut bersyair seperti mana berikut:

*"Wahai Ali! Dekatkanlah kepada kami,  
Masa yang mustahak kerana kemuliaan kami hina  
di matamu,  
Dan dalam hati kami sekarang ini penuh dengan  
dendam yang membara,  
Tidak seorang pun yang berani mendekati,  
Orang yang bertugas memegang kendali pasukan  
unta,  
Dan apabila mereka dekat, maka mereka akan  
dipukul dengan pedangnya."*

Fenomena ini diterima oleh Haris bin Zagir Al-Assadi dengan sebuah syair seperti berikut:

*"Wahai ibu yang sebaik-baiknya di mata kami!  
Apakah engkau sudah melihat berapa ramai orang  
yang pintar,  
Telah berkome, sedangkan cita-citanya,  
Dan perbuatan maksiatnya selalu tersimpan dalam  
dada mereka."*

Semoga ini tidak mengurangi darah yang telah mengalir dan bingungnya puak pasukan unta. Menurut saksi yang melihat kedua golongan itu berbeza pandangan yang akhirnya membawa mereka ke dalam perut bumi lalu mereka meninggal.

Sesungguhnya kesusahan yang paling berat adalah ditanggung oleh orang yang telah tua di mana dialah yang mempunyai keikhlasan yang nyata kepada Aisyah dan tidak akan terbahagi kepada selainnya.

Dia dengan membawa jubah dan bekalan yang lain keluar untuk mendorong rakyat mengadakan perang dan

pembelaan diri.

Dallas, hati dan anggota badannya penuh dengan kebenaran dan keimanan, dia bersyair seperti berikut:

*"Wahai puak Bani Assad, kalianlah yang mempunyai ibu,  
Dia bagi kalian adalah sama dengan solat dan puasa serta kehormatan yang sangat besar bagi kalian,  
Oleh itu, keluarkanlah kesungguhan dan kemantapan kalian semua.  
Senjata musuh tidak akan mampu mengalahkan kalian,  
Kerana apabila musuh kalian menyerang, Kalian dapat menahannya dengan kekhususan dan keumuman anggota yang kalian miliki,  
Sekarang janganlah kalian membuka rahsia sebagai tebusan bagi umat kalian."*

Kenyataan ini sebagai tanda rasa geram yang terjadi dalam puak Bani Dhabbah. Ini dikatakan oleh mereka yang bernama 'Auf bin Qathan Ad-Dhabbi dan dengan perlawanannya dia menjawab: "Tiada tempat menuntut balas terhadap Uthman kecuali kepada Ali." Sambil memegang tali kendali unta dia bersyair seperti berikut:

*"Wahai ibu, wahai ibu! Tanah airku tidak akan aku khianati,  
Aku tidak akan mencari liang kubur mahupun kain kafan,  
Ini adalah kumpulan 'Auf bin Qathan,  
Jika sekarang mereka tidak mengadili Ali atau membiarkan kedua puteranya Hasan*



*dan Husein, maka mereka selamanya akan  
diselimuti,  
Dengan perasaan susah selama-lamanya.”*

Pertolongan puak Bani Assad dan Bani Dhabbah hanya diberikan kepada Aisyah yang tidak akan tergoyah selamanya sesuai dengan perasaan cinta dan kasih sayang yang telah tertanam dalam hati mereka sejak awal. Ini dikatakan oleh sejarawan At-Tabari bahawa orang-orang yang mengelilinginya yang terdiri dari puak bani Assad berkata sambil memegang kotoran unta:

*“Bau kotoran unta ibu kami (Aisyah) adalah baunya  
minyak misik yang penuh dengan semerbak  
haruman.”*

Salah seorang penyokong Ali yang terbabit dalam peperangan dengan mereka berkata dengan syair sebagaimana berikut:

*“Pedangku hanya untuk puak Bani Assad,  
Aku akan memukul tengkuk dan leher mereka,  
Ini kami lakukan terhadap orang-orang yang,  
mengangggap diri mereka orang yang selamat.”*

Ali r.a. dan rakyat sudah sedar bahawa mereka tidak mempunyai modal yang cukup untuk menjatuhkan identiti pasukan unta kerana mereka disokong oleh Bani Dhabbah dan Bani Addi walaupun banyak yang tewas, salah satunya adalah 70 orang Quraishy, tidak ada fakta sejarah yang menunjukkan distorsi Bani Dhabbah dalam kesungguhan mereka untuk membela Aisyah. Ini dibuktikan oleh kata-kata Aisyah seperti berikut: “Untaku tidak akan terbalik sebelum suara puak Bani Dhabbah itu hilang dari

pendengaran.”

Kesedihan pembaca menyakitkan hati Haris bin Thuwaib di mana dia telah mati syahid bersama Thalhah dan Zubair dalam peperangan itu. Saya mempunyai bukti-bukti yang cukup mengenai betapa dahsyatnya peperangan itu iaitu perkataan Haris bin Thuwaib yang menyayat hati:

“Demi Allah s.w.t, aku tidak pernah melihat peperangan sedahsyat ini. Anak panah mereka menembus dengan cepat ke dada kami, demikian pula anak panah kami dengan cepat menusuk dada mereka sehingga seandainya ada seseorang yang lalu di antara kami, nescaya ia akan menjadi mangsa.”

Masing-masing di antara mereka sama-sama berkata *Lailaha illa Allah* dan demi Allah kami sangat suka apabila masa sekarang kami tidak melihat peristiwa itu kerana di samping buta, kedua tangan dan kaki kami telah terpotong.”

Ali berpandangan bahawa ia mempunyai kewajipan untuk melakukan pencegahan sebagai tindakan untuk menyelamatkan nyawa-nyawa yang masih ada hingga mangsa perang tidak bertambah banyak, “*Berhentilah kalian menyerang kelompok Aisyah.*”

Orang yang terakhir terbunuh ketika itu adalah Zafir bin Haris yang telah memegang bendera pasukan unta dengan keadaan terlentang di hadapan Imam Ali r.a. Kemudian dia dihampiri oleh Al-Qa’Qa’ dan tiada satu pun golongan Bani Amir yang tertinggal di mana mereka telah tewas semuanya di sekeliling pasukan unta.

Al-Qa’Qa’ berkata kepada Bujair bin Duljah Ad-Dhabbi yang

keduanya berpihak kepada Ali sedangkan saudara saudaranya berpihak kepada Aisyah, "Wahai Bujair bin Duljah, berhentilah kalian menyerang pasukan unta sebelum mereka dan *Ummu Al-Mukminin* menjadi mangsa."

Ia mengesyorkan kepada kelompok dan saudaranya yang berpihak kepada Aisyah dengan perkataan, "Wahai Bani Dhabbah, wahai Amr bin Dulajah, ikutlah aku." Puak itu bertanya: "Apakah keselamatan kami dijamin?" Dia menjawab: "Benar." Lalu mereka pergi ke unta dan kenderaan masing-masing dan segera meletakkan betisnya. Unta itu mengaung dengan kuat dan tidak ada suara yang sekuat itu.

Lalu dia ditanya: "Mengapa kamu menahan unta itu?" Dia menjawab, "Aku telah melihat banyak kaumku yang telah terbunuh di samping unta itu dan aku bimbang ia akan lebih parah lagi. Aku berharap agar mereka masih ada saki bakinya." Salah seorang penyokong Aisyah yang bernama Haris bin Qais bersyair sebagaimana berikut:

*"Kami memukul betisnya lalu mereka berdebat,  
dengan pukulan itu sebagai kata pemutus,  
jika kami kepada Rasulullah tidak mempunyai  
tanggungan,  
dan kehormatan nescaya mereka dengan serta-  
merta bersumpah kepada kami."*

Al-Qa'Qa' berkata: "Kamu sekalian adalah orang-orang yang aman (dijamin keselamatannya)." Ia berkumpul bersama Zafer bin Haris untuk menusuk perut unta itu dan melepas tali kekangnya dari belakang. Sejak itulah antara satu kelompok dengan kelompok lain menghentikan

peperangan.

Ali r.a. memerintahkan Muhammad bin Abu Bakar dan 'Imar bin Yasar untuk memotong ikatan pelana yang ada pada tali kekang itu. Kemudian Muhammad memasukkan tali kekangnya dan ditegur oleh Aisyah. Inilah dialog antara Aisyah dengan Muhammad bin Abu Bakar, dua orang yang bersaudara namun masing-masing terjebak dalam perang saudara antara satu dengan lainnya.

Aisyah: "Siapa kamu?"

Muhammad bin Abu Bakar: "Aku saudara kandungmu."

Aisyah: "Saudara kandung?"

Muhammad bin Abu Bakar: "Ya, Muhammad bin Abu Bakar."

Aisyah: "Kamu pencaci-maki?"

Muhammad bin Abu Bakar: "Wahai saudaraku, apa yang menimpamu?"

Aisyah: "Apa urusanmu dengan hal itu?"

Muhammad bin Abu Bakar: "Siapa yang melakukannya? Adakah ia tindakan sesat?"

Aisyah: "Bukan tetapi suatu hidayah."

Selain itu, terdapat riwayat kedua yang disampaikan oleh At-Tabari yang dinilai lebih tepat dalam peristiwa itu. At-Tabari menjelaskan bahawa Ali menyuruh saudara Aisyah yang bernama Muhammad bin Abu Bakar agar memukul Kubah kepalanya dan menunggu apakah yang terjadi padanya. Saudaranya itu memasukkan kepalanya ke dalam tempat duduk di belakang unta dan ditegur oleh Aisyah sebagaimana berikut:

Aisyah: "Siapakah kamu?"

Muhammad bin Abu Bakar: "Keluargamu yang paling benci

kepadamu.”

Aisyah: “Putera Khus Amiyah?”

Muhammad bin Abu Bakar: “Benar.”

Aisyah: “Demi ayah dan ibuku, aku bersyukur kepada Allah s.w.t yang telah menyelamatkanmu.”

Ini adalah tanda persaudaraan yang lebih dekat ketika mereka terbabit dalam konflik peperangan. Aisyah lebih jelas daripada ‘Imar di mana ia tidak ingin hilang sia-sia dan inilah dialog yang terjadi antara ‘Imar dan Aisyah:

‘Imar: “Apa pendapatmu tentang pemukulan ke atas anakmu wahai ibu?”

Aisyah: “Siapa kamu?”

‘Imar: “Puteramu ‘Imar.”

Aisyah: “Kamu tidak mempunyai Ibu.”

‘Imar: “Ya, walaupun kamu benci.”

Aisyah: “Kamu bangga jika ada sekumpulan datang untuk menuntut sesuatu. Ke marilah orang yang mempunyai kenderaan ini, ia tidak akan berkelompok.”

Mereka meninggalkan Aisyah seorang diri di antara mangsa yang telah tewas dalam tempat duduk belakang untanya yang bentuknya serupa dengan bentuk burung itu.

Jika mengikut apa yang diriwayatkan oleh Imam At-Tabari ini benar, maka sesungguhnya kaum itu telah melakukan kesalahan besar kerana mereka telah meninggalkan Aisyah sendirian tanpa seorang pengawal pun, hingga beliau ditemui oleh salah seorang yang tidak mempunyai kehormatan dan iman sedikit pun dalam hatinya, iaitu Akyan bin Dhabbiyah Al-Mujasysyi yang muncul dengan tiba-tiba di sebalik tempat duduk belakang unta itu (ia

mengintai Aisyah).

Aisyah berkata: "Semoga Allah melaknatmu." Dia menjawab: "Demi Allah, aku tidak melihat kecuali kamu wanita yang hitam manis." Aisyah berkata: "Semoga Allah menghilangkan tabirmu, memotong tanganmu dan menelanjangkan kemaluanmu di akhirat kelak."

Ahli sejarah mengatakan bahawa dia dibunuh di Basrah, tangannya disalib dan dibuang di antara runtuhannya mukim rakyat di Basrah dalam keadaan telanjang kerana perbuatan jenayah.

Walaupun At-Tabari telah meriwayatkan hal itu, namun Saya (penulis) tetap menganggap sangat jauh dari realiti yang terjadi. Mengapa demikian? Ini kerana tidak logik apabila dikatakan dalam masa sekejap sahaja, orang-orang yang pada mulanya ramai mengadakan pertahanan di sekitar Aisyah, lenyap begitu sahaja dan meninggalkannya seorang diri. Sedangkan mereka baru sahaja menghasilkan kesepakatan untuk melakukan serangan senjata.

Ali r.a. dan para tokoh umat Islam bukanlah orang yang lupa terhadap kedudukan Aisyah. Menurut (penulis), tidak seorang pun yang mempunyai keberanian melakukan yang tidak patut terhadap Aisyah seperti mana cerita yang telah disebutkan.

Lebih tidak logik apabila seorang saudara yang bernama Muhammad bin Abu Bakar meninggalkannya seorang diri. Menurut riwayatnya bahawa Muhammad bin Abu Bakar memukul Aisyah ketika berada di dalam khemah besar.

Ketika Ali sampai di sisi Aisyah, dia berkata, "Kamu telah

menjauh dari masyarakat dan masyarakat pun menjauhimu. Kamu juga telah membangkitkan perselisihan di antara mereka sehingga mereka saling membunuh.”

Perkataan lainnya, Aisyah menjawab, “Wahai Ali bin Abu Talib! Mudahkanlah (dalam mencari penyelesaian) sekarang, umatmu memang tengah diuji. Ali bertanya “Dalam hal apa? Semoga Allah s.w.t mengampuni kita semua.” Aisyah menjawab: “Semoga Allah mengampunkan kita semua.”

Khalifah Ali r.a. memerintahkan agar saudara Aisyah dan 'Imar untuk menjaga keselamatan Aisyah ke Basrah, kemudian Muhammad bin Abu Bakar menempatkan beliau di rumah Abdullah bin Khallaf Al-Khuza'i yang ditemani oleh Shafiyyah puteri Haris yang juga keluarga Thalhaf.

Akhirnya peperangan berakhir dan rakyat bersama-sama pulang ke tempat masing-masing. Ali pun melepaskan segala kesusahan yang menyelimuti perasaannya selama ini dan dengan sepenuh hati (khusyuk) dia berdoa kepada Allah s.w.t dan menggubah syair seperti berikut:

*“Kepadamu ya Allah! Aku mengadukan urat dan perutku,  
Dan perkumpulan yang menutupi pandanganku,  
Di antara mereka saling membunuh  
dan aku sendiri telah membunuh kumpulanku sendiri,  
Meskipun sekarang aku mengubati diriku dari kesalahanku.”*

Dia menyeru penyokongnya agar tidak melakukan sesiapa pun mengikut ajakan (hasutan) orang tertentu dan

menyakiti satu kelompok yang lain. Beliau berkata: *"Barangsiapa yang menyarungkan pedangnya, maka dia akan selamat dan barangsiapa yang mengunci pintu rumahnya dia juga akan selamat."*

Peristiwa itu terjadi awal tengah hari dan berakhir menjelang waktu Asar ketika kekalahan diterima oleh pasukan Aisyah. Lebih tepat lagi iaitu pada hari Khamis (sebahagian menyatakan Jumaat), pertengahan bulan Jamadil Akhir tahun 36 Hijrah.

## **FASAL KEEMPAT**

### **(A) MANGSA-MANGSA YANG GUGUR**

#### **(1) ZUBAIR BIN AWWAM R.A.**

Zubair r.a. sendiri pada hakikatnya cuba meninggalkan medan pertempuran sebaik sahaja berjumpa dengan Imam Ali r.a. dan mengatakan apa yang harus disampaikan kepadanya. Setelah itu, Zubair segera pergi kepada Aisyah dan berkata: "Sejak dewasa aku tidak pernah seperti ini kecuali aku tahu persoalan yang menimpaku."

Aisyah bertanya: "Apa yang kamu ingin lakukan?" Zubair menjawab: "Aku akan meninggalkan mereka." Namun segera dibantah oleh puteranya dengan berkata, "Mula-mula engkau mempertemukan kedua kelompok yang bertelingkah tetapi setelah itu kamu ingin meninggalkan mereka dan pergi?" Bukankah engkau telah tahu riwayat tentang Ali. Aisyah dijaga oleh para pemuda yang penuh menanggung segala bahaya tetapi kamu takut."



Dia berkata: "Aku telah bersumpah untuk tidak memerangnya." Beliau juga sempat marah dan panas dengan kata-kata puteranya. Lalu dia berkata kepadanya: "Singkirilah dariku dan perangilah dia." Setelah itu, dia memanggil hambanya yang bernama Makhul dan Abdurrahman At-Tamimi dan berkata dalam syair seperti berikut:

*"Aku tidak pernah melihat saudara seperti sekarang ini,  
Aku silau dan lebih tersentak hati daripada orang  
yang mengkafirkan iman.  
Itu dilakukan dengan memerdekakan seorang  
hamba dan bermaksiat kepada Tuhan."*

Sedangkan yang lainnya bersyair seperti berikut:

*"Dia memerdekakan Makhul yang terkait dengan  
kebenarannya,  
Itu sebagai tebusan kepada Allah atas sumpahnya,  
Sedangkan pelanggaran nya jelas terlihat di  
dahinya."*

Aisyah mengambil iktibar dari perbuatan anaknya sendiri. Di mana mereka berdua tahu bahawa bukan cermin rasa takut tetapi keduanya bermaksud berusaha untuk mengelakkan dari sesuatu pemuluan, kerana mereka takut perkara itu tidak wujud dengan kuatnya kedudukan pasukan.

Suhair bergabung dengan pasukan Ali r.a. dan mereka dengan lapang dada bangga atas maklumat yang disampaikan oleh Ali bahawa Zubair berperang kerana terpaksa. Di sini dapat disimpulkan bahawa meskipun 'Imar

telah dihalang oleh pedangnya tetapi tidak disakiti. Tidak ramai ahli sejarah yang memiliki data-data yang menerangkan tentang berpalingnya Zubair dari peperangan seperti yang disampaikan oleh Ali.

Salah seorang penyokong Ali berkata: "Dalam menerangkan kesahihan peristiwa bahawa kaum itu mendatangimu dan kamu menemui 'Imar dan berkata kepadanya lalu disampaikan kepadaku." Zubair berkata: "'Imar tidak berada dalam puak mereka." Ini untuk membatas kenyataan yang disampaikan oleh Ali mengenai 'Imar.

Ahli sejarah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda: "'Imar telah dibunuh oleh puak yang melakukan kezaliman." Orang itu mengatakan: "'Imar terbabit dalam kegiatan mereka."

Zubair membantah perkara ini dan berkata: "Demi Allah, Dia tidak membabitkan 'Imar dalam kegiatan mereka." Dia memaklumkan kepada orang yang telah kembali dari medan peperangan. Di sini ahli sejarah menyatakan bahawa ketika itu Zubair berteriak, "Aduh! Kematian akan segera memusnahkannya dan keputusan akan menjadi nyata."

Setelah itu, dia gementar dan pedangnya terjatuh. Salah seorang yang berada di sisinya iaitu Jaun bin Qathadah berkata: "Ibuku telah membunuhku, hanya dengannya aku ingin mati atau hidup bersama-sama. Aku bersumpah kepada Tuhan yang kedudukanku berada di kekuasaanNya bahawa dia hanya melakukan sesuatu yang dia dengar atau lihat daripada amalan Rasulullah s.a.w. Ketika rakyat ramai dalam urusan itu, Zubair duduk di atas kenderaannya dan segera pergi."

Jarun bin Ahnaf bin Qais berjaya meredakan konflik kedua belah pihak. Kemudian dia memaklumkan tentang apa yang telah terjadi pada diri Zubair. Perkara ini dijawab oleh Ahnaf dengan soalan seperti berikut: "Apa keterlibatanku dalam konflik yang terjadi di kedua belah pihak sehingga antara yang satu dengan yang lain menggunakan senjatanya, pulang ke rumahnya masing-masing dan meninggalkan rakyat?"

Dua orang penunggang kuda mendatangi Ahnaf yang setelah keduanya berbincang, mereka segera pergi. Ahnaf bertanya kepada rakyat: "Apakah ini satu kecenderungan dari siapakah yang akan memberikan maklumat yang benar kepadaku?" Amr bin Jarmus menjawabnya: "Aku." Setelah itu mengikutnya.

Ketika itu Zubair memandangnya dengan perasaan marah dan bertanya: "Apa pendapatmu?" Dia menjawab: "Sepatutnya yang bertanya adalah aku." Hamba Zubair bertanya kepada Zubair: "Apa yang ditakuti orang ini kepada tuan wahai Zubair?" Ketika waktu solat tiba, Ibn Jarmus menjawab: "Solat."

Zubair berkata: "Solat?" Ketika mereka melakukan solat dan Ibn Jarmus berada di belakangnya, tiba-tiba dia memegang baju kerah Zubair dan membunuhnya, mengambil kudanya, cincin dan pedangnya. Beliau ditinggalkan di sisi hamba tersebut dan segera dimakamkan di tempat yang bernama Wadi Sabba'.

Kemudian dia menyampaikan peristiwa itu kepada Ahnaf dan bersama-sama dengannya menemui Ali, sedangkan Ali tidak mengerti apakah tindakan itu baik atau sebaliknya. Ketika dia menyampaikan hal ini kepada Ali, Ali segera

mengambil pedang Zubair dan berkata: "Pedang ini penuh dengan kezaliman kerana telah nyata membuat kesusahan di muka Rasulullah s.a.w.

Lalu Ali mencela Ahnaf kerana menyampaikan khabar gembira tentang pembunuhan Zubair dengan berapi-api. Dia menyampaikan perkara ini kepada Aisyah. Para ahli sejarah juga menyebut bahawa Ahnaf bin Qais adalah sahabat dekat Zubair r.a.

## **(2) THALHAH BIN UBAIDILLAH R.A.**

Ahli sejarah mengatakan bahawa dengan adanya peperangan itu Thalhah telah menyesal dan sentiasa berkata: "Ya Allah, ampunilah dosa-dosaku mengenai Uthman." Dia terkena lemparan lembing yang pada mulanya dilemparkan kepada kenderaannya.

Ketika mereka memegang lembing itu darah Thalhah berhenti dan ketika mereka membiarkannya, maka darah itu mengalir. Dia berkata kepada mereka: "Biarkanlah dan anggaplah sebagai lembing yang telah dikirim oleh Allah s.w.t."

Dia berkata kepada seorang hambanya: "Bantulah dan bawalah aku ke suatu tempat yang aku tidak ketahui kerana aku tidak ingin melihat darah sia-sia menimpa seseorang seperti sekarang ini." Hamba itu pun menaikkannya ke atas kuda dan berkata: "Kita telah diserang oleh kaum itu." Mereka sampai di Basrah dan Thalhah pun bersyair sebagaimana apa yang pernah diucapkan oleh Zubair sebelumnya, iaitu:

*"Jika kejadian itu bermaksud kepadaku,*

*dan ketika aku melemparkan lembing,  
didakwa sebagai tindakan yang salah,  
maka aku telah disia-siakan,  
ketika aku mengikut lemparan lembing itu,  
melakukan tindakan bodoh dan,  
menyesatkan kelembutan yang ada pada diriku.  
aku sangat menyesal seperti Qusha'i terhadap apa  
yang aku beli,  
yang telah dipersetujui oleh para pelempar lembing  
dengan hargaku,  
aku telah menuruti mereka,  
dengan memecah-belah perpaduan keluarga,  
lalu mereka menyerahkan daging,  
dan darahku kepada binatang buas."*

Kemudian hamba itu membawa Thalhah berlindung di antara runtuhan yang terdapat di Basrah dan meninggalkan dunia di sana serta dimakamkan di antara kubur Bani Sa'id.

Ketika saya (penulis) menjelaskan kepada para pembaca mengenai sikap Marwan yang telah menghasut pasukan unta dan menuntut bela terhadap orang-orang yang telah memusuhi Khalifah Uthman r.a, juga mempunyai maksud tertentu yang bersifat rahsia bagi memudahkan kelompok Bani Umayyah mendapatkan sokongan padu di negeri Damsyik.

Ini dilakukan setelah tokoh sahabat yang dihormati dan dipandang itu gugur di medan pertempuran. Dia sebenarnya tahu sikap Thalhah mengenai Uthman r.a. dan ia ditanya oleh Sa'id bin Ash: "Ke manakah kamu hendak pergi sedangkan fahaman politikmu ditujukan kepada pasukan unta?" Marwan dengan ketajaman fikiran politiknya berkata kepada Sa'id: "Tujuan kita hanyalah satu

iaitu membunuh semua pembunuh Uthman bin Affan r.a.”

Jika (penulis) paparkan kepada pembaca, maka apa yang telah dijelaskan oleh sebahagian besar ahli sejarah tentang orang yang disyaki membunuh Thalhah adalah Marwan. Maka itu sesuatu yang tidak masuk akal, demikian juga tentang pembunuh Zubair yang disyaki oleh Ahnaf.

Ini terjadi ketika Thalhah melihat Marwan, maka dia berkata: “Setelah aku tidak menuntut bela ke atas Uthman, maka dia dipanah dan dibunuh.”

Dengan penuh yakin, saya (penulis) beranggapan bahawa Marwan telah menjauhkan diri daripada permusuhannya terhadap kedua puak yang sedang bertelingkah. Jika tidak tentunya dia telah banyak membunuh pihak lawan yang belum saya dapatkan maklumatnya tentang siapa yang telah menjadi mangsa.

### **(3) MANGSA-MANGSA YANG LAIN**

Thalhah dan Zubair r.a. telah terbunuh. Selain itu, ramai lagi yang terbunuh menjadi mangsa perang saudara ini, antara lain Muhammad bin Thalhah, Ka’ab bin Syur, Amr bin Yasrib, Abdurrahman bin Attab dan tokoh-tokoh serta para hakim umat Islam yang lain.

Mangsa yang tewas di sekeliling pasukan unta adalah sekitar 70 orang Quraisy dan 70 orang dari puak Bani ‘Adi. Kesemua mereka adalah orang-orang yang banyak menghafal Al-Quran. Ini selain daripada mangsa yang berasal dari Bani Dhabbah yang kali terakhir tewas dalam pasukan Unta. Oleh kerana itu, Aisyah berkata, “Aku yakin akan adanya pertolongan sebelum suara-suara yang

berasal dari Bani Dhabbah itu hilang dari pendengaran.”

Sebenarnya peperangan tidak terlintas dalam benak seorang pun dari kedua belah pihak, tetapi hanya tentang dan hasil hasutan puak Sabaiyyah (penyokong gerakan Ibn Sauda') dan mereka tidak seorang pun yang terbabit secara langsung.

Penyokong kedua belah pihak yang terdiri dari kota dan desa tidak mengatakan bahawa mereka keluar untuk mengadakan perbincangan perdamaian dan bukan perang. Musibah yang menimpa mereka itu tetap berlanjutan hingga akhirnya orang yang berada di Mekah, Madinah dan Basrah itu mengerti dengan kejadian yang hanya berjaya dipindahkan oleh burung yang sangat besar dari tangan dan kakinya. Demikian yang digambarkan oleh Ibn 'Illath dan ketika saudaranya terbunuh, dia berkata dengan syair seperti berikut:

*“Aku tidak pernah melihat seperti sekarang ini,  
bagaimana banyaknya orang yang berjalan kaki  
dengan tidak sejajar kanan dan kirinya.”*

Daripada data dan maklumat, ramai yang meriwayatkan bahawa mangsa yang tewas dalam peperangan Jamal seramai 10,000 orang sama ada dari pasukan Aisyah mahupun yang berasal dari pasukan Ali dengan perincian: 2,000 kelompok Bani Assad, 500 penduduk Yaman, 2,000 dari kelompok Mudhir, 500 dari kelompok Ibn Qa'isy, 500 dari Bani Tamim, 1000 dari Bani Dhabbah, 500 Dari kelompok Bakar bin Wa'il dan lain-lain.

Jumlah ini selain dari mangsa yang berasal dari penduduk Basrah yang berjumlah sekitar 5,000 orang yang telah

terbunuh dalam peperangan yang pertama (Perang Jamal kecil). Sehingga dapat disimpulkan bahawa mangsa yang terbunuh mencecah sekitar 15.000 orang.

Dengan demikian usaha pencegahan dalam umat sangat terkenal dengan keganasan senjatanya. Ini sulit sekali untuk dibendung dan akan merosak imej Islam serta membawanya kepada perlakuan yang sangat buruk. Ia dapat dilihat di mana mereka saling melempar anak panah dalam dada saudaranya sendiri yang masing-masing mengucapkan kata-kata *La ilaha illah Allah*.

Pada sebelah petang, ketika itu Imam Ali bersama-sama dengan pengawalnya mengelilingi wajah mangsa yang terbunuh dengan membawa lampu minyak dan ketika sampai pada Thalhah bin Abdullah yang penuh debu. Thalhah segera membersihkan debu itu dari mukanya dan berkata: "Hukumilah Ali, wahai bapa Muhammad! Jika aku melihatmu penuh dengan debu di bawah bintang-bintang langit dan di dalam lembah atau dasar (perut bumi), nescaya aku akan mengatakan lafaz *Inna lillahi wainna ilahi raaji'un*."

Kamu telah membunuh diriku, kumpulanku dan hanya kepada Allah s.w.t aku mengadu tentang aibku dan kejahatanku ini. Aku tidak suka apabila harus membunuh orang-orang Quraisy dibawah sinaran bintang-bintang, kerana kamu tahu mereka adalah keturunan Abdi Manaf.

Kamu juga telah melepaskan keburukan Bani Jamhin dan menjulurkan leher-leher mereka kepada persoalan yang bukan bidangnya sehingga mereka hanya akan merosak selain daripada perkara itu.



A i bin Abi Talib r.a. menjawab: “Demi Allah, aku tidak mengharapkan diriku, Uthman, Thalhah dan Zubair menjadi orang-orang yang telah diisyaratkan dalam Al-Quran seperti berikut:

وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِّنْ غِلٍّ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمُ  
 الْأَنْهَارُ ۖ وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا  
 كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَن هَدَانَا اللَّهُ ۚ لَقَدْ جَاءَتْ رُسُلُ  
 رَبِّنَا بِالْحَقِّ ۖ وَنُودُوا أَن تِلْكَُمُ الْجَنَّةُ أُورِثْتُمُوهَا بِمَا  
 كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

(الأعراف ٤٣)

“Dan Kami cabutkan segala dendam dan hasad dengki dari hati mereka, (di dalam syurga) yang mengalir beberapa sungai di bawah (tempat) masing-masing dan mereka pula bersyukur dengan berkata: “Segala puji tertentu bagi Allah yang telah memberi hidayah petunjuk untuk (mendapat nikmat-nikmat) ini, padahal Kami tidak sekali-kali akan memperoleh petunjuk kalau Allah tidak memimpin kami (dengan taufiqNya), sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran.” Dan mereka diseru: “Itulah syurga yang diberikan kamu mewarisinya dengan sebab apa yang kamu telah kerjakan.”

(Al-A'raaf: 7: 43)

Jika kami tidak demikian, maka siapa mereka itu? Thalhaf duduk membersihkan debu dari mukanya dan menangis tersedu-sedu. Seterusnya Khalifah Ali r.a. juga mengelilingi mangsa yang tewas bersama-sama dengan rakyat. Ketika Ka'ab bin Syur melihatnya, dia segera berkata kepada Imam Ali r.a: "Apakah dengan keluar bersama-sama dengan orang yang hodoh, kalian dapat melihat kesedihan yang kami alami ini?"

Khalifah Ali menjawab: "Demi Allah! Seperti mana yang kamu ketahui bahawa kamu adalah orang yang kuat dan Hakim yang berkelakuan adil." Beliau juga mendatangi Abdurrahman bin Attab dan berkata: "Inilah akibat dari apa yang telah disyorkan orang itu," iaitu mereka mahu berkumpul bersama-sama dengan Ali hanya di waktu solat.

Setiap kali Ali berjumpa dengan orang yang dianggap baik, dia berkata, "Orang ramai telah menjangka bahawa yang memerangi kami adalah pengacau (perusuh), sedangkan orang ini penuh dengan kezuhudan (tidak terbabit dalam gerakan para perusuh)."

Ali melakukan solat jenazah terhadap mangsa yang terbunuh sama ada yang berasal dari penduduk Basrah, Kufah mahupun orang-orang Quraisy Mekah dan Madinah serta menguburkan mereka secara bersama-sama dalam kubur yang sangat besar.

Setelah itu, dia segera menuju ke masjid Basrah dan berkata: "Barangsiapa yang menemui sesuatu, maka ambillah kecuali pedang yang ada tanda kekhalifahan, sedangkan bagi orang Islam, diharamkan mengambil harta saudaranya sedikitpun."

Perjalanan yang dilakukan oleh Khalifah Ali r.a. merupakan sikap yang bagus dan mencerminkan kebijaksanaan yang tepat dalam menuju proses perpaduan dan perdamaian selanjutnya kerana ia sanggup mengasihi mereka secara keseluruhan dan menguburkannya.

Setiap kali bertemu dengan mangsa yang terbunuh, dia berdoa, "Ya Allah! Ampunilah dosa-dosa kami dan mereka semuanya." Ketika itu, dia dikawal oleh 'Imar dan Muhammad bin Abu Bakar. Salah seorang berkata kepada yang lain dengan kesan yang sangat menyayat hati, "Apakah kamu dengar?" Maka temannya menjawab, "Diamlah kamu! Janganlah bising!"

Ketika Ali ditanya tentang mangsa pasukan unta yang terbunuh, sama ada mereka termasuk orang yang musyrik atau munafik, maka beliau menjawab: "Orang musyrik adalah orang yang telah keluar dari agama, orang munafik pula adalah orang yang menyebut nama Allah dalam kadar yang sedikit, sedangkan mangsa-mangsa yang telah terbunuh itu masih saudara kita yang membangkang dan memberontak pada pemerintahan yang sah dan kami hanya memerangi gerakan pemberontakan bukan kekafiran."

Ketika Haris bin Hauth berada di depan Khalifah Ali, dia berkata kepada Ali, "Aku menyangka bahawa Thalhah, Zubair dan Aisyah telah sepakat melakukan tindakan yang batil."

Mendengar itu Ali r.a. menjawab, "Wahai Haris! Anggapan seperti itu kebenaran dan kebatilan yang tidak dinampakkan secara jelas kepada manusia. Oleh itu, kenalilah kebenaran, maka kamu akan tahu siapa orang

yang mahu menerimanya dan ketahuilah kebatilan, maka kamu akan tahu siapa orang yang akan mendatangnya.”

Jika dikaji secara teliti dan cermat, kenyataan Amir *Al-Mukminin* Ali r.a. tersebut mengandungi hikmah yang sangat besar. Ali r.a. berhenti di hadapan orang yang kelihatan masih menyimpan rasa permusuhan terhadap salah satu pasukan unta, apatah lagi setelah Ali melarang penyokongnya dari melakukan pembunuhan, melukai, membuka tabir dan mengambil harta sesuatu kelompok, maka sebahagian daripada penyokongnya bertanya: "Mengapa darah mereka halal bagi kita, sedangkan harta mereka tidak?"

Dengan serta-merta Ali menjawab: *"Barangsiapa yang memaafkan, maka dia termasuk golongan kita dan kita pun termasuk dalam golongan mereka dan barangsiapa yang masih keras kepala (menyimpan dendam) sehingga menimbulkan peperangan baru, maka hadapilah kami kerana ini adalah sunnah yang diajarkan bagi orang-orang ahli kiblata (agama samawi)."*

Ketika inilah calon-calon kumpulan Khawarij berkata: "Kami tidak tahu apakah maksud semua ini?" Ali berhujah dengan berkata: "Yang menjadi pemimpin puak ini adalah Aisyah, apakah kalian masih menjadikannya sebagai barang taruhan?" Mereka menjawab: "Maha suci Allah! Ternyata beliau adalah ibu kita (*Ummu Al-Mukminin*).

Ali bertanya lagi, "Apakah ia haram bagi kalian?" Mereka menjawab: "Benar." Ali menerangkan lebih lanjut: "Apa yang telah diharamkan baginya, maka diharamkan juga orang-orang yang menjadi keturunannya."

Demikianlah, akhirnya penyokong Ali mengikut pendapatnya. 'Imar berkata tentang Aisyah kepada orang-orang yang berada di masjid Kufah seperti berikut:

"Demi Allah! Kita sudah tahu bahawa beliau adalah isteri Nabi s.a.w sama ada di dunia hingga akhirat, akan tetapi Allah s.w.t menguji kalian dengannya, maka apakah kalian mengikutnya atau mengikut Ali?"

Semoga Allah s.w.t tetap merahmati dan mengasihi Aisyah. Dia adalah satu-satunya wanita yang tercatat dalam lembaran sejarah yang telah menentang satu sistem politik yang kejam untuk menyingkirkan khalifah, mengalihkan pertolongan yang diberikan kepada khalifah, menggoncang tiang-tiang yang menjadi kekuatan khalifah, menggerakkan rakyat dan terjun dalam medan perang.

Beliau ingin menjauhi peperangan itu, malangnya akhirnya persoalan itu jatuh ke tangan perusuh dan penghasut yang khianat dan tidak bertanggungjawab. Ketika itu ketokohnya hampir setanding dengan Khalifah Ali, di mana setiap orang Islam yang mendengar kisahnya akan gementar tentang malapetaka yang telah menimpa pasukan unta yang dipimpin oleh Aisyah.

## **FASAL KELIMA**

### **(A) HARI-HARI TERAKHIR AISYAH R.A. DI BASRAH**

Ketika menjelang senja, Muhammad bin Abu Bakar (saudara lelaki Aisyah) keluar dan membawa Aisyah ke Basrah. Dia ditempatkan di rumah salah seorang sahabat yang bernama Abdullah bin Khallaf Al-Khauza'i suami Shafiyah binti Haris yang termasuk dari kabilah Bani

Abd-Dar. Dia mempersilakan Aisyah berehat di rumah itu yang merupakan rumah terbesar ketika itu.

At-Tabari meriwayatkan bahawa rehat tersebut bertujuan untuk mengubati luka-luka dan menenangkan perasaan takut yang menyelimuti diri beliau. Salah seorang daripada orang-orang yang melindunginya adalah Marwan bin Hakam yang sudah terkenal dengan sikap buruk dan tidak amanah.

Tidak hairan jika rumah itu kemudiannya menjadi tempat perlindungan dan berkumpulnya rakyat serta orang ramai dan menjadi pusat yang dihormati oleh kedua belah pihak yang bertelingkah.

Aisyah menjadi terasing dari penyokongnya dan dia segera bertanya kepada orang-orang yang dikenalnya tentang penyokongnya itu sama ada yang masih bersamanya ataupun yang sudah tidak lagi bersamanya. Ketika dia berada di rumah itu, dia dikunjungi oleh orang ramai dan ketika salah seorang daripada mereka mengadu sesuatu kepadanya, dia segera menjawab: "Semoga Allah s.w.t mengasihinya."

Salah seorang penyokongnya bertanya kepada Aisyah: "Bagaimana perkara itu menurutmu wahai ibu?" Dia menjawab: "Sama dengan apa yang telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w, bahawa orang yang begitu akan berada di syurga dan orang yang begini akan berada di syurga pula."

Komen dan tanggapan beliau hampir menyerupai kenyataan Khalifah Ali sebelumnya yang mengatakan bahawa, "Aku tidak mengharapkan seorang pun daripada

mereka yang hatinya telah bersih kecuali dimasukkan oleh Allah s.w.t ke dalam syurga.”

Irilah kesepakatan yang terjadi di antara dua kelompok yang telah bertelingkah untuk tetap baik sangka kepada Allah s.w.t dan mengharapkan kesejukan bagi semua lapisan masyarakat yang ada pada ketika itu. Wajah-wajah rakyat berseri-seri menerima Aisyah. Demikian juga, Khalifah Ali dan para penyokongnya.

Dari satu segi, perpecahan antara satu dengan yang lain dan perbalahan kedua belah pihak adalah tercermin dari apa yang telah terjadi pada kedua saudara Aisyah iaitu Muhammad bin Abu Bakar yang menyokong pihak Ali dan Abdullah bin Zubair yang menjadi salah seorang tokoh dalam pasukan unta (pimpinan Aisyah). Persoalan ini menunjukkan betapa sukarnya persoalan yang ditangani oleh Aisyah.

Ketika Ali selesai dari peperangan, beliau memanggil kedua belah pihak (sama ada penyokongnya dan penyokong Aisyah) dan berucap yang dimulakan dengan memuji kepada Allah. Setelah itu, dia segera berkata kepada rakyat Basrah, “Wahai penyokong Aisyah! Kalianlah yang memaksa perang dan setelah kalian bingung dan kalah. Kalian telah menyebarkan fitnah dalam negeri ini yang lebih jauh daripada jarak langit.”

Ibni Abbas menerimanya dan berkata: “Datanglah kepada wanita ini (Aisyah) dan suruhlah ia tinggal di rumah seperti mana yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t kepadanya.” Setelah itu, dia mengucapkan syair:

*“Sesungguhnya meskipun terdapat halangan*

*aku tetap bertindak,  
sesudah itu aku akan menyingsingkan baju,  
lalu menyatukan umat yang telah berpecah-belah."*

Ibn Abbas berkata lebih lanjut: "Aku telah datang kepadanya dan meminta izin, tetapi ia tidak mengizinkan dan akhirnya aku terpaksa masuk tanpa izin. Sebaik sahaja masuk rumah, aku menghulurkan bantal dan duduk di sampingnya dan Aisyah segera menegurku."

"Demi Allah, aku belum pernah melihat orang yang kurang ajar seperti kamu! Kamu telah masuk ke rumahku tanpa izin terlebih dahulu dan duduk di atas bantalku juga tanpa perintah dariku, kamu telah melanggar ajaran Nabimu."

Ibn Abbas menjawab: "Aku akan mengajar kepadamu tentang ajaran Nabi di mana rumah yang kamu tinggal itu bukan rumahmu dan rumahmu yang sebenarnya adalah rumah yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w dan diperintahkan oleh Allah s.w.t agar engkau sentiasa ada di tempatnya. Kerana itu, *Amir Al-Mukminin* menyuruhmu pulang ke negerimu yang telah kamu tinggalkan."

Inilah dialog yang terjadi antara Aisyah dengan Ibn Abbas:

Aisyah: "Semoga Allah mengasihi Amir *Al-Mukminin*!  
Apakah dia Umar bin Al-Khattab?"

Ibn Abbas: "Bukan, dia adalah Ali bin Abi Talib."

Aisyah: "Tidak, tidak, aku tidak mahu."

Ibn Abbas: "Datuk moyangmu adalah orang-orang yang berada di atas unta (kehormatan) sehingga bagaimana jadinya kalau kamu tidak berupaya untuk merubah keadaan, memerintahkan kebaikan dan mencegah perkara yang mungkar, sedangkan kamu adalah *figur*



yang sangat disegani sebagaimana yang digambarkan oleh saudara Bani Assad dengan syair seperti berikut:

*“Hadiah atau pemberian anak kecil ini terus  
menggema di lingkungan kami,  
Dia terus menyiarkan hadis dan kesejukan-  
kesejukan jiwa,  
Suaramu di antara mereka wahai Aisyah,  
laksana bunyi lalat yang terus mendengar.”*

Lalu Aisyah menangis dan berkata: “Baiklah, kalau begitu aku akan pulang kerana negeri yang paling aku benci adalah negeri yang kamu diami ini.”

Ibn Abbas: “Demi Allah, bukankah ini sangat mulia bagimu jika engkau tetap menjadi seorang *Ummu Al-Mukminin* dan menjadikan bapamu bagi mereka sebagai orang yang dipercayai.”

Aisyah: “Wahai Ibn Abbas, apakah Ali telah mendapat hidayah dan mentaati Rasulullah?”

Ibn Abbas: “Ya, aku akan mempertaruhkan kepadamu bahawa Ali adalah orang yang telah mentaati Rasulullah s.a.w. Aku akan mendatangi Ali dan menyampaikan hal ini. Setelah itu, dia mengucup kedua mataku dan berkata kamu adalah keturunan di antara kedua belah pihak dan aku paling tahu akan kemampuanmu ketika aku mengutusmu.”

Inilah akhir daripada kisah yang terjadi. Adapun data-data sejarah yang tidak boleh diterima dengan logik adalah apa yang disampaikan oleh sebahagian daripada ahli sejarah yang bernama Mas’ud (ahli sejarah yang terperangkap oleh kepentingan politik tertentu).

Dia mengatakan bahawa ketika terjadi perbalahan antara Aisyah dan Ali, maka Aisyah berkata: "Aku setuju dengan kebijaksanaanmu untuk memerangi musuh-musuhmu." Ali menjawab: "Betul, tetapi yang lebih baik hendaklah kamu pulang ke rumah yang telah diwariskan Nabi kepadamu."

Ini adalah data sejarah yang tidak dapat dibenarkan sama sekali kerana bercanggah dengan realiti dan fakta sejarah yang sebenar. Satu soalan yang patut dikemukakan di sini adalah: Benarkah orang yang memimpin pasukan untuk menyerang Ali, boleh bersama-sama dengannya untuk menggempur pihak lawan? Bukankah jika memutarbelitkan fakta yang dilakukan seperti membalikkan tangan dengan cepat?

Ali mempersiapkan segala sesuatu yang diperlukan oleh Aisyah bermula dengan kenderaan, bekalan dan lain-lain. Ali memerintahkan orang yang menjadi penyokong Aisyah keluar bersamanya kecuali yang ingin tinggal di Basrah. Ali memberikan 12,000 dirham sebagai bekalan dan memilih 40 wanita Basrah yang terkenal untuk mendampingiya. Ali berkata kepada saudara Aisyah: "Jagalah dia baik-baik, hingga sampai kepada tujuannya."

#### **(B) PERDAMAIAN DI ANTARA KEDUA BELAH PIHAK**

Ketika Aisyah berpindah dari tempat perlindungannya, datanglah Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. yang berada berhampiran dengan penyokong di antara kedua belah pihak yang hadir.

Aisyah r.a. menemui mereka lalu disambut dengan penuh hormat. Aisyah berkata: *"Wahai anak-anakku, janganlah di antara kalian saling menyalahkan dan janganlah*

*melampaui batas yang hanya akan membinasakan satu kelompok."*

Dengan ucapan yang penuh makna, dapat difahami bahawa Aisyah mampu menjadi ibu (pemimpin wanita) bagi sekalian umat. Dia inginkan kedamaian bagi semua kelompok. Dia merupakan *figur* wanita yang baik dan penuh simpati serta mampu mententeramkan suasana yang memanaskan Khalifah Ali, penyokongnya dan musuh-musuhnya.

Di sini saya (penulis) menggambarkan ucapan Aisyah tersebut sangat bernilai dan inginkan perdamaian yang mampu mempengaruhi lubuk hati yang sangat mendalam sehingga jelas kelihatan penyesalan dan kedukaannya.

Menjelang perdamaian itu diisytiharkan, banyak air mata yang menitis telah memenuhi dada setiap orang yang sememangnya inginkan perdamaian, mengerat tali persaudaraan dan cinta kasih sesama saudaranya yang selama ini dirosakkan oleh orang munafik.

Dengan demikian, keperibadian Aisyah mampu menjinakkan mereka yang telah bergelora, marah dan dendam.

Dia menoleh kepada rakyat yang lain dan menyampaikan sedikit gambaran tentang hubungan beliau dengan Ali r.a. Inilah petikan kenyataan Aisyah, *"Demi Allah, sejak dahulu hingga sekarang hubungan yang terjadi antarku dan Ali ibarat hubungan seseorang dengan mertuanya dan dia di sisiku dengan celaan yang telah tersebar hanya merupakan hal yang biasa."*

Ali menjawab: *"Wahai rakyat sekalian, apa yang dikatakan*

*Aisyah adalah benar dan hubungan yang terjadi antaranya denganku adalah sebagai anak menantu dengan mertua, seperti mana maklum, dia adalah isteri Nabi kalian dari dunia sehingga akhirat.”*

Imam Bukhtari mengulas makna perdamaian itu dengan syair seperti berikut:

*“Jika ia berperang pada ketika itu, maka darahnya akan membara,  
jika ia mengingatkan sanak keluarganya, maka air matanya menitis jatuh bercucuran.”*

Dengan demikian, sempurnalah perdamaian di antara mereka yang mampu menyejukkan hati dari segala yang menggundahkannya lebih-lebih lagi bagi umat Islam.

Beliau pulang dari negeri Basrah pada awal bulan Rejab tahun 36 Hijrah. Beliau mendapat bekalan harta benda yang banyak dari Khalifah Ali r.a. termasuklah menyuruh anaknya untuk mendampingi perjalanan Aisyah.

Aisyah menuju ke Mekah dengan dikawal oleh orang-orang yang telah diberi tugas seperti Marwan dan Abi Aswad Al-Bukhtari yang menemaninya ke Madinah. Ketika itu, Aisyah melaksanakan haji di Mekah dan baru pulang ke Madinah setelah selang beberapa waktu yang lama.

%%%%%%%%%





# 4

**PERISTIWA SELEPAS  
PERANG JAMAL**



## **FASAL PERTAMA**

### **(A) MENGASINGKAN DIRI ADALAH SATU AKTIVITI YANG BIJAK**

**P**erang Jamal adalah satu peristiwa tragis yang pertama bagi umat Islam. Ia adalah lemparan anak panah dan pedang yang mengorbankan banyak nyawa, menyebabkan anak-anak menjadi yatim dan wanita menjadi janda yang sebelumnya telah berada dalam naungan Islam.

Tali persaudaraan antara satu sama lain terdedah kepada perpecahan, kesan daripada peperangan tersebut. Sesungguhnya pertumpahan darah cukup menjatuhkan umat Islam secara keseluruhan ke lembah kehinaan.

Pembaca tentu sedia maklum betapa ramai tokoh-tokoh sahabat seperti Abdullah bin Umar, Abu Musa Al-Asy'ari, Sa'ad bin Abi Waqqas dan selainnya berusaha menjauhkan diri agar tidak terlibat dalam fitnah itu. Suasana belum stabil dan dingin dengan serta-merta, ia hanya dapat direda dengan sedikit demi sedikit.

Kita hendaklah maklum bahawa di sebalik tindakan mengasingkan diri seperti yang dilakukan oleh sesetengah sahabat terkemuka di atas bukan bererti mereka enggan terbabit apatah lagi takut seperti mana anggapan sesetengah orang.

Namun tindakan mereka didorong oleh beberapa ayat dan hadith Nabi s.a.w yang mampu membuat orang gementar dan berdiri bulu roma akibat bahaya fitnah. Kerana itulah



sebahagian sahabat lebih memilih diam atau berkecuali. Adalah memadai rasa takut yang mereka alami sebaik sahaja menghayati beberapa hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*“Orang-orang Islam akan kembali mengetepikan perpaduan dan kembali kepada sistem jahiliah dengan cara menghalalkan darah dan harta antara satu sama lain.”*

Adapun riwayat-riwayat yang lain adalah:

(a) Abu Bakar menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda di hadapan umatnya: *“Apakah kamu tidak tahu hari apa sekarang, bukankah hari Nahar? Abu Bakar menjawab: “Benar, ya Rasulullah.” Nabi s.a.w bertanya lagi, “Bukankah kamu tinggal di negeri Haram?” Abu Bakar menjawab: “Benar, ya Rasulullah.” Rasulullah s.a.w meneruskan: “Darah, harta benda, jiwa dan maksud yang lain adalah haram bagi kalian (untuk dirosak) seperti haramnya hari ini, ini bulan dan ini negerimu. Apakah kamu mengerti?” Kami menjawab: Benar, ya Rasulullah.”* Lalu Rasulullah s.a.w berdoa, *“Ya Allah, Ya Tuhanku, saksikanlah olehmu dan jadikanlah saksi-saksi yang masih ghaib.”*

(b) Abdullah bin Umar meriwayatkan dua hadith di bawah:

*i. Barangsiapa yang mengangkat pedang atas kami, maka ia bukan daripada golongan kami.*

*ii. Sesudahku janganlah kalian kembali kufur yang di antara kalian saling memukul bahu.*

- (c) Abu Hurairah meriwayatkan bahawa akan timbul banyak fitnah di mana orang yang duduk lebih baik daripada orang yang berdiri, yang berdiri lebih baik daripada yang berjalan, yang berjalan lebih baik daripada yang berlari, maka barangsiapa yang mulia maka dia akan dimuliakan dan barangsiapa yang mendapatkan perlindungan, maka segeralah dia berlindung.
- (d) Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud, "*Jika dua orang Islam bertempur, maka yang menang ataupun yang terbunuh sama-sama masuk neraka.*" Nabi ditanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana halnya dengan pihak yang menang, lalu bagaimana dengan keadaan orang yang terbunuh." Nabi s.a.w menjawab: "Ia adalah orang yang tamak untuk membunuh saudaranya sendiri." Perlu dicatat di sini bahawa ucapan Rasulullah s.a.w ini ketika terjadi kes pembunuhan masih sedikit seperti yang diriwayatkan oleh Imam Barirah.

Menurut Imam Barirah, "Seseorang akan dilemparkan dari pintu syurga setelah terbukti menumpahkan darah seorang Muslim."

Sebahagian data-data ini saya (penulis) kumpulkan bagi memecah kekerasan hati yang masih menyelimuti sebahagian orang. Data itu juga telah membuka kabus hitam yang selama ini mengaburkan para pembaca tentang keinginan kedua puak yang bertelingkah menuju perdamaian dan pandangan yang jauh tentang faktor-faktor yang menjadi penyebab awal peperangan itu.

Keduanya sudah nampak bahawa kedua puak itu telah ikhlas dalam menerima dan merealisasikan rasa cinta dan

perdamaian. Seandainya tanpa kesepakatan yang jelas dan pertolongan daripada Allah s.w.t, nescaya akan terjadi apa yang seharusnya berlaku. Perbezaan itu adalah merupakan satu fenomena pertama yang mampu merubah kegelisahan hati di antara kedua puak.

Jika di tengah-tengah masyarakat Islam dirujuk sebagai perkara yang telah memecah-belahkan perpaduan umat bermula perang Jamal hingga sekarang, maka ia itu merupakan hadiah yang tidak bertanggungjawab dan secara jelas merupakan penyerangan yang nyata terhadap agama.

Masyarakat telah tersebar dengan rapi dan diikat dengan satu tali di bawah naungan kenabian dan petunjuk yang dihasilkan darinya, di mana ia merupakan ajaran agama yang telah menjadikan seseorang mulia dan menundukkan hawa nafsu serakahnya.

Jika tidak difahami, maka perbezaan yang terjadi antara pihak Muhajirin dan Ansar di Bani Saqifah, kelambatan puak Bani Hasyim dalam pembai'atan Abu Bakar As-Siddiq, kelambatan Ibn Abbas dan pembai'atan yang dilakukan oleh Ali setelah berselang 6 bulan tepatnya pada saat meninggalnya Fatimah r.a. akan ditafsirkan sebagai bentuk pembelotan yang dilakukan para sahabat dalam perbezaan pendapat itu sendiri.

Ini boleh dilihat dari kebijaksanaan Abu bakar yang tetap mengharap peranannya. Dia bertanya kepada Rasulullah s.a.w: "Siapakah yang akan memimpin umat ini selepas beliau, hingga akhirnya tidak terdapat perbezaan pendapat."

Umar bin Khattab bersama dengan orang Quraisy sebagai keluarga yang terhormat menjalankan satu sistem politik yang mengandungi sinar dan kemantapan yang sesuai dengan paradigma berfikir yang luas dan berfikir untuk merendahkan karakteristik personal dan sifat lain.

Dari sinilah dengan berani beliau melakukan kebijaksanaan kepada masyarakat luar untuk melarang puak-puak Muhajirin keluar dari negeri kecuali mendapat kebenaran khusus dan kesepakatan bersama. Ketika masyarakat mengadukan hal ini kepadanya dia terus berdiri dan menjawab:

“Ingatlah! Sesungguhnya aku telah menjaga Islam seperti mana menjaga unta yang dari zaman *Jadda'* (unta yang telah berumur lima tahun), *Thaniyan* (unta yang berumur 6 tahun), *Rubaiyan* (unta yang berumur 7 tahun), *Sadisan* (unta yang berumur 8 tahun) hingga akhirnya menjadi *Bazil* (unta yang telah tumbuh giginya). Ingatlah, wahai saudara sekalian, apakah yang akan ditunggu dari seekor unta yang telah tumbuh giginya?”

Ini bererti Islam akan dipecah-belahkan, orang Quraisy menjadi bercerai-berai. Untuk menggunakan harta Allah bukan di jalan ibadah dan Umar bin Khattab r.a. tidak mempunyai tempat untuk meneruskan hidupnya. Aku hidup bukan di daerah yang kedudukan geografinya kering, aku memegang kerongkong orang Quraisy agar bingung dalam kepanasan.”

Demikianlah yang dilakukan oleh beliau, di mana ia nampak bahawa sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w yang mempunyai reputasi baik yang sebahagian daripadanya telah membuat syaitan berputus asa dalam mengajak

menyembahnya, akan mengeksplorasi dakwah Islam ke penjuru dunia dan dalam kesabaran yang telah dipraktikkan dalam kesempitan hidup, permusuhan dan nasib buruk.

Kesabaran merupakan cermin kejantanan, kekuatan dan kelapangan dada. Persamaan hanya boleh dijauhkan dan dilintasi oleh kehidupan mewah. Umar bin Khattab r.a. tetap berpendirian kuat dan teguh untuk menyelamatkan sahabat tersebut sehingga ia menerapkan kebijaksanaan yang melarang untuk keluar dari daerah dan berusaha untuk menghilangkan fahaman negatif kebendaan yang melekat.

Karena itulah Umar bin Al-Khattab melarang bermusafir tanpa ada pengesahan dari penguasa ketika itu. Umar bin Al-Khattab menjelaskan kebijaksanaan itu kepada rakyat dengan sejelas-jelasnya dan berkata: "Sesungguhnya sesuatu yang paling aku bimbangkan terjadi pada kalian adalah tersebarnya kalian ke berbagai negeri."

Ketika ia didatangi oleh salah seorang tahanan wilayah Madinah dari puak Muhajirin. Perkara ini tidak pernah beliau laksanakan kepada selain penduduk Mekah, maka dia berkata: "Apabila kamu berperang bersama dengan Nabi s.a.w, kamu mendapat harta yang cukup. Tetapi mengapa sekarang kamu berpaling dari peperangan, ingatlah kamu melihat dunia tetapi dunia tidak melihat kamu."

Dengan demikian, Umar bin Al-Khattab mampu menggenggam tokoh masyarakat dan boleh mengawasi gerak-geri mereka, sama ada dalam perkara yang dapat dilihat dengan jelas mahupun tidak. Umar bin Al-Khattab meletakkan perhatian terhadap rakyatnya, sehingga tidak seorang pun dari mereka yang melakukan sesuatu terlepas daripada genggamannya.

Hal ini menjadi tetap dalam kedudukan asal iaitu dapat dicegah apabila ingin melakukan aktiviti yang menjurus ke arah hasutan rakyat.

Kebijaksanaan Umar bin Al-Khattab dapat dilihat dari hikmahnya yang mengandungi nilai kasih sayang yang luas terhadap anggota masyarakat dan golongan Muhajirin secara keseluruhan ketika itu.

Ini kerana menyebarnya puak elit ke berbagai wilayah yang boleh menggerakkan perhimpunan dan memelihara hamba serta diikuti oleh puak-puak yang taksub. Titik utama yang menjadi kebimbangan dalam hal ini adalah kesinambungan yang akan mempengaruhi seluruh pelusuk dari berbagai aspek dan akhirnya akan memecah-belahkan perpaduan yang telah dicapai.

Sedangkan Umar bin Al-Khattab sebagai anak yang dilahirkan dan dibesarkan dalam tanah air, tidak akan rela melihat negerinya terpisah. Dengan sekatan yang diambil Umar bin Al-Khattab mampu melakukan yang terbaik buat bangsanya. Allah s.w.t seakan-akan telah memberikan ilham dan inspirasi di hadapan matanya tentang apa yang akan menimpa sahabat-sahabatnya.

Ketika dia menemui inspirasi itu, kekacauan dan kesusahan yang menyelimutinya tidak menjadi halangan sama sekali untuk melakukan yang terbaik. Kasih-sayang terhadap umat ini telah menggelora dalam hatinya dan tidak boleh disembunyikan dari realiti.

Ketika membawa berbagai jenis haiwan sebagai suatu yang berharga baginya di Madinah, Umar bin Al-Khattab berkata: "Sesungguhnya bangunan rumah tidak akan

menghalangku sebelum aku dapat menguasainya.”

Abdurrahman bin Auf dan Abdullah bin Arqam menjaganya di halaman masjid ketika bermalam dan keesokan harinya dia datang kepada rakyat dengan serbannya yang putih dan suci itu dibuka.

Ketika dia melihat kilauan permata Yaqut, Zabarjad dan Jauhar, dia terus menangis dan ditanya oleh Abdurrahman bin Auf: “Wahai *Amirul mukminin*, apa yang membuatmu menangis sedangkan ini merupakan barang yang sangat bernilai.”

Umar menjawab: “Aku bersumpah kepada Allah s.w.t bahawa bukan itu yang membuat diriku menangis tetapi kerana sebentar lagi Allah s.w.t akan menjadikan umat ini saling dengki dan saling benci antara satu sama lain dan ini akan berterusan di kalangan mereka.”

Khalifah Umar adalah orang yang paling mengerti dengan apa yang pernah dibimbangkan oleh Nabi Muhammad s.a.w terhadap umatnya. Telinganya terus mengingati kegelisahan yang pernah diwasiatkan oleh Nabi s.a.w kepada sahabatnya iaitu sabda baginda yang bermaksud:

*“Sesuat yang aku bimbangkan kepada kalian setelah kematianku adalah bercahaya dunia ini. Demi Allah! Bukan kemusyrikan yang aku khawatirkan kepada kalian tetapi cahaya dunia yang membuat kalian saling membunuh di antara satu sama lain dan kalian akan rosak seperti umat terdahulu sebelum kalian.”*

Dari kematian Nabi Muhammad s.a.w, kebimbangan itu baru terjadi setelah selang 30 tahun lamanya.

Umar telah diberi ilham bahawa perpecahan akan menimpa di antara Ali, Uthman, Thalhah dan Zubair. Ahli sejarah memaparkan bahawa setelah Umar berwasiat kepada para sahabat untuk menyelesaikan berbagai persoalan yang terjadi di antara mereka dengan jalan mesyuarat, dia berkata: "Sesungguhnya aku telah melihat persoalan rakyat di tengah-tengah kalian, di mana perpecahan tidak akan terjadi di antara mereka, tetapi perpecahan itu akan terjadi pada kalian sendiri."

Dari persoalan yang pernah dia perintahkan kepada Abu Thalhah Al-Ansari untuk menjaga pintu rumah yang menjadi tempat persidangan kelima puluh anggota majlis permusyawaratan rakyat, hingga akhirnya mencapai kesepakatan dalam memilih khalifah oleh tiga parti yang di dalamnya termasuk Abdurrahman bin Auf dan ditolak oleh tiga parti yang lain, kerana ada amaran kekerasan dengan pedang yang dilakukan oleh Thalhah sebagai ketua parti yang tidak bersetuju.

Kebijaksanaan yang berkesan telah diterapkan oleh Umar merupakan satu usaha penyelesaian yang ditempuh untuk menghindari adanya perselisihan antara sesama orang Quraisy sehingga selama hidupnya, perselisihan itu dapat dielakkan dengan baik.

Ketika Khalifah Umar meninggal dan kepimpinan beralih ke tangan Uthman, beliau tidak mempedulikan lagi kebijaksanaan-kebijaksanaan yang pernah dilakukan oleh Umar. Dia tidak tegas terhadap penyelewengan kekayaan suatu wilayah, sebaliknya melihat sahaja kilauan



kemewahan dunia dan hal ini sudah mendapat perhatian di mata rakyat.

Rakyat tetap disekat untuk melakukan bantahan, bahkan dihalang oleh puak yang merasa diuntungkan secara material.

Pada hakikatnya komuniti Quraisy telah lama dihantui oleh perpecahan dan dengan cepat perkara itu wujud kembali setelah sumbunya dihidupkan oleh Uthman. Setelah setahun kepimpinannya, orang-orangnya mengeruk banyak harta dari negeri yang diperintah oleh Uthman dan cara ini juga disukai oleh generasi berikutnya.

Ini disebabkan sesuatu yang dikehendaki oleh khalifah pasti terjadi sehingga komuniti politik yang menyokong satu gerakan yang mengarah iaitu tetap memberi sokongan kepada Uthman untuk mendapatkan balas budi yang boleh mencukupkan kehidupan pada zaman berikutnya dengan cara menarik simpati agar mendapat sokongan rakyatnya.

At-Tabari mempunyai wacana pengembangan yang mendalam yang telah dipaparkan dalam berbagai buku sejarahnya. Sedikit sekali yang membuat hubungan kait dengan lautan keilmuan yang biasanya pasang surut dalam menceritakan berbagai rantaian mahupun substansi sejarah.

Tentunya paradigma yang dikembangkan oleh At-Tabari membuka tabir sejarah yang sebelumnya penuh dengan kekaburan untuk mendorong rakyat jelata menyusurnya yang selama ini menutup sejarah. Tidak mudah untuk mendapatkan data-data yang tepat kecuali disokong oleh kecerdasan, kritikan dan petunjuk.

Pandangan yang penulis bentangkan ini diharap dapat menjadi data sejarah bagi ahli sejarah yang berbeza dengan kebanyakan sejarawan dalam meng*interpretatif* peristiwa sejarah yang telah banyak melakukan penyimpangan dari realiti sejarah.

Para pembaca telah menemui sesuatu yang sangat bermanfaat di mana faktor yang menjadi punca bagi pasukan unta dalam membuat kesimpulan ke atas sebuah pemberontakan merupakan suatu kecuaiian. Tentu perkara ini akan (penulis) paparkan dengan panjang lebar di hadapan pembaca yang budiman.

Puak Muhajirin, Ansar dan para pejuang Islam fasa awal yang ikut dalam berbagai penaklukan mempunyai haiwan yang banyak dan telah mengumpulkan berbagai harta simpanan yang telah pecah dengan penuh kasih-sayang yang tidak terhitung jumlahnya dari perhiasan emas, perak, Yaqut, Zabarjad dan sutera sehinggalah salah seorang pejuang memiliki bahagian dan sebidang tanah. Ia tidak sama dengan generasi berikutnya.

Generasi berikutnya yang tinggal di Hijaz mempunyai harta di Iraq yang mampu memberikan hasil. Bertambah senang lagi apabila harta tersebut dapat dikembangkan. Pada tahun 30 Hijrah, Khalifah Uthman bermaksud membeli harta milik pejuang di Hijaz yang merupakan harta pemberian daripada Allah s.w.t. Kemudian Khalifah Uthman menjual semula kepada para sahabat yang kehidupannya telah kaya seperti Thalhah, Zubair dan lain-lain.

Dengan kebijaksanaan ini, melalui petunjuk Allah Uthman telah menyenangkan hati rakyat. Ini ber*aplikasi* oleh para

penduduk negeri Hijaz menjual hartanya yang ada di Iraq lalu membeli harta yang sama di negerinya sendiri (seperti benda tidak bergerak yang dapat dimiliki) dan ramai rakyat yang mengikut langkah Uthman. Contohnya Thalhah menjual bahagiannya yang diperoleh dari peperangan Khaibar dengan harga yang sesuai, lalu dia membeli harta penduduk Madinah yang diperolehi dari peperangan yang lain selama penduduk tersebut belum pindah tempat ke Iraq.

Maka Thalhah yang memang sahabat yang kaya mampu mempunyai kekayaan yang besar dan membeli beberapa tanah yang ada di wilayah Iraq. Sikap tersebut dicontohi oleh tokoh dari setiap puak atau komuniti tertentu sehingga akhirnya pejuang Islam sebagai pendatang mampu mendominasi para penduduk tempatan yang memang tidak mempunyai apa-apa.

Keislaman yang melekat dalam situasi terakhir belum menanamkan nilai, dari sudut pandangan ini jika tanah datuk moyang yang mereka miliki banyak yang jatuh dalam pangkuan para pejuang yang hanya sebagai pendatang.

Para pembaca sudah tentu dapat menggambarkan bagaimana gejala yang membara dan cemburu yang kuat dalam dada mereka. Aspek inilah yang menjadi sorotan Iram At-Tabari sekali gus sebagai faktor timbulnya pemberontakan. Ia merumuskan data tersebut demikian:

“Kecuali pendatang itu, mereka tidak mampu menyesuaikan diri dan tidak dapat menyamai kepimpinan mahupun kedudukan penduduk tempatan, apatah lagi jika menyebarkan kelebihan diri dengan bersikap tidak ramah. Dalam persoalan itu, ada sifat menyembunyikan dan tidak

berterus terang kerana sesama pihak saling tidak memerlukan. Apabila kes seperti ini telah terjadi dalam kerangka sistem sosial masyarakat sama ada negeri itu masih dalam genggaman penguasa asing mahupun sudah merdeka.”

“Maka akan terjadilah apa yang sebelumnya menjadi benih meskipun interaksi bahasa yang mereka bina, cuba untuk dimaniskan. Terdapat satu aspek yang semakin maju dan satu aspek yang lain masih terjebak oleh keadaan kekurangan hingga akhirnya diselesaikan dengan keburukan.”

Penjelasan ini telah diketahui oleh pembaca, tetapi di sini penulis masih menyimpulkan kembali untuk memberi satu amaran ke atas pelanggaran yang akan ditimbulkan dalam kedudukan dalam wilayah mana pun.

Sedangkan penjelasan tentang wacana itu telah diketahui oleh pembaca dan semoga pembaca yang budiman tidak lupa, lebih-lebih lagi penjelasan mengenai pergerakan politik yang dijalankan oleh Abdullah bin Saba’.

Seharusnya sikap tidak memandang rendah perlu diambil dalam konteks penyebab satu kes, bangkitnya *mustadhafin* (rakyat miskin) dan pembelotan yang berlaku.

Islam telah digunakan sebagai alat untuk menipu. Kerinduan pada satu sistem yang baik pada zaman lampau telah lenyap secara samar. Ditambah pula dengan nasib buruk ketika berhadapan dengan kekayaan dan kemewahan yang telah beralih kepada pendatang yang telah menakluk negerinya.

Pada dasarnya penjelasan ini bukan untuk mengaburkan paradigma berfikir yang semula jadi berkembang dan bukan pula kerana tidak mengambil hikmah yang ada, tetapi kerana ramai ahli sejarah yang tidak mengendahkan amaran ini.

Lakaran sejarah itu dilalui dengan samar tanpa ada *realisasi* perbaikan, tidak ada cara berfikir yang jernih dalam menyingkap dan para sejarawan tidak mengambil pengajaran penting dengan kes tersebut.

Saya telah menjelaskan contoh yang pernah disampaikan oleh Imam Ali. Beliau berkata ketika berangkat untuk menziarahi kematian Uthman, kerana dia mengerti tentang penyebab yang telah menjadi pendorong timbulnya pemberontakan rakyat terhadap Ali sebagai berikut:

“Adapun yang telah menggerakkan kejadian ini berlaku adalah orang yang sememangnya rakus terhadap kemewahan harta, benci terhadap orang yang telah diberi keistimewaaan oleh Allah dan berusaha untuk mengalihkan kembali pemberian itu. Hanya Allahlah yang dapat mewujudkan apa yang menjadi kehendaknya.”

Semoga pembaca tidak lupa terhadap “*Saba’iyyah*” (orang yang turut serta dalam pergerakan Abdullah bin Saba` yang juga merupakan sebahagian pasukan Ali) dengan mudahnya membuang kes yang terjadi setelah mendengar kenyataan ini dengan cara mengadakan pakatan sulit untuk melakukan pembunuhan terhadap Ali yang dituduh sebagai punca berlakunya pembunuhan Uthman serta sepakat untuk mengobarkan perang saudara seperti mana yang telah terjadi pada puak Muhajirin.

## FASAL KEDUA

### (A) PERDAMAIAN DI ANTARA PENYOKONG

Setelah melalui perbincangan sebelumnya, (penulis) memberi kenyataan mengenai orang yang terbabit dalam peperangan ini. Tidak ada salahnya apabila perbincangan global itu akan penulis jelaskan dengan lebih terperinci.

Adapun orang yang bertanggungjawab dalam fitnah itu sudah jelas iaitu orang yang dengan mudahnya menganggap dosa terbunuhnya Uthman serta membangkitkan kes itu.

*"Sabai'yyun"* (penyokong gerakan Ibn Sauda') merupakan orang yang dari awal lagi menghimpun bala tentera, menyepakati perjanjian damai dan melanggar perjanjian itu sendiri dengan mengobarkan api peperangan, dengan terburu-buru melakukan kedua perkara itu tanpa didahului oleh renungan dan pematapan yang matang.

Jika demikian keadaannya, maka mereka berhak memikul dosa atas tumpahnya darah 15,000 pasukan. Demikianlah mengenai kes dosa pembunuhan Uthman.

Sebaik sahaja riwayat mengenai unsur penglibatan yang kedua yang terdiri daripada orang yang lalai, salah dalam keyakinan, murni dalam melakukan pembelotan dan dominasi persaingan dengan saudaranya sendiri hingga kepada kita, maka saya menemui penglibatan yang timbul dalam peperangan Jamal dengan tertib bermula dari pengkhianatan kepada Uthman dengan menampakkan nilai-nilai kemanfaatan, mensudutkan hak-haknya,

penghinaan terhadap hak-haknya dan sikap kritis terhadap Uthman. Mengikut pandangan saya, sangat baik sekiranya kita menghuraikan sedikit tentang hubungan kait antara puak Umayyah, Thalhah, Zubair, Aisyah dan Ali.

Adapun puak Umayyah telah menjalin kekerabatannya dengan Uthman melalui cara yang paling buruk dan menggantikannya dengan nasihat dan lemah lembut serta menjadi kewajipannya terhadap Uthman. Ini dilakukan oleh mereka menerusi usaha-usaha menahan aktiviti, menyokong dana dan menjauhkan rakyat sehingga aktiviti adalah faktor yang paling mustahak dalam menimbulkan keburukan terhadap Uthman.

Ketika Uthman terbunuh, pada umumnya puak Umayyah bersembunyi di berbagai negeri dan dengan mudah menyelinap ke Mekah dan tidak ada usaha untuk menyelamatkan harta Allah (khas negeri umat Islam) di mana secara jelas meniupkan keburukan yang mendorong untuk melakukan tuntutan ke atas darah Uthman dengan menggerakkan rakyat. Malangnya ia dilakukan dengan penuh dorongan hawa nafsu dengan cara menghimpun orang-orang yang simpati terhadap Uthman untuk membenci dan menandingi Ali r.a.

Namun di sebaliknya, mereka mempunyai niat dan kepentingan tertentu iaitu melakukan pembunuhan terhadap Thalhah, Zubair dan tokoh-tokoh umat Islam yang lain dan jika boleh Aisyah sekali. Tujuan semua itu ialah agar kuasa berada di tangan bani Umayyah dan tidak ada saingan lagi.

Seperti yang sedia maklum bahawa Yu'la bin Munayyah telah menyokong dana dalam peperangan ini dan puak

Umayyah dengan pucuk pimpinan yang dipegang oleh Muawiyah adalah orang yang mempunyai hutang terhadap dirinya sebaik sahaja kekuasaan barjaya diambil alih oleh Muawiyah.

Para sejarawan mengatakan bahawa Muawiyah memberikan 30,000 kepada Zaid bin Munayyah (saudara Yu'la bin Munayyah) sebagai penjelasan hutang. Ketika Muawiyah telah memerintah, dia berkata bahawa 30,000 telah diserahkan kepada berperangan Jamal.

Peperangan Jamal bagi orang-orang Umayyah adalah merupakan satu gerakan untuk mempengaruhi rakyat agar melakukan pembelotan terhadap Khalifah Ali. Sebaik sahaja dia dilantik menjadi khalifah, maka Ahnaf bin Qais (pemuka rakyat Basrah) datang kepadanya dan berkata:

“Wahai Muawiyah, kamu adalah orang yang bertanggungjawab ke atas darah yang mengalir kerana telah membenarkan tikaman pedang dalam peperangan Siffin dan sekali gus merupakan sikap yang meremehkan dan menghina *Ummul Mukminin*.

Jika demikian keadaannya, dapat dipastikan bahawa puak Muawiyah (yang diketuai oleh Marwan) adalah orang yang mengalirkan darah yang berselindung di sebalik puak “*Sabaiyyun*,” sedangkan Thalhah seperti yang telah diketahui adalah sahabat Rasulullah yang benci terhadap Uthman dan juga Ali.

Dialah yang paling kuat berusaha untuk membangkitkan pemberontakan terhadap pemerintahan Ali. Thalhah adalah orang yang paling panjang tangannya di dalam menggerakkan rakyat untuk menuntut darah Uthman dan



mengarahkan perhimpunan rakyat secara besar-besaran di Basrah, sedangkan dia tahu bahawa menegakkan had hukum adalah mutlak di tangan seorang khalifah dan bukan terletak pada tangan perusuh (pemberontak).

Jika dikaji dengan saksama, tuntutan itu belum tepat waktunya untuk dilaksanakan dan hujungnya hanya melemahkan pemerintahan Ali dan bukan tuntutan yang murni terhadap Uthman secara benar. Sedangkan persoalan Zubair adalah mirip dengan persoalan Thalhah, meskipun secara tidak langsung ia salah seorang tokoh yang membangkitkan isu dan menyusun kekuatan.

Mengenai Aisyah pula, sememangnya kritikkannya yang sangat tajam terhadap Uthman merupakan cermin penghormatan pengagungan dan *transformasi* saranan yang paling berharga darinya terhadap Uthman. Puak Urnayyah, Thalhah dan Zubair telah mengetahui betapa besar kekuatan jika mendapat sokongan Aisyah dan mereka tahu betapa kebencian itu akan melemahkan kepimpinan Ali.

Bertolak dari tujuan inilah, mereka tanpa henti mempengaruhi Aisyah hingga ke titik kemuncaknya. Arehnya gerakan yang dilakukan terhadap Aisyah itu dilemparkan semula kepada Aisyah mengenai dosa-dosa kes ini.

Penulis hampir dapat memastikan bahawa persoalan ini (tuduhan dosa ke atas peperangan Jamal) tidak boleh dihubungkan iaitu dilemparkan kepada Aisyah. Pada masa yang sama, Khalifah Ali bin Abi Talib telah mengetahui dengan baik mengenai peranan Aisyah dan dia sempat berkata: "Peperangan ini ditimbulkan oleh

Aisyah r.a. dan beliau adalah *figur* yang paling dipatuhi oleh sebahagian besar rakyat.”

Sebenarnya beliau sendiri sama sekali tidak menghendaki peperangan ini. Kedudukannya dalam peperangan itu (sebagai tokoh kenamaan) adalah mendorong rakyat untuk taat kepadanya.

Dari keperibadiannya, dia ibarat pahlawan yang berani dan tidak pernah surut rasa takut. Dengan demikian, dia tidak boleh didakwa atau ditohmah sebagai tokoh yang menggerakkan rakyat dan meneguhkan kegoncangan hati kerana kedua perkara tersebut hanya merupakan kesan yang timbul dari kesan buruknya.

Salah satu kesan yang besar itu adalah perkataanya yang berbunyi, “Allah mempunyai makhluk yang hatinya seperti burung di mana akan diterkam oleh angin dan akan menajamkan hatinya meskipun dilanda oleh perasaan takut.”

Ini dapat dilihat dari ramainya orang yang memberikan nasihat kepadanya bermula daripada isteri Nabi dan sahabat Rasulullah sama ada yang berasal dari Mesir, Basrah dan Kufah. Tetapi tidak seorang pun yang diterima oleh Aisyah.

Allah s.w.t telah memberikan watak sebagai personaliti lelaki kepadanya. Meskipun ia tidak memaksa untuk melakukan perjalanan politik, menggerakkan rakyat, menghimpun *brigade* pasukan dan membangkitkan perselisihan terhadap khalifah. Apabila telah tersebar persoalan tersebut, maka ia adalah satu agenda yang telah dirancang. Ketika itu rakyat telah berusaha untuk

mengubati fitnah itu.

Pada huraian berikutnya para pembaca akan mengetahui bahawa Aisyah telah melakukan kebijaksanaan hukum ini dan memandang dirinya telah memunculkan persoalan ini yang susah untuk diampun.

Pada dasarnya Khalifah Ali tidak terbabit, kerana dia telah lari menjauhkan diri sebelumnya dari keburukan itu di mana ia bersikap sabar, membantu dan tidak melibatkan diri. Tetapi peristiwa buruk telah menimpa dirinya. Sesungguhnya beliau adalah orang yang paling benci terhadap fitnah dan pertumpahan darah. Bahkan dia tetap berusaha untuk menjaga perpaduan umat ini dan mewajibkan adanya mahkamah khas untuk menangani hal itu (kes pembunuhan Uthman).

Kedua hal itu dilakukan kerana merupakan tanggungjawab dirinya sebagai seorang khalifah meskipun harus berdepan dengan penentangannya. Lalu ia mengirim beberapa wakil dan membalas kebaikan terhadap kehinaan yang dilakukan oleh orang-orang yang berusaha lari dari keburukan. Dia telah mempertemukan kedua puak yang bertelingkah kepada perdamaian dan hampir mencapai kesempurnaan sekiranya tidak dihasut dan dirosak oleh puak Sabaiyyun.

Apabila dia dikatakan orang yang terlibat, maka hal itu sama dengan perkataan yang dikeluarkan oleh Abdul Wahab An-Najjar. Dia berkata bahawa Ali sebagai pemimpin tidak mempunyai kekuatan untuk mengatur tenteranya. Dia terus dilanda perasaan takut oleh sesuatu yang dibimbangkannya.

Dia sama sekali tidak mengambil langkah-langkah terhadap apa yang terjadi di sekelilingnya, sedangkan Umar bin Al-Khatib pada ketika itu berada di Madinah tetap

mengetahui kebaikan dan keburukan tenteranya sama ada yang berada di Iraq, Syam, Mesir, Rom dan angkatan-angkatan yang lain. Tetapi Ali telah meninggalkan aktiviti yang telah dilakukan oleh Khalifah Umar seperti sengaja berkumpul, menyepakati perjanjian, mengenal pasti keburukan dan penipuan umat Islam secara umum.

Hal ini menjadikan pemerintahannya lemah. Ali masih melindungi darah orang-orang yang telah membangkitkan perselisihan, penumpahan darah dan penipuan ulung tersebut. Dengan pandangan dan pendengaran dia telah mengetahuinya, sedangkan Ali sendiri tidak mengerti apa yang dikehendaki.

Seandainya ketelitiannya digunakan dengan baik, nescaya dia berjaya menjaga dan menghalang puak Sabaiyyun dari mengobarkan api peperangan.

Pandangan ini lebih mendekatkan kepada kebenaran meskipun kebenaran itu tidak mutlak. Tidak salah apabila melakukan perbandingan antara Umar dan Ali, meskipun banyak perbezaan di antara keduanya.

Perlu dipersoalkan di mana sebenar pemberontakan, perbezaan, penyimpangan, fitnah dan ketamakan itu timbul dari keadaan yang penuh dengan *konsistensi*, perpaduan, zuhud dan kepatuhan.

Dari aspek keteguhan hati jika memang mempunyai tempat berpijak, maka seharusnya Ali membuka penglihatannya terhadap perusuh yang mempunyai tujuan yang membimbangkan itu. Tetapi dalam realiti yang terjadi, meskipun Ali mengerti perkara tersebut dan membiarkan persoalan itu membias mengembang pada carta yang lebih

besar seperti yang pembaca ketahui. Lebih-lebih lagi perkara itu ditokok-tambah oleh para sejarawan, meskipun belum ada kepastian di dalamnya.

Dengan demikian, pembaca mengetahui bahawa paparan yang disampaikan oleh Ustaz An-Najjar ini juga jauh dari kebenaran sejarah. Dia berkata bahawa Ali tidak mempunyai kesabaran, langkah-langkah yang jitu dan rancangan bagi menangani persoalan yang ditimbulkan oleh orang-orang murtad dan dihembuskan oleh pemimpin yang penuh dengan hawa nafsu.

Seandainya dia rela terhadap Thalhah dan Zubair untuk memberikan pembahagian kekuasaan yang berada di tangannya dan bukan mengenepikannya, maka hal itu akan memberikan penyelesaian yang paling baik dan paling diharapkan untuk mencapai keselamatan bersama.

Ketika Ali merasa ada sesuatu yang berkecamuk di dalam diri Thalhah dan Zubair, dia segera memerintahkan Ibn Abbas untuk melantik Thalhah menjadi penguasa Basrah dan Zubair sebagai penguasa Kufah, tetapi dia tidak mahu. Basrah dan Kufah seperti yang telah diketahui, dipenuhi dengan tokoh masyarakat dan harta.

Oleh kerana itu, jika pada awal persoalan itu dia merelakan keduanya dan melakukan perkongsian kuasa dengan mereka berdua, maka hal itu merupakan kebijaksanaan politik yang sangat baik dan mampu melindungi pertumpahan darah selanjutnya.

Tetapi yang aneh dalam memaparkan kejadian itu An-Najjar telah membalikkan fakta. Ini kerana apabila saya kaji, Ibn Abbas mempunyai halangan dalam menjalankan

kebijaksanaannya untuk memerintahkan kedua orang tersebut berkait dengan ketidakmampuannya terhadap persoalan itu.

Halangan-halangan ini tidak saya temui dalam kenyataan An-Najjar. Jangkaan Ali ternyata benar dan dia telah mempunyai *inspirasi* dalam hal itu kerana jika dia melakukan, maka dia akan dilawan oleh rakyat Iraq. Keduanya memang pembelot terhadap kekhalifahan dan itu dilakukan sebagai saingan terhadap Ali.

Kebijaksanaan politik yang seharusnya dilakukan oleh Ali adalah disertai oleh keduanya dalam struktur pemerintahan dan meminta bantuannya dalam menjalankan pemerintahannya.

Saya (penulis) tidak menemui dalam langkah-langkah Ali yang saya anggap salah atau lalai (seratus peratus yang dikatakan oleh cendekiawan Riyadh) kecuali kecuaianya dalam keputusan yang dilakukan oleh tenteranya dan kelemahannya dalam menangani pembunuh Uthman ketika berada di Madinah.

Saya sepakat bahawa Ali memang tidak boleh mengambil langkah yang tepat untuk memantapkan pemerintahannya di Madinah dan kebenaran ini hanyalah bersifat sebahagian dan seharusnya dia meminta Thalhah, Zubair dan lainnya untuk melakukan gerakan bersama. Jika dia tidak melakukan hal itu sekarang, maka pada dekad berikutnya hal itu bertambah sulit.

Beliau tidak melakukan sesuatu kecuali apa yang menjadi kewajipan dan tanggungjawabnya. Pada masa yang sama orang-orang yang simpati terhadap Uthman dan dipenuhi

rasa marah terhadap puak pemberontak berusaha untuk membangkitkan kemarahan rakyat terhadap dirinya. Ini semua kerana penyokongnya juga adalah sebahagian daripada orang yang disyaki membunuh Uthman. Hal ini memburukkan lagi imej dirinya.

Saya tidak melihat adanya sebarang perubahan yang dipengaruhi dengan pembunuhan Uthman ketika berlakunya perhimpunan rakyat di Madinah. Pada aspek lain juga telah terjadi di Madinah satu suasana politik yang semakin memuncak, tempat berkumpulnya para ahli politik dan kemunculan hakim-hakim, para eksekutif pemerintahan dan khalifah.

Jika kita tinggalkan dengan cara tergesa-gesa tentang hal itu, maka acuan-acuan yang mengarah pada status hukum yang tepat tidak lagi tertinggal. Di samping itu, juga kekacauan sistem dan malapnya kota Madinah dari ketenangan sebelumnya, menjadi sebaliknya.

Perbincangan yang telah pembaca ketahui dengan kajian yang luas diharapkan dapat memberi nilai yang cukup dalam menunjukkan bahaya dari sesebuah kenyataan. Seperti mana yang telah diketahui bahawa pedang telah diangkat di atas umat ini. Ketika hal itu menyebut mengenainya, maka akan menjadi sesuatu yang terus dipikul hingga hari kiamat.

Tidak ada satupun faktor yang menunjukkan ketakutan masyarakat terhadap apa yang menjadi fitnah perang Jamal yang bermula dari penyokong pasukan unta itu di mana penyesalan telah mereka alami. Thalhah menyesal dan dilanda perasaan kebingungan yang mendalam serta terus merenung dan berkata, "Ya Tuhan, mengenai Uthman

ambillah apa sahaja hingga ianya menjadi rela ke atasku kelak." Demikian juga Zubair, dia menyesal dan serta-merta menyesali kesalahannya dan berkata, "Dimenangkan dan dituntut: Anakku telah menang atasku dan dosaku telah menuntutku."

Pada awalnya, dia enggan meninggalkan perang. Setelah itu, dia meninggalkan perang dan segera menyingkirkan diri, sedangkan Ali juga merasa menyesal ketika ia melihat ramai mangsa yang terbunuh dan kerugian yang dialami.

Sedangkan Aisyah, saya (penulis) telah mengkategorikan dalam lingkungan orang-orang yang telah bertaubat dan menyesal. Saya tidak menemui kerugian yang lebih besar darinya, taubat yang lebih dipercaya darinya, keikhlasan taubatnya dan penyesalan yang melebihi dari apa yang dinyatakan oleh Aisyah.

Dia benar-benar telah dibunuh oleh perasaan terseksa. Sesuatu yang paling diharapkan tidak diciptakan menjadi batu atau mutiara. Dia berkata: "Aku akan duduk di rumah daripada pergi ke Basrah, di mana ia lebih aku suka daripada mempunyai 10 orang anak seperti Abdurrahman bin Haris bin Hisyam."

Sesungguhnya dia adalah orang yang paling banyak mengalami kesusahan. Mengikut Imam Ad-Dainuri, dia memetik satu hadith yang diperolehinya. Aisyah berkata: "Aku suka, jika aku harus tinggal di rumah dan tidak pergi ke Basrah. Ia merupakan sesuatu yang paling aku suka daripada mempunyai 10 orang anak dan diperolehi dari Rasulullah s.a.w meskipun mempunyai nilai lebih dari Abdurrahman bin Haris bin Hisyam serta kecendikiawanan dan kezuhudannya."



Imam Dainuri juga menyebut peristiwa tragik yang mengerikan ketika perang Jamal terjadi di mana Aisyah menangis hingga disangka oleh rakyat bahawa dia belum diam.

Ketika dibacakan ayat yang berbunyi, "*waqarna fii buyutikunna*." Beliau menangis tersedu-sedu hingga tudungnya basah. Ketika menjelang ajalnya dia ditanya: "Apakah kamu mahu di kubur bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w?" Beliau menjawab: "Tidak, aku mahu dinakamkan bersama-sama dengan para isteri Nabi yang lain di Baqi'."

Penyesalan, taubat, tangisan dan kebingungan yang melanda penyokong Aisyah tidak dapat digambarkan dengan fikiran dan dinyatakan dengan kata-kata. Pembaca telah mengerti bagaimana semangat kesukuan dari puak masing-masing yang dapat difahami dari syair mereka yang bertelingkah.

Tokoh masyarakat tidak boleh menggambarkan bagaimana hal itu terjadi. Sesungguhnya roh-roh jahiliyah yang telah berjaya dilemahkan oleh Islam muncul semula dalam perang Jamal.

Pertumpahan darah banyak berlaku ke atas umat Islam, maka hal itu mendorong jiwa yang kotor dan membuat ramai rakyat mengamuk: Roh atau dorongan jiwa, kefanatikan dan kembalinya rakyat dalam ikatan integritas bangsa merupakan akar persoalan yang membuat mereka saling menyembelih antara satu sama lain.

%%%%%%%%%%%%%%%%%



# 5

**KEHIDUPAN POLITIK AISYAH  
SELEPAS PERANG JAMAL**



**A**isyah pulang setelah terjadinya kes yang menyakitkan hati, menggoncang jiwa dan memberatkan fikirannya. Nampak jelas di hadapan matanya, bayangan dan kesan-kesan orang yang telah menjadi korban perang.

Aisyah mengatakan pada dirinya sendiri: “Semoga aku tidak diciptakan dan semoga aku menjadi sebongkah batu yang bertasbih dan boleh mengadili Ali. Demi Allah, aku lebih suka menjadi batu atau mutiara atau aku lebih suka Tuhan tidak menjadikan aku makhluk apa pun. Jika peristiwanya demikian, maka aku lebih suka mati sebelum peristiwa perang Jamal 20 tahun yang lepas.”

Penyesalannya sungguh mendalam, jiwanya benar-benar telah terkoyak. Baki umur yang ada, dia niatkan untuk tidak keluar rumah di mana dia lebih tertumpu dalam beribadah, membahagi malam dan siang dengan solat, puasa, istighfar, sedekah, menyebarkan ilmu dan menjelaskan hadith yang diperlukan oleh umat Islam.

Aisyah teguh serta konsisten terhadap azamnya, namun situasi sering mengubahnya. Kadang-kadang ia mengeluarkan kenyataan, menolak tohmahan buruk yang dilemparkan oleh sebahagian orang kepada Allahyarham bapanya, menunjukkan jalan yang benar sebagai fatwa yang berguna untuk pemerintahan, memberikan petua-petua dan wasiat bagi kehidupan masyarakat dan menolak satu pemimpin dalam struktur pemerintahan yang ada.

Semua dilakukan semata-mata untuk kepentingan rakyat, kebaikan kehidupan yang senang dijalani tanpa membuka kecacatan pihak pemimpin dalam menjalankan cara pemerintahannya. Amalan ini dilakukan oleh Aisyah tanpa

halangan hingga ia menemui Tuhannya. Tentunya pembaca mengerti bagaimana dengan wacana tersebut di mana sebahagian kebijaksanaan ini merupakan hal yang sering diamalkan dalam situasi yang bergejolak dan penuh pertentangan tanpa terlibat dalam aspek manapun.

Sebahagiannya boleh difahami lebih merbahaya daripada menghasut rakyat, membangkitkan amarah rakyat bagi menghadapi kes pembunuhan Uthman ataupun Ali. Walaupun demikian, kesan kesedihan perang Jamal jelas terpancar di hadapan mata orang yang melihat Aisyah yang telah melibatkan tumpahnya ribuan darah umat Islam sama ada puak Muhajirin mahupun Ansar.

Bertolak dari kesedihan yang trauma dan bagaikan hantu yang menakutkan, sering kali Aisyah melihat kemungkaran dan perbuatan yang meresahkan rakyat. Maka dengan serta-merta ia marah dan berusaha menghalang kemungkaran. Manakala Aisyah teringat perang Jamal di hadapan matanya, maka dengan serta-merta sekujur tubuhnya merasa gementar dan berusaha mengusirnya seakan-akan hendak ditumbuknya.

Pembaca tentunya nampak, bahawa sebahagian para cendekiawan telah banyak yang menggambarkan bagaimana peribadi Aisyah apabila teringat kes yang pernah dialami sewaktu peperangan Jamal, di mana dia sangat keras terhadap mana-mana pihak yang tidak sejalan dengan pandangannya.

Penulis telah pun mempunyai maklumat cukup tentang cara politik yang diamalkan Aisyah selepas perang Jamal bagi menghentikan penglibatan politik perang dengan lebih tekun beribadah kepada Allah s.w.t.

Walaupun demikian kefahaman politik yang ditempuhi Aisyah, jangan difahami sebagai langkah yang tidak benar malah memecah-belahkan agama atau jangan pula difahami bahawa dia sudah tidak mampu melakukan perlawanan sebagaimana sikap semula jadinya yang sering melawan Ali dalam peperangan Jamal.

Tetapi ini ditempuh sebagai langkah alternatif yang lebih aman untuk mengurangkan perkara-perkara yang akan membahayakan seperti pertumpahan darah sesama saudara seiman, satu tindakan yang mencerminkan gerakan yang lebih aman ditempuh bagi mengurangkan dukacita yang menghantui jiwa dan hati Aisyah.

Jika ini dilukiskan oleh orang yang menyaksikan perang Jamal, tentu ia akan berkata, "Dengan serta-merta seseorang berubah ibarat ular buas yang hendak melilitmu, tentu kamu akan lari jauh-jauh sebagaimana tali melilit sekujur tubuhmu. Bukan?"

## **FASAL PERTAMA**

### **(A) POLITIK AISYAH BINTI ABU BAKAR R.A.**

Seperti pembaca sedia maklum sebelumnya bahawa Aisyah telah meninggalkan Ali setelah peristiwa peperangan Jamal, Aisyah tidak menemuinya lagi. Sikap tersebut diambil sebagai cara yang baik dan untuk menghilangkan ingatannya terhadap Ali.

Walaupun demikian, dia tidak mengabaikan haknya kepada Ali walaupun buruk, seperti yang pembaca ketahui sebelumnya tentang nyanyian syair yang bernada sinis:

“Aisyah telah melemparkan tongkatnya dan tetap seperti awalnya dan sesuai dengan niat asalnya yang sama dengan ketetapan yang diambil oleh musafir dalam perjalanannya.”

Bait syair lain adalah:

*“Apabila ada orang yang memaki, maka caci-maki itu dilakukan oleh hamba sahaya yang tidak diciptakan daripada tanah.”*

Pernbaca telah maklum jika kenyataan ini benar merupakan gambaran caci-maki terhadap amalan yang bercanggah dengan syariat dalam pandangan Aisyah. Ketika ia tidak terpengaruh dengan sindiran tersebut, maka ia segera pulang dan melupakannya daripada mendatangkan masalah.

Aisyah tetap menghormati kewujudan Ali tetapi saling melupakan pertentangan yang dahulu pernah terjadi kerana dipisahkan dengan jarak yang sangat jauh di antara keduanya di mana Aisyah berada di Madinah, sedangkan Ali berada di Iraq. Berbagai gejolak yang ditiupkan merupakan dosa dari hembusan fitnah oleh tangan yang jahil.

Sikap Ali terhadap Aisyah menampakkan kenyataan yang dikeluarkan oleh penyokongnya di Hijaz baik yang memuji atau yang mencaci-makinya secara tidak bertanggung jawab.

Selain daripada itu adanya anggapan yang menjadi kebanggaan penyokong Ali bahawa yang berhak menjadi seorang khalifah setelah Nabi s.a.w adalah Ali. Sambil

melakukan propaganda dan isu-isu yang menyudutkan Abu Bakar dan Umar Ibn Al-Khattab dan lebih lagi adanya hubungan yang dekat antara baginda dengan Ali sebagai sepupunya.

Di dalam serangan itu terkandung keburukan yang ditujukan kepada kedua sahabat yang mulia tersebut.

Hal yang demikian tentu membuat Aisyah sering mengobarkan nilai-nilai kebenaran dari satu aspek dan pada aspek yang lain dia sering membela reputasi perjalanan sejarah yang dilalui oleh bapanya sendiri (Abu Bakar) dan sahabatnya Umar Ibn Al-Khattab sebagai khalifah.

Pada masa yang sama, dia cuba menahan berbagai serangan sebagai langkah pembelaan. Aisyah juga melancarkan balasan dengan menjelaskan apa yang sememangnya menjadi lembaran sejarah bapanya dan sahabatnya Umar Ibn Al-Khattab sama ada yang berhubung kait dengan nilai positif mahupun negatif (iaitu hitam-putihnya sejarah yang pernah dijalani oleh kedua tokoh tersebut).

Aisyah sentiasa menemui tetamu yang datang ke rumahnya untuk suatu urusan atau mendatangi kubur orang tuanya dengan memuji khidmat-khidmat pada perjuangan Islam. Ia tetap *konsisten* untuk memuji kedua tokoh tersebut ketika mendapat serangan dari golongan lain yang tidak sependapat.

Pada pandangan saya (penulis), dapat dipastikan bahawa ia membuat pembelaan yang demikian tersebut kerana majoriti orang-orang yang berada di sekelilingnya ketika



itu banyak yang menyokong kedudukan Ali dimana puak yang melantiknya dan dengan keikhlasan puak menerima kepimpinannya sebagai khalifah yang keempat.

Ketika Aisyah mengadakan perlawanan terhadap apa yang orang ramai tujukan kepada bapanya dan sahabatnya Umar Ibn Al-Khattab dan secara tersirat merupakan pembelaan murni terhadap kedua tokoh tersebut, maka di sebaliknya itu merupakan satu kritikan tajam kepada Ali, namun tetap dibungkus secara halus dan penuh kelembutan.

Analisa saya (penulis), adalah tidak mempunyai penilaian yang pasti sama ada merupakan satu pembelaan yang bersifat politik, murni perseteruan yang memang kadarnya pasang surut dalam lembaran sejarah atau merupakan saki baki dari situasi panas yang terjadi pada diri Aisyah dengan status hukum yang pasti.

Saya juga akan menghuraikan secara panjang lebar kepada para pembaca setelah perbincangan dan wacana ini. Saya (penulis) mempunyai anggapan bahawa ini merupakan pembelaan yang dilakukan Aisyah yang lebih berbau politik, walaupun dirinya dalam keadaan terkongkong oleh perasaan penyesalan yang mendalam, kerugian dan akhirnya lebih memilih jalan untuk mengasingkan diri dari pentas politik secara praktikal.

Ini semua merupakan jalan yang ia tempuh sebagai langkah yang dapat menghapuskan kekecewaannya terhadap situasi yang berkembang ketika itu. Hal demikian dapat difahami dari beberapa sikapnya, di antaranya adalah seperti berikut:

- ◆ Ketika berada di kubur ayahnya, Aisyah berkata: “Wahai ayahku! Semoga Allah s.w.t tetap memberikan rahmat kepadamu. Jika puak Ali dan para penyokongnya membangun dengan dunia, tetapi engkau telah membangunnya dengan agama terhadap orang-orang yang tertindas, kesombongan yang bermaharajalela, situasi yang goncang dan hilangnya semangat yang telah dituangkan oleh para penyokong, dengan cepat engkau telah memperbaiki apa yang telah puak-puak rosakkan.

Engkau telah meringankan keduniaan terhadap apa yang para penyokong bebankan, mengecilkan masalah yang sengaja dimain-mainkan, memimpin agamamu terhadap apa yang puak-puak lupakan dalam kehidupannya. Puak-puak yang telah menghulurkan tali kendali haiwan kenderaannya, engkau dikecilkan sehingga dengan demikian agamamu tidak menjadi hancur dan kamu tidak pernah mencaci-maki seorang pun daripada mereka.

Engkau juga telah terselamat daripada celaan ketika persaingan sedang berlaku dengan panas sekali gus engkau meringankan apa yang mereka sengaja pikulkan ke bahu.

- ◆ Beliau berkata, “Rasulullah s.a.w telah wafat dan demi Allah! Seandainya apa yang dituduh ayahku itu diturunkan oleh Allah s.w.t di atas gunung, nescaya ia akan pecah dan terbelah di mana orang munafik sudah semakin bermaharajalela dan orang-orang Arab ramai yang murtad.

Demi Allah, jika apa yang puak-puak mempertikaikan

hal itu yang terbukti telah berjaya ditangani oleh bapaku, maka akan tercapailah kemakmuran dan Islam akan tetap berada dalam angin kejayaan. Barangsiapa yang melihat Umar Ibn Al-Khattab, maka ia akan tahu bahawa ia adalah makhluk Allah yang bertujuan hanya untuk memuliakan Islam. Demi Allah, ia adalah ibarat tenunan yang rapi dan kuat yang disegani oleh ahli keluarganya sendiri.

- ◆ Ketika Rasulullah s.a.w meninggal dunia, orang munafik kembali menguasai Kota Madinah, kebanyakan orang Arab murtad dan puak-puak saling bergotong-royong dalam meraih tujuan buruknya. Sedangkan orang Islam seperti haiwan yang tersesat dalam kegelapan yang dipenuhi dengan hujan rintik-rintik.

Namun seluruh malam itu dapat ditangani di mana Allah telah menyatukan kembali dengan perantara tangan Abu Bakar. Allah tetap akan menghancurkan apa yang menjadi bebanan berat yang selalu dipikul oleh gunung itu.”

- ◆ Ketika Aisyah tetap meyampaikan hal itu kepada orang-orang yang memang simpati kepada ayahnya dan ketika orang ramai menghadirinya di sisi Aisyah, maka beliau berkata: “Wahai ayahku! Janganlah engkau berikan tanganku ini kepadanya. Demi Allah, dengan keadaan yang tinggi, berputar dan panjang maka aku akan selamat apabila kalian semua menahannya, pasti akan terlaksana jika kalian bersungguh-sungguh ingin berbuat baik dan akan berada dalam peringkat persamaan selamanya.”

Abu Bakar adalah pemuda Quraisy yang mempunyai

wawasan ke hadapan, menolong sesama manusia, memperbaiki tunas-tunas yang sudah tidak teratur hingga akhirnya dapat menyatukan hati yang keras dan menunjukkan agamanya sehingga sifat kekerasannya tidak lepas begitu sahaja dalam mengharungi jalan yang berada dalam Zat Allah dan dengan kematiannya ianya telah meninggalkan warisan masjid yang dihidupkan walaupun dimatikan aktivitinya oleh tangan-tangan yang jahil. Lanjut Aisyah.

Rahmat Allah s.w.t telah dilimpahkan kepadanya laksana derasny air mata. Anggota tubuhnya seakan-akan terkoyak kerana takut kepada Allah, selalu pilu kerana sering menangis. Lalu mengapa realiti berpaling di mana wanita dan kanak-kanaknya mencaci-maki dan menghinanya.

Ramai tokoh Quraisy dengan sifat asal yang kasar menjadi lembut kerana jasa-jasa Aisyah. Kerana beliau juga, puak-puak tidak perlu lagi menyapu batu-batu besar yang keras dan tidak perlu lagi menceraikan isteri-isteri yang taat kepada suami dan semua itu dilakukan dengan penuh kejujuran dan keikhlasan.

Dengan demikian, dia telah memikul beban agama ini di atas bahunya. Ramai orang yang datang kepadanya sama ada orang perseorangan mahupun kumpulan menjadi utuh kembali. Allah s.w.t telah memilihnya sebagai pengganti setelah Nabinya.

Ketika Nabi s.a.w wafat, syaitan-syaitan kembali mengeraskan urat-uratnya untuk mengoyak Islam dan khemah yang menjadi perlindungannya, perekat talinya, menarik tangan dan kakinya, menghilangkan berkat tali agama lalu menjadi rosak kembali, membiarkan rosak janji

yang telah disepakati pada awalnya, melencong ke jalan yang sesat.

Keputusan yang menjadi ketetapan dilanggarnya dengan sezuka hati, malapetaka besar telah kembali melanda umat ini. Ramai orang yang menyangka bahawa makanan orang ramai telah terkumpul dan diharapkan wujud segera sebaik sahaja apa yang diharapkan mereka menjadi realiti. Lebih lanjut Aisyah r.a. berkata:

“Aku dan ayahku adalah orang yang jelas wawasannya, iaitu hanya kepada Islam. Rela bangkit dengan bersungguh-sungguh untuk mengumpulkan itu semua, mengumpulkan dua pihak yang bertentangan dan menyebarkan agama kepada siapapun, walau terhadap para penipu, menyatu-padukan kaum yang telah bercerai-berai, meluruskan jalan yang bengkok dengan mendidik dan agama yang telah dilanda kemerosotan akhlak ini walaupun ia hidupan semula dengan baik dan bijaksana.

Manakala kebenaran telah diberikan kepada yang berhak, kepala diletakkan di atas bahunya, pertumpahan darah dapat ditegah, kegoncangan menjadi reda, keretakan dapat dijahit semula dengan penuh kelembutan, pemikiran yang arif dalam catatan sejarah mahupun dalam keadilan yang dicerminkan. Semua itu telah dikerjakan oleh Umar Ibn Al-Khattab.

Tetapi demi Allah, mengapa secara tiba-tiba, dia diuji dan diserang secara mengejut. Dalam realitinya, dia telah memadukan cara yang telah bercerai-berai sebelumnya, menundukkan orang-orang kafir dengan kekerasannya, menunjukkan kesesatan yang telah bercampur dengan kemusyrikan, menunjukkan kebajikannya di atas bumi,

menjawab masalah yang pelik sekali gus menentangnya, membahagikan harta secara adil yang diperolehi dari rampasan perang dan meninggalkannya untuk keperluan sahabatnya sendiri.

Sekarang sepakatlah denganku apa yang orang ramai dakwakan kepadanya (tuduhan kepada Umar Ibn Al-Khattab)? Apakah kerana perbuatanku, kalian memberontak atau bangkit untuk mencela? Atau memang kerana kebijaksanaannya sendiri kalian menuntut sedangkan ia telah berlaku adil kepadamu?"

Inilah yang boleh saya sampaikan kepada pembaca mengenai kedua tokoh Islam itu dan saya memohon ampun di atas dosa kepada Allah untuk kalian mahupun untuk diriku sendiri. Ketika Aisyah diberikan maklumat bahawa ramai orang yang mencela sahabat Nabi s.a.w, maka ia menjawab: "Allah s.w.t pasti akan mengurangkan pahala dari perbuatan ibadah orang ramai kerana melakukan amalan tersebut. Namun saya berharap agar Allah s.w.t tidak akan mencabut pahala tersebut dari para puaknya."

Kenyataan yang Aisyah sampaikan itu merupakan tanggapan secara teliti terhadap kebijaksanaan Ali yang telah menggelapkan beberapa wasiat dan ia memang diakhiri dengan tiadanya kata-kata aluan mengenai masalah itu.

Adapun wacana yang telah saya sebutkan sebelumnya, saya (penulis) tidak akan mengulangnya semula, tetapi perlu saya tambahkan bahawa waktu itu adalah saat-saat yang telah berlaku sesudah perang Jamal. Adapun gambaran kekosongan politik yang dianggap positif dari campur tangan beliau terhadap Ali adalah yang berhubung-

dan Husain.

Dia lebih bersikap diam dalam menghadapi keduanya kerana keduanya bagi Aisyah adalah terikat mahram sebagai cucu Nabi s.a.w yang keduanya tidak boleh diganggu dan demikian sebaliknya. Yang terkenal adalah kenyataan, "Isteri seseorang tidak boleh mengganggu puteranya, cucunya dan anak dari puteri-puteri para puak semuanya."

Dalam perkara itu tentu Aisyah mengerti dengan baik. Akan tetapi, ia tetap menghalang orang ramai dan hanya membenarkan bertemu di sebalik tabir sebagai penutup antara keduanya dengan Aisyah. Dalam peristiwa ini Ibn Abbas telah meriwayatkan hadis sebagaimana berikut: "Masuknya kedua orang tersebut kepada Aisyah adalah halal menurut agama."

Harapan terakhir Hasan terhadap Aisyah setelah wafatnya Ali dan berhadapan dengan pemerintahan Muawiyah adalah apabila dia meninggal dunia, agar dimakamkan di samping Rasulullah s.a.w. Ini adalah satu harapan yang benar-benar boleh dilaksanakan oleh Aisyah dengan alasan bahawa Hasanlah orang yang paling malu dan paling disayangi oleh Nabi s.a.w setelah anak-anak dan isterinya. Akan tetapi kerana masalah politik, kebenaran yang telah diminta dipalingkan begitu sahaja dan tidak dilaksanakan.

Hasan mewasiatkan ketika dia didampingi oleh saudaranya iaitu Husain. Dia berkata: "Wahai saudaraku! Aku telah meminta kepada Aisyah untuk dimakamkan bersama-sama dengan Nabi Muhammad s.a.w." Husain menjawab: "Ya, benar. Jika kelak aku telah meninggal dunia, maka mintalah

benar. Jika kelak aku telah meninggal dunia, maka mintalah wasiat tersebut kepada Aisyah untuk dilaksanakan sesuai dengan keinginan sebelumnya, bahawa ramai orang yang tidak akan menyetujuinya.”

“Jelasnya jika aku meninggal, maka makamkanlah aku bersama-sama dengan Nabi s.a.w kerana tidak seorang pun yang paling dekat dengannya kecuali aku, ini akan terlaksana kecuali kamu sendiri yang memang tidak mahu menguburkanku seperti itu. Namun apa yang mustahak adalah jangan sampai terjadi pertumpahan darah.”

Tidak lama dari wasiat itu, Hasan pun meninggal dunia. Setelah itu, Husain menghampiri Aisyah untuk meminta izin atas saudaranya agar dikubur dekat dengan Nabi s.a.w. Mendengar permintaan itu, Aisyah menjawab: *“Ya, benar dan ini merupakan tindakan yang terpuji.”*

Manakala Aisyah keluar memperbaiki kuburan Nabi, ia ditegah oleh Hizb Al-Hakim (orang yang menjadi penyokong politik bani Umayyah). Marwan bin Hakam dan Sa'id bin Ash menaiki kuda menuju kepadanya. Melihat fenomena itu, Husain dihantui perasaan susah dan dengan cepat ia mengeluarkan pedang dari sarungnya.

Jika kes ini tidak ditegah oleh Abu Hurairah maka akan terjadi fitnah yang besar lagi. Dengan peristiwa itu, niat asal terpaksa digagalkan dan akhirnya ia dimakamkan di Baqi' dekat makam ibunya Fatimah binti Rasulullah. Kes itu berlaku pada tahun 49 Hijrah.



## **FASAL KEDUA**

### **(A) SIAPAKAH PEMBUNUH MUHAMMAD BIN ABU BAKAR?**

Mungkin pembaca masih ingat bahawa Muhammad bin Abu Bakar (saudara Aisyah) adalah salah seorang yang mempersoalkan kes rasuah dan salah guna kuasa yang dilakukan oleh Khalifah Uthman.

Ketika pengepungan yang dilakukan terhadap Uthman, Aisyah telah mengajak Muhammad untuk pergi bersamanya ke Mekah, namun ia tidak mahu dan menolaknya.

Malah yang lebih mengerikan lagi ia disertai dengan orang yang memasuki rumah Uthman dengan paksa. Ketika Uthman memintanya untuk keluar dan tidak masuk campur, maka akhirnya dia keluar dan menjadi salah seorang tokoh penyokong Ali. Dia adalah orang yang terbabit dalam peperangan Jamal melawan saudaranya sendiri yang lalu dan peperangan itu dimenangkan oleh pihaknya dan pihak Aisyah yang menderita kekalahan.

Kini, Khalifah Ali r.a. telah memecat Qa'is bin Sa'id Al-Ansari dari jawatannya sebagai Gabenor Mesir. Sedangkan sejarah telah mencatat bahawa ia adalah orang yang berdedikasi dan bersungguh-sungguh terhadap kerjayanya sebagai Gabenor.

Tidak hairan apabila kemudiannya ia mencari perlindungan politik yang akan menyokongnya di mana ia berlindung dalam parti gerakan yang dipimpin oleh Muawiyah. Kerana tidak seorang pun yang mampu merubah keputusan itu,

maka puak itu akhirnya menyerahkan ke hadapan Ali untuk menerima surat keputusan perletakan jawatan.

Melihat peristiwa yang menguntungkan itu, Muawiyah segera menampakkan bahawa Qa'is adalah orang yang berpihak kepadanya dan apabila ia sampai kepada Ali maka ia dijadikan perisik yang akan mengorek maklumat yang diperlukan oleh Muawiyah daripada Khalifah Ali. Dengan pelucutan itu, tentu menjadi urusan sendiri bagi Muawiyah.

Khalifah Ali kemudiannya melantik Muhammad bin Abu Bakar bagi menggantikan jawatan yang telah ditinggalkan oleh Qa'is sebagai Gabenor Mesir. Namun ternyata Muhammad hanya mampu bertahan dalam waktu yang singkat dan ia tidak meneruskan kebijaksanaan yang telah dirancang oleh Gabenor sebelumnya. Manakala dalam pemerintahannya ia sering bergaduh dengan Muawiyah dan akhirnya ia tersasar jauh dan tewas di tangan dingin tentera Muawiyah.

Sebagai makluman, majoriti rakyat Mesir menyokong pemerintahan Khalifah Ali kecuali sebahagian rakyat yang tidak berpuas hati dan menyimpan perasaan dendam dan geram terhadap pembunuh Uthman yang belum sempat diselesaikan oleh Khalifah Ali dalam perjalanan pemerintahannya hingga akhirnya orang ramai lebih memilih untuk berkongsi dan tinggal di suatu tempat bernama Harbata sambil menunggu perkembangan selanjutnya.

Berbekalkan pengalaman yang telah dimiliki oleh Qa'is serta melalui pertimbangan yang telah matang, dia mengambil inisiatif untuk meninggalkan puak tersebut dan

menjauhkan diri dari pentas politik. Melalui situasi tersebut, Muawiyah berusaha untuk mencipta rusuhan dalam negeri Mesir, tetapi usaha ini menemui kegagalan kerana Gabenor baru yang dilantik oleh Ali telah mencium gelagat yang tidak baik.

Realiti menghendaki kejadian yang lain, kerana ternyata ia sering menghadapi ugutan perang yang telah dilancarkan oleh puak penduduk Harbata yang berada di Mesir. Peperangan pun terjadi dengan dahsyatnya dan maklumat ini sampai kepada Muawiyah.

Maka dengan penuh tanggapan dia rela tidak tidur semalaman hanya untuk mendengar cerita yang sedang terjadi di Mesir. Dia melakukan siasatan politik dengan menyebarkan isu-isu yang boleh menguatkan kedudukan kekuasaannya kelak. Kemudian ia mengutus Amr bin 'Ash untuk memimpin pasukan padang pasir yang sukar untuk ditewaskan.

Di sebalik itu, dia juga memprogandakannya kepada orang-orang yang simpati terhadap Uthman di Mesir dan termasuk orang-orang dari Harbata untuk memberi bantuan. Ketika semuanya sudah dipersiapkan oleh Amr Bin Ash, maka pasukannya berkumpul dan disokong oleh rakyat yang pada asalnya menuntut darah Uthman, termasuk Uthman bin Hudaid As-Syaukani.

Sedangkan pada pihak Muhammad bin Abu Bakar tidak mampu mengeluarkan pasukan lebih dari 2,000 askar dan hanya dibantu oleh bilangan askar yang berjumlah 1,000 orang yang dipimpin oleh Kinanah bin Basyar. Setelah itu kedua puak itu akhirnya bertemu dan serta-merta saling menyerang dengan dahsyatnya.

Di tengah-tengah peperangan itu, pasukan Kinanah dapat dikalahkan dan Kinanah sendiri tewas. Kekalahan ini seterusnya dirasakan oleh pasukan yang dipimpin Muhammad bin Abu Bakar. Setelah semuanya dapat ditumpaskan, tinggalah Muhammad dalam keadaan seorang diri dan dia pun akhirnya berjaya bersembunyi di lorong runtuh bangunan yang hancur akibat peperangan.

Sebaik sahaja Aisyah mendapat khabar bahawa Muawiyah telah mengutus Amr bin 'Ash untuk memerangi saudara lelakinya yang juga sebagai Gabenor baru yang dilantik oleh Khalifah Ali, maka beliau mengutus Abdurrahman bin Haris bin Hisyam untuk membincangkan masalah Muhammad.

Tetapi usaha yang dilakukan menemui jalan buntu dan tidak membuahkan hasil. Ketika ia memaklumkan hal itu kepada Amr bin 'Ash, dia mendapat jawapan pasti dan dikatakan Amr bin 'Ash, "Bahawa Muawiyah tidak mengarah apa pun kepada dirinya kecuali hanya kepada Muawiyah bin Hudaid. Sedangkan dia tidak mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam peristiwa itu."

Setelah peperangan baru sahaja berakhir, Amr bin 'Ash masuk ke khemah besar. Muawiyah Bin Hudaid keluar mencari Muhammad Bin Abu Bakar. Ketika ia sampai di perkampungan orang-orang kafir yang berada di persimpangan jalan, dia bertanya kepada orang ramai "Apakah kalian bertemu dengan seseorang yang kalian ingkari."

Salah seorang dari puak menjawab: "Demi Allah! Ketika aku memasuki khemah tersebut, aku menemui seseorang yang sedang duduk di dalamnya." Muawiyah bin Hudaid

berkata lagi: "Sungguh demi Tuhan Kaabah, dialah orang yang aku cari." Mendengar kenyataan yang demikian, orang ramai bergegas pergi dan segera lari memasuki khemah itu. Setelah menemuinya, rakyat mengeluarkannya dari keadaannya sungguh mengerikan kerana dia hampir mati dalam keadaan yang terlalu dahaga.

Manakala orang ramai menghadapkannya ke khemah besar yang berada di Mesir, saudara lelakiinya yang bernama Abdurrahman bin Abu Bakar segera melompat dan menemui Amr bin 'Ash yang berada dalam khemahnya dan berkata kepadanya: "Apakah kamu sampai hati menewaskan saudaraku dalam keadaan yang tidak berdaya? Pergilah kamu untuk menemui Muawiyah bin Hudaib dan segera mencegahnya."

Amr bin 'Ash menyuruhnya pergi kepada Abdurrahman untuk menemui Muawiyah untuk bertanya perkembangan lebih lanjut mengenai saudaranya itu. Dia berharap dengan mengutus saudaranya itu menemui Muawiyah, maka Muawiyah akan melakukan perubahan yang lebih baik dari keputusan asal dan akan mengambil kebijaksanaan terhadap Muhammad bin Abu Bakar.

Jika dia tidak dapat memberikan pengaruh, maka sekurang-kurangnya akan merubah fikirannya dalam masalah Muhammad bin Abu Bakar berhubung dengan Aisyah sebagai *ummu Al-Mukminin* dan juga sebagai saudara puteri darinya. Dengan demikian boleh dicapai satu kata maaf bagi Muawiyah terhadap Muhammad bin Abu Bakar kelak.

Amr bin 'Ash lalu memerintahkan Muawiyah untuk mengembalikan Muhammad kepadanya. Namun hal ini

ditolak dan dijawab oleh Muawwiyah, "Apakah demikian perbuatan kalian yang dengan mudahnya menewaskan Kinanah bin Yasar dan tidak membenarkan aku untuk mengambil tindakan yang sama terhadap Muhammad ini? Cepatlah kalian ingat akan pesan ayat yang berbunyi *"Akuffaarukum khoirum min ulaa'ikum am lakum baraa'atum fiz zubur."*

Ibn Hudaid segera menjadi bimbang akan bahaya Muawiyah bin Abu Sufyan selama ini. Pada saat itulah Muhammad berkata kepada orang ramai, "Tolonglah aku dan berilah aku seteguk air kerana aku sangat haus." Dia dijawab oleh Muawiyah bin Hudaid, "Semoga Allah tidak akan memberi minum seteguk pun kepadamu selamanya kerana dahulu kamulah orang yang pernah melarang Khalifah Uthman minum hingga akhirnya dia mati dalam keadaan berpuasa dan dibunuh. Lalu dia menemui Tuhannya dengan lemah-lembut."

"Demi Allah aku akan menewaskanmu wahai putera Abu Bakar dan semoga kelak Allah memberimu minuman yang diperbuat daripada api nereka yang panas."

Muhammad menjawab: "Wahai putera Yahudi dan tukang tenung! Perkara itu bukan menjadi kuasamu dan juga orang yang kamu sebut tadi, tetapi itu adalah kuasa Allah dan hanya Allahlah yang berhak memberi minum orang-orang yang menjadi kekasihNya dan menghauskan orang-orang yang menjadi musuhNya iaitu kamu dan orang-orang yang telah berpakatan sulit denganmu. Demi Allah! Jika pedangku berada di tanganku, maka hal ini tidak akan sampai terjadi kepadaku (dalam keadaan yang tidak berdaya dan tidak boleh melawan kekejaman yang dilakukan oleh Ibn Hudaid kepadanya)."

Muawiyah bin Hudaid bertanya, "Tahukah kamu, apakah yang akan aku lakukan kepadamu?" Aku akan memasukkan kamu dalam tubuh himar (sejenis keldai, tetapi bentuknya lebih kecil) dan membakarnya."

Muhammad menjawab, "Tidak ada apa, kerana Allah akan membakarmu juga beserta orang yang bernama Muawiyah bin Abu Sufyan dan ini (sambil menunjukkan telunjuknya kepada Amr bin 'Ash) akan dimasukkan oleh Allah s.w.t ke dalam api yang panas dan berkilat-kilat bara apinya."

Muawiyah menjawabnya: "Akulah yang akan menewaskan kamu sebagai orang yang telah terlibat dengan pembunuhan Uthman dahulu." Muhammad berkata: "Kamu dan Uthman sama sahaja dan tidak ada perbezaannya. Ini kerana Uthman adalah orang yang telah berlaku tidak adil dan mengetepikan hukum Allah. Itulah sebabnya, mengapa kami melakukan pemberontakan untuk menewaskannya."

"Tetapi kamu mempertahankan jasa baiknya terhadap hal itu di kalangan puak. Sungguh kami telah terlepas dan bebas daripada dosa, sedangkan kamu adalah orang yang bersubahat dengan Uthman dalam perbuatan dosa dan Allah telah membesarkan dosamu dengan segera."

Mendengar ucapan itu, Muawiyah menjadi marah, lalu menghampiri dan membunuhnya. Setelah itu, dia dicampakkan ke bangkai haiwan himar dan membakarnya. Peristiwa itu terjadi pada tahun 38 Hijrah. Adalah baik dimaklumkan bahawa tindakan itu hanyalah boleh ditujukan kepada Muawiyah bin Hudaid.

Selain daripada itu, pembaca jangan menghubungkaitkan

dengan masalah perang yang telah dijalankan oleh Umar Ibn Al-Khathab dan Amr bin 'Ash. Muawiyah masuk ke bilik Aisyah sebagai suatu petunjuk yang menghantarkannya dalam menewaskan Muhammad bin Abu Bakar. Saya (penulis) berkeyakinan bahawa ada satu kesepakatan yang pernah dilakukan oleh Amr dan Muawiyah bin Abu Sufyan pada peringkat sebelumnya.

Seandainya Muhammad bin Abu Bakar pada saat itu mampu melepaskan diri dari cengkaman orang ramai dan segera masuk ke Kaabah untuk mencari perlindungan, maka kes bunuh tidak akan terjadi di kalangan orang ramai yang sedang dirudung perasaan dukacita dan kesal. Ini terjadi kerana orang ramai pada saat itu tidak boleh meninggalkan masalah yang sedang dihadapi oleh Uthman atas rakyat yang ramai.

Kes ini memberi kesan pada kes yang ada kaitannya dengan peristiwa sesudah perang Jamal. Pemerintahan Ali dan kecintaan rakyat terhadap Ali, perkara ini sama sekali tidak akan mengubati dan membalas darah yang telah dikeluarkan dengan paksa dari tubuh Uthman. Apabila ada alasan yang menuju ke arah kes bunuh, maka itu hanya siasatan dengan muslihat yang dilakukan oleh Muawiyah bin Abu Sufyan dan Amr bin 'Ash dalam mencapai tujuan busuknya.

Kematian Muhammad yang beritanya tersebar hingga ke Madinah tentu menyedihkan hati Khalifah Ali sebagai orang yang telah melantiknya menjadi Gabenor Mesir yang sarat dengan ugutan. Ketika ibu Muhammad, iaitu Asma' binti Umaisy mendengar maklumat tersebut, dia pergi ke masjid yang dekat dengan rumahnya dan diam tidak bercakap sepatah kata pun. Ini sebagai cermin daripada beratnya



kesusahan dan dukacita tragedi yang sering ditanggung olehnya, lebih menyakitkan dari semua itu, sehingga payu darahnya mengeluarkan darah kemerah-merahan. Sedangkan saudara perempuannya, Aisyah binti Abu Bakar sebagai wanita *Ummu Al-Mukminin* (isteri Nabi) di samping merasakan kesedihan yang sangat mendalam, dia juga merasakan kegelisahan jiwa, terlihat daripada sikapnya yang setiap kali selesai mengerjakan solat, dia berdiri sangat lama di mana dia mendoakan Muawiyah bin Hudaid dan Amr bin 'Ash.

Kesedihan yang mendalam telah menyimpannya yang tidak boleh dia tanggung dengan perlawanan seperti asalnya iaitu mengadakan perubahan, tidak menyetujui dan menuntut bela darahnya (seperti yang telah maklum, tertunya peristiwa seperti itu menjadikan beliau trauma pada saat peperangan Jamal).

Daripada peristiwa tersebut, Aisyah mengharamkan dirinya untuk memakan daging panggang dan ini dilakukan sehingga meninggal dunia. Dengan kematian saudaranya itu Aisyah berusaha untuk mengumpulkan harta pusaka yang telah ditinggalkannya. Harta itu digunakan untuk menjaga anak yang ditinggalkan oleh saudaranya iaitu Muhammad Qasim.

Anak itu dididik oleh Aisyah di dalam biliknya hingga dia menjadi orang yang pandai dalam bidang hukum di Madinah. Sikap ini diambil sebagai sikap alternatif daripada selalu mengangkat senjata seperti perang Jamal yang pernah dipimpinnya. Ia tidak kuasa untuk mengadakan pembalasan yang setimpal terhadap apa yang telah menimpa saudaranya hingga akhirnya Aisyah menemui Tuhannya.

Seperti yang pembaca ketahui bahawa kadangkala Aisyah sering menahan kemarahannya dalam menghadapi Muawiyah bin Abu Sufyan meskipun di antara keduanya terjalin hubungan yang baik sebelumnya.

### **(B) HUJR BIN 'ADI (SEORANG HAKIM YANG ADIL) DIBUNUH**

Hujr bin 'Adi adalah salah seorang tokoh bangsa Arab yang bermukim di Kufah. Beliau adalah pemidato terulung yang mempunyai kedudukan terkemuka dan mempunyai karisma atau wibawa yang tinggi di kalangan masyarakatnya sehingga banyak inisiatif dan cadangan yang ditawarkan kepada masyarakatnya dilakukan dan diamalkan dengan keikhlasan orang ramai.

Apabila ia memerintahkan sesuatu, maka rakyat melakukannya dan taat kepadanya. Itu semua dilakukan kerana ia adalah orang yang mempunyai sifat adil, sejarah kehidupan yang baik dan nilai-nilai agama yang sering diamalkan. Ia adalah salah seorang tokoh penyokong Khalifah Ali bin Abi Talib yang rela melakukan perintahnya dan mencintainya sehidup semati. Setelah kematian Ali, dia tetap menuntut bela ke atas perkara tersebut.

Ketika Ali meninggal dunia dan Hasan r.a. berdamai dengan puak Muawiyah serta segala kekuasaan berada dalam cengkaman Muawiyah, dia melantik Mughirah bin Syu'bah sebagai Gabenor Kufah. Dia adalah salah seorang tokoh bangsa Arab. Sebelum Mughirah berangkat pada pertengahan tahun 41 Hijrah, Muawiyah mendoakannya agar Allah s.w.t mengujinya dan berkata sebagaimana berikut:

*“Amma Ba’du, sesungguhnya orang yang mempunyai sikap lembut sebelum hari ini adalah orang yang mampu melemparkan tongkatnya seperti yang dikatakan oleh para sasterawan. Sesungguhnya orang yang mempunyai sikap yang bijak adalah orang yang mampu melemparkan tongkatnya dan pada hakikatnya manusia itu dalam keadaan bodoh kecuali ia dididik dengan ilmu pengetahuan.”*

Kesimpulannya, adalah tidak adil jika hakim yang menangani sesuatu masalah itu adalah hakim yang tidak mengerti (bodoh). Dalam masalah ini saya (penulis) berusaha untuk memberi penyelesaian ilmiah kepada pembaca, kerana sudah sekian lama saya meninggalkan pembaca akan hal itu. Saya (penulis) memandang penting tentang cara kepimpinan yang demokratik mengikut pandangan saya (penulis).

Ramai orang yang beranggapan bahawa Khalifah Ali adalah orang yang berada di barisan hitam dan penuh dengan dosa. Sedangkan pada kedudukan yang lain mengharumkan nama Uthman dan memaafkan segala sesuatu yang berhubung kait dengan kesalahan politik. Apa yang lebih teruk adalah menyalahkan penyokong Ali, menjauhi orang ramai, tidak menghiraukan meraka, melebih-lebihkan dalam menyanjung Uthman dan mendekatkan barisan kepadanya dan para penyokongnya.

Mughirah bin Syu'bah menjalankan tugasnya sebagai seorang Gabenor Kufah yang telah menerima kuasa sah dari Muawiyah selama 7 tahun dan beberapa bulan. Dalam kebijaksanaan politiknya, dia telah membangunkan sistem yang baik, demikian juga dalam menjalankan aktiviti sehariannya.

Sebagai buktinya rakyat yang berada dalam naungan kekuasaannya tidak ada yang pernah membangkang apatah lagi memberontak. Orang ramai hanya patuh terhadap perintah Muawiyah, tidak terkecuali apabila selalu memburuk-burukkan Ali dan penyokongnya.

Oleh itu, tidak hairan apabila apa yang berlaku pada puak adalah memburuk-burukkan Ali dan para penyokongnya sekali gus mengaitkan dengan kes pembunuhan Uthman. Di samping itu, terdapat doa yang dihembuskan untuk Uthman dan penyucian diri yang diberikan kepada penyokongnya.

Namun dari aspek lain, ada seorang tokoh yang adil dan jujur dari kalangan bangsa Arab. Beliau adalah Hujr bin 'Adi. Dengan keberanian, kesempurnaan dan kejujuran yang dia miliki, sebaik sahaja ia mendengar kenyataan di atas (*stereotif* buruk terhadap Ali dan *stereotif* positif terhadap Muawiyah), maka ia tidak duduk diam malah menentangnya.

Hal ini boleh di lihat dari realiti yang terjadi di mana ketika Mughirah memburuk-burukkan Ali dan penyokongnya (yang kebanyakan adalah penyokong Ali di Kufah), maka dia menolak dan mengadakan perlawanan serta berkata: "Tidak boleh! Tetapi Allah akan melaknat kalian semua dan Mughirah."

Lalu dia berdiri dan meneruskan kata-katanya, "Sesungguhnya Allah s.w.t telah berfirman yang bermaksud:

*"Jadilah kalian semua kaum yang berlaku adil dalam memberikan kesaksian untuk Allah."*

“Sambil saya bersaksi bahawa sesungguhnya orang yang telah kalian burukkan dan cela, pada hakikatnya adalah orang yang lebih berhak atas berbagai keutamaan. Tetapi orang yang kalian agung-agungkan dan kalian sucikan namanya pada hakikatnya adalah orang yang lebih berhak menerima keburukan dan celaan itu sendiri.”

Mendengar perlawanan yang cukup hebat, Mughirah menjawabnya dengan berkata: “Wahai Hujr! Seandainya aku orang yang berkuasa, nescaya aku akan melemparmu dengan lembingmu sendiri. Wahai Hujr! Sungguh buruk terjadi padamu, oleh itu segeralah kamu taat kepada khalifah (Muawiyah) serta jagalah amarahnya dan jangan lupa pembabitan kenyataanmu itu. Sesungguhnya amarahnya seorang khalifah (Muawiyah) adalah perkara yang boleh menghancurkan kamu.” Dia menghentikannya dan berteriak dengan keras diakhir kata-katanya.

Keadaan yang demikian berlanjutan di antara keduanya. Hujr selalu melawan kenyataan Mughirah manakala ia mencela Ali dan penyokongnya sekali gus pada aspek yang lain ia menyucikan dan menyanjung Uthman dan para penyokongnya. Fenomena ini berlanjutan hingga pada akhir kepemimpinan Mughirah sebagai Menteri Besar Kufah di mana ianya tetap mencela Ali dan menyanjung Uthman.

Hal ini dilakukan oleh Mughirah kerana dianggap sebagai tai yang berhubung dengan politiknya terutama dengan eksentesi politik Muawiyah. Adapun kata-katanya yang diselitkan dalam pidatonya itu adalah seperti berikut:

“Ya Allah! Ampunilah Uthman bin Affan, bebaskanlah dia dan balaslah dia dengan sebaik-baik amal yang pernah dia kerjakan dalam hidupnya. Dia adalah khalifah yang taat

kepada ajaran kitabMu, mengikut sunnah NabiMu, mengumpulkan kalimat-kalimatMu, menahan pertumpahan darah kami dan ia mati dalam keadaan teraniaya. Ya Allah! Kasihanilah penyokongnya dan orang-orang yang mencintainya yang telah menuntut bela atas darahnya.”

Mughirah mendoakan pembunuh Uthman. Ketika itulah Hujr bin ‘Adhi berdiri dan berteriak kepada Mughirah dengan kerasnya. Teriakan itu keras hingga akhirnya dapat didengar oleh seluruh rakyat yang hadir dalam masjid mahupun yang berada di sekitarnya.

Hujr bin ‘Adi berkata: “Sesungguhnya kamu tidak mengerti dengan siapa kamu berdusta sekarang yang semua itu sebenarnya atas kelemahanmu (kerana terpaksa terbabit dengan cengkaman kekuasaan *otoriter* Muawiyah) wahai orang-orang! Lewatkanlah segala kotoran dan pemberian dari hadapan kami kerana kamu telah berbuat zalim kepada kami dan kamu tidak mempunyai kuasa dalam hal itu. Orang sebelummu tidak pernah berbuat seteruk ini. Sungguh kamu telah berbuat dusta atas darah *Amir Al-Mukminin* (Ali) dan menyanjung serta memuji orang yang berbuat dosa (Muawiyah dan penyokongnya).”

Serentak antara satu pertiga dalam masjid itu berdiri mendukung kenyataan Hujr dan orang ramai berkata: “Demi Allah kamu benar, wahai Hujr dan sungguh baik. Jauhilah kepada kami kotoran dan segala pemberian kami, kerana kami tidak berhajat dengan kenyataanmu ini dan ia tidak akan mengembalikan hak yang telah kami berikan. Orang ramai mengadakan perlawanan dengan kenyataan yang serupa hingga akhirnya Mughirah turun dari mimbar masjid.

Setelah peristiwa tersebut, penyokong Mughirah meminta kebenaran untuk bercakap. Orang ramai berkata: "Untuk apa kamu meninggalkan lelaki yang telah berkata tidak sopan ini dan berani menentang kekuasaanmu? Sesungguhnya kamu telah mengumpulkan kedua aspek yang belum dipertemukan, di mana pada aspek pertama adalah usaha dalam merendahkan darjatmu dan aspek yang lain adalah apabila peristiwa ini sampai ke telinga Muawiyah, maka dia akan berubah membencimu kerana orang tersebut."

Derigan huraian rakyat itu, Mughirah mengerti kesan buruk yang akan berlaku. Lalu dia berkata kepada orang ramai: "Aku pasti akan menewaskannya, kerana kelak akan ada seorang Gubenor yang lain sebagai penggantikmu. Hujr akan berbuat seperti apa yang telah dilakukan kepadaku. Dia akan mencela seperti yang dia lakukan kepadaku dan orang yang dia cela tersebut pasti akan menewaskannya sama seperti aku."

"Sungguh ajalku sudah semakin dekat dan aktivitiku semakin tidak menentu seperti dulu. Oleh kerana itulah, aku tidak senang memulakan penduduk negeri ini dengan peperangan dan mengalirkan darah orang ramai sehingga orang ramai menjadi celaka."

"Aku juga tidak ingin terjadi sesuatu yang menguntungkan salah satu pihak di mana Muawiyah memperoleh kemuliaan di dunia sedangkan Mughirah memperoleh kehinaan di akhirat. Aku menghargai apabila ada seseorang yang memang memperbaiki kerja orang ramai dan memaafkan kesalahan serta memuji apa yang telah menjadi jasa orang ramai dan mengingatkan kebodohan yang telah orang ramai lakukan."

“Aku berdoa semoga apa yang menjadi harapanku itu menjadi kenyataan hingga aku dan orang ramai dipisahkan dengan kematian. Semoga pengganti setelah diriku mampu mengingatkan aku atas kelemahan-kelemahan yang aku miliki.” Setelah berakhir, dia segera melucut jawatannya sebagai Gabenor Kufah yang dilantik oleh Muawiyah.

Gabenor Kufah selepas Mughirah adalah Ziyad. Dia dipandang oleh rakyat sebagai pemimpin yang berkuku besi dan ganas serta tidak berperikemanusiaan. Ini dinilai setelah rakyat merasakan kedamaian sebelumnya yang telah dipimpin oleh orang yang benar-benar lemah-lembut dan penuh kasih terhadap rakyat kecil. Rakyat terpaksa mengikuti Ziyad dan pembantunya dalam pemerintahan yang berkuku besi.

Kedudukan Hujr dalam kepimpinan Ziyad adalah sebagai orang pertama yang melakukan pembangkangan. Dia ditekan oleh Ziyad di tengah-tengah perhimpunan ketika Ziyad sedang memberikan pidatonya di hadapan rakyat Kufah sehingga ketika itu, dengan sengaja memanjangkan pidatonya hingga mengetepikan solat.

Tidak hairan lagi, sikap yang seperti ini mendapat reaksi keras dari Hujr dan dia segera menolak dengan perkataan “solat-solat.” Namun mendapat bantahan kerana tetap tidak menghiraukan, Hujr menegurnya dengan lebih keras. Dia berkata, “solat-solat” dan teguran itu tidak diterima oleh Ziyad hingga tiga kali.

Kerana bimbang terlewat waktu solat, Hujr terpaksa melemparkan tongkatnya ke muka Ziyad. Tindakan itu mendapat sokongan dari kebanyakan rakyat. Ketika Ziyad melihat perkara itu, dia segera menghentikan pidatonya



dan segera turun menunaikan solat bersama-sama dengan orang ramai.

Namun selepas selesai mengerjakan solat, dia menyimpan marah yang mendalam terhadap Hujr, kerana itulah dia segera mengadakan perkara itu kepada Muawiyah. Tidak hanya itu, bahkan ia menokok tambah fakta yang terjadi kepada Muawiyah. Apabila mendapat hasutan yang sedemikian, tanpa disedari Muawiyah mengutus surat untuknya yang berisi agar Hujr diikat dan segera dibawa ke hadapan Muawiyah.

Sesuai sahaja dia hendak membawa Hujr kepada Muawiyah, orang ramai menegahinya. Mereka menyembunyikan Hujr dari satu tempat ke satu tempat yang lain, hingga akhirnya Hujr benar-benar mendapat perlindungan dari ugutan tindakan yang sewenang-wenangnya.

Setelah itu, dengan sokongan 10 orang yang juga merupakan penyokong setia Ali, Hujr akhirnya dibawa menuju kepada Muawiyah. Muawiyah memerintahkan beberapa pasukan yang terdiri daripada penduduk Syam untuk memaksa mereka melepaskan sokongan terhadap Ali dan jika tidak berbuat demikian, maka memadamkan dengan mengutuknya.

Jika orang ramai tidak mematuhi arahan yang telah diberikan Muawiyah, maka mereka akan diperangi. Akhirnya rakyat dibawah kuasa Muawiyah, iaitu mereka yang terdiri dari penyokong Ali menolak dan berkata: "Tidak boleh! Bahkan kami akan tetap menyokong Ali." Mendengar penentangan yang sangat sengit, maka utusan Muawiyah memerintahkan untuk segera menggali kubur dan

menyiapkan kain kafan menjelang tengah malam, di mana orang ramai serentak melakukan solat bersama-sama.

Ketika Hujr dikeluarkan untuk dihukum mati, ia meminta kebenaran kepada tukang bunuh untuk menunaikan solat dua rakaat. Mereka membenarkannya dan Hujr pun menunaikan solat dua rakaat serta mempercepatkannya. Setelah selesai solat, dia berkata, "Seandainya kalian tidak menyangka aku sebagai orang yang bukan penyokong Ali, nescaya aku akan mengerjakan solat itu lebih panjang dari yang aku kerjakan tadi."

Lantas beliau berdoa: "Ya Allah, ya Tuhanku! Aku memohon kepadaMu agar Engkau menyelamatkan penyokongku ini. Ini semua kerana orang ramai telah menyaksikan bahawa rakyat Kufah menyokongku, sedangkan rakyat Syam memerangiku. Demi Allah, jika kalian membunuhku, maka aku adalah orang pertama dari pasukan berkuda umat Islam yang rela untuk tewas."

Lalu Dia berkata kepada orang yang hadir bersamanya: "Janganlah kalian bungkus aku dengan besi dan jangan pula kalian cuci darahku ini kerana aku akan menemui Muawiyah di atas bahu." Dia maju ke hadapan dan dipotong lehernya serta tamatlah riwayat hidupnya. Setelah peristiwa yang mengerikan itu, Muhammad bin Sirin ketika ditanya tentang orang yang mati syahid, beliau berkata: "Apakah harus dimandikan jasadnya?" Dia menjawab: "Masalah itu serupa dengan apa yang telah diceritakan oleh Hujr iaitu tidak perlu dimandikan jasadnya."

Dengan demikian, peristiwa tersebut menjadi perbincangan umum tentang kes pembunuhan yang telah menimpa Hujr. Mereka menaruh hiba terhadap Hujr memandangkan ia

adalah seorang Muslim yang jujur dan selalu mengutamakan *Amar ma'ruf Nahi Munkar* (memerintahkan perbuatan yang baik dan mencegah perbuatan yang tercela baik dalam pandangan agama mahupun dalam pandangan norma masyarakat).

Beliau berani mati syahid demi satu kebenaran yang diyakininya tanpa melepaskan sikap ketaatan kepada Tuhan dan menceraiberaikan aturan masyarakat awam di mana dia rela mati demi kebenaran dan kepentingan orang ramai. Dia berani mempertaruhkan nyawanya dalam mengadakan perlawanan terhadap para pemerintahan zalim yang dengan sewenang-wenangnya menghina reputasi para sahabat Nabi.

Banyak ratapan deru tangis dari golongan wanita dalam melepas kematian Hujr di atas pedang tukang pancung Muawiyah yang tidak mengenal perikemanusiaan dan kejam itu. Di antara sekian ramai wanita yang menangisinya adalah Hindun puteri Zaid bin Mukhramah. Tangisan tersebut sebagai lambang perasaan yang terkoyak dan membakar hati atas kematian Hujr sekali gus dendam yang membara terhadap Muawiyah. Lalu Hindun meluapkan amarahnya itu menerusi syair:

*"Wahai bulan yang menyinari!  
Angkatlah wajahmu dan lihatlah,  
Apakah kamu melihat Hujr telah pergi terlebih dahulu?  
Apakah ia telah pergi menemui Muawiyah?  
Untuk memerangnya seperti yang ia katakan sebelumnya.  
Kamu telah memperbaiki tulang-tulang yang telah rosak,*

*Dan membuatnya istana Nukman menjadi senang-  
lenang,  
Negeri-negeri telah banyak yang kekeringan,  
Seperti tidak pernah disirami awan-awan yang  
berair.*

*Ingatlah wahai Hujr bin 'Adi!  
Aku memberikan ucapan selamat jalan,  
Dan keselamatan semoga selalu menyertaimu,  
Aku cemas, kamu sebagai singa tidak mampu  
memecahkan wilayah Damsyik.*

*Pembunuhan itu tetap dinilai sebagai kehormatan.  
Dan kebenaran yang telah diberikan untuknya  
(Hujr).*

*Ingatlah! Semoga kamu wahai Hujr!  
Tetap mati bukan seperti haiwan unta yang  
disembelih,  
Jika kamu dianiaya,  
Maka seluruh pemimpin dunia akan mengingati  
untuk selamanya."*

Rakyat tetap mengenang kematian Hujr yang merupakan bukti bahawa kematian tetap menyelitkan rasa simpati. Orang ramai berkata: "Awal dari malapetaka dan kehinaan yang telah mengotori tanah Kufah adalah kematian Hasan dan diikuti dengan kematian Hujr." Hasan Basri ketika mengatakan selain 4 kekerasan yang dilakukan secara keji oleh Muawiyah adalah pembunuhan terhadap Hujr.

Dia berkata: "Sungguh ini adalah kekejian yang dilakukan oleh Muawiyah yang dilakukan terhadap Hujr dan para penyokongnya. Dia mengatakan perkara itu berulang-

ulang.”

Ibna Sirin mengatakan bahawa ketika menjelang kematian Muawiyah, ia *sakarot* dengan keras dan ia berkata: “Wahai Hujr! Hari-hariku lebih panjang darimu dan sangat menyakitkan.” Di antara pemerintahan Ziyad dan kematian Hujr terdengar isu bahawa ia melakukan penjajahan terhadap wilayah Islam yang salah satunya adalah Hijaz.

Ini membuat Aisyah gelisah. Lalu dia mengutus wakil khas untuk menemui Muawiyah iaitu Abdurrahman bin Haris bin Hisyam untuk memberikan penjelasan lebih lanjut tentang kes yang telah menimpa Hujr dan kawan-kawannya. Abdurrahman mengadapnya dan memerangi orang ramai yang telah berbuat aniaya.

Dengan dukacita yang menyelimuti hatinya, ia tidak ada pilihan lain kecuali menyalahkan Muawiyah dan bertanya, “Wahai putera Abu Sufyan! Di mana kamu letakkan kelembutan sikap yang kamu miliki selama ini ketika terjadi pembunuhan itu?” Muawiyah menjawabnya: “Kelembutanku tersembunyi seperti kaumku termasuk kamu. Ziyadlah yang bertanggungjawab atas kes ini dan aku yang selalu menangungunya.”

Ketika kematian Hujr tersiar ke Madinah, Aisyah sedih ke atasnya dan membangkitkan marahnya yang mendalam terhadap Muawiyah. Jiwanya memberontak terhadap kezaliman berulang kembali. Saya (penulis) dengan jelas dapat menangkap bahawa beliau mampu membangkitkan emosi rakyat, memimpin pasukan penggempur dan keluar memimpin peperangan andaikata tidak trauma dengan peristiwa yang telah menyakitinya iaitu peperangan Jamal yang belum hilang dari ingatan.

Inilah salah satu kenyataannya: *“Jika aku tidak merubah keadaan kerana terlibat dengan peristiwa yang telah menyakitkan aku, maka aku pasti merubahnya dan membalas kematian yang telah dialami Hujr. Demi Allah, jika aku melakukan hal itu berasas kebenaran serta jelas benar dalam Islam, nescaya aku akan merubahnya.”*

Kata-kata ini merupakan gambaran bahawa beliau adalah wanita yang sebenarnya memiliki kemampuan yang luar biasa lebih dari Muawiyah sebagai khalifah. Pada hakikatnya Aisyah bersedia meneruskan niat tulus hatinya kerana dari satu aspek, dia adalah wanita yang menjadi khalifah di atas khalifah.

Penyesalan yang menghantuinya adalah tumpahnya darah dalam peperangan Jamal yang mampu mempengaruhinya dan sesuatu yang ia cintai dan harapkan dari perkataannya dapat disimpulkan dua kategori penyesalan iaitu pertama adalah penyesalan atas pembunuhan Hujr dan yang kedua adalah penyesalan atas dirinya yang tidak mampu berbuat apa-apa lagi seperti semula.

Saya (penulis) ingin mengajak para pembaca untuk melihat sikap yang menggambarkan kekecewaannya terhadap Muawiyah atas pembunuhan yang telah dialami oleh Hujr sebagai kekecewaan politik pertama atas kepimpinan Muawiyah.

Imam Yaakub menceritakan bahawa ketika Muawiyah hendak menunaikan ibadah haji ia meminta kebenaran secara rasmi dari Aisyah dan dijawab oleh Aisyah, “Wahai Muawiyah! Apakah kamu telah ikut berperang dalam pembunuhan Hujr dan penyokongnya, di mana kelembutanmu disembunyikan? Bukankah aku telah

mendengar Nabi bersabda bahawa apabila seseorang d bunuh dengan rumput-rumput yang diperbuat dari besi, akan membuat para malaikat yang berada di langit marah.”

### **(C) HUKUMAN KE ATAS HUDBAH BIN HUSRAM**

Hudbah bin Husram adalah seorang penyair dari golongan Bani Amir. Ia bersama dengan saudara perempuannya, keluar dengan alasan untuk menemui orang ramai. Di samping itu, juga terdapat penyair yang lain iaitu Ziyadah bin Zaid, salah seorang tokoh Bani Riqas. Secara berganti keduanya mengumandangkan syair-syairnya di atas unta. Ziyad memulakan dengan menyanjung saudara Hudbah dan saudaranya tersebut mendengar sanjungan itu.

Namun berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Hudbah terhadap saudara perempuan Ziyadah yang ketika itu tidak hadir dalam majlis syair. Kedua penyair itu pun melakukan aksinya dalam merebut simpati dari kaum masing-masing. Ketika menjelang musim haji, Hudbah menerima tipu helah yang menyakitkan dari Ziyadah. Tidak dapat dielakkan hal itu membuatnya geram lalu membunuh Ziyadah dan kemudian dia lari mencari tempat perlindungan.

Ketika kes itu terjadi (hilangnya Hudbah dari pembunuhan), Gabenor wilayah Madinah menangkap bapa saudara keluarga Hudbah dan memenjarakan sebagai jaminan atas kehilangan Hudbah. Mendengar khabar yang demikian, Hudbah menyerah diri kepada Gabenor dan melepaskan bapa saudara dan kerabatnya dari dalam tahanan.

Amalan Hudbah ini menarik perhatian rakyat Madinah. Ramai puak yang telah memberikan tawaran alternatif sebagai jalan kompromi kepada Abdurrahman sebagai

saudara Ziyadah menggunakan penerimaan *Diyat* (sebagai jalan damai) tetapi dia tidak mahu.

Ramai pula orang-orang Quraisy yang menasihatinya dalam masalah *diyat* itu. Orang yang telah menasihatinya adalah terdiri daripada tokoh kabilah yang terkemuka seperti Husain bin Ali, Sa'id bin Ash (Gabenor Madinah ketika itu), Abdullah bin Amr dan Amr bin Uthman bin Affan, tetapi dia tetap tidak mahu menerima. Dia tetap menghendaki pembunuhan Hudbah itu ke hadapan Muawiyah sebagai *qisas*.

Sebaik sahaja Muawiyah mengetahui kes itu, setelah memandang sekilas terhadap pandangan Abdurrahman, maka dia bertanya kepada Abdurrahman, "Apakah Ziyad mempunyai seorang putera?" Abdurrahman menjawab, "Ya, dia mempunyai anak yang belum baligh, namanya Musawwir dan saya adalah orang yang berhak menuntut darah ayahnya."

Muawiyah berkata: "Jika demikian, kamu tidak berhak menuntut *diyat* atau pembunuhan tanpa hak kerana Musawwir adalah orang yang paling berhak atas darah ayahnya." Lantas dia memenjarakan Hudbah sambil menunggu sehingga Musawwir akil baligh. Akhirnya aib itu melahirkan peperangan antara Abdurrahman dan Hudbah.

Hudbah dipenjara lebih kurang sekitar 6 tahun hingga Musawwir baligh. Kemudian rakyat datang mempengaruhi sikap yang akan diambil oleh Musawwir di mana dia lebih cenderung memberikan keampunan kepada Hudbah dan mengambil *Diyat* yang diberikan kepadanya, hal ini pasti terjadi seandainya tidak ditegah oleh ibunya. Ibunya



berkata: "Demi Allah! Jika kamu tidak membunuh Hudbah, nescaya aku akan menikahnya. Dia telah membunuh ayahmu dan menikahi ibumu. Orang Arab akan mencacimaki kamu seperti luasnya lautan."

Mendengar ibunya, Musawwir berubah secara mendadak dan setelah itu, dia menuntut kematian ayahnya dan menewaskan Hudbah. Sedangkan sikap Aisyah dalam menghadapi masalah yang dihadapi Hudbah berbeza, walaupun ia begitu mustahak bagi orang Quraisy dan penduduk Madinah.

Hal itu disebabkan permusuhan yang dirancang untuk menghidupkan kembali cara jahiliyah. Ia berkehendak memberi hukum yang lebih alternatif dari kejahiliyahan. Itu dilakukan Aisyah sebagai perkara mustahak dari misi hukum Islam. Dia lebih menyukai agar masalah yang telah terjadi antara Hudbah dengan Ziyad diselesaikan dengan cara damai sesuai dengan naluri Islam. Dia tetap menegah setiap orang yang membuka lembaran jahiliyah dalam lembaran baru setelah Islam.

Saya (penulis) akan memastikan itu dengan jawapan yang diberikan dalam kes Hudbah ketika dihadapkan kepadanya "Ampunilah aku wahai Aisyah." Aisyah menjawab: "Jika kamu dibunuh, maka aku pasti tidak ada pembalasan setelah itu." Ketika dia dibunuh, maka Aisyah telah lepas akan janjinya terhadap Hudbah dan dia mengampuni Hudbah.

Pembalasan yang dilakukan ke atas Hudbah akhirnya dilakukan seperti apa yang telah dikehendaki Aisyah iaitu: Menegakkan hukum-hukum Allah, memberi pengampunan sebagai perlindungan terhadap cara jahiliyah dan

menerapkan hingga ke lubuk hatinya. Kedudukan Aisyah turut melibatkan kebijaksanaan umum iaitu kepimpinan yang mampu menyebarkan sinar kebenaran hukum agama Islam.

#### **(D) PERPISAHAN**

Sebelum perbincangan ini dikemukakan, antara Aisyah dan khalifah serta pelaku pemerintahan yang membantunya telah terjadi banyak surat di mana orang ramai bertanya kepadanya dan dia pun menjawab soalan atau memberikan saranan bagi memberikan jalan yang terbaik bagi orang ramai, ini terlihat pada pengiktirafan rakyat terhadap kedudukan Aisyah.

Jika ia mendatangi seorang ketua pemerintahan ketika itu, maka khalifah akan merasa orang yang paling bahagia kerana merasa dianggap sebagai keluarga oleh Aisyah sama ada yang berpengaruh terhadap kebijakannya mahupun terhadap kewujudan pemerintahannya yang memang sokongan tersebut sangat diperlukan dari tangan Aisyah.

Jika pemberian fatwa yang diperlukan oleh khalifah dan para pembantunya dikaji, maka akan memberikan gambaran yang jelas kepada para pembaca bahawa Aisyah adalah wanita yang paling mengerti di antara sekian ramai sahabat Nabi dalam persoalan keluarga dan masalah kewanitaan.

Namun saya (penulis) akan mengkaji lebih jauh dari semua itu. Pertama adalah sebagai bukti tentang penghormatan dan ketaatan rakyat terhadap Aisyah dalam segala hal yang selama ini terkesan dan yang kedua adalah pengharapan

mengurangi ketidakpuasan mereka terhadap kebijaksanaan pemerintahan.

Apabila hipotesis ini tidak benar, maka itu sudah menunjukkan bahawa Aisyah adalah wanita yang mengerti hukum kerana banyaknya pakar hukum ketika itu yang telah menghubungi Aisyah dengan mengirim surat kepadanya.

Saya (penulis) akan membentangkan perkara itu dengan panjang lebar kepada para pembaca, iaitu:

1. Muawiyah menghantar surat kepada Aisyah yang berbunyi, "Wahai Aisyah! Tuliskanlah buatku tentang apapun yang pernah kamu dengar dari Nabi s.a.w." Mendapat pesan yang demikian, Aisyah mendapatkan kesempatan untuk menyeranginya.

Ia memilih sukatan hadis yang boleh menghentikan amalan-amalan kotor yang dilakukan oleh Muawiyah mahupun Muawiyah baru. Lalu dia menulis surat yang isinya adalah, "Barangsiapa yang biasa mengerjakan perbuatan yang telah dilarang oleh Allah s.w.t sedangkan di dunia dia dipuji oleh orang ramai, maka sebenarnya dia di sisi Allah mendapat seksa dan celaan yang lebih buruk dari semua itu." Pada hakikatnya Aisyah sudah mengerti apa yang akan menjadi materi jawapan Muawiyah iaitu yang berhubung kait dengan kes pembunuhan Uthman.

2. Ziyad bin Abu Sufyan – Gabenor wilayah Iraq dilantik oleh Muawiyah, memaklumkan kepada Aisyah yang meminta penjelasan seperti fatwa mengenai ketetapan hukum yang pernah ditetapkan oleh Ibn Abbas, di mana beliau berkata, "Barangsiapa yang pernah memberikan

hadiah, maka sesuatu yang diharamkan dalam haji, diharamkan pula ke atasnya hingga akhirnya disembelih korban." Aku telah mengeluarkan hadiah, oleh kerana itu kirimkanlah kepadaku penjelasanmu."

Aisyah menjawab: "Apa yang dikatakan oleh Ibn Abbas itu tidak benar. Aku pernah meminta rantai leher daripada Nabi dengan tanganku dan dilakukan oleh Nabi dengan tangannya sendiri serta mengirimmkannya beserta ayahku. Sesuatu yang telah dihalalkan oleh Allah s.w.t kepada NabiNya, tidak akan diharamkan, walaupun sampai pada masa penyembelihannya."

3. Muawiyah mengirim surat kepada Ziyad, "Lihatlah orang yang telah berbuat baik untuk mencabutnya dan mengamalkannya." Ziyad menjawab: "Di sebelahku terdapat dua orang yang memperbaiki hal itu iaitu Ahnaf bin Qa'is dan Sinan bin Salamah Al-Hizli." Muawiyah berkata: "Bilakah saya mencukupkan Ahnaf, apakah dari segi tawaduknya terhadap *Ummu Al-Mukminin* atau kerana sokongannya kepadaku dalam kedua barisan yang lalu? Lalu dia mengambil sikap ketika aku berkuasa."

Kiranya dapat difahami dengan mudah dari kenyataan yang disampaikan oleh Muawiyah, apakah kerana tawaduk yang dilakukannya terhadap Aisyah bahawa itu merupakan strategi politik. Ini boleh dilihat dari kebijakan Muawiyah yang melarang Ahnaf untuk memegang kekuasaan atas wilayah berkaitan dengan ketawadukan yang dia lakukan terhadap Aisyah. Besar sekali kerelaan yang diberikan Aisyah kepada Muawiyah sehingga dengan mudah dia dapat menyejukkan suasana panas yang sedang dialami oleh Aisyah.

Dengan demikian, Muawiyah berjaya melakukan pendekatan yang bersifat politik di hadapan Aisyah yang tentu membawa kesan positif bagi mengukuhkan kekuasaannya sebagai seorang khalifah di mata Aisyah.

4. Ziyad mempunyai ghairah dan keinginan yang besar agar diiktiraf di mata Aisyah, sehingga ia melakukan pencapaian pengakuan dengan *penisbatan* kepada Ayahnya iaitu Abu Sufyan kepada Aisyah.

Lalu dia mengirim surat dengan dua alamat yang berbunyi, “Kepada Aisyah dari anaknya Ziyad bin Abu Sufyan” harapannya ialah untuk memperolehi jawapan darinya dengan bunyi kepada Ziyad bin Abi Sufyan. Tetapi yang terjadi adalah sebaliknya, iaitu Aisyah tidak memberikan tindak balas bahkan dalam suratnya ia hanya mencantumkan kata-kata dari Aisyah *Ummu Al-Mukminin* kepada anaknya Ziyad.” Jawapan seperti ini selalu diberikan oleh Aisyah kepada Ziyad.

Abdurrahman bin Abu Bakar mempunyai seorang Maula (Orang terdekat yang menjadi kekayaannya) yang bernama Murrah bin Abu Uthman. Ketika Abdurrahman meninggal dunia, Aisyah mencintai dan memuliakan Murrah. Murrah selalu mendatangnya bagi memperolehi surat yang berisi wasiat kepada Ziyad sebagai wali Basrah.

Ketika Murrah berkehendak untuk mengunjunginya ia juga meminta Aisyah di dalam menulis surat untuk mendahulukan nama Ziyad daripada nama Aisyah sendiri. Manakala Aisyah mengirim surat kepada Ziyad yang dikirimkan melalui Murrah dengan tulisan sebagai berikut “Kepada Ziyad bin Abu Sufyan dari Aisyah *Umm*

*Al-Mukminin.*"

Murrah kemudiannya membawa surat itu kepada Ziyad yang berada di Basrah. Ketika Ziyad melihat Aisyah di dalam mencatat surat itu mendahulukan namanya dan menisbatkannya kepada Abu Sufyan, dia pun merasa senang hati, seolah-olah memuliakan Murrah dan bersikap tawaduk terhadapnya.

Dia berkata kepada rakyat awam, "Ini adalah surat *Ummu Al-Mukminin* yang diberikan kepadaku." Dengan bangganya dia mengarahkan rakyat untuk membaca surat itu kepada penisbatan Abu Sufyan.

Dengan begitu ia mendapatkan pengiktirafan rasmi yang bertambah besar. Lalu Murrah memotong *Jaribah* (jenis takaran) di tengah-tengah tempat pengembaraan unta. Pada saat itu ia menyuruh untuk menafikan nama Murrah dengan nama satu sungai Murrah. Dengan demikian putera Uthman bin Murrah mempunyai kesan di Basrah sepinggalan Ziyad.

Maklumat itu memerlukan sesuatu yang telah mendapat pengiktirafan rasmi di mata Aisyah. Kerana dalam surat itu, pandangan Ziyad merupakan bentuk penghormatan dan sokongan politik terhadapnya serta dapat dijadikan hujah kuat yang diperolehi dari Aisyah dalam *nisbatnya* kepada Abu Sufyan. Hal ini sekiranya ia memerlukan sokongan dari Aisyah dalam *penisbatan*.

Perlantikan Yazid bin Muawiyah sebagai Putera Mahkota Mesyuarat adalah satu asas dari asas hukum yang terdapat dalam Islam. Ketika sesuatu keputusan yang dihasilkan menerusi mesyuarat direalisasikan bererti dapat difahami

bahawa amalan itu telah dihasilkan dari nilai-nilai Islam. Dalam adat Islam seseorang yang menjawat jawatan hakim dapat digaji dari pendapatan yang dihasilkan dari masyarakat secara keseluruhan kerana dia telah menjalankan tugas menyusun *kemaslahatan* manusia.

Zaman khulafa' Ar-Rasyidin telah berakhir dan tokoh para sahabat dan masyarakat telah memberikan sumbangan pemahaman dalam penegakan cara hukum. Ketika Khalifah Uthman menjalankan pentadbirannya banyak dikuasai dan diipengaruhi oleh kerabat dekatnya, maka rakyat menyatakan tidak setuju dan tidak puas hati terhadap amalan itu.

Masyarakat merasa cemas terhadap penimbunan harta negara terhadap sebilangan orang-orang tertentu. Dengan demikian, terjadilah sikap mengadu domba terhadap Uthman hingga akhirnya terjadi pengepungan dan pembunuhan ke atas diri khalifah.

Acapun Muawiyah telah menjalankan cara yang lebih parah daripada itu selama 40 tahun, di mana dia banyak mengambil cara hidup dan budaya dari kerajaan Rom dalam menjalankan pemerintahannya di Syam. Dia telah melencong dari prinsip hukum yang seharusnya ditegakkan.

Dia mengabaikan cara yang ditawarkan oleh Islam dan setelah saya (penulis) kaji amalan itu berbeza sekali dengan zaman Khulafa' Ar-Rasyidin. Dalam pemerintahan, ia lebih cenderung menggunakan cara yang lazim berlaku pada kerajaan Rom yang dipaksa kepada rakyat.

Hal ini dapat dibuktikan ketika ajalnya menjelang tiba, dengan serta-merta cuba mewariskan wilayah

kekuasaannya kepada Yazid (iaitu dengan melantiknya sebagai raja muda atau putera mahkota) tanpa melalui jalan mesyuarat dengan rakyatnya.

Kekuasaan itu kekal hingga 20 tahun lalu dengan jalan politik *otoriter* dalam memaksa rakyat untuk taat kepadanya. Tanpa segan Muawiyah memarahi dan memaksa orang ramai untuk tunduk kepadanya apabila mereka enggan. Dengan kelembutannya yang hambar, dia rela memberikan hadiah yang berlimpah (hanya untuk mempertahankan kekuasaannya).

Jika orang ramai tidak mengikut kebijakan Muawiyah, maka dia akan menyelesaikan dengan tajamnya pedang (seperti kes yang dialami oleh Hujr). Selama 40 tahun itu ramai sahabat dan tokoh masyarakat terdedah kepada kematian sekalipun mereka terdiri daripada orang terkemuka yang dihormati oleh Muawiyah.

Dengan keotoriteran yang seperti itu, maka pembai'atan terhadap Yazid tidak mendapat reaksi secara umum. Rakyat lebih memilih diam dan terpaksa merelakan keputusan itu. Namun sebahagiannya tetap mengingkari dan berani menampakkan pengingkaran itu dengan menolaknya.

Adapun Aisyah telah melakukan kerjasamanya untuk tetap tinggal di rumah. Saya (penulis) boleh memastikan bahawa sikap yang diambil Aisyah itu merupakan perlawanan *jihad* yang besar ertinya. Mengapa demikian? Ini kerana dia mampu bertahan pada kedudukan semula jadi, walaupun selalu membangkitkan kemarahannya terhadap amalan busuk di atas.

Sikap ini bukanlah satu kehinaan kerana pada hakikatnya



amalan yang telah melencong dari nilai-nilai Islam itu tetap dilawan oleh Aisyah. Namun yang menjadikan ia dalam kedudukan dilema adalah kebimbangan adanya pertumpahan darah sesama Islam. Darah yang pernah tumpas itu sebagai titisan dari awal perang yang pernah memanaskan jiwa Aisyah, Hal itu sering membayangi dan membuat jiwanya gementar.

Beliau memohon kepada Allah s.w.t agar setiap keburukan tidak selalu dihasilkan dari kebaikan-kebaikan yang diinginkan. Tetapi puak Muawiyah dengan sengaja mengoyak-ngoyak aturan yang sudah teratur. Orang ramai telah memecah-belahkan perpaduan bangsa Arab dan mengetepikan asas mesyuarat.

Persaingan di antara orang ramai selalu dicapai dengan pertumpahan darah. Penyokong Muawiyah mempunyai anggapan bahawa perlantikan Yazid merupakan masalah yang telah mendinginkan kekeruhan suasana sehingga dengan anggapan orang ramai yang terlalu rendah ini mereka menyampaikan hal itu kepada rakyat awam. Ini dilakukan dengan cara pemaksaan kehendak tanpa disedari oleh rakyat bahawa amalan itu tidak benar dan jelas merosakkan dasar yang ada sebelumnya.

Muawiyah telah memerintahkan pembai'atan terhadap puteranya ke pelbagai pelusuk negeri. Marwan yang menjadi Gabenor di Madinah memaklumkan pembai'atan itu di atas mimbar Rasulullah s.a.w, namun hal itu mendapat reaksi yang cukup keras dari berbagai tokoh terkemuka, di antaranya adalah Abdurrahman bin Abu Bakar saudara kandung Aisyah. Dia dengan tegas menolak sikap Marwan tersebut dan dengan lantang berkata:

"Demi Allah, wahai Marwan! Kamu beserta Muawiyah telah

berbuat perkara yang dusta. Tidak boleh hal itu dilaksanakan dan diamalkan dalam negara Islam. Janganlah kalian membawa cara-cara kerajaan Rom kepada kami, jika Heraclius yang pertama mati, akan digantikan dengan Heracius-heraculius yang baru tanpa sebarang mesyuarat dan kesepakatan rakyat. Kalian telah mendatangi kami dengan cara kekasaran dimana kalian akan mewariskan kekuasaan itu kepada anak-anak kalian.”

Marwan menjawab: “Ini adalah contoh dari amalan yang pernah dilakukan oleh Abu Bakar dan Uthman.”  
Abdurrahman menjawab: “Tidak ada! Tetapi itu adalah bentuk pemerintahan kekasaran. Buktinya Abu Bakar tidak mewariskan kekuasaannya kepadaku sebagai anaknya, demikian juga Umar Ibn Al-Khathab tidak mewariskan kekuasaannya kepada Abdullah yang menjadi anak lelakinya.”

Dengan kemarahan yang semakin memuncak, dengan lantang Marwan berkata kepada rakyat awam: “Wahai rakyat sekalian! Inilah yang diisyaratkan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Orang yang mengatakan kepada kedua orang tuanya, ah! Aku arahkan segera keluar.”*

Ketika itulah kesabaran Aisyah hilang dari pengendalian di mana ia mendengar perbalahan antara keduanya dari biliknya, manakala ia melihat Marwan memanjang huraian Al-Quran sehingga membuatnya berkata: “Patutkah putera Abu Bakar As-Siddiq menerima cacian sehinia ini? Perhatikan oleh kalian semua.”

Setelah orang ramai memusatkan pandangan kepada

Aisyah, dia berkata dengan lantang: "Wahai Marwan! Demi Allah, kamu telah berkata dusta kerana ia tidak seperti yang kamu tuduh itu. Dia adalah orang yang sudah mempunyai *Nasab* yang baik sejak zaman Rasulullah s.a.w, sebaliknya baginda telah melaknatmu dan bapamu. Kamu adalah bahagian dari laknat Tuhan."

Wahai Ibn Zarka' apakah kamu mentakwilkan Al-Quran kepada kami? Seandainya aku tidak melihat manusia seakan-akan puak yang gementar nescaya aku akan memberikan kesaksian dari akarnya. Marwan menjawab Tidak ada satupun orang di antara kita pada saat ini.

Marwan segera mendatangi Aisyah dengan wajah yang menyala-nyala dan ia memaksa untuk melakukan bai'at. Kerana dalam soal perlantikan bukanlah sesuatu yang melanggar syariat. Aisyah memandang bahawa hal itu merupakan tindakan ancaman, ugutan dan pemaksaan.

Dia tetap tidak mahu mengikut kehendak Marwan untuk membai'at Yazid. Perkara ini dihadapi oleh Marwan dengan sombong di mana ia menyakiti saudaranya tanpa alasan yang benar, sedangkan dia adalah orang yang dihormati oleh Aisyah dan sesuai dengan peraturan bahawa seorang Muslim tidak benar melakukan tindakan buruk terhadap sesiapa pun.

Tetapi sebaliknya, apa yang telah dilakukan oleh Marwan terhadap ajaran-ajaran Allah s.w.t. Tidak hanya Aisyah malah wanita lain pun tidak akan diam dalam menghadapi tindakan-tindakan Marwan yang sewenang-wenangnya. Dia melakukan *ketaksuban* dengan cara pemaksaan. Abdurrahman bin Abu Bakar menolak dari melakukan pembai'atan itu. Demikian pula yang dilakukan oleh Husain

bin Ali, Abdullah bin Zubair, Abdullah bin Umar Ibn Al-Khattab dan para penduduk Hijaz.

Marwan mengadu peristiwa tersebut kepada Muawiyah dan Muawiyah berkeinginan untuk mengunjungi Madinah dalam rangka membuktikan apa yang dilaporkan oleh Marwan. Ketika dia sampai di Madinah, dia ditolak oleh penduduk tempatan di antaranya adalah Abdullah bin Umar Ibn Al-Khattab, Abdullah bin Zubair, Husain bin Ali dan Abdurrahman bin Abu Bakar.

Apa yang lebih parah lagi adalah caci-maki yang dilontarkan oleh Abdurrahman bin Abu Bakar dan beliau berkata bahawa tidak ada kata selamat datang untukmu wahai Muawiyah. Demikian pula yang dilakukan oleh Husain bin Ali dan Abdullah bin Zubair. Berbeza halnya dengan apa yang dilakukan oleh Abdullah bin Umar Ibn Al-Khattab di mana dia berkata bahawa dirinya tidak masuk campur dalam urusan tersebut.

#### **(E) MUAWIYAH R.A. DI RUMAH AISYAH R.A.**

Muawiyah memasuki Madinah kerana ingin mengurangkan rasa kemarahan dan cemas yang menyelimuti diri Aisyah terhadap masalah dirinya yang disifatkan telah melakukan perbuatan *bid'ah*, kerana beliau sangat benci terhadap perbuatan *bid'ah* dalam Islam. Ia diikuti oleh rakyat yang dahulunya pernah menentang Uthman. Kemarahan Aisyah dan rasa tidak senangnya terhadap Muawiyah memberi sokongan moral dan mental kepada keempat sahabat Rasulullah s.a.w yang berada di Hijaz.

Muawiyah adalah salah seorang yang sentiasa bersiap-sedia terhadap sebarang perkara buruk yang akan terjadi.

Kekuatan orang ramai tidak dapat menandingi kekuatan Muawiyah. Hal ini kerana Muawiyah sentiasa mempunyai perspektif politik (wawasan politik) yang jitu yang dapat menjangkakan jumlah kekuatan lawan, sekiranya kekuatan yang ada pada lawannya memadai, maka ia sentiasa akan menambahkan kekuatannya dengan berbagai cara.

Muawiyah r.a. bermaksud ingin melunakkan kegelisahan Aisyah r.a. terhadap dirinya kerana ia dipandang untuk menewaskan saudara Aisyah iaitu Muhammad bin Abu Bakar dengan cara yang keji. Usaha ini ditempuh untuk melanjutkan usaha sebelumnya yang tidak membuahkan hasil seperti menyejukkan suasana keruh dengan mengutus salah seorang tokoh Bani Umayyah.

Seperti mana sikapnya terhadap Hujr bin 'Adi serta sahabat-sahabatnya, maka ia juga tidak membuahkan sebarang hasil. Tidak hairanlah betapa besarnya gelojak yang ada dalam hati Aisyah kepada Muawiyah. Tetapi ia tetap berusaha menahan marah dan dendam, hal ini semakin teruk dengan kehadiran Marwan yang memaksa saudara lelakinya yang bernama Abdurrahman bin Abu Bakar untuk membai'at Yazid bin Muawiyah sebagai putera mahkota atau raja muda seperti huraian di atas.

Muawiyah sangat susah hati terhadap apa yang tersimpan dalam hati Aisyah itu meluap dan tumpah hingga terjadi peperangan baru. Muawiyah inginkan suasana yang damai menjelang kematiannya. Ekoran dari itu, dia melantik puteranya yang bernama Yazid dengan cara mencari sokongan dari berbagai golongan sahabat Rasulullah s.a.w, bermula dari golongan Muhajirin, Ansar dan ahli Syura yang ada sebelumnya.

Dengan semua usaha ini Muawiyah ingin melunakkan

rakyat yang sukar untuk ditakluk olehnya. Dia sudah menjangkakan bahawa apabila ia menziarahi Aisyah pasti mendapat sambutan yang hangat. Lalu ia mendatanginya dengan diiring rakyat Syam dengan meminta kebenaran terlebih dahulu.

Namun Aisyah hanya membenarkannya datang seorang diri tanpa membawa seorang pengawal pun. Pada ketika itu, Aisyah ditemani oleh Maulanya yang bernama Zikwan. Ketika Muawiyah duduk di tempatnya, Aisyah menitiskan airmata sambil berkata:

*“Wahai Muawiyah! Apakah kamu boleh memberi rasa aman apabila aku duduk dengan seseorang (pembantu) lalu aku menewaskanmu seperti kamu menewaskan saudaraku Muhammad bin Abu Bakar?”* Soalan tersebut merupakan teguran yang keras.

Seperti mana yang pembaca maklum dan memang telah menjadi watak ramah Muawiyah seperti yang telah nampak dalam realiti Muawiyah dengan serta-merta membalas teguran itu. Ia tidak merasa terperanjat, bahkan dia menjawab dengan lunak dan bersahabat. Dia berkata: *“Wahai Aisyah, puan tidak mungkin akan melakukan perbuatan seperti itu.”* Aisyah bertanya: “Kenapa?” Dia menjawab: *“Kerana aku berada di rumah yang sangat aman iaitu rumah Rasulullah s.a.w.”*

Kekerasan sikap Aisyah dan kemarahannya segera menurun. Aisyah kemudiannya memuji Allah s.w.t, menyebut Rasulullah s.a.w dan Abu Bakar serta Umar Ibn Al-Khattab. Dia menegur dan menyuruh agar Muawiyah mengikut jejak keduanya. Setelah itu Aisyah diam. Muawiyah sebenarnya ingin menjawab soalan Aisyah r.a.

tersebut tetapi tidak melakukannya, kerana takut tidak boleh menyampaikan hal yang mustahak kepada Aisyah dan tanpa sebarang persiapan, maka timbullah masalah baru yang terjadi kepadanya. Kemudian dia berkata: “Demi Allah s.w.t, wahai *Ummu Al-Mukminin* yang alim, tunjukkanlah kebenaran kepadaku dan perintahkanlah aku untuk melakukan apa yang menjadi bahagianku (kewajipanku). Puan adalah orang yang paling pantas untuk mentaati perintah dan mendengar nasihatnya.”

Muawiyah berkata: “Masalah Yazid adalah masalah yang sudah pasti kerana semua rakyat sudah membai’at dan meletakkan bai’at orang ramai di atas bahu. Mereka telah memberikan janji terhadap hal itu dan apakah orang ramai merosakkan janji dan kepercayaan mereka sendiri?”

Ketika Aisyah mendengar pertuturannya, ia sedar dan mengerti bahawa Aisyah tetap *konsisten* terhadap kebijaksanaan asalnya. Oleh kerana itulah, Aisyah mewasiatkan kepadanya tentang orang-orang yang berlawanan dengan Muawiyah termasuklah Abdurrahman bin Abu Bakar dan sahabat-sahabatnya.

Lalu dia berkata: “Apakah kamu tidak ingat tanpa perjanjian dan kepercayaan yang telah diberikan oleh orang ramai, bertaqwalah kepada Allah s.w.t dalam menyatukan keluarga dan jangan tergesa-gesa, semoga mereka tidak melakukan sesuatu kecuali seperti apa yang aku suka.”

Ketika Muawiyah berdiri, Aisyah mengingatkan perbuatan-perbuatan jahatnya yang dilakukan terhadap Hujr dan sahabatnya. Ini merupakan teguran kepada Muawiyah yang keras. Aisyah berkata, “Wahai Muawiyah, ingatlah bahawa kamu telah membunuh Hujr dan sahabat-

sahabatnya yang merupakan ahli ibadah dan *mujtahid*.”

Muawiyah menjawab: “Tinggalkanlah ini wahai Aisyah, Macam mana mungkin aku melakukan hal itu ketika aku berada di rumah?” Aisyah menjawab: “Berbuat baik.” Muawiyah menjawab, “Tinggalkanlah kami dan orang ramai hingga kami bertemu dengan Tuhan kami.”

Demikianlah perbincangan yang terjadi antara khalifah yang licik iaitu Muawiyah dengan Aisyah *Ummu Al-Mukminin*. khalifah tersebut mendapat kecaman yang hebat dari Aisyah yang sememangnya patut diterima oleh khalifah itu. Lalu Muawiyah keluar bersama pembantu Aisyah yang bernama Zikwan.

Sambil berjalan Muawiyah menepuk tangan Zikwan dan berkata, “Demi Allah, aku tidak pernah melihat ucapan Aisyah yang lebih hebat daripada sekarang semenjak dia ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w.”

Terdapat dua perkara penting dalam perbincangan di atas. Pertama ialah alasan Muawiyah dan yang kedua kedudukan Aisyah yang mula menerima Muawiyah. Saya (penulis) menjelaskan bahawa Aisyah sama sekali tidak menerima Muawiyah, hal ini terbukti ketika dia ditanya tentang perbuatan yang dibencinya dan menjawab ini adalah sebahagian dari takdir Tuhan.

Namun, perbincangan tadi mencerminkan betapa Aisyah telah mengasingkan diri dari pentas politik sebagaimana disebut sebelumnya.

Muawiyah mengerti akan hal itu dari Aisyah sehingga kedua-duanya berusaha untuk memperbaiki hubungan.



Perjumpaan berikutnya, terjadi di Mekah di mana Muawiyah mengunjunginya untuk memberi jawapan dan alasan yang logik mengenai pembunuhan Hujr dan sahabatnya. Setelah pertemuan itu, kedudukan Muawiyah menjadi lebih tenang. Dia ingin segera menemui keempat sahabat Rasulullah s.a.w, namun orang ramai tetap enggan membai'at Yazid.

Ia memerintahkan mereka untuk tidak mengetepikan perkara itu setelah ia mendatangi Aisyah dan merasa aman di sisinya. At-Tabari menjelaskan bahawa Muawiyah telah mengirinkan wakil khas untuk menemui keempat sahabat tersebut sedangkan mengenai Ibn Abbas, ia menemuinya secara peribadi dan berkata:

“Wahai putera saudaraku, rakyat sudah meletakkan kepercayaan dalam masalah khalifah kepada Yazid kecuali lima golongan termasuk kamu, kamu adalah orang yang paling mempunyai pengaruh. Lantas apa tujuanmu ini?”

Masing masing keluar daripada terjebak dalam perbezaan itu dan tetap tidak mahu membai'at seperti yang telah diarahkan Muawiyah, kecuali bagi Abdurrahmann bin Abu Bakar.

Muawiyah menemuinya dan berkata: “Wahai putera Abu Bakar, dengan tangan dan kaki yang mana kamu melakukan pengingkaran kepadaku?” Abdurrahman bin Abu Bakar menjawab dengan jelas dan berkata: “Aku hanya berharap hal itu menjadi kebaikan bagiku.”

Muawiyah berkata: “Demi Allah, aku berat hati apabila aku membunuhmu.” Abdurrahman menjawab: “Jika kamu melakukan perkara itu, nescaya Allah s.w.t akan

melaknatmu di dunia dan di akhirat kamu akan dimasukkan ke dalam neraka.”

Keempat keluarga itu ke Mekah untuk melakukan mesyuarat. Ketika menjelang musim haji Muawiyah keluar menuju ke Mekah untuk melaksanakan ibadah Haji. Sebahagian dari masyarakat menilai positif dan berkata “Semoga Muawiyah benar-benar bertaubat, oleh kerana itu terimalah ia dan orang ramaipun menerimanya.”

Ketika Abdullah Ibn Umar Ibn Al-Khattab masuk, Muawiyah berkata: “Selamat datang wahai putera Al-Faruq, berilah kenderaan untuknya.” Dia berkata kepada putera Abu Bakar: “Syabas, tahniah wahai putera As-Siddiq dan berikan untuknya kenderaan.” Dia berkata kepada Abdullah bin Zubair: “Selamat datang wahai putera kesayangan Rasulullah s.a.w dan berikanlah untuknya kenderaan.” Demikian juga yang dilakukan kepada Husain bin Ali.

Hadiah itu diberikan kepada tokoh terkemuka di tengah-tengah rakyat dan ia berlaku baik terhadap mereka. Setelah semuanya terjadi, maka sebahagian orang ramai berkata siapa yang akan mengemukakan soalan? Orang ramai mempersilakan Husain, tetapi dia tidak mahu.

Setelah itu, orang ramai mengajukan Ibn Zubair dan berkata: “Kamu adalah kawan kami dan dijawab oleh Ibn Zubair, kamu berjanji dengan janji Allah kepadaku, kenyataan tidak berguna kecuali kalian mengikut jejakku untuk membai’atnya.”

Dia mengambil janji orang ramai dan bersama-sama menemui Muawiyah dan ketika dia menyuruh untuk membai’at Yazid, maka orang ramai semua diam.

Walaupun ia berkata, "Turutilah kehendakku sebanyak dua kal." Maka orang ramai tetap diam. Muawiyah berkata kepada Ibn Zubair, "Lakukanlah sekali lagi kerana kamu adalah sahabat orang ramai."

Ibn Zubair berkata, "Inilah satu di antara jalan keluar bagi kami. Dia menjawab: "Benar." Ibn Zubair berkata: "Jika kamu melakukan kebijaksanaan seperti Rasulullah s.a.w, maka tidak seorang pun akan menentangmu, jika kamu mencontohi Umar Ibn Al-Khattab, maka kamu tidak boleh mengetepikan orang-orang Quraisy untuk duduk di dalam struktur pentadbiran pemerintahan dan jika kamu mencontohi Umar Ibn Al-Khattab, nescaya kamu melantik jawatankuasa Syura yang memiliki ahli 6 orang di kalangan Quraisy."

Muawiyah menjawab: "Apakah kalian tidak mendengar, aku menyuruh kalian untuk tunduk kepadaku dan aku tidak suka memaksa kalian sebelum segalanya aku jelaskan kepada kalian. Jika aku tidak melakukan penjelasan kepada kalian, maka kalian menentangku dan melemparkan kesalahan kepadaku. Aku bersedia menerangkan semua persoalan agar kalian tidak menentangku hingga akhirnya semuanya menjadi jelas. Jika aku benar, maka rakyat berhak atas kebenaran itu dan jika aku berdusta, maka aku selalu mempertanggungjawabkan pembohonganku. Demi Allah! Tidak seorang pun yang berani atas masalah itu, kecuali aku akan memukul tengkuknya."

Muawiyah mengutus dua orang wakil, dia berdiri dan berkata: "Sesungguhnya Abdullah bin Umar Ibn Al-Khattab, Abdullah bin Zubair, Husain bin Ali dan Abdurrahman bin Abu Bakar telah melakukan pembai'atan dan oleh kerana itu kalian segera melakukannya juga."

Setelah itu, dengan serta-merta semua rakyat melakukan pembai'atan juga. Setelah berakhir pembai'atan, ia menunggang kudanya dan meninggalkan tokoh terkemuka tersebut menuju Syam. Namun dengan kepulangannya, rakyat mencela mereka yang telah melakukan pembai'atan dan berkata, "Demi Allah! Pada hakikatnya kami tidak mahu membai'at, tetapi semuanya sudah terlanjur dan terpaksa melakukan."

Pada dasarnya, pertemuan kali kedua yang terjadi antara Muawiyah dengan Aisyah di Mekah, disebabkan kerana pertemuan kali pertama tidak membuahkan sebarang kejayaan. Aisyah tetap mencelanya berhubung dengan pembunuhan saudaranya sendiri dan Hujr.

Mengikut riwayat At-Tabari, Aisyah berkata ketika Muawiyah memasuki rumahnya: "Wahai Muawiyah! Apakah kamu merasa aman apabila aku menyembunyikan orang yang hendak membunuhmu?" Muawiyah berkata: "Rumah yang aku masuk ini adalah rumah yang aman."

Aisyah bertanya: "Wahai Muawiyah! Apa yang kamu takutkan kepada Allah berkenaan dengan pembunuhan Hujr dan para sahabatnya? Di mana kelembutanmu selama ini?" Dia menjawab: "Aku tidak membunuhnya dan orang yang telah membunuhnya adalah orang yang bersama dengan orang ramai dan aku belum mempunyai syak kepada siapakah yang telah melakukan itu."

Pada pandangan saya (penulis), faktor yang telah mempengaruhi Muawiyah adalah kerana Aisyah tidak ingin menampakkan kenyataan itu apabila ia berada di Mekah. Ia memberi maklum balas kepada Muawiyah dengan melakukan kekejian. Jika ia menyakiti dan menyiksa

saudaranya Abdurrahman dan teman-temannya. Dari faktor itulah, ia mengerti apa yang selalunya dilakukan kepada kedua orang tersebut.

Muawiyah meninggalkan keempat sahabat itu dan tindakan selanjutnya adalah merasmikan perlantikan Yazid secara perlahan-lahan. Dia yakin akan mendapat sokongan dari orang ramai dalam hal itu. Ketika ia merasa adanya kelemahan dan akan membangkitkan perselisihan, maka ia segera mewasiatkan kepada anaknya:

“Wahai anakku, aku telah cukup dalam memperjuangkan kamu. Aku telah mengunjungi ramai tokoh Arab dan menyatukan wawasan mereka untukmu, aku tidak bimbang mereka akan menjejaskan (menentang dirimu) kecuali 4 golongan orang Quraisy iaitu: Husain bin Ali, Abdullah bin Umar Ibn Al-Khattab, Abdullah bin Zubair dan Abdurrahman bin Abu Bakar.”

Adapun Abdullah bin Umar Ibn Al-Khattab adalah orang keras dan kuat dalam menegakkan ibadah dan tidak berpengaruh dalam politik. Husain bin Ali adalah orang yang mempunyai pengaruh terhadap rakyat Iraq dan apabila kamu akan selamat jika berjaya mengeluarkannya dari wilayah itu.

Sedangkan Abdurrahman bin Abu Bakar adalah orang yang apabila melihat sahabat-sahabatnya berbuat sesuatu, maka dengan mudah ia akan mengikutnya dan tidak ada yang disukainya melainkan wanita dan hiburan yang lain.

Adapun orang yang akan menerkanmu seperti serigala, memperdayakanmu seperti seekor rusa adalah Abdullah bin Zubair. Jika ia berbuat demikian, maka segeralah kamu

mengambil keputusan dengan serta-merta (iaitu membunuhnya).”

Saya (penulis) dapat memastikan bahawa wasiat itu diberikan sebelum tahun 57 Hijrah. Oleh kerana itu adalah tidak logik apabila ia menyampaikan wasiat itu kepada anaknya.

Adapun wasiat yang kedua, boleh dikaitkan kepada Abdurrahman. Jika wasiat itu terjadi setelah wafatnya sekitar tahun 67 Hijrah di mana ketika itu Muawiyah sakit dan kemudian membawa kepada kematian.

Iman At-Thabari menjelaskan ketika Muawiyah meninggal dunia pada tahun 67 Hijrah, maka Yazid tidak berada di sampingnya. Ketika itu muawiyah memanggil pengawalnya, Dhahhak Bin Qa'is Al-Fahri dan Muslim bin 'Uqbah Al-Muri dan ia mewasiatkan sesuatu kepada kedua orang tersebut seperti berikut:

*“Sampaikanlah wasiatku ini kepada Yazid bahawa dia hendaklah selalu waspada kepada rakyat Kufah, aku tidak bimbang kepada golongan Quraisy kecuali 3 golongan, iaitu: Husain bin Ali, Abdullah bin Umar Ibn Al-Khattab dan Abdullah bin Zubair.*

*Mengenai Ibn Umar Ibn Al-Khattab itu, hendaklah diawasi kerana ia adalah orang yang taat kepada ajaran agama dan susah dipengaruhi. Sedangkan Husain bin Ali adalah orang yang lemah-lembut dan aku berharap kepadamu agar cukup dengan orang yang telah menewaskan ayahnya dan merendahkan saudaranya.*

*Dia adalah orang yang penuh belas-kasihan dan termasuk*

*kerabat Rasulullah s.a.w. Aku tidak berani memastikan bahawa rakyat Iraq akan meninggalkannya dan mengeluarkannya dari wilayah itu. Jika kamu boleh memaafkannya, maafkanlah kerana jika aku saudaranya, nescaya aku akan memaafkannya."*

Sungguh tajam wawasan politik Muawiyah, kerana ia mampu menyelami dan mengetahui segala aspek yang mempengaruhi jiwa rakyat, maklumat mengenai orang ramai dan masalah wilayah yang akan dikuasainya.

Itu semua diperolehinya bagaikan ia membaca dari lembaran buku dan melihat sendiri realiti yang terjadi. Pandangannya mampu menembus masalah pelik yang kernungkinan besar akan terjadi sesudahnya. Oleh kerana itu, ia akan menghalang akar yang setiap saat boleh bergelojak dan keberkesanan tipu dayanya sangat hebat.

Aisyah r.a. wafat di antara kurun waktu tersebut iaitu sekitar tahun 58 Hijrah. Ahli sejarah mengatakan bahawa Aisyah terbelenggu oleh perasaan susah. Ketika menjelang kernatiannya, dia ditanya, "Mengapa puan bersedih wahai *Urr'mu Al-mukminin!* Sedangkan puan adalah isteri Nabi, Ibu umat Islam dan puteri terbaik Abu Bakar? Beliau menjawab: "Sesungguhnya perang Jamal mengantung di kerongkongku, tetapi semoga aku boleh melupakan semua itu."

%%%%%%%%%



# 6

**AISYAH DALAM  
PERPISAHAN**





## FASAL PERTAMA

### (A) ANGGAHAN UMUM TERHADAP KEHIDUPAN AISYAH R.A.

**M**elihat majoriti umat manusia yang berpaling dari ajaran Nabi Muhammad s.a.w dan sahabatnya, Aisyah berperanan mengubah kesemua itu dengan saranan yang dilakukannya.

Hal ini dapat pembaca saksikan dengan sikapnya ketika terjadi kes yang menimpa Uthman di mana dia tidak segan untuk mengkritiknya, menolak perbuatan mungkar sekalipun terhadap tokoh terkemuka.

Namun, usahanya dijadikan peluang emas oleh penghasut umat Islam. Penolakan Aisyah tetap dilakukan hingga akhirnya dia syahid. Dia memandang bahawa permusuhan rakyat ditujukan kepada Uthman sangat melampau. Ia menunggu dilakukan *qisas* terhadap sesiapa yang melakukan pemberontakan dan pembunuhan sehingga menewaskan Khalifah Uthman, tetapi apa yang diharapkan olehnya ternyata tidak pernah tercapai. Faktor inilah yang mendorong Aisyah melakukan pemberontakan.

Dia mahu agar darah Uthman yang tumpah dengan sia-sia itu mendapat tumpuan khalifah sesudahnya. Kemudian beliau bangkit untuk menuntut darah itu. Lalu ia menuju ke Basrah mengajak rakyat bangkit bersama-sama. Pada pandangannya adalah suatu kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan. Kerana, jika tidak dilakukan sebarang tindakan, maka bererti telah mempermainkan hukum Allah s.w.t serta mengetepikan hukum-hukum yang ada dalam Al-Quan.

Bersama-sama penyokongnya, beliau bangkit menegakkan perdamaian tetapi apa yang terjadi tidak sesuai dengan tujuan asal. Beliau tidak menyedari bahawa di sebalik usaha yang dilakukan itu terdapat penghasut dari golongan Saba'iyun yang bertujuan menghancurkan Islam dari dalam sehingga akhirnya terjadilah peperangan Jamal.

Perbalahan antara *kemustahakan* akhirnya tidak dapat direlakan lagi dari penyokong Aisyah dan penyokong Ali. Beribu-beribu liter darah tumpah sama ada dari penyokong Aisyah mahupun penyokong Ali. Aisyah menyedari kesalahannya sehingga saki-baki hidupnya diperuntukkan untuk bertaubat, menangis dan meminta ampun kepada Allah s.w.t. Penyesalan ini terus menghinggapi dada Aisyah sehingga dia meninggal dunia.

Namun sebahagian dari penyokongnya, menilai amalan tersebut sebagai langkah yang positif di mana ramai yang mengharapkan kata-kata nasihat dan peranannya. Fenomena ini berlanjutan hingga timbullah berbagai kajian yang semakin berkembang.

Hal itu banyak dikaji dalam berbagai forum diskusi dan forum perbincangan yang tiada hentinya di kalangan orang ramai. Orang ramai menerima persoalan Aisyah bahawa ada satu uzur yang menjadikan Aisyah berperang. Namun pada satu aspek yang lain, terdapat puak yang mengkritik dengan caci-maki bahkan pengkafiran.

Dengan kematian Aisyah, bukan bererti kesan dan pengaruh Aisyah sudah pudar. (Penulis) mendapati adanya pengaruh tersebut dalam 4 kategori iaitu:

1. Pada masa hidupnya.

2. Pada masa wafatnya.
3. Pada masa unsur kehidupannya.
4. Pada masa selepas kematiannya.

Dalam konteks ini, ramai yang membuat penilaian terhadap pola kehidupan politiknya. Kiranya pembaca masih ingat bagaimana tokoh Basrah menyambut kedatangan Aisyah, yang bukan hanya setakat komen Zaid bin Sauhan dan Ahnaf bin Qais dan kawannya. Ada juga sebahagian puan yang beranggapan terhadap keluarnya Aisyah adalah sebagai perkara keji.

Ketika sebahagian pasukan peperangan, contohnya ketika salah seorang penyokongnya terluka yang berasal dari Bani Dhabbah, maka Juraih melakukan penyelidikan dan menyampaikan *bait-bait* yang akan disebutkan sebagai bentuk realiti dari pandangan umum penyokongnya. Adapun *bait-bait* itu seperti berikut:

“Kematian dan medan peperangan telah menghinggapi kami dan ibu kami. Kami tidak ada alternatif lain kecuali sepakat untuk menghadapinya. Pertolongan dan sokongan Bani Dhabbah kepada ibu adalah salah satu jalan alternatif, apakah kita harus taat kepada Bani Tim bin Murrah dalam jurang kehancuran, sedangkan mereka adalah kumpulan hamba yang tidak berpengalaman.”

Dalam konteks ini, Umi Ka'ab bin Zur seorang Gabenor Basrah keluar dan di bahunya ada lafaz Mushaf. Ketika itu mereka membunuhnya dan membunuh 3 atau 4 saudara yang keluar bersamanya. Setelah Umi Ka'ab berada di tengah-tengah mereka dia bersyair seperti berikut:

“Wahai kelembutan yang berasal dari titisan air mata, apakah ia akan membuahkan fitnah di kalangan orang Arab? Tidak ada yang menghilangkan keperibadian meskipun diketuai oleh orang Quraisy yang berpengalaman.”

Diriwayatkan dari Al-Mas'udi bahawa salah satu telinga orang Kufah dipotong dan dikatakan kepadanya pergilah karnu menemui Aisyah dan jika dia bertanya siapa yang melakukan ini, maka Amir bin Ahlab menjawab bahawa dia telah tertipu oleh seorang wanita yang pada hakikatnya ingin menjadi seorang *Amir Al-Mukminin*.

Ramai tokoh agama yang telah merampas kebenaran dari perigembaraan politik Aisyah. Mereka tidak membincangkan kecuali menyisihkan Aisyah. Salah seorang di antara mereka adalah Ahmad menceritakan kami yang diriwayatkan dari Hakim bin Hafflah, iaitu bapa saudara sesusuan Aisyah.

Said bin Hikam mendatanginya dan ingin masuk menemui Aisyah untuk bertanya masalah witr yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Namun Hakim tidak mahu dan ia berkata: “Aku bukanlah orang yang dekat dengannya dan aku telah mencegahnya untuk memberikan komen terhadap masalah kedua kelompok. Dia telah menyetujui sarananku ini.”

Pada hakikatnya, sebahagian penyokong Ali telah merisik dan akhirnya mengesan sikap Hakim itu. Sa'id Bin Hisyam mendatangi Ibn Abbas untuk bertanya masalah witr yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Namun Ibn Abbas mengalihkan hal itu kepada Aisyah sambil berkata: “Bukankah aku telah menjelaskan kepadamu tentang orang yang lebih mengerti mengenai hal itu. Oleh itu, pergilah Aisyah dan bertanyalah kepadanya. Kemudian

kamu datanglah kepadaku dan sampaikanlah hal itu kepadaku.”

Pada dasarnya, Ibn Abbas mampu menjawabnya tetapi dia lebih suka berdialog dengan Aisyah dan sebetulnya tidak ada halangan antara dia dengan Aisyah meskipun terdapat orang seperti yang telah saya paparkan sebelumnya kepada para pembaca sekalian.

Namun yang terjadi adalah kecuiaan yang dilakukan oleh sebahagian kelompok yang melemparkan sikap keras kepada Aisyah dan tidak cukup mereka mendengarkannya di sebalik kamarnya, bahkan mereka dengan lantang masuk ke kamarnya, meskipun dia sendiri tidak senang atas perbuatan itu yang masih diliputi oleh perasaan menyesal, menangis dan selau meminta maaf kepada Allah.

Anehnya mereka memang sejak awal benci kepada Aisyah, bahkan mengkritik terhadap keluarnya Aisyah dari rumahnya. Mereka melemparkan tuduhan tanggungjawab kepadanya mengenai tertumpahnya darah yang sia-sia itu dan tidak mampu menggambarkan secara objektif dalam menghuraikan hal itu. Tentu dapat dibayangkan bagaimana mental yang menyelimuti Aisyah pada waktu kala itu sebagai seorang wanita.

Ummi Afi (seorang hamba wanita) masuk menemui Aisyah dan bertanya, “Wahai *ummu Al-Mukminin*! Apa yang puan mahu katakan terhadap seorang wanita yang sampai hati membunuh anak kecilnya sendiri?” Aisyah menjawab: “Dia pasti masuk neraka.” Dia bertanya lagi, “Lantas apakah yang hendak puan katakan terhadap seorang wanita yang sampai hati membunuh anak-anaknya sendiri yang telah

besar dan mencapai 20,000 orang dalam satu waktu sekali gus?" Mendengar soalan itu, Aisyah menjadi bingung untuk menolak jawapannya dan dia terpaksa menjawabnya "Seksalah dia seperti menyiksa musuh-musuh Allah."

Tidak ada salahnya apabila saya (penulis) mengulas semula tentang betapa banyak permusuhan yang ditujukan kepada Aisyah, sedangkan mereka memuliakannya dan berlumba-lumba untuk mendapatkan saranan dan nasihat yang terbaik darinya, meskipun ia berlaku buruk kepada mereka.

Saya ingin mengulas semula terhadap tanggapan sebahagian sahabat yang bersikap demikian, di antaranya adalah Khalifah Ali dan orang-orang yang menyokongnya. Tentunya pembaca tahu bahawa tidak ada seorang pun yang mempunyai keluasan untuk menuduhnya. Seperti yang disebutkan sebelumnya, betapa sikap hormat yang dilakukan oleh Ali terhadap Aisyah. Di antaranya adalah komennya yang mengatakan Aisyah sebagai kekasih Rasulullah s.a.w.

Di antaranya lagi adalah 'Imar yang menemui Aisyah dan berkata, "Wahai ibu," tetapi Aisyah menolaknya dan berkata, "Aku bukan ibumu." Kemudian 'Imar menjawab, "Ya, meskipun puan membenciku." Kemudian 'Imar mendatangi seorang lelaki yang berada di samping Aisyah dan tidak dapat berkata lain kecuali, "Bersembunyilah kamu kerana kamu adalah orang yang dicaci-maki dan anak zina. Apakah kamu akan menyakiti kekasih Rasulullah s.a.w dan ingatlah bahawa dia isteri Nabi di syurga."

Adapun mengenai kehidupan keluarganya, Aisyah tetap tidak mengetepikan daya kritiknya terhadap mereka. Meskipun

mereka tidak sekeras yang dikritikkan kepadanya, tetap berusaha untuk merealisasikan dalam praktik kehidupan seharian mereka. Mereka tetap dalam keadaan yang tidak terlalu serius dan diselangi dengan senda gurau yang membungkus daya kritik Aisyah seperti yang terjadi pada persekitaran keluarga lainnya.

Pada suatu hari, kedua hamba sahaya Abdullah bin Abbas dan hamba sahaya Aisyah bertengkar dan Aisyah pun mendengar khabar tersebut. Dia kemudian keluar dari rumahnya dengan menaiki kenderaannya Bighal (seperti kuda tetapi lebih kecil). Dia bertemu dengan Ibn 'Athik yang juga cucu lelaki dari saudaranya, iaitu Abdurrahman.

Anak itu bertanya kepadanya, "Wahai ibu! Ke manakah engkau hendak pergi?" Dia menjawab: "Aku mendengar kedua hamba sahayaku dan hamba Ibn Abbas bertengkar, kerana itulah aku keluar untuk mendamaikan di antara mereka." Dia berkata lagi, "Aku kecewa, apabila engkau tidak kembali ke rumahmu!" Aisyah bertanya, "Apa maksudmu dari semua ini?" Dia menjawab: "Kerana ternyata hari di mana perang Jamal terjadi, akan kembali lagi terjadi pada hari ini (hari Baghal, kerana Aisyah menaiki Baghal).

Ketika Hasan bin Ali meninggal dunia, dia telah mewasiatkan untuk dikuburkan di samping Rasulullah s.a.w sekiranya mendapat izin dari Aisyah dan ternyata Aisyah memberinya izin. Namun ketika hendak melakukan itu, Marwan dan orang-orang yang berasal dari puak dari Bani Muawiyah keluar untuk mencegah perkara tersebut dan hampir terjadi lagi fitnah yang sedikit sebanyak akan memakan mangsa. Al-Ya'kubi meriwayatkan, aku tidak dapat membayangkan apa yang akan terjadi, jika Aisyah tidak



birnbang terjadi fitnah seperti yang lalu.

Seperti mana yang sidang pembaca maklum bahawa pada ketika itu ia sedang menunggang baghal berwarna kelabu berkata, "Rumahku tidak lagi aku izinkan seorang pun yang masuk." Kemudian dia didatangi oleh putera saudara lelakinya yang bernama Qasim bin Muhammad dan berkata: "Wahai ibu! Kita belum selesai memandikan mayat yang bergelimpangan akibat peperangan Jamal, apakah puan mahu menambah lagi dengan kejadian yang serupa hari ini?"

Inilah sebahagian hilangnya sesuatu yang sia-sia yang ditunjukkan oleh Aisyah kepada mereka termasuk kekuatan yang masih tersisa dari dalam dadanya. Mereka belum berani memastikan bagaimana kekuatan yang tersisa dari penyesalannya dengan trauma sebelumnya.

Sebenarnya ia mempunyai hak untuk dihibur oleh mereka dalam menghilangkan penyesalan dan kerugiannya selama ini. Ini adalah satu bukti bahawa Aisyah masih mampu melawan Marwan dan puak Muawiyah secara kekerasan, seandainya ia tidak mempertimbangkan kerugian yang akan ditanggung seperti kes peperangan sebelumnya.

Aisyah telah meninggal dunia. Begitu besar kesedihan yang dialami oleh orang-orang sekitarnya lebih lama dari 50 tahun ke depan. Hal itu mereka rasakan, kerana tidak ada lagi seseorang yang mengajarkan dan menunjukkan mereka hadis dan sejarah yang dialami oleh Rasul mereka. Beliau adalah *figur* seorang wanita yang mampu menegakkan prinsip-prinsip agama yang kukuh dan mampu menempatkan mereka dalam kedudukan yang sama sebagai orang yang

menuntut ilmu pengetahuan.

Ketika kematiannya, masyarakat terpisah menjadi dua bahagian. Sebahagian dari mereka adalah orang yang merasa kehilangan dan dirundung oleh perasaan sedih yang tiada taranya dan sebahagian lagi adalah orang yang tidak lagi mengalami perasaan susah kerana dengan kematiannya bererti lenyaplah kerjaya politiknya selama ini yang dirasakan oleh mereka sebagai penghambat kepentingan politik keji dan cita-cita mereka.

Saya (penulis) di sini, dengan sukacitanya ingin menunjukkan salah satu *tabi'in* tentang bagaimana kesan-kesan sebaik sahaja dia mendengar kematian Aisyah. Dia adalah Masruq yang berkata: "Seandainya tidak terhalang oleh puak yang lain, nescaya aku pasti berpihak padanya."

Ketika ia menyampaikan hal tersebut di hadapan orang yang mendengar berita kematiannya, maka orang itu berkata: "Aku telah dididik oleh wanita yang sangat jujur dan merupakan puteri dari orang yang berlaku jujur pula sekali gus isteri kesayangan dari seorang Nabi Allah. Dia adalah wanita yang diberkati di bawah kaki langit yang berlapis tujuh ini. Dia adalah Aisyah, *Ummu Al-Mukminin*."

Lantas apa gambaran anda sendiri ketika tidak mengetahui komen *Masruq* tersebut dalam menerima peranan politik yang dijalankan oleh Aisyah atau orang-orang yang belum tersentuh oleh hiburan yang diberikan oleh orang yang memang berada dalam kedudukan semula jadi seperti *Masruq* tersebut.

Ingatlah! Di sana tersimpan nilai kritik yang begitu kuat, halus dan masih dalam kategori yang tidak melanggar garis-garis

yang ada. Ibn Sa'id dalam kitab *Tabaqatnya* meriwayatkan tentang jawapan dari satu soalan dari salah satu tokoh mengenai Aisyah dengan pertanyaan, "Bagaimana tanggapan masyarakat awam tentang Aisyah?"

Beliau menjawab: "Seperti itulah yang terjadi, iaitu di mana sebahagian daripada mereka ada yang merasa kehilangan dan dirundung oleh perasaan yang sedih dan sebahagian yang lain, sebaliknya tidak merasakan kesedihan bahkan bangga kerana tidak ada lagi orang yang mampu membangkang kerjaya politik mereka."

Dalam hal ini, Hakim mengulas bahawa orang yang memang tidak merasakan kesedihan dengan pemergiannya adalah orang yang tidak menganggap Aisyah sebagai ibunya dalam kedudukan *Ummu Al-Mukminin*. "Komen ini bermakna orang yang disebutkan tadi sudah termasuk kategori orang yang kafir."

Demikianlah perbincangan masyarakat dalam menerima peranan Aisyah dalam aktiviti politiknya selama hidupnya dalam dunia yang fana ini. Meskipun ia sudah wafat, namun pengaruhnya masih dapat dirasakan di kalangan umat Islam, khususnya dalam masalah politik.

## **FASAL KEDUA**

### **(A) ANGGAHAN UMUM TERHADAP PENYOKONG AISYAH BINTI ABU BAKR R.A.**

Persoalan yang terus berkembang tidak hanya terhad kepada Aisyah r.a. sebagai *figur* yang memainkan peranan politik secara praktikal, namun sorotan yang tajam tertumpu kepada penyokongnya seperti Thalhah, Zubair dan putera mereka yang keluar bersama-sama Aisyah dalam peperangan Jamal.

Abdullah bin Zubair menanggung kesusahan yang mendalam dan berat. Ia tetap memandang berat tentang bagaimana masyarakat yang telah sepakat untuk berdamai dan meletakkan kembali pedang-pedang mereka yang sebelumnya pernah dilumuri darah sesama saudaranya yang seiman.

Mereka kini telah meninggalkan perang yang dilakukan dengan pedang dalam persaingan mereka, namun mereka tetap melanjutkannya dengan lisan, hujah-hujah logik dalam mempertahankan kebenaran kelompok masing-masing (tidak ubah seperti perang media massa zaman sekarang).

Bertolak dari hal itu, maka muncullah beberapa lembaga pendidikan dan diskusi-diskusi ilmiah yang mengutamakan kebenaran mereka masing-masing.

Nanti pembaca akan melihat bagaimana paradigma berfikir dan pengembangan perbincangan keilmuan yang telah dipengaruhi oleh aliran-aliran politik yang menyokong salah satu kelompok. Banyak di antara mereka dengan jelas menuduh Abdullah bin Zubair dan mempropagandakan permusuhan negatif dan berbau fitnah yang telah dilakukan oleh ayahnya yang menyokong Aisyah keluar dari Tanah Hijaz (untuk melakukan tindakan ketenteraan dalam perang Jamal) melawan Ali bin Abi Talib r.a.

Abdullah bin Zubair telah menanggung penderitaan dan penghinaan ini secara peribadi, meskipun masih banyak masyarakat tertentu yang melontarkan anggapan negatif terhadap peranan yang dimainkan oleh Aisyah. Thalhah dan puteranya telah tewas dalam peperangan Jamal. Akan tetapi yang terjadi, orang yang selain Abdullah bin Zubair

seakan-akan tidak memainkan pengaruh yang lebih besar daripadanya.

Dia harus memendam perasaan yang tidak menentu dalam menghadapi dua kubu yang memang bersaing sejak dahulu dalam meraih kedudukan politik. Mereka adalah kabilah Bani Hasyim dan Bani Umayyah.

Abdullah bin Zubair pernah berkata kepada Ibn Abbas secara berdepan: "Aisyah, *ummu Al-Mukminin* dan kekasih Rasulullah s.a.w telah rela melakukan peperangan." Anehnya jawapan yang diberikan oleh Ibn Abbas sangat mengecewakan di mana dia berkata: "Apakah orang yang telah memerangi kita, masih layak menerima panggilan *ummu Al-Mukminin*?"

Ini bukan kepadamu dan bukan pula kepada bapamu serlangkan kita adalah anak-anaknya yang baik dan patuh kepadanya. Bapamu dan bapa saudaramu (Thalhah) telah membuka tabir Aisyah yang diberikan Allah s.w.t kepadanya (iaitu untuk tetap tinggal di rumah dan tidak boleh pergi keluar untuk berperang).

Keduanya adalah orang yang harus bertanggungjawab atas kematian mangsa yang ramai dari peperangan itu. Sesungguhnya kelembutan sikap keduanya harus ditanamkan dalam rumah mereka dan apa yang mereka berikan dalam memperjuangkan ajaran Allah s.w.t dan RasulNya. Mereka berdua telah merampas isteri-isteri Nabi yang semestinya mereka jaga keselamatannya hingga tidak timbul peperangan yang mengheretnya."

Fenomena seumpama ini, tidak dapat dielakkan oleh Muawiyah. Terbukti ketika ia didatangi oleh salah seorang

yang berasal dari Bani Hasyim iaitu Ibn Zubair, ia mengeruhkan suasana yang sudah panas, bahkan saling menjatuhkan antara yang satu sama lain. Ia tidak berusaha untuk melakukan sikap positif dalam mencegah pertikaian yang terjadi antara kabilah Bani Hasyim yang dalam hal ini adalah Ibn Zubair.

Seorang wakilnya pernah berkata kepada Ibn Abbas (salah seorang yang berada dalam komuniti Bani Hasyim) seperti berikut: "Sesuatu yang tidak mendapat kebaikan dari unta yang berasal darimu, tidak pernah sampai kepadaku, dosa-dosamu yang kamu lakukan kepadaku lebih banyak daripada dosa-dosaku kepadamu. Kamu telah menjatuhkan Uthman di Madinah hingga akhirnya dia terbunuh dan ketika peperangan Jamal terjadi, kamu membantai penyokongnya yang mencari keadilan darahnya yang telah tumpah dalam keadaan yang sia-sia."

Ibn Abbas r.a. menjawabnya: "Kami menjatuhkan Uthman, kerana tidak ada kewajipan bagi kami untuk membantunya dan jika kami diwajibkan membantunya, nescaya kami akan membantunya. Kami memerangi penyokongnya, kerana mereka telah keluar dari garis asal yang seharusnya mereka boleh menahan diri."

Pada suatu hari, dalam satu perjumpaan yang dihadiri oleh kedua kelompok yang bertelingkah, iaitu dari kalangan Bani Hasyim mahupun dari kalangan Bani Umayyah, Muawiyah memberikan ulasan ke atas kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh Abdullah bin Zubair.

Dia berkata: " Kalian telah menjatuhkan *ummu Al-Mukminin* dan tidak menjaga kehormatan Nabi Muhammad s.a.w. Itu semua terjadi kerana kalian telah memanjangkan kain tabir

yang sebelumnya telah menutupi isteri-isteri Nabi. Kalian telah berani menghantar mereka ke jurang yang penuh dengan rongga kematian dan kalian sendiri tidak mahu menahan perkara tersebut.

Ketika kedua kelompok bertelingkah, bapa Zubair melarikan diri dari medan peperangan. Dari kes tersebut, keselamatan diri Hasan sudah tidak dapat dipertahankan dari ancaman maut yang dilakukan oleh hamba sahayanya sendiri. Kamu sendiri mengetepikan bau busuk yang mula menitis itu bahkan kamu merayunya agar kamu boleh terlepas dari tanggungjawab ke atas kes tersebut.

Demi Allah s.w.t ,jika demikian, maka jangan salahkan puak Bani Abd Manaf apabila mereka melawanmu dan meletakkan bapamu ke dalam jurang sesak yang dipenuhi binatang buas.”

Apa yang jelas, saya merasa syak bahawa komen yang seperti itu timbul dari puak Bani Umayyah. Kemungkinan besar, itu hanyalah keluar dari mulut orang bani Hasyim yang mempunyai perasaan marah yang sangat memuncak pada ketika itu. Saya mempunyai anggapan yang kuat bahawa itu tidak keluar sebagai simbol dari keberanian mereka ketika itu kerana tidak ada bukti yang nyata apabila dimasukkan ke dalam aspek tersebut.

Namun dapat dikatakan bahawa komen itu adalah dari puak Bani Hasyim dan bukan dari Bani Umayyah. Mengapa demikian? Kerana Bani Umayyah adalah satu komuniti yang menggerakkan dan menghimpun rakyat untuk melawan Ali r.a. dalam rangka menuntut darah Uthman. Tindakan yang lebih keji lagi adalah apabila mereka dengan segala tipu dayanya telah berjaya menyokong Aisyah dari

belakang sama ada dengan ketenteraan mahupun dengan perbelanjaan dan bekalan perang.

Seandainya Aisyah tidak keluar rumah untuk memimpin ketenteraan, nescaya kedudukan khalifah Ali r.a. tidak akan menjadi lemah dan Muawiyah tidak dapat mengecapi empuknya kursi kekuasaan.

Dengan kelicikannya, puak Bani Umayyah menyokong gerakan Thalhah dan Zubair malah Muawiyah sendiri berdendam terhadap orang atau kelompok yang tidak mahu membantu Aisyah dalam perang Jamal. Dengan demikian, adalah tidak benar apabila Zubair telah menjatuhkan Aisyah dalam peperangan Jamal tersebut.

Dari aspek ini, dapat dimaklumkan bahawa komen yang sedemikian berasal dari puak Bani Hasyim dan bukan dari puak Bani Umayyah. Telah dijelaskan sebelumnya kepada para pembaca yang budiman bahawa Muawiyah telah mengharamkan Ahnaf bin Qa'is menguasai wilayah Hind dengan dua alasan, salah satunya adalah pengkhianatannya terhadap Aisyah. Aspek inilah yang paling dekat dengan kebenaran sekiranya komen di atas memang berasal dari puak Bani Hasyim.

Dari perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa itulah alasan-alasan logik yang menjelaskan bahawa masih ada satu komuniti yang memandang negatif terhadap keluarnya Aisyah dari rumahnya menuju pentas politik yang bermuara ke medan perang.

Ini mempunyai makna bahawa Muawiyah berusaha untuk melemparkan beban kepada Thalhah dan Zubair mengenai kes keluarnya Aisyah dan dia sendiri berusaha untuk tetap



bersih dari kejadian tersebut. Semoga sangkaan awal yang demikian tidaklah benar, apabila ditujukan kepada Muawiyah dan jika benar maka tidak ada kata lain yang lebih tepat bahawa dia adalah orang yang terbabit dalam menghasut atau mengapi-apikan perang Jamal tersebut. Banyak alasan yang menyokong ke arah sana, di antaranya adalah pendapat Ibn Abdullah.

Pada suatu hari Abu Sa'id bin 'Aqil bin Abu Talib Al-Hasyimi berada di samping Muawiyah yang menceritakan bahawa Muawiyah pernah berkata kepada Ibn Zubair: "Zubair adalah orang yang membabitkan seorang wanita sebagai pemimpin dalam persoalan ini, namun ketika terjadi perang antara kedua belah pihak ia khianat dan lari dari medan peperangan tersebut." Saya sebagai penulis cuba untuk mengemukakan maklumat hingga ke titik kesempurnaan.

Aisyah mendapat khabar mengenai perkataan Abu Said dan Ibn Zubair dan ketika Abu Said selesai memberi ulasan Aisyah memanggilnya, "Wahai orang yang buruk, apakah kamu orang yang memberi ulasan pada saudaraku begini dan begini?" Abu Said menoleh dan setelah tidak melihat sesuatu ia segera berkata, "Sesungguhnya syaitan telah melihatmu sedangkan kamu tidak melihatnya." Ketika mendengar perkataannya, Aisyah ketawa dan menjawab demi Allah, sungguh buruk dan kotor kata-katamu."

Perlu dicatat dalam konteks ini, Aisyah tidak mengindahkan tegurannya tentang kes perang Jamal dan kejadian yang menimpa Uthman bahkan ia melakukan propaganda di berbagai negeri dan tempat yang dihuni oleh mereka. Kerana mereka adalah ramai dan mendesas-desuskan tentang suku-suku dipelusuk negeri sedang mengadu permasalahan mereka pada Muawiyah.

Ketika itu Muawiyah berkata pada mereka: "Wahai rakyat sekalian, orang-orang Quraisy adalah orang yang paling baik bagimu sebagai penyokong daripada mereka. Apabila terdapat seorang daripada mereka sudah terbunuh dan kalian telah membalasnya seperti pada perang Badar, jika ada persoalan yang masih pelik maka demi Allah, kalian belum dapat menyelesaikan hal itu padaku, di mana kalian telah menjatuhkan Uthman dan membunuh penyokongnya dan kalian telah terbabit dalam peperangan Siffin."

Puak Khawarij memutuskan ingin mengadili Ibn Zubair ketika ia menjadi salah seorang pemimpin pada perang Jamal. Setelah itu Yazid bin Muawiyah mengutus Muslim bin Uqbah dan penduduk Syam pergi ke Hijaz untuk mengadili Abdullah bin Zubair. Pada masa yang sama orang-orang Khawarij yang berada di Mekah menolak campur tangan pasukan Syam dalam proses menegakkan hukum ke atas Ibn Zubair.

Mereka lebih suka memberikan penjelasan terhadap masalah dan persoalan yang melekat pada Ibn Zubair sebagai orang yang mempunyai kuasa di Hijaz dalam persoalan Abu Bakar, Umar dan keterlepasannya dari persoalan Uthman, Ali, Thalhah dan bapanya sendiri iaitu Zubair dan seterusnya.

Mereka berkata: "Mengenai bapamu dan sahabatnya, maka keduanya telah melakukan pembai'atan terhadap Ali, namun setelah melakukan pembai'atan terhadap Ali dan disokong oleh rakyat dan bukan merupakan orang kafir. Keduanya tidak mempunyai kepentingan terhadap nilai-nilai material, akan tetapi keduanya telah mempengaruhi Aisyah agar pergi berperang, sedangkan Allah dan sahabat Aisyah sendiri telah memerintahkannya untuk tinggal di

dalam rumahnya.”

Adapun alasan Ibn Zubair dalam melepaskan perkaitannya terhadap persoalan yang melilit Aisyah adalah komennya seperti berikut: “Kalian telah menyebut kedua nama tokoh iaitu Thalhah dan Zubair dan kalian telah memulanya dengan sebutan Ibu mu iaitu Aisyah, maka kalian perlu maklumkan bahawa sejak awal bapaku iaitu Zubair sudah tidak mengetepikan nilai-nilai keimanannya terhadap Aisyah sesuai dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*“Nabi adalah orang yang paling beriman di antara kalian, isteri-isterinya dan ibu-ibu kalian.”*

Ayat ini jelas dilihat dari konteks jawapannya tersebut, maka Ibn Zubair telah berpaling dari persoalan yang sebenarnya. Menjelang 100 tahun dari kejadian perang Jamal, Abdullah bin Mus'id Az-Zubairi (salah seorang dari keturunan Zubair) melakukan sikap yang kurang sopan bersama seorang Alim Kufah yang bernama Abu Bakar bin Iyas di satu majlis milik Gabenor Kufah yang bernama Musa bin Isa.

Gabenor itu berkata kepadanya: “Diamlah kamu, kerana ayahmu telah melantik Ali bin Abi Talib dengan cara terpaksa dan dengan hasutannya ia telah berjaya melepaskan Aisyah dari umatnya. Lantas apakah kamu ingin mengeluarkan dajjal-dajjal baru kepada kami.” Selesai dari perkataanya, Gabenor itu ketawa dan menghentakkan kakinya di atas tanah.

Cercaan dan celaan terus menyerang pemimpin-pemimpin lain. Apa yang jelas adalah majoriti puak yang pada awalnya memberikan sokongan terhadap Aisyah, mesti berdiri dengan

kuat dalam menahan angin kencang yang penuh dengan celaan dan cercaan terhadap mereka.

Contohnya adalah Adzab, salah seorang penyokong kuat Aisyah. Setiap hari ia tidak pernah terlepas dari cercaan dan cacian berkaitan dengan sokongannya itu. Para sejarawan mengatakan bahawa pada tahun 38 dari perang Jamal, meskipun Salman Al-Asadi tidak menyaksikan secara langsung dari perang Jamal, tetapi dia berkata pada kaumnya: "Wahai orang-orang Bani Asad, kalian tidak menerima apa pun dari peperangan Jamal kecuali sebutan yang buruk, padahal dari dahulu hingga sekarang bagiku tetap sama iaitu mendapatkan cercaan."

Ini berlanjutan sehingga kepada anaknya yang bernama Shabrah bin Zaiman sebagai seorang penyokong Aisyah dan terbabit secara langsung dalam peperangan Jamal dimana ia berkata: "Demi Allah kita tidak pernah ditimpa musibah sama ada dalam masalah dunia mahupun agama seperti peperangan Jamal."

Setelah 100 tahun dari kejadian itu, kaum intelektual muda Basrah belum terlepas dari perbincangan mengenai perang Jamal khasnya polemik Aisyah sebagai pemimpin. Abu Bakar Al-Fudli, salah seorang daripada mereka ketika ditanya oleh Abu Abbas As-Safah dengan soalan bagaimana ulasanmu hai Abu Bakar mengenai peperangan itu?

Maka dia menjawab: "*Nauzu billahi min zalik* sungguh orang-orang Basrah telah terperangkap dalam kebodohan, sesungguhnya hanya sebahagian kecil puak yang melencong dari metodologi berfikir yang benar dan telah terperangkap oleh lingkaran syaitan. Sesungguhnya dalam

komuniti terdapat orang yang bijak dan keji. Mendengar komen yang demikian, Abu Abbas termenung.

Fara pembaca telah dikelirukan oleh tanggapan yang berbeza-beza tentang peranan Aisyah di medan perang. Pembaca tentu akan terjebak pada pemahaman yang berbelah bagi dalam menerima perlakuan yang dibiaskan oleh Aisyah sama ada positif dan negatif.

Iri adalah biji yang pertama di dalam penghakiman terhadap Aisyah dalam catatan sejarah dimana beliau telah mencengkam hujung jarinya dalam komuniti Islam dan telah menumbuhkan persoalan-persoalan yang didakwa telah memecah-belahkan perpaduan umat Islam. Penulis akan menghuraikan pada bahagian berikutnya.

Tidak ada salahnya dalam satu persoalan politik sekiranya setiap komuniti mempunyai aliran dan paradigma tersendiri. Seperti yang anda ketahui, perang Jamal disokong oleh rakyat Basrah sedangkan rakyat Kufah cenderung menyokong khalifah Ali r.a.

Fenomena seperti ini terus berlangsung dari hari ke hari dan dari tahun ke tahun, bahkan perbalahan sengit tanpa henti terus terjadi yang saling menjatuhkan dan menyalahkan di antara kedua belah pihak.

Setiap komuniti berusaha untuk menjatuhkan lawan dan menggugat kedudukannya seperti yang akan pembaca lihat nanti. Contohnya seorang penyair yang bernama Jarir mempersendakan dan menghina Farazdak berkaitan dengan aktiviti yang dilakukan oleh bapa saudaranya yang bernama Hattat Ibn Yazid Al-Mujasai yang tidak mampu memberikan pertolongan kepada Zubair. Hattat dituduh

sebagai penyebab kematian Zubair kerana dia melambat-lambatkan dalam peperangan Jamal. Jarir berkata dengan syair seperti berikut:

*“Wahai Ibn Qayyim Al-Mujasai, kalau kamu mempunyai dada yang pantas, nescaya kamu akan menolong tetamumu dalam jarak dua farsah atau satu mil. Zubair telah terbunuh sedangkan kamu adalah jirannya, tetapi mengapa orang-orang telah berhembus angin kebebasan begitu sahaja.”*

Nawaih, salah seorang Quraisy berkata: “Sesungguhnya dia telah melanggar janji dan bersikap lengah. Pembaca tentu tahu bahawa sebahagian daripada Bani Tamim terdapat orang yang menjauhkan diri dan mereka yang diketuai oleh Ahnaf bin Qais. Sebahagian mereka yang lain ikut bertempur dan bergabung dalam pasukan Jamal dan setelah itu di antara kedua kelompok tersebut terjadi caci-mencaci seperti yang termaktub dalam *bait-bait* Syair Hattat bin Yazid Al-Mujasai dalam memberi tindak balas terhadap komen Ka’ab bin Syur Al-Asadi. Adapun syair-syair itu adalah seperti berikut:

*“Bani Tamim mencela peperangan itu,  
Dan aku tidak termasuk orang yang melakukan pencelaan,  
Tombak-tombak banyak diwarnai oleh darah penyokong Ali dan tempat tidur Bani Tamim jauh dari percikan darah itu,  
Dalam perkumpulan tidak ada yang berdiri tegak di sampingku, kecuali masa-masa yang penuh hawa panas.*

*Umm Al-Mukminin berteriak keras terhadap*

*untanya yang penuh dengan bau harum dan semerbak daripada berbagai puak.*

*Dia memanggil Hattat dan Ibnu Syur,  
Seakan-akan keduanya terbabit dalam perkumpulan pasukan. Ka'ab bin Syur terus menuai pergaduhan,  
Seperti bunyi labah-labah yang berbulu tebal,  
Sikapnya semakin mendekat ke arah yang diraih  
dan perintis masyarakat dan terus mengalami kesusahan.*

*Jika saudaraku tidak ada maka persoalannya akan segera berakhir dan dia akan terus menangis demi sebuah kemuliaan.”*

Anak-anak dan cucu dari kedua kelompok sama ada puak dari Basrah mahupun Kufah terus dihantui oleh bias peperangan itu, keduanya saling menjatuhkan dan saling mencari kelemahan. Mereka terjebak dalam perbalahan yang sengit sehingga muncul berbagai jenis syair dan nyanyian dari mulut mereka. Akibat yang ditimbulkan adalah fanatisme puak dan parti tertentu yang hanya akan menghalalkan puak yang lain.

Kedua wilayah tersebut telah banyak menghasilkan penyair yang terus menghiasi paradigma berfikir masyarakat awam di kedua bandar tersebut. Dalam politik, antara puak Kufah dan Basrah saling menjatuhkan. Aisyah Hamdan seorang penyair yang mempunyai kedudukan semulajadi berusaha untuk membantah puak Kufah dan menyerang puak Basrah dengan syairnya:

*“Halaulah orang Basrah jika kamu menemuinya.  
Kerana sesungguhnya kamu telah mengusir orang  
yang berfikiran sempit dan busuk.  
Jadikanlah olehmu orang-orang Kufah dalam*

*sekawanan kuda dan janganlah kamu jadikan  
orang-orang Basrah,  
Kecuali lemparkan ke kelompok pampasan perang.  
Jikalau kalian mencaci-maki kami,  
Maka katakanlah apa yang telah kami lakukan  
kepada kalian dalam perang Jamal.  
Di antara janggut orang tua yang telah diubah  
warnanya,  
Dan para belia yang tidak tahu apa-apa,  
Ia mendatangi kami dengan mengagungkan  
kemakmuran,  
Satu kelompok dan kami pasti menyembelihnya,  
Seperti mangsa yang telah tewas dalam perang  
Jamal,  
Jika tidak, maka kami akan memaafkan, namun  
kalian lupa akan hal itu dan mengingkari nikmat  
Tuhan yang akan datang kemudian.”*

Syair-syair Aisyah tersebut terus menjadi perbincangan yang tiada hentinya bahkan dibawa pada majlis yang di bincangkan sama ada oleh puak Kufah mahupun puak Basrah hingga akhirnya menjurus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Ibn Zubair. Sya'bi datang ke Basrah dan memasuki masjidnya. Dia duduk bersama-sama dengan puak Bani Tamim yang di dalamnya terdapat Ahnaf bin Qa'is.

Rakyat Kufah dan Basrah saling berbalah dan saling menjatuhkan di antara mereka, bahkan salah seorang penduduk Basrah berkata yang menyatakan bahawa tidak ada penduduk Kufah akan selamat kecuali apabila kami minta pada hamba-hambanya iaitu puak Khawarij.

Sya'bi segera pulang ke Kufah kerana ingin membantu bait-



*bait* syair yang telah disampaikan oleh Aisyah Hamdan dan sebelumnya. Kemudian dia berusaha untuk membuat syair sebagai tandingan. Mendengar itu, Ahnaf ketawa dan berkata: "Wahai penduduk Basrah, Sya'bi telah menghina kalian, oleh itu kalian mesti melawannya."

Seseorang berkata kepada Imam Sya'bi bahawa seluruh *Ummu Al-Mukminin* boleh dicintai kecuali Aisyah. Sya'bi menjawab: "Kamu telah menyalahi Rasulullah s.a.w, kerana bagi baginda, Aisyah adalah isterinya yang sangat dicintai."

Sikap *fanatisme* para penyair dan tokoh masyarakat itu terus berjangkit kepada kalangan cendekiawan sehingga tidak seorang pun daripada mereka, sama ada dari puak Basrah mahupun Kufah terlepas dari terjebak dalam perdebatan yang serupa. Contohnya dalam buku karangan Hisyam bin Ali yang bertajuk "*Perlawanan Penduduk Kufah Terhadap Penduduk Basrah*."

Perbezaan sikap politik di antara kedua belah pihak itu terus berlangsung hingga puluhan tahun dari peperangan Jamal. Kedua-dua kelompok tersebut masing-masing mempunyai sikap politik yang berbeza hingga wujud satu kenyataan: "Barangsiapa yang tinggal di Kufah, tetapi tidak mempunyai tiga keyakinan, maka kedudukannya tidak diiktiraf, iaitu pertama, keistimewaan sungai Furat. Kedua, manisnya anggur dan ketiga adalah keutamaan-keutamaan Ali yang mesti disanjungnya."

Tentang Basrah pula, wujud satu kenyataan yang serupa iaitu, "Barangsiapa yang tinggal di Basrah, tetapi tidak mempunyai tiga kebenaran, maka kedudukannya juga tidak diiktiraf iaitu pertama adalah keistimewaan Uthman, kedua keutamaan Hasan Basri dan ketiga keutamaan Bani Asad."

Seorang ahli sejarah bernama Hamdan meriwayatkan bahawa ketika dia berkumpul bersama *Amir Al-Mukminin* Abi Abbas As-Saffah, yang berketurunan daripada Ali dan Bani Abbas berada di Basrah dan Kufah. Salah seorang di antara mereka adalah Abu Bakar Al-Hudli yang berasal dari Basrah dan Ibn Iyas yang berasal dari Kufah. Abu Abbas berkata: "Fikirlah masak-masak." Ulasan ini membuat sebahagian kelompok Ali r.a. iaitu Hasan bin Zaid menentang dan berkata:

"Wahai Abu Bakar, apakah kamu telah memerangi Ali dalam perang Jamal? Dia menjawab, "Dia adalah orang yang telah memerangi sebahagian kecil dari kami, namun Allah s.w.t telah mencegah tangan-tangan dan pedang kami untuk membunuhnya sebagai peringatan kepada kami. Ketika dia kembali ke Kufah, orang-orang membunuhnya, anak-anak dan putera-putera bapa saudaranya. Kemudian mereka mengeluarkan Hasan bin Ali setelah pembai'atan mereka diberikan kepadanya sehingga membuat Hasan bin Ali lari lintang pukang dari puak mereka."

Ibn Iyas berkata: "Allah s.w.t telah memendekkan tanganmu dengan memanjangkan tangan-tangan kami (penduduk Kufah) dan pertolongan mereka kepada kalian. Lantas dari aspek apa kamu menghina kami hanya berkait dengan kebatilan seseorang dari kami yang telah merosak komuniti kalian?"

Para perintis masyarakat An-Nakho'i menceritakan padaku bahawa ketika perang Jamal, terdapat 9,000 orang Kufah menjadi penyokong Ali dan 30,000 dari mereka menjadi penyokong Thalhah, Zubair dan Aisyah. Ketika mereka bertempur, orang-orang Basrah seperti bara api yang

berhamburan ditiup oleh angin dan musim kemarau.”

Abu Bakar berkata apabila penduduk Basrah yang berjumlah 30,000 itu memerangi Ali dan berjaya dijauhkan oleh Ahnaf bin Qais di tempat yang bernama Said dan Ribab, sedangkan setelah itu kami memasuki Kufah dan berjaya menyembelih dan menewaskan 6,000 penyokong Nabi mereka yang telah terpilih iaitu Ali seperti menyembelih kibas jantan.”

Ibn Iyas berkata bahawa pada perang Jamal penduduk Kufah mendatangi kami bersama-sama dengan Ali dan kemudian mereka membunuh kalian. Oleh kerana itu, saya (penulis) berpendapat bahawa penduduk Kufah lebih berhak menempati kebenaran daripada orang Basrah yang lebih cenderung pada kebatilan.

Sekiranya pembaca mengetahui dengan cepat bagaimana kejadian perang Jamal dan tohmahan negatif yang dituduhkan kepada Aisyah dan para penyokongnya sama ada dalam wilayah Basrah mahupun Kufah, sehingga tidak hairan apabila pelaku yang dibiaskan (dikaburkan) mampu melahirkan kefanatikan yang melekat pada kedua kelompok. Ini didengar oleh Khalaf bin Tamim Ad-Dirami dari Ibn Al-Mubarak yang berkata bahawa barangsiapa yang mempunyai bukti, maka dia boleh masuk pohon tembikai yang ada di Kufah dengan menyanjung Uthman.

Di negara Basrah terdapat tiga bersaudara yang merupakan anak dari Attab bin Asid. Salah seorang daripada mereka menunaikan haji yang pahalanya diperuntukkan untuk Hamzah (bapa saudara Nabi s.a.w) dan berkata: “Aku meminta supaya menjadi orang yang mati syahid sebelum haji. Sedangkan yang lain berkorban

di mana pahalanya diperuntukkan bagi Abu Bakar dan berkata: Kesalahan yang paling besar dalam meninggalkan sunnah Nabi adalah meninggalkan korban. Sedangkan saudara yang ketiga berbuka puasa di hari Tasyrik yang pahalanya diperuntukkan bagi Aisyah dan berkata: Aku telah salah berpuasa dalam hari raya. Barangsiapa yang berpuasa untuk bapa dan ibunya, maka aku adalah orang yang berpuasa dan berbuka untuk ibuku iaitu Aisyah."

Saya (penulis) akan menjelaskan kepada para pembaca tentang bagaimana anggapan umum selama ini yang berkaitan dengan Aisyah yang memaparkan kecintaan mereka kepadanya. Salah satunya adalah ulasan yang disampaikan oleh Ibn Hisham, meskipun dalam bab masalah yang paling lembut dapat dipertemukan dalam kenyataannya sekarang iaitu tentang doa yang berbunyi seperti berikut: "Ya Allah! Ubahlah aku menjadi orang yang merdeka dan pertemukanlah aku dengan Umar bin Al-Khattab." Ia dijawab oleh isterinya dengan perkataan: "Memohonlah kamu kepada Allah agar dipertemukan dengan Nabi." Dia menjawab: "Aku tidak mahu menyibukkan Aisyah."

Hendaknya maklum bahawa ramai ahli sejarah yang menipu kerana telah terpengaruh oleh kepentingan golongan dan memperbesar atau menokok-tambah maklumat yang tidak benar tentang Aisyah.

Sahawi meriwayatkan bahawa Suhail bin Zikwan Abu Sanadi telah mengatakan bahawa dia bertemu dengan Aisyah yang sedang berdiri di daun pintu rumahnya. Sahawi berkata: "Demikianlah keadaan anjing dan kematian Aisyah terjadi sebelum jemaah haji berada di Madinah pada siang hari."

Inilah kesan dalam komuniti masyarakat yang didakwa sebagai orang yang telah memecah-belahkan perpaduan sedangkan itu hanya aspek yang ditinjau dari satu sudut sahaja dan mengetepikan beberapa aspek yang lain.

## **FASAL KETIGA**

### **(A) ANGGAHAN KOMUNITI (MAZHAB) MUSLIMIN TERHADAP PERANAN AISYAH R.A.**

Setelah 100 tahun dari hijrahnya Nabi Muhammad s.a.w, umat Islam berada dalam perbezaan-perbezaan yang menghiasi lembaran kehidupan mereka. Tokoh-tokohnya di hadapkan pada berbagai persoalan, lebih-lebih lagi dalam persoalan i'tiqad atau keimanan. Mereka mengadakan pembahasan dan perbincangan terhadap aspek-aspek yang berbeza dan terhenti pada pendapat yang telah dihasilkan oleh pengulas-pengulas berikutnya.

Secara keseluruhannya, titik permasalahan mereka terumpu pada aktiviti Khulafak Ar-Rasyidin dan penetapan hukum terhadap kedua belah pihak yang saling berperang sama ada dalam perang Jamal mahupun perang Siffin.

Bagaimanapun apa yang menjadi fokus saya (penulis) di sini adalah perspektif dan tanggapan mereka terhadap Aisyah dan penyokongnya sama ada dalam skop kebenaran ataupun kesalahan serta penyifatan kafir dan iman terhadap *Figur* Aisyah dan aktivitiya menjadi satu perkara yang penting serta bahan utama dalam perbincangan mereka.

Ini disebabkan beliau mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam komuniti umat Islam. Fenomena terus berterusan 14 Abad kemudian dari kewafatan baginda sehingga saat ini.

Dalam menghadapi perang Jamal itu tidak sedikit kelompok dan mazhab yang muncul ke permukaan terutama di kalangan intelektual.

Dalam senarai kitab Ibn Nazim terdapat tafsiran dari enam cendekiawan. Empat daripada mereka telah berjaya memaparkan dan mengarang kitab khusus mengenai perang Jamal iaitu Abu Muhnif Nasr bin Muzahim, Ishak bin Basad dan Saif bin Umar.

*Figur* yang terakhir ini telah berjaya menghuraikan secara ditil dalam kitabnya dengan judul "*Perang Jamal Serta Perang Antara Aisyah dan Ali.*"

Saya (penulis) beranggapan bahawa hal ini telah cukup dalam menunjukkan anggapan dan tanggapan masyarakat terhadap Aisyah dan peranannya, tetapi apa yang perlu dicatat adalah mereka terlalu melampau dalam batas-batas kewajaran.

Adapun komuniti (mazhab) yang saya (penulis) maksudkan adalah seperti berikut:

#### **(I) PENDIRIAN AHLUSSUNAH**

Adapun *Ahlussunah* berpendapat bahawa seluruh sahabat itu telah bertindak adil dan mereka berada dalam keadaan selamat. Pendapat mereka dalam menerima kedua kelompok yang bertelingkah adalah kurang tegas. Mereka berpendapat bahawa seluruh sahabat tersebut telah berupaya untuk mencapai kebaikan dan perdamaian.

Mereka telah melakukan *ijtihad* yang maksima. Sedangkan mengenai kebenaran dan kesalahan yang memihak pada

kedua kelompok, mereka belum mempunyai rangka pemikiran yang jelas, bahkan mereka sengaja meninggalkan persolan itu. Ini kerana kelompok (sahabat-sahabat) yang telah berjihad itu, telah sampai pada kesimpulan yang jelas.

Sebahagian daripada mereka telah mengatakan bahawa Khalifah Ali r.a. berada dalam pihak yang benar dan sebahagian yang lain berpandangan bahawa Aisyah r.a. dari para penyokongnyalah yang benar. Sedangkan kelompok yang lain masih dalam kedudukan berkecuali iaitu mereka tidak membenarkan dan tidak menyalahkan satu kelompok manapun dari mereka.

Orang-orang yang berpendapat bahawa kebenaran ada pada pihak Khalifah Ali adalah kerana beranggapan bahawa Khalifah Ali bin Abi Talib adalah seorang pemimpin yang sah. Dialah yang berhak menegakkan proses hukum di tengah-tengah rakyatnya.

Dengan demikian tidak seorang pun selain dia yang mempunyai hak dan kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang dan membicarakan orang zalim, khususnya mereka yang terbabit dengan kes pembunuhan Khalifah Uthman bin Affan r.a. Mereka juga berpendapat bahawa Ali r.a. dapat dibenarkan dalam menolak orang-orang yang melakukan bangkangan seperti kes Aisyah.

Oleh itu, dalam menumpaskan pasukan unta yang dipimpin oleh Aisyah, Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. dan penyokongnya mempunyai satu hal yang sah dan dibenarkan.

Adapun orang-orang yang berpendapat bahawa Aisyahlah yang paling benar adalah kelompok yang mempunyai pandangan bahawa Uthman terbunuh pada bulan Haram

dan ini pada pandangan Islam tidak seorang pun yang dibenarkan bersikap pasif atas kes itu.

Mereka berpendapat bahawa pemberontak dan perusuh itu telah berusaha sebelumnya untuk mengadu kepada Ali, tetapi Ali sendiri tidak mempunyai usaha dan upaya yang jelas untuk melakukan proses perbicaraan dengan cepat. Dalam melambatkan waktu yang seharusnya ditegakkan itu merupakan kemungkaran yang sangat besar yang mesti segera diubah sama ada dengan tangan mahupun pedang.

Oleh kerana itulah mereka keluar untuk menegakkan hukum terhadap pembunuhan Uthman, dengan kata lain seandainya Ali mampu menegakkan hukum dan menguatkuasakannya dengan segera, nescaya mereka tidak akan keluar melakukan bangkangan dengan menggunakan kekuatan ketenteraan.

Mereka berkata: "Barangsiapa yang mengetepikan orang-orang yang berbuat aniaya, maka dapat dipastikan ia adalah kelompok dari mereka atau tidak mampu menegakkan kebenaran terhadap mereka, sedangkan kedua persoalan itu boleh dijadikan alasan logik dalam menjatuhkan kepimpinannya dan wajib memeranginya."

Mereka berpendapat bahawa menghapuskan kemungkaran dengan kekuatan adalah merupakan kewajiban selagi ada kemampuan untuk berbuat demikian. Dengan demikian mereka tidak dibenarkan hanya mengingkari melalui hati atau mulut, sedangkan mereka mempunyai kemampuan untuk mengubahnya dengan tangan.

Aspek politik inilah yang mereka jadikan dasar dalam melakukan tindakan ketenteraan dengan tujuan mencapai



perdamaian dan bukan peperangan.

Adapun kumpulan yang ketiga berpendapat bahawa masing-masing dari kelompok yang bertelingkah mempunyai alasan yang jelas dan sama-sama dapat dikatakan benar. Persoalan ini sangat bercelaru dan terkesan mencampur-adukkan persoalan yang ada.

Keduanya mempunyai niat yang baik dalam usaha mencapai nilai kebaikan dan keduanya merupakan sahabat yang telah banyak berkhidmat dalam mengembangkan agama sama ada melalui harta dan jiwa. Sehingga tidaklah mudah bagi mereka untuk berpaling dengan sengaja dari tujuan semula yang sangat mulia.

Kumpulan ini kemudian berkecuali dalam erti tidak memberikan status yang jelas atau menyifatkan dengan sifat-sifat tertentu kepada pihak-pihak yang bertelingkah. Mereka juga tidak dapat memastikan manakah pihak yang sah dan yang benar di antara kedua kelompok tersebut.

Mereka berpendapat bahawa perubahan-perubahan ke arah baru yang ditempuh dengan kekerasan hanya mendatangkan fitnah yang lebih besar daripada kemungkaran itu sendiri. Oleh kerana itu, mereka lebih cenderung mengambil sikap menjauhkan diri dari politik secara praktikal.

Pemimpin mereka yang di antaranya adalah Sa'ad bin Abi Waqqas, Abdullah bin Umar, Abu Musa Al-Asy'ari dan lain-lain. Mereka menolak kemungkaran cukup melalui hati dan mulut mereka dan kadangkala harus menjauhkan diri dari kejadian fitnah yang akan membawa akibat yang lebih parah.

Seiring dengan waktu yang terus berjalan, *Ahlussunnah* tidak memberi kerjasama pada pendapatnya dalam menerima kedua kelompok yang bertelingkah. *Ahlussunnah* juga tidak pernah memberikan kenyataan rasmi tentang siapakah yang salah dan siapakah yang benar dari puak yang berkelahi. Bagaimanapun mazhab *Ahlussunnah* dalam menyatakan pendiriannya merujuk kepada beberapa hadith yang bermaksud:

*“Para sahabatku adalah ibarat bintang yang dari sudut manapun kalian mengikutinya, maka kalian akan mendapatkan hidayah Tuhan.”*

*“Demi Allah! Kalian tidak boleh mempunyai maksud-maksud tertentu kepada mereka sesudahku.”*

*“Sebaik-baik manusia adalah sahabatku, kemudian orang yang sesudahnya dan kemudian orang yang sesudahnya.”*

*“Janganlah kamu sekalian mengumpat sahabatku, kerana apabila kalian hendak menebus dosa dari perbuatan yang tercela itu, maka kalian tidak cukup menginfakkan emas yang besarnya seperti gunung Uhud atau setengahnya.”*

Kemudian Mazhab *Ahlussunnah* berpandangan bahawa seluruh sahabat yang telah mati dalam pertikaian kedua pihak tersebut adalah syahid, kerana telah memberikan pertolongan terhadap kesinambungan proses penyebaran misi keagamaan, meskipun harus menanggung penderitaan yang berat.

Dengan demikian kewajiban minima kita adalah menjaga

reputasi Nabi, sahabatnya dan isteri-isterinya. Pencetus idea ini membenarkan semua sahabat dan mempunyai tanggapan positif terhadap mereka. Sekurang-kurangnya kenyataan Hasan Basri dan Malik dapat dijadikan ibarat yang paling baik dalam memberikan ulasan ketika ia ditanya tentang kes yang terjadi, dia menjawab:

*"Itu merupakan darah yang telah disucikan oleh Allah s.w.t melalui pedang kita. Oleh kerana itulah kita tidak boleh mengotorinya dengan ulasan yang tidak benar."* Demikian pula yang dijelaskan oleh Umar bin Abdul Aziz ketika ditanya dengan soalan, "Bagaimana komen tuan tentang Khalifah Ali r.a. dan Uthman serta kes yang telah terjadi sama ada dalam perang Jamal mahupun perang Shiffin?"

Beliau menjawab: *"Itu adalah darah yang telah ditegah oleh Allah s.w.t untuk kita jamah dengan tangan kita. Oleh sebab itulah aku tidak suka lidahku celupar dan terperangkap dalam persoalan itu."*

Pendapat di atas terus berkembang bersama dengan lajunya waktu, malah menjadi akidah rasmi dalam kalangan *Ahlussunnah*. Mereka menetapkan fahaman itu hingga menjadi rujukan penuntut ilmu.

Pembaca dapat menemui hal yang demikian dalam kitab "*Matan Az-Zubad*" yang beraliran Syafi'i yang berbunyi seperti berikut: "Apa yang telah menimpa ke atas sahabat, maka tidak ada jalan lain bagi kita kecuali bersikap diam dan memastikan mereka telah mendapat pahala atas upayanya itu."

Saya menemui dalam *matan* kitab "*As-Syibaniyyah*" yang beraliran Hanafiyah satu kenyataan sebagaimana berikut: "Kita bersikap diam terhadap peperangan yang dilakukan

oleh sahabat dan *ijtihad* yang telah mereka lakukan mendapat pahala yang jelas bahawa peperangan yang terjadi tidak lain adalah satu usaha merebut syurga Allah s.w.t.”

Dalam *matan* kitab “*As-Sanusiyyah*” disebutkan seperti berikut: “Sesungguhnya apa yang telah terjadi itu adalah usaha mereka dalam menjauhi perbuatan orang yang berkeinginan untuk melancarkan kedengkian mereka.”

Kita tidak boleh lupa bahawa apa yang telah mewarnai lembaran sejarah itu adalah ketetapan pendapat yang telah mereka setujui. Mereka tidak membenarkan pendapat yang keluar dari *doktrin* atau ajaran semula. Pada pendapat saya (penulis) tentu tidak demikian, kerana persoalannya sangat kompleks. Pembaca seharusnya tahu siapakah yang benar dan siapa pula yang salah, sama ada Ali atau pihak Aisyah?

Sikap ini dapat direalisasikan selagi kesalahan-kesalahan itu tidak diasaskan atas anggapan tanpa sebarang dasar dan tidak sampai membawa kesalahan itu sendiri pada kesimpulan seperti sebahagian kelompok yang tidak bertanggungjawab, di mana mereka dengan sengaja mengkafirkan, melemparkan tuduhan munafik, mencela dan mendakwa mereka tidak berlaku adil.

Apabila kamu telah terjebak dalam persekitaran yang menyesatkan itu, maka kamu telah melencong dari hakikat permasalahan yang sebenarnya dan keluar dari komuniti yang ada, kerana kamu berani mencela salah seorang daripada sahabat Rasulullah s.a.w.

Itu merupakan satu sikap yang tidak boleh ditebus dosanya oleh sesiapa pun dan hal ini bererti telah mengotori agama ini dengan jelas.

Pertincangan ini adalah satu hal yang paling baik, iaitu tentang pendapat orang yang dengan sengaja melakukan penghinaan terhadap Aisyah dan ayahnya seperti yang termaktub dalam beberapa *bait* syair. Hal yang demikian telah berjaya dipatahkan oleh Aisyah dengan hujah-hujah yang bernas dalam mempertahankan kedudukan sama ada berkenaan dengan dirinya mahupun ayahnya.

Sejak awal saya (penulis) telah mengutamakan secara baik ke atas apa yang menjadi *arkib* Aisyah berkenaan dengan perkara yang dilontarkan di kalangan *Ahlussunnah* berkaitan dengan hujah-hujahnya. Buku saya ini yang sedang anda baca adalah buku pertama yang mengetengahkan persolan tersebut secara lengkap.

Saya telah menerima penjelasan dari Syeikh Abu Thahir Abdul Mun'im bin Muhib Al-Mishri yang berkata: "Aku telah diberi penjelasan oleh Abu 'Imran Musa bin Muhammad bin Abdullah Al-Andalus yang pada ketika itu sedang mengingatkan dirinya sendiri dalam memuji Aisyah sebagai *ummu Al-Mukminin*. Sebagai pemimpin pasukan tempur, dia pantas dan layak mendapat balasan kehormatan sebesar 100 dinar wang."

Abu 'Imran bersyair seperti berikut:

*"Apa yang telah dikerjakan oleh Ummu Al-Mukminin itu patut dan layak mendapat pujian, apa yang dikerjakan olehku adalah perbuatan yang sesat. Dalam mengulas perkara ini, aku hanya ingin membangkitkan semula tentang keutamaan-keutamaannya dan aku hanyalah menterjemahkan perkataannya melalui mulutku ini.*

*Wahai orang yang membenciku, janganlah kamu mendatangi kuburan Nabi s.a.w kerana rumah itu adalah rumahku dan tempat itu adalah tempat kediamanku.*

*Aku menumpukan pembahasan mengenai isteri-isteri Nabi s.a.w dengan sifat-sifat baik yang telah dimilikinya dan banyak menyimpan rahsia makna.*

*Aku telah mendahulukan mereka dengan keutamaan yang mereka miliki. Keutamaan itu adalah milikku dan tali kendali itu adalah milikku.*

*Nabi Muhammad s.a.w telah selesai memerintah umatnya dan wafat di antara orang-orang yang aku jaga. Sekarang ini adalah hariku dan waktu itu adalah waktuku.*

*Nabi s.a.w telah menikahiku dan Allah s.w.t tidak melihat seorangpun yang lebih dikasihi daripadaku sepeninggalan Khadijah.*

*Jibrail Al-Amin telah mendatangnya dengan menyerupai wajahku maka ia sangat mencintaiku ketika aku melihatnya di antara yang lain.*

*Aku adalah satu-satunya wanita dara yang mendampinginya dan dalam kamar tidurku terdapat kubur dua Qimran (Abu Bakar dan Umar).*

*Allah s.w.t telah berfirman menegenai tafsiran Al-Quran melalui hujah-hujahku. Sungguh disebutkan dalam Al-Quran bahawa Allah s.w.t akan melaknat orang-orang yang telah melakukan*

*ancaman setelah ada kebaikan dariku.*

*Allah s.w.t telah memuliakan dan mengagungkan kehormatanku dan terhadap lidah NabiNya yang telah menjagaku.*

*Allah s.w.t pasti akan mencela orang yang berbuat dusta kepadaku dan pada hakikatnya mereka mencela dirinya sendiri.*

*Aku akan memperkuat tali kebebasan dan dalil yang menunjukkan kesucianku. Allah s.w.t telah mengkhaskan aku dengan NabiNya yang terakhir dan mematahkan orang-orang yang akan berbuat dusta.*

*Aku telah mendengar wahyu Allah s.w.t di sisi Muhammad s.a.w yang diperolehi daripada Jibrail yang cahayanya terus menyinariku.*

*Baginda adalah Nabi yang diberi wahyu dan aku wanita yang berada di bawah bajunya, bgainda mencintaiku dan mendekatkan bajunya kepadaku.*

*Barangsiapa yang memburuk-burukkan aku dan mengingkari sahabatku, maka aku tidak khuatir, kerana Muhammad s.a.w selalu menjagaku di dalam kamarku.*

*Aku memeluk Islam sebagai agama Muhammad dari kedua orang tuaku. Mereka adalah orang-orang yang memeluk Islam dengan ikhlas dan dengan penuh cinta.*

*Ayahku adalah orang yang menegakkan agama setelah Muhammad s.a.w, maka pedang itu adalah pedangku dan gigi itu adalah gigiku.*

*Biarlah ejekan itu kutanggung sendiri, sedangkan kekhalifahan tetap melekat pada Ayahku.*

*Aku adalah puteri orang terpercaya dan sahabat karib Muhammad s.a.w sama ada dalam keadaan sembunyi mahupun terang-terangan.*

*Dia membantu Muhammad s.a.w dengan harta dan jiwanya.*

*Dia keluar berkelana ke berbagai negeri bersama Muhammad s.a.w.*

*Yang kedua dari perjalanannya, dia bersama Muhammad di gua Thur, dialah yang menutup lubang angin dengan selendangnya.*

*Pada asalnya dia seorang yang kaya namun pada berikutnya ia bersedia terbanting dan menjadi orang yang sederhana, zuhud dan tunduk di bawah naungan agama.*

*Malaikat di langit terus mendoakannya dan mengkhabarkan tentang Syurga Ridwan yang akan dihuninya.*

*Ia adalah orang yang tidak khuatir terhadap celaan di dalam membasmi pemberontak dan musuh-musuh Islam.*

*Dengan tegas dia membunuh orang-orang yang*



*enggan membayar zakat dan memberantas orang-orang yang melampaui batas.*

*Dia adalah ketua dan penasihat di antara para sahabat kerana mempunyai keutamaan dan kebijaksanaan yang lebih dari mereka.*

*Demi Allah s.w.t, mereka tidak akan mampu untuk mengoyak-ngoyak keutamaan itu sebagai barang taruhan kecuali ayahku telah dikebas dari tempatnya oleh mereka.*

*Sungguh neraka jahanam akan diberikan kepada orang yang telah menghina keluarga Muhammad s.a.w dengan memusuhi isteri-isterinya dan saudara-saudaranya.*

*Sungguh kebahagiaan akan diberikan kepada orang yang berbaik sangka dan mengutamakan sahabat-sahabatnya dengan baik.*

*Dengan kecintaan kepada suaminya, dia tidak akan melencong dari ajaran agamanya.*

*Dia adalah yang paling mulia di antara empat khalifah dan merupakan pilihan Ahlul bait.*

*Dia bagaikan tiang-tiang yang berdiri tegak di antara sahabatnya untuk menahan hembusan angin syaitan.*

*Dia adalah wanita yang telah menenun dan merangkai madu di dalam kasih-sayang kerabatnya dan menjaga anak-anaknya yang penuh kasih sayang.*

*Dia adalah orang yang pemurah di antara mereka*

*mendidik akhlak mereka dan mendinginkan hati mereka.*

*Mereka seperti jari-jari yang terangkai dalam kedua tangan. Lantas apakah ada kesamaan antara tapak dengan jari itu.*

*Allahlah yang telah mengangkat kemantapan hati mereka sehingga mereka bersama orang-orang yang memang munafik.*

*Masuknya mereka dalam lingkungan cinta Islam seperti pusingan yang selalu mengelilingi bau busuk di sekelilingnya.*

*Dada orang kafir menjadi gugup ketika berhadapan dengan ayahku dan hati mereka tetap penuh dengan perasaan dengki.*

*Ketika Allah s.w.t sudah berkehendak menolong hambaNya, maka ia akan memberikan dalil-dalil yang mampu mematahkannya.*

*Tuhan telah memadukan umat Islam melalui tangan ayahku dan menjadikan kektakutan mereka dengan rasa yang aman.*

*Barangsiapa yang mencintaiku, maka dia harus menjauhi orang-orang yang telah mencelaku, jikalau itu mereka pandang berguna.*

*Jika cintaku ini dipegang oleh orang yang membenciku maka keduanya adalah sama.*

*Aku adalah wanita yang diciptakan untuk mengeluarkan bau semerbak dan aku wanita terbaik dari isteri terbaik Muhammad s.a.w.*

*Aku adalah Ummu Al-Mukminin dan kecintaanku diperolehi dari ayahku dan apakah mungkin akan menumbuhkan kerugian-kerugian.*

*Allah s.w.t mencintaiku melalui hati NabiNya dan menunjukkanku ke jalan yang benar.*

*Allah s.w.t akan memuliakan orang-orang yang memuliakanku dan akan memudahkan orang-orang yang menurut kehendakku.*

*Kepada Allahlah aku meminta tambahan keutaman dan kepadaNya lah aku bersyukur.*

*Wahai orang yang melindungi Ahlul-Bait, kehinaanmu akan memperoleh rahmat Allah s.w.t. Sampaikanlah kepada ibu Ummu Al-Mukminin dan janganlah kalian melampaui batas sehingga merenggangkan tali iman.*

*Aku adalah wanita yang benar dalam berkat lantas dari apa mereka merendahkanku.*

*Ambillah ia sebagai contoh kerana ia laksana kebun yang telah kusut oleh terpaan angin. Ia membaca selawat kepada Tuhannya untuk Nabi dan keluarganya dan untuk merekalah buah-buah kebun itu."*

Dalam konteks ini dapat dilihat bahawa syair-syair adalah

pujian terhadap kewibawaan Aisyah yang tiada bandingannya. Pembaca akan menemui dalam kitab "*Daaru Al-Kutub Az-Zahiriyah*" satu nasyid Umar yang berbunyi:

*"Wahai kekasihku, tidak ada orang yang mengajar lebih lembut daripada Aisyah binti Abi Bakar."*

## **(II) PENDIRIAN KHAWARIJ**

Khawarij mempunyai keyakinan yang muktamad yang tidak mengenal perbandingan dan tidak ada tolak-ansur sama sekali dalam perang Jamal. Mereka berpendapat bahawa pihak Ali lah yang benar. Sedangkan pasukan unta bermula dari Aisyah, Thalhah dan Zubair adalah orang-orang yang salah dan kafir kerana telah memerangi Ali. Kesepakatan pendapat ini berlaku secara keseluruhan dalam komuniti mereka. Mereka berpendapat bahawa pasukan unta adalah halal darah dan hartanya.

Mereka memberikan beberapa hujah di hadapan Khalifah Ali r.a. terhadap orang-orang yang menyatakan sama ada darah mereka halal dan harta mereka haram bagi kita? Ali menjawab harta mereka haram bagi kita kerana mereka adalah saudara kita.

Khawarij bertanya: "Kami tidak mengerti keputusan seperti ini? Ali berkata yang menjadi pemimpin pasukan ini adalah Aisyah lantas apakah kamu berani menjadikan dia sebagai taruhan?

Mereka berkata: "*Subhana Allah*, dia adalah ibu kita." Ali bertanya apakah haram? Mereka menjawab: "Ya, tentu." Ali berkata: "Oleh kerana itu, putera-puteranya pun haram bagi kita."

Puak Khawarij tidak menerima hujah itu dan mereka tidak memaafkan kesalahan-kesalahannya yang dilemparkan kepada Ali. Nukhailah (salah satu puak dalam mazhab Khawarij) memberikan hujah kepada Ibn Abbas dalam menilai kesalahan Ali yang membuatnya menjadi kafir di mata mereka. Oleh kerana itu, sebahagian daripada mereka mencegah penangkapan yang dilakukan kepada pasukan unta. Salah satu ulasan mereka adalah seperti berikut.

“Jika Ali memang benar, mengapa ia tidak bersikap jelas dalam memberikan keputusan dan ia tidak menjadikan mereka sebagai tawanan perang? Ibn Abbas menjawab apakah kamu rela menjadikan Aisyah sebagai tawanan perang? Mereka meletakkan jari-jarinya di telinga mereka sambil berkata, “Perkataanmu itu wahai Ibn Abbas sangat sukar difahami, kerana hal yang demikian adalah sesuatu yang menyelam dan hampir mati kerana haus dalam mengharungi hujah-hujahnya.”

### **(III) PENDIRIAN GOLONGAN MURJI'AH**

Adapun keputusan kaum Murji'ah dalam menerima persoalan ini ialah, “Kemaksiatan tidak akan memberikan pengaruh terhadap iman, seperti halnya ketaatan tidak akan bermanfaat apabila disertai dengan kekafiran.”

Bertolak dari perbincangan itu, puak Murji'ah tidak mengkafirkan seorang pun daripada kedua belah pihak yang telah bertempur dalam perang Jamal. Mereka beranggapan bahawa orang-orang yang telah terlibat dalam peperangan itu akan selamat.

Walaupun sebahagian mereka berpendapat bahawa pihak Ali lah yang benar, maka tidak sampai membawa

kesalahan-kesalahannya sebagai kekufuran pada pihak yang kafir. Dengan demikian, maka kewujudan Aisyah dan penyokongnya tetap dalam kategori sebagai orang-orang yang selamat dan mereka selamat dari sorotan kritik mereka.

#### **(IV) PENDIRIAN GOLONGAN MUKTAZILAH**

Seperti yang diketahui puak muktazilah adalah salah satu mazhab dalam Islam yang mempunyai pandangan yang lebih jauh dalam menjadikan akal dan logik sebagai sumber hukum yang utama berbanding daripada puak atau mazhab yang lain.

Mereka tetap mengambil kira daya logiknya terhadap aktiviti yang dilakukan oleh sahabat sesuai dengan kadar dan ukuran akal yang mereka miliki.

Mereka tidak sampai melampaui batas seperti puak Khawarij dalam menerima perang Jamal dengan sangat mudahnya mengkafirkan Aisyah, Thalhah dan Zubair kerana telah memerangi penguasa yang sah.

Tetapi meskipun pada saat itu, pihak Ali memperolehi status benar, namun pada masa berikutnya, Ali tetap dikategorikan sebagai orang yang salah dan juga kafir kerana telah menerima tahkim (proses rundingan atau perjanjian senjata dalam perang Shiffin).

Kaum Muktazilah juga tidak bersikap berkecuali seperti keyakinan mazhab *Ahlussunnah*. Mereka terus menggunakan kekuatan akalnya dan menghasilkan kesepakatan majoriti kelompok mereka bahawa Ali berada dalam pihak yang benar dalam melakukan perlawanan

ketenteraan terhadap pasukan unta.

Kesepakatan mereka yang sebulat suara tersebut didasarkan kepada hujah yang cukup logik bahawa Aisyah, Thalhah dan Zubair ternyata sangat meyesal setelah peperangan itu dengan cara melakukan taubat yang sebenar-benarnya (taubat nasuha).

Tetapi meskipun mereka melemparkan kesalahan terhadap puak pasukan unta, namun kesalahan tidaklah membawa kepada peringkat kufur atau munafik. Bahkan mereka tetap menganggap bahawa pasukan unta tetap layak dan patut dalam melaksanakan gerakan ketenteraan tersebut.

Keputusan mereka yang paling mudah digambarkan adalah perkataan mereka bahawa kedua kelompok yang telah bertempur itu adalah orang-orang mukmin dan Islam, namun kebenaran berada pada pihak Khalifah Ali r.a. Sedangkan pihak Aisyah berada pada pihak yang salah dan kesalahan itu tetap merupakan satu *ijtihad* (usaha maksima) yang tidak boleh disifatkan sebagai kafir dan munafik.

Di sini perlu difahami bahawa mazhab Muktazilah dalam menyifatkan kebenaran dan kesalahan terhadap kedua kelompok tersebut adalah tidak menjurus pada peribadi tertentu sama ada Ali atau Aisyah, namun sifatnya masih kabur. Pencetus idea yang demikian, dapat dikatakan bersumber dari Washil bin Attha', Umar bin Ubaid dan Abu Hudail bin Hilaf serta puak yang lain.

Komuniti itu mengecualikan terhadap golongan sahabat yang memang tidak aktif dan berkecuali seperti Sa'ad bin Abi Waqqas, Ibn Umar dan puak *Ahlussunnah*. Namun

secara keseluruhan, mazhab muktazilah memberikan penilaian fasik terhadap salah satu kelompok tanpa ada kejelasan kelompok manakah yang dimaksudkan.

Adapun Washil bin 'Attha' dan Umar bin Ubaid berpandangan seperti yang diriwayatkan oleh para pengikutnya bahawa Ali, Thalhaf, Zubair dan Aisyah adalah orang yang bijak, bertaqwa dan orang yang beriman kepada Allah s.w.t. Sudah sekian lama dalam perjalanan dakwah Islam, mereka memberikan sumbangan yang sangat besar, rela berjuang dan berjihad dalam berbagai bidang.

Sebaik sahaja mereka mendapati bahawa kedua belah pihak tersebut saling berperang dan mempertahankan prinsip dengan pedang, maka mereka berkata:

"Kami mengerti bahawa mereka tidaklah benar semuanya dan boleh jadi salah satu kedua belah pihak ada yang benar dan ada yang salah. Namun kami tidak menemui penjelasan siapakah di antara mereka yang benar dan yang salah? Kami akan mengembalikan kes itu kepada akar persoalan di mana mereka berada dalam kedudukan sebelum mereka melakukan peperangan. Ketika kedua kelompok itu berkumpul, maka kami akan berkata: Salah seorang dari kalian pasti ada yang telah melakukan maksiat (salah), akan tetapi kami tidak mengerti individu yang mana yang telah berbuat seperti itu."

Kemudian Washil bin 'Attha' memberikan pandangan yang bernada teguran atas ulasan di atas dengan katanya: "Jika terdapat dua wakil dari kedua belah pihak, maka kami tidak akan menerima kedua-duanya." Ketika ia di tanya, "Apabila dari kelompok itu adalah orang yang memberikan



kesaksian kepada Ali seperti nama Hasan, Husain, Ibn Abbas dan Umar bin al-Khattab, sedangkan dari kelompok yang lainnya (pasukan Jamal) orang yang memberikan kesaksian kepada Aisyah adalah nama-nama seperti Thalhah dan Zubair, maka apakah kamu akan menerima kesaksian mereka?"

Dia menjawab, " Meskipun yang telah memberikan kesaksian adalah orang-orang yang terbabit secara keseluruhan, kami tetap tidak akan menerimanya." Demikian pula yang diputuskan oleh penyokongnya (Al-Washiliyyah) yang merupakan komuniti yang sefaham dengan golongan Mukhtazilah.

'Umar bin al-Khattab (sebagai ketua mazhab Umariah, satu puak yang sefaham dengan mazhab Mukhtazilah) menyetujui pandangan yang telah dimunculkan oleh Washil di atas. Namun dalam riwayat yang lain yang aku tidak yakin kebenarannya, Umar telah melebihi pandangan Washil tersebut.

Dia berkata: "Kedua kelompok yang terlibat dengan pertempuran senjata dalam perang Jamal adalah orang-orang fasik yang akan menghuni neraka selama-lamanya." Demikian pula yang diyakini oleh penyokong Umar itu di mana mereka tidak menerima kesaksian seorang pun daripada mereka.

## **(V) PENDIRIAN GOLONGAN SYIAH**

Sebelum kita memasuki perbincangan yang dikembangkan oleh mazhab Syiah, ada dua perkara penting yang ingin saya kemukakan di sini, iaitu:

(a) Tidak semua komen yang ditujukan oleh rakyat kepada

Syiah berasal dari ketetapan aliran mereka.

- (b) Tidak ada perbincangan pemikiran yang kita baca dari rujukan-rujukan Syiah tentang keputusan rasmi mereka. Contohnya adalah mengenai kes yang menimpa di kalangan sahabat tersebut.

Penulis akan mengulas huraian Ibn Hadid, seorang cendekiawan Syiah yang telah berjaya menulis ulasan secara bebas terhadap kitab yang bertajuk "*Nahjul Balaghah*." Mengapa hal itu dilakukan oleh penulis, kerana di hadapan saya banyak sekali hadith-hadith yang bertaburan yang dikaitkan kepada Rasulullah s.a.w.

Sebahagiannya menerangkan tentang nilai-nilai positif yang dimiliki oleh para sahabatnya dan sebahagian lagi menerangkan tentang cercaan dan celaan terhadap mereka pada akhir zaman. Sedikit sekali pandangan yang objektifnya menerima perlakuan para sahabat dan keluarganya.

Ibn Hadid berkata: "Maklumkan bahawa percikan pembohongan dalam menerangkan hadith-hadith yang berisi keutamaan adalah bersumber dari puak Syiah. Mengapa demikian? Kerana mereka telah meletakkan berbagai hadith yang berlainan dalam menghadapi sikap lawan-lawan politik mereka. Terbukti, ketika puak Bikriyah (sebahagian puak mazhab Sunni) melihat hadith-hadith yang digunakan oleh Syiah dalam menyerang idolanya iaitu Abu Bakar, maka mereka mengeluarkan hadith-hadith lain sebagai tandingan.

Demikian pula, ketika mazhab Syiah melihat yang digunakan oleh puak Sunni, mereka mengeluarkan tandingan-tandingan

yang lebih hebat.”

Kedua puak tersebut telah bersaing sejak lama dan banyak menghasilkan berbagai perbincangan pemikiran dalam menerima kes yang telah menimpa golongan sahabat tersebut. Keutamaan yang dimiliki oleh Ali dan keutamaan yang dimiliki oleh Abu Bakar menarik mereka pada jurang-jurang *fanatisme* dan ketaksuban yang palsu.

Komen yang sedemikian, saya fikir sangat jarang diperolehi. Saya (penulis) cuba untuk menambah hal itu dari perspektif yang berbeza di mana menurut saya dalam menerima pandangan yang disampaikan oleh Ibn Hadid itu, bahawasanya realiti itu tidak mencerminkan nilai positif yang berada di antara kedua puak.

Hal itu, tidak lebih daripada upaya penyerangan yang isinya menerkam dan memutarbelitkan tujuan yang sebenarnya terhadap puak yang telah melakukan penyerangan pada puak Syiah. Selain itu, adalah pencegahan terhadap kelemahan akal yang dimiliki oleh puak Sunni. Kerana semua itu pada dasarnya adalah suatu realiti yang berisi satu kecacatan para sahabat.

*Ahlussunnah* secara jelas telah merendahkan Allah s.w.t dengan memuliakan para sahabat secara keseluruhan, sama ada yang salah mahupun yang benar. Aliran-aliran mereka terus dipertahankan dari serangan kelompok tertentu meskipun dari mereka sendiri.

Jelas sekali mereka mengutamakan permusuhan ketika terdapat kritikan-kritikan tajam dari pihak lawannya. Mereka mengembangkan dan menyebarkan aliran politik mereka dengan cara mempropagandakan hadith dan riwayat-

riwayat yang beraneka ragam, seperti yang kita lihat sekarang ini.

Puak Syiah berpandangan dalam menerima kes perang Jamal, Ali adalah orang yang benar di dalam memerangi pasukan Aisyah. Orang-orang yang keluar menentangnya seperti Aisyah, Thalhah, Zubair dan penyokongnya adalah orang-orang yang berada pada kedudukan yang salah kerana mereka telah menentang penguasa yang sah.

Pandangan ini merupakan kesepakatan di kalangan Syiah sama ada kalangan yang *konservatif* mahupun yang sudah terpelajar (moderat). Seperti mana yang pembaca lihat, hal itu bukanlah suatu pemesongan. Hal yang demikian boleh dikatakan dalam kalangan Sunni selama tidak menyeleweng dari kesuniannya.

Demikian dalam kalangan Muktazilah, menurut Ibn Hazm bahawa perbincangan pemikiran yang telah disebutkan di atas telah menjadi perspektif seluruh kalangan Syiah, sebahagian *Ahlussunnah*, sebahagian Murji'ah dan majoriti Muktazilah.

Dari sini, saya telah selesai mengkaji mazhab rasmi Syiah dalam menerima pasukan unta khasnya Aisyah sebagai pemimpinnya. Kemudian saya cuba untuk memperkenalkan kepada para pembaca tentang bagaimana pengaruh Aisyah di kalangan komuniti Syiah sama ada dalam satu aspek mahupun secara keseluruhan.

Saya akan menggunakan metodologi diskriptif dalam wacana itu sebentar lagi. Pembaca di sini akan melihat pengaruh tersebut yang telah dibiaskan dengan keras yang tidak dapat disamakan dalam golongan lain yang dihasilkan

oleh seseorang. Itu semua saling berkaitan kerana persoalan itu adalah persoalan politik, *fanatisme* dan keadaan berpura-pura.

Pada dasarnya, kekhalifahan bukanlah satu perkara yang dianggap mustahak oleh mazhab Muktazilah, Murji'ah dan Khawarij. Itu semua kerana mazhab-mazhab atau organisasi yang telah disebutkan itu tidak mempunyai kuasa atau kekuasaan untuk menguatkuasakan peraturan.

Dengan demikian komuniti itu tetap selamat dari bias-bias hukum (kecelaruan hukum) yang tanpa disedari akan mengheret mereka lebih jauh, misalnya kepada peperangan seperti yang dilakukan oleh puak Khawarij.

Acapun mazhab Syiah pula, sememangnya ia adalah parti politik yang menjadi pembangkang terhadap pemerintahan Umayyah dan Abasiyah bahkan daulah Uthmaniah. Kenyataan itu boleh dibenarkan kerana asas yang paling mendasar dalam komuniti mereka adalah permasalahan khalifah yang menurut mereka adalah sebagai hal yang murni menjadi hak milik keturunan Bani Hasyim sehingga tidak sah sekiranya puncak kekuasaan itu atau khalifah itu dipegang oleh selain mereka di mana dan bila.

Mereka berjuang untuk agamanya dengan cara mengorbankan seluruh kemampuan yang ada dalam mengembalikan kebenaran kepada pemiliknya. Oleh itu, mereka tetap menaruh perhatian yang sangat optimis dalam menghadapi puak Bani Umayyah dan Bani Abbas dan para pemimpin selepasnya. Sikap yang demikian, dapat ditemui oleh seluruh individu yang melakukan penelitian sejarah.

Mereka pasti menemui perjalanan sejarah kaum Syiah

penuh dengan rintangan dan bencana yang sangat hebat dan tragik, namun mereka tetap tabah dalam menghadapinya.

Persoalan lain yang penulis hendak kemukakan di sini adalah tentang permusuhan mereka terhadap orang yang telah memerangi Khalifah Ali r.a. Mereka memusuhi dengan mendalam dan belum terubat dalam dekad waktu dua atau tiga abad kemudian dari terjadinya peperangan itu. Mereka berpandangan yang sememangnya dianggap benar, bahawa seandainya tidak terjadi perlawanan dan bangkangan terhadap Khalifah Ali, nescaya kekuasaan Ali akan semakin kuat dan akan berjaya membentuk satu kekaisaran dan satu empayar yang sangat besar.

Dari kehebatan, kebijakan, kezuhudan dan kewarakan Imam Ali bin Abi Talib r.a. akan wujud keadilan, kebahagiaan dan kesejahteraan dan yang paling penting adalah puncak kepimpinan tetap akan dipegang oleh anak cucunya yang telah disucikan dan pada masa yang sama rakyat akan menikmati keadilan hukum dan mengecapi kemakmuran maksima.

Mereka sangat marah terhadap *figur* Aisyah yang telah membuat fitnah yang tidak pernah dilakukan oleh orang-orang selainnya. Sesungguhnya sebelum berlaku peristiwa tersebut sememangnya Aisyah adalah wanita yang menjadi pemimpin dan yang ditaati oleh mereka. Sebaik sahaja cakerawala pemikiran pembaca menembusi persoalan itu, maka pembaca akan menemui satu anggapan seperti yang telah mereka yakin bahawa Aisyahlah orang yang pertama menjejaskan dan melemahkan kekuasaan Khalifah Ali r.a.

Sekiranya Thalhah dan Zubair tidak meminta Aisyah agar keluar bagi melakukan perlawanan bersenjata, nescaya

ia tidak akan menerimanya, apatah lagi mereka telah keluar terlebih dahulu dalam menghasut dan mempengaruhi rakyat kecil agar memberikan sokongan. Hal ini ditempuh oleh mereka berdua, kerana Aisyah mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam kalangan rakyat ketika itu.

Sudah tentu Khalifah Ali memperlakukan mereka dengan sikap yang lemah-lembut dan bukan memecah-belah rakyat. Sesungguhnya Khalifah Ali masih memerlukan waktu yang mencukupi dalam menyelesaikan kes perusuh dan pembunuh Khalifah Uthman yang selama ini dijadikan alat paling tepat bagi Muawiyah dan orang-orang yang mempunyai hubungan darah dengan Bani Umayyah untuk mencapai tujuan politiknya.

Pembaca seharusnya tidak tergesa-gesa dan terlalu jauh menilai persoalan tersebut. Penulis akan menghuraikan dengan panjang lebar kepada para pembaca sekalian tentang perbincangan ini yang menjadi keyakinan kaum Syiah dalam menerima Aisyah. Saya fikir, adalah tidak keterlaluan apabila saya mengatakan bahawa anggapan seperti di atas bukan keyakinan kaum Syiah secara keseluruhan.

Kebimbangan yang selama ini membayangkiku adalah ketika mereka menolak sesuatu riwayat yang disampaikan oleh sahabat-sahabat yang tidak disukai iaitu mereka yang tidak sefaham dengan Khalifah Ali r.a. Sebagai contoh, pembaca akan menemui dalam kitab "*Amalinya*," Murtadha yang diriwayatkan dari Ibn Abbas yang menyebutkan bahawa, "Mayat akan diseksa apabila ditangisi oleh sanak keluarganya." Itu adalah hadith yang disahkan oleh Aisyah pada Ibn Abbas.

Cuba pembaca perhatikan ketika Murtadha sampai pada *sanad* Aisyah, dia tidak menyebutnya bahkan ia hanya menyebutkan dengan kata-kata, "Diriwayatkan dari sebahagian isteri-isteri Nabi dan seterusnya."

Mereka tidak berhenti pada peringkat itu sahaja, tetapi yang lebih hairan lagi adalah mereka berani mengatakan hadith kepadanya yang sama sekali dia sendiri tidak meriwayatkan hadith tersebut dan mengaitkan kepadanya. Mereka menyangka bahawa dia adalah wanita yang telah menyuruh ayahnya untuk menjadi imam solat ketika Nabi Muhammad s.a.w sakit. Padahal realiti yang terjadi menurut mereka adalah Nabi sejak awal telah menyuruh Ali r.a. untuk melakukan hal itu, tetapi dialah (Aisyahlah) yang menyuruh bapanya untuk menggantikannya.

Pada pandangan mereka, beliau adalah isteri Nabi s.a.w yang telah mengkhianati wasiat yang telah diterimanya. Mereka beranggapan bahawa ia adalah wanita yang pertama telah menyuruh agar Uthman bin Affan dibunuh dengan perkataannya: Bunuhlah Na'thal (panggilan untuk Uthman) kerana dia telah menjadi seorang yang kafir.

Seiring dengan beredarnya riwayat yang dianggap *mutawatir* dan masyhur dalam keadaan agama mengalami suasana darurat dan beredarnya matahari pada pusarannya, maka orang-orang Syiah tidak berusaha untuk meninjau aspek-aspek positif yang ada dalam diri Aisyah di mana hal itu hanya dijadikan komoditi untuk memperkuat semangat *fanatisme* dan mencapai tujuan politik mereka semata-mata.

Hal yang demikian merupakan pembohongan yang sangat jelas dan terang. Dalam surah An-Nuur ada ayat yang turun berkaitan dengan terlepasnya Aisyah dari sebarang



tohmahan keji, iaitu ayat yang bermaksud:

*“Sesungguhnya orang-orang yang datang dengan kebohongan dari kelompok kalian.”*

(An-Nuur: 24: 11)

Di mana telah banyak didapati riwayat yang menjelaskan perkataan ‘*Al-lfk*’ itu dalam berbagai kitab sejarah metodologi hadith. Setiap Muslim yang meneliti sejarah bangsa Arab memahami bahawa ayat itu turun mengenai Aisyah seperti halnya mereka mengetahui bahawa Nabi Muhammad berhijrah ke Madinah. Malangnya menurut Ibn Abi Hadid bahawa kaum Syiah sama sekali tidak mengiktiraf bahawa ayat pada surah An-Nuur di atas tidak turun berkaitan dengan Aisyah, melainkan memperkatakan tentang Mariah Qibtiyah.

Kemudian mereka cuba menghakis rasa cinta terhadap beliau dan menumbuhkan perasaan benci kepadanya yang menghantar sebahagian mereka kepada sikap *fanatisme* yang membabi buta. Hal itu hanya akan menimbulkan kecelaruan antara benci dan cinta itu sendiri. Inilah di antara beberapa kelemahan dan kesalahan pada diri kaum Syiah. Mereka memaksa sebuah fahaman yang sesat di dalam mentafsirkan lafaz *ahlu bait* dalam surah Al-Ahzab yang dinula dengan ayat sebagai berikut “*yaa nisaanNabi.*” Mengikut mereka, lafaz itu bermakna Ali, Fatimah dan anak cucunya, bukan isteri Nabi s.a.w yang lain.

Dengan demikian, secara jelas mereka telah melakukan satu penyelewengan yang melampaui batas. Ada pun ayat itu secara lengkap berbunyi seperti berikut:

يَنِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ ۚ إِنِ اتَّقَيْتُنَّ  
 فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ  
 وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾ وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا  
 تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ ۚ وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ  
 وَءَاتِينَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ  
 اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ  
 تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾ وَأَذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِي بُيُوتِكُنَّ مِّنْ  
 ءَايَاتِ اللَّهِ وَالْحِكْمَةِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا



(الأحزاب ٣٢-٣٤)

"Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertakwa. Oleh itu, janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu) dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)."

*“Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai “Ahlul Bait” dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji). Dan ingatlah (serta amalkanlah) apa yang dibaca di rumah kamu dari ayat-ayat Allah (Al-Quran) dan hikmah pengetahuan (hadith-hadith Rasulullah). Sesungguhnya Allah Maha Halus tadbirNya, lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.”*

(Al-Ahzaab: 33: 32-34)

Saya (penulis) akan menunjukkan kepada para pembaca tentang perkara yang berkaitan dengan sesuatu keterangan yang ada sebelum dan selepas ayat itu, iaitu lafaz yang berbunyi *Ahlal baiti* sehingga pembaca tahu bagaimana sebahagian mereka telah menyembunyikan pemahamannya. Hawa nafsu mereka sudah tidak dapat dikendali dan dipandu pada jalan yang lurus.

Mereka menutup pintu rapat-rapat ke atas sesuatu yang positif yang ditujukan pada diri Aisyah sehingga memudahkan mereka melemparkan berbagai penghinaan kepada *figur* Aisyah.

Apabila kita bertanya: “Siapakah yang dimaksudkan dengan keluarga Nabi Muhammad s.a.w? Adakah termasuk isteri-isterinya?” Maka perawi hadith dari kalangan

mereka menjawab: "Tidak! Demi Allah, wanita itu (Aisyah) adalah wanita yang telah dicerai oleh Nabi Muhammad s.a.w dan setelah itu dia pulang ke pangkuan ayah dan umatnya. Oleh itu yang menjadi keluarga Nabi s.a.w adalah keturunannya dan kerabat dekatnya."

Adapun perkataan Zaid Bin Arqam sebagai perawi hadith ini, seandainya benar *penisbatan* kepadanya, maka makna hadith itu telah keluar dari kebenaran. Mengapa demikian? Kerana Allah s.w.t telah mengangkat darjat kaum wanita dan memuliakan seluruh isteri Nabi s.a.w melalui keterangan yang jelas dalam Al-Quran.

Alangkah jauhnya tafsiran seseorang yang telah mengetepikan sahabat yang telah meriwayatkan ayat yang diturunkan tersebut? Selain daripada itu bagaimana mungkin sesuatu dapat dikatakan benar padahal tidak mempunyai acuan atau asas yang bernas dalam periwayatannya.

Mereka tidak terhenti pada persoalan itu sahaja. Mereka beranggapan bahawa Rasulullah s.a.w telah memberikan kuasa penuh kepada Ali bin Abu Talib r.a. untuk menceraikan isteri-isteri baginda setelah baginda wafat. Ini dilakukan oleh sahabat Ali r.a. dengan kuasa penuh sehingga dengan bebas dia dapat menceraikan mana-mana isteri Nabi yang dia kehendaki.

Berkaitan dengan wasiat itulah, maka Ali telah menceraikan Aisyah dari Nabi s.a.w ketika perang Jamal yang telah digantikan oleh isteri Nabi yang lain yang telah meninggal dunia 25 tahun sebelumnya. Dengan demikian, Aisyah tidak lagi berhak menduduki darjat yang tinggi dan memiliki kehormatan agung sebagai isteri Nabi Muhammad s.a.w

seperti mana isteri-isteri baginda yang lain. Masalah tersebut mendapat ulasan daripada Al-Ustaz Nisyasyiyi dalam kitabnya yang bertajuk "*Al-Islam As-Shohih*" di mana beliau berkata:

"Orang atau peneliti yang tidak mempunyai sebarang kepentingan tertentu adalah tidak cukup dengan memetik hadlith yang telah diriwayatkan oleh Zaid bin Arqam dan lainnya. Setelah kewafatan Nabi s.a.w, mereka menceraikan sebahagian isteri Nabi s.a.w dengan hasil yang sia-sia dan tidak berguna sama sekali."

Pembaca akan mengetahui dalam kitab-kitab yang menjadi rujukan Syiah tentang permulaan mereka ke atas sebahagian isteri-isteri Nabi Muhammad s.a.w, bahkan dengan mudah mereka melepaskan Aisyah dari ikatan Nabi s.a.w sebagai isteri Nabi s.a.w. Mereka berkata: "Nabi Muhammad s.a.w telah memberikan kuasa penuh kepada Ali untuk menetap dan menceraikan isteri-isteri Nabi s.a.w dengan kehendaknya. Dia telah menceraikan Aisyah daripada Nabi s.a.w setelah kewafatan Nabi s.a.w, ketika perang Jamal."

Dengan demikian, secara *automatik* Aisyah telah keluar dari barisan isteri-isteri Nabi dan hukum atau kemuliaan yang berkaitan dengan mereka.

Pembaca akan menemui hal demikian dalam buku yang dikarang oleh Sulaiman bin Abdullah Al-Bahrani yang menerangkan tentang peranan para sahabat. Beliau berkata: "Dalam kitab "*Al-Ihtijaj*," Thabrasi meriwayatkan dari Said Bin Abdullah bahawa ada seorang anak bertanya semasa hidup ayahnya, "Wahai tuan dan putera tuanku! Telah diriwayatkan kepada kami bahawa Rasulullah s.a.w telah memberikan kuasa penuh kepada Ali r.a. untuk

menceraikan isteri-isterinya yang ia kehendaki sehingga ia mengutus seorang wakil untuk menemui Aisyah dan berkata: Kamu (Aisyah) telah merosak Islam dan pemeluknya dengan segala tipu daya dan kamu telah menjerumuskan mereka dalam lembah kebodohan dan kejahilan.”

“Jika hal ini tidak kamu hentikan, maka aku (Ali) akan menceraikanmu dari status sebagai isteri Nabi. Wahai tuanku! Ceritakanlah kepada kami bagaimana maksud yang sebenarnya dari pemberian kuasa yang telah disampaikan oleh Nabi s.a.w kepada Ali r.a. itu? Kemudian dia menjawab:

“Sesungguhnya Allah Yang Maha Agung telah memuliakan isteri-isteri Nabi s.a.w. Nabi s.a.w pernah bersabda: “Wahai Abu Hasan (Ali)! Kemuliaan itu akan tetap bersemayam dalam dada mereka selagi mereka tidak melanggar ketaatan mereka kepada Allah s.w.t. Apabila mereka melanggar dan menentangmu, maka ceraikanlah mereka dan jatuhkan mereka dari kemuliaan sebagai isteri-isteri Nabi s.a.w.”

Thabrasi menguatkan hujahnya dengan Al-Baqir yang pernah berkata: “Ketika perang Jamal terjadi, Aisyah dengan cekap menunggang untanya. Pada saat itulah Ali berkata, “Aku tidak melihatnya kecuali sebagai wanita yang telah diceraikan dari ikatan isteri-isteri Nabi. Pada saat itu terdapat orang yang pernah mendengar sabda Nabi s.a.w yang berbunyi: “Wahai Ali! Persoalan isteri-isteriku setelah kematianku ada di tanganmu, dia segera berdiri dan memberikan kesaksian dan kemudian diikuti oleh 13,000 orang yang hadir dan memberikan kesaksian.”

Pembaca tentunya dapat mengetahui sebahagian riwayat-riwayat tentang hadith yang menerangkan masalah perceraian yang tidak mungkin saya paparkan di sini. Demikianlah perkataan akhir daripada Al-Bahrani.

Saya sangat yakin bahawa sebahagian besar riwayat yang berorientasi seperti di atas adalah banyak diselubungi dengan pembohongan yang disebarkan oleh sebahagian puak Syiah yang pada hakikatnya mereka adalah orang-orang yang jahil. Mereka cuba untuk mengaitkan riwayat tersebut kepada para Syiah yang berbudi luhur yang pada hakikatnya tidak pernah melakukannya.

Itu semua dilakukan untuk melemahkan golongan bawahan dalam keagamaan (iaitu pengikut) untuk ditarik dalam komunitinya dan dalam upaya menjadikan barang dagangannya dapat dan terbeli oleh golongan yang lain. Selain itu, mereka mempunyai cara lain yang sangat jitu. Mereka menggunakan kemampuan para penyair mereka dalam rangka menjatuhkan *kredibiliti* dan reputasi Aisyah serta para penyokongnya seperti Thalhah dan Zubair. Sebahagian isi syair-syair mereka tidak jauh berbeza dari konteks di bawah ini yang berbunyi:

“Dia (Aisyah) datang dengan untanya bersama-sama penyokongnya menuju ke Basrah. Dalam perjalanannya, dia ibarat kucing yang kelaparan dan bersiap-siap untuk memakan anaknya sendiri.”

“Yang lebih aneh lagi adalah sebahagian daripada mereka yang menyangka bahawa kata-kata wahai Humaira’ (wanita yang hitam manis adalah satu panggilan manja bagi kecantikan Aisyah) ketika aku berhadapan denganmu, karnu bagaikan anjing yang menggonggong dan

memerangi Ali. Kamu telah berbuat zalim kepadanya.” Ini dianggap hadith dan lebih lanjut mereka berkata:

“Sesungguhnya aku berhutang untuk mencintai keluarga Muhammad s.a.w dan putera-puteranya yang telah menerima wasiat darinya dan menjadi saksi baginya. Tetapi aku sudah terlepas ikatan dengan Thalhah, Zubair dan wanita yang telah menggonggong seperti Anjing.”

Sedangkan sebahagian yang lain menjauhkan diri daripada melakukan tafsiran dari sebahagian ayat-ayat dan mereka tersesat dengan teruk. Ketika mereka menafsirkan firman Allah s.w.t yang menerangkan tentang Nabi Musa a.s. yang berkata kepada umatnya yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَذْبَحُوا بَقَرَةً mereka menyangka bahawa yang dimaksud dengan Lafaz *Al-Baqarah* adalah Aisyah.

Bahkan yang lebih menggelikan adalah sebahagian dari mereka yang melampau dalam membincangkan Aisyah, Thalhah, Zubair, Abu Bakar, Umar dan Uthman. Mereka memberikan kritikan yang sangat melampau pada kelaknatan yang jelas. Sebahagian dari mereka menjadikan kelaknatan terhadap Aisyah sebagai bentuk ibadah dan *taqarrub* kepada Allah s.w.t. Mereka melakukan kelaknatan atau kutukan terhadap Aisyah, Thalhah dan Zubair dan pada masa yang sama sering *menisbahkan* kepada Ali bin Abi Talib sebagai seorang pemimpin yang agung, pencinta dan pemaaf serta berkasih-sayang.

Saya (penulis) menganggap hal itu cukup untuk menggambarkan fenomena di atas, kerana perbincangan mengenai Thalhah, Zubair dan Aisyah dalam kes perang Jamal telah saya paparkan pada pembaca sebelumnya.



Allah s.w.t sendiri memuliakan orang yang paling dilaknat oleh mereka, lantas bagaimana mungkin orang-orang mulia dan yang dihormati yang terdiri dari para sahabat dan isteri-isteri Rasulullah s.a.w itu layak mendapat kutukan dan laknat ke atasnya?

Walaupun begitu, penghinaan dan kutukan terus dilakukan oleh sebahagian kaum Syiah. Anehnya dengan segala tipu dayanya, mereka telah berjaya *menisbatkan* perkara keji itu kepada Khalifah Ali r.a dan menjadikan laknat dan kutukan tersebut sebagai bentuk ibadah kepada Allah s.w.t.

Jika kita membuka kitab-kitab mereka seperti kitab yang bertajuk "*Miftah Al-Janan*" dan "*Dalail Al-Khairat*" yang berisikan doa-doa seperti yang dijadikan pegangan oleh golongan awam, Mesir dan Syam, maka akan ditemui doa-doa yang intinya dapat dinyatakan seperti berikut:

"Ini adalah berhala-berhala Quraisy yang diperolehi dari *Amir Al-Mukminin* Ali. Adapun doa itu dimulakan dengan kata-kata sebagai berikut: "*Allah Humma Shalli Ala Muhammad wa Ali Muhammad Wa 'an Shanami Quraisyin wajaddatai hima wathagutaihim waifkaihim wabnataihima.*"

Sebahagian *Ahlussunnah wal Jamaah* menghadapi permusuhan itu yang ditujukan kepada para sahabat Rasulullah s.a.w dengan bentuk yang sama dengan kata lain Al-Hadith dilawan dengan Al-Hadith dan Syair dilawan dengan Syair, menolak ulasan yang berasal dari perintis Syiah kerana perintis itu terbabit dalam penghinaan dan pelaknatan, padahal realiti yang terjadi banyak komen-komen dari perintis Syiah yang mengagungkan Aisyah, Thalhah, Zubair, Abu Bakar dan Umar dan seterusnya.

*Fanatisme* boleh menyebabkan *apriori*, *kontra* serta mencampuradukkan riwayat seperti yang telah dinyatakan oleh Ibn Al-Hadid. Pembaca akan mengetahui ramai penyair yang membantah sahabat dan menolak penghinaan terhadap golongan sahabat.

Pembaca melihat banyaknya nasyid-nasyid mengenai Aisyah yang serupa dengan nasyid sebelumnya. Pembaca jangan silap bahawa ada upah yang diberikan penguasa ketika itu kepada penyair sebesar 100 dinar untuk menyokong fahaman Syiah. Lantas apakah itu masih sesuai bagi wacana pemikiran sekarang yang berkembang.

Perlu dimaklumkan bahawa sikap yang melampaui batas puak Syiah adalah sesuatu yang tidak masuk akal sekiranya hal itu *dinisbatkan* dengan sikap kebencian Ali terhadap orang-orang yang telah dicela. Dengan demikian hal itu tidak lebih dari mencuri makna yang telah terpesong dari matlamatnya. Yang lebih popular dengan istilah puak Nasibah iaitu orang-orang yang mengikut jejak Syiah dalam amalan sehariannya, kadang-kadang memberi pemaknaan yang dapat diterima dan kadangkala jauh dari kebenaran.

Kemudian timbul satu soalan, manakah yang patut diterima dalam konteks ini. Menurut saya (penulis) adalah tepat apabila merujuk kepada Ibn Taimiyah dalam menerangkan aspek tujuan perang Jamal dan sikap puak Syiah terhadap puak Zubair yang dianggap sebagai orang yang telah menyebabkan Aisyah keluar dari rumahnya dan tidak menghormati nama baik Rasulullah s.a.w dalam kehormatan keluarganya.

Salah satu yang pernah dilontarkan dari puak Nasibah (sebagai bentuk perlawanan dalam komuniti Syiah) adalah

makian terhadap Ali, yang mana kata-kata mereka adalah: "Sesungguhnya dosa orang yang pernah melemparkan anak panah kepada Aisyah dan menjadikan tawanan pasukannya adalah lebih besar daripada dosa orang yang telah mengeluarkan Aisyah dari rumahnya."

Inilah yang kadangkala mengeluarkan dan membawa gaya kritik terhadap sebuah penghinaan yang telah melencong dari arah kritikan itu sendiri. At-Tabari menyebutkan kepada kita bahawa pada tahun 240 H terdapat seseorang yang khianat. Ia adalah penduduk Baghdad yang bernama Isa bin Ja'far yang secara terang-terangan di hadapan khalayak ramai berani menghina Abu Bakar, Umar, Aisyah dan Hafshah.

Masyarakat akhirnya mengadukannya kepada Gabenor dengan membawa saksi 17,000 orang. Keputusan yang diperoleh dari Gabenor adalah orang tersebut mesti didera 500 kali dengan sebatan sesuai dengan penghinaannya. Tindakan itu sebagai satu bentuk hukum terhadapnya di mana ia telah melaknat, mengkafirkan dan melemparkan dosa-dosa besar kepada para sahabat.

Disebutkan bahawa apabila dia mati hendaklah dicampakkan ke dalam sungai tanpa disolat terlebih dahulu. Langkah ini sebagai peringatan untuk mencegah adanya orang-orang kafir baru dan keluar dari komuniti-komuniti orang Islam.

Ibnu Jauzi meriwayatkan bahawa telah terjadi kes seumpama ini beberapa abad lalu. Ia menyatakan: "Dalam satu halaman masjid terdapat beberapa orang yang mendakwa bahawa diri mereka adalah orang-orang Syiah, di mana pada saat itu hendak melaksanakan solat dan

kemudian duduk-duduk. Terdengar oleh Al-Muqtadir Billah bahawa orang-orang Rafidhah (panggilan puak Syiah) telah berkumpul di hadapan masjid untuk mencela para sahabat dan menyatakan keluar dari barisan mereka.

Beliau mengarahkan agar menangkap mereka pada hari Jumaat ketika melaksanakan solat Jumaat bersama-sama. Orang-orang yang ada dijumpai berada disana ditangkap dan diarak kemudian dimasukkan dalam penjara dalam tempoh yang cukup lama. Mereka merobohkan masjid hingga akhirnya rata dengan tanah. Akibat yang ditimbulkan adalah mereka solat di tanah lapang dan kejadian ini terus berlangsung hingga ke tahun 328 Hijrah."

Musabbihi menceritakan bahawa Hakim Agung yang pada ketika itu dijabat oleh Abdul Aziz bin Nu'man melakukan penegahan terhadap orang-orang di Kaherah pada hari 'Asyura' tahun 396 Hijrah untuk melakukan ratapan atas kejadian masa lalu yang boleh mendatangkan simpati orang ramai.

Namun setelah adanya larangan pemerintah tersebut terhadap satu puak pada hari Jumaat, yang berkumpul di Masjid Jami', keluar untuk tunjuk perasaan dengan menyebut kekurangan para sahabat terdahulu melalui kritikan mereka. kelompok itu menangkap seseorang dan berkata dengan lantang: "Inilah balasan bagi orang yang telah menghina Aisyah dan suaminya." Orang tersebut kemudian dipukul tengkuknya.

Telah diketahui bahawa di berbagai negeri terdapat ramai komuniti yang menaruh simpati pada sahabat Ali dan hal ini membuat kebimbangan pada pihak kaum Sunni.

Pada pandangan penulis, hal ini adalah untuk menampakkan persaingan antara berbagai mazhab yang hanya akan menyebabkan kekerasan. Ahli sejarah mengatakan bahawa ketika puak Syiah dalam puncak kekuasaan, banyak kejadian yang membimbangkan pihak lain.

Ketika ada seseorang Syiah dan pada saat itu, dia dipanggil oleh kawan perempuannya dengan sebutan, "Wahai Abu Bakar" dan dibalas olehnya dengan sebutan, "Saya, Aisyah." Mendengar itu, perempuan itu tersanjung dan berkata, "Aku bersyukur jika aku seperti Aisyah." Lelaki itu menjawab: "Wahai saudariku! Apakah kamu mahu membunuhku sendirian?"

## **(VI) PENDAPAT SEORANG MUJTAHID SYIAH MASA KINI**

Dalam konteks ini, (penulis) merasa perlu untuk memetik beberapa pandangan seorang *mujtahid* Syiah masa kini dalam menerima paradigma tentang Aisyah dari berbagai rujukan yang telah disepakati. Penulis menemui seorang Mufti Syiah di Syam yang bernama Sayyid Muhammad Muhsin Al-Amin Al-Amili pada bulan Muharam tahun 1363 Hijrah dengan beberapa soalan seperti berikut:

- Bagaimana pandangan Syiah tentang Aisyah serta apa pandangan anda sendiri sebagai salah seorang *Mujtahid* Syiah dalam menerima perkara-perkara yang berkaitan dengan kes itu?

Beliau menjawab: "Mengenai soalan yang pertama adalah sama dengan apa yang telah dihuraikan sebelumnya oleh (penulis). Sedangkan untuk jawapan yang kedua adalah bahawa Aisyah merupakan *figur* seorang wanita yang telah menghasilkan berbagai hadis

dari lisannya yang diperoleh dari suaminya iaitu Rasulullah s.a.w. Sejarah telah banyak menyimpan *arkib* yang sangat penting dan bernilai mengenai peranannya yang tidak mungkin dijelaskan secara terperinci.”

Dalam perang penaklukan kota Mekah disebutkan bahawa Aisyah pernah berbincang dengan Nabi mengenai anaknya Ibrahim. Ia berkata: “Wahai Muhammad! engkau adalah orang yang telah diutus oleh Allah dan tuan tidak pernah melakukan sesuatu yang tidak adil seperti ketika engkau berada di Aleppo (nama kota di Syria). Ketika Nabi memperlihatkan anaknya Ibrahim kepada Aisyah, maka Aisyah melihat antara Nabi dengan anaknya itu sangat serupa. Inilah yang menjadi bukti bahawa Aisyah telah mendapat berkat daripada Muhammad.

Ahli sejarah mengatakan bahawa Aisyah telah tersalah kerana beliau telah keluar menentang Ali untuk menuntut darah Uthman dan dia tergolong pada salah satu penentang Ali yang terbesar. Nabi pernah berkata kepada isteri-isterinya: “Bagaimana rambutku ini, kerana telah dipegang oleh Aisyah dan ia akan digonggong oleh anjing dan akan banyak mayat bergelimpangan di sekitar kanan dan kirinya.”

Allah s.w.t telah memerintahkan dengan firmanNya yang berbunyi:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى Para pembelanya mengatakan bahawa ia dalam kedudukan yang uzur dimana ia telah melakukan *ijtihad*, tetapi *ijtihad*nya salah dan melahirkan dosa. Tetapi setelah itu, ia melakukan taubat nasuha kepada Allah s.w.t Pada pandangan saya, kenyataan ini adalah sangat sulit kerana masih berkait dengan *ijtihad*.

Jika saya tidak memetik pemikiran Syiah terdahulu, maka saya simpulkan bahawa tindakan Aisyah tetap merupakan langkah *ijtihad* yang murni.

Ketika kematian Ali r.a. didengar oleh Aisyah r.a, beliau sempat memberi ulasan yang digubahnya dalam bentuk syair seperti berikut:

*"Hadiah anak-anak kecil yang terus mencaci-maki  
Abu Bakar dan menyakitkan lubuk hati akan  
terngiang di tengah-tengah kita sebelum kamu  
memberikan peringatan kepada mereka yang  
kedudukannya seperti lalat-lalat itu."*

Sebahagian ulama terkenal Syiah menyampaikan kenyataan dalam bentuk syair seperti berikut:

*"Apa yang aku sampaikan mengenai peperangan  
yang dilakukan olehmu adalah salah satu hal yang  
menempati kerosakan. Wahai Humaira (gadis hitam  
manis) sesungguhnya seluruh umat ini  
memandangmu dengan penuh kehormatan."*

(Demikianlah jawapan Sayyid Muhammad Muhsin).

Setbagai makluman, bahawa Sayyid Muhammad Muhsin ini adalah seorang *Mujtahid* Syiah terkenal yang sama sekali tidak memandang bahawa Aisyah telah salah dalam *ijtihad*nya dan hal yang demikian sudah jelas ada kesamaan dengan pendapat sebahagian puak Sunni. Ia tidak disifatkan sebagai orang yang telah melakukan kesalahan dalam *ijtihad*nya seperti yang dikatakan oleh puak Muktazilah atau disifatkan kafir seperti mana yang didakwa oleh puak Syiah yang melampaui batas dan orang-orang Khawarij.

Semoga kenyataan beliau ini sekurang-kurangnya memberikan gambaran yang jelas mengenai perkembangan pemikiran yang berlaku antara Syiah terdahulu dan sekarang serta sebahagian golongan Sunni.

Dari perbincangannya, Sayyid Muhammad Muhsin telah memberikan 2 alasan yang ditujukan kepada Aisyah, iaitu:

1. *Berijtihad*, namun kemudian salah.
2. Berdosa dan kemudian bertaubat.

Di dalam dua hal itu, ia telah menghilangkan aspek yang pertama dan tidak memberi ulasan mengenai yang kedua. Apakah sikap diamnya itu merupakan isyarat untuk memberikan pengetahuan yang lebih luas terhadap agama? Saya sebagai penulis tidak mengerti. Saya hanya berusaha untuk mendapatkan penjelasan yang sejelasnya dari berbagai pihak dan penjelasan itu sudah pembaca dapatkan melalui temubual yang telah saya lakukan.

Pada pandangan saya, pendapat yang mengatakan bahawa beliau berdosa dan kemudian bertaubat adalah alternatif murni yang berasal dari Aisyah bukan yang lainnya.

Adapun Ibn Abi Hadid melalui bukunya "*Syarah Nahjul Balaghah*" yang telah menjadi rujukan kesepakatan pendapat kalangan Syiah - dalam menerima ulasan Sayyid Muhammad Muhsin itu, mengatakan bahawa, "Kaum Syiah telah sepakat mengkafirkan seluruh pemimpin dan penyokong pasukan Jamal." Ini bermakna bahawa di antara salah seorang isteri Nabi, ada yang telah menjadi kafir sama ada menurut golongan Syiah mahupun selain



golongan mereka.

Secara global, dapat dikatakan bahawa golongan Syiah dalam menerima politik Aisyah melihat berbagai aspek yang sekurang-kurangnya terdapat dua perkara iaitu secara sederhana (positif) dan ada yang melampau (negatif).

Sebenarnya bagi seseorang dalam sesebuah komuniti, setelah memberikan kebenaran dan kepositifan kepada Ali r.a, seharusnya dapat membawa sesuatu kesan, dalam erti tidak melakukan sesuatu yang telah ditentukan sebelumnya meskipun perkembangan dari persoalan itu luas dan di kalangan moden pula mereka telah berubah haluan iaitu dengan memberikan penilaian yang positif kepada Aisyah dan menggunakan kekuatan akal yang logik dengan baik.

Namun apa yang sangat mendukacitakan adalah anggapan mereka yang menjadi satu keyakinan bahawa seluruh isteri Nabi boleh disifatkan sebagai kafir sekiranya mereka menentang Khalifah Ali r.a.

Sebelum mengakhiri perbincangan dalam fasal ini, saya ingin memberikan dua perkara penting sebagai bahan pertimbangan bagi seseorang yang ingin mendapatkan kebenaran hakiki, iaitu:

Pertama: Di kalangan Syiah sudah banyak dipengaruhi oleh ramai orang yang memeluk agama Islam ini dengan tidak ikhlas dan penuh dengan tipu-daya serta mempunyai tujuan untuk merosak akidah Islam dari dalam. Di dalam memeluk Islam, mereka banyak membawa akidah-akidah lama dan keyakinan mereka sebelumnya seperti unsur

Majusi dan Yahudi.

Matlamat yang menjadi sasaran mereka adalah menghancurkan umat Islam sama ada dari segi politik, nilai, imej mahupun keyakinan. Mereka tetap berusaha untuk memasukkan tipu-daya itu ke dalam tubuh berbagai mazhab sama ada puak Syiah mahupun puak *Ahlussunnah*.

Usaha-usaha itu biasanya disimpan kemas dan penuh gemerlapan, akhirnya banyak golongan yang terjebak di dalamnya tanpa ada kesedaran bahawa hal itu merupakan bahaya besar yang bila-bila masa dapat menyerang mereka. Ini disebabkan kebusukan yang terdapat di dalamnya adalah sangat sulit untuk dikenal pasti.

Para penipu ulung itu dengan mudahnya memasukkan fahaman sesat ke dalam kerongkong mereka yang telah benar-benar ikhlas memeluk agama Islam. Hal yang demikian membuat kesulitan bagi orang-orang yang berada dalam komuniti Syiah untuk membezakan mana yang benar dan yang salah.

Persoalan ini benar-benar telah menjadi realiti yang tidak dapat diragukan lagi. Sebahagian ulama' (Puak Rafidah atau puak orang-orang murtad) ketika mengatakan, "Ada golongan penyusup yang telah murtad" bukan bererti itu menjurus pada komuniti Syiah. Akan tetapi satu komuniti yang telah memeluk agama Islam dengan tujuan memporak-perandakan dan menceraai-beraikan umat ini dari dalam.

Apa yang paling nyata dalam kes ini, yang ingin saya sampaikan kepada pembaca adalah Abdullah bin Saba' di mana pembaca telah mengetahui usahanya yang gigih untuk menghancurkan agama Islam dari dalam dengan

segala tipu muslihat yang busuk. Inilah tokoh intelektual pertama yang telah menyebabkan terjadi musibah ke atas pengepungan dan pembunuhan khalifah Uthman dan peperangan Jamal selanjutnya. Mereka menghembuskan tuntutan-tuntutan yang pada hakikatnya hanya untuk menghancurkan Islam.

Saya fikir dalam menerima perkara ini, Ibn Taimiyah sangat mendekati kebenaran dalam kenyataan beliau bahawa: *“Sesungguhnya tujuan perdana dari kalangan Rafidah (Syiah) itu adalah menceraai-beraikan dan memerangi Islam. Pintu-pintu bagi mereka telah dibuka oleh orang-orang Majusi dalam memasuki pintu-pintu wilayah Islam dalam rangka melakukan penyelewengan. Mereka terus mengembangkan sayap ke berbagai wilayah Islam bermula dari Khurasan, Mesir, Syria, Iraq dan wilayah Jazirah Arab yang lain.”*

Pada pandangan saya (penulis), rusuhan untuk menghancurkan Islam dilakukan oleh kaum murtad tersebut dan komuniti Khawarij tentu tidak dapat disamakan dengan Nasrani mahupun Yahudi. Kes yang sarna tidak dapat disamakan dengan kedudukan komuniti Syiah yang berada di Syria mahupun di Iraq. Dengan kata lain, rusuhan itu murni dan dilakukan oleh orang Yahudi dan Parsi sehingga sekarang.

Ha itu dapat dikesan dari keyakinan-keyakinan mereka yang sampai ke peringkat mentuhankan manusia. Sesungguhnya hal yang demikian, tidak terlepas dari tangan Majusi dan Yahudi yang bergerila. Bukan hanya menjelajah wilayah Arab melainkan ke seluruh negara yang dihuni oleh orang Muslimin.

Adalah sangat baik untuk difahami kenyataan sebahagian kaum Syiah seperti berikut: "Mereka memeluk agama Islam tanpa dasar cinta dan ikhlas, sebenarnya hanya ingin membuat rusuhan bagi generasi berikutnya, mengadakan pemberontakan terhadap orang-orang Islam. Ali bin Abi Talib memerangi puak seperti ini dan membuang ke tempat yang jauh terpencil, misalnya tindakan beliau ke atas Abdullah bin Saba', seorang Yahudi yang telah dihalau ke ke Thabath."

Inilah yang menjadi perbezaan antara Syiah dengan *Ahlussunnah*. Hal ini adalah sangat mustahak untuk dibentangkan dalam usaha meletakkan akar permasalahan yang sebenarnya, meskipun antara keduanya sangat sukar untuk dibezakan. Sejarah telah banyak membuktikan di mana banyak golongan yang telah memerangi mereka baik pada zaman lampau mahupun pada zaman sekarang.

Kedua: Kesimpulan dari wacana atau perbincangan pemikiran sebelumnya. Banyak terdapat rujukan yang dipenuhi dengan perkara-perkara yang bersifat kontroversi atau saling bercanggah antara satu sama lain. Anehnya, penyampaian riwayat dan kejadian tersebut dilakukan secara potongan (sepotong-sepotong) dan tidak menyentuh realiti yang sebenarnya. Ini terus dijaga oleh perisik Yahudi dan Majusi dengan segala tipu-daya mereka sehingga amat susah untuk menemui kemurnian dan kesahihan sesuatu kes yang sebenarnya.

Hal yang demikian telah banyak mendapat peringatan-peringatan dan perhatian yang cukup besar, sama ada dari golongan Sunni mahupun Syiah untuk berwaspada ke atas hembusan-hembusan fitnahnya. Dalam konteks ini, saya (penulis) akan menghuraikan dengan serba ringkas kepada

para pembaca.

Kedua-dua komuniti, sama ada Sunni mahupun Syiah telah sepakat dalam meneguhkan pendapatnya, iaitu menjadikan Al-Quran sebagai rujukan asas mereka. Kemudian mereka berbeza dalam hal riwayat dan hadith. Perbezaan ini terlihat dari pendirian, di mana sebahagian Sunni meriwayatkan hadith-hadith dan riwayat-riwayat tentang keutamaan-keutamaan yang dimiliki oleh para sahabat sekali gus peperangan yang telah mereka lakukan.

Namun hal ini tidak diterima oleh golongan Syiah dan menganggap bahawa hal yang demikian sebagai riwayat yang tidak benar kerana terlalu mengagungkan mereka. Sebaliknya, ketika sebahagian Syiah mengemukakan hadith dan riwayat yang serupa, maka pihak Sunni juga tidak menerimanya. Di sinilah titik perbezaan yang tidak boleh dipertemukan antara keduanya.

Apabila kita bersetuju terhadap sesuatu hujah dalam bab ini dengan Al-Quran, hadith yang telah disepakati kedua belah pihak dan kita berupaya untuk melupakan aspek-aspek yang terjadi di belakangnya bermula perbezaan dari segi akidah dan praktik-praktik keagamaan yang lain, maka perbezaan yang menjadi sekatan antara keduanya akan segera bersinar dan pasti menemui perpaduan dari keduanya.

Dengan demikian perbezaan yang berpanjangan dapat segera diakhiri. Inilah penyelesaian yang lebih adil.

Metodologi dan kaedah yang paling benar adalah apa yang pernah dikemukakan oleh seorang pakar hadith terkenal yang bernama Ibn Taimiyah sebagai orang yang sangat

menentang Syiah dan salah satu *Mujtahid* besar Syiah yang bernama Sayyid Muhammad Muhsin Al-Amin.

Ibn Taimiyah berkata: "Penyelesaian yang paling mungkin adalah meninggalkan hujah-hujah dengan riwayat-riwayat yang ditinggalkan oleh Syiah." Kemudian saya (penulis) akan mengemukakan ulasan Sayyid Muhammad Muhsin yang saya terima melalui surat yang berbunyi:

"Adapun ulasan kalian mengenai pendidikan yang diberikan oleh Aisyah harus bersikap semula jadi, maka hal itu merupakan penyelesaian yang terbaik bagi kalian. Ini dapat dilakukan dengan catatan apabila hal yang demikian mungkin untuk dilakukan. Namun, pendapat dan pandangan keagamaan yang menghiasi berbagai rujukan Islam telah bercampur-aduk. Adalah amat susah untuk membezakan dan menapis di antara keduanya kerana yang benar sudah menjadi samar dan bercelaru."

Hal yang demikian telah berlangsung dalam masa yang cukup lama dan berabad-abad. Agama telah dimasuki unsur-unsur politik, agama dijadikan alat sebagai dalil untuk menegaskan kekuasaan, banyak hadith yang sengaja diada-adakan (dipalsukan) hanya untuk menyenangkan para penguasa dan sebagai barang murahan.

Semua ini kadangkala terpaksa dilakukan kerana adanya perasaan takut, mendapat tekanan dari pihak tertentu atau untuk mengukuhkan puak tertentu terlepas dari tujuannya. Demikianlah yang telah terjadi seiring dengan perjalanan zaman dan pusingan waktu.

Ia mencontohkan penindasan dan ketidakupayaan Syiah ketika berdampingan dengan para penguasa Umayyah dan

Abbasiyah yang tidak segan melakukan penindasan dan tekanan terhadap kaum Syiah.

Ia berkata: "Kadangkala para ulama meng*optimalkan* *ijtihad*nya dalam meriwayatkan hadith-hadith, tetapi kebanyakannya tidak mampu bersikap semula jadi. Hal ini, kerana dipengaruhi oleh kefanatikan suatu aliran dan bias-bias permusuhan yang telah menjadi darah daging dalam tubuh mereka. Gejala ini tidak dapat dielakkan oleh ulama terkenal akibat pergaduhan para pendahulunya."

"Barangsiapa yang ingin bersikap berkecuali, maka itu tidak mudah dilakukan kerana banyak persoalan pelik yang telah bercampur-aduk di dalamnya kecuali mendapatkan hidayah murni daripada Allah s.w.t."

"Sesuatu yang tidak mungkin pada pandangan saya adalah mengutamakan suatu puak dengan mengetepikan, bahkan menafikan puak yang lain. Hal itu tidak mungkin dilakukan kecuali kita betul-betul berwawasan luas. Kita mesti mengambil apa yang telah disepakati oleh kedua belah pihak sama ada Sunni mahupun Syiah dan kemudian mengiktiraf kredibiliti keduanya dengan Al-Quran sebagai jalan untuk bertolak ansur."

(Demikianlah ulasan Muhammad Muhsin).

Semoga demikian pula, apa yang telah dipaparkan oleh Ibn Abu Hadid yang pernah memberi ulasan: "Ketahuilah bahawa yang pertama mengadakan pemalsuan terhadap hadith-hadith yang membincangkan keutamaan."

Demikianlah perbincangan pemikiran yang telah diulas oleh Ibn Taimiyah dan Muhammad Muhsin. Ia adalah satu

pemikiran ilmiah yang jelas mengutamakan aspek kebenaran yang hakiki. Pada zaman sekarang, hal yang demikian semakin berlimpah-ruah dan sebenarnya dapat diterokai dengan perkembangan ilmu pengetahuan, kebebasan berpendapat, penghargaan terhadap hak-hak individu dan nilai-nilai kehormatan sebagai manusia.

Inilah yang kemungkinan besar yang akan mengambil peranan dalam memberikan penilaian objektif dan mampu menggugat berbagai pemahaman yang berkembang dan telah terjebak oleh sekatan kefanatikan buta yang tidak pernah diajarkan oleh Islam dan juga oleh kedua belah pihak iaitu mazhab Sunni mahupun Syiah terdahulu.

Kemudian, pemahaman itu mestilah yang digugat merupakan satu tindakan jenayah dalam politik menuju perpaduan umat. Mereka (musuh-musuh Islam) terus berusaha merosak aturan sistem masyarakat, bahkan hingga pada agama. Mereka memecah-belahkan hingga tercerai-berai. Mereka mengisi perjalanan sejarah dengan kecelaruan dan fakta-fakta yang tidak dapat dipertanggungjawabkan. Semoga Allah s.w.t tetap mengasihi Aisyah r.a meskipun sebahagian orang Muslimin belum dapat melepaskan kesan kesnya hingga saat ini.

%%%%%%%%%



## **PENUTUP DAN KESIMPULAN**

**S**ekarang, saya (penulis) telah berjaya menghantar para pembaca kepada akhir kisah mengenai Aisyah sama ada yang berkaitan dengan kerjaya politiknya mahupun pengaruh-pengaruh lain yang telah menghiasi aktiviti seharian umat Islam.

Tidak salah apabila kami menyarankan kepada pembaca untuk mencurahkan perhatian ketika membaca sejarah terhadap makna kukuhnya dengan mengambil mana-mana bahagian yang terbaik untuk dijadikan teladan dan yang buruk hendaknya dijadikan sempadan.

Pembaca haruslah berwaspada sama ada terhadap diri sendiri mahupun orang lain dari aspek-aspek positif dan negatif dalam mengharungi sejarah itu lebih-lebih lagi ketika kita ingat kembali terhadap darah 10,000 yang telah tumpah dengan sia-sia.

Kami akan mengakhiri tulisan ini dengan dua perkara penting sebagai kesimpulan yang tentunya diharapkan akan dapat menyelamatkan kita dari pemahaman-pemahaman yang telah dikemukakan dengan cuai sebelumnya. Selain hal tersebut, semoga ia dapat menunjukkan jalan terhadap kesesatan-kesesatan yang telah kita lalui dengan kezaliman selama ini.

Adapun kedua perkara penting tersebut adalah:

Pertama: Sesungguhnya seorang wanita tidak diciptakan untuk memasuki bidang politik. Bagaimanapun pada dasarnya ia juga mempunyai kemampuan untuk memberikan saranan dan pandangan di tengah pertentangan politik itu sendiri. Ia tidak diciptakan untuk turut serta dalam sebarang pertentangan, rusuhan dan fitnah yang lain, namun ia mempunyai kunci dalam membuka pengaruhnya dan memberikan penyelesaian terhadap rakyat meskipun harus berjuang di tengah-tengah kebesaran mereka.

Kami telah menjelaskan sebelumnya kepada pembaca bahawa pemahaman dan pemikiran yang berkesan selama ini adalah hal yang tidak benar dimana disebutkan seandainya tidak terjadi *inisiatif* lebih lanjut dari Aisyah tentang kes yang telah menimpa Uthman dan kemudian menuntut darahnya, nescaya tidak ada perubahan mengejut dalam lembaran sejarah kita.

Sejarah kita pasti akan berjalan dengan penuh aman, tenteram dan penuh dengan keberkatan. Kawasan-kawasan Islam akan terlindung dan terus dipayungi oleh kebaikan-kebaikan.

Seperti Allah s.w.t telah mentakdirkan wanita hanya untuk mengembangkan keturunan, mendidik keluarga dan menjaga rumah. Sesungguhnya anggapan sedemikian ini hanyalah bertujuan untuk memandulkan kemajuan umat Islam. Mengapa demikian? Kerana dengan kes yang telah ditimbulkan oleh Aisyah tersebut, maka wanita seakan-akan menjadi penyebab tumpahnya darah dan gugurnya ribuan para sahabat sama ada dari puak Muhajirin mahupun dari kaum Ansar, para tokoh masyarakat,

cerdekiawan, pakar hukum dan para penghafal Al-Quran. Hendaknya dimaklumkan bahawa jika ada persoalan yang seharusnya ditangani oleh kaum lelaki, tetapi ianya boleh ditangani oleh wanita, maka hal itu tidak salah untuk dilaksanakan olehnya. Contohnya Aisyah, beliau adalah *figur* wanita yang telah mampu melakukan hal itu dengan segala kemampuan, intelektual, pengaruh, kebaikan yang dia miliki di mana hal ini ketika itu tidak mampu dilakukan oleh kaum lelaki. Sesungguhnya Allah s.w.t telah memberikan anugerah yang besar terhadap wanita ini.

Perang Jamal telah menyebarkan sinar-sinarnya dalam ruangan sejarah umat Islam. Ketika terjadi guncangan fitnah di dalam komuniti umat Islam, mereka berupaya untuk melepaskan perkaitannya terhadap komuniti lain atau kernbalinya embun kepada sarangnya. Kemudian mereka memindahkan kedudukan wanita yang asalnya sebagai *figur* pelindung menuju wilayah yang menjadi tempat pakaian pekerjaan.

Mereka memberikan ruang untuk memasuki sebuah medan aktiviti bersama-sama dengan wanita. Fenomena itu terus berkibar dalam lembaran sejarah umat Islam. Tentu ini sebagai langkah agar kita tidak lagi mengetepikan peranan wanita atau menumpahkan darah baru dan merobohkan bangunan rumah yang selalu ditujukan pada wanita seperti yang selama ini menyudutkan kedudukan Aisyah sebagai wanita yang aktif dalam medan perang.

Dari pemahaman itu, dapat disimpulkan bahawa dengan kecerdikan yang dimiliki oleh seorang wanita, dia dapat melakukan hal-hal yang bersifat alternatif, selain tugas rutinnya seperti menjaga anak dan mengemas rumah atau memasak. Ia mampu melakukan hal itu dengan penuh

kebaikan dan kasih-sayang. Inilah aspek positif yang menjadi kunci untuk membuka pintu kebuntuan. Dengan kemampuannya pula, wanita dapat menangani persoalan-persoalan besar yang akan membuktikan kepada kaumnya bahawa seorang wanita tidak seperti anggapan kaum lelaki selama ini yang cenderung meremehkan mereka dengan segala kelebihan yang dimiliki oleh kaum Adam.

Di hadapannya, seorang wanita mempunyai dua peranan iaitu pertama mengubati dan yang kedua adalah meringankan beban putera-puterinya bermula dengan menyediakan ubat, makanan dan memberikan pakaian. Di dalam komuniti kita sekarang ini, banyak sekali pertubuhan wanita yang telah bergerak di berbagai bidang seperti di hospital dan rumah-rumah kebajikan.

Di hadapannya terhampar perjuangan dalam mencerdaskan putera-puterinya sehingga mereka tidak hanya bergantung pada lelaki sebagai suatu keseimbangan. Anehnya, hingga saat ini belum ada satu institusi pendidikan yang dikendalikan oleh kaum Hawa ini dengan baik. Di sanalah tugas seorang wanita untuk mendidik anak yatim dan menumbuhkan mereka dengan nilai-nilai kerakyatan dan terarah dalam mewujudkan pendirian kaum wanita secara umum.

Golongan wanita yang telah mempunyai kemampuan, bertanggungjawab untuk merealisasikan apa yang diperlukan oleh kaumnya sendiri lebih-lebih lagi anak-anak. Di sanalah kesempurnaan yang dimiliki hendaknya diterapkan dalam mengurangkan kesukaran-kesukaran yang selama ini menghalang mereka bermula dari mengubati penyakit mata, gigi, penyakit dalaman dan urusan kebidanan yang sememangnya khas bagi kaum

haiwa.

Peranan ini, sememangnya menjadi tugas mereka selagi mereka tidak melampaui batas dalam peranannya seperti terbabit dalam judi, arak dan kelakuan tidak bermoral yang cenderung merosak nilai-nilai baik dalam masyarakat seperti yang telah menimpa wanita Barat dan juga sebahagian negara Timur.

Sesungguhnya kita mesti bersyukur kepada Allah s.w.t kerana telah memberikan keutamaan dan kelebihan dalam diri wanita Muslimah yang tidak pernah suram namanya. In kecuali pandangan negatif yang ditujukan kepada sesetengah manusia yang dengan aspek rusuhan dan kekalutan tanpa berfikir panjang sama ada pandangannya itu betul atau sebaliknya. Seperti mana satu anggapan yang mengatakan bahawa wanita itu kelak akan meninggalkan rumah dan mewakilkannya kepada para pembantu.

Golongan wanita itu akan mencapai tujuannya dengan penuh risiko dan terdedah kepada berbagai mudharat seperti menambah beban keadaan, mendatangkan bencana, menimbulkan fitnah dan sebagainya. Hal yang seperti ini pernah dipetik oleh Ibn Jarir yang mengingatkan petua kepada Farazdak yang berbunyi: "Jika kamu menghalalkan rumah suatu kaum, maka berpindah kepada suatu wilayah kehinaan"

Mereka telah mengambil iktibar dari sikap wanita yang selama ini mampu berdebat dengan kaum lelaki tentang peranan-peranan yang telah mereka lakukan. Tidak sedikit dari mereka yang kedudukannya jatuh hanya kerana bermain-main dan tidak serius. Mereka banyak yang mewariskan dan mendatangkan kemudharatan kepada

anaknya.

Namun, jika kami memetik hikmah dari suatu kejadian yang berkaitan dengan *figur* wanita, maka bolehlah dibezakan dan ditapis manakah *figur* wanita yang patut dijadikan contoh dan teladan.

Dalam catatan sejarah umat manusia, terdapat banyak kebaikan pada diri wanita yang boleh dijadikan dasar pemikiran dan contoh teladan.

Lebih jauh, semua urusan rumah tangga yang berkaitan dengan mendidik anak, menjaga dan mengasuhnya, menjaga harta suami, memastikan anak menjadi manusia soleh yang berguna pada agama, bangsa dan negara bahkan membentuk peribadi pemimpin yang amanah, dedikasi, bertaqwa adalah tanggungjawab utama bagi kaum hawa.

Bagaimanapun sebarang kerjaya di luar rumah, maka ianya dapat dilakukan oleh kaum wanita bersama-sama dengan lelaki dengan catatan satu iaitu ia telah menyelesaikan dan mengutamakan urusan rumahtangga dan keluarganya, sedangkan selepasnya adalah disifatkan sebagai suatu perbuatan sunnah.

Ini bukan bererti saya mengatakan bahawa wanita tidak boleh memegang peranan dalam kerjaya politik dan sebagainya. Ia tetap dapat melakukan hal tersebut selagi tidak mengetepikan peranan utamanya sesuai dengan apa yang diajarkan oleh agama Islam. Ia tidak boleh mengetepikan ajaran-ajaran yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t kepadanya di dalam kewanitaannya sebagai bentuk kemuliaan tersendiri yang mesti dijaga oleh wanita

itu sendiri.

Apabila ia telah keluar dari garis panduan asal, maka hal itu akan menjadi api dalam sekam bagi dirinya dan juga masyarakat.

Jika seorang wanita tidak mampu menjaga ajaran agamanya, maka dia telah melakukan keburukan dan khianat kepada keluarga yang sememangnya menjadi tanggungjawabnya. Dengan penuh keyakinan saya percaya bahawa mereka tetap diminta pertanggungjawabannya kepada tugas-tugasnya sekiranya cuai dan mengetepikan tugas-tugas kewanitaannya tersebut.

Kedua: Aspek-aspek yang telah menghasilkan perbezaan. Sepertimana maklum bahawa keadaan umat Islam pada mulanya sangat menakjubkan di mana mereka menghiasi diri mereka dengan perbuatan yang telah diredhai oleh Tuhannya dalam Islam. Sama ada lelaki mahupun wanita bersama-sama memberi maklum balas dan mentaati apa-apa yang telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w dengan berbuat baik dan sebagainya.

Mereka menikmati segala bentuk kebahagiaan bermula dari keadilan dan keamanan sehinggalah kemakmuran yang jika dikaji jauh berbeza dari kondisi 20 tahun sebelumnya, di mana sebahagian kelompok memakan kelompok yang lain bahkan yang kuat akan menindas yang lemah.

Namun setelah kewafatan Nabi Muhammad s.a.w, keadaan asal yang begitu menakjubkan sedikit demi sedikit mengalami penurunan sebagai akibat dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh tangan-tangan yang jahat

dan benci akan kejayaan Islam tanpa mereka sedari. Persoalan ini berlanjutan sehinggalah puncak kepimpinan dipegang oleh Khalifah Ali r.a. dan kemudian orang Islam kembali terjebak dan terperangkap dalam jerat yang dipasang oleh orang-orang Rom.

Perangkap itu dipasang dengan cara menghembuskan berbagai bentuk perselisihan dan perbezaan pendapat di antara umat Islam sendiri yang akhirnya tanpa disedari bahawa hal itu untuk memecera-beraikan mereka.

Para ahli sejarah mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w sendiri bimbangkan hal yang seperti itu akan menimpa umatnya. Baginda pernah bersabda yang bermaksud:

*"Aku pernah memohon tiga perkara kepada Allah s.w.t yang Dia memberikan dua permohonan itu dan menolak yang satunya iaitu, aku memohon untuk umatku agar tidak merosak As-Sunnah dan tenggelam dalam kehidupan (kemewahan). Kedua hal itu diberikan oleh Allah s.w.t. Namun ketika aku memohon agar dijauhkan dari perbalahan sesama mereka, maka Allah s.w.t menolaknya. Semoga nanti Allah s.w.t mengadili perbuatan-perbuatan mereka."*

Seperti yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar bin Ash bahawa Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud:

*"Jika dinding Parsi dan Rom sudah dibuka untuk kalian, di manakah kalian tinggal?"*

Abdurrahman bin Auf menjawab: "Terserah kepada



perintah Allah s.w.t.” Nabi s.a.w menjawab: “Janganlah begitu, tetapi berpecahlah (menyebarlah) kalian seperti para Muhajirin yang telah menghuni berbagai negeri dan saling menjaga antara satu sama lain.” Demikianlah kandungan hadith Nabi s.a.w tersebut.

Kekuasaan Khalifah dan perbezaan telah berlalu dengan segala nilai yang terkandung di dalamnya sama ada positif mahupun Negatif. Sekarang hanyalah tinggal kenangan sejarah. Tidak perlulah kita memanjangkan perbezaan dan perselisihan itu. Tetapi hendaknya sekarang kita mengeratkan tali ukhuwah dan persaudaraan Islam di antara sesamanya.

Apa yang terpenting sekarang adalah tidak perlu memberikan status siapakah di antara mereka yang Mukmin dan siapakah pula di antara mereka yang kafir? Siapa dari mereka yang patut dipuji dan dicela? Tidak perlu ada lagi puak tertentu dengan pengunggulan kelas atau puak tertentu seperti orang Iraq menjadi kelompok istimewa di kawasan Barat dan orang Cina yang terbaik di kalangan orang Timur. Sudah tidak ada lagi sempadan-sempadan yang memisahkan status mereka, kerana mereka sebenarnya berada dalam naungan yang satu iaitu panji-panji Islam.

Sekarang marilah kita mencintai orang terdahulu dan memaafkan kesalahan mereka dan kesalahan kita sendiri. Kita semestinya berterima kasih kepada mereka, kerana merekalah yang telah bercucuran peluh di dalam memperjuangkan agama Islam dengan harta dan jiwa. Ini sebagai membalas budi kepada orang terdahulu yang telah berkhidmat dalam membesarkan agama Islam. Mereka dalam perbalahan sesama Islamnya, pasti tanpa adanya

rasa dendam, tetapi penuh dengan cinta dan kasih-sayang meskipun harus saling bertempur mengadu kekuatan.

Semoga perbezaan tersebut menjadi iktibar bagi kita di dalam menerima aspek-aspek negatif yang membayangi besar dan kecilnya persoalan yang kita hadapi sebagai umat Islam. Semoga diri kita, negara kita dan anak cucu kita dapat menjauhi aspek-aspek negatif tersebut.

Kuala Lumpur 30 September 2003

- Penterjemah adalah Mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Diterjemahkan dari kitab ***"Aisyah wa Siyasah,"*** karya **Said Jamaluddin Al-Afghani**, cet.II/1971, **DAR AL-FIKR, BEIRUT-LIBANON.**

## INDEKS: KARYA SA'ID AL-AFGHANI

BIL	NAMA	PENERBIT	C./THN
1.	Aswakh Al-Arab fi Al-Jahiliyah wa Al-Islam	Darul fikri/ Damaskus	II/1965
2.	Ibn Hazm Al-Andalusi wa Risalah fi Mafadilah bain As-Sahabah	Darul fikri/ Beirut	II/1970
3.	Al-Islam wa Al-Mar'ah	Darul fikri/ Beirut	II/1970
4.	A'isyah wa Siyasah	Darul fikri/ Beirut	II/1971
5.	Fi Ushul An-Nahwi	Darul fikri/ Beirut	IV/1971
6.	Nadharat fi Lughah `Inda Ibn Hazm	Darul fikri/ Beirut	II/1970
7.	Muzakirat fi Qawa'id	Darul fikri/ Beirut	III/1971
8.	Al-Mujiz fi Qawai'd Al-Lughah Al-Arabiah	Darul fikri/ Beirut	III/1971
9.	Ta'aliq ala Syawahid Al-Mujiz Min Al-Tarikh An-Nahwi	Darul fikri/ Beirut	II/1971
10.	Hal fi An-Nahwi Mazhab Al-Andalusia	Darul fikri/ Beirut	II/1971
11.	Al-Ijabah li Al-'Irada Ma Istadrakah	Ma'had Dirasat Islamiyyah fi Madrid	1959

- |     |  |                              |         |
|-----|--|------------------------------|---------|
| 12. | Aisyah Ala<br>As-Sahabah                                       | Al-Maktabah<br>Islami Beirut | II/1970 |
| 13. | Fil Mafadil bain As-<br>Sahabah Li Al-Iman<br>Ibn Hazm         | Darul fikri/<br>Beirut       | II/1970 |
| 14. | Sirr An-Nubula li<br>Az-Zahabi                                 | Darul fikri/<br>Beirut       | II/1970 |
| 15. | Tarikh Dariyyah li<br>Al-Qadhi Khula'l                         | Majma' ilmi/<br>Damaskus     | II/1971 |
| 16. | Al-Iqrah fi Jadh Al-l'rah<br>Li Al-Anbari                      | Darul fikri/<br>Beirut       | II/1971 |
| 17. | Lum' Al-Adillah li<br>Al-Anbari                                | Darul fikri/<br>Beirut       | II/1971 |
| 18. | Taujih Al-Abyat<br>Al-Musykilat                                |                              |         |
| 19. | l'rah Li Al-Firaq  | Jam' iyyah<br>Suriah         | 1957    |
| 20. | Ibtal Al-Qiyas wa Ar-<br>Ra'y wa Al-Istihsan li<br>Ibn Al-Hazm | Darul fikri/<br>Beirut       | II/1969 |

## RUJUKAN

A.

1. Akhbar Al-Dharafi wa Al-Mutamajinina
2. Akhbar An-Nisa'
3. Al-'Aqd Al-Farid
4. Al-'Awashim min Al-Qawashim
5. Al-Aghani
6. Al-Akhbaru Thawal
7. Al-Amali (Li Al-Qali)
8. Al-Amali (Li Al-Yazidi)
9. Al-Amwal Li Ibn Salam
10. Al-Anshab Al-Asyraf
11. Al-Anwar Alwiyah wa Al-Ashr Al-Murtadhawiyyah
12. Al-Bad'wa Tarikh Al-Ya`kubi
13. Al-Bayan wa Tabyin
14. Al-Fa`iq
15. Al-Fahrasat Fis Sajalat (Li Al-Ibn Nadhim)
16. Al-Farqu Bain Al-Firaq
17. Al-Fashih (Li Al-Ibn Tha`labah)
18. Al-Fashl Bain Al-Fishalm (Li Al-Ibn Hazim)
19. Al-I`lam Bi Taubih Liman Dzamma Tarikhi
20. Al-Ihtijah Li Al-Thabarsyi
21. Al-Ijabahli Iradima Istadrahathu Aisyah Ala Shabah
22. Al-Imamah Wa Al-Siyasah
23. Al-Imta`wa Mu`anasah
24. Al-Intishar
25. Al-Isabah Fi Tamyiz Al-Shahabah
26. Al-Islam Shahih

27. Al-Islam Wa Al-Mar`ah
28. Al-Isti`ab
29. Al-Itqan
30. Al-Jami` Al-Shahih (Li Al-Bukhari)
31. Al-Kafi Li Al-Kulaini
32. Al-Kamil Li Al-Iman Mubarrad
33. Al-Ma`arif (Li Al-Qutaibah)
34. Al-Maraqi Fi Al-Mazahi
35. Al-Muntadzam
36. Al-Mustadrak Al-Hakim
37. Al-Qamus Al-Muhith
38. Al-Qur`an Al-Karim
39. Ar-Riyadh Al-Nadzarat
40. As-Siyar Al-Halbiah
41. As-Syamt At-Thamin
42. At-Tabshir Fi Ad-Din
43. At-Tahdzib Tarikh Al-Ibn `Asakir
44. At-Tahmid Wa Al-Bayan Fi Maqt As-Syahid Uthman
45. Az-Zabab
46. Amali Al-Murtadha
47. Arba`in Fi Manaqib Ummahat Al-Mukminin
48. Asas Al-Balaghah
49. Aswaq Al-`Arab Fi Jahiliyah Wal Al-Islam

B.

50. Badai` Al-Fawaid
51. Baghiyah Al-Wiati
52. Balaghah An-Nisa'

D.

53. Dala` Al-Khairat

F.

54. Fajr Al-Islam

- 55. Fakhr Ahl Kufah `Ala Basrah
- 56. Futuh Al-Baldan

G.

- 57. Gharib Al-Hadith (Ibn Qutaibah)

I.

- 53. Ibn Hazm Al-Andalusi Wa Fi Shalatih Fi Fadhilah Bain As-Shahabah

J.

- 59. Jam` Al-Jawahir Al-Fi Al-Milhi Wa An-Nawadzir
- 60. Jamharah Al-Khatib Ar-Arabi
- 61. Jamharah Ar-Rasa`il Al-Arabi

K.

- 62. Kitab Baldan Li Al-Iman Hamdani
- 63. Kitab Funun Li Al-Ibn `Aqil
- 64. Kitab Jamali
- 65. Kitab Tambih
- 66. Kitab Wa Masr Al-`Aisyah Wa Ali

M.

- 67. Ma Thalib Syuli Fi Manaqib Aali Ar-Rasuli
- 68. Mahasin Mujtami`ah Fi Khulafa` Al-Arba`ah
- 69. Majalah Ar-Risalah
- 70. Majalah Majma` Ilmi Arabi, Damaskus
- 71. Majalah Mukhtar
- 72. Majmu`at Al-Amthal
- 73. Majmu`at Al-Bayan
- 74. Majmu`at Al-Mutun
- 75. Maqatil At-Thalibin
- 76. Matn As-Sanusiah
- 77. Matn As-Syaibaniyah

78. Miftah Al-Afkar
79. Miftah Jinan
80. Minhaj As-Sunnah
81. Mu`asat Al-Farinsa (uu. Perancis/The Code Panel Of France)
82. Mu`tajam Al-Buldan
83. Mukhtar At-Tuhfah Ithna `Asyariyyah (Li Al-Alusi)
84. Muqaddimah Fi Ushul At-Tafsir
85. Muruj Az-Dzahab
86. Musnad Anu Daud
87. Musnad Ahmad
88. Nahj Al-Balaghah

R.

89. Radd Al-Ma`ani
90. Raudah Al-Muhibbin
91. Raudah Al-Munadir Fi Akhbar Al-Awa`il Wa Al-Akhir
92. Riyadh As-Solihin

S.

93. Sahih Al-Bukhari
94. Sahih Al-Muslim
95. Sahih At-Tirmizi
96. Siyar A`lamal-Nubula
97. Syafar As-Sa`adat Li Al-Syakrawi
98. Syarah Adab Khatib Li Al-Jawaliqi
99. Syarah Diwan Jarir
100. Syarah Nahj Al-Balaghah (Li Al-Ibn Abi Hadid)
101. Syarah Syawahid Mughni
102. Syarah Zula`il Wa Matn Al-Kanz

T.

103. Taisirul Wusul
104. Takwil Al-Mukhtalif Ahadith



- 105. Tarikh Al-Ya`kubi
- 106. Tarikh Al-Damsyiq (Li Al-Ibn `Asakir)
- 107. Tarikh Ad-Daulah Fathimiyyah
- 108. Tarikh Al-Ibn `Asakir
- 109. Tarikh Al-Islam Wa Khulafa` Ar-Rashidin (Li An-Najjar)
- 110. Tarikh Al-Khulafa` (Li As-Suyuthi)
- 111. Tarikh Al-Quddatul Andalusi (Lin Nabahi)
- 112. Tarikh At-Thabari
- 113. Tarikh Al-Umam Al-Islamiyyah Li Al-Hadhari
- 114. Thabaqat Al-Kubra (Li Al-Ibn Sa`id)


U

- 115. Usud Al-Ghabbah
- 116. Uyun Al-Akhbar

Z

- 117. Zuhrat Al-Adabi

## AYAT KURSI



"Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya)"

(Surah Al Baqarah: 255)

اللَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبَدُّوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ  
 أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ  
 مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٨٤﴾ ءَاَمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ  
 إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ ءَاَمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَيْكِهِ وَكُتُبِهِ  
 وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا  
 وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٣٨٥﴾ لَا يُكَلِّفُ  
 اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ  
 رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ  
 عَلَيْنَا أَصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا  
 تُحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا  
 أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٣٨٦﴾

“Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi  
 adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu  
 melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau  
 kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan  
 menghitung dan menyatakannya kepada kamu.  
 Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang  
 dikehendakiNya dan menyiksa sesiapa yang  
 dikehendakiNya (menurut undang-undang  
 peraturanNya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa  
 atas tiap-tiap sesuatu. Rasulullah telah beriman  
 kepada apa yang diturunkan kepadanya dari  
 Tuhannya dan juga orang-orang yang beriman;  
 semuanya beriman kepada Allah, Malaikat-

malaikatNya, Kitab-kitabNya dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulNya." Mereka berkata lagi: "Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami dan kepadaMu jualah tempat kembali." Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami. Oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir."

(Surah Al-Baqarah: 2: 284-286)

